

Ketuanan Islam & Pertuanan Raja Raja Melayu

Lintasan Sejarah Perkembangan
Gagasan Melayu Islam Beraja

(Tun) Suzana (Tun) Hj Othman



Mengembalikan Maruah, Semangat dan
Kedaulatan Umat Melayu

KETUANAN ISLAM DAN PERTUANAN RAJA-RAJA MELAYU

**Lintasan Sejarah Perkembangan
Gagasan Melayu Islam Beraja**

*Mengembalikan Maruah, Semangat Dan
Kedaulatan Umat Melayu*

Judul :

Ketuanan Islam dan Pertuanan Raja-Raja Melayu

Judul Kecil :

Lintasan Sejarah Perkembangan Gagasan Melayu Islam Beraja

Hiasan Kulit :

(Tun) Abdul Rahman (Tun) Abdul Razak

© Hakcipta terpelihara oleh

Diterbitkan oleh :

© Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, jadual dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak penerbit terlebih dahulu.

Cetakan Pertama 2008

ISBN 983-3020-13-3

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ketuanan Islam dan pertuanan raja-raja Melayu : lintasan sejarah perkembangan gagasan Melayu Islam beraja / susunan Tun Suzana Tun Hj Othman. Bibliografi: ms. 315
ISBN 978-983-3020-13-3

1. Muhammad, Prophet, d. 632--Family--History. 2. Malays--Kings and rulers--History. 3. Malaysia--Kings and rulers--History. I. Tun Suzana Tun Othman, 1965-, 297.64

Dicetak oleh :

Percetakan Zafar Sdn Bhd (97878-H)
Lot 18 & 20, Jalan 4/10B, Spring Crest Industrial Park, Batu caves,
68100, Tel:03-61875725 Fax: 03-61875823

**KETUANAN ISLAM DAN PERTUANAN
RAJA-RAJA MELAYU;
Lintasan Sejarah Perkembangan Gagasan Melayu Islam Beraja**

<u>TOPIK</u>	<u>Ms</u>
Prakata	6
 Bahagian Pertama: <u>Islam dan Kemanusiaan</u>	
1. Tuhan Maha Pencipta	12
2. Islam Sebagai Agama Hakikat	27
3. Islam Dan Kemanusiaan Masakini	39
 Bahagian Kedua: <u>Kepimpinan Tradisional Ummah & Kemudaran Sistem Sekular</u>	
4. Peranan Khalifah Rasulullah	49
5. Institusi Raja-Raja Islam	60
6. Sistem Sekular : Sumpahan Untuk Ummah di Zaman Fitnah	72
7. Dunia di Penghujung Era Mulkan Jabbariyyan?	98
8. Puisi : Insaflah Umat Islam	112
 Bahagian Ketiga: <u>Mengembalikan Ketuanan Islam Dengan Memperkasakan Ummah</u>	
9. Peranan Ulamak & Umarak Dalam Pemerintahan Islam	119

<u>TOPIK</u>	<u>Ms</u>
10. Peranan Individu & Jemaah	126
11. Membentuk Inisiatif-Inisiatif Gerakan Islam &	142
12. Satu seruan: “ <i>Keluarkan sifat Yahudi dari hatimu</i> ” & Doa Kemenangan	146

Bahagian Keempat:
Lintasan Sejarah Dunia Melayu

13. Berbangsa Fitrah Manusia	159
14. Mengenal Ciri Melayu & Kemelayuan Dari Perspektif Tradisional	165
15. Lintasan Sejarah Perkembangan Islam di Alam Melayu dan Natijahnya... ..	173
16. Keluhuran Peradatan dan Peradaban Melayu Tradisional	185

Bahagian Kelima:
Pertuanan Raja-Raja Melayu

17. Sultan Melayu Nusantara; Pewaris Khulafa’ Rasulullah ...	207
18. Adat Raja-Raja Melayu	218

Bahagian Keenam:
**Peranan dan Pengaruh Ahlul-Bait Rasulullah SAW
Dalam Kesultanan Melayu**

19. Peranan Ahlul-Bait Rasulullah SAW Dalam Pemerintahan Islam Di Nusantara	233
20. Peranan Ahlul-Bait Rasulullah SAW Terhadap Perkembangan Tamaddun Melayu Nusantara	267

TOPIK**Ms**

Bahagian Ketujuh:

Coretan-Coretan Pengarang

21.	Syair Rintihan Raja Melayu	304
22.	Sayang-Sayang Jangan Sampai Naik Tocang	311
23.	Kesultanan Brunei Darussalam: Contoh Kesultanan Melayu Yang Masih Berhakikat	327
	Bibliografi...	337
	Biodata Pengarang	339

Prakata

Puji-pujian hanyalah milik Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan semesta 'alam. Salawat dan salam ke atas junjungan mulia Rasulullah SAW beserta ahlul-bait dan sahabat baginda sekalian.

'Di mana raja di situ kerajaan', begitulah ungkapan orang lama-lama kita. Tepat sekali kenyataan ini jika dikaitkan dengan pensejarahan Bangsa Melayu.

Hakikatnya sejarah Bangsa Melayu dengan akar umbinya yang panjang jelas merujuk kepada Institusi Beraja sebagai corak pemerintahan yang amat sehati, kental dan serasi kepada masyarakat tradisi Nusantara. Raja dan kerajaan dianggap suatu konsep yang sinonim, di mana ada raja, di situ letaknya negeri. Raja dan kerajaan adalah segala-galanya dalam kehidupan masyarakat Nusantara, lebar luasnya kerajaan baginda tidak menjadi soal.

Fitrah masyarakat tradisi Nusantara adalah berpayung di bawah Institusi Beraja. Raja-raja menjadi pusat dan paksi tumpuan, junjungan, khidmat setia dan sedia, muafakat, perlindungan dan pertahanan bangsa. Kata raja adalah undang-undang, hukuman raja adalah muktamad, daulat raja mendaulatkan rakyat.

Ungkapan lama menyebut : *'Rakyat adalah mengikuti agama rajanya'*, maka benarlah kenyataan ini, kerana kebanyakan raja-raja dahulu kala merupakan mubaligh atau dai'ee nombor satu, yang tersohor dan teraula, kerana dengan anutan Islamnya, maka berbondong-bondong rakyat jelata menganut Islam sama sebagai mentaati titah raja. Itulah hakikat sejarah perkembangan dan penyebaran Islam di rantau ini sehingga menerbitkan daulah-daulah Islamiyyah, iaitu kesultanan-kesultanan seNusantara yang beridentiti unik mengikut ukuran fitrah dan kejiwaan bangsa Melayu, yang pada hari ini mulai dikenali dengan gagasan MELAYU ISLAM BERAJA¹.

Sejarah bangsa kita yang berumur lebih 600 tahun telah menuding kepada Institusi Raja-Raja Melayu sebagai wadah yang bertanggungjawab melahirkan identiti, jatidiri dan tamaddun Melayu-

¹ Falsafah Melayu Islam Beraja merupakan falsafah kenegaraan Kesultanan Brunei Darussalam yang diisytiharkan pada 2hb Januari 1984, iaitu tarikh kemerdekaannya dari penjajahan British. Namun hakikatnya, doktrin yang dipegang oleh Kesultanan Brunei itu merupakan corak kehidupan yang telah bersehati dengan kebanyakan kesultanan Nusantara sejak zaman berzaman, iaitu disebut sebagai corak pemerintahan tradisi bangsa beraja di rantau ini. Cuma selama ini konsep tersebut tidak diberikan nama sebagaimana falsafah-falsafah kenegaraan yang lain seperti demokrasi, sosialisme, komunisme, fasisme dan sebagainya

Islam yang murni. Institusi Raja-Raja Melayu telah menabur jasa sebagai punca pengislaman Bangsa Melayu secara besar-besaran, menjadi punca terdidiknya Bangsa Melayu kepada ilmu-ilmu agama yang luhur, adat dan budaya yang halus dan tinggi, serta meletakkan hukum ADAT (Adat yang bersendikan syarak) dan SYARIAT sebagai dasar pemerintahan negeri.

Ringkasnya, ketuanan Raja-Raja Melayu tradisional pernah mendaulat serta mempertuankan Agama Islam, mendokong adat-adat yang luhur sehingga Bangsa Melayu menempuh zaman emasnya serta menjadi sumber inspirasi, kekuatan, semangat dan kedaulatan bangsa dan agama.

Malangnya fakta-fakta sejarah juga telah menuding kepada Raja-Raja Melayu yang belakangan, bukan yang *awallun*, dan bukan pula institusi yang merangkumnya, sebagai punca yang kemudiannya gagal mempertahankan peranan tradisi leluhur mereka, menyebabkan Institusi Raja-Raja Melayu yang sakaral itu kehilangan HAKIKAT. Terkosongnya hakikat dari zahir Institusi Raja-Raja Melayu telah mendedahkan Bangsa Melayu kepada unsur-unsur pengkhianatan dari dalam dan kemudiannya serangan musuh-musuh luaran sehingga menjadi pincang.

Natijahnya, lahirlah sistem bukan fitrah pada bangsa kita, yakni sistem SEKULAR yang memisahkan agama dan meminggirkan adat dalam segala urusan kehidupan manusia, dipaksakan dalam tempuh penjajahan British bermula akhir abad ke 19 Masihi.

Sistem ini telah cuba dihalang dengan kudrat tenaga, darah, keringat dan airmata oleh nenek moyang kita, namun gagal. Dan sistem yang bersifat syirik ini, atas cirinya yang 'mentuhankan' selain Allah SWT, pada hari ini telah menjurus bangsa Melayu pada ancaman pelupusan identiti, jatidiri serta akidah yang amat tenat.

Maka sebagai tonggak sebenar bangsa dan agama, sebagai payung dan tombak Allah SWT di mukabumi ini, sebagai pewaris kepada suatu institusi Melayu yang paling lama, paling berharga dan paling penting, Raja-Raja Melayu hari ini jugalah yang diharapkan oleh sekalian umat Melayu untuk bertanggungjawab mengembalikan semula Bangsa Melayu pada pundaknya, pada kedaulatannya.

Apa yang perlu dibuat ialah mengukuhkan semula agenda MELAYU ISLAM BERAJA dan menyesuaikan pada realiti masakini dalam batasan yang diharuskan syarak.

Dalam perjuangan memantapkan semula gagasan MELAYU ISLAM BERAJA, matlamat Menang-Kalah janganlah dijadikan ukuran kejayaan kita, Benar-Salah itulah yang harus diperjuangkan mengikut kaedah yang dibataskan agama, insyaAllah kemenangan di sisi Allah itulah yang menjadi dorongan kita.

Hakikatnya Bangsa Melayu hari ini berada dalam suatu persimpangan. Kita boleh memilih samada untuk terus membuat kesilapan demi kesilapan yang akan membinasakan terus bangsa dan agama kita; atau mengambil iktibar dari peristiwa-peristiwa sejarah nenek moyang kita yang sebenarnya sarat dengan kisah-kisah teladan dan pedoman dalam ikhtiar untuk memperbetulkan kembali 'rumah tangga' bangsa kita.

Dan dalam apa jua ikhtiar kita mencari formula yang diharap dapat memulihkan kembali kedaulatan Bangsa Melayu yang kini sedang menghadapi krisis identiti, maruah dan akidah yang begitu tenat, janganlah kita lupa akan dua hakikat ini, iaitu;

Pertama:

Bahawa sistem politik demokrasi-sekular-liberalisme yang kita pegang hari ini bukan pewaris Rasulullah SAW dalam urusan pemerintahan umat Islam sebagaimana pemerintahan khilafah dan kesultanan. Walau pihak manapun yang mendokong sistem ini, penaungnya bukan Allah SWT, tetapi adalah yang lain selain daripadanya. Sejarah pemerintahan umat Islam di mana-mana pun dalam dunia ini rata-rata telah menemui kegagalan dengan sistem demokrasi-sekular ini.

Walaupun dalam zaman sekarang Khalifah Islamiyyah sudah tidak wujud lagi yang menyebabkan semua umat Islam berdosa kerananya (kerana perlantikan Khalifah hukumnya Fardhu Kifayah), namun kita tidak boleh jadikannya alasan untuk tidak berusaha mengembalikan warisan Rasulullah SAW setakat kemampuan kita. **Apatah lagi kita masih mempunyai legasi warisan pemerintahan Raja-Raja Islam sebagai sub-sistem atau unit-unit dari rangkaian Khalifah Islamiyyah semenjak turun temurun.** Dan apatah lagi Rasulullah SAW sendiri telah mengisyaratkan bahawa Khalifah Islamiyyah AKAN wujud kembali selepas berakhirnya era 'Mulkan Jabariyyan' (kerajaan-kerajaan menyeleweng). Maka itulah yang seharusnya menjadi wawasan dan harapan kita walaupun secara tepatnya masa tamat era Mulkan Jabariyyan bukan dalam pengetahuan kita.

Kita bukan minta untuk dibuang serta-merta sistem politik demokrasi-sekular legasi era penjajahan British yang amat memudaratkan itu, tetapi diambil ikhtiar untuk menyelaraskannya peringkat demi peringkat dengan konsep pemerintahan umat Islam yang mempunyai legitimasi agama, yakni dengan meletakkan Institusi Raja-Raja Melayu sebagai tonggak paling atas yang menyempurnakan dasar negara berasaskan konsep Tauhid, sesuai dengan fungsinya sebagai penerus Rasulullah SAW dalam hal-ehwal pentadbiran duniawi dan ukhrawi umat Islam di negara kita yang tercinta ini.

Moga-moga ianya akan menjadi asbab nusrah, rahmat dan keberkatan Illahi dapat kembali pada bangsa kita. Sekurang-kurangnya sebagai pemimpin, alim-ulamak, penggerak, pemikir, cendekiawan dan budayawan Melayu kita boleh jawab di mahkamah Allah SWT pada Hari Hisab nanti bahawa dalam apa jua peranan kita, telah cuba sedaya mungkin untuk mencapai idealisma Islam yang dituntut itu.

Kedua:

Kita juga tidak harus lupa akan hakikat sejarah ini; Bahawa pencetus identiti dan tamaddun Melayu-Islam itulah Institusi Raja-Raja Melayu (Melaka). Oleh itu, mana mungkin perjuangan memertabatkan kembali Bangsa Melayu tidak disekalikan dengan perjuangan mengukuhkan Institusi Berajanya? Raja-Raja Melayu dan bangsanya adalah **umpama lebah dengan madu, mana mungkin madu terhasil tanpa lebahnya??**

Oleh yang demikian Bangsa Melayu dan umat Islam seluruhnya haruslah mendokong wawasan dan gagasan ini, menjadikannya satu misi dan visi yang penting, kerana ianya paling serasi dengan agama dan jiwa bangsa kita!!

Sedangkan umat Islam dari bangsa-bangsa lain yang menetap di tanah air kita ini pun akan turut sama merasai nikmat redupnya berpayung di bawah sistem pemerintahan yang diredhoi Allah Ta'ala ini kerana ia menjamin ketuanan Agama Islam ditegakkan kembali sebagaimana zaman leluhur kita!

Hayatilah sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Adanya harapan adalah satu rahmat daripada Allah kepada umatku, kalau harapan itu tidak ada maka tidak akan ada (orang yang bersusah payah) menanam pokok dan tidak akan ada ibu menyusukan anaknya."*

Judul *'Ketuanan Islam dan Pertuanan Raja-Raja Melayu'* ini ditulis dengan matlamat berikut :

1. Mengenal asal-usul kita dari sudut pensejarahan bangsa dan agama yang sebenar, bukan pensejarahan yang diseleweng dan dicanangkan oleh golongan orientalis, modenis dan zionis yang menjadi ikutan arus perdana masyarakat dunia hari ini.
2. Membentuk serta menumbuhkan KESEDARAN, KEINSAFAN dan KEBANGGAAN orang-orang Melayu tentang sejarah bangsa kita yang pernah BERADAT, BERAGAMA dan BERDAULAT.
3. Memupuk semangat KECINTAAN yang tulen dan mendalam kepada bangsa dan agama, serta institusi-institusi Melayu tradisi khususnya INSTITUSI BERAJA sebagai salah satu rangkaian dari KHILAFAH ISLAMIYYAH.
4. Kesedaran, kebanggaan serta semangat kecintaan diharap akan mendatangkan rasa TANGGUNGJAWAB untuk membentuk INISIATIF-INISIATIF INDIVIDU mahupun KELOMPOK di kalangan Bangsa Melayu demi MENCONTOHI serta MEMPELOPORKAN KEMBALI warisan gemilang nenek moyang kita. Ianya mampu melawan arus gayahidup Barat yang mencengkam serta mengancam identiti dan akidah umat Islam berbangsa Melayu hari ini.

Mudah-mudahan inisiatif-inisiatif ini juga dapat menarik RAHMAT ALLAH SWT atas bangsa dan tanah air kita serta berpotensi membawa umat Melayu kepada tanggungjawab atau peranan yang besar di persada politik dunia masa hadapan. Ameen.

Selamat membaca dan Wasallam

**Ke arah mengembalikan
Maruah, Semangat dan Kedaulatan Bangsa Melayu**

(Tun) Suzana (Tun) Hj Othman
putera Tun Chik puteri Tun Tahir
putera Bendahara Seri Maharaja Tun Abdul Rahman Pahang (1863-?)
putera Tengku Chik (berkahwin dengan Bendahara Seri Maharaja
Tun Mutahir Pahang 1847-1863)
puteri Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II
(Sultan Kedah 1804-1845)

Bahagian Pertama ;

**ISLAM DAN
KEMANUSIAAN**

Bab 1:

Tuhan Maha Pencipta

Bismillahirrahmanirrahim

Maha Agung Allah yang telah menciptakan tujuh petala langit dan tujuh petala bumi dengan segala isinya. Dari tiada, kepada ada, dari dimensi sifar, sekelip mata menjelma, terjengul, bercambah dan merebak menjadi dimensi pertama, kedua, ketiga dan keempat sekaligus, yakni tentang penciptaan tenaga dan jirim beserta dimensi ruang dan waktu. Itulah penciptaan Sang Cakerawala yang hebat, unggul dan agung, bermula dari tiada, dari titik noktah, terbit secara tiba-tiba, peristiwa besar yang disebut sebagai peristiwa ‘*the Big Bang*’ dalam terminologi Inggeris, lalu terkembang luas umpama belon yang ditiup-tiup, suatu fenomena yang masih terus-terusan berlangsung sehingga pada hari ini.

Dicipta olehNya berjuta-juta galaksi yang beredar dengan kelajuan tinggi, pada galaksi-galaksi ini terkandung berjuta-juta bintang yang dihiasi planet-planet, satelit-satelit dan komet-komet yang berbagai ciri, bersusun-susun, berputar-putar dan berlegar-legar di tempat atau orbitnya masing-masing, tiada pintas memintas, laga-melaga antara satu sama lain, umpama irama dan lagu yang harmoni.

DijadikanNya planet bumi yang dihuni makhluk-makhluk ciptaanNya dari kalangan manusia, jin dan haiwan, diletakkanNya lapisan atmosfera pada ruangan bumi bukan sahaja sebagai pelindung dari suhu cakerawala yang ekstrem, malahan menjadi benteng kuat dari hentaman meteor-meteor yang berselerakan di ruang angkasa. Diciptakan olehNya gunung-gunungan sebagai ‘paku-paku’ alam, angin yang membawa hujan, air dan api, haiwan dan tumbuh-tumbuhan, semuanya sebagai pemberi menafaat atau kurniaan dari Tuhan kepada makhluk.

Maka nikmat Allah manakah yang kamu mungkiri?

Maha Wujud Allah yang telah menciptakan manusia dari titisan-titisan air mani, menghidup dan mematikan, dan bakal dihidupkan kembali untuk dihitung segala amalan mereka. Dijadikan manusia secara berpasang-pasangan, agar dapat direguk kenikmatan *mawaddah* dalam hubungan perkahwinan. Diciptakan olehNya nyawa dalam nyawa, yakni nyawa janin dalam tubuh wanita sehingga lahirlah seorang bayi yang menjadi kecintaan ibunya.

Diciptakan olehNya darah dan nanah, susu dan keringat, air mani dan air kencing dengan warna dan fungsi yang berbeza, namun berkongsi ruang dalam satu jasad. Diciptanya saluran darah, otot, daging dan kulit secara berlapis-lapis. Bulu rambut, bulu roma, bulu kening dan bulu mata, bulu kumis dan janggut pada tempatnya masing-masing, tiada bersalah-salahan, sebagai pelindung dan penghias.

DijadikanNya pada tubuh manusia saluran makanan, saluran pernafasan, saluran pencernaan yang pejal dan cecair, saluran peranakan, masing-masing dengan tugas khusus, bekerja dengan turutan dalam suasana tertib dan harmoni.

Diciptakan olehNya deria penglihatan, pendengaran, rasa, bau dan sentuh. Sebagai objek deria rasa, lidah yang sama mampu membezakan diantara manis, pahit, masin, tawar, payau, kelat dan pahit. Hidung yang sama mampu membezakan berbagai jenis aroma dan keharuman, membuka selera dengan bau-bauan hidangan lazat. Malahan deria mata, hidung dan telinga berupaya menghidupkan perasaan nostalgia yang kuat, yakni kenangan peristiwa-peristiwa pahit-manis dan suka-duka di zaman silam yang menyentuh kalbu.

Maka nikmat Allah manakah yang kamu mungkiri?

Maha Lembut Allah yang telah menciptakan cetusan-cetusan perasaan di dalam kalbu, sebagai bentuk-bentuk ekspresi yang terbit natijah daripada curahan emosi, sentimen dan kehendak makhluk. Cetusan-cetusan perasaan ini mempunyai kesenian, kehalusan, ketajaman dan kekerasan yang berbagai nada. Diciptakan olehNya perasaan gembira, marah, benci, kasih-sayang, rindu, bimbang, minat, yakin, puas, bosan, malu, semangat, keinginan, sedih, murung, takut, was-was, kecut, berani, berahi serta seribu satu ledakan-ledakan kalbu, sebagai mempamirkan gambaran-gambaran yang luas lagi mendalam pada pengalaman-pengalaman suka-duka kehidupan manusia, mencetuskan hubungan sesama makhluk, melahirkan zuriat, melakar seni dan budaya, menggubal adat dan peraturan, membentuk misi dan visi, mencipta kenangan dan sejarah, lalu dapat dibezakan dengan kehidupan haiwan yang mempunyai naluri dan perasaan yang amat terbatas.

Apalah erti kehidupan tanpa ledakan-ledakan kalbu?

Maka nikmat Allah manakah yang kamu mungkiri?

Maha Bijak Allah yang telah menciptakan akal sebagai hujjah. Akal sebagai penghias yang terlindung, namun natijahnya jelas. Menjadi raja yang mengatur anggota badan, pemantau urusan makhluk dan

penyelamat dari keburukan. Kehidupan tanpa akal adalah kehidupan yang memudaratkan kerana *nafsu ammarah*, yakni nafsu kehaiwanan akan menguasai.

Dengan akal manusia dapat mengenal Allah, asmaNya, sifat-sifat kesempurnaan dan keagunganNya. Dengan akal jualah orang-orang Mukmin dapat beriman dengan kitab-kitab Allah, para Malaikat dan RasulNya, hari Akhirat dan Qada' dan QadarNya, mengikuti segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya.

Akal sebagai penghujjah yang berupaya memperlihatkan serta mendapatkan kebaikan dan mengelakkan kerumitan. Iaitu dengan menampakkan natijah atau kesudahan sesuatu di hari kemudian, sehingga perlu ada perhatian dan waspada. Dengan akal golongan beriman mampu berperang, menguasai dan menundukkan runtunan hawa nafsu dan kuasa kehaiwanan yang menghimpunkan sifat-sifat tercela pada syarak, membantu dalam kesabaran, redha dan tawakkal, menguatkan semangat dan keteguhan, umpama pohon yang akarnya kukuh. Akal sebagai penghujjah yang sentiasa membantu dalam memikirkan peringatan-peringatan Allah sehingga dikurniakan taufikNya, maka syaitan dan bala tenteranya merasa sulit berhadapan dengan seorang Mukmin yang berakal.

Maka nikmat Allah manakah yang kamu mungkir?

Maha Benar Allah yang mencampakkan cahaya dan kemanisan ke dalam hati-hati insan. Dilimpahi olehNya ilham, kasyaf, lintasan-lintasan hati, mimpi dan firasat sebagai sebahagian daripada *makrifah ruhiyyah* (pengetahuan rohani) bagi sesiapa yang dikehendakiNya. Iaitu sebagai pengiktirafan terhadap iman, ibadah dan mujahadahNya, limpahan secara sedar atau tanpa sedar, menggerakkan jiwa ke arah meningkatkan amalan, menyuluh ke jalan petunjuk, mendorong kepada kebenaran dan kebaikan, lalu meleraikan kekusutan dan melapangkan dada.

Maha Melihat Allah yang telah mengurniakan *basirah*, yakni pandangan mata hati kepada mana-mana hamba pilihanNya yang dapat menembusi dinding Alam Ghaib sehingga terbukalah hijab tentang rahsia-rahsia Tuhan yang melimpahi ke dalam hati sanubarinya, lalu diberi ilham dan intuisi. Kepada mereka inilah ditujukan harapan ummah untuk menjadi guru dan pembimbing bagi mencelekkkan pula mata hati orang-orang awam yang ingin mencari jalan berpulangan kepada Allah.

Sedangkan orang awam pun tidak terlepas dari kurniaan pandangan mata hati yang walaupun terhad, tetapi tidaklah lemah

untuk menginsafi tentang nikmat, kebaikan serta kemurahan Allah kepada makhlukNya, lalu mereka boleh mencintainya apabila mengetahui bahawa Allah telah berbuat baik, memberikan ihsan serta berlemah lembut dengannya.

Maka nikmat Allah manakah yang kamu mungkiri?

Maha Indah Allah yang menciptakan keelokan paras rupa, kehalusan dan kelembutan wanita, ketampanan dan kegagahan pria, gemersik alunan suara merdu yang tenggelam dalam zikir kepadaNya, prosa indah syair dan puisi yang mengagungkanNya, menggetar jiwa dan mengasyikkan halwa telinga.

Diciptakan olehNya suria yang menyinari, bulan yang menyulahi, bintang yang menunjuki, api yang membakari, air yang membasahi, awan yang menghujani, bayu yang mendingini, tanah yang menumbuhi, herba yang mengubati.

DijadikanNya perbezaan martabat dan kemuliaan pada spesis alam dan makhluk, kelainan pada empat jenis musim, keindahan pada tujuh warna pelangi, kilau-kemilau batu-batuan permata, kesenian pada ciptaan mikro organisme, kepelbagaian ras, tumbuh-tumbuhan serta haiwan di laut dan darat.

Maka nikmat Allah manakah yang kamu mungkiri?

Maha Suci Allah yang telah menciptakan enam bahagian umur insan. Diciptakan olehNya Umur Pertama, iaitu dari semenjak Allah mencipta Nabi Adam AS dan dibekalkan zuriat pada tulang punggungnya. Diantaranya zuriat yang bahagia dan zuriat yang celaka. Maka zuriat itu pun berpindah-pindah terus menerus dari tulang sulbi lelaki ke dalam rahim wanita, dan dari rahim wanita ke tulang sulbi lelaki, sehingga lahirlah tiap-tiap orang dari antara ayah dan ibunya.

Diciptakan olehNya Umur Kedua, yakni dari semenjak lahirnya manusia dari kedua ibu-bapanya ke muka dunia, sehinggalah masa wafatnya dan keluarnya dari alam dunia ini.

DijadikanNya Umur Ketiga, yakni dari semenjak keluarnya manusia dari alam dunia ini dengan wafat, sehinggalah ia dibangkitkan Allah setelah ditiupkan sangkakala, iaitu menunggunya manusia di alam Barzakh.

Dijadikan olehNya Umur Keempat, yakni semenjak keluarnya manusia dari kubur, ataupun dari masa perintah Allah untuk ditiupkan sangkakala pada Hari Kebangkitan, sehinggalah tiba hari manusia

sekalian dikumpulkan di hadapan pengadilan Allah SWT untuk ditimbang semua amalannya serta dihisab. Sesudah itu meniti Shirath, menerima kitab masing-masing dan sebagainya dari berita hal-ehwal Hari Kiamat, keadaannya, kesudahannya dan kesulitannya yang bermacam-macam.

Diciptakan olehNya Umur Kelima, yakni semenjak kemasukan manusia ke dalam syurga untuk kekal di dalamnya. Itulah umur yang tiada hujung dan akhirnya. Ataupun dari semenjak kemasukan ahli-ahli neraka ke dalam neraka, sedang keadaan mereka ini, satu dengan yang lain tidak sama. Ada yang kekal di dalamnya buat selama-lamanya, tidak ada batas atau akhir lagi, iaitulah orang-orang kafir, mereka itu pula berbeza-beza jenisnya. Ada pula yang bernasib baik, dapat keluar dari neraka, iaitulah orang-orang yang berdosa dari golongan ahli tauhid, samada dengan mendapat syafaat, mahupun tidak².

Maka nikmat Allah manakah yang kamu mungkiri?

Sebagai manusia yang berakal canggih, yakni yang membezakan kita dengan haiwan-haiwan yang merayap melata di mukabumi ini, adalah tidak bijak untuk sekadar bertanya tentang Apa? Bila? Bagaimana?, yakni semata-mata soalan saintifik di sebalik semua penciptaan-penciptaan Allah yang hebat, unik, unggul dan agung ini, tetapi yang terlebih penting adalah bertanya Kenapa?, yakni mengapa Allah SWT menciptakan semua ini, dan apakah maksud kehidupan itu sendiri ???

Itulah persoalan teologi yang perlu dikemukakan untuk membuka minda manusia, soalan cepu emas yang perlu difikirkan jawapannya sedalam-dalamnya, membuat 'soul searching' atau muhasabah diri tentang hakikat kehidupan itu sendiri.

Hari Mengambil Janji

Firman Allah SWT dalam sebuah Hadeeth Qudsi yang bermaksud: *" Aku laksana harta yang tersembunyi. Aku ingin dikenali, maka sebab itulah Aku ciptakan semua makhluk"*³.

Maka diciptakanlah olehNya manusia di alam ruh bermula dengan Ruhul Muhammadiyah sebagai sumber segala yang wujud. Kemudian

² Imam Habib Abdullah Haddad, *Peringatan Tentang Umur Insan* (terjemahan Syed Ahmad Semait), Pustaka Nasional, Singapura, 2002

³ Syeikh Abdul Qadir al-Jailani, *Rahasia Sufi*, terjemahan oleh Abdul Majid Hj Khatib, ditahkik dan ditulis semula oleh Syed Ahmad Semait, Pustaka Nasional Pte Ltd, Singapura, 2004, hlm 14

Allah SWT menciptakan Nabi Adam AS dari tanah, menyusul pula ciptaan sekalian anak cucunya dari yang pertama sehingga yang terakhir, dibekalkan pada tulang punggung Nabi Adam, sehingga dikeluarkanlah mereka untuk mengakui keEsaan dan keTuhanan Allah di Na'man, suatu lembah yang berdekatan dengan Padang Arafah. Peristiwa tersebut dikenali sebagai *Yaumil Mitsaq* atau Hari Mengambil Janji⁴.

Allah SWT berFirman :

“Dan ketika Tuhan kamu menjadikan keturunan Adam dari punggungnya, dan Tuhan mengambil kesaksian dari mereka dengan berkata;Bukankah Aku ini Tuhan kamu? Mereka berkata:Baiklah! Kami menjadi saksi, bahawa kamu nanti di Hari Kiamat tiada dapat mengatakan, bahawa kami ini lalai dari perkara itu. “ (Al-A’raf:172)

Setelah mengambil perjanjian dari keturunan Adam AS, Allah SWT mencatat dan menyimpannya pada Hajarul Aswad, sebab itulah ketika mencium Hajarul Aswad setelah bertawaf sekeliling Kaabah, para Haji disarankan membaca yang berikut;

“ Ya Allah Ya Tuhanku! Ini adalah sebagai memenuhi keimanan denganMu, dan sebagai menunaikan janjiku padaMu, dan sebagai mempercayai kepada KitabMu !”

Dalam riwayat yang lain pula disebut bagaimana Khalifah Umar RA pernah sekali bertawaf, kemudian menghala ke Hajarul Aswad lalu mengucupnya seraya berkata: *“Aku tahu bahawa engkau hanyalah sebuah batu yang tidak boleh memberi menafaat mahupun memudaratkanku. Jikalau aku tidak melihat sendiri baginda Rasulullah SAW perbuat begitu (mengucupmu), takkan ku perbuat yang demikian”.*

Pada masa itu Sayyidina Ali RA yang sedang berdiri bersebelahan Khalifah Umar RA terdengar kata-kata beliau, lantas Sayyidina Ali RA membalas; *“ Wahai Amirul Mukminin! Sesungguhnya batu ini (Hajarul Aswad) mampu memenafaat dan memudaratkan”.* Khalifah Umar lantas bertanya: *“Bagaimana?”.* Sayyidina Ali menjawab : *“Sebelum masa penciptaan, Allah SWT telah mengambil perjanjian dari ruh-ruh manusia keseluruhannya bahawa mereka akan memperakukan serta menyembahNya sebagai Tuhan seru sekalian alam. Allah SWT kemudian mencatatkan yang demikian dan menyimpannya di dalam batu ini. Pada*

⁴ *Peringatan Tentang Umur Insan, op.cit, hlm 17*

Hari Kiamat nanti, batu ini akan menjadi saksi kepada sesiapa yang menunaikan amanah perjanjian tersebut atau yang mengkhianatinya.”⁵

Ringkasnya, istilah Deenul Islam dikaitkan dengan penyembahan manusia kepada Allah SWT sebagai balasan kurniaNya yang menciptakan mereka dan segala-galanya, maka manusia mengakui Allah SWT sebagai Zat paling agung yang wajib disembah.

Allah SWT berfirman yang maksudnya: “*Dan Aku tidak ciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu.*” (Adz-Dzariyat:56)

Oleh itu matlamat sebenar agama atau deen adalah supaya manusia dapat kembali kepada pengakuan serta penyembahan Tuhan Maha Pencipta sebagaimana keadaannya sebelum dilahirkan ke dunia, sesuai dengan janji mereka dalam peristiwa *Yaumul Mitsaq* atau Hari Mengambil Janji itu.

Maka setelah selesai peristiwa *Yaumul Mitsaq* dan melalui beberapa proses dari peringkat-peringkat wujud, Allah SWT menurunkan segala ruh atau makhluk ke *alam ajsam*, yakni alam fizikal seperti yang kita tahu. Di alam zahir ini, ruh-ruh tersebut dipakaikan dengan sarung, iaitu jasad-jasad yang telah dikhususkan bagi mereka masing-masing sehingga menjadi sempurna.

Selepas itu berlakulah *taklif*, iaitu kewajiban menunaikan perintah Allah Ta’ala yang menyuruh diri berbuat baik serta melarang mengerjakan maksiat sehingga sampai ketetapan ajal setiap insan.

Pada peringkat kehidupan manusia di alam dunia yang fana’ ini, semua amalan mereka akan dicatatkan dan dihitung atasnya pahala dan dosa. Perhitungan ini akan dilaksanakan pada Hari Hisab, yakni selepas dunia dimusnahkan di Hari Kiamat, di masa itu berpecahlah manusia kepada golongan yang berbahagia dan yang celaka di sisi Allah azzawajalla mengikut amalan masing-masing semasa dipinjamkan mereka dunia dengan segala perhiasannya itu.

Bagaimanapun kelahiran manusia di dunia, yakni setelah ruh-ruh mereka diperbadankan, terluputlah ingatannya tentang asal-usul diri serta perjanjiannya dengan Allah Ta’ala di alam ruh. Lupa ia ketika pernah ditanya dahulu sepertimana dalam Firman Allah:

⁵ Syaikhul Hadith Maulana Mohammad Zakariyyah, kitab *Fadhail Amaal, (Vol II), Virtues of Charity and Ha’*”, Idara Isha’at-e-Diniyat, hlm 150

“ Bukankah Aku ini Tuhan kamu? Mereka menjawab :Sebenarnya dan kami menyaksikan.” (Al-A’raf:172)

Lupa ia bahawa akan dikembalikan kepada Allah SWT setelah tamat ketetapan ajalnya di mukabumi ini.

“ Dan bahawa mereka mengira yang mereka tidak akan kembali lagi kepada Kami.” (Al-Qashash: 39)

Sementelah pula dalam persinggahan manusia di dunia ini, kebanyakan mereka terhibab daripada pandangan-pandangan yang ghaib kerana keadaan di dunia fizikal amatlah berbeza halnya dengan di Alam Ghaib, di alam ruh. Padahal manusia teramat memerlukan pandangan-pandangan *basirah* itu bagi mengenal kembali rahsia-rahsia keTuhanan yang Maha Esa.

Dikatakan mengenai dunia ini, bahawa ianya umpama seorang wanita licik lagi penuh tipudaya; dihiasi dirinya penuh keindahan sehingga manusia menjadi terpujau dan tertawan kepadanya. Sekonyong-konyong ditundukkan mereka dengan sihirnya, lalu diracuninya sehingga membinasakan. Ia memintas laluan manusia yang menyinggahi, menggoda dan memujuk rayu, sehingga sedang mereka sibuk mengecapi kenikmatannya, dilepaskannya serta merta untuk merasai kesengsaraan.

Sedangkan musuh-musuh Allah dari kalangan manusia juga tidak terlepas dari kelicikan tipudayanya, ia menunjuki mereka kepada ide-ide serta rancangan-rancangan jahat sehingga mereka meletakkan kepercayaan dan bergantung penuh kepadanya, sekonyong-konyong ditinggalkannya bongkang dalam saat-saat genting. Lalu terperangkaplah orang-orang ini sehingga berkeseorangan menanggung beban dan balasan, tidak ditolonginya.

Firman Allah Ta’ala yang maksudnya :

“ Tiadalah hidup di dunia ini melainkan senda gurau dan permainan belaka.Sesungguhnya kampung akhirat lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa.Apa tidakkah kamu memikirkan?” (Al-Anaam :32)

“ Dan tinggallah akan orang-orang yang menjadikan agama mereka main-main dan senda gurau, dan mereka telah ditipu oleh kehidupan dunia.” (Al-Anaam :70)

“ Janganlah engkau layangkan kedua matamu kepada (perhiasan) yang Kami berikan kepada bermacam-macam orang diantara mereka,

sebagai bunga hidup di dunia, supaya mereka Kami uji dengan demikian itu. Dan rezeki Tuhanmu (dalam syurga) lebih baik dan lebih kekal.” (Taaha :131)

Perhiasan-perhiasan dunia yang berpotensi membawa manusia kepada keadaan alpa dan lalai adalah dimanipulasi oleh tiga perkara yang kuat kuasanya, sebagai cubaan hidup di dunia ini. Perkara-perkara tersebut ialah peranan **iblis dan syaitan, hawa nafsu** dan **jiwa yang cenderung pada keburukan**. Sehingga kebanyakan daripada manusia gagal melaksanakan suruhan-suruhan Allah dan meninggalkan larangan-laranganNya selama hayat mereka.

Musuh-Musuh Manusia di Dunia

Ruh manusia yang diciptakan Allah, apabila dipakaikan padanya sarung untuk menghuni alam kebendaan yang terjadi dari unsur api, air, angin dan tanah ini, maka terbentuklah padanya dua bahagian, iaitu jasmani dan rohani, diri kebendaan dan diri kejiwaan, ZAHIR dan BATIN.

Pada zahir manusia itu dipakaikan dengan badan yang terjadi dari darah, daging, tulang, urat, kulit dan sebagainya. Sedangkan pada batinnya disediakan benih-benih keEsaan (Tauhid) supaya ia tetap sentiasa mengenali Penciptanya, iaitu Allah Ta’ala yang Maha Esa itu.

Tempat perisian benih-benih Tauhid itulah HATI yang berada dalam badan fizikal manusia, yang mana pada hati itu disediakan ruang seni dan halus padanya untuk menyimpan rahsia Allah dan hambaNya. Maka jadilah ia suatu objek yang kompleks kerana ia ‘hidup’ , mempunyai ‘mata’ (*basirah*) dan boleh jatuh sakit. Dan hati itu saling berhubungan dengan jasad, kerana ianya umpama sebuah kolam yang mengalir ke dalamnya air daripada lima batang sungai, iaitulah pancaindera manusia. Apabila air daripada mana-mana batang sungai yang mengalir ke dalam kolam itu keruh serta bernajis, maka sedikit sebanyak tercemarlah kejernihan dan kebersihan kolam itu.

Ringkasnya, zahir (jasad) dan batin (hati) manusia ada hubungan, bermakna hukum-hukum yang berkaitan zahir dan batin mempunyai kaitan antara satu sama lain.

Seperti yang disebutkan dahulu, apabila ruh manusia turun ke bumi dalam sarung-sarung fizikal yang berbentuk badan, zahirnya terus terhibab daripada pandangan-pandangan ghaib, langsung melupakan asal-usul dan kejadiannya.

Maka tugasnya sekarang adalah untuk mencari jalan kembali kepada asalnya, berpulangan ke hadrat Penciptanya, yakni Allah Ta'ala yang Maha Agung.

Di sinilah hati-hati manusia memainkan peranan yang amat penting, yang mana ianya perlu dipastikan berada dalam keadaan HIDUP, CELIK dan SUBUR, supaya dapat terbuka padanya gerbang makrifat terhadap Allah Ta'ala, nescaya terbitlah hikmah-hikmah dan amalan-amalan soleh yang tercambah padanya benih-benih keEsaan sehingga menjadi pohon agama yang akarnya kuat, dahannya kukuh dan tumbuh melangit sehingga ruh itu mampu melayarkan bahteranya setingkat demi setingkat menuju ke matlamat induk kerohanian taman *Hazhiratul-quds*.

Bagaimanapun bukanlah mudah bagi ruh-ruh yang berada di alam jasmani ini untuk memastikan hati sentiasa berada dalam keadaan hidup, celik dan sihat. Ini berikutan wujudnya musuh-musuh manusia di dunia yang berpotensi mensabotaj maksud sebenar kehidupan mereka.

Dalam hal ini, tersebut suatu riwayat bahawa ketika Allah Ta'ala menurunkan Adam AS ke mukabumi, maka Jibrail AS menyodorkan tiga hal kepadanya, iaitu AGAMA, AKHLAK dan AKAL. Jibrail berkata : “*Sesungguhnya Allah memerintahkan engkau memilih diantara tiga hal ini.*”

Adam berkata: “*Wahai Jibrail, saya tidak melihat sesuatu yang lebih baik dari tiga hal itu melainkan ia berada di syurga.*” Lalu Adam mengulurkan tangannya memilih akal, lalu merengkuhkannya ke dirinya, berkata ia kepada kedua yang lain; “*Naiklah kembali ke atas.*”

Keduanya berkata: “*Kami diperintahkan untuk menyertai akal, seperti apapun keadaannya.*” Maka tital hal itu menyertai Adam, sehingga menjadi kemuliaan paling tinggi yang diberikan Allah kepada hambaNya.

Namun ketiga-tiganya juga dibuatkan musuh, iaitu IBLIS dan SYAITAN, HAWA NAFSU serta JIWA YANG MENYURUH KEPADA KEBURUKAN. Peperangan antara kedua-dua belah pihak berlangsung terus menerus tanpa henti-henti.⁶

\

⁶ Ibnu Qayyim al Jauziyah, (*Taman Orang-Orang*) *Cinta dan Rindu Menurut Al Quran dan Al Sunnah*, Albaz Publishng & Dist Sdn Bhd, 2003, mukadimmah, hlm XII

i. Hawa Nafsu

Pada sarung, ataupun badan anak-anak Adam terdapat kekuatan kebinatangan dalam bentuk HAWA NAFSU dan TABIAT yang menghimpunkan sifat-sifat tercela pada syarak. Hawa nafsu mendorong diri kepada mengecapi kemanisan dan kenikmatan perhiasan-perhiasan duniawi, seperti makanan dan minuman yang lazat, jimak, berperasaan, harta, kuasa dan berbagai lagi dengan menjadikan pancaindera sebagai reseptornya.

Bagaimanapun nafsu itu bersifat buta, gelap, tiada upaya ia untuk memikirkan buruk baiknya sesuatu tindak tanduk itu. Nafsu menuntut dipuaskan segala kemahuannya pantas, tanpa bertangguh-tangguh dalam mengecapi kelazatan perhiasan-perhiasan duniawi ini, lagi dan lagi, tanpa dibataskan. Meskipun yang segera dan berlebih-lebihan itu bakal mengundang natijah buruk di kemudian hari.

Nafsu tidak peduli itu semua kerana ia tidak dilengkapkan dengan fikiran yang rasional. Ia hanya memandang pada kenikmatan duniawi semata-mata, membuka anggota untuk mengecapi sepuasnya tanpa berfikir panjang, buta daripada melihat kepada akibatnya walaupun boleh membawa kepada mudarat dan mara bahaya jikalau tidak dikekang pada tempatnya.

Sekalipun natijahnya akan menghalang daripada kelazatan yang berlipat kali ganda pada masa akan datang kerana hawa nafsu tidak melihat melainkan pada waktu itu, dan tidak memandang melainkan perkara yang zahir nikmatnya. Apatah lagi jikalau nafsu itu diregukan dengan tabiat semulajadi haiwan seperti buas, garang, rakus, gelojoh, tamak, banyak tidur, banyak makan dan minum, suka bermain perasaan, berseronok semata-mata dan sebagainya.

Maka natijah yang terbit daripada nafsu dan tabiat kebinatangan yang tidak dikekang atau ditundukkan ialah menumbuhkan sifat malas, pembaziran, membuang masa dengan sia-sia, mencetuskan masalah kesihatan, lemah anggota badan, membantutkan daya juang, zalim, suka berfoya-foya dan bergaduh, serta banyak lagi kesan negatif yang lain. Ianya juga boleh mendatangkan dosa kerana melanggar perintah Allah Ta'ala yang menghalang daripada mengecapi sebahagian daripada perhiasan duniawi seperti minum arak, berjimak tanpa ikatan perkahwinan (zina), homoseks, muzik dan nyanyian yang menjauhkan diri dari ingatan pada Allah serta meningkatkan shahwat dan lain-lain lagi.

Malahan, nafsu adalah lebih merbahaya daripada syaitan kerana syaitan hanya boleh masuk dan berjalan di dalam tubuh anak Adam mengikut urat darah, sedangkan nafsu berupaya meresap terus ke lubuk hati manusia yang syaitan tidak sampai kepadanya, lalu membuat kerosakan di situ, menggelap dan menghidupkan pandangan kerohanian.

Bagaimanapun, Allah Ta'ala yang bersifat Rahman dan Rahim juga telah mengurniakan manusia akal, yang disebut sebagai nur atau cahaya bagi hati. Berbeza dengan hawa nafsu yang bersifat buta pada akibat yang memudaratkan, akal mengutamakan yang afdhal dan memilih yang lebih baik dan lebih patut pada akibatnya. Akal bersifat rasional, mampu melihat daripada berbagai perspektif, buruk dan baik, menunjuk kepada apa yang berguna dan yang membahayakan, ia sentiasa berkehendak kepada kebaikan dan menafaat.

Maka jadilah tolak tarik antara akal dan nafsu, keduanya saling pukul memukul, berlawan-lawanan sehingga kadangkala kuasa akal menang melawan nafsu, sedangkan waktu yang lain akal kecundang padanya. Nafsu ini disebut sebagai *nafsu lawwamah* di mana kebanyakan manusia berada.

Pada hujung skala nafsu terletak *nafsu ammarah*, iaitu diri yang berjaya ditawan oleh tabiat kebinatangan dan mentaati syaitan, sehingga jadilah ia syaitan yang bertopengkan manusia, sedangkan *nafsu mutmainnah* di hujung satu lagi merupakan diri yang mantap, yang mana tabiat kebinatangannya dapat dikuasai sepenuhnya sehingga masuklah ia ke dalam golongan orang-orang yang mendapat kebaikan dan keredhaan Allah SWT.

Kesimpulannya, kekuatan kebinatangan yang wujud dalam diri insan perlu dikekang-kekang supaya jangan sampai mengikut-ngikut kemahuannya yang melampau-lampau sehingga boleh mendatangkan mudarat dan kebinasaan. Malahan tuntutan-tuntutan nafsu yang cenderung kepada maksiat perlu didorongkan dalam batasan-batasan syariat, seperti bernikah, rekreasi serta hiburan yang bersifat mubah dan sebagainya, ataupun diabaikan sama sekali jika tiada pilihan alternatif.

ii. Iblis, syaitan dan bala tenteranya

Mengenai peranan iblis *laknatu'Llah*, suatu riwayat yang mashur menceritakan tentang kedegilannya yang disuruh sujud pada Nabi Adam AS, ia enggan sujud kerana menilai asal

kejadiannya lebih baik dari asal kejadian Nabi Adam. Kerana terlalu takabbur dan berbangga dengan asal kejadiannya itu ia langsung mengingkari perintah dari Tuhan yang menciptakannya dengan berkata: *“Aku lebih baik darinya, Engkau telah ciptakanku asal dari api sedang dia Engkau ciptakan dari tanah.”*

Kebongkakkan iblis dan keterlampauannya dengan mengingkari perintah Allah SWT telah menyebabkan ia dihalau keluar dari syurga dan dilaknat Allah buat selama-lamanya. Di saat inilah bermulanya titik permusuhan iblis dengan Nabi Adam AS dan keturunannya. Iblis berkata:

“Ya Tuhanku! Oleh sebab Engkau telah memutuskan bahawa aku sesat, pasti aku akan menjadikan mereka memandang baik (perbuatan maksiat) di muka bumi, dan pasti aku akan menyesatkan mereka semua, kecuali hamba-hamba Engkau yang mukhlis (bertakwa) diantara mereka.” (Al-Hijr: 39-40)

Dalam ikhtiar mencapai matlamat mengheret manusia ke jurang maksiat dan kesesatan, iblis serta bala tenteranya dari kalangan makhluk syaitan dan syaitan yang bertopengkan manusia akan sentiasa mengekori setiap langkah kehidupan anak-anak Adam, mengintai-intai mencari peluang untuk menjahanamkan mereka. Dilaksanakannya berbagai strategi dan memperuntukkan berbagai senjata untuk memperdaya manusia supaya jatuh ke lembah kekufuran, syirik, bid'ah, dosa-dosa besar, meremeh-temehkan dosa-dosa kecil dan berbagai jenis kesesatan yang terang mahupun yang tersembunyi. Sehingga akhirnya sebahagian manusia dihumbankan ke dalam api neraka kerana tunduk pada kemahuan iblis dan syaitan durjana itu.

iii. Jiwa yang menyuruh kepada keburukan

Syaitan menggunakan keupayaan nafsu meresap jauh ke dalam lubuk hati anak-anak Adam sebagai senjata paling ampuh untuk merosakkan kehidupan mereka.

Hati adalah raja bagi seluruh anggota manusia, ianya saling berhubungan dengan jasad. Jikalau ia bertindak, anggota yang lain semua akan menurutinya. Dan hati itu dua pintu, satu pintu terbuka kepada pancaindera yang lima dan berpegang pada alam zahir, umpama sebuah kolam yang mengalir ke dalamnya air daripada lima batang sungai. Manakala pintu yang lain terbuka kepada Alam Malakut (Alam Malaikat) dan Alam Ghaib.

Rasulullah SAW memberitakan tentang hati :” *Tidakkah di dalam badan itu ada segumpal daging, apabila ia baik, maka baiklah seluruh tubuh ini, dan sekiranya rosak, maka rosaklah tubuh badan itu. Itulah hati.*”

Daripada pintu hati yang terbuka kepada Alam Malakut dan Alam Ghaib, nur atau cahaya keTuhanan yang suci akan masuk ke ruang-ruang seni padanya, di situlah tempat tersimpan semua rahsia Allah dan hambaNya. Itulah sebabnya hati itu perlu dibersihkan kerana nur Illahi tidak boleh berkongsi ruang dengan najis dan kotoran yang berupaya masuk ke tempat yang sama melalui pintu yang menghubungkan hati dengan lima pancaindera manusia itu.

Jikalau hati ditumpukan kepada hawa nafsu semata-mata, dituruti sepuas-puasnya dengan bersegera dan berlebih-lebihan sehingga membawa kepada perlakuan-perlakuan yang haram, natijahnya akan membawa penyakit kepada hati kerana banyaknya kotoran yang terkumpul padanya. Ini berikutan kolam hati menerima segala macam najis dan pencemaran dari lima batang sungai pancaindera yang menjadi reseptor hawa nafsu itu.

Lalu gelaplah hati, matilah ia, terhiblah dari cahaya keTuhanan sehingga kehilangan Allah Ta’ala. Tercetuslah segala sifat-sifat tercela seperti hasad, tamak, jahat perangai, iri hati, bongkak, khianat, panjang angan-angan, tidak takut dan tidak kasih kepada Allah, tidak malu, tiada belas, iri hati, takabbur, ujub, tidak bersyukur, benci membenci, bakhil, suka bermegah, pemaarah, tiada pemaaf, menipu, sentiasa mencari ‘aib orang lain dan banyak lagi najis batiniyyah terhimpun di situ.

Jikalau hati sudah penuh dengan kotoran-kotoran batiniyyah, bagaimanakah ia dapat lagi menghimpunkan hikmah-hikmah yang menerbitkan kasih dan taat kepada Allah, menghimpunkan segala amal-amal soleh? Bagaimana Malaikat yang suci hendak membisikan ilham-ilham yang baik, sedangkan syaitan pula bermaharajalela menokok tambah dengan membisik-bisikan segala macam kejahatan pada hati yang telah berjaya ditawannya itu?

Bagaimanakah orang yang hatinya berpenyakit mahu merawatnya kerana ia tidak pernah menganggap apa yang menimpanya itu sebagai suatu kesakitan yang perlu dirawat, yang nampak padanya hanyalah zahir kenikmatan dan keseronokan semata-mata. Semakin parahlah penyakitnya, semakin bercintalah ia dengan dunia dan segala perhiasannya, semakin

jauhlah ia dari makrifat Allah. Sehingga alpalah ia tentang hakikat Hari Mengambi Janji yang ia perbuat di hadapan Allah Ta'ala di Alam Ruh, sehingga dirinya mendekati kekufuran. Hanya dengan rahmat, taufiq dan hidayah Allah azzawajalla sahaja ia mampu diselamatkan.

Oleh itu hati yang berpenyakit perlu dirawat, disegar dan disuburkan kembali oleh doktor yang mahir, iaitulah alim ulamak mursyid, yakni yang dapat memberi petunjuk dan kepimpinan. Dan penyakit hati itu ubatnya ialah berbuat perkara yang menjadi lawan baginya, yakni menyalahi keinginan hawa nafsu itu sendiri. Contohnya penyakit bakhil ubatnya bersedekah, kasihkan dunia ubatnya berzuhud, takabbur ubatnya merendahkan diri sendiri, tamak haloba ubatnya bersabar dalam menahan nafsu untuk hidup berlebihan dan sebagainya.

Bab 2: **Islam Sebagai Agama Hakikat**

Allah SWT telah menciptakan manusia di dunia ini dengan lima anggota pancaindera sebagai deria reseptor supaya dapatlah direguk segala zahir kemanisan, kesedapan dan kenikmatan duniawi. DiciptakanNya juga naluri perasaan di dalam kalbu bagi memberikan hialait serta mencipta kenangan terhadap segala pengalaman suka-duka kehidupan seharian insan sehingga menjadi suatu yang cukup bererti.

Bagaimanapun kehidupan di dunia bukanlah sekadar untuk bersuka-suka sahaja. Roh manusia yang diperbadan serta diturunkan ke mukabumi yang bersifat sementara ini telah diberikan Allah Ta'ala suatu misi yang teramat penting, iaitu mencari jalan kembali kepadaNya sebagaimana asal usulnya dahulu.

Namun bukanlah mudah untuk melaksanakan misi tersebut kerana wujudnya peranan serta pengaruh iblis, syaitan dan bala tenteranya. Iblis durjana juga mempunyai misi, iaitu untuk menggagalkan misi anak-anak Adam seperti sumpahannya di hadapan Allah SWT suatu masa dahulu. Iblis terlalu kesumat untuk menyesatkan anak-anak Adam sehingga tidak dapat kembali kepada Allah Ta'ala. Kesesatan ini akan membawa manusia ke jurang api neraka, merasakan azab siksaNya bersama-sama kelompok iblis, syaitan dan segala kuncukuncunya, barulah puas hati mereka.

Telah ramai manusia kecundang di mukabumi ini angkara tipudaya iblis dan syaitan yang mengambil kesempatan di atas kelemahan ciri zahir dan batin insan, yakni kuasa kebinatangan dalam bentuk hawa nafsu dan tabiat haiwan, mahupun jiwa yang berpenyakit, sehingga terhijablah pandangan *basirah*, luputlah dari makrifat Allah sehingga mereka lupa tentang maksud kehidupan lalu gagal mencari jalan berpulangan ke hadrat Penciptanya.

Bagaimanapun Allah SWT atas Maha Rahman dan RahimNya tidaklah membiarkan manusia terus menerus berada dalam kegelapan, kealpaan dan kelalaian. Lalu diutuskanNya para Rasul yang datang silih berganti ke mukabumi ini bagi mengingatkan kembali pertalian manusia dengan Allah azzawajalla, tentang peristiwa Hari Mengambil Janji serta hakikat bahawa manusia akan disoal tentang pelaksanaan janji yang dibuat sebagai hamba-hamba ciptaanNya pada Hari Hisab nanti.

Firman Allah Ta'ala :

“Dan sesungguhnya Kami telah mengutus Musa dengan membawa ayat-ayat Kami (dan Kami perintahkan kepadanya) :Keluarkanlah kaummu dari gelap gelita kepada cahaya terang benderang dan ingatkan mereka kepada hari-hari Allah .” (Ibrahim :5)

Manusia memerlukan ilmu hakikat untuk mengenal Allah Ta'ala, mencari maksud kehidupan di dunia ini, mencari erti diri, mengenali pihak musuh, yakni iblis, syaitan dan bala tenteranya, serta senjata-senjata yang diguna pakai dalam agenda jahat mereka, mengenali penyakit-penyakit hati serta penawar-penawarnya. Dalam erti kata lain, manusia memerlukan ILMU dan BIMBINGAN untuk menunjuk jalan berpulangan ke hadrat Illahi serta cara-cara menangani sebarang unsur-unsur yang ingin mensabotaj misi tersebut.

Di sinilah letaknya peranan para Rasul yang maksum sebagai utusan-utusan Allah, seorang demi seorang diturunkan sehingga sampai kepada Nabi Muhammad SAW sebagai Nabi dan Rasul terakhir. Baginda menyempurnakan syiar Islam, membawa contoh tauladan sebaik-baiknya dengan mempamirkan akhlak serta keperibadian paling mulia sehingga melunakkan hati-hati yang keras kematu di kalangan masyarakat jahiliyah, lalu tunduk kepada penyembahan Allah setaat-taatnya, sehingga Allah redha kepada mereka dan mereka pun redha denganNya. Baginda membawa perubahan luar biasa dalam tempuh yang paling singkat, yakni 23 tahun selama misi dakwahnya kepada masyarakat jahiliyyah di bumi Arab.

Rasulullah SAW sebagai Khatamul Anbiya telah membawa al-Quran sebagai mukjizat paling besar. Kitab suci ini merupakan hujjah kukuh tentang kebenaran Islam dan wahyu yang datang terus dari hadrat Illahi, langsung menunjukkan Islam sebagai satu-satunya agama kebenaran, yakni agama yang diterima oleh Allah SWT.

Persepaduan Ilmu Zahir dan Batin

Allah SWT telah berFirman dalam sebuah Hadis Qudsi yang bermaksud : *“ Aku laksana harta yang tersembunyi. Aku ingin dikenali maka sebab itulah Aku ciptakan semua makhluk.”*

Maka perlulah manusia mencari ilmu untuk mengenal Penciptanya. Mengenal Allah bermaksud mengenal siapa Dia, asma dan sifatNya yang telah diwahyukan dalam kitab al-Quran. Pengetahuan ini akan membawa kepada keinsafan tentang hakikat hubungan makhluk sebagai hamba kepada Tuhannya. Apabila seseorang insan telah

mengenal Tuhannya, maka tercetuslah sifat *sidq* (benar) dalam sanubarinya serta azam untuk memperbaiki diri, diikuti dengan amalan yang ikhlas dibuat semata-mata kerana Allah SWT, mudahlah hati untuk tunduk menyembahNya, memujiNya serta memohon pertolongan daripadaNya.

Maka diturunkan oleh Allah Ta'ala para Rasul untuk mengajarkan manusia tentang ilmu mengenal Allah, satu demi satu sehingga membawa kepada Nabi Muhammad SAW. Selepas kewafatan baginda sebagai penutup tirai Nubuwwah, para alim-ulamak sebagai *warathatul-anbiya'*, yakni pewaris Nabi mengambil tanggungjawab meneruskan misi mengajar dan membimbing manusia kepada ilmu mengenal dan beribadat kepada Tuhan mereka.

Dan ilmu yang dimaksudkan di sini mencakupi aspek zahir dan batin, nyata dan ghaib, nampak dan tidak nampak. Termasuk padanya hal-hal keduniaan dan keakhiratan kerana kedua-duanya amat berkait rapat seperti halnya zahir pancaindera dan batin hati, ataupun ruh dan jasad. Saling tidak terpisah.

Aspek zahir yang dimaksudkan ialah **HUKUM SYARIAT** termasuklah dalam hal pelaksanaan lima rukun Islam serta cara beribadat, menunaikan sunnah-sunnah Rasulullah SAW, pelaksanaan etika-etika agama seperti adab makan, adab berpakaian, adab berniaga, adab berkeluarga, adab berjiran, memelihara hubungan sesama makhluk dalam orde sosio-politik yang membawa kesejahteraan serta kewajiban ukhuwah Islamiyah.

Sedangkan aspek batin pula berkait rapat dengan soal hati atau hikmah, dikenali sebagai **ILMU TASAWUFF**, bersumber dari pengetahuan tentang ilmu mengenal Allah dan mengenal diri dari wahyu dan hujjah akal. Ianya mencakupi niat, ikhlas dalam amalan, dan bersifat benar pada diri sendiri. Pengetahuan mengenai diri akan membawa kepada mengenal kebaikan serta keburukan diri, disusuli dengan keinsafan serta inisiatif untuk menyucikan jiwa dari segala najis kekotoran batiniyyah dan menundukkan kekuatan kehaiwanan yang sedia wujud dalam diri manusia. Ianya juga melibatkan aspek *muhasabah* diri bagi memastikan pelaksanaan semua tanggungjawab sebagai hamba Allah telah dibuat mengikut kaedah yang betul, serta memperbetulkan mana-mana yang silap.

Firman Allah Ta'ala :

“Dan Aku tdak ciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu.” (Adz-Dzariyat :56)

Ringkasnya, ibadat yang sebenar memerlukan penyatuan syariat dan tasawuff. Hukum syariat bermatlamat mengharmonikan aspek-aspek zahiriyah bagi hamba Allah, manakala ilmu tasawuff yang terkandung padanya segala hikmah dapat mengharmonikan aspek-aspek batiniyyahnya. Maka apabila disatukan zahir dan batin, yakni dipadukan syariat dan hikmah (tasawuff), barulah manusia dapat mencapai taraf **HAKIKAT**.

Seorang ulamak terkemuka, Sayyid Abul Hassan Ali An-Nadwi (semoga Allah menerangi makamnya) telah menghuraikan istilah hakikat iman dan Islam ini dengan begitu baik dan berkesan. Kupasannya telah dibentangkan di Ijtima' Umumi yang berlangsung di Lucknow pada bulan Disember tahun 1949.

Sama-samalah kita hayati sedutan dari ucapannya, semoga Allah memberi kefahaman baik yang dapat dijadikan pedoman kita.

Menghayati Hakikat Zahir dan Hakikat Batin

Bismillahirrahmanirrahim

Tiap-tiap satu kejadian itu mempunyai hakikat dan juga zahirnya. Antara kedua-duanya itu meskipun ada persamaan yang nyata, tetapi pada dasarnya ada didapati perbezaan yang amat jauh. Saudara-saudara tentulah tahu perbezaan yang terdapat antara surat dan hakikat atau diantara zahir dan batin.

Saudara-saudara tentulah pernah melihat buah-buah yang dibuat dari plastik. Pada zahirnya buah-buah itu nampaknya seperti buah-buah asli, tetapi amatlah jauh bezanya antara yang asli dengan yang palsu itu. Jauh bezanya itu adalah seumpama langit dengan bumi. Buah-buah yang asli itu tidak boleh disamakan dengan buah-buah yang palsu itu kerana buah-buah yang palsu itu tidak mempunyai keharuman, kemanisan dan kelazatan sedikitpun, yang dipunyainya hanyalah rupa dan warna sahaja yang sama dengan buah-buah yang asli. Meskipun ia boleh dikatakan buah, namun buah-buah yang palsu itu tidak boleh dimakan bagi mengenyangkan perut dan tidak boleh dicitum bagi mendapatkan bau serta keharumannya.

Saudara-saudara tentunya pernah melawat ke rumah gambar atau muzium. Di sana tentulah saudara-saudara melihat berbagai-bagai binatang seperti singa, harimau, gajah dan lain-lainnya. Sayangnya binatang-binatang itu tidak bernyawa dan tidak pula boleh bergerak. Benar! Ada rupa harimau tetapi tidak ada suara, tidak ada garang, tidak ada kekuatan dan tidak ada keberanian, kegagahan serta kehebatan

padanya. Yang ternyata hanya zahirnya sahaja, hakikatnya sama sekali tidak ada.

Saudara-saudara, zahir tidak boleh mengambil tempat hakikat, tidak pula boleh melahirkan khasiat-khasiat hakikat, tidak boleh melawan hakikat dan tidak boleh memikul beban hakikat.

Perbezaan antara zahir dan hakikat itu, ternyata dimana-mana pun. Zahir itu dipandang hina dimana-mana jua, jika dibawa ke hadapan hakikat. Zahir yang sebesar-besar dan sehebat-hebatnya akan tertewas walaupun ia dihadapi oleh sekecil-kecil dan serendah-rendah hakikat kerana hakikat mempunyai kekuatan meskipun ia kecil dan hina pada pandangan, kiranya boleh dibandingkan dengan zahir yang terbesar dan terhebat itu. Hakikat mempunyai satu kekuatan yang paling agung yang tidak dapat dinafikan. Hakikat itu adalah satu kejujuran yang kukuh, sedangkan zahir itu cuma bayangan semata-mata. Misalannya, cuba lihat seorang kanak-kanak, ia mampu menjatuhkan sebuah patung singa ke tanah, sebabnya ialah kanak-kanak itu meskipun lemah tetapi berhakikat; dan patung singa itu sungguhpun dianggap gagah tetapi hanyalah pada zahirnya sahaja. Hakikat yang ada pada kanak-kanak itu dengan mudah sahaja boleh menewaskan zahir yang ada pada singa yang dianggap gagah itu.

Justeru kerana dunia ini adalah alam haqaiq, alam syahada atau alam kenyataan, maka Allah SWT telah meletakkan hakikat ke dalam tiap-tiap kejadiannya. Misalnya harta kekayaan, oleh kerana harta kekayaan itu mempunyai hakikat maka kecintaan dan kesukaan terhadapnya adalah termasuk kehendak-kehendak fitrah manusia. Kalau tidak, mengapa ia mempunyai daya penarik dan kenapa pula terdapat hukum-hukum dan peraturan-peraturan berkenaan dengannya? Anak-anak juga adalah suatu hakikat maka cinta, kasih dan sayang terhadapnya adalah termasuk kehendak-kehendak fitrah manusia. Jika anak-anak itu tidak mempunyai hakikat maka mengapakah harus terdapat hukum-hukum dan kelebihan tentang pemeliharaan dan penjagaannya? Demikianlah keperluan dan tabiat itu juga mempunyai hakikat yang boleh membawa kepada kesempurnaan dan kebahagiaan abadi. Hakikat mempunyai kuasa kesempurnaan yang lebih kuat dan berkesan sedangkan zahir atau rupa tidak ada dan tidak akan dapat membawa kepadanya.

Andainya kita inginkan kejayaan dan kemenangan sejati dari hakikat yang telah bercampur aduk dengan kepalsuan dan kebatilan itu, kita semestinyalah merujuk kembali kepada hakikat Islam dan iman. Zahir Islam itu sungguhpun suci dan murni, tidaklah akan mencapai kejayaan kerana yang membawa kepada kejayaan dan kemenangan abadi itu ialah hakikat Islam, bukan zahirnya. Begitu juga

yang memundur serta menjatuhkannya ialah hakikat Islam, bukan zahirnya. Hari ini kita dapat melihat bahawa zahir Islam itu tidak dapat mengalahkan hakikat, meskipun hakikat itu terlalu hina dan rendah kerana zahir itu tidak berkekuatan. Keislaman, keimanan, kalimah, solat, haji dan lain-lain amalan keagamaan kita hanya pada zahir sahaja (tanpa hakikat), yang tidak dapat menjauhkan kita daripada nafsu amarah, tidak dapat memisahkan kita daripada resam dan perbuatan-perbuatan yang terkutuk.

Kalau kita membuka lembaran-lembaran buku sejarah maka kita akan dapati bahawa ummah di zaman dahulu kala pernah mengurbankan nyawa dengan reda apabila kalimah iman menghendaknya. Mereka pernah mengurbankan harta dan keluarga, jika perlu, untuk mempertahankan kalimah itu, mereka pernah meninggalkan tanah air mereka dan mereka pernah menerima hukuman pancung kepala dengan penuh berlapang dada. Tetapi kini nampaknya kalimah suci itu tidak berdaya lagi untuk membangunkan kita dari kamar tidur untuk mengerjakan solat subuh. Kalimah suci yang pernah mencegah mereka (para sahabat) dari meminum minuman keras yang menjadi kesukaan mereka buat selama-lamanya, nampaknya di masa ini tidak berdaya mencegah kita dari melakukan sesuatu yang kita sukai.

Jayanya perjuangan umat Islam dahulu yang berdasarkan kepada keberanian dan kemahahebatan, yang saudara-saudara baca dalam buku-buku sejarah Islam yang gilang gemilang itu, ialah kerana mereka mempunyai hakikat suci itu.

Pada hari ini siang dan malam kita menyaksikan kelemahan kalimah suci, kerana kita hanya mempunyai kalimah suci itu pada zahirnya sahaja. Jadi kemenangan dan kejayaan umat Islam dahulu itu ada natijah hakikat dan ruh kalimah suci itu, sedangkan kehinaan, kemunduran serta kejatuhan umat Islam di zaman sekarang yang kita tonton siang dan malam adalah natijah zahir kalimah yang suci itu.

Kita sudah silap dalam membandingkan keadaan kita dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zaman sahabat Nabi. Apabila kita tidak mencapai sesuatu keistimewaan dan kelebihan, maka kita terus mengomel dan kecewa. Kita merasa hairan kerana kita juga membaca kalimah suci itu seperti mereka, kita bersolat sepertimana mereka, tetapi kenapakah kita tidak mencapai kemenangan, kemuliaan dan kehormatan sebagaimana mereka?

Janganlah kita lupa bahawa pada para sahabat ada hakikat kalimah suci, hakikat iman dan hakikat solat sedangkan yang ada pada

kita hanyalah kalimah suci, iman dan solat Seperti yang saya katakan terdahulu bahawa zahir tidak boleh melahirkan khasiat hakikat.

Seorang sahabat Rasulullah SAW yang bernama Khubaib RA telah mengalami berbagai penderitaan dari kaum Quraisy sehingga dijatuhkan hukuman mati. Apabila masa yang ditetapkan itu telah tiba, maka mula-mula sekali dipakukan kedua belah tangannya, kemudian mereka menikam dan menusuk-nusuk badannya dengan lembing dan tombak yang tajam. Beliau menghadapi segala-galanya dengan sabar dan keteguhan hati.

Dalam keadaan demikian beliau ditanya: *“Wahai Khubaib! Adakah kau redha jika Muhammad SAW menggantikan tempatmu dan kamu pula dibebaskan?”* Khubaib menjawab dengan tegas: *“Wahai anjing-anjing Quraisy, aku sama sekali tidak akan redha supaya aku dibebaskan dan tidak aku redha kaki kekasihku Muhammad SAW terkena walau satu duri.”*

Adakah zahir Islam yang meneguhkan Khubaib RA yang berada dalam keadaan tersebut untuk mengeluarkan kata-kata yang sedemikian rupa? Sama sekali tidak! Tetapi ruh dan hakikat yang telah jauh menusuk ke dalam jiwanyalah yang menyebabkan ia berbuat demikian. Itulah hakikat yang menunjukkan bahawa segala luka dan tikaman lembing seolah-olah mencetuskan gambaran syurga serta segala nikmat yang telah disediakan untuknya bagi segala penderitaan yang dialaminya kerana agama.

Itulah hakikat cinta sejati terhadap Rasulullah SAW. Inilah juga salah satu daripada kenyataan hakikat yang suci dan kerananya segala penderitaan dan kesakitan berupaya dihadapi. Zahir Islam dahulu pun tidak mempunyai daya kekuatan untuk menahan sesuatu penderitaan, apatah lagi sekarang.

Seorang lagi sahabat Rasulullah SAW yang bernama Suhaib RA yang hendak berhijrah ke Madinah, seraya ditahan oleh kaum Musyrikun dengan berkata: *“Jika kamu hendak ke Madinah, silakan tetapi kamu tidak boleh membawa apa jua harta benda dari tempat kami ini.”* Dalam hal ini, hakikat Islam telah berhadapan dengan hakikat kebendaan, yang mana hakikat Islam itu telah berjaya menyelamatkan Suhaib dari harta benda yang menghalangnya dari berhijrah kerana agama.

Jika sekiranya beliau mempunyai zahir Islam sahaja maka sudah tentu beliau tidak dapat mengatasi rintangan ini. Namun akhirnya Suhaib berhijrah dalam keadaan sehelai sepinggang, dengan tidak

menghiraukan langsung harta kekayaannya yang bernilai beratus-ratus ribu rial itu.

Dalam peperangan Yarmuk, bilangan tentera Islam hanya sekitar 3,000 orang sahaja sedangkan pihak lawan berjumlah lebih 200,000 orang, lengkap dengan alatan peperangan. Sewaktu tentera Islam sedang bertempur hebat, maka seorang daripada tentera Islam yang mualaf telah terlanjur berkata: *“Amboi! Tentera musuh kita tidak terhitung banyaknya.”* Khalid Al-Walid selaku panglima perang tentera Muslimin menjawab dengan lantang : *“Diam! Demi Allah jika kaki kudaku yang bernama Askar itu tidak tercedera, nescaya akanku beritahu pihak musuh supaya melipat gandakan tenteranya.”*

Mengapa Khalid Al-Walid berteguhan sedemikian rupa? Mengapa beliau mengentengkan sahaja bilangan tentera musuh yang hampir 100 kali ganda lebih dari tenteranya sendiri? Jawabnya sudah tentu kerana beliau mempunyai hakikat roh dan semangat keislaman. Beliau mengetahui bahawa yang menentang umat Islam hanyalah zahir-zahir belaka (umpama patung-patung lilin yang bukan hakikat). Lantaran itu beratus-ratus ribu zahir musuh yang laksana patung-patung lilin itu tentu sahaja tidak akan dapat mengatasi tentera Muslimin yang mempunyai hakikat iman itu.

Kita memang melafazkan Kalimah Syahadah, boleh jadi ada diantara kita yang mengetahui makna dan tujuan kalimah itu, tetapi hakikat kalimah itu adalah lebih utama daripada lafaz-lafaz dan maknanya yang zahir. Hakikat kalimah itu diperolehi oleh para sahabat, tatkala mereka mengucap kalimah itu, mereka sungguh-sungguh mengetahui dan berkeyakinan bahawa tidak ada sesuatu yang wajib disembah melainkan Allah yang Maha Esa lagi Maha Berkuasa, tidak ada hakim-hakim atau pemerintah yang berkuasa mutlak melainkan Allah Rabbul Alamin, tidak ada sesiapa yang patut dicintai dan ditakuti melainkan Allah Rabbul-Jalil, tidak ada sesiapa pun yang boleh diletakkan harapan melainkan Allah yang Rahman dan Rahim; tidak ada sesiapa pun yang dapat menolong dan membantu kita melainkan Allah Al-Musta’an dan tidak ada sesuatu pun wujud yang wajib diimani dan dipercayai melainkan wujudnya Allah Al-Azzim.

Kita sekalian mengaku dan percaya adanya Alam Akhirat, bahawa syurga dan neraka itu benar, hidup sesudah mati itu benar, tetapi adakah kita telah mencapai hakikat keimanan mengenai perkara-perkara tersebut seperti mana yang telah dicapai oleh para sahabat Rasulullah SAW ? Sebagai contoh natijah hakikat ini, dalam satu peperangan seorang sahabat berehat sebentar sambil memakan buah tamar. Sebelum selesai memakannya dia telah mencampakkan buah tamar itu seraya berkata: *“Oh! Susah benar bagiku menunggu untuk*

menghabiskannya.” Lalu ia pun turun semula ke medan peperangan dan terus mencapai syahid, kerana syurga itu satu hakikat baginya dan hakikat itu terbayang-bayang di ruangan matanya. Sahabat yang telah mencapai hakikat pernah bersumpah; *“Demi Allah, aku merasai keharuman syurga dari sebelah Bukit Uhud.”* Inilah hakikat keyakinan. Kekuatan manakah yang boleh mengatasi hakikat itu dan umat manakah yang boleh mengalahkan umat yang mempunyai hakikat keyakinan sedemikian rupa?

Umat Islam hari ini amat ketandusan hakikat dan ruh keimanan serta semangat dan jiwa keislaman. Ia telah tercabut dari sebahagian besar dari mereka. Kini yang tinggal hanya zahir semata-mata. Perubahan ini bukan sahaja berlaku di masa sekarang ini, malah sudah berkurun-kurun lamanya, sudah ratusan tahun lamanya zahir itu mengambil tempat hakikat. Selama ini orang menyangka zahir itulah hakikat, dan mereka tidak sanggup walaupun untuk menghampiri zahir itu kerana kononnya takut dengan hakikatnya. Malangnya setelah disiasat, rupanya yang dihadapinya hanyalah zahir semata-mata, dalamnya kosong sahaja, tiada perisian hakikat.

Kita tentu pernah melihat petani-petani seringkali meletakkan di sawah mereka patung-patung untuk mengawasinya daripada ancaman burung-burung dan binatang-binatang. Burung-burung itu menyangka bahawa ada orang-orang yang menjaga sawah itu, tetapi jika seekur burung berani masuk ke dalam sawah itu maka tentu ia akan dapati bahawa yang ada di sawah itu hanyalah patung-patung yang tidak bergerak dan tidak ada kuasa untuk mengancamnya. Lalu diajaknya kawan-kawan burung dan binatang-binatang lainnya untuk menyerang sawah dan membinasakannya.

Inilah situasi yang berlaku pada umat Islam. Zahir mereka yang berupa hakikat telah dipelihara berkurun-kurun lamanya hinggakan bangsa-bangsa musuh menjadi takut dan tidak berani menghampirinya kerana peristiwa-peristiwa mengenai hakikat Islam yang berlaku pada zaman keemasan Islam itu masih ada di dalam pengetahuan (dan ingatan) mereka. Lantaran itu mereka amat menggeruni umat Islam dan takut untuk menyerangnya. Bagaimanapun Bangsa Monggol telah mencuba memecahkan kekuatan tersebut dan menyerang Kota Baghdad, rupa-rupanya didapati amat lemahnya umat Islam (di zaman itu) kerana mereka telah kehilangan hakikat, maka jatuhlah kubu umat Islam ke tangan Bangsa Monggol.

Dengan ini amat jelaslah bahawa umat Islam hari ini umpama arca yang tidak bernyawa dan telah berpaling jauh dari hakikat keislaman itu. Sejak itulah zahir umat Islam tidak berdaya lagi melindungi mereka. Yang masih sanggup dan akan terus sanggup untuk

memelihara umat Islam sehingga Hari Kiamat, hanyalah hakikat dan ruh Islam semata tetapi ia telah hilang dari diri mereka.

Kita tentu telah membaca kisah-kisah kekalahan dan kegagalan umat Islam dalam buku-buku sejarah. Sebenarnya kejadian-kejadian ini bukanlah mengenai kekalahan hakikat tetapi adalah kegagalan dan kejatuhan zahir (rupa Islam) yang terkosong dari ruh atau hakikatnya itu. Sebetulnya zahir inilah yang telah menghina kita dalam segala bidang kehidupan, namun ia berpunca atas kesalahan kita sendiri. Kita meletakkan bebanan hakikat ke atas zahir yang lemah, maka tentunya ia tidak dapat memikulnya.

Akhirnya ia jatuh dan menjatuhkan kubu-kubu Islam ke tangan musuh. Lama benar zahir Islam itu bertempur dengan tidak memperolehi apa-apa melainkan kekalahan demi kekalahan, kehinaan demi kehinaan. Dengan sebab itu hakikat Islam diburuk-burukkan dan dihina-hina oleh pandangan umum sedangkan musuh-musuh Islam pula yakin mereka telah dapat mengalahkan Islam. **Sayangnya semua tidak tahu bahawa hakikat Islam itu sudah lama benar tidak turun ke medan peperangan, yang menghadapi mereka hanyalah zahir Islam sahaja, bukan hakikatnya.**

Pusat khalifah ummah di Turki menghadapi bangsa-bangsa Eropah yang durjana dan tiada bertatasusila dalam medan perjuangan itu dengan zahir Islam yang lemah. Maka pastilah zahir yang lemah dan daif itu tidak dapat mempertahankan pukulan bangsa-bangsa Eropah itu. Bangsa Arab dan kuncu-kuncunya berhadapan dengan Israil yang terkutuk tetapi dalam keadaan yang tersisih jauh dari hakikat Islam, tidak rela mati syahid, tiada semangat perjuangan dan kosong jiwa keislaman. Yang ada dalam diri mereka ialah sifa-sifat kemabukan faham kebangsaan, faham kebendaan dan zahir Islam sahaja.

Mereka telah dibinasakan oleh Israil yang mempunyai kekuatan, persatuan yang kukuh, alatan peperangan yang moden dan tentera yang cukup terlatih. Di sini teranglah bahawa zahir tidak boleh menghadapi hakikat. Yahudi mempunyai hakikat walaupun hakikat itu merupakan kebendaan sedangkan bangsa Arab hanya mempunyai zahir. Sungguhpun zahir itu tetap suci tetapi ia tetap tiada berhakikat.

Zahir Islam memang mendapat keutamaan di sisi Allah kerana lama sungguh ia mempunyai hakikat Islam. Ia adalah pendokong hakikat Islam. Zahir Islam ini memang disayangi oleh Tuhan kerana ia adalah zahir yang disukai oleh para kekasihNya. Zahir Islam adalah suatu kurniaan Allah kerana zahir itulah dengan mudah sahaja dapat mengembalikan hakikat kepadanya. Jika zahir tiada, amatlah sukar untuk menuju hakikat.

Tetapi haruslah diingat, perjanjian Allah mengenai rahmat dan pertolongan dariNya di dunia, serta perjanjian mengenai keampunan, kejayaan dan ketinggian mertabat di Alam Akhirat kelak adalah berkaitan dengan hakikat, bukan dengan zahir sahaja.

Perhatikan beberapa daleel berikut;

“ Sesungguhnya Allah tidak akan memerhatikan zahirmu (rupamu) dan kekayaanmu tetapi Tuhan memerhatikan hati-hatimu dan amal perbuatanmu.”

Orang yang mempunyai zahir sahaja sedangkan kosong daripada hakikat adalah umpama kayu yang bersandar kepada sesuatu.

“Dan apabila engkau melihat mereka, nescaya engkau takjub kerana (kecantikan) tubuhnya, dan jika mereka bercakap-cakap, engkau dengarkan perkataannya (kerana fasihnya). Mereka itu seolah-olah kayu yang tersandar (kedinding). Mereka mengira tiap-tiap teriakan suara adalah terhadap mereka.” (Al Munafiqun: 4)

Perjanjian Allah mengenai kekayaan, kemenangan, kebahagiaan dan pertolongan di dunia juga adalah terletak pada hakikat keimanan dan keislaman.

“Dan janganlah kamu lemah dan janganlah kamu berduka cita, kerana kamulah orang yang paling tinggi jika kamu memang orang yang beriman.” (Ali Imran : 139)

“Sesungguhnya Kami akan tolong Rasul-Rasul Kami dan orang-orang yang beriman pada penghidupan dunia dan Hari Kiamat dimana berdiri saksi-saksi.” (Al-Mukmin: Ayat 5)

“ Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman diantara kamu dan mengerjakan amal-amal salih bahawa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka sebagai khalifah yang berkuasa di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka khalifah yang berkuasa dan Dia akan jejakkan agama mereka bagi mereka yang Ia redha untuk mereka dan Ia akan gantikan ketakutan mereka dengan keamanan dan ketenteraman.” (An Nur : 55)

Jelaslah daripada daleel-daleel ini bahawa Allah sendiri menjamin kejayaan, kesejahteraan serta ketinggian bagi umat Islam jika mereka mempunyai hakikat keimanan dan keislaman. Sebaliknya jika mereka hanya mempunyai zahir sahaja maka mereka tidak layak menerima sesuatu kelebihan dari Allah.

Sungguhpun perjanjian-perjanjian Allah yang terkandung dalam ayat-ayat tersebut itu adalah terang bagi mereka yang beriman dan beramal salih, tetapi untuk mencapai segala-gala yang tersebut diletakkan satu syarat iaitu hakikat keislaman, ataupun Tauhid yang sempurna.

“Hendaklah mereka menyembah akan Daku, tidak mereka sekutukan Aku dengan segala sesuatu.” (An Nur: 55)

Menurut Rasulullah SAW bahawa di dunia ini umat Islam adalah umpama garam. Kelazatan dan kesedapan sesuatu makanan itu adalah dengan garam dan garam itu ada kemasinannya. Jika ia tidak masin maka tidak boleh dikatakannya garam. Kemudian zat yang manakah yang hendak dibawa untuk menyedapkan makanan itu?

Kesimpulannya, pada masa sekarang ini urusan yang terpenting yang menjadi tugas umat Islam ialah menyeru umat Islam keseluruhannya supaya mereka mengembara dari zahir yang terkosong menuju ke arah zahir yang mempunyai perisian hakikat yang sebenarnya. Kita mestilah berusaha menanamkan ruh dan hakikat keislaman ke dalam jiwa umat Islam yang terjauh daripadanya. Inilah tanggungjawab umat yang terpenting sekali pada hari ini. Sesungguhnya perubahan alam sejagat bergantung kepada perubahan ummah dan perubahan ummah adalah terletak pada pencapaian hakikat keislaman dan keimanan.

“Wahai umat Islam, hendaklah kamu sekelian maju dari zahir iman kepada hakikatnya.” (An Nisa: 136)

Bagi teks keseluruhan ucapannya, sila rujuk pada buku *Fazail Amal, Himpunan Kitab-Kitab Fazail* susunan Hadrat Shaikhul Hadeeth Maulana Muhammad Zakariyya Kandhlawi

Bab 3 :

Islam dan Kemanusiaan Masakini

Setiap manusia yang berakal pasti menginginkan kehidupan yang senang, bahagia dan sejahtera. Sejarah perkembangan tamadun manusia memperlihatkan bagaimana tafsiran konsep-konsep tersebut telah melalui beberapa proses evolusi daripada zaman kuno, melalui zaman pertengahan sehinggalah muncul dalam tafsiran moden yang dibuat dalam kerangka sekular pegangan hampir kebanyakan masyarakat dunia masa kini.

Berbeza dengan pandangan para cendekiawan bangsa-bangsa dunia zaman pra-sekular dahulu, tafsiran konsep-konsep kesenangan, kebahagiaan dan kesejahteraan pada zaman moden ini langsung tidak diikat dengan nilai-nilai moral oleh ahli-ahli falsafah Barat, apatah lagi agama. Oleh kerana kebanyakan bangsa-bangsa dunia hari ini mencedok bulat-bulat pemikiran serta amalan masyarakat Barat termasuk yang berkaitan dengan falsafah-falsafah hidup, menjadikan manusia sejagat hampir serupa dengan masyarakat-masyarakat jahiliyah dahulu kala dalam kehidupannya.

Apabila kesenangan, kebahagiaan dan kesejahteraan hanya diikat dengan keperluan-keperluan zahiriyah, mahupun kepada kehendak-kehendak nafsu dan materi semata-mata, maka kepuasan dan ketenangan jiwa yang hakiki menjadi sukar untuk diperolehi. Walaupun kadangkala keperluan-keperluan tersebut dapat dipenuhi, namun kepuasan yang didapatkan hanyalah bersifat sementara sebelum jiwa kembali menjadi resah gelisah, mencari damai, matlamat kesenangan dan kebahagiaan diburu lagi.

Maka berulang-ulanglah berlakunya proses tersebut, tuntutan ruh yang sebenarnya 'lapar batiniyyah', teraba-raba dalam kegelapan, mencari cahaya keTuhanan, tetapi ditahan daripada mendapatkan haknya. Ruh yang sebenarnya menuntut dicelikkan pandangan basirahnya, dibuka tirai hitam yang menyelubunginya, digilap-gilap cermin hatinya supaya bersegera mengecapi nikmat daripada makrifat Allah yang dapat diperolehi hanya dengan berzikir dan beramal soleh, di situlah letaknya kedamaian, namun tidak dipenuhi keinginannya.

Apabila kehendak-kehendak ruh disangkal, maka natijahnya diri sentiasa merasa kosong, gelisah, jiwa sering memberontak sehingga boleh mencetuskan perasaan marah yang mendadak dan membuak-buak, dimenifestasikan dalam bentuk perlakuan-perlakuan yang tidak rasional, sehingga boleh menjangkau kepada tindak tanduk yang ganas

dan kejam kerana telah dikuasai oleh kekuatan kebinatangan yang bercirikan hawa nafsu semata-mata.

Bagi sesetengah manusia, rasa tiada kedamaian yang terpendam dalam lubuk hati itu cuba ditangani dengan mencari ruang-ruang *escapism* atau 'pelepasan diri'. Jiwa yang resah dan memberontak, terkadang pada diri sendiri, terkadang pada manusia lain, terkadang pada dunia dan alam, perlu dilepaskan ketegangannya, diekspresikan, sehingga ada yang mencetuskan ilham dan kreativiti seni dan muzik sebagai suatu cubaan mencari jalan keluar dari kemelut jiwa yang parah dan membuak-buak.

Dalam ikhtiar cuba mendapatkan kesenangan, kebahagiaan dan kesejahteraan hidup, maka dalam kerangka sekular, manusia diberi kebebasan penuh untuk memilih dan mengekspresi diri (*freedom of choice and expression*). Malangnya kebebasan memilih dan mengekspresi diri ini tidak diikat dengan pilihan yang mendatangkan kebaikan, kerana dalam falsafah sekular, konsep kebaikan itu bersifat subjektif. Bermakna selagi tidak mengganggu ketenteraman awam, seseorang itu dibenarkan berbuat sesuka hatinya atas nama kebebasan untuk memilih dan mengekspresi diri, konon dengan matlamat mencari kesenangan dan kebahagiaan hidup serta kedamaian jiwa.

Natijahnya wujudlah golongan manusia yang berkelakuan bebas lepas dan bebas laku. Naluri kebinatangan yang sedia wujud dalam diri tidak dikawal dan dikekang, hawa nafsu disogok-sogokkan dengan segala perhiasan duniawi yang penuh tipudaya itu, jiwa yang sepatutnya disuluh dengan cahaya keTuhanan sebaliknya dipenuhkan dengan segala sampah-sarap noda dan dosa, lalu terbitlah nafsu *ammarah* dan sifat *mazmumah*, iaitu nafsu yang mentaati syaitan dan sifat-sifat yang tercela.

Sayang seribu kali sayang, semakin cuba diubati kekosongan hati dengan bermacam-macam pilihan bebas lepas dan bebas laku, semakin dirasakan sayup-sayup menghilang matlamat kesenangan dan ketenangan diri yang cuba digapai-gapai itu, Tuhan semakin 'jauh', jiwa semakin kalut, memberontak mencari kepuasan dan kedamaian ruhaniyyat.

Manusia-manusia seperti ini menjadi bahan mainan syaitan, dibisik-bisikannya berbagai ilham kononnya sebagai jalan keluar dari kemelut jiwa, namun sebenarnya hanyalah ide-ide yang menjahanamkan diri mereka sendiri, menjadikannya semakin jauh meninggalkan Tuhannya, menjadi hamba-hamba syaitan, bersekongkol

dengan mereka dalam gejala maksiat dan perlakuan-perlakuan sumbang.

Sebahagian mereka menjadi kufur dan syirik, menyembah yang selain dariNya, malahan mengishtiharkan perang pada Allah Ta'ala. Di kalangan mereka ada yang sesat sendiri, dan ada yang sesat lagi menyesatkan. Golongan inilah yang bakal menempah neraka dan kecelakaan, sekiranya mereka tidak pantas kembali ke jalan Allah yang lurus sebelum nyawa dicabut Malaikat Maut.

Hakikatnya matlamat kesenangan, kebahagiaan dan kesejahteraan hidup hanya dapat dicapai apabila ruh yang tersembunyi di sebalik zahir jasad dipulangkan kepada fitrahnya, yakni diletakkannya kembali pada jalan Allah yang lurus, diberikan haknya untuk berdamai dengan Tuhan yang Menciptanya, mengingat, mengenal dan mengesahkan kembali hakikat keTuhanan Allah Ta'ala. Ruh yang rindu untuk menyembah, mengagung serta membesarkan Tuhannya, rindu untuk *bermahabbah* dan *bertaqarrub* denganNya, rindu untuk mengesahkan perjanjiannya dengan Allah Ta'ala pada Hari Mengambil Janji sebelum ia diturunkan ke alam yang fana ini.

Penyembahan kepada Allah Ta'ala adalah kebebasan yang hakiki, kerana ianya membebaskan manusia daripada belenggu tipudaya syaitan yang dilaknat, dominasi kekuatan kehaiwanan yang keji dan runtunan hawa nafsu yang mencemarkan jiwa, yang bakal membawa kepada kecelakaan zahir dan batin. Perdamaian semula antara ruh dengan Tuhannya akan mewujudkan *nafsu mutmainnah*, yakni jiwa yang damai, perasaan yang tenang, batin yang puas, fikiran yang rasional, terhindar dari rasa was-was, syak wasangka, resah gelisah, gejolak kalbu, kebimbangan dan ketakutan. Inilah Islam, agama ketenangan yang hakiki.

Ringkasnya, matlamat kebahagiaan dan kesejahteraan hidup seseorang manusia amatlah berkait rapat dengan persoalan iman dan amalnya, kerana hakikat kebahagiaan adalah bersumber daripada ruh yang dikembalikan haknya untuk menyembah Tuhan yang Menciptanya.

Kedudukan Islam Hari Ini

Pada suatu masa dahulu, semua makhluk mengakui keTuhanan dan keEsaan Allah SWT serta menyembahNya. Dan manusia akan kembali mengakui keTuhanan dan keEsaanNya apabila dunia dikejutkan dengan tiupan sangkakala, yakni bermulanya suatu fasa pada umur manusia di Hari Kebangkitan yang mana mereka sekalian akan dikumpulkan di hadapan pengadilan Allah SWT untuk ditimbang

semua amalannya serta dihisab. Pada hari tersebut, manusia akan menerima buku catatan amal masing-masing, melalui beberapa proses sehingga ke peringkat akhir apabila sebahagian daripada mereka akan dimasukkan ke tempat penuh kebahagiaan, kenikmatan, ketenangan dan kesejahteraan di syurga yang berbagai darjat, ataupun dihumbankan ke jurang api neraka yang penuh penderitaan, gejalak dan kesengsaraan, bergantung kepada amalan masing-masing semasa hidup mereka di dunia serta Rahmat daripada Allah SWT.

Para Rasul yang diutuskan Allah ke mukabumi ini mempunyai matlamat membawa semua manusia ke jalan Allah Ta'ala, menyelamatkan dari jalan kesesatan dan kecelakaan. Dan Rasulullah SAW sebagai penutup risalah Nubuwwah telah melengkapkan dengan sebaik-baiknya formula dalam mencari jalan berpulangan ke hadrat Illahi melalui wahyu dan sunnah baginda, dihiasi dengan semulia-mulia akhlak, menjadi *Rahmatulil 'alameen*, yakni sebagai penyebar Rahmat Allah di dunia ini.

Kemudian Allah SWT wujudkan golongan para sahabat baginda, yang mana Allah redho pada mereka dan mereka pun redho denganNya, dan mereka adalah umpama bintang-bintang di langit.

Firman Allah SWT :

“ Orang-orang yang terdahulu lagi yang pertama-tama (masuk Islam) di antara orang-orang Muhajirin dan Ansar dan orang-orang yang mengikuti mereka dengan baik. Allah redho kepada mereka dan mereka pun redho dengan Allah. Allah menyediakan mereka syurga yang mengalir sungai-sungai di bawahnya; mereka kekal didalamnya; itulah kemenangan yang besar.” (At-Taubah:100)

Disusuli pula dengan golongan tabiin dan taba tabiin serta alim-ulamak sebagai penyambung kerja dakwah dan tabligh, menjadi pewaris Nabi SAW dalam tanggungjawab yang teramat besar dan penting, menyampai dan menyebarkan ayat-ayat Allah dan sunnah Rasulullah SAW ke serata ceruk rantau dunia, umpama unit-unit bomba yang bergerak pantas dalam usaha memadamkan kebakaran, yakni menyelamatkan manusia sejagat daripada ancaman dicampakkan ke jurang api neraka di Hari Kiamat nanti. Ataupun hujan yang mencurahkan turun membasahi bumi nan gersang sehingga menghijaulah jadinya, penuh dengan tumbuh-tumbuhan yang kemudian dapat diambil menafaatnya oleh sang makhluk.

“ Pada hari ini (Arafah) Aku sempurnakan bagimu agamamu dan Aku cukupkan nikmatKu untukmu dan Aku redho Islam menjadi agamamu.” (Al-Maidah : 3)

“ Sesungguhnya agama di sisi Allah ialah Islam. Tiadalah berselisih orang-orang ahli-kitab, melainkan setelah datang ilmu pengetahuan kepada mereka, kerana berdengki-dengkian sesamanya. Barangsiapa yang kafir akan ayat-ayat Allah, maka sesungguhnya Allah bersegera menghisabnya. “ (Ali-Imran : 19)

Jelas daripada ayat-ayat di atas bahawa Allah SWT telah redho Islam sebagai kenderaan untuk membawa manusia kembali ke hadratNya, kerana Islam mengambil sumber muktamadnya daripada kitab Al-Quran yang penuh mukjizat itu.

Dan Islam itu mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia, agama yang *syumul*, zahir dan batin, dihidup dan disempurnakan melalui cara yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW sendiri dalam peranan baginda sebagai utusan Allah yang terakhir dan rahmat bagi sekalian alam ini. Maka sempurnalah Agama Islam itu dalam teori dan praktikal, begitu relevan dalam kehidupan duniawi, malah menjadi satu-satunya formula untuk mencapai kebahagiaan hakiki dan penyelamat daripada ancaman kebinasaan yang kekal abadi.

Bagaimana pula halnya jikalau Islam tidak diletakkan di tempatnya yang hak, yakni dipertuankan dalam sistem kehidupan manusia di dunia ini? Ianya umpama meletakkan kaki di kepala dan kepala di bawah telapak kaki, natijahnya akan berlakulah fenomena yang mencabuli hukum-hukum alam.

Apabila Islam tidak diletakkan di persada, akan terhiblah hati-hati manusia daripada pandangan-pandangan *basirah*, yang tinggal hanyalah pandangan-pandangan zahiriyyah, mudahlah mereka ditipu oleh perhiasan-perhiasan duniawi, dikawal oleh hawa nafsu *ammarah* dan dibelit-belit dengan tipu daya syaitan.

Apatah lagi jikalau yang mengambil tempat Agama Islam itu ialah sistem sekular, yang enggan urusan kehidupan duniawi ada kena mengena dengan prinsip agama dan keTuhanan, diasingkan antara keduanya. Maka wujudlah suatu tamaddun yang menghilangkan Allah dari dunia dan kehidupan, walhal Allah Ta'ala tidak boleh dihilangkan sama sekali, bahkan akan mempersoal dan menghukum hamba-hamba yang berpaling daripadaNya di Hari Pengadilan kelak.

Tamaddun yang dimaksudkan itu ialah TAMADUN TIDAK BERTUHAN, yang mana dunia dipenuhi manusia-manusia durjana, syaitan-syaitan yang bertopengkan manusia. Akhlak dan peradaban mulia digantikan dengan perlakuan-perlakuan sumbang dan keji, jiwa-jiwa yang bersih dan tenang menjadi kotor dan bercelaru, maksud hidup

untuk menyembah Allah digantikan dengan menyembah syaitan dan hawa nafsu.

Natijahnya keseimbangan dunia dan alam menjadi bercelaru, bukan sahaja umat Islam merasa bahang kemudaratannya, malahan orang-orang kafir juga tidak lagi mendapat lampias daripada rahmat dan barakah yang diperolehi oleh golongan mukmin pada tempat-tempat yang dikongsi hidup. Hidup-hidupan di darat dan lautan, tumbuh-tumbuhan dan alam juga boleh 'merajuk' dan menjadi tidak keruan, kerana haiwan, tumbuh-tumbuhan dan alam juga berzikir, memuji dan mengagungkan kebesaran Illahi.

Firman Allah Ta'ala :

“Bertasbih kepadaNya langit yang tujuh dan bumi serta siapa yang ada dalam semuanya. Tidak adalah satu (makhluk), melainkan bertasbih serta memujanya, tetapi kamu tiada mengerti tasbih mereka itu. Sesungguhnya Dia Penyantun lagi Pengampun. “ (Al-Israak : 44)

“ Tidakkah engkau tahu, bahawa siapa yang di langit dan di bumi dan burung terbang di udara semuanya tasbih (tunduk) kepada Allah .Masing-masingnya Allah mengetahui doanya dan tasbihnya. Allah Maha Mengetahui apa-apa yang mereka kerjakan.“ (An-Nur : 41)

“ Tidakkah engkau tahu bahawa kepada Allah sujud siapa yang di langit dan siapa yang di bumi, matahari, bulan, bintang-bintang, gunung-gunung, pohon-pohon, binatang-binatang yang melata dan kebanyakan manusia. Tetapi kebanyakan (manusia lain) berhak mendapat azab. “ (Al-Hajji:18)

Dunia yang ketandusan manusia-manusia beriman dan beramal soleh adalah dunia yang amat merbahaya untuk menjadi tempat tinggal, kerana pada tempat-tempat seperti inilah bala Allah menanti-nanti dan bersiap sedia untuk melepaskan bahananya. Dan dunia yang tiada seorang pun golongan beriman padanya untuk mengagungkan, berzikir dan menyembah Allah Ta'ala adalah dunia yang celaka, hanya menunggu saat-saat untuk dihancurkan, yakni dengan kedatangan Hari Kiamat.

Tidak perlulah kita berteori tentang dunia yang gersang daripada kewujudan manusia-manusia beriman, cukuplah untuk diambil iktibar daripada alam realiti di sekeliling kita hari ini.

Apabila sistem yang meninggalkan Tuhan dalam urusan kehidupan manusia diguna pakai, yakni sistem sekular, dan yang menjadi khalifah bumi ialah orang-orang kafir, golongan Yahudi dan

Nasrani, bukan sahaja umat Islam menjadi sasaran segala bentuk kejahatan dan kezaliman, malahan manusia-manusia yang tidak beriman, yang tunduk bawah kekuasaan Yahudi dan Nasrani itu juga tidak lagi terlindung dari segala bentuk kemerbahayaan zahir batin, terdedah kepada ancaman manusia-manusia dajjal dan durjana yang berakhlak buruk, luput kasih sayang dan adab sopan, hilang malunya, cela-mencela, cerca-mencerca, fitnah-menfitnah, tikam-menikam, khianat-mengkhianati, tipu-menipu, cabul-mencabuli, aib-mengaibi, tamak haloba, rakus, serang-menyerang, bunuh-membunuh serta seribu satu macam kejelekan dan kemudaratan lagi.

Haiwan di lautan dan daratan, tumbuh-tumbuhan dan alam juga seolah-olah turut sama berkabung dengan golongan beriman yang luluh hati, merintih serta meratapi gejolak maksiat dan kemungkaran yang bermaharajalela di mana-mana jua, menjadi saksi kepada keangkuhan manusia-manusia durjana yang mengishtiharkan perang pada Allah *jalla jallaluh* yang menciptakan mereka hanya daripada titisan-titisan air mani.

Jikalaulah tidak kerana masih wujud orang-orang yang dikasihi Allah Ta'ala di mukabumi ini, para auliaNya serta kaum mukminin dan mukminat yang masih ikhlas dalam menyembahNya, berzikir, memuja dan mengagungkan kebesaranNya, mencintai serta menselawati ke atas RasulNya SAW, nescaya sudah tentu tumbuh-tumbuhan tidak mahu lagi mengeluarkan buah-buahnya, tanam-tanaman tidak mahu mengeluarkan hasilnya, haiwan ternakan tidak mahu bertelur dan beranak-pinak, binatang-binatang buas keluar dari hutan memburu mangsa-mangsa untuk dibaham, bakteria dan virus beramuk-amukan menyerang manusia sehingga berleluasalah berbagai wabak penyakit yang memudarat serta menyengsarakan.

Matahari meluap-luap memancarkan api kemarahannya sedangkan awan tidak mahu melindungi bumi daripada bahang keterikannya, hujan tidak mahu turun membasahi bumi, ataupun turun tidak henti-henti sehingga habis tenggelamlah seisi bumi ini, bumi bergegar-gegar sehingga menggoncangkan gunung-ganang, menterbalikkan tanah dan mencetuskan tsunami-tsunami mega, sehingga terjadilah bermacam-macam musibah alam dan tragedi kemanusiaan yang berpotensi membunuh serta memudaratkan berjuta-juta nyawa sekaligus.

Perkara ini tidaklah mustahil berlaku, malahan pada hari ini pun kita telah banyak menyaksikan 'gazet-gazet' kecil yang am berlaku di sekeliling kita, di seluruh dunia, supaya manusia mengambil iktibar daripadanya.

Malangnya manusia cepat alpa, kekayaan yang nampak di depan mata, kesihatan badan yang dinikmati, usia yang muda, hiburan bercirikan maksiat yang direguk dalam berbagai bentuk dan format seringkali menumpulkan ketajaman akal, menggelapkan pandangan *basirah*, meledakkan gejolak nafsu, melalai dan meleakakan sehingga manusia rata-rata lupa tentang maksud hidup, lupa tentang ancaman syaitan iblis yang kesumat untuk mensabotaj, lupa bahawa di sebalik dunia yang menjadi main-mainan dan senda gurauan ini adalah sebenarnya hanya suatu persinggahan dalam musafir insan kepada suatu destinasi yang maha penting dan penuh bermakna, iaitu kehidupan di Alam Akhirat yang kekal abadi, dan bekalan yang cukup perlu disediakan untuk kehidupan di sana nanti.

Terlebih malang apabila Islam tidak dipertuankan, khalifah bumi dilantik dari kalangan orang-orang kafir, maka tidaklah boleh diharapkan kepada kepimpinan kafirun, *yahudi wa nasara* untuk memperingatkan manusia tentang matlamat hidup yang sebenar, membimbing manusia sejagat ke jalan Allah, melaksanakan sistem-sistem Islam dalam seluruh aspek kehidupan. Malahan khalifah bumi yang sedemikian itu akan bertuhankan syaitan dan hawa nafsu, mengikut telunjuk iblis *laknatuLlah* yang ingin manusia disesatkan, dicelakakan dan ditempatkan di destinasi neraka dalam kehidupan di Alam Akhirat kelak.

Firman Allah Ta'ala :

“ Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan redho kepadamu hingga kamu turut agama mereka. Katakanlah, sesungguhnya petunjuk Allah itulah sebenar petunjuk. Demi, jika kamu turut kemahuan mereka, setelah kamu mendapat pengetahuan, tidak adalah bagimu wali-wali dan penolong dari (siksa Allah) . ” (Al-Baqarah:120)

Sabda Rasulullah SAW :

“Akan tiba masanya manusia akan mengajak satu sama lain untuk membinasakan kamu (umat Islam), sebagaimana orang mempelawa satu sama lain untuk menjamah hidangan makanan (i.e bangsa-bangsa akan memujuk dan mengajak yang lain untuk bergabung bagi mengeronyok umat Islam dengan apa cara sekalipun). Seorang sahabat bertanya :’ Apakah disebabkan bilangan kami sedikit pada masa itu ya Rasulullah ?’ Baginda menjawab;’ Bahkan, bilangan kamu diwaktu itu adalah ramai tetapi kamu adalah ibarat buih di atas air ketika banjir. Allah akan cabut ketakutan dari dada musuh kamu dan Dia akan campakkan dalam hati kamu penyakit Al-Wahn. Seorang sahabat bertanya pula:’ Ya Rasulullah, apakah dia Al-Wahn itu?’ Jawab Rasulullah ‘Cinta dunia dan takut mati”

Begitu juga dengan kepemimpinan munafiqun, yakni orang-orang yang hatinya kafir tetapi bertopengkan imej Islam, yang ramai wujud dalam negara-negara umat Islam hari ini. Dikatakan mengenai golongan munafiqun, tempatnya kelak adalah paling terke bawah, lebih bawah daripada golongan kafirun di jurang api neraka kelak.

“Sesungguhnya orang-orang munafik di tingkat yang paling bawah di neraka, sedang engkau tiada memperoleh penolong untuk mereka itu.”
(An Nisa' : 145)

Persoalannya, apakah yang perlu dilakukan bagi menyelamatkan ummah sejagat dari pertuanan kafirun hari ini yang mengancam untuk membawa kebanyakan manusia kepada jalan kegelapan, kesesatan dan kebinasaan? Apakah golongan kafirun dan munafiqun yang ramai wujud di mukabumi pada hari ini akan ditimpakan nasib seperti kaum Aad, kaum Thamud dan kaum Nabi Nuh AS? Apakah bumi perlu mengalami suatu anjakan paradigma yang besar dalam bentuk global sebagai suatu takdir Allah bagi membuka ruang kesempatan untuk Agama Islam tampil kembali dipertuankan dan khalifah-khalifah bumi dipulangkan semula ke tangan tokoh-tokoh umarak yang beriman dan bertaqwa ??

Bagaimana Islam dapat kembali ke persada haknya supaya manusia sejagat dapat dipimpin ke jalan yang benar, mengesahkan janji mereka untuk menyembah hanya kepada Allah SWT sebagai Tuhan yang Maha Esa, sehingga Allah redha kepada mereka lalu diampunkan, dirahmati, diselamatkan dari siksaan api neraka dan dimasukkan ke syurga yang kekal dan penuh kesejahteraan itu?

Bahagian Kedua:

**KEPIMPINAN TRADISIONAL
UMMAH & KEMUDARATAN
SISTEM SEKULAR:**

Bab 4 : **Peranan Khalifah Rasulullah**

Kewujudan organisasi kemasyarakatan telah bermula seawal kemunculan manusia di mukabumi ini, mengambil peranan penting bagi mengurus serta melancarkan kehidupan mereka. Tanpa organisasi kemasyarakatan, kewujudan manusia tidak akan sempurna, kerana bukan sahaja mereka memerlukan kerjasama antara satu sama lain untuk menghasilkan makanan serta mendapatkan keselamatan dan perlindungan daripada unsur-unsur alam dan makhluk, malahan manusia saling perlu memerlukan untuk mewujudkan berbagai kemahiran, keahlian dan mencipta pelbagai perkakasan bagi melahirkan masyarakat bertamadun, berperadaban dan berbudaya, sesuai dengan fitrah manusia yang dikurniakan akal oleh Allah Ta'ala untuk berfikir serta menzahirkan fikiran-fikiran tersebut melalui kudrat tenaga dan anggota badan.

Apabila manusia telah mencapai organisasi kemasyarakatan dan berperadaban, mereka memerlukan ketua atau kepimpinan demi melaksanakan kewibawaan dan menguasai mereka. Ini berikutan manusia itu memiliki tabiat dan kekuasaan kebinatangan yang bukan sahaja mudah mencetuskan permusuhan akibat dari perilaku buruk seperti khianat-mengkhianati, tikam-menikam dan cabul-mencabuli, malahan boleh mendatangkan kemerbahayaan pada diri dan hartabenda akibat berlakunya tindakan-tindakan ganas dan buas seperti serang-menyerang dan perang-memerangi.

Hakikatnya di awal tamadun manusia, senjata-senjata yang digunakan untuk menjamin diri daripada serangan binatang-binatang buas tetap tidak mampu melindungi mereka daripada serangan manusia-manusia lain kerana semuanya mempunyai kekuatan senjata yang sama.

Oleh itu manusia perlu kepada orang-orang yang dapat melindungi daripada keganasan insan terhadap insan yang lain. Maka dipilihlah dari kalangan mereka ketua-ketua untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut yang mana diperlukan ciri-ciri kekuatan dan kewibawaan melebihi mereka serta dapat pula menguasai mereka, sehingga tidak ada seorang pun diantara mereka akan menyerang yang lainnya. Inilah yang dimaksudkan dengan asas kekuasaan dan kedaulatan.

Di masa-masa kemudian apabila bilangan manusia menjadi bertambah ramai dengan berbagai ras serta tanah-tanah jajahan yang

semakin meluas, peranan ketua-ketua menjadi lebih penting bagi mengimbangkan serta menangani masalah perbezaan martabat, prinsip dan kepercayaan, kepentingan individu-individu mahupun kelompok-kelompok yang semakin kompleks dengan berbagai ragam karenah dan citarasa sehingga boleh membawa kepada konflik dan perbalahan antara satu sama lain jika tidak dikuasai dan dibimbingi.

Kemudian dilanjutkan pula dengan perkembangan tamadun, budaya dan peradaban yang progresif dan dinamik, sehingga peranan ketua-ketua diperkembangkan lagi sebagai **perencana dan pemutus dasar pemerintahan, halatuju serta matlamat kehidupan masyarakat** yang di bawah perintahnya itu. Dan ketua yang paling tinggi ini diberikan berbagai nama seperti raja, rajah, kaisar, kisra, roi, king, maharaja, firaun, sultan, khalifah dan sebagainya .

Natijahnya, terbitlah sistem-sistem politik dan pentadbiran bersekali dengan kuasa-kuasa sokongan di bawah pernaungan penguasa atau ketua yang paling tinggi itu. Wujudlah jawatan wazir, perdana menteri atau bendahara sebagai ketua pentadbir yang mempunyai hubungan secara langsung dengan penguasa, ketua polis dan tentera yang menjaga bahagian keselamatan serta jemaah menteri yang bertanggungjawab dalam bidang-bidang yang diwujudkan demi kelancaran hal ehwal pemerintahan dan pengurusan masyarakat seperti bidang ekonomi, pendidikan, perundangan, sosio-budaya dan sebagainya.

Ringkasnya jikalau pada suatu masa dahulu, yakni dalam tamadun awal dengan kehidupan manusia yang serba asas dan ringkas, ketua atau penguasa mempunyai kuasa atas kekuatan kudrat tenaga semata-mata dengan kelebihan lain yang ala kadar untuk menguasai masyarakatnya. Bagaimanapun di zaman-zaman kemudian apabila masyarakat menjadi semakin kompleks dan canggih, ketua-ketua memerlukan ciri-ciri kepandaian, hikmah dan kebijaksanaan, berfikiran seperti ahli-ahli falsafah atau pemikir, bertindak dan melaksana (*men of action*) serta berupaya pula mengadakan sistem muafakat dengan para pendokong dan pembantunya yang mempunyai keahlian dalam berbagai bidang termasuklah dari aspek kepercayaan, keagamaan, budaya dan peradaban sehingga jadilah ketua-ketua itu orang-orang yang berkuasa dan berdaya hebat sehingga dapat menerbitkan kerajaan-kerajaan yang kuat, cemerlang dan gilang gemilang.

Kepala Negara Dalam Tamadun Islam

Selama beribu-ribu tahun manusia telah diperintah oleh golongan raja-raja sebagai penguasa tertinggi bagi kebanyakan bangsa-bangsa yang wujud di dunia. Menjadi kelaziman bagi rakyat untuk taat dan mengikuti titah raja-raja yang menguasai mereka, termasuklah dalam hal ehwal peradaban dan keagamaan. Malahan sesetengah bangsa percaya bahawa raja-rajanya mempunyai hubungan yang kuat dengan kuasa alam ghaib seperti alam ketuhanan dan 'kedewataan', langsung diberikan setinggi-tinggi takzim dan kemuliaan sehingga ada yang menyembah raja-raja mereka.

Islam lahir dalam keadaan dunia politik sudah sedia wujud di merata-rata tempat, dan raja-raja kepada berbagai kaum dan kepercayaan telahpun menapak dan berkuasa untuk sekian lama, mencorakkan identiti serta tamadun bangsa-bangsa yang di bawah penguasaan mereka itu.

Dalam hal ini Rasulullah SAW bukan sahaja berperanan sebagai Rasul pilihan Allah Ta'ala untuk menyempurnakan risalah Nubuwwah, malahan baginda juga menjadi Kepala Negara atau *Ulil Amri* apabila Allah Ta'ala mengurniakan Kota Madinah sebagai platform untuk baginda mendirikan sebuah politi Islam, menegakkan syariat serta melaksanakan tugas dakwah dan tabligh. Baginda mempamirkan ciri-ciri kepimpinan dan negarawan yang terulung dan terunggul, mencapai keharmonian dalam menyeimbangkan kuasa dengan tuntutan keadilan dan nilai-nilai agama.

Perkembangan politi Islam di bawah perintah Rasulullah SAW inilah telah dapat menerbitkan *usul al-fiqh al-siyasi* atau kaedah bagaimana sesebuah negara itu diperintah mengikut landasan syariat, yakni berdasarkan kepada doktrin-doktrin Agama Islam yang dibawa baginda SAW.

Apabila Rasulullah SAW wafat, perbahasan demi perbahasan telah tercetus dalam ikhtiar para sahabat RA anhum untuk melantik pewaris baginda dalam hal ehwal menjaga kepentingan agama dan umat Islam sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah SWT, kerana baginda tidak mewasiatkan seseorang yang khusus sebagai penerusnya.

Dalam hal ini Rasulullah SAW bersabda :

“Dahulu Bani Israel selalu dipimpin dan dipelihara urusannya oleh para Nabi. Setiap kali seorang Nabi meninggal, digantikan dengan Nabi yang lain. Sesungguhnya tidak akan ada Nabi sesudahku. (Tetapi) nanti akan ada banyak Khalifah. Para sahabat bertanya :”Apakah yang

engkau perintahkan kepada kami? Baginda menjawab:” Penuhilah bai’at yang pertama dan pertama itu sahaja. Berikan kepada mereka haknya, kerana Allah nanti akan menuntut pertanggungjawaban mereka tentang rakyat yang dibebankan urusannya kepada mereka.”

Walaupun para sahabat pada awalnya berselisih pendapat tentang ciri-ciri serta siapa-siapa yang tepat untuk dipilih sebagai Khalifah, namun mereka tidak pernah berbeza pendapat tentang kewajiban, kepentingan dan keutamaan melantik Khalifah, baik ketika wafatnya Rasulullah SAW mahupun ketika penggantian setiap satu dari *Khulafar Rashidin* (Khalifah yang empat) pada masa-masa kemudian.

Bagi menzahirkan pengganti yang dapat melaksanakan hasrat tersebut dan seterusnya menerajui pemerintahan umat Islam⁷, maka ciri-ciri yang berikut ini dijadikan kayu ukur dalam pemilihan bakal Khalifah yang pertama;

1. Seorang yang telah mendapatkan kepercayaan Rasulullah SAW untuk memikul tugas-tugas berat dalam urusan keagamaan dan sekaligus menjadi pendamping dan orang kepercayaannya dalam suasana yang amat prihatin.
2. Seorang yang berperibadi keras dan tegas bila menghadapi cabaran dan cubaan yang boleh menghilangkan kemurnian Islam dan keberadaannya.
3. Seorang yang amat dalam pengertiannya dalam agama dan banyak mendampingi Nabi SAW dalam segala keadaan baik di masa senang mahupun di masa susah.
4. Seorang yang keras cita-citanya untuk menjaga kemurnian dan kesinambungan Islam dimana ia tidak dapat dijual beli atau dipengaruhi oleh sesiapaupun.
5. Seorang yang amat berhati-hati dan teliti dalam mewujudkan apa yang dicita-citakan oleh Rasulullah SAW tanpa mengenal kompromi dengan sesiapaupun yang tidak senang dengan Islam.
6. Seorang yang zuhud dari segala kesenangan duniawi dan tidak menyimpan cita-cita untuk mengeruk kekayaan buat peribadinya seperti para penguasa lain jika mendapat kesempatan.

⁷ Syekh Abul Hassan Ali An-Nadwi (terjemahan: Yunus Ali Al-Mudhor), *Kehidupan Nabi Muhammad SAW & Amirul Mukminin Ali bin Abi Thalib*, 1992

Adapun istilah Khalifah (dari bahasa Arab) adalah berarti wakil, pengganti atau duta. Bermakna Khalifah Rasulullah SAW adalah mereka yang dilantik sebagai pengganti baginda dalam fungsi sebagai Kepala Negara dalam sebuah kerajaan Islam, baik untuk urusan agama mahupun urusan duniawi.

Syeikh Al-Imam Abu Hassan Al-Mawardi dalam kitabnya yang terkemuka *Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Wa Al-Wilayah Al-Diniyyah* telah menakrifkan peranan seorang Khalifah seperti berikut, iaitu;

“untuk MENGGANTI Rasulullah SAW bagi melindungi agama serta mentadbir keduniaan (al-siyasah al-duniya)”.

Sebagai Khalifah pertama, Sayyidina Abu Bakar RA menyebut dirinya sebagai *Khalifat Rasulullah*, bagaimanapun Sayyidina Umar RA sebagai Khalifah yang kedua menggelar dirinya *Khalifat Khalifat Rasulullah*, yakni pengganti kepada pengganti Rasulullah SAW. Sayyidina Usman dan Sayyidina Ali RA anhumanya sebagai Khalifah ketiga dan keempat dipanggil Khalifah sahaja memandangkan sebutannya lebih ringkas berbanding *Khalifat Khalifat Rasulullah*. Semenjak itu penggunaan istilah tersebut mulai menjadi am.

Pada masa pemerintahan Bani Umaiyyah, istilah *Khalifat Rasulullah* ditukar kepada *Khalifat Allah* yang bermaksud wakil Allah di mukabumi ini. Kemudian pada zaman Dinasti Abbassiyah, istilah Khalifah menggambarkan suatu kedudukan yang kudus dan sakarat, *zilul’Lah-fil-ard*., yakni bayang-bayang Allah di mukabumi. Istilah tersebut membawa maksud yang mendalam bahawa Khalifah memperolehi kekuasaan dari Allah Ta’ala sebagai pemegang kedaulatan mutlak.

Khalifah menjadi lambang kesatuan dan perpaduan umat Islam yang mana dunia Islam bersatu di bawah panji-panji khilafah. Dari kalangan ahli sunni, jawatan Khalifah diisyaratkan berasal dari bangsa Quraisy, bagaimanapun di zaman-zaman kemudian apabila syarat tersebut sukar dipraktikkan, persyaratan tersebut beransur luput.

Sebagai tonggak ummah, Khalifah menaungi kerajaan-kerajaan Islam yang tumbuh bagai cendawan di merata pelosok mukabumi ini sebagai hasil daripada proses penyebaran agama Islam yang gigih. Di sesetengah tempat, khususnya yang tidak jauh dari pusat khilafah, para penguasa kecil yang dikenali sebagai gabenor akan dilantik yang dapat membantu dalam menyalurkan dasar-dasar pemerintahan dengan lebih kemas, teratur dan efisien. Gabenor-gabenor ini bertugas sebagai wakil

Khalifah dan mendapat 'nobat' darinya dalam bentuk watakah-watakah perlantikan.

Bagi kerajaan yang mempunyai sistem raja-raja, Khalifah akan mengurniakan 'nobat' kepada raja itu sebagai tanda baginda kini menjadi wakil Allah dan RasulNya atas rakyat jelata dalam negerinya itu. Khalifah juga akan menghantar alim-ulamak untuk membantu raja dalam menjalankan pemerintahan bercorak Islam. Raja yang memeluk Agama Islam tetap dibiarkan menjadi raja dengan segala adat dan kebesaran tradisi yang dipegangnya asal saja tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Setelah memeluk Islam yang seringkali diikuti oleh rakyat jelata, sesetengah daulah kemudiannya mengenalkan raja mereka sebagai *zilul'Lah-fil-ard* sebagai mengikuti gelaran yang mula dipakai oleh khalifah-khalifah Dinasti Abbassiyah. Kini Raja-Raja Islam ini bertindak sebagai 'payung dan tombak Allah'.

Walaupun pemerintahan Daulah Umaiyyah, Abbassiyah dan Othmaniyyah dikenali sebagai khalifah-khalifah Islamiyyah, namun hakikatnya sistem pemerintahan yang dipakai pada masa itu lebih mirip kepada sistem pemerintahan beraja (mutlak). Ini bertepatan dengan apa yang disebut oleh Muawiyah RA sendiri iaitu : *"Aku bukanlah seorang khalifah, akan tetapi aku adalah raja pertama dari raja-raja Islam, dan akan kalian dapatkan raja-raja sesudah aku."* Bagaimanapun, Daulah Umaiyyah, Abassiyah dan Othmaniyyah ini tetap dianggap sebagai penaung, atau Khalifah Islamiyyah kepada kesultanan-kesultanan Islam sedunia

Khalifah Islamiyyah telah dipegang secara bersambung-sambung sebagai simbol kedaulatan, kesatuan dan kekuatan ummah. Raja-Raja Islam sebagai penguasa-penguasa kecil bagi kesultanan-kesultanan yang bertebaran di seluruh pelosok dunia sentiasa merujuk dan berhubungan dengan pusat khalifah. Khalifah akan mengambil tanggungjawab menghantar wakil dan alim-ulamaknya kepada kesultanan-kesultanan ini, hatta tentera pun akan dihantar apabila diperlukan dalam peperangan jihad yang berlaku pada beberapa kesultanan-kesultanan Islam yang di bawah naungan khalifah ini.

Pemilihan Khalifah dibuat melalui tiga cara⁸, pertamanya, melalui persetujuan alim-ulamak, pemuka-pemuka masyarakat dan orang-orang berpengaruh. Keduanya, melalui muafakat syura yang dilantik oleh khalifah yang sebelumnya dan ketiganya melalui rampasan kuasa oleh seorang yang mempunyai kelayakan-kelayakan khusus. Walaupun

⁸ Ibnu-Naqib Al-Misri, op. cit, *Kitab Al-Khilafat*

begitu, rampasan kuasa menjadi tidak sah jika Khalifah sebelumnya dipilih dari mana-mana dari kedua-dua cara di atas. Dalam kesemua kaedah ini, bakal Khalifah tetap memerlukan ciri-ciri kelayakan peribadi yang lebih ketat dan berat berbanding dengan raja-raja, setimpal dengan kuasa dan tanggungjawab yang bakal diberikan padanya.

Peranan dan Tanggungjawab Khalifah

Allah SWT telah memberi mandat kepada manusia untuk menjadi Khalifah, yakni sebagai wakil, pengganti atau dutaNya di mukabumi ini. Tugas tersebut merangkum tanggungjawab memimpin manusia sekeliannya ke jalan Allah Ta'ala serta segala urusan-urusan keduniaan yang dapat dijadikan pembantu-pembantu dan sistem-sistem sokongan kepada maksud hidup yang tersebut itu, sesuai dengan janji manusia kepadanya pada Hari Mengambil Janji atau *Yaumul Mitsaq* di alam roh dahulu kala.

Dalam kedudukan sebagai Khalifah Allah ini, manusia akan dipertanggungjawabkan di hadapanNya tentang bagaimana mereka melaksanakan tugas suci yang tersebut itu.

Dalam hal ini kita sedia maklum hanya Islam satu-satunya agama yang diterima Allah SWT sedangkan yang selainnya akan membawa manusia ke arah kebinasaan di Alam Akhirat kelak. Manusia-manusia yang berpegang pada konsep tidak wujudnya Tuhan yang Maha Mencipta (ateisma), percaya kepada Tuhan yang selain Allah (poleitisme) dan/atau menyekutukan Allah SWT adalah termasuk dalam golongan orang-orang kafir. Mereka mungkin menikmati berbagai kesenangan, kemewahan dan kenikmatan duniawi, namun di Alam Akhirat nanti mereka akan terus dihumban ke jurang api neraka yang menyala-nyala. Mereka akan kekal berada di dalamnya selama-lamanya, terputus dari rahmat Allah. Sedangkan golongan yang beriman tetapi berdosa akan masuk syurga selepas melalui proses penyucian dosa-dosa tersebut di dalam api neraka atau diampunkan terus melalui rahmat Allah.

Sesungguhnya tidak ada dosa yang besar sebesar dosa kekufuran dan tidak ada azab yang paling mengazabkan daripada terjebak ke dalam neraka yang pedih, KEKAL UNTUK SELAMA-LAMANYA!! Itulah asas perbezaan orang yang beriman dengan yang tidak beriman, yakni orang-orang kafir.

Maka dalam peranan sebagai wakil Allah Ta'ala di mukabumi ini, dan dalam fungsi sebagai pengganti Rasulullah SAW dalam hal ehwal agama serta mentadbir hal-hal keduniaan (*al-siyasah al-duniya*), Khalifah perlu melaksanakan suatu misi yang paling besar dan penting,

yakni dalam menggerakkan tugas **DAKWAH** dan **TABLIGH** serta menegakan **SYARIAT ISLAM**, bagi menyelamatkan manusia dari ancaman kekufuran dan kebinasaan kerana iblis dan syaitan sentiasa menunggu-nunggu peluang untuk membawa manusia ke jurang tersebut.

Maka Khalifah perlu merealisasikan misi dan visi tersebut dengan segala kudrat kuasa, daya, fikiran, tenaga, para pendokong dan pembantu serta sistem-sistem sokongan termasuk memenafatkan segala sumber duniawi dan materi, bantuan zahiriyyah mahupun rohaniyyah.

Kesimpulannya, adalah menjadi tanggungjawab Khalifah untuk menggerakkan usaha agama dalam perkara-perkara yang berikut, iaitu :

Pertama;

Berikhtiar bagi meningkatkan bilangan orang-orang yang beriman kepada Allah SWT di dunia ini melalui usaha dakwah yang dibuat apabila umat Islam belum kuat dan penaklukan serta dakwah apabila mereka telah kuat supaya manusia keseluruhannya dapat diselamatkan dari siksaan api neraka yang kekal abadi di Alam Akhirat nanti.

Pentingnya usaha dakwah kepada umat manusia sejagat terbukti dalam sebuah riwayat Rasulullah SAW. Baginda pernah ditawarkan kemewahan, wanita, kuasa dan darjat oleh ketua-ketua kabilah Quraisy di zaman kejahilan mereka, asal sahaja baginda berhenti dari menjalankan dakwah pada masyarakatnya, namun baginda tetap bertekad untuk meneruskan perjuangan dakwah Islamiyyah seperti sabdanya: *“Demi Allah jika mereka meletakkan matahari di kananku dan bulan di kiriku agar aku meninggalkan dakwah Islamiyyah, pasti tak akan aku tinggalkan, sebelum aku diberi kejayaan oleh Allah SWT atau aku binasa kerananya.”*

Kedua;

Berikhtiar supaya diri dan umat Islam meningkatkan keteguhan dan pencapaian dalam lima perkara ini yang merangkumi keseluruhan cara hidup yang dapat menggapai keredhaan Allah SWT, iaitu ;

- i. **Aqidah;** iaitu pegangan yang hakikat. Ianya merangkumi kepercayaan, pegangan, doktrin dan yang bersangkutan.
- ii. **Ibadat,** iaitu perhubungan diantara makhluk dengan Allah. Ianya merangkumi perkara-perkara seperti solat, puasa, zikr, kebersihan dan sebagainya.

- iii. **Muasyarat**, perhubungan antara seorang individu dengan masyarakat atau adab bermasyarakat. Contohnya adab sesama keluarga, adab dengan orang tua, jiran, guru, pemerintah dan sebagainya.
- iv. **Muammalat**; perhubungan antara seorang individu dengan individu lain. Contohnya transaksi perniagaan, perjanjian jual beli, perjanjian hutang piutang, amanah dan yang berkaitan.
- v. **Akhlaq atau Tasawuff**; perhubungan antara seorang individu dengan dirinya sendiri. Ianya termasuklah soal pembersihan jiwa dan nurani, zikir, menjaga moral dan sebagainya.

Ketiga;

Membangunkan Negara dengan permuafakatan jemaah Menteri Tafwidz dan Menteri-menteri Tanfiz, dibuat dalam batasan-batasan agama supaya tugas umat Islam keseluruhannya untuk beribadat dan bertaqwa kepada Allah SWT dapat disempurnakan dalam keadaan aman, selesa, sempurna, sejahtera dan bersatu padu.

Sebagai Kepala Negara yang mengatur sekali urusan keduniaan umat Islam bukanlah bermakna tumpuan seratus peratus hanya diberikan kepada usaha dakwah dan pembangunan Islam tanpa menghiraukan langsung pembangunan materi dan duniawi. Cuma pembangunan materi dan duniawi seharusnya dibuat untuk menjamin kehidupan yang baik, selesa dan teratur agar tanggungjawab dakwah dapat disempurnakan pada umat manusia sejagat, dan syariat Islam dapat ditegakkan secara meluas sesuai dengan konsep manusia diciptakan untuk menyembah Allah SWT semata. Oleh itu segala pembangunan duniawi perlu diselaraskan dengan prinsip ini.

Oleh itu, apa jua program atau gerakerja Khalifah dalam urusan pemerintahannya yang dapat membawa manusia kepada peningkatan perkara-perkara yang disebutkan di atas adalah merupakan kemajuan dan kebaikan dalam ertikata yang sebenarnya kerana ianya bukan sahaja dapat mencapai matlamat tujuan manusia diciptakan, malahan juga dapat menuju kedekatan kepada Allah SWT serta menjamin kesejahteraan dunia dan kebahagiaan Alam Akhirat yang kekal.

Ringkasnya Khalifah merupakan simbol pokok bagi kesatuan politik dunia Islam. Meskipun kesatuan umat Islam telah dilambangkan dalam bentuk-bentuk ritual sehari-hari seperti solat fardhu, puasa di bulan Ramadhan, menunaikan ibadat haji dan sebagainya, namun kepentingan Khalifah dalam mengatur segala urusan umat Islam menjangkau pengertian yang lebih luas, mempunyai kewajiban untuk

menangani seluruh persoalan umat Islam, baik yang bersifat keagamaan mahupun dalam hal ehwal keduniaan.

Khalifah juga memiliki kewajiban yang berkaitan dengan pengawasan terhadap kemurniaan doktrin-doktrin Islam serta pelaksanaannya. Sebagai pengganti dari Rasulullah SAW, Khalifah tidak berhak untuk mengemukakan atau menetapkan hukum-hakam agama dengan sesuka hatinya, apatah lagi jikalau ia bukan seorang yang ahli dalam bidang agama. Khalifah hanya boleh mempertahankan dan melaksanakan semua hukum-hakam yang telah sedia ada dan yang sudah ditetapkan oleh syariat mengikut sumber dari Al-Quran, Al-Hadeeth, Al-Ijmak dan Al-Qias. Dalam makna lain, dia hanya boleh mengatur dan menguatkuasakan apa-apa yang telah ditetapkan sebagai doktrin-doktrin Islam.

Bagaimanapun sekiranya terdapat perselisihan pendapat (*ikhtilaf*) atau *ijtihad* yang berlainan, maka adalah dalam bidang kuasa Khalifah untuk memutuskan pendapat mana yang menjadi pilihannya sebagai pegangan umat Islam yang di bawah perintahnya.

Firman Allah Ta'ala:

“ Maka putuskanlah perkara diantara manusia dengan apa yang telah diturunkan Allah dan janganlah engkau menuruti hawa nafsu mereka dengan meninggalkan kebenaran yang telah datang kepadamu.”
(Al:Maidah)

“ Maka dengan rahmat Allah, menjadi lunaklah hati engkau (ya Muhammad) terhadap mereka. Kalau sekiranya engkau berbudi jahat, berhati kasar, nescaya bercerai-berailah mereka menjauhimu; maka maafkanlah mereka dan minta ampunkanlah untuk mereka dan bermesyuarahlah dengan mereka tentang urusan itu. Apabila engkau telah membuat keputusan, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakkal.”
(Ali Imran :59)

Ringkasnya Allah SWT telah memerintahkan Rasulullah SAW agar menegakkan hukum diantara umat Islam dengan hukum-hakam yang telah diwahyukan olehnya dalam bentuk yang pasti. Dan Firman Allah kepada Rasulullah SAW sebagai kepala pemerintahan ini juga menjadi seruan untuk umat baginda yang bertanggungjawab sebagai kepimpinan ummah di mana-mana pun, selama tidak ada dalil yang menunjukkan bahawa Firman itu dikhususkan hanya untuk baginda.

Dan Allah SWT juga memerintahkan umat Islam untuk mentaati Ulil Amri, yakni penguasa yang kerananya terlaksanalah kewajiban menegakkan hukum syariat.

“Berbuat kebaktianlah kamu akan Allah dan akan Rasul dan Ulil Amri “ (An Nisa:59)

Kesimpulannya, perintah untuk melantik Khalifah membawa suatu makna yang cukup besar untuk manusia dan kemanusiaan. Tidaklah ia dihukumkan sebagai Fardhu Kifayah jikalau hanya bersifat ranting atau sebagai cabang Islam yang kecil sahaja. Walaupun pada dasarnya ia adalah untuk mewujudkan pemerintahan Islam, tetapi bukan dalam unit yang kecil. Malahan dari pusat khilafahlah diupayakan jentera induk yang mampu menghidupkan rangkaian-rangkaian gerakerja dakwah serta sistem-sistem sokongan bagi mengembang dan mentancapkan syiar serta syariat Islam ke seluruh ceruk rantau dunia.

Pusat khilafah juga berupaya menyatu padu serta menggabungkan sumber-sumber kudrat dan materi, zahir dan batin yang diperolehi daripada rangkaian daulah-daulah Islamiyyah keseluruhannya dalam ikhtiar mentancapkan panji-panji agama diseluruh jagat raya, sesuai dengan kehendak Allah Ta’ala yang menciptakan manusia sebagai khalifah bumi dan Islam sebagai satu-satunya agama yang wajib dipersadakan atas natijahnya yang besar di dunia dan akhirat.

Melalui pusat khilafah sebagai induk ummah, terkembanglah sayap Islam ke merata alam, meriahlah bangsa-bangsa dunia dengan ciri tamadun Islam hakikat yang berperadaban gemilang, reduplah mukabumi ini, berpayunglah makhluk dalam rahmat dan keredhaan Illahi, dan orang-orang yang belum beriman pula bukan sahaja berpeluang menceduk budaya dan peradaban Islam serta mendapat lampias daripada rahmat Allah Ta’ala, tetapi yang terlebih penting, mempunyai peluang lebih besar untuk dibawa kepada dakapan agama Tauhid.

Bab 5 : **Institusi Raja-Raja Islam**

Berbeza dengan Institusi Khilafah yang muncul selepas kewafatan Rasulullah SAW kira-kira seribu lima ratus tahun dahulu, Institusi Raja-raja telah wujud di merata tempat di dunia ini semenjak lebih 3000 tahun dahulu, bermula dari zaman Nabi-nabi dan berkembang luas dalam sistem pemerintahan berbagai bangsa dan agama. Dalam hal ini, perlantikan seorang raja Islam adalah lebih longgar berbanding dengan seorang Khalifah kerana raja tidak memerlukan ciri-ciri kelayakan peribadi khusus yang lebih ketat atas sifatnya sebagai warisan penguasa turun temurun. Individu raja memerlukan rangkuman Institusi Raja-Raja dan Institusi Ulamak Muktabar dalam membimbingnya menjalankan pentadbiran negeri mengikut corak pemerintahan Islam.

Walaupun pemerintah-pemerintah dari berbagai dinasti seperti Umayyiah, Abbassiyah, Fatimiyah dan Othmaniyyah selepas period Khulafa' Ar-Rasyidin menggelarkan diri mereka sebagai Khalifah atau Amirul Mukminin, hakikatnya sistem pemerintahan dan perlantikan kepimpinan daulah-daulah ini lebih mirip pada sistem pemerintahan beraja. Ini ialah kerana ciri-ciri terpenting daulah-daulah tersebut ialah; bahawa takhta pemerintahan diwarisi secara turun temurun. Perkiraan waris menjadi perkara pokok dalam menentukan hak menduduki takhta pemerintahan, sedangkan ciri-ciri kelayakan peribadi seperti yang disenaraikan di atas kurang dipentingkan.

Tegasnya, sistem raja-raja dapat diterima Islam sebagai menggantikan sistem pemerintahan berkhilafah adalah sebagai memberi kelonggaran pada umat Islam selepas berakhirnya zaman Khulafa' Ar-Rasyidin, kerana umat Islam selepas zaman mereka sama sekali tidak dapat mencontohi kekerasan dan keteguhan pengamalan agama sebagaimana yang dapat disempurnakan oleh sahabat-sahabat Rasulullah SAW sendiri di zaman baginda dan zaman Khulafa' Ar-Rasyidin. Ini juga menjelaskan mengapa dengan kemunculan Imam Mahdi kelak, dikatakan umat Islam akan kembali semula pada sistem pemerintahan berkhilafah kerana di zaman itu, masyarakat Islam dapat kembali memikul tanggungjawab agama Islam dengan lebih keras, berdisiplin dan sempurna.

Walaupun menggunakan sistem yang berbeza, kedua-dua pemerintahan berkhilafah dan beraja mempunyai fungsi yang serupa iaitu ⁹ ;

- 1) Menjaga hal ehwal umat Islam
- 2) Memastikan kedaulatan agama Islam terpelihara
- 3) Memastikan syariat Allah ditegakkan
- 4) Memastikan umat Islam belajar hukum hakam agama
- 5) Mengembangkan syiar Islam melalui dakwah dan penaklukan
- 6) Mempertahankan negara Islam dari pencerobohan kuasa kuffar
- 7) Memudahkan dan memberi khidmat kepada jemaah-jemaah haji
- 8) Mengimami solat Jumaat, samada dari diri sendiri, atau melalui wakil
- 9) Menjadi Wali Hakim

Pendapat Jumhur Ulamak Ahlus Sunnah Wal Jamaah Mengenai Institusi Raja-Raja Islam

Imam Ibnu Hajar berpendapat bahawa **“Melantik Raja hukumnya Fardhu Kifayah seperti melantik Kadhi”**. Al-Imam Yusof Al-Ardabili As-Syafiee menegaskan bahawa *“umat Islam mestilah mempunyai raja yang mendirikan agama dan membela orang yang kena zalim, dan menyempurnakan segala hak, oleh itu wajib melantik raja apabila raja itu mangkat.”* Oleh kerana Islam telah menjadikan perkara melantik raja itu satu perkara yang wajib, amat besar dan penting, maka perlantikan seorang raja mustahak didahulukan daripada mengkebumikan raja yang baru mangkat sebagaimana perihalnya kemangkatan seorang khalifah.

Ini adalah kerana jikalau tiada dilantik khalifah/raja/ketua negara terlebih dahulu maka banyak perkara wajib akan tergendala. Hal ini berlaku sendiri kepada Rasulullah SAW apabila baginda wafat, iaitu perlantikan Sayyidina Abu Bakar sebagai khalifah dibuat terlebih dahulu daripada pemakaman Rasulullah SAW.

Al Imam Ghazali memberikan pendapatnya mengenai Raja dan Agama seperti maksud berikut:

“Dunia itu ialah tempat bercucuk tanam bagi akhirat, maka tidaklah sempurna agama itu melainkan dengan adanya dunia. Raja dan agama ialah umpama dua anak kembar, agama itu ialah asal dan akar umbi, dan Raja itu pula ialah pengawal. Sesuatu yang tidak mempunyai asal dan akar umbi pasti akan roboh, dan sesuatu yang tidak mempunyai

⁹ Ibnu Naqib Al-Misri, *Al Umdat Was-Salik* (terjemahan Inggeris), hal 625.8, hlm 647

pengawal pasti akan hilang. Kerajaan dan kepastian hukum tidak akan sempurna melainkan adanya Sultan. Dan jalan kepastian hukum untuk menyelesaikan perkara pemerintahan adalah dengan ilmu fikah.”

Al Imam Ibnu Hajar berkata:

“Salah satu dosa besar ialah menolak ikatan setia dengan Raja, kerana dia tiada dapat sesuatu faedah daripada faedah dunia setelah dia mengikat setia dan taat kepada Raja.”

Ini berdasarkan sebuah Hadeeth Rasulullah SAW : “

“ Tiga orang tiadalah Allah akan bercakap dengan mereka pada Hari Kiamat, dan tiadalah Allah melihat kepada mereka dengan rahmat dan kasihan, dan tiadalah Allah akan melepaskan dan membersihkan mereka daripada dosa, dan bagi mereka disediakan suatu azab yang pedih.....iaitu seorang yang telah mengikat taat setia kepada Raja dan tiadalah dia mengikat taat setia melainkan kerana tujuan harta dunia, jika Raja itu memberikan kepadanya harta dunia maka dia menyempurnakan taat setianya itu, dan jika Raja itu tiada memberi kepadanya sesuatu daripada harta dunia maka tiadalah dia menyempurnakan taat setianya kepada Raja itu”

Tersebut dalam kitab *Mafakhir Al-Muluk*, berkata Al-Qasim bin Mukhaimirah berkata: *“Seungguhnya zaman kamu dicorakkan oleh keadaan Sultan kamu. Apabila Sultan kamu baik, maka baiklah zaman kamu. Dan apabila rosak Sultan kamu maka rosaklah zaman kamu.”*

Seorang ulamak terkemuka Al-Imam Umar bin Muhammad An-Nasafi menegaskan peranan Raja seperti berikut:

“Orang Islam itu mestilah mereka melantik seorang Raja yang dapat menjalankan hukum Islam dan mendirikan hukum seksa dan dera (had) dan menguatkan pusat-pusat dan tempat-tempat pertahanan di sepanjang sempadan negeri, dan menyediakan angkatan tentera, dan menghimpunkan (mengutip) zakat dan menguasai ke atas penjahat-penjahat dan perompak, dan mendirikan sembahyang Jumaat dan sembahyang Hari Raya, dan menyelesaikan perbalahan dan pergaduhan yang berlaku diantara umat Islam dan menerima saksi yang ada hubungannya dengan berbagai-bagai hak diantara manusia, dan mengkahwinkan budak-budak kecil dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang tiada mempunyai wali khas dan membahagi-bahagikan harta tawanan.”

Imam At-Taftazani pula menambah: *“Dan perkara lain yang tidak dapat dibuat oleh orang perseorangan”*

Syeikh Baihaqi meriwayatkan daripada *Kaab al-Ahbar* yang berbunyi :

“Sesungguhnya bagi setiap zaman itu ada Raja yang dibangkitkan Allah ke atas hati para manusia zaman itu, maka apabila Allah menghendaki kebajikan untuk mereka (rakyat), Allah akan membangkitkannya sebagai pembawa kebajikan, dan apabila Allah bertujuan untuk membinasakan mereka, Allah akan membangkitkan orang mewah daripada kalangan mereka.”

Dalam hal ini pendirian alim-ulamak dahulu kala ialah memberikan sokongan pada Institusi Khalifah dan Institusi Beraja. Contohnya di zaman pemerintahan Dinasti Umaiyyah dan Abbasiyyah dimana kebanyakan khalifahnya tidak menjalankan tanggungjawab sebagai pemerintah yang baik, namun alim-ulamak hebat di zaman tersebut sekali-kali tidak cuba mengambil alih tampuk pemerintahan, sedangkan pengaruh mereka besar yang boleh digunakan untuk tujuan ini.

Ini adalah kerana alim-ulamak zaman dahulu kala amat mengerti bahawa pemerintahan umat Islam adalah urusan dan mandat Allah SWT semata, dan yang boleh mengambil alih tampuk pemerintahan ialah mereka yang memiliki kelayakan yang telah ditetapkan oleh hukum syarak, yang mana alim-ulamak tidak semestinya layak menjadi Kepala Negara secara automatik.

Oleh itu di zaman kezaliman sebahagian khalifah Islam, terdapat ulamak yang mendokong gerakan penggulingan yang diterajui oleh ahlul-bait (keluarga dan keturunan) Rasulullah SAW, contohnya di zaman Imam Abu Hanifah dan Imam Malik. Kerana mereka berpendapat ahlul-bait Rasulullah SAW waktu itu adalah pewaris sebenar kepada Khalifah Islamiyyah yang telah diregut secara tipu daya di zaman Sayyidina Hussin (cucu Rasulullah SAW) oleh Yazid bin Muawiyah.

Hadith Rasulullah SAW Tentang Pemerintahan Beraja

“ Tujuh macam orang, yang Allah SWT telah berjanji akan melindungi mereka di bawah perlindunganNya, dimasa tidak ada perlindungan, kecuali perlindungan Allah, pertama; raja yang adil....”
(HR Syaikh)

“ Dunia itu perbendaharaan yang hadir, yang memakan daripadanya orang baik dan orang yang durhaka, dan akhirat itu perjanjian yang benar, menghukum padanya raja yang adil,

membenarkan yang benar dan membatalkan yang batal, maka hendaklah kamu menjadi anak-anak akhirat dan janganlah kamu menjadi anak-anak dunia, maka sesungguhnya tiap-tiap ibu mengikuti akan dia anaknya. ” (HR Muslim)

“ Apabila Allah menghendaki akan kebaikan dengan raja, Allah menjadikan baginya wazir (perdana menteri) yang baik (jujur), jika ia lupa, wazirnya akan memberi peringatan padanya, dan jika dia ingat, wazirnya akan menolongnya. Dan apabila Allah menghendaki dengannya selain demikian, Allah menjadikan wazirnya yang jahat, apabila raja lupa, tidak ada yang mengingatkannya, dan apabila raja ingat, tidak ada yang menolongnya. ” (HR Nasa’i)

“ Adil itu baik, tetapi raja-raja lebih baik berlaku adil. Pemurah itu baik, tetapi orang-orang kaya lebih baik pemurah, wara’ itu baik, tetapi ulama-ulama lebih baik mempunyai sifat wara’ (menjauhkan dirinya dari dosa), sabar itu baik, tetapi orang-orang miskin lebih baik bersabar. Taubat itu baik, tetapi orang-orang muda lebih baik bertaubat. Malu itu baik, tetapi wanita-wanita lebih baik mempunyai sifat-sifat malu. ” (HR Dailamy)

“ Sultan adalah payung Allah di bumi ini, tempat bernaungnya orang-orang yang lemah, memberi pertolongan terhadap orang-orang yang teraniaya. Barangsiapa memuliakan Sultan Allah di dunia ini, Allah akan memuliakannya pada hari Qiamat.” (HR Ibnu An-Najjar)

“ Sultan yang adil dan merendahkan diri adalah payung dan tombak Allah di dunia. Allah akan mengangkatnya sebagai 70 orang-orang yang benar .” (HR Ibnu Abi Syaibah)

“ Dua golongan, apabila baik mereka, maka baiklah masyarakat; iaitu umarak dan ulama.” (HR Abu Nuaim)

Majlis Pertabalan Khalifah Atau Raja-Raja Sebagai Upacara Keagamaan Yang Sakaral

Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya: *“Barangsiapa yang meninggal dunia tanpa menyaksikan dalam hidupnya (institusi) bai’ah (sumpah taat setia) yang memberikan legitimasi kepada pemerintahan (umat Islam) adalah seseolah dia meninggal dalam keadaan jahiliyyah.” (HR Muslim)*

(yakni memberikan implikasi kematian dalam era kembalinya manusia kepada zaman jahiliyyah pra-Hijrah)

Dalam konteks Hadith di atas, Syeikh Abdul al-Wakil Durabi berkata bahawa ketua yang dimaksudkan ialah KHALIFAH atau WAKILNYA.

Hadith di atas merupakan suatu dalil agama yang kukuh mengenai status MAJLIS PERTABALAN, PENOBATAN atau 'BAI'AH' seseorang Khalifah sebagai suatu upacara keagamaan yang mengiktiraf legitimasinya sebagai penyambung warisan pemerintahan Islam dari zaman Rasulullah SAW. Pengiktirafan tersebut mendapat jaminan pernaungan secara langsung dari 'Kerajaan Langit', yakni Allah SWT. Apabila payung perlindungan Allah dibukakan, maka pemerintahan serta rakyat jelata yang bernaung pada baginda mendapat 'daulat' atau 'hakikat'. Dalam lain perkataan, penobatan seseorang pemerintah umat Islam mengikatnya dalam amanah sebagai payung Allah atas rakyat jelata yang di bawah naungannya.

Pemerintah wajib menjalankan tanggungjawabnya sebagai pemegang amanah warisan pemerintahan bangsa-bangsa umat Islam dari zaman Rasulullah SAW dan Khulafa' ar- Rasyidin. Sebagai ketua atau Ulil Amri, ia perlu bertanggungjawab mentadbir serta mengurus hal ehwal duniawi dan ukhrawi bagi rakyat jelata, sedangkan rakyat jelata pula wajib taat kepada pemerintah selagi tidak dipaksa mengerjakan maksiat.

Bukan sahaja amalan pemerintahan Islam di pusat-pusat khilafah pada zaman-zaman dahulu melakukan upacara 'menobatkan' pengganti yang mewarisi pemerintahan Khalifah terdahulu, malahan raja-raja Islam juga mengambil nobat, samada daripada khalifah-khalifah Islam, ataupun daripada syarif-syarif Mekah yang menjadi pusat kerohanian ummah sedunia. Sebagai tanda penobatan sesebuah daulah Islamiyyah itu, lazimnya Khalifah ataupun Syarif Mekah akan mengirim alat-alat kebesaran mereka kepada kesultanan tersebut. Penobatan seseorang raja oleh khalifah menegaskan pengakuan serta ikrar taat setia Raja itu kepada Khalifah sebagai tonggak kepimpinan ummah sejagat. Maka barulah kesultanan bagi Raja yang telah bernobat itu dikira telah berdaulat dan Allah SWT sendiri berdiri di belakang daulah tersebut.

Mana-mana kesultanan besar yang telah menerima nobat daripada Khalifah, ataupun Syarif Mekah kemudiannya bolehlah memberikan nobat pula kepada kesultanan-kesultanan yang lebih kecil. Pewaris-pewaris kepada kesultanan-kesultanan ini juga perlu melalui proses penobatan sebelum diiktiraf sebagai raja yang sah.

Maka dengan ini wujudlah suatu rangkaian ikatan kerohanian bukan sahaja diantara daulah-daulah kesultanan ini, tetapi juga diantara mereka dengan Syarif-syarif Mekah sebagai pusat kerohanian

ummah serta Khilafah Islamiyyah sebagai ketua bagi semua pemerintah-pemerintah umat Islam. Ikatan yang ampuh ini menjadi lambang kedaulatan, kesatuan dan kekuatan ummah yang sukar diganggu gugat oleh musuh-musuh bangsa dan agama selama mana pemerintah-pemerintah yang diamanahkan sebagai wakil Allah, baik dalam peranan sebagai Raja, Khalifah atau Syarif Mekah, yakni sebagai wakil bagi Institusi Khilafah dan Institusi Beraja ini tidak mengkhianati sumpah yang dilafazkan semasa mereka dinobatkan.

Penobatan seseorang pemerintah, baik Khalifah mahupun Raja adalah dibuat melalui dua cara, samada Allah SWT sendiri yang menobatkan atau ia dinobatkan melalui institusi pemerintahan yang merangkumnya, samada Institusi Khilafah atau Institusi Beraja. Sedangkan Institusi Khilafah dan Institusi Beraja itu mendapat mandatnya dari Allah SWT sendiri.

Penobatan seseorang pemerintah Islam melalui institusi pemerintahan yang merangkumnya dilakukan samada oleh pemerintah yang terdahulu, ataupun oleh wakil daripada *ahl al-Hal wa al-'Aqd*, yakni satu jemaah pemilih yang memiliki ciri-ciri kelayakan khusus untuk memilih Kepala Negara. Jemaah pemilih ini dilantik dari kalangan para pembesar, kerabat diraja dan alim-ulamak.

Batas Masa Pertabalan Khalifah & Raja

Mengikut dalil ijma' as-sahabat RA anhum, mereka begitu mengutamakan kepentingan melantik seorang Khalifah sebagai menggantikan Rasulullah SAW sehingga terpaksa menundakan kewajiban mengkebumikan jenazah baginda selama tiga hari dua malam kerana baginda tidak mewasiatkan penggantinya secara khusus. Sedangkan jelas bahawa pengkebumian jenazah perlu dilakukan secepat mungkin dan diharamkan atas orang-orang yang wajib menyiapkan pemakaman jenazah melakukan kesibukan lain sebelum jenazah dikebumikan

Bagaimanapun para sahabat Rasulullah SAW, samada yang terlibat secara langsung dalam urusan pengkebumian jenazah baginda mahupun yang tidak, masing-masing turut menunda kewajiban tersebut selama tiga hari dua malam semata-mata untuk mencari pengganti. Ini menunjukkan adanya persepakatan para sahabat tentang status hukum melantik Khalifah yang lebih diutamakan daripada menguburkan jenazah.

Begitu juga apabila Khalifah Umar Al-Khattab RA hampir menemui ajalnya, beliau memerintahkan ahlu syura untuk mencari

pengganti Khalifah dalam batas waktu tiga hari. Beliau juga berwasiat sekiranya dalam tempuh tersebut tidak tercapai persepakatan untuk mengangkat Khalifah, maka hendaknya orang yang tidak ikut bersepakat dibunuh.

Dalam hal ini sebuah Hadeeth riwayat (HR) Abdullah bin Amr bin As bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda :

“ Siapa sahaja yang telah membai’at seorang Imam, lalu memberikan huluhan tangan dan buah hatinya (untuk mentaati perintahnya), maka hendaklah ia mentaati imam tersebut selagi masih mampu, dan jika ada orang lain hendak mengambil kekuasaan darinya, maka penggallah leher orang itu”

HR Abu Said Al-Khudri dari Rasulullah SAW yang bersabda :

“Apabila dibai’ah dua orang Khalifah, maka bunuhlah yang terakhir dari keduanya”

HR Arfajah yang berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

“Siapa saja yang datang kepada kamu sekalian sedangkan urusan kalian berada di tangan seseorang (Khalifah), kemudian dia hendak memecah belahkan kesatuan jemaah kalian, maka bunuhlah dia.”

Khalifah Umar menugaskan lima puluh orang dari kalangan ahlu syura dan pemuka-pemuka para sahabat untuk melaksanakan misi tersebut. Semua ini terjadi di hadapan para sahabat dan tidak ada seorang pun yang menyanggah atau menyangkal perintah Khalifah Umar pada masa itu.

Bermakna terdapat ijma' sahabat bahawa umat Islam tidak boleh kosong dari pembai'atan kepada Khalifah selama lebih dari tiga hari dua malam, dan kesatuan ummah amat diperlukan dalam hal memilih Khalifah yang mana jikalau terdapat sebarang unsur-unsur pencabulan proses tersebut sehingga mendatangkan kacau-bilau dan pecah-belah, maka syariat Islam menganjurkan sekeras-keras hukuman demi menjaga perpaduan dan kesatuan kaum muslimin.

Dan hukum inilah yang menjadi sandaran kepada adat pertabalan raja Islam, yakni sebagaimana perlantikan Khalifah, perlantikan raja mustahak didahulukan daripada mengkebumikan raja yang baru mangkat supaya jangan sampai perkara-perkara wajib dalam hal urusan pemerintahan umat Islam menjadi tergendala.

Upacara Pertabalan Khalifah Dan Raja

Menurut al-Mawardi dalam kitab *Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Wa Al-Wilayah Al-Diniyyah*, apabila calon Khalifah atau wakilnya (e.g raja atau gabenor) yang mengikut ijthad jemaah pemilih atau *ahl al-Hal wa al-'Aqd* memenuhi semua syarat perlantikan, maka perlantikan tersebut hendaklah dibentangkan kepadanya. Kalau ia terima, maka diberikan bai'ah kepadanya dan dengan bai'ah jemaah pemilih itu, maka terlantiklah ia sebagai Ulil Amri. Sekiranya ia menolak, maka ia tidak boleh dipaksa. Ini adalah kerana perlantikan itu sebagai aqad kerelaan serta pilihan yang tidak tunduk pada paksaan ataupun tekanan.

Ringkasnya, perlantikan seorang Khalifah atau Raja perlu melalui proses AQAD dan BAI'AT. Mengikut sejarah umat Islam, acara terpenting dalam majlis penobatan Khalifah atau Raja Islam yang baru ialah lafaz sumpah yang lazimnya dibuat dengan memegang serta mengucup kitab suci al-Quran. Lafaz sumpah pemerintah baru itu disaksikan oleh para pembesar serta alim-ulamak yang hadir pada majlis itu, dan dikira sebagai mengikat. Upacara yang sakaral ini bukan sahaja menjadi simbol pengiktirafan seseorang pemerintah umat Islam yang sah, malahan ia juga memberikan kesinambungan kepada corak pemerintahan tradisi mereka (yakni bersanad).

Sebagai tanda 'penobatan' Khalifah atau Raja, beberapa alat kebesaran Khilafah Islamiyyah atau alat kebesaran kesultanan yang lazimnya diwarisi secara turun temurun akan dikeluarkan. Alat kebesaran Khalifah atau alat kebesaran diraja bukanlah hakmilik seseorang pemerintah secara peribadi, ia adalah milik institusi yang merangkumnya (Institusi Khilafah atau Institusi Beraja).

Alat kebesaran di sini adalah sebagai simbol wakil bagi institusi yang sakaral itu, iaitu setelah pemerintah baru itu mengangkat sumpah untuk menjalankan amanah Allah sebagai Ulil Amri, maka 'penganugerahan alat kebesaran' adalah sebagai simbol penobatannya. Apabila pemerintah ini digantikan dengan yang baru, alat kebesaran tersebut akan diambil daripadanya dan diserahkan kepada pemerintah yang baru sebagai simbol kesinambungan warisan pemerintahan umat Islam yang berdaulat.

Dalam buku *Sejarah Umat Islam* karya Prof. Dr. Hamka, dicatatkan bahawa apabila Sultan Salim bin Bayazid Usmani menakluki Mesir dan Syam pada tahun 922 Hijrah, maka diterimanyalah dari al-Mutawakkil tanda-tanda Khalifah yang telah dipusakai dari Rasulullah SAW dan khalifah-khalifah yang menggantikan baginda, yang dipandang sebagai 'alamat kebesaran khalifah', dipegang secara turun temurun

semenjak zaman Bani Umaiyyah dan Bani Abbassiyah di Baghdad, sampai ke Mesir, iaitu 'Burda' yang pernah dimiliki oleh Rasulullah SAW, sehelai panji hitam 'Al-Uqab' dan sebilah pedang Rasulullah SAW. Setelah majlis pertabalan atau aqad selesai, barulah dibuat upacara berbai'ah, atau sumpah taat setia yang diberikan oleh para pembesar negara yang mewakili rakyat jelata.

Menangani Persoalan Raja yang Zalim

Daripada sahabat Auf bin Malik RA bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda yang maksudnya :

“ Sebaik-baik raja kamu ialah raja yang kamu kasih sayang kepada mereka dan mereka kasih sayang kepada kamu, dan kamu mendoakan kepada mereka dan mereka mendoakan kepada kamu. Dan sejahat-jahat raja kamu ialah raja yang kamu bencikan mereka dan mereka bencikan kamu, dan kamu laknat dan kutuk mereka dan mereka laknat dan kutuk kamu.”

Sahabat-sahabat bertanya : *“ Ya Rasulullah SAW, tidakkah boleh kami lawan mereka dengan mata pedang ketika itu?”*

Sabda baginda lagi : *“Jangan, selagi mereka mendirikan solat diantara kamu, ingatlah barang siapa telah diangkat menjadi raja kemudian kamu lihat dia mengerjakan sesuatu perkara maksiat, maka hendaklah kamu bencikan perkara maksiat itu daripadanya, dan janganlah ditarik taat setia daripadanya (jangan menderhaka kepada raja).”*

Dalam Hadith lain, Abu Hurairah RA meriwayatkan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud : *“ Akan datang kepada kamu selepas aku wafat pemerintah-pemerintah yang baik, berbuat baik, ihsan kepada kamu, dan ada diantara mereka itu pemerintah dan raja-raja yang jahat dan zalim ke atas kamu. Maka hendaklah kamu dengar kepada mereka itu, dan taatlah kamu akan mereka pada segala yang bersetuju dengan perkara-perkara yang benar dan hak. Maka jika mereka berbuat ihsan kepada kamu, maka kamu dapat pahala dan mereka pun dapat pahala, dan jika mereka membuat jahat dan salah, maka kamu dapat pahala kerana taat tidak keluar dari pemerintahan mereka, dan di atas mereka dosa dan azab kerana jahat dan buruk perbuatan mereka.”*

Menurut Syeikh Ali bin Ali bin Mohammad bin Abdul Ez bahawa :

“ Keterangan-keterangan di atas menunjukkan adalah wajib hukumnya taat setia kepada Ulil Amri (raja) selagi mereka tidak menyuruh berbuat maksiat. Adapun sebab wajib taatkan Ulil Amri itu sekalipun mereka zalim dan tidak adil, kerana berbangkit daripada tiada taatkan mereka dan menderhaka ke atas kuasa mereka boleh mendatangkan berbagai-bagai kerosakan yang lebih besar daripada kerosakan yang berbangkit daripada kezaliman mereka. Bahkan bersikap sabar di atas kezaliman mereka boleh mendatangkan keampunan di atas kesalahan kita (rakyat), dan ditambah ganda pahala kita (rakyat), kerana Allah Ta’ala tiada memberi kuasa kepada mereka ke atas kita, melainkan dengan sebab kerosakan perbuatan buruk kita sendiri. Pembalasan itu daripada jenis perbuatan kita, maka hendaklah kita bersungguh-sungguh memohon ampun daripada Allah dan bertaubat kepadaNya dan membaiki perbuatan kita.”

Maka dalam konteks ini kita harus dapat membezakan diantara dua perkara iaitu;

- i. Raja yang berbuat kefasikan serta menzalimi rakyat jelata, tetapi TIDAK menghalang pelaksanaan undang-undang syariat dan tidak menyuruh rakyat jelata membuat maksiat atau memaksa mereka kepada undang-undang yang bercanggah dengan syariat.

Dalam keadaan ini, rakyat tetap wajib untuk bersetia kepada raja dan disarankan melakukan taubat serta memohon taufik dan hidayah Allah SWT ke atas Raja mereka.

- ii. Raja yang menyuruh rakyat berbuat maksiat, menghalang pelaksanaan syariat atau memaksakan rakyat jelata menurut undang-undang yang berlawanan dengan syariat.

Raja yang bersifat sedemikian telah terkeluar kelayakannya sebagai pemerintah umat Islam dan tidak lagi wajib dipatuhi.

Ini berdasarkan daripada pendapat jumhur ulama Ahlus Sunnah wal Jamaah, iaitu seseorang pemerintah umat Islam yang membuat bidaah yang besar-besar (Bidaah Syariah) seperti tertera dalam kitab al-Mawardi dan memaksa rakyat membuat perkara-perkara maksiat, maka terluputlah kelayakannya sebagai pemerintah.

Dan dalam perkara ini, jika pemerintah umat Islam itu membuat undang-undang yang bercanggah dengan syariat sedangkan ia masih tetap mempercayai peruntukan syariah, maka pemerintah tersebut hanyalah fasiq dan rakyat tidak boleh menentanginya. Bagaimanapun jikalau pemerintah tersebut mengenakan undang-undang yang jelas bertentangan dengan syariat serta mempercayainya, maka pemerintah tersebut telah jatuh kufur dan terkeluar kelayakannya sebagai pemerintah (menurut Syeikh Qadi Iyad adalah mustahil untuk seseorang meluluskan undang-undang tersebut tanpa mempercayainya).

Menurut al-Mawardi, jumhur ulama telah bersepakat bahawa haram meletakkan orang kafir sebagai pemerintah umat Islam sedangkan pemerintah yang mengenakan undang-undang yang melanggar batasan syariat dan memaksakan pula ke atas umat Islam, maka ia juga tidak wajib dipatuhi.

Bab 6:

Sistem Sekular:

Sumpahannya Untuk Ummah di Zaman Fitnah

Pada realitinya, umat Islam hari ini rata-rata telah menjadi orang-orang jahil. Bukanlah salah mereka secara toto dan bukan pula salah ibubapa mereka. Tetapi belenggu pemerintahan sekular di negara-negara umat Islam selama hampir satu setengah kurun lamanya telah tidak mengizinkan ajaran Islam yang sebenar untuk diajarkan mahupun diamalkan. Apa yang dipraktikkan hanyalah Islam 'gula-gula' atau Islam relatif yang terdedah kepada berbagai tafsiran menyeleweng supaya sistem sekular mendapat label HALAL.

Dalam zaman kanak-kanak mereka, umat Islam umpama kain putih tetapi kerajaan sekular yang lama di tampuk pemerintahan telah mencelup kain-kain putih ini dengan pencelup warna Yahudi dan Nasrani, dicampur adukkan dengan pewarna Islam yang tulen mahupun yang tidak tulen, yakni dari berbagai warna celupan. Oleh itu generasi-generasi umat Islam masakini telah tercemar akibat dibentuk FALSAFAH, ALIRAN PEMIKIRAN dan AMALAN *Yahudi wa Nasara* mahupun Islam yang berbagai firqah, menjadikannya Islam caca merba. Maka tidak hairanlah ummah sejagat ditimpa berbagai malapetaka dan kecelakaan kerana telah mendapat murka Allah.

Hakikatnya, segala-galanya harus bermula dari DOKTRIN atau FALSAFAH, sebagaimana Islam bermula dari pegangan kepada falsafah **TAUHID**, iaitu percaya kepada keEsaan Allah sebagai Tuhan Maha Pencipta. Dari FALSAFAH membawa kepada ALIRAN PEMIKIRAN, membawa kepada PEMBENTUKAN DASAR, membawa kepada PEMBENTUKAN GERAK KERJA, membawa kepada PENGHASILAN KERANGKA DAN STRUKTUR MASYARAKAT yang akhirnya membawa kepada jenis TAMADUN MASYARAKAT, iaitu samada menghasilkan masyarakat Islam, jahiliyyah atau yang duduk di tengah-tengah antara keduanya (yakni caca merba).

Kita beri contoh dalam skop yang paling kecil. Umpama sepasang suami isteri yang mempunyai FALSAFAH berikut, iaitu 'jikalau anak hendak maju dan berjaya dalam hidup maka jalannya ialah belajar sehingga ke menara gading. Di situ, lebih tinggi tahap pencapaiannya lebih berjajalah hidupnya'. Maka daripada falsafah atau kepercayaan dasar ini suami isteri yang menjadi ibubapa membentuk GERAK KERJA. Si bapa akan memastikan keperluan persekolahan anaknya serba cukup, buku-buku latihan dibeli dengan banyak, komputer yang

canggih disediakan dan dibiayai kelas-kelas tuition untuk anaknya hampir setiap hari.

Si ibu pula sentiasa memastikan anak dapat makanan seimbang yang menggalakan pertumbuhan akal yang sihat, dipastikan mendapat tidur yang cukup supaya tidak letih menghadapi pelajaran, sentiasa mengawasi rekod pencapaian, memberi semangat dan galakan supaya belajar bersungguh-sungguh, sanggup menghantar anaknya ke kelas-kelas motivasi dan sebagainya. Ibubapa sanggup berkorban, malahan bergolok bergadai supaya jangan anak tersangkut di tengah jalan. Anak sentiasa diperingatkan akan harapan mereka dan sentiasa meyakinkannya bahawa hanya ijazah sahaja yang dapat menjamin kehidupan masa hadapan yang cerah.

Gerak kerja berdedikasi yang tercetus dari falsafah ibubapa ini akhirnya membuahkan HASIL apabila anaknya mendapat ijazah lanjutan sehingga bergelar Professor.

Begitu juga bagi pasangan suami isteri yang mempunyai FALSAFAH bahawa Agama Islam itu amat penting sebagai punca keselamatan dan kesejahteraan dunia akhirat. Daripada falsafah ini akan mencetuskan GERAK KERJA mereka yang melibatkan pendidikan agama anak-anak yang sempurna, memastikan tanggungjawab agama seperti solat, puasa, menutup aurat, akhlak, muamalat dan sebagainya dititik beratkan. Maka dari gerak kerja ini dengan izin Allah terHASILlah anak-anak soleh dan solehah yang sentiasa meletakkan tanggungjawab agama paling di atas dalam kehidupan seharian sepanjang hayat mereka.

Sedangkan suami isteri yang berFALSAFAH bahawa kemajuan hanya boleh tercapai apabila ikut cara Barat dan kemunduran letaknya dalam amalan Islam tradisional (perlu di'updatekan' dakwanya) akan membuat GERAK KERJA yang melibatkan didikan anak-anak dengan cara hidup Barat, menekankan penonjolan imej Barat serta menjauhkan anak-anak daripada imej Islam. Ajaran-ajaran Islam hanya diamalkan dalam bentuk yang paling longgar dan bersifat pilih-pilihan. Dari gerak kerja ini terHASILlah generasi anak-anak yang mengagung serta meniru cara hidup Barat dan merendah-rendahkan ajaran Islam tradisional.

Serupa juga dengan sistem pemerintahan. Falsafah atau dasar yang dipegang oleh kerajaan akan menghasilkan gerak kerja-gerak kerja yang membentuk kerangka-kerangka dan struktur-struktur masyarakat. Dari situ akan menghasilkan jenis tamadunnya. Lihat formula berikut;

FALSAFAH kerajaan membentuk Tamadun Islam atau Tamadun Jahiliyyah



PEMERINTAHAN ISLAM

FALSAFAH : TAUHID

- i. Allah yang Maha Esa sebagai Pencipta Alam Semesta
- ii. Islam sebagai keseluruhan cara hidup (konsep SEPADU)
- iii. Hukum-hakam berpegang pada konsep '*aqal* dan *naqal*' (Al-Quran dan Al-Hadith)



KERANGKA PEMERINTAHAN

Khilafah dan wakil-wakilnya (Sultan & Gabenor)



DASAR


Penerus Rasulullah SAW dalam hal ehwal Islam dan umatnya



PERLAKSANAAN DASAR

melalui pembentukan

STRUKTUR-STRUKTUR MASYARAKAT



HALATUJU DAN MATLAMAT

- i. Islam dapat tersebar ke seluruh pelosok mukabumi
- ii. Syariat Islam yang sebenar dapat ditegakkan mengikut kehendak Allah sebagai Pencipta seluruh alam
- iii. Mendapat kesejahteraan dan keselamatan di dunia dan akhirat. Sentiasa dalam rahmat dan keredhaan Allah.

Falsafah Sekular dan Bahana Sistemnya

Semenjak zaman kuno lebih dari 3000 tahun dahulu manusia telah diperintah oleh golongan raja-raja. Lazimnya rakyat akan menganut agama raja-raja mereka dan raja-raja inilah yang mencorakkan identiti serta tamadun bangsa-bangsa yang di bawah perintah mereka.

Setelah kedatangan Islam, raja-raja berubah menjadi khalifah-khalifah umat Islam, iaitu sebagai penerus Rasulullah SAW bagi urusan duniawi dan ukhrawi disamping menjadi tonggak bangsa yang dipegangnya. Daulah-daulah Islamiyyah yang dipegang oleh raja-raja Islam ini merupakan unit-unit dalam rangkaian sistem yang bernaung di bawah sistem Khilafah sebagai ketua dan pusat kesatuan, kekuatan serta perpaduan ummah sejagat.

Sistem raja-raja, samada yang Islam ataupun yang bukan Islam inilah yang mendominasi lanskap politik dunia selama beribu tahun sehinggalah berlaku suatu anjakan paradigma yang besar dalam pentas sosio-politik masyarakat kristian Eropah yang kemudiannya, umpama kesan domino, membabitkan perubahan yang besar pada sistem tradisi kebanyakan daripada kerajaan-kerajaan dunia dari barat ke timur jauh bermula pada akhir abad ke 18 Masihi.

Dalam hal ini, berbagai sistem pemerintahan moden dan tiang-tiang sokongannya yang berpegang pada falsafah-falsafah kenegaraan dan kemanusiaan seperti sekularisme, sosialisme, komunisme, fasisme, kapitalisme, liberalisme, humanisme dan berbagai 'isme' lagi sebenarnya adalah ciptaan para pemikir serta cendekiawan Eropah yang pada awalnya merupakan suatu gerakan pembebasan dari kekangan golongan bangsawan feodal dan kekuasaan gereja Katolik Romawi yang menguasai kaum Kristian Eropah dengan kuku besi selama beratus-ratus tahun.

Wujud beberapa faktor penyebab sehinggakan para pemikir dan cerdik pandai Eropah mencari-cari formula untuk membebaskan masyarakatnya dari penguasaan alam gereja dan sistem feodal yang amat membelenggu sehingga mencetuskan Zaman Kegelapan (Medieval Europe) selama hampir 1000 tahun lamanya, iaitu dari tahun 400-1450M.

Faktor-faktor tersebut adalah :

Pertama:

Kekalahan pihak Kristian yang amat memalukan dalam kejadian Perang Salib yang berlaku dalam tempoh hampir 200 tahun, iaitu semenjak abad ke 11-13M. Dalam peperangan itu, umat Islam berjaya mengorbankan banyak nyawa dan harta benda kaum Kristian sedangkan pihak Kristian pula bukan sahaja gagal merampas kembali kota Baitul Maqdis daripada tangan umat Islam, tetapi juga tidak dapat mempertahankan kerajaan-kerajaan Latin yang mereka dirikan di tanah Timur, apatah lagi untuk menakluki kerajaan Islam di Timur Tengah itu. Selain itu sikap kaum feudal Eropah yang menggunakan Perang Salib untuk mencari kepentingan peribadi juga menyebabkan kaum Kristian mendapat kekalahan yang besar.

Kedua:

Belenggu daripada penguasaan gereja Katolik Romawi dan kaum feudalisme yang kejam, ganas dan mengangkat diri mereka ke taraf mutlak. Penyelewengan gereja telah membangkitkan gerakan reformasi untuk menentang mereka. Ini menyebabkan pihak gereja mewujudkan mahkamah penyiasatan (*Inquisition Courts*) yang amat ganas dan kejam. Mahkamah-mahkamah penyiasatan ini tumbuh berkembang semenjak akhir abad ke 15 sehingga pertengahan abad ke 19M di Sepanyol (bahagian wilayah Kristian), Perancis Selatan, Itali Utara dan Jerman. Kekejaman mahkamah-mahkamah penyiasatan ini menyebabkan kaum intelek Eropah mencari-cari formula untuk membebaskan masyarakat Eropah dari penguasaan mereka.

Ketiga:

Pemerhatian masyarakat Kristian Eropah kepada kemajuan peradaban dan tamaddun umat Islam yang ditanam benihnya daripada zaman Rasulullah SAW sehingga subur mekar dan pesat berkembang di zaman Dinasti Abbasiyyah yang berpusat di Baghdad, Dinasti Fatimiyyah yang berpusat di Kaherah, kerajaan Andalusia di Sepanyol dan Dinasti Othmaniyyah di Turki. Sedangkan pada masa itu kaum Kristian Eropah sedang menghadapi zaman kegelapan dan tidak bertamaddun.

Dalam tahun 1500 umat Eropah sudah mula dahagakan ilmu dan pembelajaran, penuntut-penuntut Eropah banyak mengunjungi universiti-universiti di Andalusia yang menghasilkan sistem pembelajaran yang terbaik di dunia. Konsep kebebasan belajar dan mengajar yang dipegang oleh bangsa-bangsa umat Islam yang digelar 'kaum Saracen' oleh masyarakat Barat itu telah mendatangkan minat

yang mendalam kepada orang-orang Kristian Eropah untuk belajar dari orang-orang Islam di Andalusia. Apatah lagi mereka dilayan dengan baik oleh para ilmuwan Islam dan pihak pemerintah.

Ini menggalakan kedatangan ramai penuntut Eropah, termasuklah golongan bangsawan ke pusat-pusat pengajian tinggi Islam khususnya di Cordova, Granada, Malaga dan Seville. Mereka belajar ilmu matematik, kimia, fizik, astronomi, perubatan, sastera, bahasa dan berbagai lagi dengan alim-ulamak serta cendekiawan-cendekiawan Islam. Ilmu-ilmu ini kemudiannya dibawa balik dan diperkembangkan di tempat-tempat mereka di Eropah.

Perang Salib juga telah menyebabkan masyarakat Eropah membuka mata kepada peradaban dan tamadun Islam yang jauh lebih maju dan pesat berbanding bangsa-bangsa Eropah. Ironisnya, pengalaman pihak Kristian berkonflik dengan umat Islam selama hampir 200 tahun dalam Perang Salib telah memperolehi faedah yang tidak ternilai harganya dari aspek bidang kemasyarakatan, politik, ekonomi dan ilmu pengetahuan.

Zaman Kegelapan (Medieval Europe) selama hampir 1000 tahun lamanya yang mencengkam dan menggawatkan dunia Eropah telah menyebabkan para pemikir dan cerdik pandai mereka mula teraba-raba mencari formula-formula yang diharap dapat membebaskan umat Kristian dari belenggu penguasaan alam gereja dan sistem feudalisme yang kejam. Pemerhatian kepada tamadun Islam dalam Daulah-Daulah Islamiyyah yang jauh lebih maju dan baik daripada tamadun Kristian Eropah pada waktu itu telah mencetuskan rasa cemburu dan keinginan yang meluap-luap untuk mendapatkan kesejahteraan dan kemajuan duniawi yang lebih baik bagi umat Kristian sebagaimana yang telah dikecapi oleh umat Islam sebagai kuasa dominan dunia waktu itu.

Dalam keadaan inilah ramai dari kalangan intelektual Yahudi telah mengambil kesempatan untuk meracuni pemikiran masyarakat Eropah (sebagaimana mereka juga menjadi dalang kepada banyak firqah batil dan ajaran sesat). Mereka mengajak kepada suatu anjakan paradigma dalam aspek aliran pemikiran dan falsafah yang dipegang oleh bangsa-bangsa Kristian Eropah yang dikatakan menjadi punca kemunduran mereka.

Selama ini masyarakat Eropah menggunakan konsep BERSEPADU, iaitu ajaran agama Kristian dipersepadukan dalam seluruh aspek kehidupan mereka. Bagaimanapun, pegangan kepada konsep ini telah membawa kepada kemelesetan dalam penghidupan mereka kerana kebatilan ajaran Kristian yang ditokok tambah oleh pihak gereja mengikut hawa nafsu mereka telah membawa kepada

amalan-amalan yang tidak menasabah¹⁰, penuh tahyul, khurafat, berkecamuk, zalim dan memudaratkan kehidupan duniawi orang-orang Eropah itu¹¹.

Oleh itu masyarakat Kristian Eropah telah diajak untuk melakukan pembaharuan pemikiran, iaitu dengan memerdekakan diri dari belenggu doktrin-doktrin serta amalan-amalan gereja. Akal fikiran dan falsafah yang boleh memberikan manusia kekuatan, kesejahteraan dan kekayaan duniawi patut digunakan dalam segala hal ehwal dunia, walaupun mendapat tentangan dari pihak gereja. Sedangkan perkara-perkara mengenai Ketuhanan, Alam Ghaib, konsep Syurga dan Neraka serta Alam Akhirat patut diasingkan dari semua urusan duniawi. Iaitu tidak ada pertemuan antara ajaran gereja (unsur-unsur ketuhanan) dengan hujjah akal dan sains.

Dari sini tercetuslah falsafah SEKULARISME, iaitu konsep pemisahan agama dari urusan penghidupan duniawi, dan LIBERALISME, iaitu konsep pembebasan manusia untuk melakukan sesuka hati mereka dengan sekatan yang minima¹².

Dalam lain perkataan, aliran pemikiran berfalsafahkan doktrin SEKULARISME dan LIBERALISME sebenarnya menuntut pembebasan manusia dari kawalan Tuhan dalam semua hal serta urusan duniawi.

Konsep-konsep pemerintahan dan pentadbiran manusia sejagat yang berpaksi dan berpusat pada falsafah Sekularisme dan Liberalisma adalah berpegang pada teori-teori berikut, iaitu;

- i. Tuhan tidak wujud atau tidak berperanan dalam dunia ini.

¹⁰ Institusi Gereja Katolik Romawi banyak membuat penambahan yang menyeleweng dari ajaran yang terkandung dalam kitab Bible yang asli. Mereka mendakwa bahawa paderi-paderi Kristian mempunyai hubungan batiniyyah dengan Tuhan sehingga boleh menjadi 'perantara' diantara Tuhan dengan makhluk, contohnya dalam acara '*confession*' atau pengakuan kepada dosa yang dibuat, yang mana paderi boleh bertindak memberi pengampunan kepada para pendosa, serta konsep *salvation* atau penyelamat, yang mana paderi boleh menjadi penyelamat kepada penganut agama Kristian dari hukuman Tuhan. Pihak Gereja menganggap bahawa kejahilan itu petua iman, dan ilmu membawa kepada kekafiran. Pihak Gereja amat marah dengan pelajar-pelajar Kristian yang pada waktu itu belajar dari orang-orang Islam di Andalusia tentang ilmu sains, matematik, astronomi, perubatan, pembedahan, pelayaran dan pertanian, lalu kembali sebagai cendikiawan-cendikiawan Eropah yang gemar bertutur dalam bahasa Arab.

¹¹ Sedangkan masalah ini tidak terdapat dalam ajaran Islam. Agama Islam sebagai satu-satunya agama KEBENARAN akan membuktikan bahawa ajaran-ajarannya boleh disepadukan dalam kehidupan duniawi, kerana sumber aqal dan sumber naqal (Al-Quran dan Al-Hadeeth) adalah dari satu sumber yang sama, iaitu wahyu Allah SWT. Oleh itu sumber naqal akan dapat dibuktikan dengan logik aqal yang sihat.

¹² Sekatan minima yang dimaksudkan di sini adalah sekadar dapat menjamin keselamatan dan keamanan masyarakat awam, bukan sekatan yang mengikut peraturan agama.

- ii. Pemerintahan dan pentadbiran manusia hanya perlu menggunakan akal semata-mata (tidak ada konsep sumber wahyu).
- iii. Semua agama dan ideologi adalah ciptaan manusia semata-mata.
- iv. Semua pendapat dan pemikiran yang boleh membawa manusia kepada kekuatan dan kekayaan seharusnya diterima.
- v. Manusia perlu dibebaskan dari batasan-batasan agama dan hanya berpegang pada nilai etika semata-mata. Nilai etika ini diciptakan dengan matlamat supaya manusia dapat hidup secara berharmoni dan aman, ianya boleh disesuaikan dengan kehendak dan citarasa rakyat, perubahan zaman, tempat dan suasana.

Zaman pembaharuan mental dan budaya masyarakat Kristian Eropah inilah yang disebut sebagai Zaman 'Kelahiran Semula' atau '*Age of Renaissance*'. Disebut 'Zaman Kelahiran Semula' kerana bermatlamat mengambil idealisme Empayar Romawi pagan yang mengamalkan 'Tamaddun Tidak Bertuhan'.

Belunggu gereja yang amat berpengaruh apabila kerajaan Romawi Byzantine mengambil Kristian sebagai agama resmi telah didakwa sebagai punca kemunduran masyarakat Eropah di Zaman Kegelapan. Oleh itu ajaran-ajaran gereja perlu dihapuskan untuk mengembalikan kegemilangan mereka sebagaimana zaman Romawi pagan dahulu. 'Zaman Kelahiran Semula' juga disebut Zaman Taakul (*Age of Reason*) atau Zaman Pencerahan (*Age of Enlightenment*).

Era ini kemudiannya telah membawa kepada PEMBEBASAN INDIVIDU SECARA MUTLAK dalam bidang agama, penulisan, kebudayaan, sains dan sastera. Dari sini terbitlah zaman industri dan kemodenan Barat yang gemilang dari aspek pencapaian teknologi dan tamadun zahiriyah tetapi dalam masa yang sama telah menghancurkan terus agama, nilai, moral, budaya dan peradaban mereka.

Kemuncak kepada revolusi pembebasan mental dan budaya masyarakat Eropah dari kawalan gereja yang membawa kepada penciptaan falsafah Sekularisme dan Liberalisme itu, **maka pada 'tanggal keramat' 4hb Julai 1776M, lahirlah sebuah Negara Sekular yang pertama di dunia, iaitu Amerika Syarikat.**

Dari sini terciptalah konsep 'Negara' menggantikan Tuhan sebagai pemberi mandat kepada pemerintah. 'Perlembagaan' atau '*Constitution*' menjadi kuasa paling atas dan muktamad dalam pemerintahan sekular. Konsep ini bukan sahaja terputus dari sistem pemerintahan raja-raja mutlak, malahan juga daripada penguasaan agama Kristian yang diwakili oleh pihak gereja.

Kejayaan melahirkan sebuah Negara Sekular di Amerika Syarikat yang memisahkan diri dari naungan monarki dan alam gereja telah mencetuskan berbagai-bagai konsep pemerintahan dan pentadbiran berasaskan falsafah Sekularisme dan Liberalisme. Antaranya ialah Komunisme, Sosialisme, Humanisme, Kapitalisme dan berbagai 'isme' lagi.

Konsep-konsep ini tidak berpandukan pada ajaran mana-mana agama, oleh itu tidak mengambil perkiraan kehendak Tuhan, kesejahteraan ruhaniyyat ataupun Alam Akhirat, tetapi semata-mata atas dasar mengagungkan manusia serta memaksimumkan kesejahteraan mereka di dunia semata-mata.

Walaupun masyarakat Barat telah menjadi maju dan canggih dalam kehidupan duniawi selepas meleraikan diri dari cengkaman sistem gereja dan feodalisme, malangnya mereka terpaksa membayarnya dengan harga kemelesetan tamadun, moral, nilai, peradaban dan budaya tradisi bangsa yang cukup parah.

Kehidupan moden yang serba canggih tidak dapat membeli ketenangan fikiran, kesejahteraan nurani dan mengisi kekosongan ruhaniyyat mereka. Hasilnya telah melahirkan generasi-generasi Barat yang tidak berpedoman, tiada kompas moral, tidak waras, kacau-bilau, resah dan berkecamuk¹³. Kemelut ini mencetuskan banyak konflik-konflik masyarakat yang sukar dibendung dan diatasi. Itulah tragedi yang sedang melanda dunia Barat masakini, malangnya penyakit yang sama mula menular kepada negara-negara yang menceduk sistem-sistem mereka secara membuta tuli, termasuklah negara-negara umat Islam.

¹³ Kes bunuh diri dan bunuh orang lain tanpa sebab semakin menjadi-jadi dalam dunia Barat hari ini yang menunjukkan jiwa yang kosong dan kacau bilau, jeritan batiniyyah mereka kepingin untuk diisi dengan ruh agama dan kompas moral.

PEMERINTAHAN SEKULAR

FALSAFAH :
TUHAN TIDAK ADA KENA MENGENA DENGAN
URUSAN MANUSIA DI DUNIA

- i.** Agama dianggap sebagai satu budaya ciptaan manusia purbakala.
- ii.** Pencipta alam tidak wujud dan tidak mewahyukan hukum-hakam kepada manusia.
- iii.** Segala-galanya boleh difahami melalui penggunaan pancaindera dan akal semata-mata.
- iv.** Ajaran agama perlu dipisahkan dari urusan penghidupan manusia kerana ajarannya banyak tidak masuk akal dan tidak dapat dibuktikan melalui hujjah sains.



KERANGKA PEMERINTAHAN

Corak pemerintahan SEKULAR & LIBERALISME berpaksikan naluri manusia yang disifatkan sebagai agung dan muktamad



DASAR


- i.** Pemisahan agama dari urusan pentadbiran manusia dan alam
- ii.** Urusan manusia harus dikendalikan berdasarkan hujjah akal dengan matlamat membawa manusia kepada kesejahteraan duniawi yang muktamad. Pendapat tidak dibataskan oleh pantang larang agama.
- iii.** Urusan akhirat adalah pilihan & tafsiran peribadi. Manusia bebas untuk memilih jalan ateisme, iaitu tidak percayakan Tuhan..



PERLAKSANAAN DASAR

melalui pembentukan

STRUKTUR - STRUKTUR MASYARAKAT



HALATUJU DAN MATLAMAT



Melahirkan Tamadun Tidak Bertuhan

Contoh Pengaruh Sekularisme yang Umum Hari Ini

1. Menghalalkan pemakaian baju sukan yang terang-terang mendedahkan aurat lelaki dan wanita atas nama tuntutan sukan. Kadangkala pakaian sukan tersebut sehingga menjadi begitu menjolok mata seperti dalam bidang renang dan gimnastik. Bidang sukan yang diuar-uarkan sebagai wadah yang dikatakan dapat memupuk semangat muhibbah, patriotisme serta persaudaraan sejagat malangnya tidak menerapkan aturan ALLAH, khususnya dari aspek pemakaian para atlit serta percampuran bebas antara lelaki dan perempuan. Bidang sukan merupakan satu contoh ketara bagaimana kehendak Allah SWT diketepikan sama sekali, sedangkan aturan dan budaya barat diagung, disanjung dan diikuti.
2. Menghalalkan pameran gambar dan iklan separuh lucah di premis-premis perdagangan atas nama tuntutan komersialisme. Iklan-iklan yang menonjolkan model-model wanita yang memakai pakaian menjolok mata dengan gaya yang tidak sopan, menggiur dan menghairahkan, kadangkala bergambar pula dengan model-model lelaki dalam aksi-aksi yang '*suggestive*', tersebar berleluasa di tempat-tempat umum. Atas nama komersialisme, sensitiviti umat Islam, dalam negara umat Islam sendiri, terang-terang dicerobohi dengan iklan-iklan barat yang berbau lucah dan kontroversi. Malahan ianya menjadi perang saraf bagi mendidik umat Islam supaya melupakan sifat malu (malu bagi umat Islam adalah sebahagian dari iman). Di sini juga jelas terdapat unsur-unsur pengkhianatan kepada ajaran Islam apabila aturan Allah disisihkan atas nama kesejahteraan duniawi dan kehendak globalisme ciptaan barat.
3. Menghalalkan pelaburan dana atas syarikat-syarikat yang membuat perniagaan yang terang-terang melanggar aturan Islam atau yang bersyubahat dengan musuh-musuh Islam atas nama tuntutan ekonomi. Unsur-unsur perjudian yang terdapat dalam jual beli saham berdasarkan spekulasi yang diharamkan oleh Islam juga dihalalkan atas nama ekonomi. Sekali lagi sistem kuffar barat diagungkan melebihi kehendak dan aturan Allah.
4. Menghalal serta menggalakkan penyertaan umat Islam dalam perayaan-perayaan agama bagi kaum lain atas nama muhibbah dan konsep 'semua agama adalah baik dan membawa kesejahteraan'. Bersama-sama dengan kaum lain meraikan majlis-majlis agama mereka, sehingga masuk ke tempat-tempat ibadat mereka. Dengan ini telah meletakkan Agama Islam sama nilai dan sama taraf dengan agama-agama lain, selain engkar pada tuntutan syariat yang melarang keras

umat Islam dari meraikan serta menyertai perayaan-perayaan agama lain.

Kesimpulannya, apabila agama tidak disatu dan disepadukan dalam aspek kehidupan manusia, diasing-asingkan sepertimana falsafah sistem sekularisme, liberalisme dan isme-isme yang lain-lain lagi itu, dan agama itu hanya menjadi pilihan-pilihan peribadi individu semata-mata, kalau suka ambil, pakai, guna, tapi guna sendiri, jangan paksa orang lain dan jangan libatkan agama dengan urusan dunia. Dan kalau tidak suka, buang sahaja agama di mana-mana, tiada bersalahan dengan aturan pemerintahan sekular. Maka jadilah manusia hamba-hamba Allah yang telah lupa dengan sebenar-benar lupa atau berpura-pura lupa, tentang matlamat penciptaan makhluk dan maksud kehidupan di dunia. Lalu jadilah mereka hamba-hamba syaitan iblis yang hina dina, bertuhankan tuntutan hawa nafsu, materi dan segala-gala perhiasan duniawi.

Apabila manusia diletakkan pada taraf agung, melebihi keagungan Penciptanya, sepertimana yang disyorkan oleh falsafasah-falsafah Barat itu, maka sebenarnya mereka telah mengkhianati janji kepada Allah pada *Yaumul Mitsaq* untuk sujud menyembah dan mengagungkanNya, mengesahkan diri sebagai hambaNya semata-mata. Lalu mereka sebenarnya telah menempah tiket ke jurang kebinasaan di neraka bersama-sama syaitan iblis dan sekutu-sekutunya.

Sesungguhnya falsafah dan aliran pemikiran yang tidak bersumber daripada ajaran Islam yang sebenar akan membawa kepada pembentukan kerangka dan struktur-struktur masyarakat yang berlawanan dengan kehendak Allah SWT. Pegangan negara-negara umat Islam kepada falsafah sekularisme telah disusuli dengan gerak kerja-gerak kerja yang sengaja menggantikan Nilai, Neraca dan Tafsiran Islam kepada Nilai, Neraca dan Tafsiran Barat. Falsafah inilah yang berhasil membentuk Tamaddun Tidak Bertuhan yang bukan fitrah dan tidak serasi dengan kejiwaan umat Islam sehingga mencetuskan berbagai kemelut ummah yang parah.

Falsafah Anti-Islam di Sebalik Sistem-Sistem Barat

Kerangka, bentuk dan struktur pemerintahan adalah natijah daripada falsafah-falsafah yang awalnya dicetuskan oleh para pemikir dan cendekiawan sesebuah negara itu, atau apa yang dipanggil '*think tank*', kemudian diterima oleh pemerintah sebagai dasar pemerintahan mereka. Dalam hal ini, kemerbahayaan falsafah-falsafah yang tidak berpegang pada konsep ketuhanan dikhuatiri akan menolak langsung kewujudan dan peranan Pencipta dalam urusan kehidupan manusia di

dunia ini, yakni semata-mata bergantung kepada kekuatan akal dan kudrat manusia semata-mata.

Inilah tragedi yang telah berlaku semenjak dua tiga kurun yang lalu, yakni falsafah-falsafah Barat cetusan pemikir-pemikir Eropah dan Amerika yang *Yahudi wa Nasara*, telah melahirkan berbagai kerangka pemerintahan dan struktur-struktur pentadbiran yang bercanggah dengan prinsip-prinsip ketuhanan, apatah lagi yang menepati kehendak-kehendak Allah Ta'ala sebagai Pencipta sebenar yang Maha Esa. Malangnya falsafah-falsafah Barat ini telah dipegang dan diamalkan oleh kebanyakan negara dunia termasuk negara-negara yang dikuasai umat Islam. Antaranya termasuk falsafah sekularisme, liberalisme, humanisme, sosialisme, kapitalisme, komunisme dan berbagai isme lagi.

Dalam hal ini, ada yang berpendapat umat Islam seharusnya mengambil apa yang baik sahaja daripada sistem-sistem Barat dan meninggalkan falsafah-falsafah yang batil. Secara rambang mungkin nampak boleh dipraktikkan. Malangnya kebanyakan daripada konsep-konsep 'isme' cetusan para pemikir Barat ini **adalah umpama pohon yang tumbuh daripada benih yang semulajadinya cacat**. Iaitu bersumber daripada falsafah-falsafah asas yang batil kerana tidak diletakkan di bawah kerangka atau falsafah Islam, iaitu mengakui kewujudan dan keEsaan Allah Ta'ala (falsafah Tauhid). Malahan falsafah-falsafah Barat ini mengasingkan langsung pengurusan hidup manusia dengan konsep-konsep ketuhanan, seolah-olah jagat raya ini lahir secara mandiri, tiada penciptanya. Oleh itu pendirian untuk mengambil konsep-konsep Barat yang murni daripada konsep-konsepnya yang batil adalah umpama ikhtiar untuk mengasingkan susu yang telah tercemar kerana bercampur baur dengan najis air kencing.

Contohnya konsep Humanisme yang mencetuskan gerakan pembebasan wanita, dalam pada ia memperjuangkan penindasan dan kezaliman kaum lelaki atas wanita, tetapi dalam masa yang sama ia mengiktiraf pelacuran, menyokong gerakan homoseks dan lesbian, mengiktiraf perzinaan, mencemuh dan tidak mengiktiraf suri rumah tangga dan menggalakkan wanita 'di dapur rumah' untuk beramai-ramai bekerja di luar rumah, menggalakkan wanita untuk menghapuskan sifat malu, memelopori pendidikan seks cara Barat, memelopori gerakan 'exchanging role' atau 'penukaran peranan' dan sebagainya.

Konsep Liberalisme yang berpegang pada falsafah peningkatan kebebasan individu tidak pula membataskan kebebasan ini pada had agama, langsung memelopori gerakan 'kebebasan bersuara' yang mengiktiraf pendapat-pendapat khurafat, syirik, menghina Islam,

mencemoi Rasulullah SAW malahan menghina Allah SWT sendiri. Sekatan-sekatan yang dibuat pada konsep 'kebebasan bersuara' dalam negara-negara umat Islam hanyalah ditafsir mengikut kehendak dan citarasa ahli-ahli politik, bukan mengikut nasihat dan bimbingan alim-ulamak muktabar/mursyid.

Sistem demokrasi yang bernaung di bawah falsafah Liberalisme meletakkan kuasa mutlak di tangan rakyat. Manakala rakyat yang dimaksudkan di sini dicampur adukkan antara umat Islam dengan orang-orang kafir dan ateis. Maka kepentingan-kepentingan Islam sudah tentu dikompromi kerana dalam sistem pungutan suara melalui peti undi ini, orang-orang kafir dan ateis diberi kuasa sama untuk menentukan agama dan hal ehwal umat Islam.

Ringkasnya, pendapat-pendapat yang mengesyorkan supaya mengambil sahaja konsep-konsep Barat yang murni dan meninggalkan unsur-unsur kebatilan telah terperangkap dengan kelicikan tipudaya kaum Yahudi dan Nasrani (Barat) kerana ;

1. Falsafah-falsafah 'isme' Barat yang melahirkan kerangka dan struktur hampir semuanya adalah bersifat syirik.
2. Struktur-struktur yang dilahirkan daripada falsafah-falsafah ini walaupun terdapat konsep-konsep murni tetapi tidak dipagar dengan agama. Percampuran hak dan batil boleh dan telah pun mengelirukan umat Islam.
3. Islam adalah ajaran yang lengkap dan menyeluruh yang mengamalkan kosep ilmu bersepadu, iaitu agama dan kehidupan adalah satu dan tidak boleh dipisah-pisahkan. Kita ada formula-formula sendiri untuk menangani segala masalah duniawi tanpa perlu mencampur-adukkan unsur-unsur hak dengan yang batil. TIDAK PERLU KITA MELIHAT KE BARAT UNTUK Mencari formula masalah-masalah Ummah kerana agama Islam sudah lengkap sehingga hari kiamat. Hal ini dijamin oleh Allah SWT sendiri.
4. Konsep-konsep 'isme' yang dibuat adalah hasil pengalaman masyarakat Kristian Eropah dan bukan pengalaman bangsa-bangsa umat Islam.
5. Walaupun sesetengah daripada pengalaman mereka adalah sama dengan pengalaman kita, tetapi formula-formula penyelesaian mereka tidak boleh kita terima kerana tafsiran, nilai dan neraca yang mereka gunakan tidak sama

dengan tafsiran, nilai dan neraca Islam dan adat pegangan bangsa-bangsa (umat Islam) kita.

Sesungguhnya Islam sebagai agama wahyu dari Allah telahpun mempunyai segala konsepnya yang murni yang dibina secara *INBUILT* dalam sistem Islam dan kita tidak ada alasan lagi untuk mengambil apa jua konsep dari Barat yang tidak dipagar dalam kerangka Agama Islam itu.

Firman Allah SWT yang bermaksud :

" Hari ini Aku sempurnakan bagimu agamamu (Islam), dan Aku lengkapkan atasmu akan nikmatKu, dan Aku redho Islam menjadi agamamu. " (Al Maidah: 3)

" Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia, kamu menyuruh berbuat kebaikan dan kamu melarang dari kejahatan, dan kamu beriman kepada Allah. " (Ali Imran: 110)

" Dialah yang mengutus RasulNya dengan (membawa) petunjuk dan agama yang benar, supaya Dia memenangkan agama itu alas sekelian agama, walaupun orang-orang musyrikin tidak menyukainya. " (Ash-shaf : 9)

Fitnah Sistem Demokrasi

Istilah demokrasi berasal dari perkataan Greek *demos* yang bermakna rakyat, dan *kratos* yang bermakna perintah. Istilah ini mempunyai tiga takrifan dalam konteks semasa iaitu;

- I. Bentuk kerajaan yang mana individu rakyat mempunyai kuasa mutlak secara langsung dalam urusan pemerintahan negeri. Sistem ini dipraktikkan dalam zaman Greek kuno tetapi kemudiannya terlupus kerana tidak praktikal untuk negeri yang mempunyai ramai penduduk.
11. Bentuk kerajaan yang disebut Demokrasi Berperwakilan, iaitu individu rakyat mempunyai kuasa mutlak tetapi kuasa tersebut dimandatkan kepada wakil-wakil rakyat yang bertanggungjawab menjaga kepentingan dan mandat mereka.
111. Bentuk kerajaan yang hampir sama seperti Demokrasi Berperwakilan. Bagaimanapun kuasa majoriti rakyat adalah dibataskan dalam undang-undang perlembagaan bagi menjamin semua peringkat rakyat mempunyai beberapa hak

individu atau hak kolektif seperti kebebasan bersuara dan kebebasan beragama. Demokrasi jenis ini dikenali sebagai Liberal-Demokrasi atau Demokrasi Berparlimen.

Sistem demokrasi adalah lanjutan daripada falsafah sekularisme. Iaitu pemerintahan manusia bukan mengikut panduan agama, tetapi berdasarkan kehendak majoriti rakyat yang mana dewasa ini kebanyakannya lebih suka bersikap bebas lepas dan bebas laku dan tidak suka dikekang oleh peraturan agama. Oleh itu kebanyakan mereka akan memilih pemimpin yang mampu menjaga kepentingan duniawi mereka semata-mata.

Hakikatnya, sistem demokrasi yang dicanangkan oleh ahli-ahli falsafah, cendekiawan-cendekiwan serta politikus-politikus Barat sebenarnya menghapuskan hak-hak Tuhan dalam hal pemerintahan umat manusia. **Dan yang menggantikan Tuhan tidak lain melainkan golongan KAPITALIS yang bertuankan kepada murabin-murabin (pedagang-pedagang sistem riba) Yahudi Zionis antarabangsa itu!!**

Apatah lagi dalam urusan pemerintahan umat Islam! Falsafah demokrasi berperanan meletakkan umat Islam di telapak kaki-telapak kaki golongan kafirun, khususnya Yahudi dan Kristian kerana ia berpegang kepada prinsip-prinsip kebatilan seperti berikut;

- i. Memberikan nilai yang sama dan hak sama taraf kepada semua agama. Bermakna hak, nilai, kepentingan dan peranan agama Islam adalah sama dengan agama lain. Umat Islam juga menjadi sama nilai dan sama hak dengan orang-orang kafir dan ateis.

Rasulullah SAW bersabda : *“Islam itu tinggi dan tiadalah sesuatu pun yang lebih tinggi daripadanya”* (HR Imam Ahmad)

- ii. Dalam pemerintahan Islam, ianya tidak mempunyai pemagar yang berkesan untuk membentengi kaum fasiq dan munafikin dari terlibat dalam urusan memilih kepimpinan negara¹⁴.
- iii. Berpegang pada pendirian kuasa majoriti yang jelas mempunyai banyak kepercanggihannya itu¹⁵. Contohnya seorang calon itu

¹⁴ Sedangkan corak pemerintahan Islam yang tidak mengambil mandat rakyat, iaitu mengambil mandat Allah semata-mata jelas memberi garis panduannya mengenai kedudukan *Ulil Amri* yang jatuh fasiq, zalim, murtad, gila, menghalang pelaksanaan syariat dan sebagainya.

¹⁵ Cuba bayangkan jika majoriti rakyat yang mengundi adalah orang-orang fasiq, munafik, ateis, murtad dan kafir yang jauh melebihi orang-orang Islam yang bertaqwa, ataupun pemerintah yang korup mengagihkan kawasan pengundian supaya undi orang-orang Islam dapat dipecah-pecahkan, maka sudah tentu yang akan naik ialah pemimpin-pemimpin yang korup seperti mereka juga. Adakah dalam tangan kepimpinan yang korup ini konsep-konsep Islam yang murni dapat diperjuangkan??

menang hanya dengan kelebihan satu undi, bukankah itu sebagai model perjudian atau umpama suatu pertandingan olahraga? Bagaimana pula jikalau majoriti pengundi adalah orang2 fasiq, munafiq dan kafir, dan mereka menuntut untuk dibina prasarana hiburan yang berbau maksiat atau membela golongan murtad, adakah pada golongan ini harus dipertaruhkan kepimpinan dan masa hadapan negara?

Firman Allah SWT :

‘Jika kamu ikut kebanyakan orang di mukabumi ini, nescaya mereka menyesatkan kamu dari jalan dan ugama Allah. Mereka hanya membuat teka dan agak-agak jua. Bahawa Tuhan kamu lebeh mengetahui siapa orang yang sesat dari ugama Allah dan Ia mudahkannya pada jalan sesat. Dan Allah tahu akan orang yang mendapat petunjuk maka Ia mudahkannya pada jalan petunjuk dan ugama Allah.’ (Al- An’am : 116-117)

- iv. Meletakkan urusan pemerintahan di tangan rakyat yang berbeza dengan konsep Islam iaitu pemilihan Kepala Negara melalui perlantikan oleh Anggota Pemilih (*ahl al-hall wa al-aqd*) atau Kepala Negara yang sebelumnya, yang mana mereka perlu mempunyai ciri-ciri kelayakan yang telahpun ditetapkan oleh Allah SWT sendiri, bukan oleh rakyat jelata.¹⁶

Walaupun sesetengah pihak berpendapat bahawa sistem demokrasi adalah ditanam benihnya dari sumber Islam kerana

¹⁶ Dalam pemerintahan Islam yang sebenar, tidak wujud konsep ‘kuasa majoriti’ atau Pemerintahan Demokrasi. Hakikatnya, pemerintah Islam TIDAK MEWAKILI rakyat jelata kerana jemaah pentadbiran sesebuah negara Islam TIDAK mengambil mandat rakyat dan TIDAK memikul amanah rakyat. Mereka mengambil mandat Khalifah atau Sultan dan memikul amanah kepala-kepala negara ini. Sedangkan Khalifah dan Sultan pula MENGAMBIL MANDAT ALLAH dan memikul amanahNya.

Perbezaan ini adalah amat besar kerana apabila pemimpin mengambil mandat rakyat seperti sistem demokrasi hari ini., bermakna mereka diamanahkan OLEH RAKYAT untuk memenuhi segala kehendak dan keperluan mereka, sedangkan kehendak-kehendak rakyat tidak semestinya sama dengan kehendak-kehendak Allah, malahan kebanyakannya adalah berlawanan dengan kehendak Allah dan kepentingan Agama Islam. Kerana rakyat secara umumnya akan lebih mengambil berat kepada keperluan serta peningkatan materi dan duniawi berbanding dengan keperluan dan kepentingan ukhrawi. Oleh itu kalau rakyat menolak hudud, pemimpin terpaksa menolak hudud, kalau rakyat hendak mengamalkan percampuran bebas diantara lelaki perempuan, pemimpin terpaksa mengalah, kalau rakyat hendak berjudi, pemimpin terpaksa sediakan tempat berjudi dan sebagainya.

Kepimpinan yang mengambil mandat Allah akan membuat keputusan dan tindak tanduk sesuai dengan peranan mereka sebagai WAKIL ALLAH dan RASULNYA dunia ini. Bermakna dalam urusan hal ehwal pemerintahan negeri, perkiraan kehendak-kehendak Allah dan RasulNya akan **diutamakan** berbanding dengan kehendak-kehendak rakyat jelata. Dan kehendak-kehendak Allah dan Rasul adalah atas tujuan MENJAGA KEPENTINGAN ISLAM DAN UMATNYA.

Bermakna keperluan-keperluan rakyat yang terbaik adalah terbina secara *INBUILT* dalam sistem, apabila pemerintah memenuhi kehendak-kehendak Allah dalam urusan pemerintahan umat Islam.

mempunyai ciri-ciri murni seperti memperjuangkan hak golongan tertindas (*Mazlama*), bersifat kemanusiaan (*Insaniah*), ruang memberikan pendapat (*Huriyah Arrakya*), ruang mengkritik (*Muhasabah*) dan ombudsman (*Hisbah*) serta kebebasan beragama (*La ikrahaah fid din*), namun ia tetap tercemar sebagaimana falsafah-falsafah Barat yang lainnya kerana telah bercampur aduk antara kebenaran dan kebatilan sehingga tidak mungkin dapat disucikan kembali.

Ringkasnya sistem demokrasi Barat seperti yang diamalkan hari ini telah mencampur adukkan perkara-perkara DASAR ATAU POKOK YANG BATIL dengan unsur-unsur kebenaran dan kebaikan yang hanya bersifat RANTING. Percampuran unsur-unsur kebatilan yang bersifat dasar dengan unsur-unsur kebenaran yang bersifat ranting ini bukan sahaja boleh mencetuskan kesamaran yang amat mengelirukan, tetapi juga menyebabkan ianya mudah dieksploitasi oleh pihak-pihak yang berkepentingan di sebalik kesamaran yang tercetus itu.

Malahan kebatilan yang bersifat dasar akan mencemari unsur-unsur kebenaran yang bersifat ranting, umpama seorang yang diberi susu yang telah tercemar kerana bercampur baur dengan najis air kencing. Bagaimana mahu mengasingkan dan mensucikan kembali susu dari air kencing yang telah bercampur aduk itu?

Firman Allah SWT yang maksudnya :

" Apakah kamu beriman dengan sesetengah isi Al-Kitab dan kufur dengan sebahagian yang lain. Tidak ada pembalasan untuk mereka yang berbuat begitu diantara kamu, selain dari kehinaan di dunia manakala di akhirat mereka dipulangkan kepada seksaan yang amat sangat. Dan Allah tidak lengah memerhatikan apa yang kamu kerjakan. "

(Al Baqarah: 85)

Fatwa Hakimul Ummat Hadhrat Maulana Asyraf Ali Thanwi mengenai konsep demokrasi¹⁷

" Saya membidas demokrasi dengan menggunakan hujjah yang digunakan oleh pendokong-pendokongnya. Mereka memetik ayat Al-Quran: *"dan rujuklah mereka dalam urusan-urusanmu"*¹⁸ sebagai hujjah untuk membenarkan kerajaan demokratik. Tetapi saya membidas hujjah itu dengan menggunakan ayat ini juga. Ayat ini sebenarnya

¹⁷ Dipetik dari kitab "*Malfoozat*" susunan Majlis Ulama South Afrika, 1995, h1m 49-51

¹⁸ Kitab Al Quran (Ali Imran: 159)

memerintahkannya mesyuarah (muafakat) dan BUKAN DEMOKRASI. Walaupun kalian (pendukung-pendukung demokrasi) menganggap diri kalian sebagai pemikir dan ahli-ahli falsafah, tetapi hakikatnya kalian tidak faham langsung.

“ PEMERINTAHAN DEMOKRASI BUKANLAH PERMUFAKATAN (mengikuti konsep seperti yang disarankan dalam ayat ini). Ada beberapa prinsip asas dalam permuafakatan demokrasi, diantaranya undi majoriti. Apabila timbul perselisihan maka keputusan akan didirikan atas asas majoriti. Ketua dalam sistem tersebut TERIKAT dengan pendapat majoriti yang mana dia tidak dapat menolaknya. Jikalau dia membelakangkan majoriti dan mengutamakan pendapatnya, maka itu bukan sistem demokrasi tetapi sistem diktator. Oleh itu sesebuah sistem pemerintahan tidak boleh dianggap demokratik hanya semata-mata atas alasan ia mengamalkan permuafakatan (yakni ia perlu juga mengikatkan dirinya kepada keputusan majoriti).”

“ Sedangkan bukti nyata jelas menunjukkan tidak sesekali pemerintahan oleh para sahabat (Rasulullah SAW) RA anhum boleh dipanggil demokrasi. **Keputusan khalifah-khalifah tidak pernah terikat kepada keputusan atau nasihat daripada penasihat-penasihat mereka.** Mereka tidak terikat untuk bertindak semata-mata menurut pendapat-pendapat dan syor orang-orang yang turut serta dalam rundingan (Majlis Syura). Maka menurut kaedah syariah, pemerintahan/keputusan oleh seseorang itu (Amir atau Kepala Negara) diguna pakai (iaitu kuasa membuat keputusan berdasarkan input daripada Majlis Syura adalah semata-mata terletak di tangan Amir atau Kepala Negara). ”

“ Kamu (yakni pendukung demokrasi) berhenti pada *"Dan rujuklah mereka..."* sewaktu mengeluarkan dalil ayat tersebut. Kamu tertinggal *"Maka, apabila kamu (pemerintah) telah memutuskan, maka serahkanlah tawakkalmu kepada Allah (dan bertindaklah).* Kalian sengaja tidak melihat potongan ayat ini atau kalian tidak faham maksud ayat tersebut. Potongan ayat ini secara jelas menyatakan pemerintahan pada seseorang (bukan majoriti). Tidak pula ayat itu menyatakan : *"Apabila pihak ramai (majoriti) telah memutuskan"*.

“ Apa yang berlaku adalah sebaliknya, yakni keputusan muafakat terletak kepada Rasulullah SAW yang memberikan keputusan muktamad baginda sendiri walaupun selepas bermesyuarat. Maksud ayat ini ialah walaupun selepas rundingan, KEPUTUSANNYA ADALAH MUTLAK PADA PEMERINTAH (i.e Rasulullah SAW), SAMADA IA

BERTEPATAN ATAU BERCANGGAH DENGAN PENDAPAT MAJORITI¹⁹. Setelah itu pemimpin hendaklah bertawakkal kepada Allah SWT dan mengambil tindakan berdasarkan apa yang telah diputuskannya".

Kesimpulannya, corak pemerintahan dan pentadbiran manusia adalah diasaskan daripada falsafah yang kemudiannya membentuk kerangka dan struktur-struktur masyarakat. Pemerintahan dan pentadbiran dilaksanakan di bawah teras kerangka dan struktur-struktur tersebut supaya halatuju dan matlamat kehidupan masyarakat dapat mencapai falsafah asas yang menjadi pegangan mereka itu.

Oleh sebab itu kerangka dan struktur-struktur pemerintahan dan pentadbiran umat Islam perlu berteraskan pada konsep Tauhid dan bukan falsafah-falsafah lain ciptaan kuffar Barat yang batil-batil belaka itu. Walau diselaputi dengan imej yang nampak 'murni' dan kata-kata muluk seperti hak kebebasan bersuara, kebebasan wanita, hak asasi kemanusiaan, kuasa pada rakyat dan berbagai lagi, namun selagi falsafah-falsafah yang membentuk kerangka dan struktur-struktur pentadbiran manusia ini tidak berteraskan pada konsep Tauhid serta dipagar dengan batasan ajaran-ajaran Islam, ianya tidak lain daripada gerakan-gerakan berteraskan hawa nafsu yang cuba membebaskan manusia dari Penciptanya serta nilai-nilai agama dan moral, menjurus manusia kepada matlamat kebendaan, hawa nafsu dan duniawi semata-mata serta usaha mengangkat manusia ke taraf paling agung dan bukannya sebagai hamba kepada Tuhan yang Maha Pencipta.

Kerangka dan struktur yang berteraskan falsafah syirik akan menyebabkan turunnya murka Allah atas hamba-hambanya. Ini menjelaskan mengapa pada zaman tertegaknya sistem Khilafah dan wakilnya iaitu dari zaman Khulafa'- ar-Rasyidin, dengan pengalaman naik turun dinasti-dinasti Islam tetap tidak melemahkan pegangan aqidah ummah sejagat. Malahan sejarah membuktikan terserlahnya kedaulatan, kekuatan dan kesatuan ummah sehingga mendatangkan kegerunan dan takzim oleh pihak Yahudi dan Nasrani. Malangnya semenjak terlupusnya sistem Khilafah apabila Dinasti Othmaniyyah di Turki dikalahkan oleh persekutuan kuasa-kuasa Barat dalam tahun 1924M, yang mana wilayah-wilayah Islam mula menganuti falsafah-falsafah kenegaraan yang berbagai mazhab itu, dalam masa yang singkat

¹⁹ Dengan syarat institusi pemerintahan adalah yang hakikat (iaitu Khalifah dan wakilnya), dan pemerintah juga berhakikat (iaitu layak dari segi syariat dan tidak menghalang pelaksanaan syariat atau menyuruh rakyat membuat maksiat). Ciri-ciri ini adalah yang PERTAMA DAN UTAMA sebelum pemerintahan secara mutlak boleh diletakkan atas pundaknya. Syarat-syarat ini boleh menutup ruang kepada pemerintah yang batil atau yang memerintah atas landasan yang batil untuk menggunakan alasan di atas bagi menghalalkan kerja jahat mereka.

sahaja satu demi satu Daulah-Daulah Islami lupus kedaulatan, kekuatan dan kehormatan mereka.

Pada hari ini, belumpun sampai satu abad semenjak hampir kesemua negara-negara umat Islam berpegang pada kerangka dan struktur-struktur pemerintahan Barat yang hakikatnya merupakan suatu AGAMA BARU itu, iaitu agama kenegaraan berteraskan kebendaan, umat Islam sejagat hari ini telah didedahkan kepada krisis aqidah yang amat tenat, selain krisis-krisis moral, ekonomi, kemasyarakatan, politik dan sebagainya kerana nusrah Allah tidak lagi bersama mereka. Itulah sebabnya pernah dikatakan bahawa iman umat Islam zaman-zaman dahulu adalah iman 'turun-naik' sedangkan iman umat zaman ini adalah iman 'keluar-masuk'!!

Agenda Jahat Orientalis Mencemari Konsep Pemerintahan Islam

Dalam abad ke sembilan belas Masihi, tercetus suatu era pemikiran yang dibawa oleh kaum intelek Barat yang dinamakan rationalisme. Istilah ini bermakna dari segi hal ehwal agama akal manusia perlu diberi keutamaan, khususnya jika terdapat pertembungan diantara akal dengan agama. Gerakan yang berlandaskan pemikiran atas falsafah 'serba serbi kebendaan' (materialisme) ini telah diasaskan oleh Thomas Hobbes (1588-1679) dan Rene Descartes (1596-1650). Falsafah rationalisme ini selaras dengan konsep **pengsekularaan ilmu, iaitu konsep pemisahan ilmu daripada agama.**

Dalam fahaman sekular, ahli-ahli intelek Barat telah meletakkan istilah-istilah yang berpegang pada konsep rationalisme di bawah tafsiran 'akademik' yang kemudiannya diguna pakai secara meluas oleh hampir semua negara di dunia yang melaksanakan corak pemerintahan sekular, iaitu pemisahan urusan pentadbiran negara dan pendidikan dari agama. Kesan dari keseragaman tafsiran sesuatu istilah atau konsep yang diletakkan di bawah taraf akademik ini secara langsung telah menolak tafsiran tersebut dari perspektif ajaran Agama Islam.

Hakikatnya banyak istilah atau konsep tafsiran akademik yang diterima dengan meluasnya itu amat berbeza dengan tafsiran ajaran Agama Islam. Contohnya konsep kejayaan, kemajuan, kebebasan, hak asasi, adil, persamaan, ilmu, pemerintahan dan sebagainya.

Apa yang merbahayanya mengenai tindakan ahli-ahli akademik Barat menyeragamkan sesuatu istilah dan konsep dari kacamata Islam dengan yang ditafsirkan oleh mereka ialah, mana-mana konsep yang

memerlukan penilaian 'moral' (tafsiran Yahudi dan Nasrani) juga akan ikut diseragamkan berlandaskan pada konsep rationalisme iaitu *'kebebasan adalah untuk perkembangan identiti individu dan mestilah dengan matlamat untuk membawa manusia kepada kekuatan dan kejayaan materi tanpa dibelenggu oleh tuntutan-tuntutan agama'*.

Maka berikutan darinya istilah dan konsep-konsep Islam berjaya dibungkus-bungkus dan dikambus rapi sehingga masyarakat dunia amnya, dan masyarakat Islam yang jahil khususnya akan terikut-ikut dengan penilaian 'moral' yang diseragamkan oleh golongan Orientalis itu. Maka istilah kejayaan yang Islam takrifkan sebagai kemenangan di sisi Allah SWT ditafsirkan dari perspektif akademik sebagai kejayaan yang berbentuk pencapaian kebendaan, kesihatan, kuasa, darjat dan sebagainya. Kemajuan yang Islam takrifkan sebagai peningkatan bilangan dan kualiti umat Islam dengan matlamat supaya manusia keseluruhannya dapat diselamatkan dari siksaan api neraka yang berkekalan mereka tafsirkan sebagai kemajuan materi, sains dan teknologi.

Konsep adil yang Islam takrifkan sebagai 'sesuatu pada tempatnya' itu mereka tafsirkan sebagai persamaan hak diantara lelaki dan wanita, kanak-kanak dan dewasa, monogami dalam perkahwinan dan sebagainya. Begitulah juga dengan istilah-istilah dan konsep-konsep yang lainnya diseragamkan menjadi satu tafsiran yang menguntungkan agenda Yahudi dan Nasrani, sedangkan tafsiran Islam langsung tidak diterima pakai. Apabila tafsiran ini disaluti dengan imej 'akademik', ianya memberikan gambaran sikap berkecuali yang sudah tentunya merupakan satu tipu daya yang cukup licik oleh penaja-penaja kepada golongan Orientalis ini.

Salah satu cabang Islam yang dikaji dengan penuh minat oleh golongan Orientalis ialah bab Khalifah dan Khilafah, atau pemerintahan umat Islam. Agenda terpenting mereka dalam mengkaji bab ini ialah mengelirukan beberapa kefahaman umat Islam mengenai corak pemerintahan tradisi Islam, khususnya yang berkaitan dengan pemerintahan beraja.

Institusi pemerintahan Raja-Raja Islam seringkali ditohmah sebagai legasi dari sistem *'Feudalistic Monarchy'* seperti yang diamalkan oleh bangsawan Eropah, sedangkan Institusi Raja-Raja Melayu pula dianggap warisan daripada sistem pemerintahan Raja-Raja Hindu zaman pra-Islam dahulu kala. Sedangkan pemerintahan beraja itu sendiri dituduh sebagai ciptaan manusia purbakala yang sudah tidak relevan lagi dalam kehidupan masyarakat moden zaman ini, dakwa mereka. Apabila konsep pemerintahan Raja-Raja Islam diberikan

penafsiran yang sama dengan pemerintahan monarki Eropah (kafir) dan secara pukol rata diserang corak pemerintahan ini habis-habisan sebagai sistem feudalisme kejam, tidak adil dan 'outdated', maka umat Islam berjaya ditipu untuk mencemuh sistem pemerintahan Raja-Raja Islam.

Tanggapan yang salah ini berjaya mewujudkan 'gerakan reformasi' dalam Dinasti Othmaniyyah di Turki yang terpengaruh dengan ajaran Revolusi Perancis yang berpegang pada slogan '*Liberty, Equality and Fraternity*'. Revolusi Perancis yang membuka suatu era baru dalam tamadun Eropah, iaitu Tamadun Tidak Bertuhan telah memisahkan agama dengan negara, atau pemerintahan bercorak sekular.

Ruang lingkup peranan agama kini menjadi amalan individu dan kelompok-kelompok kecil semata, bukan lagi sebagai satu cara rakyat hidup yang menyeluruh. Dalam masyarakat Eropah, pemerintahan sekular telah menurunkan taraf golongan rahib hanya sebagai watak-watak penghias dalam urusan pemerintahan, sedangkan 'negara-negara Islam' yang mengamalkan konsep sekular tidak lagi mahu meletakkan Allah SWT pada taraf mutlak. Kini rakyat pula dianggap sebagai mutlak, pemimpin mengambil mandat rakyat, bukan mandat Allah.

Golongan angkatan muda Turki yang dipelopori dan ditaja oleh agen-agen Yahudi kemudian bertindak menggulingkan sistem Khilafah dan menggantikannya dengan sistem pemerintahan republik sekular. Senjata yang digunakan untuk memecah-belahkan Dinasti Othmaniyyah ialah menyemarakkan semangat kebangsaan atau nasionalisme sempit/melampau menggantikan semangat ukhuwwah Islamiyyah. Semangat nasionalisme sempit/melampau yang disemarakkan oleh agen Yahudi bukan sahaja dibuat di kalangan rakyat Turki pada waktu itu, malahan ditiup-tiupkan juga pada Daulah-Daulah Islamiyyah yang berada di bawah naungan Dinasti Othmaniyyah.

Selepas peristiwa penggulingan Khalifah Othmaniyyah, Menteri Dalam Negeri Turki pernah menyuarakan dengan angkuhnya bahawa: "*Dengan sekularisme kita telah membuat kepastian bahawa Agama Islam tidak mempengaruhi urusan negara. Biarlah agama tinggal di masjid-masjid dan di tempat ibadah sahaja. Biarlah ia tidak keluar dari dunianya*".

Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa sebahagian khalifah Othmaniyyah merupakan pemimpin-pemimpin yang lemah keperibadian, korup dan tidak berwibawa, bagaimanapun ini

tidaklah bermakna sistem khilafah yang mana mereka bertindak sebagai wakilnya itu patut dilupakan sama sekali, apatah lagi untuk menggantikannya dengan corak pemerintahan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Kejahilan ini samalah seperti perumpamaan *'marahkan nyamuk, kelambu dibakar'!!*

Dengan terhapusnya pusat Khalifah Islamiyyah dan kesultanan-kesultanan Islam hasil perancangan kuasa-kuasa Barat, kini mereka muncul menawarkan corak pemerintahan alternatif kepada umat Islam yang diuar-uarkan sebagai yang terbaik, iaitu yang berpegang pada falsafah kebangsaan dan kenegaraan. Kesannya pada hari ini kita lihat sistem pemerintahan tradisi umat Islam yang tulen telah digantikan dengan pemerintahan yang bertunjangkan pada ideologi bawaan Yahudi dan Nasrani.

Ringkasnya, melalui kerja jahat kuasa-kuasa Barat yang menggunakan pendekatan politik, ekonomi dan ketenteraan, ditambah pula dengan usaha golongan Orientalis yang berjaya mengelirukan umat Islam sedunia, maka kini Agama Islam yang menjadi pegangan Daulah-Daulah Islamiyyah atau kesultanan-kesultanan Islam pada suatu masa dahulu kini digantikan dengan 'agama-agama kenegaraan' khususnya politik demokrasi-sekular-liberalisme-humanisme.

Kesimpulannya,

Ajaran Islam telah menyebut secara tegas bahawa yang dimaksudkan dengan Kepala Negara umat Islam, yakni dalam tanggungjawab sebagai *Ulil Amri*, adalah sebagai penerus Rasulullah SAW dalam mengurus hal ehwal ummah dari aspek duniawi dan ukhrawi.

Seorang pemerintah umat Islam adalah mengambil mandat Allah, bukan mandat rakyat dan bertanggungjawab memelihara kepentingan umat Islam dari aspek, menegak, memelihara, menyebarkan dan mempertahankan aturan dan hukum-hakam Allah dalam kerajaan yang diperintahnya.

Maka dalam urusan pemerintahannya, ia perlu bertindak dengan mengambil kira kehendak-kehendak Allah, bukan mengasingkannya sepertimana yang dituntut oleh sistem sekularisme ciptaan barat itu.

Pendirian untuk mengikuti doktrin-doktrin sekular secara membuta tuli dalam pemerintahan umat Islam merupakan suatu pengkhianatan tanggungjawabnya sebagai khalifah Rasulullah SAW, dan

akan dipersoalkan secara tegas di Hari Hisab kelak. Perkara ini perlulah difikir secara halus, matang, penuh keinsafan dengan bersandarkan ilmu dan taqwa kepada Allah oleh ahli-ahli politik dalam mana-mana negara umat Islam sekalipun.

Firman Allah SWT :

“ Hanyasanya syaitan seteru kamu itu menyuruh kamu berbuat perbuatan-perbuatan jahat dan perbuatan-perbuatan yang lebih dahsyat, iaitu zina dan lain-lain dan lebih daripada itu menyandarkan kata-kata bohong dengan jahil dan degil kepada Allah Taala, iaitu orang-orang kafir dan ahli bidaah dan lain-lain.” (Al-Baqarah : 169)

“ Katakanlah, patutkah kamu memperolok-olokan Allah dan ayat-ayatNya serta RasulNya. Janganlah kamu minta tangguh, sesungguhnya kamu kafir setelah beriman.” (At-Taubah: 65-66)

Bab 7 :

Dunia di Penghujung Era Mulkan Jabbariyyan?

Sabda Rasulullah SAW :

*” Tegaklah pada kamu masa kenabian sampai beberapa lama yang dikehendaki Allah, maka terjadilah ia, kemudian diangkat. Kemudian tegaklah selepas itu pada kamu masa khalifah atas manhaj kenabian, maka terjadilah ia padamu beberapa lama yang dikehendaki Allah, kemudian ia diangkat. Kemudian terjadilah padamu masa kerajaan yang menggigit (Mulkan Ad Dhudhan), maka terjadilah ia beberapa lama yang dikehendaki Allah, kemudian diangkat. **Kemudian tegaklah selepas itu kerajaan menyeleweng (Mulkan Jabbariyyan) terjadilah ia beberapa lama yang dikehendaki Allah, kemudian diangkat.** Selepas itu tegaklah padamu Khalifah atas manhaj kenabian, yang mengamalkan sunnah Rasul di kalangan manusia. Islam akan tersebar luas di mukabumi yang diredhai oleh penghuni langit dan bumi. Langit tidak akan meninggalkan setitis pun air hujan, kecuali ia mencurahkanya. Dan bumi tidak akan meninggalkan tanaman dan berkatnya kecuali ia akan mengeluarkannya.” (HR Thabarani)*

Era Mulkan Jabbariyyan telah membawa bersamanya satu identiti unik yang berpegang pada falsafah pengasingan agama daripada kehidupan duniawi manusia, iaitu yang lebih dikenali sebagai sistem SEKULAR. Sistem sekular ini hakikatnya pernah diamalkan oleh masyarakat Romawi pagan atau jahiliyah pada zaman pemerintahan kaisar-kaisar.

Pada asalnya, empayar Romawi pagan mengamalkan agama berhala yang mana amalan tersebut tidak disepadukan dalam kehidupan masyarakatnya, yakni tidak ada kena mengena dengan kehidupan seharian mereka. Agama Kristian yang baru berkembang pada waktu itu telah ditentang oleh kaisar-kaisar Romawi dan sesiapa yang menjadi penganut agama Kristian akan dibunuh. Keadaan ini berubah dalam tahun 313M apabila Kaisar Konstantine mengeluarkan pengisytiharan Milan (*Edict of Milan*) yang membolehkan seseorang menganuti agama Kristian. Dalam Persidangan Nikea 325M, Konstantine telah mengambil agama Kristian Ortodoks (bukan ajaran sebenar Nabi Isa AS) sebagai agama resmi negara.

Semenjak itu secara berperingkat agama Kristian mula disepadukan dalam urusan kehidupan penganutnya dan gereja menjadi

pusat agama yang teraula dan terpenting, menimbulkan natijah yang besar dalam pentadbiran masyarakat Eropah. Keadaan ini berterusan selama lebih seribu tahun sehingga falsafah sekularisme dihidupkan semula apabila berlaku pertembungan diantara golongan pemikir dan cendekiawan Eropah dengan bangsawan feodal serta pihak gereja bermula sekitar abad ke 16 Masihi.

Sistem sekularisme yang bersumber daripada amalan masyarakat Romawi jahiliyyah atau pagan ini terkandung suatu falsafah yang batil, iaitu samada menolak kewujudan Tuhan dengan kepercayaan bahawa semua agama dan ideologi adalah semata-mata ciptaan manusia, ataupun tidak mahu ada mengena dengan Tuhan. Daripada falsafah sekularisme ini telah melahirkan falsafah-falsafah batil yang lainnya seperti Humanisme, Liberalisme, Sosialisme, Komunisme, Modenisme dan yang seumpamanya. Malangnya pada hari ini menjadi sebagai 'agama baru' yang dianuti, dijiwai, disuburi dan dipertahankan oleh hampir kebanyakan negara dunia.

Kesan daripada anutan sistem sekularisme serta isme-isme yang lain itu telah melahirkan masyarakat dunia yang berpegang kepada Tamaddun Tidak Bertuhan (*godless society*) serta kepercayaan bahawa manusia adalah kuasa mutlak dan teragung melebihi keagungan Penciptanya. Malangnya sistem musibah ini juga menjadi pegangan serta amalan hampir kebanyakan kerajaan Islam dewasa ini.

Sesungguhnya perbuatan meletakkan yang lain selain Allah SWT di pundak paling atas, sebagai Tuan dan Tuhan yang sebenar adalah suatu perbuatan yang syirik, iaitu dosa yang paling besar yang tidak akan diampunkan olehNya sampai bila-bila.

Kelahiran Amerika Syarikat sebagai negara sekular yang pertama di dunia dalam tahun 1776M telah diikuti oleh negara-negara Eropah yang lainnya dengan membuang terus sistem pemerintahan raja-raja Kristian melalui proses revolusi atau meletakkan raja-raja di bawah perlembagaan yang bercorak sekular. Negara Islam pertama yang menganut pemahaman sekular ialah Turki yang mana seorang panglima tenteranya berbangsa Yahudi bernama Kamal Atatürk telah menghapuskan Khilafah Othmaniyyah dalam tahun 1924M dan menggantikannya dengan pemerintahan Republik.

Susulan dari tragedi pelupusan Khilafah Othmaniyyah, Daulah-Daulah Islam yang lain yang selama ini diperintah oleh raja-raja Islam hampir kesemuanya telah mengambil corak pemerintahan sekular dalam, sistem Republik atau Raja-Raja Berperlembagaan (Liberal- Demokrasi).

Semenjak itu bermulalah era tertegaknya kerajaan-kerajaan menyeleweng atau Mulkan Jabariyyan. Apabila falsafah sekular mulai diambil sebagai dasar pemerintahan negara menggantikan sistem pemerintahan khalifah-khalifah dan raja-raja Islam, maka bermulalah zaman `musibah' kepada umat Islam sedunia. Pemerintahan umat Islam yang selama ini memegang pada konsep BERSEPADU, iaitu Agama Islam sebagai **titik mula, landasan** dan **matlamat** kerja, kini diubah kepada pengasingan agama dari semua urusan pemerintahan ummah.

Anjakan paradigma besar ini dalam dasar pemerintahan negara-negara umat Islam telah menimpakan bala yang besar. Pengasingan agama dari urusan pemerintahan yang tercermin pada kerangka dan struktur-struktur pentadbiran masyarakat telah meninggalkan bekas yang amat mendalam. Dalam falsafah sekular, Islam diletakkan sama taraf dengan agama-agama dan ideologi-ideologi ciptaan manusia; umat Islam dinilai sama seperti golongan kafir dan ateisme, tafsiran, nilai dan neraca Islam diubah kepada tafsiran, nilai dan neraca orang-orang kafir (Barat), hak telah dicampur adukkan dengan unsur-unsur kebatilan dan perkara-perkara yang dahulunya jelas kini menjadi samar.

Tiga kesan paling buruk yang tercetus daripada penganutan negara-negara umat Islam kepada sistem sekular ialah;

Pertama: Menimbulkan pecah belah yang hebat di kalangan umat Islam. Di atas sifat sistem sekular yang mengasingkan agama daripada urusan kehidupan manusia telah menyebabkan campur aduk dalam perkara-perkara yang hak dengan unsur-unsur kebatilan sehingga menyuburkan budaya kesamaran yang kronik. Negara-negara Barat yang mengamalkan sistem sekular tidak ada masalah kerana agama dan ideologi yang mereka pegang hakikatnya batil belaka.

Sedangkan negara-negara umat Islam yang mengamalkan sistem sekular sudah tentu mengalami masalah besar dalam ikhtiar mereka untuk menserasi, menyesuaikan dan mencampur adukkan pegangan sekular (BATIL- iaitu pengasingan agama) dengan ajaran Islam (HAK- iaitu mensepadukan agama dalam seluruh aspek kehidupan).

Dari sini tercetuslah pecah belah yang hebat kerana dalam membentuk dasar, kerangka dan struktur pentadbiran masyarakat, ahli-ahli politik cuba untuk menserasi dan mencampur adukkan falsafah sekular dengan falsafah Islam mengikut tafsiran dan citarasa masing-masing. Sedangkan golongan ulamak muktabar dan tradisional yang terpaksa bekerja di bawah payung sekular pula terpaksa bersaing dengan alim-ulamak suk dan moden yang sibuk

menggunakan kedudukan dan pengaruh mereka untuk menghalalkan falsafah sekular dalam semua aspek kehidupan masyarakat. Apabila ini berlaku, rakyatlah yang menjadi mangsa kekeliruan dan pegangan mereka kepada ajaran Islam menjadi amat longgar.

Kedua: *Melahirkan ramai manusia yang bersifat munafik, yang menyembunyikan hakikat kekufuran mereka dalam kesamaran yang wujud dalam negara-negara umat Islam yang mengamalkan sistem sekular. Kemunafikan mereka subur dalam kekaburan dan kesesatan mereka telah berjaya juga dalam menyesatkan orang-orang lain.*

Ketiga: Falsafah sekular yang tercermin dalam kerangka pemerintahan dan struktur-struktur pentadbiran masyarakat Islam hakikatnya telah membelenggu keupayaan dan kekuatan ummah yang sebenar dalam sekatan-sekatan yang tidak boleh dilihat oleh mata kasar. Umpama seekor harimau yang dikurung dalam kandang besi. Walaupun sang harimau mengangakan mulutnya besar-besar, menyerlahkan gigi-gigi dan kuku-kukunya yang tajam serta mengaum sekuat-kuat hatinya dengan bengis, tetapi ia tidak berdaya untuk mengancam manusia-manusia yang melihatnya dari luar dengan penuh minat dan gelak ketawa, dengan kesedaran bahawa harimau ini tidak ada apa yang nak ditakutkan kerana keupayaan dan kekuatan sebenarnya telah dapat dikekang, potensinya dibelenggu dalam jaringan besi yang memagari kawasan sekelilingnya!!

Begitulah rata-rata nasib umat Islam hari ini, mereka cuba mencari berbagai formula penyelesaian ummah dalam ikhtiar mengembalikan keupayaan dan potensi sebenar seperti mana halnya dalam zaman keagungan Islam, tetapi **selagi mereka membataskan usaha mencari penyelesaian itu hanya dalam kerangka, struktur dan sistem Barat, maka selagi itulah usaha-usaha umat Islam tetap akan gagal, seperti juga tragedi seekor harimau yang dikurung dalam kandang besi. Kerana kerangka, struktur dan sistem Barat yang kita pegang hari inilah yang sebenarnya PUNCA SEGALA MASALAH UMMAH.**

Lihat sajalah hari ini, belum sampai pun satu abad corak pemerintahan sekular diperkenalkan kepada negara-negara umat Islam, musibahnya dapat dilihat di mana-mana pun seperti mana kata Prof Ismail Rajhi Al-Faruqi:

" Dunia umat Islam pada saat ini berada di anak tangga bangsa-bangsa terbawah. Dalam abad ini, tidak ada kaum lain yang mengalami kekalahan atau kehinaan seperti yang dialami kaum Muslimin-kaum Muslimin telah dikalahkan, ditindas, dirampas negeri dan kekayaannya, dirampas negeri dan harapannya. Mereka telah ditipu,

dijajah dan diperas, ditarik melalui paksaan ke dalam agama-agama lain. Dan mereka telah disekularkan, dibaratkan dan di'deislamisasikan' oleh agen-agen musuh mereka di dalam (syaitan) dan di luar diri mereka. Semua ini terjadi di setiap negeri dan pelosok dunia Islam. Sebagai korban segala macam penganiayaan dan pencerobohan, kaum Muslim difitnah dan dijelek-jelekkkan dihadapan seluruh bangsa lain. Pada saat ini mereka mempunyai imej paling buruk. Di dalam media massa dunia, kaum Muslimin dikatakan bersifat agresif, destruktif, mengingkari hukum, pengganas, biadap, fanatik, fundamentalis, kuno dan menentang zaman. Mereka adalah sasaran kebencian bagi orang-orang yang non-Muslim, baik bagi orang-orang yang telah maju mahupun yang terkebelakang, baik orang-orang kapitalis mahupun Marxis, baik orang-orang Barat, mahupun orang-orang Timur, yang beradap atau biadap. Mengenai dunia Islam sendiri, yang diketahui hanyalah penentangan dan perpecahan, pergolakannya dan perselisihan-perselisihan, peperangan-peperangannya dan ancaman-ancaman yang ditimbulkan bagi perdamaian dunia, kekayaannya yang melimpah ruah dan kemiskinannya yang keterlaluan, bencana kelaparan dan wabak taun. Menurut pandangan umum dunia, dunia Islam adalah dunia yang sakit dan pendapat mereka telah dibentuk sedemikian rupa sehingga mereka mempercayai bahawa pads dasarnya keburukan-keburukan itu disebabkan oleh Agama Islam.

Kembalinya Era Pertuanan Islam & Khalifah : Jaminan Allah dan Rasulullah

Bagaimanapun, umat Islam amat bernasib baik kerana Agama Islam yang mereka pegang itulah agama yang hakikat, bukan ideologi ciptaan manusia. Tuhan yang mereka sembah itulah Allah yang Maha Esa, Pencipta langit dan bumi serta seluruh alam semesta.

Dan Allah SWT telah menjanjikan tentang kemunculan era '*Khalifah yang tertegak atas manhaj kenabian*', era tersebut dikatakan menyusul beberapa lama selepas tamatnya pemerintahan Mulkan Jabbariyyan.

Jikalau ditinjau-tinjau keadaan dunia hari ini, mungkin kita boleh membuat suatu kesimpulan, bahawa zaman Mulkan Jabariyyan atau Zaman Fitnah yang penuh penyelewengan itu mungkin sudah sampai di penghujung usianya. Orde dunia yang kita tahu hari ini berkemungkinan bakal menghadapi anjakan paradigma yang besar, memasuki suatu fasa yang boleh disebut sebagai 'Zaman Peralihan'.

Zaman kerajaan-kerajaan menyeleweng yang penuh gejolak ini berkemungkinan sudah sampai ke penghujung usianya dan manusia

sejagat akan mengalami proses pengembalian kepada sistem-sistem yang bersifat fitrah. Sistem-sistem fitrah ini telah wujud semenjak zaman Nabi-nabi dahulu dan tetap dipegang oleh umat manusia keseluruhannya secara bersambung-sambung sehinggalah munculnya zaman Mulkan Jabariyyan yang menggantikan sistem-sistem fitrah ini dengan sistem-sistem ciptaan Yahudi dan Nasrani yang batil dan bukan fitrah.

Kita mengatakan demikian berdasarkan wujudnya faktor-faktor berikut;

- i. **Bayangan kegagalan sistem-sistem Barat** seperti kapitalisma, sekularisme, ekonomi spekulasi yang berpegang pada sistem ribawi, perundangan dan sosial. Jikalau undang-undang Barat boleh mengiktiraf serta melindungi perbuatan karut-marut seperti perkahwinan sejenis, menghalalkan pelacuran, mendokong ekonomi spekulasi atau perjudian, mengizinkan perzinaan, perkahwinan percubaan, keluarga yang saman menyaman, akhlak-akhlak yang bejat dan banyak lagi sehingga mewujudkan Tamaddun Tidak Bertuhan ala kehidupan bangsa Romawi pagan atau jahiliyah itu, bukankah ianya merupakan tindak-tanduk yang mencabar hukum-hukum Allah dan bakal menjemput musibah besar dariNya sendiri?

Bagaimanapun Allah SWT telah menjanjikan kemunculan zaman penuh berkat dan rahmat. Dari Tufail dari 'Ali RA Nabi SAW bersabda : *“ Jika dunia ini hanya tinggal sehari sahaja nescaya Allah akan bangkitkan seorang lelaki dari keluargaku yang akan memenuhi dengan keadilan sebagaimana ia telah dipenuhi dengan kezaliman.”*

Hadeeth riwayat At-Thabrani pula menyebut bahawa Rasulullah SAW telah bersabda : *“Bumi akan dipenuhi kedurjanaan dan kekejaman. Ketika itu, Allah mengutus seorang lelaki dari umatku yang namanya seperti namaku, nama bapanya juga seperti nama bapaku, ia memenuhi bumi dengan keadilan dan saksama sebagaimana bumi dipenuhi kedurjanaan dan kezaliman. Ketika itu langit tidak menahan sedikit pun hujannya dari turun, dan bumi tidak menahan sedikit pun tumbuhan dari tumbuh. Ia bersama-sama kamu selama tujuh atau lapan atau sembilan yakni tahun.”*

Maka sesungguhnya zaman keadilan dan keberkatan akan menyusul selepas tamatnya zaman kezaliman, penindasan dan kekejaman. Zaman kezaliman akan tamat kerana kepimpinan manusia dari spesies *Yahudi wa Nasara* telah gagal sehingga mencetuskan berbagai tragedi makhluk dan alam, natijahnya masyarakat dunia mula mencari-cari formula untuk membebaskan diri dari konflik-konflik gawat yang tercetus daripadanya. Dan Allah telah berjanji akan mendatangkan zaman penuh berkat dengan kembalinya era ketuanan Islam.

- ii. **Bayangan kegagalan sistem politik demokrasi-sekular-liberalisme** di berbagai-bagai negara di dunia ini. Pada hari ini kewujudan berbagai-bagai konflik di arena politik lokal mahupun antarabangsa telah menyebabkan tercetus berbagai-bagai isu yang genting. Negara-negara yang pernah kaya-raja pada suatu masa dahulu seperti negara-negara Afrika, Filipina, Indonesia, Burma dan lain-lain lagi dalam zaman pemerintahan tradisi raja-raja mereka kini menjadi negara yang miskin dan/atau menghadapi berbagai krisis politik dan sosial yang gawat.

Sedangkan negara-negara penganjur politik demokrasi-sekularisme-liberalisme seperti Amerika Syarikat dan Eropah menjadi semakin kuat dan kaya, walhal merekalah yang mempelopori tamadun syirik, khurafat serta berbagai amalan jahiliyah lagi.

Dengan bersembunyi di sebalik propaganda demokrasi-liberal yang memberikan sama nilai diantara golongan beriman dan yang kafir, termasuklah yang ateis, serta mengagungkan manusia (baca: sebenarnya *Yahudi wa Nasara*) melebihi mertabat Pencipta mereka, negara Amerika Syarikat khususnya mengambil kesempatan mentancapkan otoritas dan menjadi tuan, polis dunia, sewenang-wenangnya mencampuri urusan dan mengganggu gugat kedaulatan negara-negara umat Islam.

Maka mengikut sunatullah, sistem-sistem yang memayungi persekutuan politik *Yahudi wa Nasara* ini akan dibinasakan oleh Allah Ta'ala sendiri, yang mana kepimpinan mereka sudahpun mulai menunjukkan tanda-tanda kegagalannya sebagai khalifah bumi yang seharusnya menjaga makhluk dan alam mengikut tatacara yang dimandatkan Allah SWT.

Sedangkan dalam waktu yang sama telah mulai wujud kesedaran tentang hakikat kebenaran sistem politik Islam, yakni sistem khilafah dan kesultanan, yang terbukti dalam lintasan sejarah telah mampu mengepalai kepemimpinan manusia sejagat dengan cemerlang sehingga menerbitkan prasarana politik, ekonomi, tamadun, budaya dan peradaban gemilang yang menjadi ikutan dan cedukan masyarakat Eropah suatu masa dahulu.

Kesedaran yang mula tumbuh ini telah mewujudkan gerakan-gerakan sedunia untuk mengembalikan sistem-sistem yang bersifat fitrah ini.

- iii. **Pembongkaran semula sejarah sebenar bangsa-bangsa umat Islam** yang selama ini terkambus dalam timbunan sejarah-sejarah yang palsu angkara muslihat golongan orientalis sebagai alat musuh-musuh Islam untuk mengelirukan ummah. Pembongkaran sejarah sebenar akan membuktikan bahawa umat Islam telah tertipu dengan agenda *Yahudi wa Nasara* secara global kerana diajak 'bertarung dalam gelanggang mereka', maka sudah tentu tewas kerana awal-awal lagi umat Islam telah mendapat '*disdadvantage*'. Sedangkan pertarungan minda adalah lebih sengit dan kompleks dari pertarungan fizikal.

Apabila ummah sejagat disedarkan tentang lintasan sejarah sebenar bangsa dan agama mereka, yakni betapa nenek moyang mereka di zaman awal perkembangan Islam telah membuat yang terbaik sehingga ummah mencapai mercu, dan khalifah bumi serta raja-raja Islam dari kalangan tokoh-tokoh umarak yang kebanyakannya memerintah dengan cemerlang sebagai tonggak ummah, mampu melaksanakan mandat Allah dengan sebaik mungkin, bukan seperti tohmahan-tohmahan serta fitnah-fitnah golongan orientalis itu, akan mencetuskan kembali semangat tinggi dan daya juang yang kental untuk mencontoh sirah nenek moyang mereka sebagai para pejuang agama dan bangsa yang gigih. Natijahnya akan mendatangkan kembali semangat, kekuatan dan kedaulatan agama dan bangsa.

- iv. **Peningkatan amalan tariqah/tasawuff** di kalangan umat Islam yang boleh menjadi asbab turunnya rahmat Allah sehingga boleh mempercepatkan takdir yang baik. Sistem khilafah yang tertegak atas manhaj Nubuwwah bersama-sama sistem sokongannya seperti raja-raja Islam adalah sistem yang benar kerana berpegang pada falsafah

Tauhid. Oleh itu lebih cepat takdir kedatangannya, adalah lebih baik untuk ummah sejagat yang pada hari ini mengalami kemelut identiti, jatidiri dan agama yang cukup parah, belum termasuk kezaliman dan penindasan kepada mereka oleh persekutuan *Yahudi wa Nasara*.

Peningkatan amalan tariqah/tasawuff juga boleh meningkatkan bilangan umat Islam yang BERKUALITI, bukan hanya umpama buih-buih di lautan. Apabila lahir ramai umat Islam yang berkualiti, yang mempunyai iman, taqwa dan amal yang kental, maka dari kalangan mereka akan wujudlah para wali kecintaan Allah Ta'ala serta tokoh-tokoh umarak dan ulamak muktabarah/mursyid yang mampu membimbing ummah di peringkat lokal dan global sepertimana Imam Ghazali, Imam Nawawi, Imam Al-Asy'ari Imam Al-Maturidi, Imam Empat, Syeikh Abdul Qadir Jailani, Syeikh Junaid al-Baghdadi, Imam Habib Abdullah al-Haddad, Wali Songo, Syeikh Yusuff Taj al-Khalwati, Khulafa' ar-Rashidin, Khalifah Umar Abdul Aziz, Khalifah Harun ar-Rasyid, Sultan Salahuddin al-Ayyubi, Sultan Muhammad Fatih, Sultan Sulaiman Istanbul, Sultan Abdul Rahman I, I, III Andalusia, Maharaja Aurangzeb India, Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam Aceh, Sultan Babullah Ternate, Sultan Muzaffar Shah Melaka, dan ramai lagi²⁰.

Sistem sekularisme telah menggersangkan bumi daripada tokoh-tokoh terbilang sebegini, tetapi dengan peningkatan amalan tariqah/tasawuff yang mula berkembang kembali dewasa ini di peringkat lokal dan global, sejalan dengan amalan syariat akan mampu menjana tokoh-tokoh ulamak dan umarak pilihan-pilihan Allah yang bakal membimbing manusia sejagat ke era ketuanan Islam dan pertuanan

²⁰ Khalifah Umar Abdul Aziz (Umaiyyah) terkenal sebagai 'Khalifah Umar yang II', Sultan Harun Al Rasyid (Abbasiyyah) rajin bersolat 100 rakaat setiap malam, Sultan Muhammad Fatih disebut oleh Rasulullah SAW dalam hadith baginda: "*Konstantinople akan jatuh ke tangan seorang Amir (ketua) yang baik lagi beragama, tenteranya tidak melampau, tidak mencuri dan rakyatnya tidak menipu dan tidak bergaul bebas (baik)*". Khalifah-khalifah di zaman keagungan empayar Othmaniyyah terkenal sebagai *Ruhanun Fillail wa fursanun binnahar*, iaitu 'beribadat kepada Allah umpama rahib di malam hari dan siangnyanya berjuang laksana singa'.. Sultan Salahuddin (Mesir) berjaya membebaskan Baitul Maqdis daripada kaum Kristian, sultan-sultan Gujerati menyerahkan keseluruhan cukai-cukai pelabuhan Gandhar untuk keperluan penduduk Mekah dan Madinah serta membina madrasah-madrasah, waqaf-waqaf, perairan-perairan di situ. Sultan Muhammad I, II dan III Andalusia berjasa dalam menyebarkan sayap Islam ke benua Barat. Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah dan Sultan Alauddin Riayat Shah Melaka berjasa dalam menyebarkan Islam di Alam Nusantara selain menjadikan Islam dasar pemerintahan negeri. Dan banyak lagi contoh jasa-jasa besar yang ditabur oleh khalifah-khalifah dan raja-raja Islam dahulukala.

khalifah dan raja-raja Islam sejangat.

- v. **Peningkatan bilangan ulamak-ulamak tariqah** yang mursyid. Di tangan alim-ulamak inilah umat Islam masa kini, yang ramai telah berstatus jahil akan memperoleh kembali ilmu dan amalan *salafus soleh*, khususnya yang berkaitan dengan bab-bab keTuhanan dan pengenalan diri yang boleh membawa kepada kesedaran tentang maksud hidup sebenar serta janji pada *Yaumul Mitsaq*.

Apabila umat Islam diajar serta dibimbingi oleh alim-ulamak mursyid khususnya yang berkaitan dengan ilmu-ilmu keTuhanan dan pengenalan diri, ianya akan menerbitkan sifat taqwa yang kental. Taqwa yang kental akan membawa kepada amalan-amalan yang baik dan diredhai Allah SWT yang boleh menerbitkan natijah yang baik kepada diri, keluarga, kelompok, masyarakat, bangsa dan agama.

- vi. **Peningkatan bilangan alim-ulamak ahlul-bait** (keluarga dan keurunan) Rasulullah SAW dalam tugas dakwah dan tabligh sebagaimana resam nenek moyang mereka dahulukala.

Sabda Rasulullah SAW : *“Bintang-bintang adalah keselamatan bagi penghuni langit, sedang ahlul-baitku keselamatan bagi penghuni bumi.”* (HR At-Thabarani)

Sebuah Hadeeth riwayat Al Hakim dan disahihkan oleh Bukhari dan Muslim menyebut: *“Bintang-bintang merupakan (sarana) keselamatan bagi penghuni bumi (yang sedang belayar) dari bahaya tenggelam/karam sedangkan ahlul-baitku sarana keselamatan bagi umatku dari perselisihan (dalam agama). Bila ada satu kabilah Arab yang membelakangi ahlul-baitku, mereka akan berselisih kemudian menjadi kelompok Iblis.”*

Sebuah lagi Hadeeth Rasulullah SAW dari Abu Dzar menyatakan : *“Ahlul-baitku di tengah kalian ibarat bahtera Nuh. Siapa yang menaikinya ia selamat dan siapa yang ketinggalan ia binasa.”*
(HR Ahmad, Al-Hakim, Ibnu Jarir dan At-Tabarani dalam kitab Al-Kabir)

Abu Dzar Al-Ghiffari RA menuturkan bahawa ia mendengar sabdaan Rasulullah SAW : *“Jadikanlah ahlul-baitku bagi*

kalian sebagai kepala bagi jasad dan sebagai dua belah mata bagi kepala.”

Tegasnya, keutamaan ahlul-bait Rasulullah SAW adalah diperakukan dalam hukum syarak mengikut nash hadeeth-hadeeth mutawatir yang tidak harus menimbulkan sebarang kekeliruan ataupun perselisihan. Keutamaan ini diperkukuhkan oleh khabar yang sahih bahawa keturunan baginda, Al-Mahdi akan menjadi khalifah akhir zaman kepada umat Islam.

Hadeeth riwayat Imam At-Tarmidhi, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda : *“Dunia tidak akan berakhir sehingga bangsa Arab dipimpin oleh seorang lelaki dari keluargaku yang namanya menyerupai namaku.”*

Oleh itu jikalau wujudnya tanda-tanda peningkatan alim-ulamak ahlul-bait Rasulullah SAW logiknya merupakan suatu petanda kedatangan takdir zaman yang baik, insyaAllah. Pada hari ini, nama-nama seperti Habib Umar ba Hafiz, Habib Ali al-Jufri, Syeikh Syed Afeefuddin al-Gaylani, Syeikh Habib Hassan al-Attas, Habib Prof Quraisy Shihab, Habib Jindan Naufal, Habib Abdul Rahman al-Attas, Habib Lutfi bin Yahya, Habib Tahir al-Kahf, Habib Ali Zainal Abidin, Syed Najmuddin al-Khirid, Almarhum Syed Semait, Almarhum Syed Muhammad ibni Alawi al-Maliki al-Hassani dan ramai lagi, adalah tidak asing lagi di arena dakwah antarabangsa, serantau mahupun di peringkat tempatan. Dan dalam masa yang sama, proses penjanaan alim-ulamak ahlul-bait pada peringkat pelapis terus berkembang dengan pesat, mempelajari ilmu-ilmu Islam yang hakikat dan bersanad.

Maka bagi mempersiapkan hamba-hambaNya untuk kemunculan era pemerintahan '**Khalifah yang tertegak atas manhaj kenabian**', Allah dengan Maha Rahman dan RahimNya telah menyediakan satu zaman, iaitu '**Zaman Peralihan**'.

Pada zaman ini, dengan kudratNya sendiri Allah SWT akan MEMECAH BELAHKAN semua kerangka, struktur dan sistem kuffar yang telah membelenggu hamba-hambaNya hampir satu abad lamanya sehingga mereka menghadapi ancaman pelupusan aqidah yang amat tenat dalam peringkat global.

Apabila semua kerangka, struktur dan sistem kuffar telah dipecah-pecahkan, kesamaran akan hilang, hak dan batil tidak lagi

bercampur aduk, kejahatan agenda Yahudi dan Nasrani yang selama ini berselindung di sebalik sistem-sistem kuffar yang dianuti umat Islam akan terbongkar, kemunafikan golongan sesat lagi menyesatkan yang bermain sandiwara di kalangan umat Islam dan berselindung di sebalik kesamaran akan terdedah.

Bermulanya Zaman Peralihan adalah dengan tanda awal terbongkar semula ilmu-ilmu hakikat yang selama ini terkambus di bawah timbunan ilmu-ilmu batil seperti yang telah banyak berlaku semenjak terdirinya falsafah sekular di dunia ini. Terbongkarnya ilmu-ilmu hakikat ini umpama penemuan semula telaga zam-zam oleh Abdul Mutalib setelah beratus tahun telaga tersebut terkambus di bawah tanah dan dilupakan. Sebagaimana penemuan semula telaga zam-zam memberi isyarat kemunculan berita baik kepada umat manusia, iaitu kelahiran Rasulullah SAW, begitu juga dengan terbongkarnya semula ilmu-ilmu hakikat memberi isyarat baik untuk ummah.

Maka dengan penggalian semula ilmu-ilmu hakikat yang mandiri, iaitu yang tidak lagi bercampur aduk dengan ilmu-ilmu yang batil, mudah-mudahan di tengah-tengah kebatilan duniawi hari ini akan muncullah inisiatif-inisiatif individu dan kelompok untuk membebaskan diri dari cengkaman sekular, dari kehidupan penuh kebatilan dan dari kegawatan Tamadun Tidak Bertuhan atau *godless society* itu.

Dengan kembalinya ilmu-ilmu hakikat secara mandiri, ianya akan membawa kepada kesedaran ummah untuk kembali kepada ajaran Islam yang **sebenar, sepadu, syumul, zahir dan batin**. Iaitu sebagaimana ajaran Allah dan RasulNya yang sebenar, yang diamalkan oleh Rasulullah SAW, para sahabat RA dan golongan *salafus soleh*.

Kesimpulannya Allah SWT akan mengembalikan Zaman Ketuanan dan Kegemilangan Islam atas suatu alasan yang mudah, yakni kerana Islam itu agama hakikat dan suci murni yang telah diredhaiNya, tidak layak untuk dicampur adukkan dengan sistem-sistem batil dan kotor terutamanya sistem sekular yang menganjurkan Tamadun Tidak Bertuhan mahupun sistem-sistem lain yang mentuhankan selain daripada Allah SWT.

Manakala tempuh kemunculan episod tersebut pun berkemungkinan tidak begitu lama lagi. Kalaupun bukan generasi kita, insyaAllah generasi anak cucu kita. Tidak mungkin lebih lama dari itu kerana dunia dan penghuninya sudah 'sakit tenat', hampir berstatus nazak, keadaan umat Islam cukup parah, sedangkan kebanyakan golongan tidak beriman pula belum mendapat peluang mengenal Islam yang sebenar sebagai agama pembawa kesejahteraan dunia akhirat.

Oleh itu penyakit-penyakit manusia dan kemanusiaan yang tercetus natijah dari pengamalan sistem-sistem khurafat, syirik dan kehidupan Tamadun Tidak Bertuhan ini perlu diubati segera, jikalau tidak putuslah barakah dan rahmat Allah.

Dan jikalau putus rahmat dan keberkatan Illahi, nescaya akan 'merajuk'lah spesies haiwan di lautan dan daratan serta alam semesta sehingga hancur luluhlah manusia dan seisinya akibat berlaku unsur-unsur ketidak seimbangan alam dan makhluk, dari perilaku tangan-tangan manusia sendiri. Dan kita telahpun banyak melihat 'gazet-gazetnya' di sekeliling kita dalam tempuh akhir-akhir ini.

Sedangkan ini tidak kena pada janji Allah SWT yang mengisyaratkan terbitnya masa keberkatan penuh rahmat pada bumi.

Rujuk kembali sabda Rasulullah SAW :

*" Tegaklah pada kamu masa kenabian sampai beberapa lama yang dikehendaki Allah, maka terjadilah ia, kemudian diangkat. Kemudian tegaklah selepas itu pada kamu masa khalifah atas manhaj kenabian, maka terjadilah ia padamu beberapa lama yang dikehendaki Allah, kemudian ia diangkat. Kemudian terjadilah padamu masa kerajaan yang menggigit (Mulkan Ad Dhudhan), maka terjadilah ia beberapa lama yang dikehendaki Allah, kemudian diangkat. Kemudian tegaklah selepas itu kerajaan menyeleweng (Mulkan Jabbariyyan) terjadilah ia beberapa lama yang dikehendaki Allah, kemudian diangkat. **Selepas itu tegaklah padamu Khalifah atas manhaj kenabian, yang mengamalkan sunnah Rasul di kalangan manusia. Islam akan tersebar luas di mukabumi yang diredhai oleh penghuni langit dan bumi. Langit tidak akan meninggalkan setitis pun air hujan, kecuali ia mencurahkanya. Dan bumi tidak akan meninggalkan tanaman dan berkatnya kecuali ia akan mengeluarkannya.**" (HR Thabarani)*

Sesungguhnya Allah SWT yang mencipta langit tujuh dan bumi yang berlapis-lapis, sistem cakerawala yang agung dan zarah yang seni, ruh dan jasad yang hidup dan yang mati, serta bakal dihidupkan ruh itu kembali untuk menghadapi Hari Perhitungan kelak, tetap akan memelihara agamaNya dari sebarang usaha pencabulan walaupun bertangguh.

Firman Allah SWT : *"Dialah yang mengutus RasulNya dengan (membawa) petunjuk dan agama yang benar, supaya Dia memenangkan agama itu atas sekalian agama, walaupun orang-orang Musyrikin tidak menyukainya."* (Ash-shaf : 9)

MAKA SESUNGGUHNYA ISLAM AKAN DIPERTUANKAN KEMBALI KERANA ITU JANJI ALLAH DAN ALLAH TIDAK PERNAH MEMUNGKIRI JANJINYA!! Dan umat Islam sedunia kini menanti dengan penuh debaran dan pengharapan akan peristiwa kebangkitan dan kegemilangan ummah yang tersebut itu.

Bab 8 : **Puisi Insaflah Umat Islam**

Assalamualaikum saudara dan taulan,
Sebuah puisi sila dengarkan,
Masalah ummah Akhirul Zaman,
Dalam perintah Mulkan Jabariyyan.

Cuba direnung cuba fikirkan,
Mengapa ummah banyak percanggahan,
Mana kebatilan mana kebenaran,
Semuanya kini dalam kesamaran.

Umat Islam pernah bersatu,
Mazhab Empat tidaklah buntu,
Ahlu Sunnah Wal Jamaah sudahlah tentu,
Khilafah dan wakilnya saling membantu.

Inggeris durjana Khilafah diburu,
Daulah Islami haru biru,
Yahudi menaja firqah baharu,
Umat Islam menjadi celaru.

Ummah kini dalam kegelapan,
Teraba-raba mencari pedoman,
Merenung-renung masa hadapan,
Mencari-cari suatu jawapan.

Dari mana hendak dimula,
Bagaimana nak pulih cacat dan cela,
Arah mana hendak dihala,
Firqah mana perlu dibela?

Mengapa ummah alah serangan,
Zahir dan batin bawah jajahan,
Sedang Islam agama kebenaran,
Jaminan Allah beri pernaungan.

Ingat-ingatlah sabda junjungan (SAW),
Masalah ummah di Akhir Zaman,
Penyakit kronik itulah Al-Wahn,
Cinta dunia takutkan kematian.

Ummah ditimpa penyakit PESONA,
Mabuk kepayang dengan dunia,
Hiasan dunia indah zahirnya,
Lupa segala mudarat racunnya.

Ummah ditimpa pesona yang amat,
Budaya kafir dianggap azimat,
Konon tersimpan bermacam keramat,
Berpaling ke Barat sekelian ummat.

Ummah terpukau pandangan zahiriyah,
Lupa menilik pandangan batiniyyah,
Dunia dan Barat dilihat indah,
Alpa kepada amaran Allah.

Ummah alpa nak cari bekal,
Buat simpanan alam yang kekal,
Segala ditilik melalui aqal,
Dipinggir semua sumber naqal.

Orang kafir Barat taksub duniawi,
Malangnya mereka luput ukhrawi,
Diminta dunia dengan berperi,
Sudah tentu Allah memberi.

Orang Barat suka bertema,
Apalah ada pada nama,
Namun kafir dan Islam lain agama,
Di sisi Allah tidaklah sama.

Orang Barat dengan pengalamannya,
Hadapi masalah dengan gerejanya,
Dianggap penghalang kemajuan dunianya,
Lalu ditolak disingkir agamanya.

Formula 'penyelesaian' orang Barat,
Mengapa ditiru ummah sejagat,
Mana benarnya firqah yang sesat,
Dibandingkan Islam agama hakikat?

Agama hakikat itulah Islam,
Sempurna sudah semenjak silam,
Pembawa cahaya penyuluh malam,
Aturan lengkap manusia dan alam.

Mengapa diambil formula Barat,
Untuk selesaikan masalah ummah,
Kudis yang kecil lalu melarat,
Menjadi barah ummah darurat.

Ke arah Barat ummah berkiblat,
Formula mereka dianggap ubat,
Bagaimana Allah nak turunkan rahmat,
Bagaimana ummah nak dapat selamat?

Tafsiran nilai dan neraca Barat,
Menjadi pegangan ummah sejagat,
Formula Islam diambil sekerat,
Bantuan Allah tersekat-sekat.

Cendikiawan Barat peloporkan tema,
Sekularisme Liberalisme berbagai `isme',
Mengapa ummah sanggup terima,
Sedangkan Islam tidaklah sama?

Doktrin sekular dapat selinap,
Pemimpin ummah racun diserap,
Disalut dengan propaganda kerap,
Falsafah batil sudah tertancap.

Konsep Tauhid pegangan ummah,
Ajaran Islam inti falsafah,
Dijadikan teras oleh pemerintah,
Kesultanan dan Khilafah.

Sedangkan sekular Tauhid disanggah,
Islam dan dunia dipisah-pisah,
Ajarannya langsung tidak menasabah,
Dengan Islam amat bercanggah.

Falsafah sekular dapat otoritas,
Diletak tempatnya paling di atas,
Dianggap sakarat sedikit tak was-was,
Penghayatan Islam menjadi terbatas.

Dari pendidikan sampai pemerintahan,
Doktrin sekular jadi pegangan,
Ajaran Islam tak lagi sepadukan,
Hak dan batil dicampur adukkan.

Ajaran Islam paksi kehidupan,
Konsep sepadu tiada pengasingan,
Amalan ummah sejak berzaman,
Membentuk sejarah penuh isian.

Konsep sekular batilnya falsafah,
Kesannya terasa di bidang sejarah,
Bagaimana nak betul kisah ummah,
Jika agamanya dipisah-pisah?

Sejarah sebenar dapat selewengkan,
Bahana sekular di Akhir Zaman,
Diambil pula neraca dan tafsiran,
Perspektif Barat jadi ukuran.

Neraca Islam tidak hiraukan,
Tafsiran Islam dianak tirikan,
Segala yang Barat dianggap 'kemajuan',
Konon punca segala 'kejayaan'.

Pabila ummah ditimpa musibah,
Akibat mengambil formula yang salah,
Maka pengkritik pun sorak sorailah,
Bermacam nasihat mahu ketengah.

Munafik agama tunjukkan belang,
Ummah berdiam apalah malang,
Dituduh Islam sebagai penghalang,
Konon menyekat 'kejayaan' gemilang.

Ummah termakan nasihat yang salah,
Disalut dengan propaganda nan indah,
Semakin jauh mereka terpisah,
Dari landasan agama yang fitrah.

Kepimpinan ummah sangat terkesan,
Mencari alasan Islam ketepikan,
Walau kecil masalah dalaman,
Formula Barat terus peloporkan.

Ditolak ketepi benar dan salah,
Dinilai kira menang dan alah,
Ke dunia Barat kiblah diarah,
Pemerintah ummah tak takut Allah.

Zaman moden Islam merempat,
Segala ajarannya dikeji diumpat,
Formula Barat mengambil tempat,
Didakap erat tak sempat-sempat.

Falsafah sekular amat bahaya,
Pengasingan agama dari dunia,
Bila ummah pegang prinsipnya,
Luput hakikat hilang bisanya.

Islam sepadu dengan kehidupan,
Aturan Allah bukan mainan,
Mengapa ummah asing-asingkan,
Musibah melanda siapa salahkan?

Mulkan Jabariyyan Zaman Fitnah,
Doktrin kafir dijadikan falsafah,
Langsung belenggu hakikat ummah,
Bagaimana Allah nak turunkan nusrah?

Sampailah sudah Zaman Beralih,
Umat Islam Allah nak pulih,
Ilmu Hakikat sudah dipilih,
Supaya ummah senang memilih.

Allah kembalikan Ilmu Hakikat,
Supaya hambaNya dapat melihat,
Yang mana benar yang mana sesat,
Supaya mudah memilih yang tepat.

Sudahlah jelas benar dan salah,
Supaya ummah tak lagi berhelah,
Kalau ikhlas segera pilihlah,
Firqa hakikat naungan Allah.

Allah hendak turunkan nusrahNya,
Itulah sebab hilang samarnya,
Firqa hakikat dapat naunganNya,
Firqa yang batil tunggu balaNya.

Sampailah sudah masa dan waktu,
Era Akhir Zaman sudahlah tentu,
Umat Islam janganlah buntu,
Pastikan ikhlas dalam nawaitu.

Era Akhir Zaman bukan mainan,
Banyak cabaran banyak dugaan,
Pilihan yang tepat harap pastikan,
Supaya akhirat dapat selamatkan.

Wahai saudara harap fikirkan,
Kesatuan ummah kita pulihkan,
Ilmu hakikat Allah tunjukkan,
Gunakan ia buat pedoman.

Perjuangan hakikat mendapat rahmat,
Dapat zahirkan karamah barakat,
Melawan semua golongan sesat,
Nusrah Allah untungkan ummat.

Sabda Nabi (SAW) nan azimat,
Tidak bersatu ummat dalam sesat,
Kalau ummah memilih yang tepat,
Alam dan makhluk berkongsi rahmat.

Sekian dahulu kami bermadah,
Puisi yang panjang tamatlah sudah,
Semoga mendapat ibrah faedah,
Dapat tenangkan hati nan gundah.

Sekian.

Bahagian Ketiga ;

**MENGEMBALIKAN KETUANAN
ISLAM DENGAN
MEMPERKASAKAN UMMAH**

Bab 9 :

Peranan Ulamak dan Umarak Dalam Pemerintahan Islam

Falsafah umat Islam adalah berteraskan konsep TAUHID, yakni kita percaya sesungguhnya langit dan bumi ada Penciptanya, itulah Allah yang Maha Esa, tiada sekutu bagiNya. Bermakna kita bukan ateis, kita percaya pada kewujudan Tuhan dan kita beriman bahawa Tuhan itu Allah sedangkan 'tuhan-tuhan' lain sembah manusia adalah semata-mata ciptaan dan tipudaya syaitan iblis *Laknatu'Llah* untuk membawa manusia kepada syirik dan kesesatan sehingga terjerumus ke jurang kebinasaan yang kekal abadi di Alam Akhirat kelak. Dan kewujudan kita sebagai umat Islam adalah semata-mata berpusat dan berpaksi pada falsafah Tauhid yang tersebut itu.

Maka jika ada Pencipta, sudah tentu ada peraturannya. Sebagai makhluk Allah yang paling tinggi mertabatnya dan dikurniakan akal fikiran, adalah menjadi tanggungjawab manusia sebagai Khalifah bumi untuk memastikan kehendak Allah diletakkan paling atas dalam kehidupannya. Oleh itu kita perlu tahu apakah sebenarnya kehendak dan peraturan Allah Ta'ala itu.

Dalam hal ini, dua golongan umat Islam mempunyai peranan yang amat penting dalam memastikan secara tepatnya **apakah** kehendak dan peraturan Allah itu (FALSAFAH), serta **bagaimana** cara perlaksanaannya (GERAK KERJA) melalui pembentukan kerangka dan struktur pentadbiran masyarakat Islam yang betul.

Golongan yang dimaksudkan ialah ULAMAK dan UMARAK MUKTABAR.

PERTAMA

ULAMAK MUKTABAR sebagai pembimbing ummah kepada landasan hakikat .

Iaitu membimbing pemerintah dan rakyat jelata dalam sesebuah negara Islam kepada hal-hal yang bersangkutan paut dengan ILMU dan AMAL, ZAHIR dan BATIN mengenai peraturan-peraturan Allah supaya umat Islam dapat menjalankan urusan-urusan hidup bertepatan dengan kehendak-kehendakNya.

Bermakna dalam sesebuah pemerintahan Islam, selain mendidik tentang bab Iktiqad atau kepercayaan-kepercayaan yang bersangkutan paut dengan ilmu-ilmu Ketuhanan, alim-ulamak juga perlu memberikan kefahaman tentang peraturan-peraturan yang bersangkutan paut dengan cara hidup yang diredhoi Allah, termasuklah dalam hal pelaksanaan amal-ibadat dan urusan-urusan keduniaan .

Dengan sempurnanya tanggungjawab ini, maka umat Islam akan dapat memahami segala hukum-hakam dan peraturan-peraturan Allah. Pemahaman yang betul sudah tentu akan membawa kepada amalan-amalan yang betul, iaitu yang bertepatan dengan kehendak-kehendak Allah. Barulah turun redho, rahmah dan barakahNya yang dapat membawa kesejahteraan di dunia dan akhirat .

Selain itu para ulamak juga mempunyai satu lagi tugas yang sama pentingnya dengan tugas menyebarkan kefahaman Islam hakikat, iaitu merangkumi juga dalam memberi amaran mengenai kefahaman-kefahaman yang batil, iaitu jalan-jalan atau firqah-firqah yang sesat. Iaitu tentang APAKAH FIRQAH BATIL yang perlu dijauhi oleh umat Islam dan mengapakah firqah-firqah yang batil itu diputuskan sebagai batil²¹.

Adalah penting pemahaman ini disalurkan kepada umat Islam supaya mereka bersegera menjauhinya bukan sahaja bagi mengelakkan berlakunya pecah-belah, tetapi juga bagi mengelakkan terputusnya rahmat Allah atas masyarakat Islam disebabkan turun murkaNya atas mereka kerana mengamalkan ajaran yang bertentangan dengan peraturan dan kehendakNya.

Ringkasnya, golongan ulamak mempunyai tanggungjawab penting dalam mendidik dan membimbing pemerintah serta masyarakat Islam tentang ilmu-ilmu dan amalan-amalan zahir-batin yang bersangkutan paut dengan suruhan dan larangan Allah berdasarkan landasan-landasan yang telah dipersepakati oleh ijmak ulamak Ahlus Sunnah Wal Jamaah.

KEDUA

UMARAK MUKTABAR, atau ULIL AMRI yang memastikan peraturan serta kehendak Allah terlaksana melalui gerak kerja-gerak kerja yang dibuat berdasarkan ilmu dan kefahaman yang disalurkan oleh golongan ulamak muktabah/mursyid.

²¹ Contohnya ialah golongan aqliyyah dan batiniyyah seperti Muktazilah, Wahabi, Syiah, Qadiani, Bahai, Anti Hadith dan sebagainya.

Bagi memastikan matlamat tersebut dapat disempurnakan dengan sebaik mungkin, pemerintah perlu bertanggungjawab dalam perkara-perkara berikut;

- i. Menjana dan melindungi golongan ulamak muktabarah/mursyid supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan aman.
- ii. Menghukum dan membanteras golongan ulamak suk (batil & jahat) supaya kebatilan dapat dibendung atau dihapuskan terus.
- iii. Menaja gerak kerja-gerak kerja dan pelaksanaan-pelaksanaan ilmu serta kefahaman yang diperolehi dari alim-ulamak muktabarah/mursyid.
- iv. Melindungi gerak kerja-gerak kerja yang ditaja atau dipayungi dari ancaman unsur-unsur jahat, sabotaj atau subversif, khususnya dari golongan kafir yang membuat musuh dengan Islam dan umatnya.
- v. Memastikan rakyat jelata tidak tertahan daripada hak untuk mendapat, mengamal serta memenafaatkan ilmu dan bimbingan alim-ulamak muktabarah/mursyid.
- vi. Melindungi rakyat jelata dari sebarang unsur-unsur yang boleh mengancam agama dan keselamatan mereka.
- vii. Membangunkan Negara dengan permuafakatan jemaah Menteri Tafwidz dan Menteri-menteri Tanfiz, dibuat dalam batasan-batasan agama supaya tugas umat Islam keseluruhannya untuk beribadat dan bertaqwa kepada Allah SWT dapat disempurnakan dalam keadaan aman, selesa, sempurna, sejahtera dan bersatu padu.
- viii. Menyediakan ahli-ahli pemikir, pakar-pakar dalam bidang keduniaan, cendikiawan dan budayawan (*think tank*) yang mana tugas mereka adalah menyelidik dan bertukar-tukar pendapat (*brainstorming*) dalam apa juga hal/bidang demi pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Mereka perlu saling merujuk kepada Majlis Fatwa Negara sebelum menyalurkan segala keputusan kepada pemerintah yang kemudian menjadikannya sebagai dasar-dasar negara dan gerak kerja masyarakat bertamadun.

- ix. Menaja dan memayungi gerakan dakwah dan tabligh supaya syiar Islam dapat bertebaran ke seluruh pelosok alam.
- x. Menaja tugas *amal makruf wa nahi mungkar* bagi memperkasakan tamaddun dan budaya Islam serta membenteras unsur-unsur kebatilan, kemungkaran dan kemaksiatan.

Kesimpulannya, tugas Ulil Amri yang pertama dan utama ialah bertindak sebagai penaja kepada gerak-kerja dan pelaksanaan firqah Islam yang hakikat, iaitu firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah berdasarkan input dan bimbingan yang diterima dari golongan ulamak muktabar/mursyid. Gerak kerja inilah yang membentuk kerangka-kerangka dan struktur-struktur masyarakat .

Selain itu, seorang pemerintah Islam juga bertanggungjawab penuh dalam memayungi serta melindungi alim-ulamak muktabarah/mursyid sebagai pembimbing utama kepada landasan Islam yang hakikat daripada disabotaj oleh golongan sesat. Tanggungjawab ini dilanjutkan juga kepada umat Islam dan merangkumi tugas *amal makruf wa nahi mungkar*.

Tugas dakwah dan tabligh adalah juga tanggungjawab Ulil Amri bagi memastikan syiar Islam dapat sampai ke serata ceruk rantau dunia.

Dan akhirnya, tugas Ulil Amri juga merangkumi pembangunan serta keselamatan daulahnya. Tugas ini memerlukan kerjasama para menteri dan ahli-ahli pemikir serta pakar-pakar bagi memastikan rakyat jelata dapat menjalankan tanggungjawab mereka dalam perkara amal ibadat dan taqwa kepada Allah dalam keadaan yang paling aman, selesa, sempurna, sejahtera dan bersatu padu.

Gandingan ulamak dan umarak muktabar seperti ini bukan sahaja mampu menyatu-padukan masyarakat Islam, malahan dapat memastikan tertegaknya **Tamadun Islam Hakikat** dalam kerajaan itu yang terbit dari Falsafah dan Gerak Kerja yang betul dan terlindung dari sebarang unsur sabotaj dan anasir subversif.

Dalam hal ini, perlu ditekankan bahawa umarak muktabar yang dimaksudkan di atas bukanlah ahli-ahli politik dalam kerajaan-kerajaan sekular seperti yang terdapat dalam hampir kebanyakan dunia Islam hari ini.

Mengikut ijmak ulamak Ahlus-Sunnah Wal Jamaah, sistem KHILAFAH DAN WAKIL-WAKILNYA (Raja-Raja Islam, gabenor, ketua kabilah) adalah satu-satunya sistem pemerintahan umat Islam yang

mempunyai legitimasi agama sebagai penerus Rasulullah SAW dalam menjaga kepentingan Islam dan umatnya baik dari sudut ukhrawi mahupun duniawi.

Sabda Rasulullah SAW:

“Dahulu Bani Israel dipimpin (dan diuruskan) oleh para Nabi. Apabila para Nabi itu telah wafat, mereka digantikan oleh Nabi yang baharu. Sedangkan setelahku, tidak ada lagi seorang Nabi, dan akan ada khalifah yang banyak.” (HR Muslim)

“ Tiga orang tiadalah Allah akan bercakap dengan mereka pada Hari Kiamat, dan tiadalah Allah melihat kepada mereka dengan rahmat dan kasihan, dan tiadalah Allah akan melepaskan dan membersihkan mereka daripada dosa, dan bagi mereka disediakan suatu azab yang pedih.....iaitu seorang yang telah mengikat taat setia kepada Raja dan tiadalah dia mengikat taat setia melainkan kerana tujuan harta dunia, jika Raja itu memberikan kepadanya harta dunia maka dia menyempurnakan taat setianya itu, dan jika Raja itu tiada memberi kepadanya sesuatu daripada harta dunia maka tiadalah dia menyempurnakan taat setianya kepada Raja itu”

Sistem Khilafah dan wakilnya dapat menjamin bahawa golongan ulamak muftabah/mursyid dapat berpayung di bawah mandat pemerintahan Islam tulen yang mendapat naungan Allah untuk menjalankan tanggungjawab mereka sebagaimana yang telah disebutkan di atas.

Kerangka pemerintahan Islam ini adalah berdasarkan peranan sebagai penerus Rasulullah SAW, atau Khalifah baginda. Sebagai tonggak ummah, Khalifah Rasulullah SAW menaungi kerajaan-kerajaan Islam yang diwujudkan dalam kerangka sistem pemerintahan raja-raja dan gabenor-gabenor Islam. Raja-raja dan gabenor-gabenor Islam mendapat nobat mereka daripada khalifah-khalifah atau syarif-syarif Mekah dan mendapat legitimasi melalui proses *aqad* dan *bai'ah*.

Ringkasnya, tanggungjawab seorang *Ulil Amri* adalah dalam memastikan **TERTEGAK DAN TERPELIHARA CORAK PEMERINTAHAN ISLAM** iaitu dari aspek falsafah, kerangka dan struktur-struktur pentadbirannya. Tanggungjawabnya ini dikongsi bersama dengan menteri-menterinya sebagai pelaksana **dasar negara** dan **hala tuju** masyarakat.

Jika seseorang *Ulil Amri* itu dapat melaksanakan tanggungjawab tersebut, bererti ia telah menunaikan kewajipannya terhadap Allah SWT dan haknya untuk ditaati oleh sekalian rakyat jelata. Akhlak dan


sikapnya yang bersifat peribadi adalah tertakluk kepada hukum agama yang jelas.

Kesimpulannya, peranan golongan umarak dan ulamak muktabar adalah tersangat penting dalam tanggungjawab memberikan imej serta identiti Islam yang tulen dan sejati kepada kerajaan mereka. Kerjasama erat diantara kedua belah pihak ini bersama-sama dengan jemaah menteri serta ahli-ahli pemikir, cendikiawan dan budayawan negara amat diperlukan dalam memastikan falsafah Islam dapat ditancapkan sehingga berakar umbi dalam semua aspek pemerintahan, yakni disepadukan, sementara pelaksanaan falsafah tersebut dapat disempurnakan dengan baik.

Sesungguhnya ulamak dan umarak muktabarah MEMEGANG MANDAT ALLAH. Maka jikalau ulamak hakikat, iaitu ulamak yang berpegang pada firqah Ahlus Sunnah Wal Jamaah bertanggungjawab memimpin pemerintah dan rakyat jelata kepada falsafah dan aliran pemikiran yang mengikut kehendak Allah dan RasulNya, maka umarak hakikat, iaitu sistem Khalifah dan Raja-Raja Islam pula bertanggungjawab membentuk gerak kerja berdasarkan falsafah dan aliran pemikiran tersebut selain memastikan pelaksanaannya terlindung dari usaha-usaha sabotaj.

Maka barulah masyarakat yang berpayung di bawah regu yang ampuh ini berpotensi melahirkan TAMADUN ISLAM HAKIKAT yang menjamin rahmat dan keredhoan Allah atas kerajaan tersebut.

KEMBALIKAN TIGA TONGGAK KEKUATAN UMMAH



Bab 10: **Peranan Individu & Jemaah**

Sesungguhnya kita beriman dengan janji Allah mengenai kemunculan Zaman Kebangkitan Islam yang ke-2, tentang zaman kembalinya pertuanan Islam, khilafah dan kesultanan, tentang kedatangan zaman penuh berkat yang menghilangkan segala sikap permusuhan dan benci membenci di kalangan umat manusia sehingga disebutkan bahawa ular pun hilang bisanya dan serigala menjadi jinak dengan kambing biri-biri.

Bagi sebahagian umat Islam yang memandang kepada segala pancaroba dunia mutakhir ini dengan pandangan zahiriyah, sekaligus mencelikkan pandangan basirah serta menghalusi gejala-gejala semasa yang melibatkan konflik-konflik antarabangsa khususnya diantara persekutuan *Yahudi wa Nasara* dengan Islam dan umatnya, dari sudut aqal-naqal, mereka percaya bahawa kembalinya Zaman Kebangkitan Islam telah mula memperlihatkan tanda-tandanya yang jelas, umpama awan mendung dan bunyi dentuman guruh yang memberikan isyarat hujan bila-bila masa sahaja akan turun. Oleh itu mereka merasakan keperluan yang amat untuk melakukan sesuatu sebagai langkah bersiap sedia, terutamanya dari aspek meningkatkan kekuatan iman dan amal.

Sesungguhnya peristiwa-peristiwa Akhir Zaman bukan perkara main-main yang boleh diremeh-temehkan. Ianya melibatkan berbagai fitnah besar yang berpotensi menggoncang aqidah dan melupuskan amal. Silap haribulan boleh bercerai iman dari badan. *Nauzubillahiminzalik*. Maka sebilangan umat Islam yang insaf akan hakikat realiti semasa dan zaman yang bakal menjelang, mereka cuba melawan arus di tengah-tengah kehidupan masyarakat yang leka mengerjakan segala macam perkara maksiat, syubahat dan syirik. Umpama keadaan di zaman Nabi Nuh AS, yang mana baginda beserta para pengikutnya bertungkus lumus menyiapkan sebuah bahtera dalam persediaan menghadapi bah besar yang melitupi seluruh mukabumi sebagai azab Allah kepada umat Nabi Nuh yang melakukan berbagai kejelekan dan engkar menerima seruan Tauhid.

Begitulah juga situasinya mutakhir ini. Sedang kebanyakan umat manusia giat menyibukkan diri dalam maksiat berlandaskan Tamadun Tidak Bertuhan, golongan beriman yang sentiasa beringat-ingat tentang amaran-amaran Rasulullah SAW akan merasakan '*the sense of urgency*' untuk mengenal, mencari, dan menaiki 'bahtera Akhir Zaman' ini

bersama manusia-manusia yang dirahmatiNya sebelum Allah SWT menzahirkan bukti-buktiNya serta menurunkan segala hujjahNya.

Bagaimanapun bagi golongan ini, mereka terpaksa akur bahawa cengkaman sistem-sistem kafir amat kuat di negara-negara umat Islam. Teknologi-teknologi Barat pula telah berjaya mengawal, melemah, menfitnah, menggempur dan mengancam Islam serta para penganutnya yang setia. Bagaimana hendak mengenal, mencari, menaiki, malahan menguat dan memantapkan bahtera-bahtera Akhir Zaman jikalau kebanyakan umat Islam telah berjaya 'dirantai tangan dan kaki mereka' melalui sistem-sistem sekular yang berpotensi menenggelamkan mereka bersekali dengan golongan yang bakal ditimpa bala Allah itu??

Sesungguhnya umat Islam tidak boleh berputus asa dalam soal ini. Hayatilah sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Adanya harapan adalah satu rahmat daripada Allah kepada umatku, kalau harapan itu tidak ada maka tidak akan ada (orang yang bersusah payah) menanam pokok dan tidak akan ada ibu menyusukan anaknya”

Maka di tengah-tengah kekangan sistem-sistem sekular dan kawalan kuasa-kuasa Barat keatas umat Islam sedunia, khususnya dalam bidang teknologi dan ketenteraan, sekurang-kurangnya kita boleh berikhtiar dengan cara-cara yang berikut, iaitu :

MELERAI DAN/ATAU MEMINIMAKAN IKATAN SISTEM-SISTEM SEKULAR MELALUI CARA-CARA BERIKUT;

- I. Dimana mungkin, membentuk inisiatif-inisiatif kelompok atau gerakan-gerakan Islam yang mewujudkan sistem-sistem alternatif yang mengamalkan ajaran Islam yang sebenar, bukan Islam tangkap muat atau Islam separuh-separuh. Ianya boleh dibuat secara kecil-kecilan ataupun besar-besaran. Contohnya mewujudkan perniagaan Islam menggantikan perniagaan ribawi, menghidupkan transaksi wang dinar dan dirham menggantikan transaksi wang kertas yang nilainya bergantung kepada unsur-unsur spekulasi yang haram, mewujudkan pendidikan sepadu Islam/akademik menggantikan pendidikan sekular, menghidupkan perniagaan yang tiada kompromi dalam urusan penjualan barangan yang bebas dari unsur-unsur haram dan syubahat, mewujudkan pusat-pusat perubatan yang mengamalkan nilai-nilai Islam dan sebagainya.
- II. Dimana mungkin, membentuk inisiatif-inisiatif oleh jemaah-jemaah Islam bagi mewujudkan pendidikan serta amalan Islam

yang bersناد secara langsung kepada jumbuh ulamak Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang sebenar. Ini termasuk membina pusat khidmat dan nasihat yang boleh menyalurkan fahaman Islam hakikat kepada masyarakat, dan bukannya Islam celup atau Islam separuh-separuh. Pusat-pusat kebajikan umat Islam juga boleh diwujudkan. Inisiatif-inisiatif ini perlu diketuai oleh golongan ulamak syariat dan tarikat yang muktabar/mursyid. **Pastikan ianya tidak disabotaj oleh ulamak suk, liberal dan moden yang ramai wujud masakini.**

- III. Dimana mungkin, membentuk inisiatif-inisiatif peribadi, individu dan keluarga dalam mencari pegangan dan amalan Islam hakikat. Inisiatif-inisiatif sebegini memerlukan wawasan dan komitmen yang tinggi. Golongan inilah yang akan menjadi pengguna dan pengamal kepada sistem-sistem alternatif yang diwujudkan oleh kelompok I dan II tadi.

Kaedah-kaedah ini sebenarnya telahpun dipraktiskan oleh sebilangan umat Islam yang tinggal di negara-negara Barat. Satu contoh yang baik ialah pengalaman masyarakat Gujerati di Afrika Selatan dan Britian. Bangsa mereka yang ramai bersusur galurkan kepada nasab orang-orang Arab, khususnya dari kalangan para sahabat Rasulullah SAW telah mampu memelihara kemurnian pengamalan ajaran-ajaran Islam dan budaya bangsa di tengah-tengah kehidupan masyarakat Barat yang jahiliyyah.

Orang-orang Gujerati telah lama mengambil inisiatif mewujudkan sistem-sistem alternatif khususnya dalam bidang perniagaan, pendidikan dan kebajikan mengikut konsep ISLAM SEPADU yang menjadi benteng kukuh daripada serangan budaya dan alam pemikiran Barat, kecuali dalam bidang perundangan Islam kerana dibataskan oleh sistem perundangan Barat yang menjadi undang-undang mutlak dan tertinggi di negara-negara tersebut.

Hasilnya kebanyakan mereka tetap dapat berteguh mengamalkan cara hidup Islam yang agak konservatif dan sejati dari aspek imej, pemakaian, cara hidup, ekonomi dan pendidikan, malahan ianya tumbuh subur dan berkembang biak²². Dengan penuh keyakinan dan tinggi harga diri masyarakat Gujerati bercampur baur dengan orang-

²² Keadaan ini telah menyebabkan media antarabangsa yang menjadi lidah Zionisme pernah mengeluarkan beberapa kenyataan yang menuduh masyarakat Islam di negara-negara Barat bersikap tertutup dan tidak mahu berasimilasi dengan orang-orang Barat, memandangkan mereka berjaya dalam membentuk sistem-sistem alternatif yang dapat membebaskan umat Islam daripada belenggu sistem-sistem Barat serta memelihara pegangan mereka kepada ajaran Islam yang sebenar. Dan perkara inilah yang menimbulkan sakit hati kepada kuasa Yahudi dan Nasrani kerana tidak berjaya mencemarkan mereka walaupun di negara-negara Barat sendiri!

orang Barat serta mengambil bahagian secara aktif dalam urusan-urusan duniawi dan kehidupan moden tetapi tidak terbelenggu dengan sistem-sistem Barat dan merdeka daripada aliran pemikiran yang dijajah.

Inisiatif-inisiatif tersebut telah melahirkan masyarakat yang tidak keliru tentang ajaran Islam yang sebenar kerana sempadan antara kebenaran dan kebatilan telah digariskan dengan nyata dalam sistem-sistem alternatif yang diamalkan itu. Semuanya menjadi hitam-putih, antara mahu mengikut atau tidak sahaja!!

Apa yang bisanya dalam tindakan kelompok-kelompok, gerakan-gerakan dan jemaah-jemaah umat Islam mengadakan inisiatif-inisiatif sebegini ialah mereka tidak melibatkan diri dalam urusan politik mainan pemerintah-pemerintah sekular yang memudaratkan itu, tetapi menfokus hanyasanya kepada matlamat MEMPERKASAKAN UMMAH, ZAHIR dan BATIN. Iaitu dengan mengadakan pilihan-pilihan alternatif dalam berbagai bidang keduniaan dengan mengguna pakai ajaran dan amalan Islam yang sebenar menggantikan ajaran dan amalan songsang sistem-sistem sekular kerana merojakkan unsur-unsur kebenaran dengan unsur-unsur kebatilan ataupun tidak langsung mengambil kira hukum-hakam agama dalam pengurusan serta pentadbiran hal-hal keduniaan umat Islam.

Sebenarnya bukan sedikit bilangan umat Islam hari ini yang mula merasa muak, bosan dan rimas dengan agenda ahli-ahli politik sekular yang memperjudikan kepentingan Islam semata-mata demi merebut atau mempertahankan kuasa politik masing-masing. Kewujudan parti-parti politik sekular akan sentiasa menyebabkan umat Islam menjadi mangsa keadaan '*keluar mulut harimau, masuk mulut naga*' dan '*keluar mulut naga, masuk mulut buaya*'. Begitulah berulang-alik keadaannya selama mana ummah dikekang oleh sistem politik sekular.

Bagi sesiapa yang mencari jalan kebenaran Islam, mereka harus membuat inisiatif tanpa berteleku menunggu bilakah parti politik Islam akan menang dalam pilihanraya dan menegakkan negara Islam yang sebenar. Kerana dikhuatiri penantian tersebut umpama menunggu '*buah yang tidak gugur*' **kerana sistem pemerintahan sekular (demokrasi) yang tidak mendapat mandat Allah akan memastikan negara Islam hakikat tidak akan dapat ditegakkan sampai bila-bilapun!**

Oleh itu umat Islam harus memberi fokus, BUKAN KEPADA KAEDAH MENCARI KUASA POLITIK SEBAGAI JALAN PENYELESAIAN

YANG MUKTAMAD²³, tetapi membuat inisiatif-inisiatif masing-masing untuk keluar atau meminimalkan ikatan dengan sistem-sistem sekular dalam urusan-urusan keduniaan di pihak peribadi, individu dan keluarga. Golongan-golongan inilah yang akan menghasilkan kehendak atau tuntutan yang banyak kepada pilihan-pilihan alternatif, maka inisiatif-inisiatif di pihak kelompok, gerakan serta jemaah-jemaah Islam amat diperlukan dalam keadaan yang mendesak ini untuk mewujudkan sistem-sistem Islam yang sebenar yang dapat dimenafaatkan mereka.

Mudah-mudahan inisiatif-inisiatif sebegini yang dibuat semata-mata demi menegakkan falsafah serta amalan ISLAM SEPADU dalam semua aspek kehidupan masyarakat Islam sebagai alternatif kepada belunggu sistem-sistem Barat akan mendatangkan nusrah dan rahmat Allah.

Ringkasnya sebagai generasi umat Islam yang berpotensi menghadapi Zaman Kebangkitan Ummah kali ke-2, kerja kita ialah memberikan sumbangan sedaya upaya dalam ikhtiar memecah belahkan semua kerangka, struktur dan sistem Barat. Cara yang paling berkesan ialah dengan membentuk inisiatif-inisiatif peribadi, individu, keluarga, kelompok, jemaah dan gerakan yang MELAWAN ARUS, kerana arus-arus mega masakini adalah yang menjurus kepada budaya, peradaban dan tamadun yang gersang dari nilai-nilai Islam, yakni Tamadun Tidak Bertuhan.

Sesungguhnya apabila ramai daripada kalangan umat Islam yang dapat mengambil inisiatif-inisiatif menegakkan semula kebenaran agama Allah, MEREKA AKAN KEMBALI BERSEPAKAT.

Ibnu Umar pernah menceritakan daripada Rasulullah SAW bahawa:

'Umatku tidak bersepakat diatas kesesatan' (HR At-Tarmidzi)

Bermakna jikalau ummah mengambil jalan kebenaran, iaitu dengan mengamalkan semula konsep Islam Sepadu (bukan separuh-separuh) sudah tentu mereka akan kembali bersepakat! Sesungguhnya persepakatan dapat mewujudkan perpaduan dan kesatuan, maka barulah kekuatan ummah dapat direalisasikan semula.

Malahan jikalau ulamak-ulamak syariat dan tariqat yang muktabarah/mursyid dapat membimbing ummah dalam pembentukan

²³ Kerana politik memerlukan banyak kompromi. Dengan matlamat meraih undi terbanyak, seringkali yang terpaksa dikorbankan ialah mana-mana Nilai, Neraca dan Tafsiran Islam yang berkonflik dengan Nilai, Neraca dan Tafsiran Barat.

inisiatif-inisiatif seperti ini dengan gabungan serta kerjasama ahli-ahli pemikir, pakar-pakar ilmuan dan budayawan yang cintakan Allah dan RasulNya, ia bukan sahaja mampu meningkatkan kembali bilangan pengikut Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang sebenar (yang telah banyak susut semenjak diselewengkan oleh golongan ulamak suk tajaan pemerintah sekular) yang boleh membawa kepada proses kesatuan semula umat Islam, malahan ianya berpotensi mengembalikan pemerintahan Islam hakikat.

Kerana pemerintah-pemerintah Islam yang hakikat wujud atas mandat dan takdir Allah SWT. Maka jikalau sesebuah masyarakat Islam itu mempunyai banyak ahlinya yang giat mengambil inisiatif dalam mengamalkan ajaran-ajaran Islam yang tulen dan sepadu dimana mungkin, walaupun dikekang oleh pemerintahan sekular, maka ia berpotensi menjadi asbab turunnya takdir Allah dalam bentuk menghidupkan semula pemerintah-pemerintah hakikat, iaitu sistem Raja-Raja Islam yang berdaulat sebagai rantai atau sub-sistem dari Khilafah kerana mendapat mandatNya dan berperanan semula sebagai payung perlindunganNya atas umat Islam. Kemudian barulah turun BARAKAH, NUSRAH dan KARAMAH atas umat Islam sebagai kuasa-kuasa ampuh dan kental yang mampu mempertuankan kembali Islam di persada dunia sebagaimana selayaknya mengikut fitrah 'alami.

Rasulullah SAW telah bersabda:

“Sultan yang adil dan merendahkan diri adalah payung dan tombak Allah di dunia. Allah akan mengangkatnya sebagai 70 orang-orang yang benar.” (HR Ibnu Abi Syaibah)


“Sesungguhnya Imam adalah laksana perisai, dimana orang-orang akan berperang di belakangnya dan menjadikannya sebagai pelindung bagi dirinya.” (HR Muslim)

Di kala itu barulah ummah cukup perisian zahir-batin mereka sebagai persediaan mencurahkan khidmat setia dan sedia di zaman kembalinya era khilafah sejagat nanti!!

Ameen ya Rabbal 'Alameen.

Rasulullah SAW bersabda : “ Islam asal dagang dan di Akhir Zaman nanti akan kembali dagang. Maka beruntunglah orang-orang yang berdagang.”

Imam Hassan Al-Basri pula pernah menyatakan: “Hendaklah kamu bersabar bersama dengan Ahlus Sunnah walaupun bilangan mereka sedikit di zaman dahulu dan sekarang. Mereka telah mempertahankan sunnah hingga ke akhir hayat.”




²⁴ Iaitu membuat usaha yang bersungguh-sungguh dalam mencari kebenaran agama di tengah-tengah lautan kebatilan, serta mengikuti jemaah hakikat yang dijanjikan Rasulullah SAW tetap akan ada sehingga Hari Kiamat. Juga mengurangkan ikatan dengan institusi-institusi sekular seperti institusi ribawi, pendidikan Barat dsbnya.

GERAKAN-GERAKAN POLITIK ISLAM TIDAK RELEVAN LAGI

FALSAFAH ASAL

- i. Menjaga kepentingan ummah selepas terluasnya sistem Khilafah dan Raja-Raja Islam.
- ii. Bersifat sementara dengan matlamat menghidupkan semula sistem tradisi tersebut.
- iii. Mengambil bahagian dalam politik sekular atas alasan darurat (**di sinilah letaknya jerat Yahudi & Nasrani**)

GERAK KERJA



FAKTA :

Apabila gerakan-gerakan politik Islam redho berpayung di bawah sistem politik sekular, iaitu mengambil bahagian dalam pilihanraya yang berasaskan sistem demokrasi-sekularisme-liberalisme, realitinya mereka telah terjatuh untuk mengakui ketuanan golongan kafir Barat dan kapitalis murabbin Yahudi yang hakikatnya menjadi penaja kepada sistem sekular ini, selain mengiktiraf sistem yang memberi nilai undi yang sama diantara umat Islam dengan umat kafir dan kelompok ateis.

Hakikatnya, politik sekular TIDAK AKAN;

- i. Menjaga kepentingan umat Islam yang sebenar, sekadar digulakan dan dikelabui mata mereka. Ahli-ahli politik kebanyakannya akan sentiasa mengkompromi kepentingan umat Islam, mereka sanggup memperjudikan Islam demi mendapatkan kuasa atau memanjangkan tempoh di tampuk kuasa. Mainan politik penuh dengan slogan dan propaganda kosong, penuh dengan pesta keegoan ahli-ahlinya yang seringkali merasa terancam kedudukannya atas saingan pihak lawan, lantas sibuk sekali mencari jalan dan helah menutup ruang-ruang kesempatan musuh-musuh politiknya. Apabila mendapat kedudukan yang dikejar, langsung berfikir-fikir pula bagaimana mahu mengaut keuntungan semaksima mungkin kerana sedar saingan datang dari semua arah dan tidak pasti

bila akan bertahan pada kedudukan dan pangkatnya yang baru mahu dikecapi.

- ii. Mencapai matlamat penubuhan sistem Khilafah dan Raja-Raja Islam yang berdaulat. Kaum Yahudi dan Nasrani yang menjadi penaja kepada sistem sekular tidak akan membiarkan mana-mana gerakan politik Islam menuju matlamat tersebut selama mereka berpayung di bawah sistem Barat itu, sekadar mengejar illusi kosong semata-mata. Hal ini dapat dibuktikan melalui dalil-dalil sejarah pemerintahan umat Islam sedunia sepanjang tempuh wujudnya era politik sekular semenjak awal abad ke 20M sehingga ke hari ini. Yakni tidak pernah wujud suatu pemerintahan Islam hakikat berlandaskan sistem demokrasi sekular walaupun dibuat sebagai suatu ikhtiar untuk menjurus kepadanya, namun tetap patah dan gagal di tengah-tengah kerana terdiri atas falsafah yang batil, bukan falsafah Tauhid.

Bagi ahli-ahli yang ikhlas dalam parti-parti politik Islam, mereka akan dapati bahawa lama kelamaan ruang perjuangan gerakan-gerakan politik Islam dalam bidang-bidang lain juga menjadi sempit. Oleh kerana matlamat mereka ialah meraih undi terbanyak, parti-parti politik Islam terpaksa bersikap lunak dan berkompromi dalam hal ekonomi ribawi supaya jangan sampai golongan kapitalis murabbin meletakkan '*economic weight*' mereka kepada parti-parti lawan. Hukum-hakam Islam dalam hal pemerintahan 'kafir zimmi'²⁵ juga terpaksa dilonggarkan supaya masyarakat majmuk dapat dipujuk untuk memangkah parti mereka pada hari pilihanraya. Pendidikan dan dakwah Islam juga terpaksa dilunakkan kerana ingin meraih undi majoriti umat Islam yang ramai dari kalangan mereka sudah lazim dengan sosio-budaya, tamaddun dan aliran pemikiran Barat hasil pemerintahan sekular yang berabad-abad lamanya itu.

Akhirnya serba-serbi ruang untuk perjuangan gerakan-gerakan politik Islam menjadi semakin sempit. Maka demi *survival* mereka, terpaksa idealisme perintis-perintis awal ditinggalkan, iaitu untuk mengembalikan sistem Khilafah dan Raja-Raja Islam seperti zaman pra-sekularisme, atas alasan terpaksa akur pada realiti zaman, bersyukur sahajalah kerana dapat menumpang sisa-sisa kuasa dari ahli-ahli politik sekular.

²⁵ Kafir zimmi ialah orang-orang kafir yang tunduk di bawah pemerintahan Islam dan mengaku akan memenuhi syarat-syarat yang ditentukan kepadanya, contohnya membayar jizyah, menjaga diri dari mencerca agama Islam, menjaga diri dari sesuatu yang boleh mendatangkan mudarat kepada umat Islam, tidak boleh menampakkan kepada umat Islam perkara-perkara mungkar, mendakyahkan agama mereka dll. Adapun hak mereka sebagai kafir zimmi ialah mendapat jaminan perlindungan & keselamatan, serta dibiarkan melakukan upacara agama dan adat kelaziman sesama mereka dan lain-lain lagi.

Apa yang paling tragis apabila sebahagian dari ahli gerakan politik Islam yang tidak sanggup melihat perjuangan jemaahnya tidak ke mana mengambil keputusan untuk keluar dan mengikuti parti politik sekular. Sedangkan yang lain menuntut reformasi, iaitu bersikap lebih liberal demi mengikuti peredaran masa. Maka lahirlah perlembagaan parti politik Islam ini yang baru, iaitu yang lebih baik sedikit sahaja daripada perlembagaan politik sekular. Akhirnya perjuangan mengembalikan sistem Khilafah dan Raja-Raja Islam terkambus dalam sejarah gerakan politik jemaah, mereka mengkhianati ideologi dan idealisme golongan perintis jemaah.

Itulah nasib yang menimpa kebanyakan gerakan politik Islam sedunia hari ini kerana mereka tertipu dengan konsep sekular, yakni *'mengambil mandat rakyat'* dalam sistem pilihanraya berdemokrasi! Sesungguhnya pemerintahan umat Islam bukan hak sesiapa sahaja, tetapi adalah mandat Allah SWT yang dipertanggungjawabkan kepada sebahagian kecil dari kalangan mereka iaitu sistem Khilafah dan Raja-Raja Islam yang mutlak dan berdaulat.

Selagi gerakan-gerakan politik Islam tidak mahu menerima hakikat ini dan mengambil pendirian secara rambang bahawa sistem politik sekular/demokrasi mampu menjadi penyelesaian muktamad kepada masalah ummah dan hukum-hakam Islam boleh tertegak melalui peti-peti undi pilihanraya, selagi itulah mereka akan sentiasa tertipu dan terdedah kepada elemen-elemen yang bertanggungjawab memudaratkan kepentingan Islam dan umatnya.

SYOR A
MENGUBAH PERJUANGAN GERAKAN-GERAKAN POLITIK ISLAM KEPADA
GERAKAN-GERAKAN ISLAM
(yakni dimansuhkan perkataan ‘Politik’)

FALSAFAH

- i. Menjaga kepentingan ummah selepas terlupusnya sistem Khilafah dan Raja-Raja Islam.
- ii. Bersifat sementara dengan matlamat menghidupkan semula sistem tradisi tersebut.
- iii. Memperkasakan ummah bagi menghadapi Zaman Peralihan (**berbeza dengan konsep asal di sini**).



FAKTA :

Jikalauh gerakan-gerakan politik Islam hari ini berani membuat suatu anjakan paradigma yang besar dalam falsafah perjuangan mereka, iaitu mengambil langkah untuk mulai merenggangkan diri dari sistem politik sekular, sesungguhnya mereka telah menunjukkan pendirian yang cecak dan berani untuk tidak lagi redho bersyubahat/ bersekongkol dengan prinsip No 1 Protokol Cendikiawan Zionis²⁶ seperti berikut, iaitu :

²⁶ Agenda Zionisme merupakan suatu program politik orang-orang Yahudi atas nama agama Judaisme, iaitu suatu idea berdasarkan anggapan orang-orang Yahudi bahawa mereka 'kaum terpilih' yang

“...Anda akan dapat melihat kemudiannya bahawa ini akan membantu kemenangan kita; Ia akan memberikan kita suatu kemungkinan untuk mendapatkan KAD INDUK (MASTER CARD), (iaitu) **pembinaan golongan bangsawan warisan** (genealogical aristocracy) yang merupakan satu-satunya golongan yang menjadi **pertahanan semulajadi** bangsa-bangsa dan negara-negara dari serangan kita. Dari pembinaan kelas bangsawan warisan (institusi raja-raja) yang bersifat fitrah itu kita telah membina golongan **‘bangsawan meritokrasi’ (ahli-ahli politik)** yang diketuai oleh golongan **‘bangsawan berduit’ (kapitalis).**”

Dengan mengambil inisiatif untuk meleraikan ikatan dengan politik sekular, gerakan-gerakan politik Islam kini bertukar menjadi gerakan-gerakan Islam (dimansuhkan kalimat ‘politik’) yang bebas dari belenggu *‘tujuan menghalalkan cara’* dan prinsip *“ambil kuasa dahulu, bila dah dapat mudahlah perjuangan Islam²⁷”* yang sebenarnya bukanlah konsep Islam.

Umat Islam akan lebih dapat menafaat jikalau gerakan-gerakan Islam memberi penumpuan kepada khidmat agama yang lain dari mengambil bahagian dalam sistem politik sekular semata-mata. Fokus patut diberikan kepada inisiatif-inisiatif jemaah dalam memperkasakan kembali umat Islam dengan cara mendidik semula ILMU & AMALAN UMMAH BERDASARKAN KEPADA PEGANGAN IJMAK ULAMAK AHLUS SUNNAH WAL JAMAAH. Umat Islam hari ini telah mengalami hambatan mental dan fizikal yang begitu parah sehingga menjadi benar-benar keliru tentang apakah ajaran Islam yang sebenarnya. Sehingga ada yang

diwujudkan di dunia untuk menguasai dan mentadbirnya. Cita-cita mereka ialah mewujudkan satu Orde Baru Dunia dan Satu Kerajaan Dunia berdasarkan ideologi Zionisme. Agenda Zionisme mempunyai tiga matlamat utama, iaitu;

- i. Menghapuskan semua agama dunia.
- ii. Menghapuskan semua kerajaan yang sah (iaitu sistem pemerintahan tradisi seperti Sistem Beraja) dan menggantikannya dengan ‘Satu Kerajaan Dunia’.
- iii. Menghapuskan semua institusi tradisi dan menggantikannya dengan ‘Orde Baru Dunia’ atas kemusnahan agama dan kedaulatan semua negara.

Dalam masa yang sama, satu program politik yang diberi nama PROTOKOL-PROTOKOL CENDIKIAWAN ZIONIS telah didedahkan oleh kerajaan Bavaria pada tahun 1785M, mengandungi 24 bahagian yang merencanakan strategi untuk memporak perandakan bangsa-bangsa bukan Yahudi, menghancurkan tamaddun mereka dan akhirnya menguasai dunia melalui sistem politik, media massa, sistem kewangan, kebudayaan, pentadbiran, hiburan dan dakyah-dakyah palsu yang mampu memusnahkan bangsa-bangsa sejagat. Rujuk buku penulis *‘Sesungguhnya Tuhan Kamu Tidak Bermata Satu’* untuk pembacaan lanjut.

²⁷ Rasulullah SAW pernah ditawarkan kemewahan, wanita, **kuasa** dan darjat oleh ketua-ketua kabilah Quraisy asal sahaja baginda berhenti dari menjalankan dakwah. Namun baginda tetap bertekad untuk meneruskan perjuangan dakwah Islamiyyah seperti sabdanya: *“Demi Allah jika mereka meletakkan matahari di kananku dan bulan di kiriku agar aku meninggalkan dakwah Islamiyyah, pasti tak akan aku tinggalkan, sebelum aku diberi kejayaan oleh Allah SWT atau aku binasa kerananya.”* Baginda sentiasa mengamalkan falsafah BENAR-SALAH dan TEGAS-TELUS-TULUS dalam perjuangannya.

mula berjinak-jinak dengan pegangan dan cara hidup orang-orang kafir dan ramai yang telah menjadi murtad!

Gerakan intensif harus ditumpukan kepada memesatkan **amalan tariqat/tasawuff** yang dapat melahirkan ahli-ahli **fikir, fi'il dan zikir** serta umat yang ikhlas, taqwa dan berakhlak mulia. Kerana itulah yang mampu menjana para aulia Allah walaupun sedikit bilangan mereka, kerana ianya mampu memberi 'jalan pintas' kepada penyelesaian semua masalah ummah serta menjadi asbab turunnya nusrah dan inayah dari Allah *jalla jallaluh*.

Apabila umat Islam dapat diajak beramai-ramai supaya 'mendongak kembali ke langit' iaitu mencari jalan Allah yang sebenar dan bukan memberi fokus semata-mata kepada peti-peti undi pilihanraya, sesungguhnya ia akan mendatangkan kesan yang lebih besar dan mendalam kepada perjuangan agama mereka kerana akan menarik kembali rahmat Allah SWT atas umat Islam.

Dan akhirnya, fokus, tenaga dan kudrat juga perlu disalurkan kepada usaha-usaha pemulihan dan pemertabatan semula Institusi Raja-Raja Melayu sebagai tonggak bangsa dan agama yang sebenar dan yang berhakikat. Pada Institusi Raja-Raja Melayu yang masih berkuasa inilah harus diletakkan sokongan dan dokongan yang tidak berbelah bahagi, bukan sahaja demi memenuhi tuntutan syariat, malahan ianya mampu menjadi suatu agenda yang menguntungkan kepentingan Bangsa Melayu dan orang-orang Islam di tanah air kita yang tercinta ini. Rujuk bahagian-bahagian yang berkaitan dalam buku ini.

SYOR B
MENGUBAH PERJUANGAN GERAKAN-GERAKAN POLITIK ISLAM DENGAN
MEMBERI PENEKANAN KONSEP 3T
(yakni POLITIK TEGAS TELUS TULUS)

FALSAFAH

- i. Menjaga kepentingan ummah selepas terlupusnya sistem Khilafah dan Raja-Raja Islam.
- ii. Bersifat sementara dengan matlamat menghidupkan semula sistem tradisi tersebut.
- iii. Memperkasakan ummah bagi menghadapi Zaman Peralihan (**berbeza dengan konsep asal di sini**).
- iv. Berjuang atas falsafah Benar-Salah, bukan Menang-Kalah atau Untung-Rugi. Menggunakan pendekatan 3T yakni TEGAS TELUS TULUS



Bagi ahli-ahli mana-mana gerakan politik Islam yang mencari alternatif yang lebih pragmatik, disarankan mengubah konsep perjuangan dengan meletakkan falsafah-falsafah berikut;

- i. **Berjuang atas landasan Benar-Salah, bukan Menang Kalah atau Untung-Rugi**
- ii. **Berjuang atas falsafah TEGAS TELUS TULUS**

Parti-parti politik Islam yang mengambil bahagian dalam sistem sekular tetapi dengan berlandaskan falsafah-falsafah yang disebutkan di atas tidak akan menjadi '*populist party*', yakni parti-parti yang mencari ruang otoriti dan nama dengan menawarkan perkara-perkara yang disukai kebanyakan rakyat semata-mata, tetapi dengan mengkompromi tuntutan agama dan adat bangsa.

Parti-parti Islam yang memegang falsafah ini juga tidak gusar jikalau menghadapi risiko tidak akan diundi oleh majoriti rakyat. Bagaimanapun, mereka tetap akan mendapat sokongan sebahagian rakyat yang menyokong gagasan yang berlandaskan perjuangan BENAR-SALAH serta bersikap TEGAS TELUS dan TULUS. Yakni dari kalangan rakyat yang beriman dan bertaqwa, ataupun dari kalangan orang-orang kafir yang suka kepada konsep Humanisme serta apa jua yang membawa kepada keadilan dan kesejahteraan semua dengan tidak bersikap prejudis pada Islam.

Dalam realiti lanskap politik masakini di mana-mana tempat pun di dunia ini, sebenarnya memang terdapat parti-parti yang tidak peduli samada akan mendapat mandat majoriti rakyat, tetapi ahli-ahli mereka bersatu dan berjuang semata-mata atas asas kepercayaan, dasar dan pegangan yang dikongsi bersama contohnya menifesto perjuangan nasib rakyat miskin serta kebajikan rakyat (Parti Rakyat Malaysia), perjuangan bangsa Australia (e.g One Nation Party) dan banyak lagi parti-parti yang lain dengan menifesto khusus.

Ringkasnya, parti-parti politik Islam yang mahu bermain dalam gelanggang politik demokrasi-sekularisme-liberalisme haruslah bersikap terus terang tentang dasar perjuangan mereka, yakni tentang mendaulatkan Ketuanan Islam dan Pertuanan Raja-Raja Melayu. Tidak pedulilah jikalau kebanyakan rakyat, samada orang-orang Islam yang jahil ataupun bangsa-bangsa kafir tidak mahu mengundi parti-parti mereka, yang penting adalah **mendapatkan platform untuk menyebarkan kebenaran Islam serta menerangkan tentang dasar-dasar Islam dan adat Melayu yang tetap adil (baca: adil tafsiran Islam) dan berupaya membawa kesejahteraan kepada sesiapa pun orang Islam ataupun yang bukan Islam. Ini juga merupakan suatu tugas dakwah.**

Dan yang terlebih penting, dengan perjuangan yang berfalsafahkan Benar-Salah dan Tegas Telus Tulus untuk mengembalikan Ketuanan Islam dan Pertuanan Raja-Raja Melayu, ianya mampu menarik nusrah Allah kerana Allah redha pada nawaitu dan gerakerja yang ikhlas dan mengikut perintahNya, walaupun terbatas dalam kekangan politik sekular, namun tuntutan agama tetap tidak dikompromi.

Sila rujuk pada bab 12 “*Satu Seruan: Keluarkan Sifat Yahudi dari Hatimu*” bagi pembacaan lanjut mengenai falsafah Benar-Salah dan konsep 3T, yakni Tegas Telus Tulus.

Bab 11:

Membentuk Inisiatif-Inisiatif Gerakan Islam

Selain daripada inisiatif-inisiatif jemaah dalam bentuk mewujudkan sistem-sistem alternatif kepada umat Islam yang dapat meminimalkan ikatan dengan sistem-sistem sekular, gerakan-gerakan Islam juga disyorkan mengambil langkah-langkah berikut, iaitu ;

1. *Membuat apa jua gerak kerja yang difikirkan sesuai dengan mengambil kira faktor-faktor asas ini;*

- i. Menginsafi bahawa hanya sistem khilafah dan sub-sistemnya, iaitu sistem kesultanan yang mutlak dan berdaulat sahaja yang mempunyai legitimasi agama serta dapat mengembalikan kekuatan dan kegemilangan umat Islam sejagat.
- ii. Bahawa menjadi kewajipan UMMAH untuk mengembalikan pemerintahan Khilafah yang termasuk sub-sistemnya sebagaimana di zaman PRA SEKULARISME.

Sabda Rasulullah SAW :

“ Barangsiapa yang meninggal dunia tanpa menyaksikan (dalam masa hidupnya) (institusi) bai’ah) (sumpah taat setia yang memberikan legitimasi kepada pemerintahan umat Islam) adalah seolah-olah dia meninggal di dalam keadaan jahiliyyah .” (HR Muslim)

- ii. Menyedari bahawa pembentukan semula institusi Raja-Raja Islam adalah satu-satunya cara yang paling praktikal yang mampu mewujudkan semula sistem Khilafah. Secara teorinya, Khilafah boleh dihidupkan semula jika negara-negara Islam bersetuju untuk kembali kepada corak pemerintahan beraja sebagaimana zaman dahulu kala. Apabila perkara ini dapat dizahirkan, maka Raja-Raja Islam daripada kesultanan-kesultanan ini bolehlah berpakat untuk melantik salah seorang dari mereka sebagai Khalifah, apatah lagi di kalangan Raja-Raja Islam hari ini ramai mempunyai darah Rasulullah SAW. Bandingkan dengan corak kepimpinan negara-negara Islam hari ini (sistem

politik demokrasi sekular) yang banyak membuka ruang untuk pergolakan politik yang mencetuskan pecah belah.

- iv. Menginsafi bahawa sistem sekular akan musnah jua akhirnya apabila sampai takdir Allah SWT nanti, iaitu sebelum zaman kemunculan *'Khalifah yang tertegak atas manhaj Nubuwwah'*. Oleh itu harus wujud di kalangan umat Islam golongan yang bercita-cita mendapatkan penghormatan menjadi ASBAB kemusnahan sistem sekular yang bersifat syirik ini yang merupakan sumpahan bagi ummah zaman fitnah hari ini. Ianya akan mencetuskan persaingan yang sihat diantara mereka²⁸.

2. Gerak kerja yang dibuat perlu menggunakan pendekatan berikut iaitu 'act small, think big' atau 'bertindak secara kecil-kecilan tetapi mesti 'berwawasan dan bergagasan besar'. Antara langkah-langkah yang dicadangkan ialah;

- i. Menyebar luaskan ilmu-ilmu pemerintahan umat Islam yang sebenar termasuk sejarah umat Islam yang sebenar.
- ii. Menyebar luaskan latarbelakang sejarah Yahudi dan Nasrani yang mencetuskan sistem-sistem pemerintahan Barat.
- iii. Mendedahkan falsafah-falsafah syirik yang wujud di sebalik kerangka dan struktur pemerintahan Barat yang menyebabkan UMMAH sedunia kehilangan hakikat.
- iv. Menyedarkan bahaya yang mengancam kewujudan UMMAH jika mereka masih terus berpegang pada sistem-sistem Barat kerana nusrah Allah secara keseluruhannya tidak akan dapat digapai selama mana ummah masih mengamalkan sistem-sistem kufur.
- v. Menyedarkan umat Islam bahawa kita sedang berada di penghujung zaman Mulkan Jabiriyyan dan dalam proses memasuki Zaman Peralihan, insyaAllah berdasarkan pemerhatian kepada tindak-tanduk Yahudi dan Nasrani sejak akhir-akhir yang tidak lagi berselindung dengan

²⁸ Rujuk kisah sahabat-sahabat Rasulullah SAW dan para pejuang Islam yang cuba mendapatkan janji Allah mengenai penaklukan Kota Konstantinople oleh 'Amir & tentera yang terpilih'. Walaupun mereka gagal meraih janji tersebut kerana ianya hanya dizahirkan lebih 600 tahun selepas diberitakan oleh Rasulullah SAW, mereka tetap mendapat ganjaran setimpal atas keikhlasan ikhtiar mereka mendapatkan penghormatan dari Allah itu sehingga terkorban syahid.

kejahatan mereka. Golongan munafik di kalangan umat Islam juga sudah mulai terserlah. Ini bermakna takdir Allah sedang dimenifestasikan secara langsung dalam bentuk 'PENGASINGAN UNSUR-UNSUR HAK DENGAN YANG BATIL'.

- vi. Menyedarkan umat Islam bahawa Zaman Peralihan adalah zaman pemrosesan kembali manusia kepada fitrah mereka. Di zaman ini manusia dituntut untuk memilih samada mahu bersama dalam jemaah yang batil atau jemaah yang hakikat (firqah Ahlus-Sunnah Wal Jamaah yang tulen serta sistem pemerintahan Khilafah dan wakilnya seperti raja-raja Islam).
 - vii. Perkasakan ummah dengan mengembalikan ilmu-ilmu Islam hakikat, didik dan jana alim-ulamak muktabarah/mursyid yang dapat mengembalikan kemurniaan ajaran Islam serta menjadi benteng dan perisai ummah yang ampuh dari serangan ulamak-ulamak suk.
 - viii. Berikan kefahaman mengenai tipu daya Yahudi dan Nasrani dan didik semula umat Islam tentang falsafah dan aliran pemikiran umat Islam yang sebenar. Kembalikan kefahaman kepada NILAI, NERACA dan TAFSIRAN ISLAM menggantikan NILAI, NERACA dan TAFSIRAN BARAT.
 - ix. Ceritakan mengenai tonggak-tonggak *salafus soleh* supaya mendatangkan inspirasi kepada umat Islam yang dahagakan kisah-kisah sejarah Islam yang mampu mencetuskan semangat dan daya juang yang tinggi.
- 3. Tujuan menyebarkan ilmu dan kefahaman-kefahaman di atas adalah dalam ikhtiar kita mencapai matlamat-matlamat yang berikut, iaitu**
- i. Bagi mencetuskan KEYAKINAN, disusuli dengan KEHENDAK yang tercetus daripada NAWAITU YANG IKHLAS oleh ummah sejagat untuk **kembali pada kerangka dan struktur-struktur pemerintahan yang berfalsafahkan konsep Tauhid**. Selama pegangan kepimpinan ummah kepada sistem-sistem batil dalam tempuh seabad dua yang lalu, ummah belum pernah bersatu hati dalam nawaitu yang ikhlas yang menginginkan corak pemerintahan Islam yang sebenar/tulen, kerana tertipu atau terkeliru sehingga redho dengan corak pemerintahan kuffar Barat.

Mereka tidak pernah tahu bahawa sistem yang dipegang boleh mengancam aqidah, malahan redho duduk di bawah sistem ini atas alasan 'mengambil kira realiti semasa'. Sistem pemerintahan Islam yang tulen tidak pernah sekurang-kurangnya menjadi suatu IDEALISME yang diambil ikhtiar untuk diusahakan. Segala tenaga dan kerja untuk menjaga kepentingan ummah digerakkan di bawah kerangka dan struktur jahiliyyah tanpa cuba mencari ikhtiar memecahkan kerangka dan struktur tersebut.

- iii. Menerbitkan gagasan-gagasan berdasarkan pegangan untuk kembali kepada idealisma umat Islam yang sebenar, yang mana kita sentiasa mencari jalan untuk menggerakkan inisiatif-inisiatif individu, keluarga, kelompok dan jemaah bagi mencapai idealisme tersebut.

4. *Menggerakkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dapat menarik kembali rahmat Allah atas ummah sejagat*

- i. Menganjurkan majlis-majlis solat hajat dan taubat beramai-ramai dengan matlamat memohon kepada Allah SWT supaya dipulangkan sistem Khilafah dan Raja-Raja Islam yang berdaulat kepada UMMAH.
- ii. Menganjurkan majlis-majlis zikir, ilmu, tahlil, ratib-ratib, haul-haul dan sebagainya sebagai aktiviti-aktiviti masyarakat yang dapat melawan majlis-majlis mungkar.
- iii. Menganjurkan majlis-majlis kebesaran Islam seperti Maulidur Rasul, Tahun Baru Hijrah, Hari Asyura, Aidul Fitri dan Aidul Adha yang dipenuhi dengan hiburan berunsurkan Islam seperti marhaban, qasidah, nasyid, hadrah, nazam dan sebagainya sebagai alternatif kepada masyarakat yang ingin berekreasi dan bersosial dalam majlis-majlis yang penuh barakoh disamping dapat meraih ganjaran pahala dari Allah.
- iv. Menganjurkan amalan tariqat/tasawuff yang merupakan salah satu sendi kekuatan ummah yang sebenar dan suburkan majlis-majlis tariqat yang diketuai oleh syeikh-syeikh tariqat yang mursyid. Membidas tohmahan sebahagian ulamak moden yang menuduh semua ajaran tariqat sebagai bidaah sesat.

Bab 12

Satu seruan:

“ Keluarkan sifat Yahudi dari hatimu ”

Kami pernah mendengar suatu kisah yang diceritakan oleh seorang sahabat. Bahawa seorang kenalannya telah bermimpi bertemu dengan Nabi Musa AS. Dalam mimpi tersebut kenalannya itu telah mengadukan tentang tragedi umat Islam hari ini yang begitu parah, lalu meminta nasihat baginda apakah cara terbaik yang dapat memulihkan kecelakaan ini.

Apabila mendengar keluhan sahabat tersebut, Nabi Musa AS yang terkenal dalam sejarah Nabi-nabi sebagai seorang Rasul yang berperibadi tegas telah menunjukkan kemarahan baginda yang amat, lantas berkata:

“Sesungguhnya jikalau umat Islam hendak menyelesaikan masalah mereka, maka keluarkanlah sifat Yahudi dari hatimu!! ”

Peristiwa ini bukanlah cerita rekaan melainkan benar-benar terjadi sekitar beberapa tahun yang lalu kepada seorang mukmin yang sedang keluar di jalan Allah. Pada mula mendengar kisah mimpi tersebut, kami kurang faham tentang maksud nasihat Nabi Musa AS itu. Bagaimanapun setelah membuat kajian yang mendalam dan menghalusi sejarah orang-orang Yahudi dari berbagai sudut serta tipudaya dan dominasi mereka yang mencengkam seluruh jagat raya pada zaman ini, maka barulah kami faham betapa relevannya nasihat yang disampaikan oleh Nabi Musa AS itu kepada umat Islam masakini.

Hakikatnya, kerana terbelenggu dengan sistem-sistem sekular ciptaan *Yahudi wa Nasara* selama berabad-abad lamanya, umat Islam telah mengambil sikap dan perangai buruk orang-orang Yahudi, khususnya dalam bab suka ‘MENCARI HELAH’ dan ‘BERSIKAP SAMAR’. Kebanyakan orang-orang Yahudi sangat gemar memutarbelitkan perkataan-perkataan mereka serta bersikap samar kerana dari zaman Nabi-nabi dahulu mereka tidak suka mengikut perintah-perintah Allah. Kerana perintah-perintah Allah mengekang hawa nafsu mereka, oleh itu kaum Yahudi sentiasa mencari helah supaya dapat melanggar segala perintahNya tanpa dilihat keji di mata orang-orang lain.

Rasulullah SAW telahpun memberi amaran mengenai sifat orang-orang Yahudi ini;

“Janganlah kamu berbuat dosa seperti perbuatan orang-orang Yahudi, mereka menghalalkan larangan-larangan Allah dengan (membuat-buat) helah yang paling kecil. ”

(HR Abu Abdillah bin Baththah dengan sanad yang baik dan diakui oleh Tarmidzi)

Pernah kaum Yahudi mencipta berbagai jenis permainan judi dan minuman keras di Kan'an, maka apabila ditegor oleh Nabi Yushua' mengenai larangan Allah untuk berjudi dan minum arak, mereka menjawab ianya dibuat bukan untuk diri mereka, tetapi adalah untuk melalaikan kaum-kaum lain yang telah diperhambakan supaya tidak bangkit beramai-ramai menentang mereka. Apabila Nabi Yushua' mengatakan bahawa manusia bukan diciptakan Allah untuk melakukan maksiat dan kedurjanaan, jawab mereka Tuhan adalah untuk kaum Yahudi semata-mata dan bangsa-bangsa lain tidak ada kena mengena dengan hal ini!!

Sebuah Hadeeth Rasulullah SAW ada menyebut tentang satu lagi peristiwa helah kaum Yahudi :

“Allah telah melaknat orang-orang Yahudi, sesungguhnya Allah telah mengharamkan lemak ke atas mereka, lalu mereka menjualnya, kemudian memakan hasil jualannya. Dan sesungguhnya apabila Allah telah mengharamkan memakan sesuatu ke atas satu-satu kaum, maka Dia juga mengharamkan harganya keatas mereka.”

(HR Ahmad & Abu Dawud)

Perbuatan mencairkan lemak oleh orang-orang Yahudi itu adalah helah supaya mereka dapat menjual dan memakan harganya. Mereka mendakwa kononnya telah mematuhi perintah Allah yang mengharamkan lemak keatas mereka, tetapi mereka memutar belitkan perintah tersebut dengan mencairkan lemak dan mengatakan ia bukan lagi lemak lalu menjual dan memakan harganya²⁹.

Allah SWT sendiri pernah menyebut mengenai sifat putarbelit kaum Yahudi ini dalam Al-Quran sebagai peringatan :

“Dan tanyalah kepada mereka mengenai penduduk kota yang terletak di tepi laut, semasa mereka melanggar pada hari Sabtu, ketika datang kepada mereka hari Sabtu itu ikan-ikan yang kelihatan timbul di muka air sebagai cubaan, sedangkan pada hari-hari yang lain tidaklah

²⁹ Umat Rasulullah SAW telah ditegah untuk memakan daging khinzir. Maka kita tidak tergamak untuk mencari keuntungan dengan cara menjual atau membuat apa sahaja yang berkaitan dengan binatang tersebut.

pula datang kepada mereka. Demikianlah Kami menguji mereka, kerana mereka itu sentiasa berlaku fasiq.” (Al-A’raf : 163)

Ulamak tafsir ketika menafsirkan ayat ini menyebut bahawa orang-orang Yahudi memasang bubu-bubu perangkap ikan di laut pada hari Sabtu dan mengangkatnya semula pada hari Ahad. Apabila ditanya mengapa mereka tidak menta’ati perintah Allah supaya jangan menangkap ikan pada hari Sabtu, mereka menjawab :

“Kami bukan menangkap ikan pada hari Sabtu, tetapi kami menangkapnya pada hari Ahad.”

Perhatikan pula bagaimana sifat putarbelit dan kesamaran masih tetap menjadi sebahagian dari jatidiri orang-orang Yahudi sehingga pada hari ini. Setelah tertegaknya kerajaan Yahudi (haram) di Palestin dalam tahun 1948M, Perdana Menteri yang pertama enggan mengisytiharkan sempadan negara tersebut. Ianya sebenarnya menyembunyikan hasrat kepimpinan Zionisme untuk meluaskan jajahan negara Yahudi dengan merampas tanah-tanah penduduk pribumi Palestin dan kawasan-kawasan disekitarannya.

Pada mutakhir ini mereka telah mula membina tembok-tembok batu serta jaringan-jaringan besi yang tinggi dan kukuh yang membentuk lingkaran besar, alasan mereka bagi melindungi penduduk-penduduk (haram) Yahudi daripada ancaman ‘pengganas’ Islam Palestin, sedangkan apa yang sebenarnya berlaku ialah mereka telah mula membina sempadan fizikal di kawasan-kawasan orang Arab. Begitulah putarbelit orang-orang Yahudi dari zaman dahulu sehingga ke hari ini.

Mencari helah dan bersikap samar adalah taktik-taktik yang digunakan untuk bermudah-mudah dengan hukum Allah yang sering dilakukan oleh orang-orang yang suka menggunakan akal semata-mata bagi MEMBATALKAN sunnah-sunnah Rasulullah SAW. Menurut Al-‘Allamah Ibnu Al-Qayyim *rahimahullah*:

“Helah tidak dapat menghalalkan yang haram dan tidak pula mengharamkan yang halal.”

Cuba kita fikirkan mengapa orang-orang politik dimana-manapun dalam dunia moden dilabel sebagai ‘golongan yang paling tidak boleh dipercayai’. Semua orang tahu bahawa dalam sistem sekular, tidak ada konsep ahli-ahli politik yang telus dan tulus. Merekalah golongan yang paling tidak boleh diharap untuk menjaga hal ehwal dan kepentingan

umat Islam³⁰. Kebanyakan dari mereka amat suka bermudah-mudah dalam urusan-urusan agama dengan mencari berbagai helah dan bersikap samar. Mereka bermaksud untuk menghalalkan apa yang Allah telah haramkan, melonggarkan apa yang Allah telah ketatkan dan meluaskan apa yang Allah telah sempitkan. Dengan taktik helah dan kesamaran mereka, perkara-perkara yang batil diperlihatkan kepada orang-orang awam sebagai kebenaran.

Hakikatnya konsep kesamaran dan putarbelit mainan orang-orang politik sekular adalah berasal dari politik orang-orang Yahudi yang telah di '*fine tune*' untuk tempuh berabad-abad lamanya. Apabila seluruh dunia sudah dilazimkan dengan mainan politik sekular dan propaganda media Yahudi yang amat berpengaruh, umat manusia pun jadilah seperti orang-orang Yahudi, termasuklah sebahagian besar dari kalangan umat Islam. Sikap buruk tersebut menjadi pakaian daripada kepimpinan teratas sehinggalah menurun kepada rakyat awam yang akan sentiasa berhelah dan bersikap samar supaya mana-mana perintah Allah yang dirasakan agak keras atau mengekang hawa nafsu tidak perlu dipatuhi.

Sesungguhnya orang-orang yang benar-benar beriman dan bertaqwa serta alim-ulamak hakikat telah mengetahui bahawa membuat helah terhadap Allah dan agamaNya adalah tidak harus, maka barangsiapa yang melakukannya juga **dianggap telah melakukan tipudaya terhadap Allah dan RasulNya.**

Maka seperti nasihat Nabi Musa AS tadi, umat Islam perlu berikhtiar mencabut segala sifat-sifat Yahudi yang telah berakar umbi dalam diri mereka sebagai langkah paling utama dalam matlamat mengembalikan kemurnian keperibadian ummah sesuai dengan akhlak dan keperibadian yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat baginda.

Ringkasnya ada beberapa sifat yang perlu dikembalikan kepada umat Islam yang dapat mencuci bersih-bersih segala penyakit Yahudisme yang telah bersarang dalam diri mereka. Sifat-sifat yang berbentuk ubat pemulih ini dikutip daripada akhlak dan jatidiri para *salafus soleh* yang boleh dijadikan tauladan kepada umat Islam. Mudah-mudahan dengan mengamalkan beberapa sifat penting ini ianya mampu menjadi senjata ampuh yang dapat membunuh segala sifat Yahudisme yang jelek itu.

³⁰ Sedangkan ahli-ahli politik yang baik dan idealistik amat kecil bilangannya, tidak berpengaruh, dan samada akan dikorupsikan kemudiannya, 'dimuntahkan' keluar oleh sistem politik itu sendiri ataupun dikekang perjuangan mereka oleh politik arus perdana.

PERTAMA :

Mengamalkan falsafah TEGAS, TELUS, TULUS (Konsep 3T)

Sesungguhnya sifat TEGAS, TELUS, TULUS adalah keperibadian mulia para *salafus soleh* dan ianya mempunyai dua saudara kembarnya iaitu BERANI KERANA BENAR dan KALAU SALAH TOLONG TUNJUKKAN.

Sifat TEGAS yang dimaksudkan di sini ialah bertegas dalam mempertahankan kebenaran Islam, termasuk bertegas dalam mengamalkannya (iaitu tidak bersikap lunak atau *'apologetic'* dalam hal-hal keagamaan). Ianya berlawanan dengan sifat Yahudi yang suka mencari helah. Kita perlu bersikap tegas kerana ajaran-ajaran Islam itu adalah dari Allah yang tidak boleh diambil separuh dibuang separuh mengikut sesuka hati dan hawa nafsu kita. Para *salafus soleh* lebih rela dihukum sebat dan dipenjarakan daripada bersikap lunak dalam urusan-urusan agama. Pendirian dan perjuangan mereka untuk menegakkan ajaran-ajaran Islam **tanpa kompromi** di tengah-tengah kezaliman pemerintah mencetuskan semangat dan sumber inspirasi kepada ummah dan mendatangkan redho Allah.

Sifat TELUS tidak membuka ruang kepada unsur-unsur putarbelit dan kesamaran. Orang yang bersikap telus adalah orang-orang yang amanah kerana mereka tidak takut kepada penelitian mana-mana pihak kerana tidak ada apa kepentingan peribadi atau korupsi yang perlu disorokkan. Setiap perbuatannya adalah terbuka untuk sebarang tegoran membina.

Sifat TULUS pula ialah mereka yang tidak bermain dengan kata-kata. Apa yang dikatakan itulah yang dimaksudkan. Seseorang yang mempunyai sifat tersebut boleh dipegang kata-katanya kerana ia akan bertanggungjawab terhadap setiap perkataan yang dikeluarkan dan tidak berdolak-dalik.

Sesungguhnya sifat TEGAS, TELUS, TULUS yang mempunyai dua saudara kembarnya itu adalah berlawanan dengan sifat-sifat Yahudisme kerana ianya bukan sahaja dapat menzahirkan kebenaran Islam *'without fear or favour'*, malahan tidak dapat membuka ruang kepada unsur-unsur helah dan tipudaya kerana tidak wujud ruang kesamaran. Ianya juga akan mendatangkan rahmat dan keredhoan Allah kerana hati dijaga supaya sentiasa bersih dari niat-niat yang tidak ikhlas.

Kesimpulannya dalam memperjuangkan kebenaran, umat Islam perlu bersikap tegas **kerana yang diperjuangkan itu bukan kehendak-kehendak peribadi mereka yang boleh ditolak-ansur, tetapi adalah kehendak-kehendak Allah yang tidak boleh dikompromi** kerana akan

dipertanggungjawabkan di Hari Hisab kelak. Bersikap tegas dan tiada berkompromi dalam hukum-hakam agama yang telah jelas dan nyata (iaitu telah disepakati oleh jumur ulamak Ahlus Sunnah Wal Jamaah semenjak berkurun lamanya) akan menutup ruang kepada sebarang unsur-unsur helah dan tipudaya, oleh itu ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya dapat diamalkan.

Mereka juga tidak perlu takut dengan penelitian dari mana-mana pihak sebab '*berani kerana benar*'. Jikalau tidak mampu melaksanakan mana-mana perintah Allah, akui sahaja kelemahan sendiri, pasang niat akan cuba baiki diri tetapi jangan sekali-kali mencari helah atau berdolak-dalik sehingga perkara-perkara yang haram dihalalkan, yang halal diharamkan sehingga menyebabkan penyelewengan dalam hukum-hakam agama yang sebenar.

Dan demi menunjukkan ketulusan hati, umat Islam seharusnya bersedia menerima tegoran. Tiada manusia yang terlepas dari kesilapan kerana yang maksum hanya para Nabi dan Rasul. Menerima tegoran dengan berlapang dada akan membunuh sifat ego yang tidak baik serta membina sifat rendah diri yang mulia. Bagaimanapun tegoran tersebut haruslah bersifat membina, bukan atas maksud hasad atau membinasakan, mahupun yang ingin membunuh semangat dan daya juang umat Islam.

Jika dipraktikkan falsafah ini dalam kehidupan harian, insyaAllah sifat Yahudi tidak lagi berpeluang untuk bersarang dalam diri kita. Mudah-mudahan keadaan ini akan mengembalikan kehormatan dan harga diri umat Islam.

KEDUA :

Berpegang pada konsep BENAR-SALAH, bukan MENANG- KALAH atau UNTUNG-RUGI (materialisme).

Mengikut kamus *Oxford Advanced Learners* takrif 'menang' ialah menjadi paling berjaya dalam pertandingan, perlumbaan, peperangan dan sebagainya. Ianya juga bermaksud kejayaan yang berbentuk pencapaian kebendaan, kesihatan, kuasa, darjat dan sebagainya.

Sedangkan kemenangan yang hakikat ialah apabila seseorang itu dapat hidup dan mati dalam rahmat dan keredhoan Allah serta mendapat ganjaran syurga di Alam Akhirat nanti. Lebih tinggi tingkatnya di syurga bermakna lebih besarlah kemenangannya di sisi Allah SWT.

Umat Islam tidak seharusnya terpedaya dengan konsep 'menang' tafsiran orang-orang Barat kerana ia tidak mengambil kira akan kehendak-kehendak Allah sebagai Pencipta seluruh alam dan seisinya. Sesungguhnya segala kemenangan duniawi tidak mempunyai makna apa-apa jikalau kehidupan seseorang itu sentiasa dalam murka Allah dan matinya dalam keadaan kufur. *Nauzubillahiminzalik*.

Perlu ditekankan di sini bahawa kehidupan duniawi adalah terbandung di bawah konsep takdir, atau Qada' dan Qadar Allah. Ianya adalah salah satu dari iqtikad penting pengikut Ahlus Sunnah Wal Jamaah. **Bermakna manusia perlu berikhtiar tetapi hasil buruk baiknya adalah ketentuan dari Allah SWT jua.**

Contohnya dalam perjalanan sejarah umat Islam, terdapat usaha agama yang bersungguh-sungguh dilaksanakan tetapi tidak mendatangkan KEMENANGAN ATAU KEUNTUNGAN DUNIAWI, contohnya perang dengan orang-orang kafir, kadang-kadang umat Islam menang, kadang-kadang mereka kalah. Ataupun ikhtiar bersungguh-sungguh yang dilakukan oleh golongan pendakwah supaya umat Islam dapat kembali menjadi orang-orang yang bertaqwa, namun seruan mereka dipandang sepi, seolah-olah '*mencurahkan air ke daun keladi*', malahan mereka terdedah kepada cemuhan dan kutukan, silap haribulan dituduhnya sebagai pengganas. Kalau diikutkan hati, memang nak pencen dari tanggungjawab yang amat berat ini.

Hakikatnya faktor Menang-Kalah dalam urusan duniawi adalah tertakluk di bawah takdir Allah dan tidak harus dijadikan matlamat umat Islam. Kerana dalam perjalanan dunia, Allah SWT telahpun menetapkan 'skripnya', iaitu samada kita ditakdirkan hidup dalam zaman gemilang atau zaman musibah ummah, zaman turun atau zaman naiknya bangsa kita, nasib baik atau nasib buruk yang menimpa diri atau keluarga kita. Semuanya sudah tertulis di *azalli* lagi. Itulah sebabnya selain disuruh berusaha dalam hidup termasuklah berdoa, umat Islam juga diminta supaya bertawakkal (iaitu menyerah kepada Allah) serta bersabar dan redho jika ditimpa musibah kerana itu sudah menjadi ketentuannya.

Bagaimanapun dalam mengharungi penghidupan apa yang paling penting ialah mengambil prinsip **berpegang dan berjuang atas hakikat kebenaran dalam TITIK MULA, LANDASAN KERJA dan MATLAMAT. Kerana perkara inilah yang sebenarnya dinilai Allah dan menjadi faktor yang akan membawa KEMENANGAN MUTLAK DI SISINYA.**

Bermakna kemenangan/keuntungan duniawi tidak menjamin faktor kemenangan di sisi Allah, apa yang penting ialah ikhtiar

seseorang itu untuk mencari keredhoannya dalam segala urusan hidup. Selain itu ia perlu bersikap redho dan bersabar dalam pegangan serta amalan agamanya walau apapun ujian yang menimpa.

Apakah kriteria-kriteria seperti 'kalah perang', 'bilangan ahli yang sedikit', 'tidak kaya', 'tidak terkenal' 'tidak glamour' dan sebagainya patut dijadikan ukuran kemenangan atau kekalahan umat Islam? Adakah dengan keadaan imej umat Islam yang begitu hina pada hari ini dibandingkan dengan imej umat Kristian di mata kebanyakan umat manusia, bermakna agama Islam itu kalah dan agama Kristian yang menang? Kalau itulah ukurannya, bermakna teramat singkatlah pemikiran mereka, terpedayalah mereka dengan tipudaya Barat.

Soalnya, keredhoan siapakah yang kita cari, keredhoan manusia atau keredhoan Allah SWT??

Hakikatnya racun sistem sekular telah berjaya mendidik manusia untuk memandang segala-galanya dengan pandangan lahiriyah semata-mata kerana falsafah sekular tidak ada konsep pandangan batiniiyah. Maka kalau pada zaman ini umat kafir Barat sentiasa menang perang, kaya, mewah, canggih, berimej baik dan mempunyai jumlah ahli yang banyak sedangkan mereka tidak bermoral, ateis, pelaku maksiat dan tetap mati sebagai ahli kuffar, adakah bermakna mereka akan menang di sisi Allah?

Oleh itu dalam zaman yang penuh pancaroba bagi umat Islam sedunia ini, seharusnya **kita jangan terkesan** dengan keadaan yang berlaku di sekeliling dan jangan membiarkan diri kita terpesona dengan imej kemewahan, kemodenan, kecanggihan, keuntungan dan keseronokan umat kafir terutamanya umat Barat yang dipaparkan dalam media-media tajaan mereka dengan secara meluas. Begitu juga dengan kerja-kerja dakwah dan tabligh yang tidak mendapat pengikut yang ramai.

Buatlah kerja-kerja dan perjuangan agama dengan penuh ketetapan serta keikhlasan hati kerana ukuran kejayaan manusia yang sebenar adalah untuk Allah menilainya, bukan umat manusia, apalagi umat kafir Barat.

Dalam hal ini, seorang ulamak yang bernama Maulana Rashid Ahmad Gangohi jika melihat sesiapa yang berkobar-kobar bekerja untuk reformasi agama, beliau akan mengatakan kepadanya :

“Saudara, teruskan usahamu kerana kamu akan diganjari, tetapi jangan harapkan hasil kemajuan yang besar. Kerana bukan keislahan, sebaliknya kerosakan akan bertambah. Pengislahan yang berkesan

hanya akan disempurnakan oleh Imam Mahdi.³¹ (Majalah bulanan An-Noor, Thanaah Bhawan, Zulhijjah 1347M)

Dikatakan mengenai Sultan (Khalifah) Abdul Hamid dari Daulah Othmaniyyah yang bersungguh-sungguh cuba menghalang agenda Pertubuhan Zionisme mendapatkan tanah Palestin di awal abad ke 20M (seperti yang telah diceritakan sebelum ini), baginda bukan sahaja gagal dalam ikhtiar tersebut malahan Sultan Abdul Hamid pula yang digulingkan melalui pakatan Yahudi Zionisme yang kemudiannya membawa kehancuran Khilafah Othmaniyyah. Maka apabila empat orang ahli parlimen (sekular) dari bangsa Albania, Greek, Yahudi dan Armenia berjumpa dengan Sultan Abdul Hamid selepas peristiwa penggulingan dirinya sebagai Khalifah ummah, baginda tetap dapat menjaga kehormatan dan harga dirinya dengan mengulas :

“ Inilah kismet (Bahasa Arab untuk takdir),Beta tidak bersalah.³²”

Sesungguhnya apa yang berlaku kepada Sultan Abdul Hamid merupakan suatu contoh nyata bahawa konsep perjuangan BENAR-SALAH tidak menjamin kemenangan duniawi, malahan boleh membawa kepada kekalahan duniawi seperti apa yang dialami oleh Sultan Abdul Hamid sendiri. Oleh itu tepuk dada tanya selera, bolehkah umat Islam bersikap mantap dalam perjuangan menegakkan kebenaran syiar Allah di mukabumi ini tanpa menghiraukan risiko-risiko mendapat kekalahan duniawi?? Kalau kena pada takdirnya, beruntunglah kita, menang dunia, menang akhirat, tetapi kalau kita ditakdirkan hidup dalam zaman fitnah seperti hari ini, apakah kita mampu berteguh hati dalam kerja-kerja agama tanpa berkompromi?

Dalam lain perkataan, pada zaman Mulkan Jabariyyan hari ini yang mana kerajaan-kerajaan menyeleweng mendapat segala kekuatan dan kegemilangan duniawi, sanggupkah umat Islam tetap teguh perjuangankan KEBENARAN ISLAM yang boleh mendedahkan mereka kepada KEKALAHAN DUNIAWI?? Bukanlah pula bermakna sudah tentu

³¹ Kata-kata tersebut merujuk kepada usaha pemulihan Islam dalam zaman Mulkan Jabariyyan (zaman tertegaknya kerajaan-kerajaan menyeleweng) yang menjadi Qada' dan Qadar Allah itu. Bermakna bagi sesiapa yang berhasrat untuk melihat pemulihan Islam pada zaman tersebut atas kerja agama yang dibuat, mereka akan dikecewakan. Kerana hanya selepas berakhirnya zaman Mulkan Jabariyyan barulah muncul zaman pemulihan Islam secara menyeluruh (Zaman Al-Mahdi dan Nabi Isa). Oleh itu falsafah yang harus dipegang dalam zaman Mulkan Jabariyyan ialah, buat sahaja usaha agama dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas, jangan mengalah walaupun tidak nampak hasil usaha yang dikerjakan. Apa yang paling penting ialah usaha yang dibuat itu menepati kehendak Allah yang mendatangkan keredhoanNya. Dalam lain makna, pegang kepada falsafah Benar-Salah, bukan Menang-Kalah atau Untung-Rugi (materialisme).

³²Zariana Abdul Rahman; *'Hitler & The Wandering Jew, Al-Ahad Enterprise'*, 1994, hlm 30. Sultan Abdul Hamid telah menunaikan tanggungjawab baginda sebagai Khalifah umat Islam dan redho dengan qada' dan qadar Allah yang tidak dapat ditolak. Itulah lambang keteguhan iman seorang pemimpin ummah. Mudah-mudahan Allah SWT mengganjari usaha baginda.

mereka akan kalah, tetapi risikonya ada kerana segalanya adalah di bawah qada' dan qadar Allah SWT.

Sabda Rasulullah SAW :

*“Maka barangsiapa yang hidup (lama) diantaramu nescaya akan melihat perselisihan (faham) yang banyak. Ketika itu pegang teguhlah sunnahku dan sunnah Khalifah Rasyidin yang diberi hidayah. **Pegang teguhlah itu dan gigitlah dengan gerahammu.**”* (HR Abu Dawud)

Kita perlu merenung dan mengambil iktibar dari peristiwa seorang sahabat Rasulullah SAW yang bernama Abdullah bin Rawahah RA yang pernah berpesan kepada tentera Islam dalam menghadapi ancaman peperangan dari tentera Romawi yang jauh lebih banyak jumlahnya beserta dengan kelengkapan perang yang lebih hebat dan canggih daripada mereka. Dengan penuh semangat, Abdullah berkata:

“ Wahai sahabat-sahabatku sekalian! Apa yang membimbangkan kamu? Apakah alasan kamu semua ke mari? Bukankah kamu semua datang semata-mata dengan tujuan untuk mati syahid? Kita pejuang-pejuang Islam tidak pernah berjuang dengan kekuatan senjata dan bilangan tentera. Kita berjuang semata-mata kerana Islam yang telah dimuliakan oleh Allah SWT atas setiap kita, para pejuang agamaNya. Kita mesti memastikan salah satu daripada mana-mana kejayaan ini; kemenangan atau mati syahid!!”

Sesungguhnya umat Islam perlu mendidik semula diri kita supaya sentiasa lazim mencari keredhoan Allah, bukan keredhoan manusia atau mencari ‘glamour’ untuk peribadi sendiri. Ini termasuklah juga mengelakkan diri dari membuat amalan-amalan yang dianggap sebagai mencari keredhoan Allah tetapi hakikatnya Allah tidak redho seperti mengambil bahagian dalam sistem politik sekular walaupun tindakan tersebut akan menjadikan diri kita tidak popular.

Umat Islam perlu membetulkan semula sikap dan pendirian kita dalam perjuangan dan kerja agama, iaitu seperti kata Abdullah bin Rawaha RA:

“Kita berjuang semata-mata kerana Islam yang telah dimuliakan oleh Allah SWT atas setiap kita, para pejuang agamaNya”..

Sesungguhnya ungkapan Abdullah bin Rawahah ini amat bertepatan dengan Firman Allah yang maksudnya :

“ Suruhlah mereka berperang untuk agama, dan mahu menukar penghidupan yang sekarang dengan penghidupan di Akhirat kelak, kerana bagi mereka yang berperang di jalan Allah, baik ia gugur mahupun menang dalam peperangan itu, sebenarnya Kami akan memberikan kepadanya suatu ganjaran yang besar. ” (An-Nisa’: 74)

Biarlah daripada sudut pandangan lahiriyyah kita nampak tidak menang. Biarlah bilangan ahli kita kecil, kekayaan kita tidak melimpah ruah, nama kita tidak dikenali, perjuangan kita tidak ‘*glamour*’, ikhtiar reformasi kita dipandang sepi dan sebagainya. Asalkan *nawaitu* betul, membuat usaha yang beristiqamah dan bersungguh-sungguh untuk kepentingan agama, itulah yang dipandang Allah SWT serta menentukan menang atau kalahnya seseorang mukmin itu di sisiNya.

Imam Hassan Al-Basri pernah menyatakan: *“Hendaklah kamu bersabar bersama dengan Ahlus Sunnah walaupun bilangan mereka sedikit di zaman dahulu dan sekarang. Mereka telah mempertahankan sunnah hingga ke akhir hayat.”*

Di Hari Akhirat esok sama-samalah kita saksikan siapa yang sebenarnya menang, orang-orang kafirkah atau orang-orang Islam yang sejati !!

Kesimpulannya umat Islam harus mengambil iktibar daripada pesanan yang disampaikan oleh Nabi Musa AS melalui mimpi seorang mukmin. Tidak kisahlah samada mereka mahu percaya ataupun tidak dengan kebenaran mimpi ini, tetapi nasihat tersebut tetap relevan bagi golongan yang ingin mencari formula yang sesuai dalam mengharungi liku-liku zaman fitnah masakini.

Maka antara yang paling sesuai adalah dengan mendidik kembali umat Islam untuk mengamalkan sifat, akhlak dan amalan *salafus soleh* kerana Rasulullah SAW sendiri pernah bersabda mengenai golongan ini bahawa:

“ Sebaik-baik umat ialah umat di kurun aku, kemudian umat dikurun selepas kurunku, kemudian umat dikurun selepas kurun itu.”

Semoga Allah SWT memenuhi hati-hati umat Islam dengan ilmu hakikat dan makrifat serta meluruskan lidah-lidah mereka dengan kebenaran dan hikmah. Ameen.

DOA KEMENANGAN

Segala puji bagi Allah
Pujian hakNya. Kepunyaan-Nya pujian yang banyak.

Ya Allah !

Kurniakan pada kami kemudahan untuk taat menjauhi maksiat,
meluruskan niat dan mengetahui kemuliaan.
Muliakan kami dengan hidayah dan istiqamah,
Luruskan lidah kami dengan kebenaran dan hikmat,
Penuhi hati kami dengan ilmu dan makrifat,
Bersihkan perut kami dari haram dan syubhat,
Tahani tangan kami dari kezaliman dan perampasan,
Tundukkan pandangan kami dari kemaksiatan dan pengkhianatan,
Palingkan pendengaran kami dari ucapan yang sia-sia dan umpatan.

Kurniakan kepada ulamak kami kezuhudan dan nasihat,
Pada para pelajar kesungguhan dan semangat,
Pada para pendengar kepatuhan dan peringatan,
Pada kaum Muslimin yang sakit kesembuhan dan ketenangan,
Pada kaum Muslimin yang meninggal kasih sayang Allah dan rahmat,
Pada orang-orang tua kami kehormatan dan ketenteraman,
Pada para pemuda penyesalan dan taubat,
Pada para wanita rasa malu dan kesucian,
Pada orang-orang kaya rendah hati dan kemurahan,
Pada orang-orang miskin kesabaran dan kecukupan,
Pada para pejuang kemenangan dan penaklukan,
Pada para tawanan kebebasan dan ketenangan,
Pada para pemimpin keadilan dan kasih sayang,
Pada seluruh rakyat kejujuran dan kebaikan akhlak,
Berkatilah para jemaah haji dan para penziarah dalam bekal dan nafkah,
Sempurnakan haji dan umrah mereka dengan kurnia dan rahmatMu,
Selawat Allah dan SalamNya ke atas junjungan kami Nabi Muhammad
dan keluarganya serta sahabatnya dan kepujian itu bagi Allah Tuhan
sekalian alam.

Ameen Ya Rabbal 'Alameen.

(Dipetik dari buku Jalaluddin Rakhmat, *'Rintihan Suci Ahli Bait Nabi; Doa Kumail, Munajat dan Doa Harian'*, PT Remaja Rosdakarya, Indonesia, 2002)

Bahagian Keempat ;

LINTASAN SEJARAH
DUNIA MELAYU

Bab 13: **Berbangsa Fitrah Manusia**

Sebelum kita mengupas sejarah Melayu dan beberapa aspek kemelayuan, kita perlu menjawab persoalan pihak yang bertanya apakah Islam memberi ruang kepada fitrah sesuatu bangsa, dan tidakkah pengkajian sesuatu bangsa umat Islam itu boleh menimbulkan sifat *Assobiyyah* yang diharamkan oleh ajaran Agama Islam?

Sifat *Assobiyyah* sempit adalah sifat yang meletakkan semangat perkauman dan kedaerahan di tahap paling atas sekali mengatasi semangat persaudaraan Islami sejagat yang tulen. Sifat ini sangat dibenci dan diharamkan dalam Islam kerana ia bukan sahaja menghalang kesatuan dan perpaduan ummah, malahan boleh menimbulkan permusuhan dan pecah belah yang amat memudaratkan kepentingan Islam.

Bagaimanapun pengkajian mengenai sesuatu bangsa umat Islam itu BUKAN untuk mengajar masyarakatnya mengamalkan sifat *Assobiyyah*. Hakikatnya, mencari ilmu pengetahuan tentang fitrah sesuatu bangsa adalah terbendung dalam ajaran Islam serta mempunyai banyak menafa'atnya.

Perhatikan Firman Allah SWT :

" Wahai manusia, sungguh kami ciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan, dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling kenal mengenal".
(Al-Hujurat: 13)

"Dan diantara tanda-tanda kekuasaanNya ialah menciptakan langit dan bumi, dan berlainan bahasa dan warna kulitnya. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda bagi mereka yang mengetahui. "
(Ar Rum: 22)

Khalifah Umar Al-Khattab pernah berkata: *"Pelajarilah asal usul keturunanmu dan janganlah jadi seperti orang Nabatea dari Mesopotamia yang apabila ditanya tentang asal usulnya menjawab: "Saya berasal dari desa si anu dan anu. "*

Setiap bangsa mempunyai keunikan tersendiri. Umpama unit-unit keluarga yang mempunyai identiti, fitrah, citarasa, persepsi, perspektif dan adat kelaziman berbeza. Begitulah perumpamaan sesuatu bangsa yang mana perkembangan ahli-ahli `keluarga' bangsa itu dibentuk dan

disuburi oleh unsur-unsur yang dikongsi bersama secara turun temurun seperti genetik, kedaerahan, sejarah, latarbelakang, adat-resam, hubungan dan kejiwaan serta falsafah, nilai, kepercayaan dan agama yang membentuk, mencorak, mewarnai serta meletakkan hala tujunya. Perkara-perkara inilah yang mengidentikkan seseorang manusia itu kepada bangsanya.

Bangsa-bangsa umat Islam di zaman dahulukala tetap menyimpan adat dan budaya masing-masing yang tidak bercanggah dengan prinsip serta amalan Islam. Kerana Agama Islam TIDAK MEMBATALKAN segala kebudayaan dan tamaddun jahiliyyah bangsa-bangsa manusia, tetapi hanya menyucikannya dari amalan khurafat dan tahyul serta meminda dan memperbaiki mana-mana yang penting supaya dapat disesuaikan dengan konsep tauhid, akhlak dan syariat Islam.

Dengan berkembangnya pengaruh Islam dalam adat, adab dan kebudayaan manusia, maka lahirlah bangsa-bangsa umat Islam yang menyerapkan unsur-unsur kejiwaan, kesenian dan nilai estetika Islam dalam budaya dan tamaddun masyarakat mereka. Contohnya, orang-orang Melayu mempunyai tulisan Jawinya yang menggabungkan Bahasa Melayu dengan tulisan yang bercirikan huruf-huruf Arab, pakaian baju Melayu bagi lelaki dan baju kurung serta tudung (atau kubung) yang menutup aurat bagi perempuan adalah memenuhi tuntutan Islam namun tetap tidak menghilangkan ciri budaya keMelayuannya, keunikan peradaban dan peradatan Bangsa Melayu yang memenuhi citarasa dan kejiwaan bangsa ini rata-rata terbandung dalam batasan ajaran Islam. Begitu juga dengan Raja-Raja Melayu sebagai wakil Allah kepada bangsanya selain menjadi tonggak adat. Bendahara adalah Menteri Tafwidz dalam Islam, tetapi unik untuk Bangsa Melayu yang memenuhi keperluan adat serta menghormati kedudukannya dalam warisan sejarah Bangsa Melayu.

Begitu juga bagi bangsa-bangsa umat Islam lain yang sudah tentunya mempunyai adat resam, budaya, kesenian dan jatidiri masing-masing secara tersendiri. Kemunculan Islam di negeri-negeri ini telah menghasilkan adat dan budayanya yang tidak menghilangkan citarasa, budaya dan adat kelaziman masyarakat-masyarakat tempatan. Contohnya Bangsa Gujerati mempunyai tulisan Urdunya yang dipengaruhi oleh tulisan Arab, Bangsa China mempunyai tulisan khat Arab yang dipengaruhi tulisan China, begitu juga dengan binaan masjidnya. Bangsa-Bangsa Yaman, Mesir, Palestin, Turki, Bosnia, Afghanistan, Moro, Uzbekistan, Chechnya dan banyak lagi adalah bangsa-bangsa umat Islam yang mempunyai adat, adab dan budaya yang tersendiri, namun tetap terbandung dalam ajaran Islam dan tulisan

asal merekapun dibina dari huruf-huruf Arab seperti tulisan Jawi kita.

Sesungguhnya Agama Islam itu unik, fitrah, syumul dan bersifat universal kerana ia memberi ruang pada bangsa-bangsa untuk mengamalkan adat, budaya dan resam mereka yang fitrah dalam batasan yang diharuskan oleh agama. Kerana dalam ajaran Islam, konsep *makruf* (kebaikan) dan *jaiz* (harus) memenuhi suatu ruang lingkup yang besar dan bersedia memberi ruang pada adat resam serta undang-undang tempatan yang serasi pada kejiwaan, kelaziman serta kepercayaan yang harus ada bagi sesebuah masyarakat itu.

Dan dalam konteks ini, ajaran Islam juga memberi ruang kepada raja-raja asal dari kelompok sesuatu bangsa itu yang telah memeluk Agama Islam, untuk meneruskan urusan pemerintahan serta adat resam bangsanya selama mana ianya terbendung dalam batasan syariat. Perkara ini tidak terangkum dalam sifat-sifat *Assobiyyah*. Rasulullah SAW sendiri amat menghormati dan memuliakan pemuka-pemuka masyarakat, ketua-ketua kabilah dan raja-raja. Manamana pemerintah yang memeluk Islam kini dianggap sebagai wakil Allah dan RasulNya serta diizinkan untuk meneruskan pemerintahan atas kabilah atau bangsa mereka, kali ini dengan bimbingan alim-ulamak (sahabat-sahabat Rasulullah SAW), diberi tugas sebagai pembimbing ketua-ketua kabilah dan raja-raja dalam urusan agama.

Sedangkan dalam sesebuah Daulah Islam, urusan dakwah, ekonomi, sosial, pentadbiran, kebajikan, pertahanan, kemasyarakatan dan sebagainya, bangsa-bangsa umat Islam yang bernaung di bawah rajanya adalah sama rata dan sama rasa yang terikat pada persaudaraan Islami, atau ukhuwwah Islamiyyah sejagat dan tidak terbatas pada kelompok kaum atau daerah.

Rasulullah SAW pernah bersabda : *"Tidak ada sebarang kelebihan bagi bangsa Arab atau bangsa bukan Arab di sisi peraturan Islam"*.

Semangat ukhuwwah Islamiyyah yang tinggi jelas tertonjol di zaman Kesultanan Melayu Melaka yang mana orang-orang Islam dari bangsa Arab, Farsi, Gujerati, Malbari, Jawa, China dan lain-lain lagi semuanya hidup dalam keadaan harmoni dan sejahtera di bawah naungan Raja-Raja Melaka. Malahan apabila Melaka diserang Portugis, saudagara-saudagar Islam ini banyak membantu dalam mempertahankan kota Melaka dari serangan pihak Portugis yang bertubi-tubi sedangkan penduduk kafirin telah sedia memalingkan semangat setia kawan daripada Raja Melaka kepada pihak Portugis!!

Sejarah umat Islam juga jelas membuktikan bahawa di zaman wujudnya sistem Khilafah dan wakil-wakilnya, umat Islam tetap

bersatu-padu dan mendokong antara satu sama lain dalam semangat persaudaraan Islam yang kukuh. Perbezaan adat resam, jatidiri dan budaya tidak sedikit pun menghalang bangsa-bangsa umat Islam untuk menjadi saudara seagama yang sejati. Sebagai sub-sistem dalam rangkaian Khilafah Islamiyyah, hubungan akrab yang terjalin diantara Daulah-Daulah Islam telah mampu dimenafa'atkan melalui hubungan perdagangan, diplomatik, dakwah dan tabligh, pengajian mahupun ketenteraan.

Hakikatnya, semangat *Assobiyyah* mulai tercetus melalui perencanaan kuasa-kuasa Barat di awal abad ke 20M yang cuba memecah belahkan kesatuan dan perpaduan umat Islam sedunia. Penjajah-penjajah Barat yang ditakdirkan menjajah hampir kesemua negara-negara Islam dan melumpuhkan pusat Khalifah Islam di Istanbul bukan sahaja telah mengenalkan sistem sekular, tetapi juga telah mendidik dan menggalakkan gerakan-gerakan pembebasan Daulah-Daulah Islamiyyah dibuat dalam semangat kebangsaan atau *Assobiyyah* yang sempit.

Semenjak itu, umat Islam tidak lagi dapat bersatu dalam semangat persaudaraan Islami sejagat yang sejati, tetapi berpecah-belah mengikut semangat perkauman dan kedaerahan yang sempit dan melampau. Perkara ini diburukkan lagi dengan sistem persempadanan negara-negara Islam yang dipaksakan oleh kuasa-kuasa Barat sehingga umat Islam sedunia tidak lagi bebas untuk menjalin hubungan akrab atas kepentingan Islam kerana dikongkong oleh sistem birokrasi yang renyah, dikawal, memakan masa dan berbelit-belit.

Pertahanan Umat Islam

Persaudaraan sesama Islam dalam semangat unit-unit anggota badan adalah diwajibkan atas setiap umat Islam mengatasi semangat perkauman dan kedaerahan. Bagaimanapun dari sudut akal dan ilmiyyah tidaklah dapat dinafikan bahawa ikatan emosi dan semangat kekitaan yang kuat adalah fitrah semulajadi yang wujud pada sesuatu bangsa itu. Sebagaimana semangat kekitaan yang wujud atas semangat kedaerahan, kekampungan mahupun kekeluargaan.

Cuma apa juga semangat kekitaan yang wujud haruslah terbencong dalam ajaran Islam. Umpama fitrah seorang wanita adalah lebih kepada anak-anaknya dari suaminya sendiri, tetapi ia perlu mengutamakan suaminya. Ataupun fitrah lelaki adalah lebih pada isterinya tetapi ia wajib mengutamakan ibunya.

Ringkasnya, semangat kekitaan dan ketaatan dalam kelompok bangsa sendiri merupakan fitrah manusia sebagai suatu bentuk pertahanan semulajadi bagi bangsa itu. Bagaimanapun kedatangan Islam telah mengajar bahawa yang lebih perlu diutamakan daripada kelompok bangsa ialah kelompok agama, kerana pertahanan Agama Islam lebih penting daripada segala pertahanan yang lain di dunia ini. ukhuwwah Islamiyyah perlu mengatasi semangat perkauman bagi mewujudkan kesatuan hati dan perpaduan yang akrab diantara bangsa-bangsa umat Islam sejagat bagi kepentingan agama Allah ini.

Bagaimanapun, hakikatnya semangat perkauman dan kedaerahan yang bersifat fitrah itu boleh menjadi PERTAHANAN KEDUA bagi bangsa-bangsa umat Islam selepas semangat persaudaraan Islam sejagat yang tulen sebagai PERTAHANAN PERTAMA. Pertahanan pertama dan terutama ini, iaitu pertahanan agama adalah tuntutan Allah supaya ummah sejagat, tidak kira dari bangsa apapun dapat bersatu hati dalam urusan dunia dan kerja-kerja agama. Pertahanan kedua, iaitu pertahanan bangsa pula merupakan fitrah manusia sebagai menjaga bangsa-bangsa mereka dari unsur-unsur pengkhianatan dan pencabulan yang boleh menghancurkan bangsa.

Dalam keadaan dimana kerangka, struktur dan falsafah Islam yang sebenar dapat ditegakkan dalam pemerintahan umat Islam, contohnya di zaman Rasulullah SAW dan Khilafah Islamiyyah, tidak banyak golongan munafik yang wujud, maka persaudaraan ukhuwwah Islamiyyah yang tulen dan sejati dapat diwujudkan³³. Persaudaraan Islami sejagat yang kukuh ini mampu menjaga kepentingan agama Allah dengan baiknya.

Bagaimanapun di zaman pasca Khilafah, iaitu zaman Mulkan Jabariyyan (atau Zaman Fitnah) seperti yang wujud hari ini, kerangka, struktur dan falsafah pemerintahan Islam rata-rata telah dihapuskan dan diganti dengan pemerintahan bercorak Barat. Pemerintahan yang bukan fitrah kepada umat Islam ini telah berjaya melahirkan ramai golongan munafik dan pengkhianat yang mengguna pakai imej Islam untuk mencari kepentingan peribadi atau kelompoknya.

Maka dalam hal ini, persaudaraan Islamiyyah sejagat yang suci dan sejati seringkali diSABOTAJ oleh golongan munafik dan pengkhianat yang menggunakan imej Islam untuk memperdaya ummah dengan maksud menghancurkan bangsa dan agama dari

³³ Dalam konteks masyarakat Melayu, perkara ini dapat dibuktikan di zaman Kesultanan Melayu Melaka. Bangsa-bangsa umat Islam yang datang ke Melaka menjalin hubungan yang akrab dan mesra diantara satu sama lain di bawah payungan Raja Melaka. Malahan apabila kota Melaka diserang Portugis, mereka sama-sama menolong Raja Melaka mempertahankan kesultanan baginda. Tidak timbul langsung soal kepentingan bangsa semata-mata dalam hal ini.

dalam. Di sinilah semangat perkauman menjadi pertahanan semulajadi kepada bangsa tersebut bagi menepis ancaman tipu daya golongan munafik dan pengkhianat. Kerana sudah sedia diketahui, secara amnya di atas perkongsian rumpun seketurunan, sejarah, latarbelakang, jatidiri, emosi dan semangat kekitaan yang kuat, secara amnya saudara sebangsa tidak sanggup mengkhianati bangsanya sendiri.

Malahan dalam konteks pengamalan masyarakat Melayu, semangat perkauman juga mampu menjadi pertahanan kedua yang ampuh kepada pegangan, kepercayaan dan amalan agama kita, kerana sudah sedia maklum bahawa bagi kita *'Melayu itulah badan dan Islam itulah nyawa'* dan *"Melayu itu Islam, Islam itu Melayu"!*

Kesimpulannya, semangat persaudaraan dan kesatuan Islamiyyah sejagat merupakan suatu kewajipan utama bagi bangsa-bangsa umat Islam yang berfungsi sebagai bentuk pertahanan Islam yang pertama. Sedangkan semangat perkauman yang bersifat fitrah itu boleh dijadikan sebagai pertahanan kedua, iaitu sebagai pertahanan kepada bangsa-bangsa umat Islam sendiri. **Pertahanan kedua diperlukan apabila pertahanan pertama terbolos dengan wujudnya unsur-unsur pengkhianatan atau kemunafikan yang dicetuskan oleh musuh-musuh agama dan bangsa.** Dan dalam konteks umat Melayu, pertahanan kedua ini mampu menjadi pertahanan tambahan kepada Islam di atas identiti Bangsa Melayu sendiri yang telah lama bersatu dan lebur dalam kejiwaan, falsafah, pegangan dan amalan Islam.

Bab 14 :

Mengenali Ciri Melayu & Kemelayuan Dari Perspektif Tradisional

Istilah 'bangsa' merujuk kepada persamaan satu kumpulan manusia dari aspek pegangan adat istiadat, bahasa, jatidiri dan tempat asal. Ciri-ciri lain seperti etnik, pegangan, falsafah dan agama juga seringkali menjadi ciri-ciri yang dikongsi bersama oleh sesuatu bangsa tetapi ianya tidak bersifat mutlak.

Dalam konteks asal-usul orang-orang Melayu (bukan 'bangsa' Melayu) yang diukur melalui neraca etnik, sarjana antropologi/ethnologi Barat telah merujuk kepada rumpun Melayu sebagai kumpulan manusia yang tinggal di kawasan Asia Tenggara dan kepulauan Pasifik yang bertutur dalam kumpulan bahasa Malayo-Polinesia. Para sarjana Barat ini telah mengemukakan satu teori bahawa bangsa pribumi Nusantara berasal dari satu nenek moyang berbangsa Monggol yang datang dari daerah Yunan yang kemudiannya berpindah ke Indo Cina, Kemboja dan kepulauan Nusantara. Mereka datang dalam dua gelombang diantara tahun 2500 hingga 1500 sebelum Masihi.

Kumpulan yang pertama dipanggil Melayu Proto dan yang kedua dipanggil Melayu Deutro. Kedatangan kumpulan kedua, iaitu Melayu Deutro ke Alam Nusantara telah menghalau kumpulan pertama, iaitu Melayu Proto ke kawasan gunung dan hutan rimba. Golongan Melayu Proto ini disebut sebagai nenek moyang kepada masyarakat orang asli, sementara Melayu Deutro dikatakan nenek moyang orang-orang Melayu hari ini.

Golongan Melayu Proto dan Melayu Deutro walaupun dikatakan sebagai nenek moyang Bangsa Melayu, tetapi mereka sendiri tidak boleh diistilahkan sebagai Bangsa Melayu kerana pada masa itu belum mempunyai ciri-ciri kelayakan tertentu seperti beragama Islam, berbahasa Melayu (Jawi) dan mengikut tamadun Melayu-Islam.

Istilah Bangsa Melayu dan Bahasa Melayu (Jawi) seperti yang kita kenal hari ini diasaskan oleh Kesultanan Melayu Melaka pada awal abad ke 15M. Negeri Melaka dibuka oleh Parameswara yang berasal dari kerajaan Melayu Palembang. Pada masa itu tanah Semenanjung ini belum lagi dikenal sebagai Tanah Melayu. Kedatangan Parameswara dan para pengikutnya ke Melaka adalah dengan membawa beberapa adat istiadat kerajaannya di Palembang termasuklah Bahasa Melayu.

Apabila kerajaan Melaka menerima Islam, adat-istiadat dan tamadun Melayu Palembang telah melalui proses penerapan nilai-nilai Islam. Kerajaan Melaka kemudiannya telah memperluaskan empayarnya meliputi hampir keseluruhan tanah Semenanjung dan bahagian utara pantai Sumatera, dan telah membawa agama, adat istiadat dan bahasa kerajaannya pada kawasan-kawasan yang takluk bawah empayarnya itu. Dari sinilah teretusnya suatu bangsa yang digelar Bangsa Melayu iaitu yang mempunyai persamaan dari aspek asal-usul atau etnik, agama, bahasa dan adat istiadat.

Apabila orang-orang Melayu berkahwin pula dengan orang luar, maka terbentuklah istilah anak peranakan, iaitu anak yang lahir hasil perkongsian hidup mereka.

Ringkasnya, mengikut tafsiran leluhur orang-orang Melayu hari ini, ciri-ciri yang perlu ada pada seorang yang berbangsa Melayu adalah seperti berikut;

- i. **Faktor etnik (asal-usul keturunan):** Berasal dari rumpun Melayu (iaitu ProtoMelayu dan Deutro-Melayu).
- ii. **Faktor tempat asal-usul:** Tinggal di kawasan Asia Tenggara
- iii. **Faktor agama :** Beragama Islam
- iv. **Faktor adat:** Berbahasa Melayu dan beradat istiadat Melayu
- v. **Faktor nasab :** Daripada sebelah ayah
- vi. **Faktor percampuran darah :** Bagi orang Melayu yang berkahwin dengan orang asing (tidak kira samada lelaki atau perempuan), anak-anaknya disebut sebagai anak peranakan atau separuh Melayu contohnya peranakan India, China, Arab dan sebagainya. Jika anak-anak peranakan ini kemudiannya berkahwin juga dengan orang Melayu (lelaki atau perempuan), zuriat hasil dari perkahwinan ini barulah menjadi orang Melayu (asli).

Bagaimanapun, apabila penjajah Belanda dan Inggeris muncul aktif di Alam Nusantara mulai abad ke 18 Masihi, mereka pada awalnya telah mengistilahkan semua penduduk rantau ini yang mempunyai warna kulit, profil tubuh yang sama dan mengambil Bahasa Melayu sebagai *lingua franca* sebagai Bangsa Melayu³⁴.

³⁴ Tengku Luckman Sinar, 'Jati diri Melayu' ; *Pengajian sastera dan sosiobudaya Melayu memasuki alaf barn'*, editor Hasyim Awang AR, Zahir Ahmad, Zainal Abidin Borhan, 1998, hlm 497

Ini adalah suatu kesilapan besar kerana penjajah Belanda dan Inggeris gagal membezakan diantara tafsiran kelompok 'bangsa' dan kelompok 'etnik' .

Kesilapan ini kemudiannya disedari oleh segolongan ahli akademik dan sejarawan moden belakangan, lalu menilai semula tafsiran 'Bangsa Melayu' dengan mengambil kira sejarah kemunculan Islam di rantau ini yang membentuk kesultanan-kesultanan Islam, dipersatukan oleh pegangan hukum ADAT dan SYARIAT yang seragam serta penggunaan Bahasa Melayu yang bersifat *lingua franca* itu. Natiujahnya terbentuklah suatu tafsiran Bangsa Melayu dari perspektif mereka, iaitu '*Seseorang itu disebut Melayu apabila ia beragama Islam, berbahasa Melayu sehari-hari dan beradat-istiadat Melayu*'³⁵.

Tafsiran ini kemudiannya menjadi tafsiran politik apabila ianya diambil sebagai tafsiran Bangsa Melayu dalam Perlembagaan Malaysia. Fasal 160 menyebut: '*Melayu adalah seorang yang menganut Islam, lazimnya bercakap Bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu*'.

Malangnya, tafsiran ini telah membuang terus ciri etnik dan tempat asal sebagai ciri-ciri lain yang perlu ada pada Bangsa Melayu yang menyebabkan istilah tersebut menjadi begitu longgar dan membuka ruang kepada sesiapa saja untuk menjadi orang Melayu. Tafsiran ini telah menyamatarafkan seseorang etnik Melayu yang mempunyai sejarah nenek moyangnya yang berumur lebih seribu tahun di Alam Nusantara dengan katakan, seorang China atau India yang baru berada di Malaysia tidak lebih dari dua atau tiga generasi tetapi telah memeluk agama Islam, petah berbahasa Melayu dan mengamalkan adat Melayu dalam kehidupannya tetapi langsung tiada darah etnik Melayu.

Adakah mereka boleh dikatakan berbangsa Melayu sedangkan sedikit pun tidak mempunyai percampuran darah dengan orang Melayu? Sedangkan adat Melayu juga pada hari ini telah menjadi samar kerana secara berperingkat digantikan dengan adat dan budaya Barat, maka membuka lebih banyak ruang untuk sesiapa sahaja mengaku dirinya sebagai orang Melayu. i

³⁵ Perkataan '*masuk Islam = masuk Melayu*' sering dirujuk kepada orang kafir yang masuk Islam di Tanah Melayu. Istilah Melayu di sini lebih merujuk sebagai suatu tafsiran konsep atau falsafah. Oleh itu apabila seseorang kafir dari bangsa yang bukan berasal dari rumpun Melayu menganuti Agama Islam, ia sering dikatakan masuk Melayu kerana ia akan juga mengambil tamaddun Melayu-Islam, iaitu dari aspek pengamalan adat dan pertuturan Bahasa Melayu (Jawi). Tetapi ia bukan 'orang Melayu' atau Melayu etnik kerana ia tidak mempunyai asal keturunan dari rumpun Melayu.

Ciri 'anak peranakan' atau 'separuh Melayu' juga dibuang dari tafsiran politik dan akademik moden mengenai istilah Bangsa Melayu, sedangkan ciri ini lebih mengikut tafsiran yang tepat. Hakikatnya generasi pertama hasil dari percampuran darah dua bangsa yang berbeza akan mengambil adat, falsafah, bahasa dan jatidiri kedua orang tuanya secara bercampur-aduk, contohnya perkahwinan seorang Melayu dengan orang China atau India. Dalam makna kata, ia belum berkemampuan untuk menghayati sepenuhnya adat istiadat, falsafah, jatidiri dan bahasa Melayu. Jika anak peranakan ini kemudiannya berkahwin juga dengan orang Melayu barulah boleh menghasilkan zuriat yang mampu menjadi orang Melayu asli, iaitu yang memiliki jatidiri, falsafah serta mengamalkan adat istiadat dan bahasa Melayu dengan sepenuhnya. Malahan profil, perwatakan, warna kulit, cara berfikir dan fitrahnya juga lazimnya akan menjadi ciri-ciri Melayu asli.

Pada hari ini kita masih boleh mengenali Bangsa China, Bangsa India, Bangsa Inggeris, Bangsa Monggolia, Bangsa Eskimo dan berbagai bangsa dunia ini berdasarkan ciri persamaan falsafah, jatidiri, bahasa, etnik dan tempat asal, malangnya pentafsiran Bangsa Melayu yang terlalu longgar kerana telah menghilangkan ciri 'kelompok etnik' serta 'tempat asal' dari tafsirannya telah menyebabkan kita menjadi keliru tentang siapakah sebenarnya 'orang Melayu' itu!?!

Rujuk semula Firman Allah SWT yang bermaksud :

" Wahai manusia, sungguh kami ciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan, dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu sating kenal mengenai. (Al-Hujurat:13)

Oleh itu bagaimana kita hendak mengenal bangsa sendiri (Melayu) secara tepat jika menggunakan tafsiran yang begitu longgar?

Dalam hal ini moleklah jika kita dapat melihat kepada tafsiran perlembagaan Kesultanan Brunei Darussalam yang berpegang pada gagasan MELAYU ISLAM BERAJA, mengenai takrif Bangsa Melayu (Brunei) dari perspektif mereka;

' Bagi Brunei, Bangsa Melayu (Brunei) ialah bangsa yang turun temurun telah 'bertanah airkan' Brunei Darussalam, dan menguasainya dalam makna mempunyai 'hak ketuanan' yang mempunyai kerajaan yang menguasai batas wilayahnya. Ini sama

dengan penonjolan bangsa- bangsa lain di negara masing-masing' ³⁶

' la merupakan sebahagian daripada Bangsa Melayu yang mendiami Alam Melayu sejak dari zaman purbakala lagi, iaitu kira-kira 1,500 tahun yang lalu sebelum tarikh Masihi sehingga ke pertengahan kurun Masihi yang ke 20 ini, iaitu lebih kurang 3,500 tahun ia merupakan suatu bangsa yang mempunyai kebudayaannya sendiri yang bersejarah. Bangsa Melayu telah bercampur gaul di tanah airnya sendiri dengan berbagai-bagai bangsa terutama orang Hindu dan Cina yang datang menduduki negara ini semenjak 1,500 tahun dahulu. Bangsa Melayu juga telah bergaul dengan bangsa Portugis, kemudian Belanda dan Inggeris dari kurun Masihi ke-16. Dalam percampuran itu, orang Melayu telah berambil-ambilan kebudayaan dengan bangsa yang lain itu, kebudayaan asing itu disesuaikan dengan cara kehidupan mereka dan dalam menjalani ujian yang begitu lama didapati kebudayaan Melayu dapat diseraskan dengan cara hidup sekarang ini ³⁷.

Kesimpulannya, takrif 'Bangsa Melayu' dalam perlembagaan Malaysia yang dipakai hari ini adalah amat longgar kerana tidak mengambil kira nilai etnik dan sejarah penduduk asal negeri ini yang terlalu lama berbanding dengan kumpulan pendatang yang baru muncul kurang dari lima puluh atau seratus tahun yang lalu. Istilah orang Melayu yang diberikan kepada kumpulan bangsa-bangsa pendatang yang mempunyai sejarah yang baru di rantau ini, bukan pula dari rumpun Melayu yang asal serta tidak melalui percampuran darah turun temurun dengan bangsa Melayu asli melalui ikatan perkahwinan adalah amat mengelirukan dari perspektif ilmiyyah, malahan ianya tidak dapat membentuk ikatan emosi yang kuat, semangat 'kekitaan' yang tulen kepada bangsa dan tanah air yang didiami mereka.

Ini dapat dibuktikan melalui peristiwa-peristiwa sejarah bahawa apabila sesebuah negara itu dalam bahaya peperangan atau mengalami masalah yang besar seperti ekonomi dan politik, bangsa-bangsa pendatang akan menjadi kelompok manusia pertama di tempat itu untuk berhijrah, samada ke negara-negara asal mereka atau ke tempat lain yang lebih aman (khususnya yang mempunyai kemajuan ekonomi yang pesat). Sedangkan bangsa-bangsa asal beserta dengan keturunan kaum pendatang yang telah turun temurun tinggal di situ, dan yang telah bercampur baur dengan penduduk asal melalui ikatan perkahwinanlah yang akan kekal mendiami tanah air mereka, sehingga sanggup mempertahankan agama dan bangsa ke titisan darah terakhir.

³⁶ Pehin Udana Khatib Dato Paduka Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, 1989. *Keberkesanan ke arah penerapan konsep Melayu Islam Beraja di dalam struktur kerajaan dan negara.* Kertas kerja dalam Kursus Kepimpinan Mahasiswa, Universiti Brunei Darussalam, Mac 1989, hlm 12

³⁷ Buku *Kenang-Kenangan Kongres Kebudayaan Melayu* 1, 30 Disember 1957, 2 Januari, 1958, hlm 43

Menjiwai Melayu dan Kemelayuan: Suatu Perspektif

Satu takrifan cukup menarik yang dapat menggambarkan sifat fitrah yang asas dan unik kepada identiti seorang Melayu tulen ialah yang diperolehi daripada sumber *Adat Raja-Raja Melayu*³⁸, iaitu: -

...adalah erti Melayu ... umpama pucuk kayu yang melayukan dirinya dan bukan layunya itu kerana terkena panas atau api. Bahawasanya dengan sahaja-sahaja ini jua ia melayukan dirinya, yakni ia merendahkan dirinya dan tiada ia mahu membesarkan dirinya, baik daripada adab tertibnya atau daripada bahasa peraturannya atau daripada adab makan dan minumannya dan perjalanannya dan kedudukannya samada dalam majlis atau pada tempat yang lain. Maka daripada perkara itu tiada diperbuatnya dengan mamang (melampau), melainkan adalah dengan perangnya yang lemah lembut, tiada dengan berlebih-lebihan dan dengan berkurangan itulah adanya.

“Shahadan maka lagi adalah yang dikehendaki oleh istiadat Melayu itu dan dibilangkan (disebut sebagai) ‘Anak yang Majlis’, iaitu apabila ada ia mengada ia atas sesuatu kelakuan melainkan dengan pertengahan jua adanya (serba-serbi bersederhana), yakni daripada segala kelakuan dan perbuatan dan pakaian dan perkataan dan makanan dan perjalanannya sekalian itu tiada dengan berlebih-lebihan dan dengan kekurangan sekalian diadakannya dengan keadaan yang sederhana jua adanya.”

“Maka orang itulah yang dibilangkan ‘Anak yang Majlis’, tambahan pula dengan adab pandai ia menyimpan dirinya, maka berlebih-lebih lendib (kaku) atau sidib adanya, seperti kata hukama: “Hendaklah kamu hukuman kerongkongan kamu di dalam majlis makan dan hukuman mata kamu tatkala melihat perempuan dan teguhkan lidahmu daripada banyak perkataan yang sia-sia dan tulikan telinga kamu daripada perkataan yang keji-keji.” Maka apabila sampailah seseorang kepada segala syarat ini, iaitulah ‘Orang yang Majlis’, namanya dan dengan demikianlah segala orang yang arif budiman kepada hamba yang dhaif ini.

Tamat”

Dalam lain makna, sifat asas yang tulen dan fitrah kepada orang Melayu ialah 'BERSEDERHANA'. Sifat ini mampu menjawab banyak perkara darihal masyarakat Melayu, contohnya seperti berikut;

³⁸ Tarjan Hadidjaja (salinan manuskrip daripada Tn Hj Abdul Arif di Riau)

- i. Penerimaan Islam secara besar-besaran di Alam Nusantara hanya melalui kaedah dakwah lisaniyyah berbanding dengan banyak tempat di Benua Arab, Afrika dan India yang perlu melalui proses penaklukan atau *jihad fi sabilillah* menunjukkan sikap orang-orang Melayu yang serba sederhana, tidak emosional dan berfitrah baik. Kesederhanaan sifat Bangsa Melayu jugalah yang menyebabkan ajaran-ajaran Islam menjadi amat serasi dan bersehati dengan jiwa nurani mereka, kerana Islam amat menggalakan sifat bersederhana, khususnya dalam urusan-urusan duniawi.
- ii. Daripada zaman pra-Islam sehingga zaman kemunculannya, masyarakat Melayu tidak diketahui sebagai masyarakat yang penuh konflik dan bergejolak berbanding dengan masyarakat Arab, India, Farsi, Jawa dan sebagainya yang penuh dengan kisah-kisah peperangan, konflik dan keganasan.
- iii. Cara hidup orang Melayu dahulu kala yang serasi dengan kerja kecil-kecilan seperti menjadi nelayan, petani dan pekedai runcit-runcit juga menggambarkan kehidupan yang sederhana berbanding dengan bangsa-bangsa umat Islam yang lain seperti bangsa-bangsa Arab, Farsi dan Gujerati yang ramai menjadi saudagar-saudagar kaya yang bertebaran di pelabuhan-pelabuhan perdagangan Islam seluruh dunia.
- iv. Sikap, akhlak dan emosi orang Melayu adalah tidak berlebih-lebihan. Sifat ini menyebabkan Alam Melayu menjadi tempat yang aman, sejahtera dan baik yang sering dikunjungi oleh bangsa-bangsa luar dengan berbagai tujuan seperti dakwah, perdagangan, diplomatik, sosial dan sebagainya. Ini jelas dinyatakan dalam satu riwayat Portugis mengenai negeri Melaka, iaitu :

*" The Sultan is a Muslim, and so are all the natives. Their language is Malay, which is a pleasant language and easy to learn. The people are light complexion, well featured and well built. The men are by nature gallant - polite and good lovers. The women are beautiful, and all like to live an easy life. When they are tired of the town, they leave it for their country orchards to relax. These which lie inland along the river are very pleasant. Not withstanding all these, the men are warriors, making use of lances, shields and arrows."*³⁹.

³⁹ M. J Pintado, Potuguese Documents on Malacca, Vol I 1509-1511, Arkib Negara Malaysia, 1993, Document 6, chapter CXII, no 59-61, hlm 85

- v. Pakaian, hiasan dan budaya orang-orang Melayu juga menggambarkan sifat kesederhanaan berbanding dengan bangsa-bangsa lain seperti bangsa China, India dan Farsi yang lebih canggih dan *elaborate*.
- vi. Peradaban dan peradatan masyarakat Melayu juga mencerminkan sifat kesederhanaan. Ini boleh dianalisis melalui penghayatan kepada perbilangan-perbilangan Melayu seperti '*kais pagi makan pagi*', '*rezeki secupak tak jadi segantang*', '*ajal maut di tangan tuhan*' '*buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali*', '*ikutlah resmi padi, makin berisi makin tunduk*', '*orang tamak selalu rugi*', '*terlajak perahu boleh undur, terlajak kata buruk padahnya*'. '*biar lambat asal selamat*' dan banyak lagi.
- vii. Pemerintahan Raja-Raja Melayu juga walaupun secara mutlak, tetapi secara amnya jarang yang zalim ataupun melampaui batas, berbanding dengan pemerintahan khalifah-khalifah Umaiyyah, Abbasiyyah, Maharaja-Maharaja India, Raja-Raja Siam, Raja-Raja Jawa (zaman Majapahit) dan sebagainya. Bangsa Melayu amat serasi dan taat pada raja-raja mereka, namun ketaatannya tidaklah sampai pada tahap melampau, '*mendewadewakan*' sebagaimana yang berlaku pada sebahagian raja-raja dunia.
- viii. Raja-Raja Melayu tradisi juga tidak hidup bermewah-mewah. Binaan istana Raja-Raja Melayu zaman dahulu kala melambangkan cara hidup yang amat sederhana, tidak banyak bezanya dengan rumah orang-orang kampung yang kaya pada zaman ini, berbanding dengan raja-raja dari bangsa lain (seperti Raja-Raja Eropah dan Maharaja-Maharaja India) yang banyak membina istana ataupun monument-monumen yang megah, mega dan bermewah-mewah.

Ringkasnya, Bangsa Melayu adalah bangsa yang tidak bersikap melampau, tenang, santai, tidak suka beremosi secara berlebihan, tidak suka bermegah-megah dan bertakabbur, tidak suka menonjolkan diri, dipuji dan mencari nama. Hal ini menyebabkan sejarah, cara hidup dan tamaddun Melayu TIDAK NAMPAK SIGNIFIKAN berbanding dengan sesetengah bangsa lain kerana kesederhanaan sifat dan tatacara kehidupan Bangsa Melayu dan raja-rajanya telah MENYEMBUNYIKAN signifikan dan hakikat mereka yang sebenar.

Bab 15 :

Lintasan Sejarah Perkembangan Islam di Alam Melayu dan Natijahnya

Dalam konteks kepercayaan serta pegangan masyarakat Melayu di Alam Nusantara, ianya dapat dibahagikan kepada empat zaman iaitu ZAMAN JAHILIYYAH (sebelum abad ke 14M), ZAMAN ISLAM (abad ke 14M sehingga pertengahan abad ke 19M), ZAMAN PERALIHAN I atau ZAMAN GEJOLAK (pertengahan abad ke 19M sehingga awal abad ke 20M) dan ZAMAN PENYELEWENGAN atau ZAMAN FITNAH³⁷ (awal abad ke 20M sehingga ?).

Sebelum kemunculan Islam, masyarakat Nusantara melalui dua peringkat zaman, iaitu zaman Primitif dan zaman Hindu-Buddha. Zaman ini dikenali dalam neraca Islam sebagai zaman Jahiliyyah yang merupakan pengalaman kebanyakan bangsa-bangsa umat Islam sebelum kedatangan Islam. Pada zaman Primitif, masyarakat Nusantara berpegang kepada kepercayaan Animisme, Dinamisme dan Totemisme. Kepercayaan animisme ialah pendapat bahawa setiap benda mempunyai jiwa atau roh, ianya dapat dilihat dalam bentuk kepercayaan terhadap puaka atau penunggu sesuatu tempat. Kepercayaan dinamisme pula beranggapan bahawa setiap benda mempunyai daya tenaga yang menjelma dalam bentuk 'semangat', contohnya 'semangat padi'- yang kononnya boleh menentukan masa depan. Sedangkan kepercayaan totemisme pula ialah beranggapan bahawa manusia ada hubungan dengan nenek moyang binatang, contohnya konsep 'jadi-jadian' seperti harimau jadi-jadian atau khinzir, buaya dan ikan jadi-jadian.

Kedua-dua kepercayaan ini yang berlaku serentak sehingga menjadi sukar dibezakan telah membawa kepada penyembahan roh nenek moyang yang dianggap mempunyai daya tenaga dan kesaktian yang tinggi. Ianya juga membawa kepercayaan adanya orang-orang tertentu yang boleh menjadi perantara diantara manusia dengan roh-roh nenek moyang yang ghaib itu. Orang-orang ini digelar dukun dan datu. Panggilan datu diperolehinya setelah dukun semakin berkuasa. Selain itu, masyarakat Melayu pada zaman primitif juga mempercayai adanya dewa bintang, dewa langit, dewa bumi dan sebagainya serta kewujudan Dewa Agung.

Kemunculan pengaruh Agama Hindu-Buddha berkait rapat dengan pembentukan kerajaan Srivijaya di Sumatera dan Majapahit di Jawa yang bermula sejak abad pertama Masihi. Kerajaan Srivijaya yang

wujud lebih awal dari kerajaan Majapahit telah mengambil dasar agama Buddha. Bagaimanapun kemerosotan kerajaan Srivijaya telah digantikan dengan kerajaan Majapahit yang pada asalnya menganuti agama Hindu tua, tetapi kemudiannya telah menyatukan kedua-dua ajaran jahiliyyah itu. Dalam kepercayaan agama tersebut, jumlah pusat kekuasaan dan kekuatan yang banyak di zaman primitif telah diperkecilkan kepada tiga identiti sahaja, iaitu Dewa Krisna, Siva dan Visnu yang dianggap sebagai tuhan-tuhan Hindu yang dibantu oleh berbagai macam dewa. Raja-raja Hindu dianggap sebagai keturunan atau titisan daripada Dewa Siva dan Visnu, oleh itu dikaitkan dengan unsur-unsur kudus dan suci. Unsur-unsur inilah yang bertanggungjawab dalam memperkenalkan sistem kasta dalam kehidupan masyarakat.

Dalam sistem kasta ini, terdapat dua kategori manusia iaitu golongan bangsawan yang dianggap kudus dan suci serta bertindak sebagai raja-raja, dan golongan rakyat sebagai hamba yang berkhidmat kepada mereka. Golongan raja berhak menerima 'bhakti', iaitu kesetiaan membuta tuli yang tidak berbelah bagi daripada rakyat jelata. Amalan 'bhakti' perlu dilakukan oleh rakyat untuk menerima anugerah iaitu balasan dari kemurahan 'dewata'. Falsafah Buddhisme pula membawa konsep budi dan pekerti, iaitu rohani dan jasmani. Kedua-dua falsafah ini digabungkan oleh kerajaan Majapahit dan menjadi pegangan wilayah-wilayah yang dibawah jajahan empayarnya di Nusantara sehinggalah muncul syiar Islam.

Kedatangan Islam telah memulakan proses perubahan yang besar kepada falsafah, struktur, adat, budaya, sosio-politik, jatidiri, mentaliti, 'world-view' dan kejiwaan masyarakat Melayu dengan memalingkan daripada kehidupan sebelumnya yang menganuti agama Hindu-Buddha, yakni yang berpegang kepada soal mistikal, semangat, dewa-dewa serta lain-lain kepercayaan syirik dan khurafat, kepada suatu kepercayaan baru yang berpaksikan konsep Tauhid, yakni Allah sebagai Pencipta alam dan makhluk, yang Maha Esa, segala-galanya berpunca daripadanya.

Dalam lain perkataan, kedatangan Islam di Alam Nusantara secara berperingkat-peringkat bermula abad ke 9 Masihi, berkembang secara besar-besaran dalam abad ke 14 Masihi dengan pembentukan daulah-daulah Islamiyyah atau kesultanan-kesultanan Melayu telah berjaya merombak bukan sahaja bentuk dan struktur masyarakat, malahan dari segi akar umbi dan asasnya, zahir dan batin. Ia merangkum suatu cara kehidupan menyeluruh yang cuba membawa revolusi dari dalam diri individu itu sendiri.

Sejauh mana natijah daripada pengaruh Islam kepada tamadun masyarakat Melayu dapat dinilai daripada pemerhatian terhadap perubahan-perubahan struktur-struktur kehidupan mereka dari aspek-aspek berikut;

Sistem Pemerintahan dan Pentadbiran

Kemunculan Islam telah berjaya mengubah sistem politik Hindu-Buddha yang berpusat, berpaksi dan berorientasikan raja-raja Brahmani kepada pusat dan paksi syariat, yang mana raja dilihat sebagai pengganti Rasulullah SAW dalam menjalankan urusan pemerintahan umat Islam. Ianya merujuk kepada prinsip bahawa punca kepada segala-galanya adalah daripada Allah semata-mata, dan akhir kepada segala-galanya adalah berpulang kepada Allah jua. Dan raja-raja sebagai ulil amri atau pemerintah umat Islam dilihat sebagai wakil yang menerima mandat Allah untuk melaksanakan amanah menjaga hal-hwal umat Islam sebagai khalifah bumi.

Kepercayaan Hindu-Buddha yang meletakkan rakyat kepada taraf hamba yang perlu taat dan berkhidmat kepada raja-raja secara membuta tuli tanpa ada timbal balas telah digantikan dengan konsep Islam iaitu *'Adalah wajib hukumnya taat setia kepada ulil amri selagi mereka tidak menyuruh berbuat maksiat'* (tanggungjawab rakyat) dan ditimbal balas dengan *'setiap 'kamu adalah pemerintah, setiap pemerintah bertanggungjawab terhadap orang bawahannya'* (tanggungjawab raja).

Dalam lain perkataan, berbeza dengan sistem feudal dan corak pemerintahan monarki-monarki bukan Islam seperti monarki Kristian, Hindu, China dan sebagainya, konsep pemerintahan ulil amri menekankan perihal tanggungjawab dua hala, dimana raja dan rakyat ada hak dan tanggungjawab masing-masing yang wajib ditunaikan. Raja berkhidmat sebagai tonggak bangsa dan agama yang bakal dipersoalkan amanah tersebut di hadapan mahkamah Allah SWT pada Hari Pengadilan kelak, sedangkan rakyat diwajibkan taat kepada raja selagi tidak dipaksa mengerjakan maksiat. Oleh itu sistem pemerintahan raja-raja Islam sebenarnya mendaulatkan rakyat sebagaimana ia mendaulatkan raja-raja sebagai ketua umat Islam.

Dari aspek pentadbiran negeri dalam kesultanan-kesultanan Melayu yang muncul melata bak cendawan lepas hari hujan, iaitu selepas penganutan agama Islam secara besar-besaran, Raja dibantu oleh Dato' Bendahara yang tanggungjawabnya adalah sebagai Menteri Tafwidz dalam sistem Islam, iaitu sebagai *'sekutu raja'* dalam urusan pemerintahan. Penelitian kepada tanggungjawab Menteri Tafwidz dapat

menyimpulkan bahawa tugas Bendahara memenuhi semua ciri untuk melayakkannya mendapat status sebagai seorang Menteri Tafwidz mengikut ajaran Islam (lihat mukasurat sebelah). Cuma diperkembangkan peranan Bendahara sebagai penjaga Adat Raja-raja Melayu yang memagar salah satu dari dua sendi kekuatan Bangsa Melayu iaitu ADAT dan SYARIAT.

Sebagai Menteri Tunggal Penuh yang merupakan suatu konsep Islam, dalam tanggungjawabnya mengatur urusan pentadbiran negeri, Bendahara diperbantu oleh empat menteri kanan iaitu Penghulu Bendahari, Temenggong, Laksamana dan Syahbandar. Keempat-empat menteri kanan ini mempunyai kelayakan dan ciri-ciri sebagai Menteri-menteri Tanfiz dalam Islam.

Mufti negeri pula diberi tanggungjawab dalam urusan pelaksanaan usaha dakwah dan tabligh dengan memperbanyakkan sekolah-sekolah agama (sistem pondok), memastikan pengagihan zakat yang sempurna, menjaga wakaf-wakaf dan rumah-rumah anak yatim, memastikan kebajikan tok-tok imam, tok-tok bilal, tok-tok siak serta memberi tauliah kepada mereka atas nama Sultan sebagai ketua agama atau ulil amri. Dato' Syeikh Mufti juga memastikan nama Sultan didoakan dalam khutbah-khutbah Jumaat, mengumumkan ketibaan bulan Ramadhan dan Syawal, memastikan batasan-batasan syariat dijaga dengan melaksanakan hukum syariat.

Dato' Syeikh Mufti juga melantik kadi-kadi daerah bagi menjaga hal-ehwal agama di daerah masing-masing. Kadi daerah bertindak sebagai wali Hakim di bawah amanah Sultan dimana seperti ditetapkan oleh syarak bahawa Sultan itu menjadi wali nikah jika tiada walinya. Dato Mufti juga bertanggungjawab menyemarakkan dakwah Islam dengan menghantar tok-tok guru ke tempat-tempat yang memerlukan usaha dakwah dan tabligh, disamping memperbanyakkan majlis-majlis ilmu dengan mengambil alim-ulamak dari dalam dan luar negeri mengikut keperluan.

Dato' Syeikh Mufti juga perlu memastikan rakyat jelata fasih dalam Bahasa Jawi, ilmu Fardhu 'Ain serta khatam Quran. Beliau juga bertanggungjawab memberitahu Sultan samada suatu peperangan itu berstatus jihad ataupun tidak dan Sultan akan mengishtiharkannya jika sabit. Orang-orang Kaya (atau pembesar negeri) memegang jajahan masing-masing dengan menganggap diri mereka serta jajahan mereka di bawah takluk dan payung Sultan. Atas amanah Sultan inilah mereka

Bendahara Sebagai Menteri Tafwidz Dalam Islam

TUGAS	MENTERI TAFWIDZ	BENDAHARA MELAYU
Kelayakan Syarak	Islam, Lelaki, Baligh, Merdeka	-Sama-
Kelayakan Adat		Sekreturan dengan Raja Bersifat warisan keluarga
Cara Perlantikan	Aqad dan lafaz terang yang dibuat oleh Kepala Negara dengan Menteri Tafwidz	Dilantik oleh Raja dalam suatu upacara Diraja
Ciri	<ul style="list-style-type: none"> i. Sekutu dengan Kepala Negara dalam urusan pemerintahan ii. Kepala Negara tetap sebagai ketua mutlak pada Menteri Tafwidz iii. Boleh membuat pertimbangan dan ijihad sendiri iv. Kekuasaanya menyeluruh kecuali dalam beberapa perkara yg hanya diperuntukan kepada Kepala Negara v. Menteri Tunggal, iaitu duduknya hanya bawah Kepala Negara dan tidak berkongsi kuasa dgn Menteri lain kecuali dlm keadaan tertentu vi. Memastikan pemerintahan Kepala Negara ada <i>'check & balance'</i> 	<ul style="list-style-type: none"> i. Tempat perbendaharaan segala rahsia Raja ii. Bersifat separuh Raja separuh Pembesar (iaitu tetap taat kepada Raja) iii. -Sama- iv. -Sama- v. Menteri Tunggal Penuh vi. Bendahara sebagai keluarga dan lebih tua dari Raja dapat berikan <i>'check and balance'</i>
Kemahiran	Perlu tahu mentadbir dan mengelola bidang yang di bawah kuasanya	Penasihat Raja dalam hal adat, resam, faham dan syarak (dgn bimbingan ulamak)
Tugas	Hakim, pengelola peperangan, mengurus cukai, melantik gabenor, mentadbir urusan negeri mengikut pertimbangan dan ijihadnya	-Sama-

mendapat kuasa penuh dengan dibantu oleh kadi-kadi dalam jajahan mereka. Tugas-tugas kadi di sini adalah seperti Dato' Syeikh Mufti dan tauliah mereka dari Sultan bukan dari Orang Kaya. Orang-orang Kaya ini dibantu oleh tok-tok penghulu dalam kawasan-kawasan kampung bagi melicinkan lagi tugas pentadbiran hal ehwal umat Islam. Susunan pemerintahan ini amat mudah kerana orang-orang kampung hanya perlu mengadu kepada tok penghulu, yang mana jikalau tok penghulu tidak dapat menyelesaikannya barulah dibawa masalah tersebut kepada Orang Kaya, begitulah seterusnya.

Sistem Perundangan

Semenjak zaman jahiliyyah primitif manusia telah melalui proses evolusi yang panjang dalam perkembangan hidup dan sosio-kebudayaan mereka. Perkara ini merangkumi persoalan adat yang mengatur kehidupan masyarakat serta menjadi panduan hidup kerana belum ada struktur dan organisasi masyarakat yang tersusun, apatah lagi pada zaman itu sosio-politik masyarakat belum bersifat kompleks.

Kedatangan Islam di Alam Nusantara telah memperkenalkan sistem kehidupan yang lengkap, kemas, tersusun, bersifat *syumul*, iaitu menyeluruh termasuk hal-hal zahir dan batin.

Kesultanan Melayu Melaka sebagai antara empayar kerajaan Islam yang awal di rantau ini telah menjadikan Islam sebagai dasar pemerintahan negeri, menggubal RISALAT HUKUM KANUN MELAKA, ditulis atas titah Sultan Muzaffar Shah (1446-1456), membuat beberapa penyesuaian darihal amalan-amalan adat dan undang-undang warisan leluhur penduduk Melaka dengan undang-undang Islam supaya kedua-duanya tidak bertembung dan bercanggah. Fasal 41 dalam Risalat Hukum Kanun Melaka ada menyebut bahawa selagi ada kemungkinan undang-undang syariat diamalkan, maka undang-undang lain hendaklah dikemudiankan.

Fasal 33 dalam UNDANG-UNDANG MINANGKABAU pula menegaskan bahawa antara undang-undang yang diiktiraf ialah undang-undang Allah di dalam Al-Quran dan Al-Hadith, Adat Raja, Hukum Akal dan Hukum Pemerintah. Hukum Akal pula perlu dibataskan pada tafsiran Islam, iaitu perkara yang wajib, mustahil dan jaiz (harus).

Fasal 8 dalam UNDANG-UNDANG ADAT SUNGAI UJONG, disebut bahawa '*adat boleh bersetuju dengan hukum syariat*', sementara dalam Fasal 66 pula diperuntukan bahawa undang-undang Islam tetap dikuatkuasakan sedangkan adat boleh diamalkan selama mana ia tidak

bertentangan dengan perundangan Islam. Dalam fasal yang sama juga diterangkan bahawa ‘ *adat hendaklah berasaskan kepada undang-undang tempatan yang pula berasaskan kepada Al-Quran*’.

Hukum Kanun Pahang, Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan (Perak), Kanun Kelantan dan Kanun Brunei adalah antara undang-undang Melayu yang dikodifikasikan, meletakkan undang-undang syariat sebagai panduan utama selain undang-undang adat.

Ringkasnya, semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka, undang-undang adat telah mengalami proses penyesuaian dengan undang-undang Islam, iaitu dengan menghormati, menjunjung dan memberi laluan kepada perundangan Islam serta menjadikannya salah satu sumber utama kepada sistem perundangan tempatan. Pakar perundangan Melayu awal telah mengelaskan keutamaan pemakaian sumber perundangan mengikut turutan berikut;

- i. Undang-undang Syariat
- ii. Hukum Akal
- iii. Undang-undang Adat

Walaupun kadangkala kedua-dua undang-undang adat dan syariat terpaksa diamalkan secara berasingan di tempat-tempat tertentu jika sekiranya salah satu tidak mahu tunduk di bawah yang lain, bagaimanapun dengan bimbingan alim-ulama telah menambahkan kesedaran masyarakat Melayu peringkat demi peringkat, natijahnya undang-undang syariat telah banyak menyumbang dalam menyuci, mentulen serta meletakkan ruh Islam dalam undang-undang adat.

Pemantapan sistem perundangan masyarakat Melayu dari masa ke semasa telah membawa kepada struktur yang semakin kemas dan tersusun serta bersifat Islamik sejurus sebelum kemunculan penjajah British. Pada masa itu, semua kes yang diputuskan oleh Mahkamah Jenayah adalah berpandukan undang-undang Islam dan adat pribumi. Kes-kes yang berhubung dengan harta, keluarga dan jenayah keagamaan pula dibicarakan di Mahkamah Syariah.

Kesimpulannya, HUKUM SYARIAT DAN ADAT menjadi undang-undang teratas dan tertinggi dalam masyarakat Melayu Islam tradisi. Walaupun secara praktis peraturan-peraturan yang mengutamakan undang-undang syariat tidak dipatuhi sepenuhnya, bagaimanapun dengan memberikan legitimasi, menerima serta menggariskan undang-undang syariat sebagai yang paling tinggi, teraula dan utama dalam dasar dan infrastruktur pemerintahan kesultanan-kesultanan Melayu tradisi, ianya dilihat sebagai suatu idealisme luhur yang mahu dilaksanakan secara berperingkat.

Bandungkan hal ini dengan dasar pemerintahan British dan sistem sekular yang secara terang-terangan meletakkan perundangan barat (Mahkamah Sivil) paling teratas daripada perundangan-perundangan lain, termasuk undang-undang syariat sehingga pada hari ini, undang-undang syariat jatuh kepada martabat tidak lebih dari soal-soal '*Kelahiran, Perkahwinan dan Kematian*' semata-mata!

Ilmu dan Pendidikan

Zaman pra-Islam menyaksikan sistem pendidikan yang wujud di Alam Nusantara sebagai tertumpu hanya di kalangan golongan bangsawan sedangkan rakyat jelata menerima pendidikan asas yang diperturunkan dari generasi ke generasi semenjak turun temurun, atau ilmu yang diwariskan dari nenek moyang. Bagaimanapun kedatangan Islam telah merombak sistem pendidikan cara ini yang mana pihak istana kini menjadi pemangkin yang bertanggungjawab menyalurkan budaya ilmu dan intelektual Islam kepada masyarakat melalui penyebaran ulama-ulama yang bertugas atas nama Sultan.

Atas kewajiban setiap umat Islam untuk menunaikan tanggungjawab sebagai hamba Allah yang taat, maka dalam masyarakat Melayu lahir sistem pendidikan asas atau Fardhu 'Ain seperti pengetahuan tentang Rukun Iman dan Rukun Islam serta ilmu pembacaan Al-Quran. Sistem pendidikan asas ini sering diadakan di rumah tok-tok guru dalam kawasan kampung.

Pengajian Islam yang lebih mendalam pula dibuat secara tidak formal di surau-surau atau masjid-masjid oleh tok-tok guru yang mengajar secara sukarela, datang silih berganti mengikut kesediaan masing-masing. Di sini kitab-kitab yang disebut sebagai kitab-kitab Jawi atau kitab-kitab kuning menjadi rujukan utama yang mana pengajiannya merangkumi ilmu iktiqad yang termasuk ilmu usuluddin, ilmu feqah dan ilmu tasawuff.

Pengajian Islam peringkat tertinggi pula ialah sistem pendidikan madrasah yang diasaskan oleh Nizamul Muluk, seorang wazir kerajaan Saljuk di Baghdad (1055-1194). Sistem pengajian ini dikenali dengan sistem pondok di Tanah Melayu atau pesantren di Tanah Jawa. Antara bidang pengkajian Islam yang diajar ialah ilmu feqah, usuluddin, tasawuff, tafsir, hadith, nahu, mantik, balaghah, ilmu falak dan sebagainya.

Misalannya dalam zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam di Aceh (1607-1636), sistem pengajian pondok yang lebih maju, teratur dan sistematik telah diperkenalkan, dikenali sebagai

Rangkang atau Dayah. Ianya meliputi pengajian bidang agama dan kehidupan seperti Dar al-Tafsir (jurusan ilmu tafsir), Dar al-Tarikh (jurusan sejarah), Dar al-Ahkam (jurusan Fekah), Dar al-Kalam (jurusan ilmu kalam), Dar al-Falsafah (jurusan ilmu falsafah), Dar al-Tib (jurusan ilmu matematik), Dar al-Siasah (jurusan ilmu politik), Dar al-Harb (jurusan ilmu peperangan), Dar Khazanah Bait al-Mal (jurusan ilmu kewangan negara) dan banyak lagi.

Sesetengah pelajar agama yang telah mencapai tahap pembelajaran yang tinggi serta mencapai umur matang digalakkan pula untuk melanjutkan pengajian mereka di Tanah Suci Mekah. Resam ini telah mewujudkan penempatan orang-orang Melayu yang ramai di sana, khususnya mereka yang datang dari sebelah utara Tanah Melayu seperti Kedah, Kelantan (termasuk dari kesultanan Pattani), dan Terengganu. Sehingga hari ini ianya melahirkan ramai dari keturunan alim-ulamak Melayu yang menetap di Mekah, menjadi warga negara Arab Saudi, berkahwin serta bercampur baur dengan penduduk asal tetapi tidak memutuskan hubungan dengan tempat asal mereka di Tanah Melayu.

Pemesatan nilai-nilai ilmu, pendidikan serta pengamalan masyarakat Melayu yang tinggi kepada ajaran-ajaran Islam telah digambarkan dengan baik oleh seorang ahli akademik Malaysia yang tersohor, iaitu Professor Syed Naquib al-Attas. Beliau mencatatkan bahawa pada abad ke 16 dan 17 Masihi telah menyaksikan penulisan falsafah, sastera, metafizik dan teologi rasional yang tidak terdapat tolok bandingannya di mana-mana dan pada zaman apapun di Asia Tenggara. Zaman tersebut merupakan era yang mana masyarakat Melayu Nusantara melalui suatu revolusi perdalaman dan intensifikasi Islam pada jiwa mereka, merombak pandangan hidup dan dasar kebudayaannya daripada nilai estetika kepada dasar saintifik. Ianya telah mewujudkan budaya ilmu dan intelektualisme Islam yang tinggi serta menular ke serata ceruk rantau kesultanan-kesultanan Melayu. Sistem pendidikan Islam sebegini telah melahirkan ramai tokoh alim ulama tersohor dan terunggul seperti Syeikh Daud Fatoni dan keturunannya, Syeikh Abdul Rasyid, Syeikh Abdul Samad al-Falembani, Tok Kenali, Tokku Paloh, Abdul Rauf as-Singkili dan ramai lagi.

Pemesatan serta pengamalan intensif masyarakat Melayu tradisi dalam bidang Agama Islam telah disimpulkan penuh makna oleh seorang Residen British yang membuat kunjungan ke Terengganu pada akhir abad ke 19 Masihi, yang mana beliau mencatatkan bahawa negeri tersebut : *“...penuh dengan alim ulama dan segala teriak tangis tenggelam dalam bunyi orang bersembahyang dan berzikir.”*

Kebudayaan dan Kesusasteraan

Perkembangan serta pemelesaian Tamadun Islam di rantau Nusantara telah meletakkan para sultan dan alim-ulamak sebagai regu yang ampuh dalam usaha dakwah serta pendidikan ilmu dan nilai-nilai Islam, dibuat melalui perantaraan bahasa Melayu dan tulisan Jawi yang dipinjam dari huruf-huruf tulisan Arab. Bahasa Melayu Jawi menjadi asas penyebaran sistem pendidikan tradisi di Alam Melayu khususnya semenjak abad ke 16 dan 17 Masihi dalam bidang-bidang seperti penulisan kesusasteraan, ilmu teologi, falsafah dan tasawuff.

Peradaban dan peradatan bangsa Melayu juga banyak diveduk daripada nilai-nilai Islam misalnya amalan muafakat, gotong royong, timbang rasa, budi, santun, akhlak baik, tolong menolong, menunaikan hak orang, bersyukur, redho, dan banyak lagi. Semua ini menjadi falsafah serta amalan masyarakat Melayu tradisi. Begitu kuatnya pegangan masyarakat Melayu pada nilai-nilai Islam sehingga agama menjadi suatu '*adat yang diadatkan*' (*adatunnah*), yang mana orang yang melampaui batasan agama dikecam sebagai orang yang '*melanggar adat*'.

Misalannya, dua konsep yang sinonim dengan budaya bangsa Melayu yang berakar umbi daripada nilai Islam ialah konsep 'BUDI' dan 'RENDAH DIRI'. Konsep 'budi' yang banyak digunakan dalam peribahasa Melayu memberikan beberapa makna. Antaranya intelektualisme. Umpama istilah 'akal budi' iaitu minda yang sihat dan '*common sense*', adab baik seperti sikap berterima kasih dalam pantun '*pisang emas bawa belayar, masak sebiji di atas peti, hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati*'. Begitu juga peribahasa '*orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa*'. Lain makna ialah dari aspek moral iaitu 'budi pekerti', 'budi-bahasa' dan 'budiman' iaitu seseorang yang mempunyai akhlak sufi pada dirinya.

Konsep 'rendah diri', juga terbit dari nilai Islam khususnya bidang tasawuff. Satu peribahasa Melayu berbunyi '*bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk*'.

Kesusasteraan awal Melayu pasca Islam berkisar tentang kisah Nabi-nabi Allah khususnya Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan keturunan atau ahlul bait baginda. Watak-watak dalam kisah-kisah para Nabi menjadi watak-watak ideal dan amat digemari. Sastera-sastera Melayu yang lainnya seperti syair, prosa, puisi dan sebagainya pada awalnya bercorak keislaman dan digubah dengan matlamat menyampaikan sejarah, ajaran, amalan dan konsep-konsep Islam kepada masyarakat Melayu. Bagaimanapun ia melalui proses

perubahan, terutamanya selepas kedatangan penjajah British dan pengenalan sistem pendidikan sekular, iaitu dengan memasukkan unsur-unsur yang lain daripada tajuk keislaman.

Begitu juga dengan aspek seni suara dan seni muzik. Marhaban, qasidah, nasyid, nazam, hadrah, dabus dan sebagainya adalah amalan masyarakat Melayu tradisi yang mengandungi unsur-unsur zikir, sirah Nabi-nabi khususnya Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan ahlul-bait baginda serta ajaran-ajaran Islam. Hiburan-hiburan yang berjiwa keislaman ini sering dipersembahkan dalam upacara perkahwinan, berkhatan, Maulidur rasul serta hari-hari kebesaran Islam yang lainnya. Ianya diubah suai daripada unsur-unsur ke'araban' kepada cita rasa penduduk tempatan.

Di bawah ini diperturunkan satu nazam Melayu lama yang merujuk kepada pengaruh Islam yang kental;

Mula pertama Nabi Allah Adam,
Nenek manusia kafir dan Islam.

Mula asalnya di Islam,
Ditempa Jibrail tanah segenggam.

Tuk Adam jadikan seorang diri,
Berlatih syurga sehari-hari.

Dilihatnya burung dua sejoli,
Ingik Tuk nak beristeri.

Dicerita Tuk Adam Allah ketahui,
Dijadikan Hawa di rusuk kiri.

Allah menagihkan Jibrail saksi,
Diberi hantaran belanja selawat atas Nabi.

Tuk Adam dinikahkan dalam syurga,
Laki dan isteri bersuka ria.

Datang iblis buat celaka,
Jadi Tuk Adam kedatangan derhaka.

Adam dan Hawa berolehi anak,
Laki-laki perempuan hingganya banyak.

Bercucu bercicit semakin biak,
Hingga dunia penuhnya sesak.

Anak Tuk Adam banyak tertipu,
Mengikutkan syaitan hawa dan nafsu.

Susah Tok Adam di dalam kubur,
Kepada Tuhan berdoa mengadu.

Ya Tuk Adam Siti Tuk Hawa,
Mandi di Juddah berkoca-koca.

Panjang kuburnya lapan puluh hasta,
Menganjung ke laut entah berapa.

Banyak hari perkara hari,
Tidak sama hari Jumaat.

Banyak Nabi perkara Nabi,
Tidak sama Nabi Muhammad (SAW).

Kesimpulannya pengaruh Islam adalah amat besar, kental dan berakar umbi dalam semangat, kejiwaan serta jatidiri Bangsa Melayu yang dimenifestasikan dalam kerangka pemerintahan, struktur-struktur pentadbiran serta institusi-institusi kebudayaan dan kesusasteraan masyarakat Melayu tradisional. Dan dalam hal ini, Institusi Raja-Raja Melayu dan Institusi Ulamak tradisi terbukti merupakan dua institusi Melayu yang paling lama, paling berharga dan paling penting bukan sahaja dalam merangka dasar pemerintahan kerajaan dan hala tuju masyarakat yang berjiwa keislaman, malahan sama-sama menjadi regu ampuh dalam memastikan kepentingan serta kebajikan umat Islam sentiasa terpelihara dan terlindung.

Bab 16 : **Keluhuran Peradatan dan** **Peradaban Melayu Tradisional**

Pemerintahan masyarakat Melayu tradisional yang mula diperkenalkan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka adalah berteraskan dua sendi iaitu HUKUM ADAT dan HUKUM SYARIAT. Hukum Adat meliputi Kanun (peraturan turun temurun oleh pemerintah), Resam (kelaziman), Faham ('*common sense*') dan Adat Istiadat. Hukum Syariat pula meliputi segala ajaran Agama Islam.

Sebahagian daripada Adat Melayu telah dipusakai dari zaman Sultan Iskandar Zulkarnain yang disebut sebagai nenek moyang raja-raja Melayu. Yang lain pula ditokok tambah oleh petinggi adat setempat mengikut perubahan serta keperluan masa dan citarasa masyarakat tempatan yang dinamik. Dengan kedatangan Islam, undang-undang adat telah membuat penyesuaian di dalam suasana dan persekitaran Islam secara berperingkat-peringkat sehingga adat Melayu dan aturan Islam menjadi seperti saudara kembar dalam lanskap pemerintahan umat Melayu mengikut perbilangan adat yang berbunyi :

*'Adat bersendikan syarak,
Syarak bersendikan kitab Allah,
Syarak mengata, adat memakai,
Cermin yang tidak kabur,
Pelita yang tidak padam.'*

Hakikatnya, Hukum Adat dan Syariat menjadi undang-undang teratas dan tertinggi dalam masyarakat Melayu semenjak kurun berkurun. Malangnya kedatangan penjajah British mulai akhir abad ke 18 Masihi yang kemudiannya berjaya menjadi penjajah mutlak telah menyelinapkan berbagai-bagai sistem barat dalam pemerintahan Tanah Melayu termasuk dalam bidang perundangan dan pendidikan. Ianya telah dapat menjadikan undang-undang dan perlembagaan barat sebagai lebih mulia, aila dan paling tinggi serta teratas daripada perlembagaan serta undang-undang tradisi Bangsa Melayu termasuklah perundangan syariat.

Adat Dalam Ajaran Islam

Istilah 'adat' berasal dari bahasa Arab yang membawa maksud kelaziman yang terkhusus pada seseorang atau masyarakatnya.

Sesetengah ulamak berpendapat bahawa istilah 'adat' dan istilah 'urf' merujuk kepada maksud sama yang dapat diterima pakai sebagai salah satu sumber hukum perundangan bangsa-bangsa umat Islam.

Ini berdasarkan ayat al-Quran yang membawa maksud : *“Jadilah engkau pemaaf dan suruhlah orang mengerjakan yang makruf serta berpalinglah daripada orang-orang yang jahil.”*

Sebuah Hadith Rasulullah SAW pula bermaksud : *“Ambillah dari harta Abu Sufyan apa yang mencukupimu dan anakmu dengan cara yang baik atau sepatutnya (al-makruf).”*

Hadith yang lain bermaksud : *“ serulah kepada amal kebaikan (makruf) dan cegahilah kemungkaran (amar makruf wa nahi mungkar).”*

Perkembangan Islam merupakan suatu proses evolusi yang merubah kepercayaan dan pemikiran bangsa-bangsa jahiliyyah dari berbagai ras dan resam, menyambut serta memeluk Islam dengan budaya dan tradisi asal tempatan yang berbeza dan berbagai bentuk.

Rasulullah SAW dan para pemimpin ummah sesudah baginda yang membawa syiar Islam ke serata ceruk rantau dunia TIDAK MENUNTUT perombakan besar-besaran kepada amalan tradisi bangsa-bangsa yang telah memeluk Islam atau memerintahkan supaya adat serta resam tradisi mereka dilebur menjadi satu, yakni di'arabkan' sehingga menjadi beza sama sekali daripada yang asalnya.

Rasulullah SAW sendiri tidak pernah memeriksa satu persatu tradisi, resam serta tatacara hidup kaum-kaum yang baru memeluk Islam ini, tetapi cukup dengan menyuruh mereka mengucapkan dua kalimah syahadah.

Hakikatnya, Islam tidak membatalkan segala kebudayaan dan tamadun lama atau asal sesuatu bangsa itu, tetapi hanya meminda, merubah dan mentuliskan mana-mana yang perlu supaya 'ruh'nya menjadi Islam, sesuai dengan hukum Islam yang bersifat 'boleh sehingga tidak boleh', atau panduan yang diperluaskan (tawasu') gunapaknya selagi tiada halangan syarak.

Contohnya dalam hukum menutup aurat, bangsa Melayu ada baju Melayu dan baju kurung serta tudungnya, bangsa India Islam dengan kurta dan nuqbahnya, bangsa Afghanistan dengan burqanya, bangsa Arab Yemen dengan himarnya dan berbagai lagi.

Dalam ajaran Islam, terdapat beberapa peraturan khusus dalam menangani pengamalan serta hukum adat bangsa-bangsa Islam, antaranya :

- i. Adat hanya diterima pakai selama mana ia dipakai (berbeza dengan hukum syariat yang tidak boleh berubah sehingga Hari Kiamat).
- ii. Hukum adat harus diambil dalam keadaan tertentu apabila undang-undang syariat bersifat umum dan tidak menunjukkan apa-apa doktrin undang-undang mahupun memberikan definasi khusus atau tepat, contohnya dalam perkara adab dan sopan.
- iii. Pertembungan amalan adat dan undang-undang syariat akan diselesaikan dengan memberikan keutamaan pada undang-undang syariat.
- iv. Didalam sistem perundangan Islam, adat secara mandiri tidak diterima sebagai sumber resminya. Ia lebih bersifat pelengkap atau penggenap selagi tidak bertentangan dengan syariat.
- v. Peraturan-peraturan adat diterima oleh Islam selagi ia bersifat *al-'adah al-muhkamah* (adat yang baik)

Beberapa Bahagian Adat Melayu;

Dalam konteks sejarah Bangsa Melayu tradisi, adat dapat dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu :

i. ADATULLAH

Ditakrifkan sebagai hukum fitrah yang dicipta Allah Ta'ala. Terbahagi kepada dua bahagian;

- a. Hukum Tabii, e.g adat api membakar, adat air membasah, adat kambing mengembek, adat air laut masin, adat malam gelap, adat harimau bengis serta garang dan sebagainya.
- b. Hukum adat yang hampir mutlak merupakan peraturan Islam e.g konsep mesyuarah, belajar ilmu khususnya ilmu agama, ziarah-menziarahi, menghormati orang tua-tua, melayan tetamu dengan baik, berbaik sesama jiran dan sebagainya.

ii. ADAT MUHAKAMAH (ADAT YANG BAIK)

Adat *muhakamah* (adat yang baik) ialah undang-undang, hukum adat dan peraturan yang digubal oleh nenek moyang bangsa Melayu yang menjadi pemuka-pemuka masyarakat bagi menjamin kerukunan serta keharmonian di dalam konteks kehidupan dalam satu kelompok bangsa. Ianya mengikat rakyat kepada perlembagaan masyarakat. Undang-undang adat ini menjadi paksi utama undang-undang Bangsa Melayu di rantau ini dan lazim disebut dengan istilah *kanun*. Contoh undang-undang adat yang terawal dapat dilihat pada Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 22hb Februari 1303M bersamaan 14hb Rejab 702 Hijrah. Pada Batu Bersurat Terengganu terpahat beberapa peruntukan undang-undang jenayah dan perdagangan Islam. Selain itu terdapat juga *Risalah Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang, Hukum Kanun Dato' Star, Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan, Hukum Kanun Brunei* dan banyak lagi.

Dari perspektif Islam, adat *muhakamah* dikira mengikat dan wajib dipatuhi selama mana ianya tidak bertentangan dengan hukum syariat kerana adat *muhakamah* dibuat untuk mengatur masyarakat dengan baik dan memelihara kesentosaan negeri.

iii. ADATUNNAH (ADAT YANG DIADATKAN)

Adatunnah atau lazim diistilahkan sebagai resam ialah adat dan hukum yang bersumber daripada kebiasaan-kebiasaan masyarakat setempat yang dinilai sebagai murni, bermenafaat dan tidak bersalahan dengan hukum Islam serta tidak menyimpang dari konsep *adatullah* dan adat *muhakamah*. *Adatunnah* terbahagi kepada dua bahagian;

- a. Peradaban serta adat resam tempatan yang baik dan bersifat makruf seperti konsep bergotong royong, berbudi bahasa, bersopan-santun, belajar ilmu pertahanan seperti bersilat dan ilmu persenjataan, berlembut dengan orang tua-tua, menggunakan ganti nama kepada orang tua-tua sebagai tanda memuliakan mereka, bermusafir untuk mencari ilmu atau rezeki, majlis bersalaman dan bermaafan di Hari Raya Aidilfitri dan sebagainya.

Kebiasaan-kebiasaan terpuji ini kemudiannya diperkukuhkan oleh petinggi adat setempat sebagai resam yang harus berlaku dalam pergaulan hidup sehari-hari masyarakat.

- b. Majlis-majlis keagamaan dan amalan masyarakat Melayu yang juga bersifat makruf seperti Majlis Tahleel, Marhaban, Khatam Quran, Majlis bersunat, Majlis Maulidur Rasul, Majlis Tilawah di bulan puasa dan sebagainya.

Dalam masyarakat Melayu Islam masih juga terdapat beberapa puak asli yang mempunyai adat, resam dan aturan mereka yang tersendiri, iaitu yang hanya dipegang dan diamalkan oleh kaum mereka sahaja. Contohnya sesuatu kesalahan itu boleh dihukum atau didenda, seperti mengenakan benda berupa sebiji 'tajau'. Hukuman ini boleh dikenakan kepada orang dari luar kelompok puak asli ini jikalau kesalahan tersebut dilakukan dalam perkampungan mereka, selama mana ianya tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

iv. ADAT ISTIADAT

Adat istiadat pula ialah ritual-ritual yang sering dilakukan dalam institusi-institusi perayaan atau majlis-majlis rasmi, contohnya adat berkenduri-kendara, adat nikah-kahwin, adat menghadiri majlis diraja dan sebagainya. Perkara ini termasuklah dalam urusan mengatur alatan perhiasan, aturcara, tempat duduk dan susunan mereka yang akan menghadiri majlis-majlis yang beradat istiadat. Adat istiadat ini dibuat dengan tujuan meletakkan adab yang patut bagi membesar dan memuliakan perayaan atau majlis tersebut. Contoh tatacara dan protokol dalam majlis-majlis rasmi serta kenduri-kendara adalah seperti adat merisek, meminang, menyambut menantu, majlis anak naik buai, majlis pertabalan raja, majlis menghadap raja, majlis pengurniaan diraja dan sebagainya.

v. ADAT JAHILIYYAH

Adat istiadat yang bersumber daripada amalan-amalan yang dibawa dari zaman pra-Islam, umumnya bercanggah dengan ajaran Islam. Walaupun Islam telah lama berakar umbi dalam kehidupan masyarakat Melayu, sebahagian kecil adat istiadat jahiliyyah masih lagi diamalkan oleh sebahagian mereka. Bagaimanapun para pemimpin dan pemuka Islam telah mengupayakan secara berterusan berbagai cara yang dapat menghapuskan saki baki amalan adat istiadat jahiliyyah yang masih wujud dalam masyarakat Melayu, contohnya 'Perayaan Mandi Safar' yang telahpun dimansuhkan, menghantar makanan ke makam wali-wali keramat, beberapa ritual dalam majlis persandingan dan sebagainya.

Kesimpulannya, di dalam masyarakat Melayu takrif adat sebenarnya memenuhi suatu ruanglingkup yang besar, yang bukan sahaja meliputi tatacara penyelenggaraan kehidupan bermasyarakat,

ianya juga tidak dapat dipisahkan dari agama, politik, ekonomi dan pembangunan bangsa. Agama Islam yang syumul telah berjaya mengasli serta mentulenkan banyak hukum adat yang dibawa dari zaman pra Islam, sehingga di sesetengah tempat di rantau ini pelanggaran Islam dianggap sebagai pelanggaran adat Melayu. Ini jelas terbukti dalam suatu perbilangan lama yang berbunyi *'adat bersendikan syarak'*. Dalam hal ini, sering dianggapkan seseorang yang masuk Islam disebut sebagai *'masuk Melayu'* kerana Melayu sudah diidentikkan dengan Islam, **dan beriman dikira sebagai adat pertama dan utama dalam identiti seseorang yang berbangsa Melayu.**

Maka di atas keunikan fitrah sesuatu bangsa umat Islam itu, disamping pemakaian undang-undang Islam yang bersifat universal, hukum adat diterima sebagai satu lagi bentuk perundangan Islam mengikut beberapa syarat yang telah digariskan. Hukum adat sesuatu masyarakat itu berperanan sebagai *'fine tune'*, pelengkap dan penggenap kepada perundangan Islam.

Malahan jika tidak bercanggah dengan hukum Islam, hukum adat yang bersifat ritualistik dan penghias seperti adat istiadat juga tetap diterima atas ciri-ciri kehalusan, kesenian dan nilai estetikanya yang dapat memberikan kepuasan jiwa dan batiniah kepada masyarakat. Kerana fitrah manusia sukakan kecantikan, kehalusan dan kesenian, sedangkan amalan ritualistik dan protokol merupakan menifestasi amalan masyarakat bertamadun tinggi. Dan sesungguhnya Allah SWT juga amat suka pada kehalusan, kesenian, kecantikan dan tatacara (bezakan dengan budaya caca merba), lihat sajalah segala ciptaan-ciptaan dan sunatullahNya di dunia ini serta syurga yang dijanjikan Allah untuk hamba-hamba yang diredhoiNya!

Membetulkan Dua Kekeliruan Masyarakat Melayu Hari Ini

Adalah sesuatu yang amat mendukacitakan apabila diatas ketidak fahaman sesetengah pihak mengenai takrif sebenar adat Melayu, maka perbilangan *'Biar mati anak, jangan mati adat'* ditafsir secara literal sehingga mendapat cemuhan, lalu menuntut digantikan dengan *'Biar mati adat, jangan mati anak'*. Adat Melayu juga sering ditohmah sebagai warisan adat Hindu yang amat bercanggah dengan ajaran Islam. Di sini biarlah kekeliruan tersebut dijelaskan supaya dapat menyumbang kepada pemahaman sebenar akan adat Melayu yang pernah menjadi pegangan kuat nenek moyang kita.

i. "Biar mati anak, jangan mati adat"

Adat bukan sahaja menjadi paksi utama tamadun Bangsa Melayu sejak dari awal lagi, malahan selepas kedatangan Islam, banyak hukum adat dan agama yang serasi dan seragam telah lebur dan sebatu menjadi sebahagian dari identiti, pakaian dan jatidiri orang-orang Melayu. Dalam perkara ini terdapat segolongan pihak yang mengandaikan bahawa adat bermakna adat istiadat semata, langsung telah menuduh orang Melayu zaman silam sebagai zalim kerana berpegang pada pepatah '*biar mati anak, jangan mati adat*', yang ditakrifkan secara literal sebagai sanggup membunuh anak semata-mata untuk mempertahankan adat istiadat yang lapuk dan tidak bermenafaat seperti adat bersanding, bercukur, mandi safar dan sebagainya. Sebenarnya tuduhan yang tidak berasas ini adalah kerana tidak memahami takrif adat yang sebenar dalam konteks pepatah Melayu di atas.

Sebenarnya banyak adat Melayu dan perundangan Islam telah lebur menjadi satu sehingga kelaziman masyarakat dahulu kala menganggap pelanggaran hukum Allah dan RasulNya adalah merupakan suatu 'pelanggaran adat Melayu', contohnya berkhalwat, berzina, mencuri, minum arak dan sebagainya. Adat yang dimaksudkan ini ialah undang-undang atau perlembagaan masyarakat yang serasi dengan Agama Islam, digubal bagi menjamin kesentosaan, kesejahteraan, kerukunan serta keharmonian Bangsa Melayu tetap terpelihara dan negeri sentiasa dalam rahmat Allah. Maka undang-undang inilah yang mesti dipatuhi oleh semua pihak dan tidak harus dikompromi walaupun yang terpaksa dihukum itu anak sendiri kerana melanggar peraturan undang-undang.

Apatah lagi ajaran agama Islam sendiri telah menetapkan bahawa adat sesuatu bangsa itu dikira mengikat selama mana ianya tidak bercanggah dengan aturan dan hukum Islam kerana adat diciptakan sejak turun temurun untuk menjamin kesentosaan, perpaduan, persefahaman dan kerukunan masyarakat.

ii. Pengaruh agama Hindu dalam Adat Melayu

Satu penyelewengan fakta sejarah yang dibuat oleh golongan Orientalis ialah menuduh adat Melayu kebanyakannya merupakan saduran dari warisan Hindu zaman pra-Islam. Bagaimanapun, menurut pendapat ahli pemikir dan sejarawan terbilang, Professor Sayyid Naquib Al-Attas, adat Melayu yang

diambil dari warisan Hindu amatlah minima dan bukan dalam bentuk inti, rohaniyyat atau falsafah, tetapi lebih dalam bentuk kesenian dan adat istiadat. Itupan mana-mana saki baki warisan adat Hindu telah berjaya dikikis secara berperingkat oleh petinggi-petinggi adat setempat dalam masyarakat Melayu sehingga pada hari ini pengaruhnya menjadi amat samar.

iii. Adat Melayu cermin adat Khalifah Othmaniyyah

Satu perkara yang jarang diketengahkan oleh ahli-ahli akademik moden, apatah lagi oleh golongan Orientalis ialah hakikat bahawa banyak juga dari adat Melayu merupakan cermin kepada adat pusat khalifah Othmaniyyah di Turki. Ini berikutan hubungan akrab kesultanan-kesultanan Melayu, khususnya Kesultanan Melayu Melaka yang bertindak sebagai pusat intelektual, peradaban dan tamadun Melayu-Islam yang terunggul di rantau ini pada suatu masa dahulu, dengan khalifah-khalifah dari Dinasti Othmaniyyah.

Antara adat Dinasti Othmaniyyah yang menjadi ikutan Bangsa Melayu ialah seperti berikut;

Adat berkhatan: Berarak, Tok Mudim, Kenduri

Adat merisik: Wanita-wanita tua dari pihak lelaki

Adat berkahwin: Bunga manggar, pulut kuning

Adat bersalin: Pantang 40 hari, adat pijak tanah

Adat mengaji: Sekolah agama rakyat dan pondok

Adat rumah: Tetamu lelaki dan perempuan diasingkan, atau anjung dan dapur

Adat memuliakan ahlul-bait Rasulullah SAW

Adat Hari Asyura: Menyediakan bubur Asyura

Adat jenazah: Talkin, kenduri arwah, menziarah kubur, memuliakan makam-makam wali

Memuliakan hari kebesaran Islam: Ditandakan dengan tembakan meriam dan pukulan gendang, tadarrus beramai-ramai di bulan Ramadhan

Adat menghormati orang tua-tua: Tidak makan bersama-sama dengan bapa kecuali dengan izin, cium tangan orang tua-tua.

Fungsi Adat Melayu Dalam Lanskap Tamadun Tradisi Bangsa

Di dalam konteks hukum adat, individu-individu dalam masyarakat dapat digabungkan di bawah satu sistem norma dan nilai-

nilai yang seragam. Adat bukan sahaja dapat menghapuskan bibit-bibit konflik diantara ahli-ahli masyarakat yang berbagai darjat, citarasa dan karenah itu, malahan ianya juga berfungsi dalam membentuk peribadi dan jatidiri sesuatu bangsa, contohnya Bangsa Melayu. Dalam hal ini, walau dimana pun kedapatan mereka, orang Melayu dapat dibezakan dengan bangsa lain kerana mereka mempunyai adat unik dan terkhusus, iaitu keseragaman nilai dan norma yang menjadi sebahagian dari perilaku dan identiti diri mereka sebagai satu bangsa diantara banyak bangsa-bangsa umat Islam. Contoh nilai yang menjadi pegangan bersama Bangsa Melayu ialah konsep beriman, muafakat, gotong-royong, budi pekerti, adab, sabar, santun, setia, hormat, takzim dan banyak lagi.

Dalam konteks sejarah Bangsa Melayu, gabungan amalan adat dan syariah terbukti telah dapat membentuk satu bangsa yang beriman, luhur, beradat, beradab, berseni dan bermaruah. Kesan darinya lahirlah kekuatan, ketinggian, kemuliaan, kebesaran, kehalusan, keunggulan dan kedaulatan bangsa.

Ringkasnya kepentingan adat Melayu dapat dihayati sepenuhnya melalui perannya dalam perkara-perkara berikut;

- i. Keseragaman nilai, resam dan norma dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni dan sentiasa hidup dalam jiwa keislaman. Contohnya pengamalan '*adatunnah*' atau '*adat yang diadatkan*', merujuk kepada istilah '*Melayu itu Islam*' iaitu nilai-nilai murni yang berjiwa Islam seperti amalan muafakat, gotong royong, budiman, budi pekerti, balas budi, adab, sabar, santun, setia, takzim, hormat dan banyak lagi. Nilai-nilai murni ini banyak berkait dengan soal hati, yang mana dikatakan bahawa hati itu adalah penghulu pancaindera. Maka tidak hairanlah adat yang diamalkan ini memartabatkan Melayu sebagai bangsa yang mempunyai kerohanian tinggi.

Malahan '*adatunnah*' atau '*adat yang diadatkan*' seperti memeriahkan majlis-majlis keagamaan seperti Maulidur Rasul, Majlis Tahlil, Majlis Tilawah di bulan Ramadhan, Majlis Khatam Quran dan sebagainya yang menjadi sehati dalam amalan masyarakat Melayu zaman berzaman menguatkan lagi konsep '*Melayu itu Islam*'!

- ii. Sebagai pelengkap dan penggenap kepada undang-undang syariat, iaitu '*adat muhakamah*' seperti Undang-undang Laut Melaka, Undang-undang Palembang, adat Raja-raja Melayu, adat orang asli dan sebagainya

- iii. Sebagai penghias kepada amalan Bangsa Melayu yang dapat menunjukkan tamadun yang tinggi melalui ciri-ciri tatacara yang halus, beradab dan bersopan dengan nilai-nilai kesenian, kehalusan dan estetika yang tinggi. Iaitu *'adat istiadat'* seperti adat memulangkan sireh junjung sebagai tanda putus tunang, adat berpantun semasa majlis meminang, menghidangkan pulut kuning sebagai merujuk kepada majlis keagamaan yang sakaral (diambil dari adat Khilafah Othmaniyyah), adat bersanding dan sebagainya.
- iv. Sebagai penghalus kepada amalan bangsa Melayu yang juga merujuk kepada budaya serta tamadun tinggi, ditonjolkan dalam bentuk ibarah dan kata perbilangan seperti *'bahasa menunjukkan bangsa'*, *'bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat'*, *'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'*.

Contoh lain ialah sebagai kata-kata nasihat yang tersirat dalam ungkapan-ungkapan jenaka yang ringan dan tersurat tetapi penuh makna yang tersirat. Contohnya *'anak dara jangan menyanyi di dapur, nescaya suaminya kelak berpangkat tua'* (yang tersirat: takut kemalangan kerana leka bernyanyi), *'jangan duduk atas bantal takut tumbuh bisul'* (yang tersirat: tidak molek alas kepala diletakkan punggung), *'jangan makan berpindah-pindah tempat, takut berkahwin banyak'* (yang tersirat: takut tumpah dan berkecah nasi dan gulai) dan banyak lagi.

- v. Melalui pengamalan *'adat Raja-Raja Melayu'* yang termasuk padanya *'adat istiadat Raja-Raja Melayu'* adalah sebagai menunjukkan pemuliaan paling tinggi kepada Raja-Raja Melayu sebagai khalifah umat Islam berbangsa Melayu. Adat-adat tersebut juga merujuk tentang kepentingan dan sakaralnya tanggungjawab sebagai ulil amri yang menyebabkan institusi Raja-Raja Melayu perlu dipelihara dengan keras dan penuh perasaan 'cemburu', serta dilayani dengan penuh kebesaran dan kemuliaan.

Antara contoh-contoh spesifik adat-adat Melayu tradisi (khususnya *adatunnah* atau adat yang diadatkan) yang bersifat makruf ialah :

i. Adat berkampung dan bermasyarakat

- a. Menjalankan pentadbiran kampung dalam semangat muafakat dan bergotong royong'.
- b. Menjaga kepentingan awam secara bersama-sama.

- c. Menziarahi mana-mana keluarga yang ditimpa musibah dan menghulurkan bantuan.
- d. Menghulurkan sumbangan ikhlas kepada mana-mana ahli kampung yang berkenduri-kendara seperti beras, minyak, tepung gandum, gula, kelapa dan sebagainya.
- e. Memberi makan kepada tetamu terutama apabila kebetulan waktu makan bertembung dengan kemunculan tetamu di rumah.

ii. Adat berjiran

- a. Bertukar-tukar juadah, terutama di bulan puasa.
- b. Kunjung mengunjung dan sapa menyapa diantara jiran tetangga.
- c. Menolong mengawasi rumah jiran yang berpergian untuk sementara waktu.
- d. Tidak mengganggu jiran seperti membuat bising sehingga memekakkan telinga.
- e. Menegur atau melarang anak-anak jiran daripada melakukan perkara-perkara yang menjolok mata.

iii. Adat perhubungan dengan orang tua-tua

- a. Memberikan nama ganti kepada orang tua-tua sebagai menghormati dan memuliakan mereka seperti mak, ayah, datuk, nenek, mak long, pak long, pak ngah, makcik, pakcik, kakak, abang dan sebagainya.
- b. Tidak melintas di 'mua orang tua-tua', kalau terpaksa juga hendaklah memohon maaf dan jalan membongkok, tunduk sedikit serta tangan dikebawahkan.
- c. Jangan mencelah bila orang tua-tua sedang bercakap.
- d. Jangan meninggikan suara apabila bercakap dengan orang tua.
- e. Mencium tangan orang tua-tua di kalangan keluarga apabila bertemu dan berpisah.

iv. Adat kematian

- a. Menziarahi keluarga yang kematian.
- b. Menghadiri kenduri arwah dan bertahlil

v. Adat perhubungan dengan orang-orang luar

- a. Menjaga tata tertib seperti bersikap baik, sopan dan santun
- b. Menjemput mereka bersama-sama meraikan majlis-majlis keramaian Melayu yang bukan berbentuk keagamaan

- seperti majlis persandingan, hiburan serta rekreasi dan sebagainya.
- c. Tidak mencampuri atau melibatkan diri dengan majlis-majlis keagamaan mereka.
 - d. Menghormati adat dan amalan agama mereka selama mana mereka tidak mendakychakan kepada masyarakat kita.
 - e. Memberikan mereka peluang yang sama untuk mencari rezeki di tempat kita.

Natijahnya, pengamalan kebanyakan daripada adat-adat Melayu tradisi yang bersifat *adatunnah*, adat muhakamah dan adat istiadat telah memartabatkan bangsa Melayu sebagai bangsa yang BERADAB, BERADAT dan BERDAULAT, yakni ciri-ciri yang melayakkan bangsa ini menjadi bangsa yang berbudaya dan bertamadun tinggi.

Ditambah pula dengan unsur-unsur kerohanian yang juga terangkum dalam perkara *adatunnah* atau 'adat yang diadatkan', contohnya konsep 'BUDI' dan 'RENDAH DIRI', maka wujudlah istilah 'MELAYU ITU ISLAM', kerana rupa-rupanya adat yang diadatkan dalam pengamalan bangsa Melayu adalah hakikatnya banyak merupakan nilai-nilai Islam yang bersifat makruf, yakni yang amat disyorkan oleh Rasulullah SAW sebagai penghulu segala Nabi dan Rasul yang terkenal dengan hikmah, hemah dan akhlak yang paling tinggi dan mulia.

Kesimpulannya, keunikan imej bangsa dan agama yang dimenifestasikan dalam bentuk pengamalan adat warisan leluhur Bangsa Melayu dapat memberikan impak yang besar bukan sahaja dalam membentuk semangat kekitaan serta persaudaraan yang kental, tetapi juga sebagai memberi isyarat yang tegas kepada orang luar tentang identiti, pegangan, kepercayaan dan amalan kita. Malahan ianya mampu memberi isyarat tentang keharmonian, kesatuan dan perpaduan bangsa kita yang utuh sebagai satu bangsa Islam yang bertamadun tinggi, beradab dan berjiwa Islam yang kental.

Kebanyakan Adat Melayu adalah Bidaah Hasanat (Baik)

Pengertian 'bidaah' dari segi nahu Arab, iaitu BIDA'AH LUGHAWIYAH merupakan suatu istilah umum, yakni perkara yang tidak pernah dibuat pada zaman Rasulullah SAW. Menurut Syeikh Muhammad Jordani, salah seorang daripad ulama Mazhab Syafiee yang terkemuka pada kurun ke 19 Masihi di Mesir, bidaah dapat dikategorikan kepada 5 bahagian iaitu;

i. Bidaah Wajib

Mengumpulkan al-Quran dan hukum-hakam Islam didalam bentuk penulisan, mengilmu atau mengakedemikkan pengajian Bahasa Arab, mengelaskan hadith-hadith Rasulullah SAW, mengadakan hujjah-hujjah yang boleh mematahkan kaum Muktazilah dan sebagainya.

ii. Bidaah Haram

Mengadakan cukai-cukai yang diharamkan dalam Islam, meletakkan orang-orang yang tidak sepatutnya sebagai Qadi, Mufti, Khatib dan lain-lain jawatan yang berkaitan dengan syarak, menghabiskan masa seseorang mempelajari doktrin-doktrin mazhab-mazhab sesat yang bercanggah dengan Rukun Islam (kecuali untuk membidas dengan ilmu kebenaran demi menyedarkan puak yang telah disesatkan).

iii. Bidaah Mustahab atau Bidaah Sunnah

Membina madrasah-madrasah untuk memakmurkan pengajian ilmu-ilmu Islam, membuat pengkajian yang mendalam atas syariat Islam dalam berbagai keadaan, menulis buku-buku yang bermanfaat, membentuk institusi untuk memperdalam bahasa Arab, **mengamalkan wirid-wirid yang dibimbing oleh syeikh-syeikh sufi yang murshid dan muktabar, menyambut maulidur rasul, berhias dan meraikannya, bertawassul (berperantara), bertabarruk (mencari barakah), menziarahi makam wali-wali dan lain-lain perbuatan baik yang tidak dilakukan pada masa dahulu.**

iv. Bidaah Makruh

Memperindah masjid secara melampau-lampau, menghiasi al-Quran dan sebagainya.

v. Bidaah Mubah atau Harus

Menggunakan sudu dan garfu, memakan yang enak-enak, berkenderaan, menggunakan barang-barang keperluan hidup yang tidak menyalahi agama.

BIDAAH SYARIAH pula adalah seperti menurut sebuah Hadith Rasulullah SAW : “ *Sejahat-jahat perkara itu ialah perkara yang dibuat padahal ia tidak ada pada zaman Rasulullah SAW dan tiap-tiap bidaah itu adalah sesat.*”

Dalam mentafsir Hadith di atas, Imam Ibnu Hajar berkata : “ *Ahli bidaah yang dimaksudkan dalam Hadith itu ialah mereka yang tiada berjalan atau tiada beriktihad menurut iktihad dan perjalanan Ahlus Sunnah Wal Jamaah. Yang dimaksudkan dengan Ahlus-Sunnah Wal-Jamaah itu ialah pengikut-pengikut al-Imam Abu Hassan al-Asya’ri dan pengikut-pengikut al-Imam Manshor al-Maturidiah. Kedua-duanya pemimpin Ahlus Sunnah Wal Jamaah, iaitu iktihad kebanyakan umat Islam yang ada sekarang daripada mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali.*”

Ringkasnya konsep bidaah mempunyai ruang lingkup yang besar yang termasuk antaranya BIDAAH HASANAT (baik) seperti BIDAAH WAJIB, BIDAAH MUSTAHAB dan BIDAAH SUNNAH. Sahabat-sahabat Rasulullah SAW dan golongan salafus soleh membuat banyak bidaah wajib, sedangkan khalifah dan sultan-sultan banyak melakukan bidaah mustahab.

Dalam hal ini Rasulullah SAW pernah bersabda : “*Barangsiapa memulakan adat yang baik dalam Islam mendapat ganjaran daripadanya, dan mendapat ganjaran daripada orang-orang kemudian yang juga melakukannya tanpa sedikitpun mengurangkan ganjarannya.*” (Hadith Muslim)

Alim-ulamak muktabar memberikan contoh adat yang baik dalam Hadith di atas seperti menyambut Maulidur Rasul, mengumpulkan al-Quran, membukukan ilmu untuk dijadikan bahan rujukan dan sebagainya.

Kesimpulannya, bukanlah semua yang tidak dilakukan oleh para salaf dan segala yang tidak pernah berlaku pada zaman awal Islam dikatakan bidaah yang mungkar, haram dilakukan serta wajib diingkari. Perbuatan serupa itu harus diukur dari segi dalil-dalil syari’e. Mana yang mengandungi maslahat umum dihukumkan wajib, yang mengandungi bibit haram adalah haram, yang dimakruhkan adalah makruh, yang diharuskan adalah harus dan yang disunnahkan adalah sunnah. Tiap-tiap perbuatan itu ada hukum dan tujuannya.

Bukanlah tiap-tiap bidaah itu diharamkan. Jika demikian, nescaya haramlah perbuatan Sayyidina Abu Bakar, Umar dan Zaid RA anhum dalam inisiatif mengumpulkan al-Quran dan menulisnya dalam buku atas kebimbangan al-Quran yang mulia akan hilang setelah meninggalnya sahabat-sahabat yang menghafalnya. Nescaya haramlah perbuatan Sayyidina Umar RA ketika beliau sembahyang terawikh berjemaah dengan satu imam. Beliau pernah berkata : “*Alangkah eloknya bidaah ini*”. Nescaya haramlah mengarang kitab-kitab ilmu yang bermenafaat. Jika demikian, wajiblah kita berperang dengan orang-

orang kafir menggunakan lembing dan anak panah semata-mata sedangkan mereka menentang kita dengan peluru, meriam, kereta kebal, kapal terbang, kapal selam dan senjata-senjata api lainnya. Nescaya haramlah azan di atas menara, azan menggunakan pembesar suara, membuat sekolah-sekolah, asrama-asrama, hospital, rumah anak-anak yatim dan banyak lagi.

Untuk melabel secara membuta tuli akan amalan adat secara keseluruhannya sebagai perkara bidaah sesat jelas menunjukkan kejahilan bukan sahaja tentang konsep bidaah yang sebenar, tetapi juga mengenai takrif adat yang dipraktikkan oleh masyarakat Melayu dahulu kala.

Kesimpulannya, jika ditinjau kebanyakan amalan adat Melayu yang termasuk dalam kategori '*adatunnah*' atau '*adat yang diadatkan*' contohnya konsep bergotong royong, berbudi bahasa, belajar ilmu pertahanan seperti bersilat dan ilmu persenjataan, memeriahkan majlis-majlis keagamaan seperti Majlis Tahleel, Marhaban, Khatam Quran, Maulidur Rasul, Majlis Tilawah di bulan puasa dan sebagainya, maka jelas terbukti perkara-perkara ini adalah bersifat Bidaah Mustahab. '*Adat muhakamah*' seperti perlembagaan tradisi yang digubal oleh pemuka-pemuka masyarakat contohnya Kanun Melaka, Undang-undang 99 Perak, Undang-undang Minangkabau, Kanun Pahang dan sebagainya adalah juga bersifat Bidaah Mustahab selama mana tiada tertera peraturan yang bercanggah dengan undang-undang syariat.

Maka kedua-dua perkara di atas adalah terangkum dalam kategori Bidaah Hasanat.

Sementara kebanyakan dari adat istiadat Melayu seperti tatacara dan protokol dalam majlis-majlis resmi serta kenduri-kendara seperti adat merisek, meminang, menyambut menantu, majlis anak naik buai, majlis pertabalan raja, majlis menghadap raja, majlis pengurniaan diraja dan sebagainya adalah bersifat Bidaah Mubah atau harus selama mana tiada mengandungi unsur-unsur haram seperti pembaziran yang melampau-lampau, percampuran lelaki perempuan yang bukan muhrim, hidangan arak atau makanan-makanan haram, amalan-amalan khurafat serta syirik dan sebagainya.

Hakikatnya fitrah manusia suka pada budaya, rekreasi dan hiburan. Sesetengah golongan pula amat menghargai kesenian, kehalusan, imaginasi tinggi dan kreativiti. Oleh itu fitrah-fitrah semulajadi ini perlu disalurkan pada aktiviti-aktiviti masyarakat yang bersifat harus dalam agama. Malahan aktiviti-aktiviti sebegini perlu digalakkan jika ianya dapat mencetuskan peradaban dan nilai-nilai murni seperti konsep gotong royong, semangat perpaduan, kekitaan,

setia kawan, ukhwah dan sebagainya. Nilai-nilai ini menjamin bekalan tenaga sukarela rakyat sedia ada apabila perlu digembeling dalam keadaan darurat atau musibah jika berlakunya ancaman ke atas kepentingan bangsa dan agama mahupun bencana alam.

Bagaimanapun dalam hal ini, golongan ulama dan petinggi adat setempat perlu memberikan kerjasama erat dalam membimbing rakyat supaya majlis-majlis adat-istiadat, kebudayaan, hiburan dan rekreasi dapat diseimbangkan diantara keperluan fitrah masyarakat dengan kewajiban mereka sebagai hamba Allah, supaya aktiviti-aktiviti tersebut dapat dibataskan dalam kerangka, landasan dan kejiwaan Agama Islam. Ini supaya tidak menghilangkan berkat dan rahmat Allah ke atas masyarakat Islam itu.

Natijah dari Kepupusan Adat Melayu

Nilai dan norma masyarakat Melayu tradisi seperti konsep gotong-royong, muafakat, berbudi pekerti mulia, beradab sopan, takzim pada orang tua-tua dan banyak lagi yang mengatur kehidupan bangsa kita sejak turun temurun supaya sentiasa terbendung dalam kejiwaan agama kian menjadi asing pada hari ini. Kesan daripada sikap 'berubah kiblat' kepada dunia barat khususnya Amerika Syarikat yang menyebabkan pemupusan nilai-nilai dan norma-norma tradisi ini maka lahirlah generasi Melayu moden yang mengamalkan budaya 'nafsu-nafsi', tidak berakhlak, golongan muda tidak menghormati warga tua, mewujudkan budaya 'kurang ajar', jiran tetangga yang mengasingkan diri masing-masing, konsep 'rumah tertutup', sikap tidak sabar, tidak bersyukur, tidak redho dan bermacam-macam kepincangan lain.

Nilai-nilai kekampungan yang merupakan fitrah orang-orang Melayu untuk sekian lamanya kini digantikan dengan nilai-nilai perbandaran yang merosakkan peradatan dan peradaban murni bangsa kita. Konsep '*extended family*' (tiga atau empat generasi dalam satu keluarga) digantikan dengan '*nuclear family*' (maksima dua generasi dalam satu keluarga). Anak-anak Melayu di bandar menjadi '*latch key kids*', iaitu anak-anak yang ditinggalkan keseorangan di rumah kerana kedua ibubapanya bekerja. Wanita-wanita Melayu tidak tahu atau tidak gemar membuat kerja masak-memasak di rumah dan 'makan di luar' menjadi kelaziman orang-orang Melayu di bandar.

Maka banyaklah lagi adat Melayu yang berganti dengan adat orang-orang barat sehingga menghilangkan segala unsur-unsur keberkatan, keluhuran, perhubungan yang erat, kesatuan jiwa dan kasih sayang, ukhwah dan sebagainya diantara masyarakat Melayu.

Dari aspek yang lain pula, menghilangnya adat-adat Melayu berbentuk penghias yang menyerlahkan budaya kehalusan dan peradaban yang tinggi. Maka kalau dahulu sirih junjung dipulangkan penuh adat sebagai tanda putus tunang, tetapi sekarang dibuat terus melalui telefon atau mesej teks sms sahaja. Kalau dulu ada sesi berbalas pantun yang penuh senda gurau diantara warga emas dari kalangan pihak pengantin lelaki dan perempuan sebagai acara penghias yang menjadi klimaks majlis, namun sesi tersebut sudah tiada lagi pada hari ini kerana orang tua-tua sudah tidak pandai berpantun secara spontan.

Kalau dahulu kata-kata nasihat dan pedoman disembunyikan dalam ungkapan-ungkapan perbilangannya dan peribahasa yang halus dan berseni, contohnya nasihat kepada anak dara dan anak teruna, tetapi kini dihamburkan dengan selamba dan tiada beralas sehingga istilah-istilah yang terlalu bergrafik, kasar dan tidak sopan digunakan secara santai dan bersahaja.

Natijah dari kepupusan adat-adat Melayu juga menyaksikan wujud dan berkembangnya budaya biadap dan kasar, contohnya anak-anak muda yang suka mencelah, menjawab dan menengking orang tua-tua, wanita-wanita Melayu yang hilang sifat-sifat kewanitaannya, tidak pandai melayan dan tidak mahu menghormati suami sebagai ketua keluarga, suami-suami Melayu yang tidak lagi pandai 'memikat' isteri-isteri mereka, ahli-ahli politik yang mengajar rakyat supaya tidak perlu memuliakan Raja-raja Melayu, kerabat-kerabat raja yang kekok untuk beradat istiadat Melayu dan lebih selesa beradat istiadat barat.

Malahan orang-orang Melayu hari ini lebih suka dan selesa menganjurkan parti-parti yang berunsurkan ciri-ciri kebaratan seperti majlis hari jadi, merayakan majlis tahun baru (Masihi), berpusu-pusu memeriahkan majlis-majlis yang dihiburkan artis-artis tempatan dan luar negara, melompat dari satu panggung wayang ke satu panggung wayang, dari satu kelab malam ke satu kelab malam, dari satu pusat hiburan ke satu pusat hiburan, dari satu *shopping mall* ke satu *shopping mall* sehinggalah mengosongkan majlis-majlis keagamaan seperti Maulidur Rasul, Majlis Tahlil, Majlis Khatam Quran, majlis-majlis ilmu dan zikir, dan sebagainya yang hanya dihadiri oleh segelintir warga emas tetapi hampir kosong daripada kehadiran generasi-generasi muda.

Kesimpulannya, masyarakat Melayu hari ini telah menjadi keliru tentang apakah identiti diri mereka yang sebenar berikutan hilangnya amalan-amalan adat tradisi yang kini ditohmah segelintir masyarakat sebagai bidaah sesat. Kejayaan musuh-musuh bangsa dan agama untuk menyelewengkan sejarah Melayu serta menyelinapkan falsafah-falsafah serta amalan-amalan batil dalam kerangka dan struktur-struktur sosio-

politik masyarakat telah berjaya melahirkan generasi Melayu kini yang serba kebingungan tentang siapakah diri mereka, apakah asal-usul dan identiti mereka yang sebenar? Malangnya, apabila keadaan ini berlaku, tercetuslah tohmahan bahawa orang-orang Melayu 'mudah lupa'.

Bukanlah kosong-kosong apabila nenek moyang kita mewanti-wanti bahawasanya Melayu itu Islam kerana itulah realitinya. Itulah hakikat makna Melayu dari aspek zahiriyah apatah lagi dari sudut batinyyah. Maka jikalau kita sebagai generasi Melayu hari ini yang sepatutnya bertanggungjawab dalam memelihara sendi-sendi bangsa dan agama, tetapi gagal dalam melaksanakan tanggungjawab yang amat besar itu, maka siapakah lagi yang patut dipersalahkan?

Tepuk dada, tanya selera. Atau lebih tepat lagi, tepuk dada, tanya iman.

Mengembalikan Pengamalan Adat dan Adab Melayu

Beberapa inisiatif boleh dibuat bagi mengenal dan mengembalikan semula masyarakat Melayu pada adat dan adat-istiadatnya yang baik. Antaranya :

- i. Mengketengahkan adat Melayu melalui perspektif yang betul bagi membetulkan persepsi orang-orang Melayu generasi masakini terhadapnya. Dalam hal ini adalah penting untuk memberikan penilaian serta pengadilan dari kacamata Islam, tidak perlu dibimbangi hal ini kerana telah terbukti bahawa kebanyakan dari adat Melayu adalah termasuk dalam kategori Bidaah Hasanat, yakni bidaah yang baik, ataupun Bidaah Mustahab, yakni bidaah yang harus.

Mana-mana adat Melayu yang bersifat jahiliyyah bolehlah ditapis dan dibuang terus.

- ii. Memberikan kefahaman serta kesedaran tentang kepentingan serta relevannya adat Melayu dalam hubungkaitnya dengan Tamadun MELAYU ISLAM BERAJA pegangan bangsa kita turun temurun. Ianya bagi mewujudkan penghargaan pada identiti sebenar bangsa kita sebagai satu bangsa yang hakikatnya pernah berTamadun tinggi, selain mencetuskan sifat keyakinan dan harga diri yang tinggi.
- iii. Dengan adanya pemahaman, penghayatan dan kesedaran yang mampu mencetuskan penghargaan mengenai fungsi dan kepentingan adat Melayu, barulah akan mendatangkan hasrat dan keinginan untuk mengamalkannya semula, berlebih lagi adat

Melayu masih banyak yang berbaki lagi, iaitu belum kepupusan pada tahap yang kronik.

- iv. Dalam hal ini Raja-raja Melayu mempunyai peranan yang amat penting sebagai tonggak tradisi bangsa dan agama untuk menjadi pemangkin yang kuat dalam ikhtiar memulih serta memelihara adat-adat Melayu khususnya yang berkaitan dengan adat Raja-raja Melayu.

Selepas Raja-raja Melayu, yang kedua terpenting ialah pemuka-pemuka masyarakat Melayu yang pernah mempunyai warisan keluarga turun temurun sebagai petinggi adat setempat, mereka patut diberi insentif untuk sama-sama menyumbangkan kudrat dalam usaha melaksanakan inisiatif murni itu.

- v. Golongan alim-ulamak, khususnya pihak mufti negeri dengan kerjasama Majlis Fatwa Kebangsaan perlu menjadi salah satu daripada ahli panel yang terpenting sebagai pakar rujuk dalam pembentukan dasar dan pelaksanaan gerak kerja tersebut. Mudah-mudahan adat Melayu sentiasa terangkum dalam kategori Bidaah Hasanat atau sekurang-kurangnya Bidaah Mubah yang terbandung dalam syariat Islam tetapi mampu memenuhi kehendak fitrah masyarakat Melayu pada pengamalan budaya leluhur yang luhur, halus dan tinggi dengan kejiwaan Islam yang tulen dan suci murni. Supaya Bangsa Melayu selama-lamanya dapat dikaitkan dengan falsafah MELAYU ITU ISLAM.



Tepak sireh

Masyarakat Melayu memang terkenal dengan sifat sopan santun, berbudi bahasa serta penuh dengan adat budaya dalam menjalani kehidupan seharian. Begitulah keadaanya dalam adat bersirih, setiap bahan yang terkandung mempunyai pengertian dan membawakan maksud tertentu⁴⁰.

Sireh:

Dimengertikan sifatnya yang merendah diri dan sentiasa memuliakan orang lain, sedangkan dirinya sendiri adalah bersifat pemberi. Ini disebabkan dengan sifat memanjat pohon sirih di atas junjung atau pokok sakat atau juga pokok api-api yang digemarinya dan dalam masa yang sama tidak merosakkan junjung itu.

Kapur:

Melambangkan hati seseorang yang putih bersih serta tulus, tetapi jika keadaan tertentu yang memaksanya ia akan berubah lebih agresif dan marah. Walaupun kapur ini diperolehi hasil prosesan cengkerang kerang atau batu kapur, ianya berwarna putih bersih, tetapi tindakbalasnya boleh melecurkan.

⁴⁰ <http://www.pnm.my/sirihpinang/sp-sirihpinang.htm>

Gambir:

Dengan sifatnya yang kelat kepahit-pahitan memberikan erti kecekalan hati. Warna daun gambir yang kekuning-kuningan serta melalui pemprosesan untuk mendapatkan sarinya sebelum boleh dimakan bersama sirih.

Pinang:

Digambarkan sebagai lambang keturunan orang yang baik budi pekerti, tinggi darjatnya serta jujur. Bersedia melakukan sesuatu perkara dengan hati terbuka dan bersungguh-sungguh. Ia memadankan sifat pokok pinang itu yang tinggi lurus ke atas serta mempunyai buah yang lebat dalam setandan.

Jembakau:

Melambangkan seseorang yang berhati tabah dan sedia berkorban dalam segala hal. Ini kerana daun tembakau itu sendiri berasa pahit dan memabukkan apabila ianya telah dihiris halus sebagai tembakau serta tahan lama untuk disimpan.

Bahagian Kelima ;

**PERTUANAN
RAJA-RAJA MELAYU**

Bab 17 : **Sultan Melayu Nusantara;** **Pewaris Khulafa' Rasulullah**

Mengikuti teks *Sulalatus Salatin* atau lebih terkenal dengan jolokan *Sejarah Melayu* susunan Bendahara Paduka Raja Tun Muhammad, timang-timangannya Tun Seri Lanang, sistem pemerintahan beraja di Alam Nusantara bermula dengan termaktubnya perjanjian sumpah setia, atau *wa'ad* diantara golongan yang memerintah, iaitu Seri Teri Buana, atau lebih terkenal dengan jolokan Sang Nila Utama, dengan golongan yang diperintah, iaitu Demang Lebar Daun, yang menurunkan keturunan-keturunan bendahara. Semenjak itu mulai tumbuh dan berkembang mekar budaya beraja di ceruk rantau Nusantara, melahirkan juga tamaddun bangsa setempat yang gilang-gemilang.

Pada zaman pra-Islam raja-raja digelar '*Dewa Raja*' , dianggap sebagai 'jelmaan Tuhan di bumi'. Bagaimanapun kemunculan Islam telah merubah konsep tersebut menjadi *zilullahu fil ardh* atau *zilullahu fil 'alam*, iaitu dalam peranan sebagai '*payung dan tombak Allah*' di muka bumi ini, iaitu suatu mandat penting sebagai pewaris khulafa' Rasulullah SAW.

Hakikatnya, dalam sudut perkembangan Islam sendiri, pemerintahan beraja mempunyai akar umbi sejarah yang panjang, lebih 3000 tahun lamanya, bermula semenjak zaman Nabi Idris, Nabi Daud dan Nabi Sulaiman AS. Nabi Muhammad SAW pun tidak terkecuali dari mempunyai hubungan darah dan kekeluargaan dengan golongan bangsawan.

Sesuai dengan peranan baginda sebagai *Rahmatulil 'Alamin*, Rasulullah SAW begitu menginginkan agar seruan dakwah *ilal-'Lah* dapat sampai kepada seluruh umat manusia, dari bumi *maghrib* ke bumi *masyriq*. Maka sebagai umat Nabi Muhammad SAW yang menjadi penutup bagi sekalian Anbiyya', atau *Khatimul Anbiyya'*, adalah menjadi pertanggung jawaban umat Islam sejagat untuk menyambung tugas penyebaran, pelaksanaan, pemeliharaan serta pertahanan agama yang suci murni ini. Di sinilah duduknya tanggungjawab raja-raja sebagai sub-sistem atau unit-unit rangkaian khulafa' Rasulullah SAW.

Sejarah Melayu merujuk kepada Institusi Raja-Raja Melayu yang telah wujud sebelum tamadun Melayu-Islam itu sendiri. Malahan Institusi Raja-Raja Melayu inilah yang kemudiannya bertanggungjawab pula dalam memberikan definisi kepada istilah tamadun Melayu-Islam

itu apabila Sultan Melaka memeluk Islam di tangan Makhdum Sayyid Abdul Aziz, seorang ulamak Mekah. Baginda mengambil nama Sultan Muhammad bersempena dengan peristiwa tersebut. Dalam mencorakkan dasar pemerintahan negeri yang berlandaskan konsep tamadun Melayu-Islam itu, Sultan Muhammad telah mendapat bimbingan alim-ulamak fekah, tasawuff serta para petinggi dan pemuka adat setempat. Adat Raja-Raja Melayu jugs digubal dengan input dari pihak Bendahara serta dibantu khususnya oleh alim-ulamak tasawuff, supaya peranan Raja sebagai wakil Allah dan RasulNya atas umat Islam dapat disesuaikan dan diserasikan mengikut fitrah Bangsa Melayu.

Anaknda baginda yang bernama Sultan Muzaffar Syah pula telah memantapkan hukum ADAT dan SYARAK sebagai dasar pemerintahan negeri. Kemudian apabila kerajaan-kerajaan kecil yang lain mengambil nobat dari Melaka, tamadun Melayu-Islam yang dicorakkan oleh Kesultanan Melayu Melaka itu dijadikan pegangan bagi kesultanan-kesultanan ini. Dari situ tercetuslah istilah Bangsa Melayu-Islam dan kesultanan-kesultanan Melayu-Islam. Kepercayaan dan pengamalan pada tamadun Melayu-Islam ini kemudiannya secara berperingkat telah meresap jauh ke dalam jiwa sanubari Bangsa Melayu sehingga tercetuslah ungkapan '*Melayu itu Islam*', maka akhirnya Bangsa Melayu-Islam hanya menjadi Bangsa Melayu, tamadun Melayu-Islam hanya menjadi tamadun Melayu dan kesultanan-kesultanan Melayu-Islam menjadi kesultanan-kesultanan Melayu. Begitulah halnya apabila Islam telah begitu bersehati dan diidentikkan dengan Bangsa Melayu sehingga menjadi sebahagian dari hakikatnya, sedangkan adat Melayu pula menjadi sebahagian lagi dari hakikat tersebut.

Sumbangan Raja-Raja Melayu Melaka dalam mencorakkan identiti dan tamadun Melayu-Islam ini merupakan suatu sumbang bakti yang tidak ternilai dan terbalas oleh kita. Semoga Allah SWT saja yang dapat memberikan baginda sekalian ganjaran yang setimpal.

Institusi Raja-Raja Melayu Sebagai Sub-Sistem Khilafah

Pemerintahan Khilafah Othmaniyyah yang bermula pada akhir abad ke 13M merupakan pemerintahan yang mendapat sokongan dari semua penganut Islam di serata pelosok dunia, yang mana raja-rajanya diiktiraf sebagai Khalifah Islamiyyah. Malahan *Syarif-Syarif Mekah* juga mengiktiraf, mendokong dan menjalin ukhuwwah yang baik dengan khalifah-khalifah dinasti tersebut. Mereka menjadi sumber inspirasi dan kekuatan ummah serta tempat pergantungan termasuklah dari rantau ini. Khalifah Islamiyyah ini memberikan

makna yang besar kepada semangat perpaduan dan setiakawan yang wujud di kalangan kesultanan-kesultanan Islam sedunia, malahan menjadi resam daulah-daulah Islamiyyah untuk mendoakan kesejahteraan khalifah-khalifah, selain raja-raja mereka yang dibuat selepas khutbah Jumaat.

Kesultanan Melayu Melaka menempuh zaman keemasan hanya selepas mendapat nobat Khalifah dimana ianya menjadi pusat Islam yang terunggul di rantau. ini. Apabila kerajaan-kerajaan berjiran mengambil nobat dari Melaka untuk mengenalkan diri sebagai kesultanan-kesultanan Islam, maka diambil sekali segala adat dan peraturan raja-rajanya. Daulah-daulah Islamiyyah ini dipanggil kesultanan-kesultanan Melayu. Antara kesultanan yang mengambil nobat dari Melaka ialah Kesultanan Perak, Pahang, Brunei, Kedah dan sebagainya.

Dengan penobatan ini, Raja-Raja Melayu mendapat pengiktirafan sebagai *zilul 'Lah fil ard*, ukhuwwah yang terjalin dengan pusat Khalifah Islamiyyah atau *Syarif-Syarif Mekah* langsung dapat dimenafaatkan melalui hubungan perdagangan, diplomatik serta bantuan daripada alim-ulamak yang didatangkan khas dari tempat-tempat tersebut serta bantuan ketenteraan untuk memerangi penjajah-penjajah kafir.

Sebagai sub-sistem dalam rangkaian Khalifah Islamiyyah, hubungan akrab yang terjalin diantara Khalifah Othmaniyyah dengan kesultanan-kesultanan Melayu banyak tercatat dalam sejarah, antaranya;

- i. Sultan Alauddin Riayat Shah Al-Qahhar (1537-1568) dari Kesultanan Aceh telah diberikan gelaran Sultan oleh Khalifah Othmaniyyah yang bernama Sultan Salim II.
- ii. Di zaman Sultan Alauddin Riayat Syah Al Mukammil (1588-1604), Aceh telah dibenarkan menggunakan bendera corak Kerajaan Othmaniyyah. Aceh juga telah menerima bantuan ketenteraan daripada Khalifah Othmaniyyah dalam jihadnya dengan Belanda
- iii. Kesultanan Sulu pernah meminta bantuan ketenteraan daripada Othmaniyyah dalam jihadnya dengan penjajah Sepanyol
- iv. Kesultanan Banten pernah meminta pengiktirafan Syarif Mekah dan menghantar perutusan kepada Khalifah Othmaniyyah
- v. Kesultanan Brunei pernah meminta bantuan Khalifah Othmaniyyah untuk mengusir James Brooke yang telah merampas sebahagian besar dari wilayah Brunei masa itu.
- vi. Salah seorang dari Raja-Raja Melayu (kemungkinan dari

Kesultanan Terengganu) pernah menawarkan diri untuk menjadi Khalifah ummah apabila Kerajaan Othmaniyyah kalah dalam peperangan dengan tentera bersekutu Eropah pada awal abad ke 20M.

- vii. Khalifah Othmaniyyah banyak memberikan dorongan, malah bantuan ketenteraan kepada ancaman penjajahan Nasrani di rantau ini sehingga akhir abad ke-19 Masihi melalui pejabat konsul mereka di Singapura dan Batavia (Jakarta).
- viii. Khalifah Othmaniyyah juga pernah melibatkan diri bersama pejuang-pejuang Islam dalam menentang penjajahan Nasrani di Sulu, Palembang, Jambi dan lain-lain tempat

Kewujudan Institusi Raja-Raja Melayu sebagai unit-unit dalam rantaian Khalifah Islamiyyah semenjak hampir 600 tahun yang lalu merupakan suatu rahmat kepada Bangsa Melayu. Walaupun dengan segala bekas parut dan calarnya, warisan pemerintahan umat Islam yang masih dipelihara di negara kita adalah sesuatu yang harus disyukuri, kerana dalam kebanyakan negara Islam yang lain di dunia, Institusi Raja-Raja Islam telah dilupuskan sama sekali oleh perencanaan jahat kuasa-kuasa Barat, sebagaimana terhapusnya Institusi Khalifah Islamiyyah. Institusi Raja-Raja Islam yang menjadi 'payung dan tombak' Allah SWT di dunia ini kemudiannya digantikan dengan sistem-sistem yang berfalsafah 'kenegaraan' yang hakikatnya dinaungi oleh Yahudi dan Nasrani.

Kepentingan, Fungsi Dan Peranan Raja-Raja Melayu Tradisional

Sejarah pemerintahan Raja-Raja Melayu memperlihatkan bahawa kedatangan Islam di rantau ini telah mengubah kedudukan raja-raja yang sebelumnya dikaitkan dengan unsur-unsur kudus dan suci, kepada pemerintah umat Islam yang mendapat mandat dari Allah SWT sebagai wakilNya dan wakil RasulNya SAW di mukabumi ini. Sebagai *Ulil Amri*, seorang Raja Islam mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan baik kerana tanggungjawab tersebut akan dipersoalkan atasnya pada Hari Akhirat nanti.

Islam telah mengubah corak pemerintahan yang berpusat dan berpaksikan kepada Raja dengan sistem pemerintahan yang berpusat dan berpaksikan syariah, yang mana Raja bertindak sebagai penaung kepada sistem ini. Dalam hal ini Islam bukan sahaja memberikan legitimasi agama kepada Raja-Raja Melayu, malahan tafsiran tersiratnya ialah menjuruskan raja-raja ini supaya mengamalkan Islam dalam diri dan pemerintahannya atas kedudukan Raja itu sebagai

'bayangan Allah di muka bumi'.

Selain itu, Islam juga telah membawa Raja-Raja Melayu kepada dua konsep murni, iaitu adil dan muafakat. Konsep adil diterapkan dalam perjanjian diantara Demang Lebar Daun dan Sang Nila Utama dan dijadikan sebagai *magna carta* bangsa Melayu. Konsep muafakat pula menekankan semangat bermusyawarah yang perlu dipupuk di bawah sistem pemerintahan Islam. Konsep ini kemudiannya dipercayai menjadi asas kepada konsep gotong-royong yang menjadi fitrah masyarakat Melayu zaman silam.

Kedatangan Islam di Alam Melayu telah melahirkan suatu kuasa politik yang unggul dan berwibawa, yang mana amalan pemerintahan Islam oleh kesultanan-kesultanan Melayu ini diakui pernah membawa kepada suatu era gemilang dalam sejarah rantau ini. Kebanyakan Raja-Raja Melayu di zaman kecemerlangan tersebut telah mendaulatkan Islam dalam amalan pemerintahan mereka. Sumbangan Institusi Raja-Raja Melayu sebagai pusat pelaksanaan dasar tamadun Melayu-Islam di Alam Nusantara dapat diperlihatkan dalam beberapa aspek ini, iaitu;

1. Berperanan dalam mewujudkan sistem pemerintahan Islam.
2. Mewujudkan ekonomi Islam yang mantap dengan pusat-pusat perdagangan yang masyur.
3. Mewujudkan satu citarasa kemasyarakatan yang tidak pernah ada sebelumnya, iaitu konsep muafakat dan gotong royong.
4. Menjadi pusat penyuburan ilmu dan peradaban Islam dengan penghasilan karya-karya yang meliputi bidang-bidang pengajian agama yang luas seperti fiqah, usuluddin, falsafah, tasawuff, tafsir, tatabahasa Arab dan kesusasteraan
5. Menjadi pusat kegiatan kebudayaan dan kesusasteraan Melayu-Islam
6. Menggubal perundangan Islam, hukum kanun dan adat resam

Dalam lanskap pemerintahan Bangsa Melayu, Institusi Raja-Raja Melayu juga berfungsi dalam beberapa perkara yang berikut ;

Sebagai 'payung' bangsa.

Institusi Raja-Raja berfungsi sebagai 'payung bagi bangsanya', umpama payung yang melindungi pemakainya dari terik kepanasan matahari dan basahan siraman hujan. *Institusi Raja-Raja* yang berhakikat berfungsi sebagai pelindung kedaulatan bangsa dan agama yang dipayungi itu. Pentingnya peranan Raja-Raja Melayu sebagai tonggak pelindung bangsa dan agama adalah umpama tanggungjawab seorang bapa sebagai ketua rumahtangga. Bapa diamanahkan oleh Allah SWT sebagai penjaga dan pelindung isteri dan anak-anaknya. Sebagai tonggak keluarga, bapa perlu menjaga maruah dan kehormatan keluarga. Di dalam rumahtangganya, isteri bertanggungjawab menjaga urusan dalaman dan anak-anak. Kadangkala apabila berlaku kekecohan antara anak-anak, tugas isteri adalah mendamaikan dan tidak memanjangkan persengketaan tersebut. Namun jika terdapat perbalahan anak-anak yang dikhuatiri mengganggu gugat keharmonian rumahtangga dan berpotensi mengakibatkan pecah belah keluarga, bapa akan masuk campur, menasihati anak-anak agar menjaga maruah keluarga dan jika perlu mengambil tindakan yang tegas bagi mengembalikan perpaduan keluarganya, kerana itulah maruah dirinya sebagai tonggak keluarga.

Tugas bapa juga adalah memastikan keselamatan anak isterinya sentiasa terjamin dan terpelihara dari sebarang gangguan-gugut luar yang mengancam kesejahteraan keluarganya. Begitulah umpamanya peranan Raja-Raja Melayu. Mereka dipilih oleh Allah SWT untuk menjadi tonggak sebuah keluarga besar yang dinamakan Bangsa Melayu. Isterinya adalah umpama penguasa bawahan yang mengendalikan urusan dalaman negeri sementara rakyat jelata itulah seperti anak-anaknya.

Raja tidak akan mencampuri urusan pentadbiran selama mana ia tidak menggugat kepentingan, keutamaan maruah serta perpaduan bangsa dan agamanya. Walaubagaimanapun, apabila ada pihak yang cuba menggugat, maka dengan peranan dan kuasa yang diamanahkan padanya, ia akan bertindak melindunginya kerana maruah bangsa dan agama adalah maruah Raja.

Sebagai benteng yang memagar kekuatan dan kelemahan bangsa

Seperti juga bangsa-bangsa lain, Bangsa Melayu mempunyai keunikan fitrahnya yang tersendiri. Antara fitrah semulajadi Bangsa Melayu adalah kelembutan dan kelurusan jiwanya, taat dan takzim pada ketuanya, adab, santun dan sabarnya. Fitrah ini pernah menjadi kekuatan Bangsa Melayu, mencetuskan kekeramatannya serta melahirkan sejarah kecemerlangan dan kegemilangannya.

Bagaimanapun, orang Melayu terlalu baik fitrahnya sehingga seringkali terlupa bahawa kebaikan itu ada batasannya, ketaatan dan takzim pada ketua harus pada tempatnya, peradaban, santun dan kesabaran itu patut kena pada caranya. Dan inilah yang menjadi kelemahan Bangsa Melayu kerana kebaikannya boleh disalah gunakan untuk memperdayanya dengan halus, sehingga mudah tertipu oleh para pengkhianat dalaman dan musuh-musuh luaran. Ketaatan dan takzim orang-orang Melayu yang membuta tuli jika diberikan pada kepimpinan yang korup amatlah memudaratkan. Peradaban bangsa yang penuh santun, yang menjadikan masyarakat Melayu penuh berhikmah dan berhemah tinggi suatu masa dahulu jika diletakkan tidak kena pada tempatnya boleh menghina dan menjatuhkan harga diri orang Melayu sendiri kerana mereka tidak tahu untuk bersikap kurang ajar apabila mendapat kepimpinan yang merosakkan. Kesabaran orang-orang Melayu yang tinggi boleh dieksploitasi jika diamanahkan pada kepimpinan yang 'naik tocang' dengan berbagai kepincangan dan kezalimannya.

Sebenarnya fitrah semulajadi Bangsa Melayu yang baik itu, yang pernah menjadi punca kekuatan mereka, tetapi juga menjadi '*Achilles heel*' kepada bangsanya di zaman-zaman kemudian amat disedari oleh alim-ulamak sufi dan tasawuff yang menjadi pembimbing Raja-Raja Melayu di zaman silam, serta para pemikir dan pemuka-pemuka masyarakat. Berikutan dengannya, mereka menyusun langkah-langkah yang berkesan untuk membataskan atau memagari kekuatan bangsa ini agar ianya tidak pula bertukar menjadi kelemahan yang akan mendedahkan orang-orang Melayu kepada ancaman para pengkhianat dan musuh, khususnya yang 'bersembunyi di dalam selimut'.

Struktur atau kerangka yang memagari kekuatan Bangsa Melayu itu adalah hukum ADAT dan SYARAK. Benteng atau pengawalnya itulah Institusi Raja-Raja Melayu yang **berHAKIKAT**.

Sebagai ‘payung’ agama

Sejarah pemerintahan Raja-Raja Melayu telah membuktikan bahawa kedatangan Islam telah merubah lahiriah, jiwa dan batin sistem politik pra-Islam kepada satu aliran pemikiran dan sistem politik baru dalam sejarah yang berteraskan ajaran Agama Islam. Corak pemerintahan Islam yang berjaya merubah falsafah dan tamadun masyarakat Melayu telah melibatkan peranan istana secara aktif, dinamis dan bersambung-sambung. Peranan Raja-Raja Melayu sebagai payung agama dapat dilihat melalui usaha menegak, menyebarkan, menyuburkan dan mempertahankan syariat Islam.

Alim-ulamak yang bernaung di bawah pemerintahan Raja-Raja Melayu tradisi bukan sahaja dapat mencurahkan khidmat agama dengan sempurna, tetapi terlindung dari ancaman ahli-ahli sabotaj yang cuba menyelinapkan doktrin-doktrin dan ideologi-ideologi yang bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar. Sejarah membuktikan bahawa selama mana Raja-Raja Melayu mempunyai perisian hakikat, selama itulah fahaman-fahaman yang sesat dan batil tidak berpeluang menyelinap masuk ke dalam institusi-institusi masyarakat Melayu.

Simbol kesatuan dan perpaduan masyarakat Melayu dan kaum-kaum lain yang dinaungi Raja-Raja Melayu

Kedudukan unik seorang Raja Melayu yang tertinggi dan teratas dalam hirarki pemerintahan bangsanya, serta tidak terbandung dengan mana-mana gerakan politik persukuan ataupun gerakan-gerakan agama membolehkannya menjadi agen yang paling berkesan untuk menyatupadukan rakyat jelata dari berbagai corak, kaum, kufu dan kefahaman itu. Dalam konteks ini, seorang Raja Melayu mampu menjadi agen untuk menyatukan umat Islam dari berbagai aliran seperti berikut.

- i. Umat Islam yang terdiri daripada bermacam fahaman dan mazhab
- ii. Umat Islam yang belajar secara sistem tradisi atau pondok
- iii. Umat Islam yang mendapat pendidikan sekular moden
- iv. Umat Islam yang berpegang pada pemikiran moden dan pendekatan rationalisme
- v. Umat Islam yang berpegang pada pemikiran mistik dan kerohanian.

Selain itu, keunikan Institusi Raja-raja Melayu ialah dalam peranannya seperti berikut;

- i. Raja sebagai tonggak Bangsa Melayu dapat menaungi serta memenuhi kehendak fitrah bangsanya yang memerlukan pada identiti, jatidiri dan budaya tersendiri yang unik dengan coraknya masing-masing.
- ii. Raja sebagai tonggak dan ketua Agama Islam atas kerajaan baginda dapat membataskan berbagai mazhab dan aliran pemikiran supaya sentiasa terbendung dalam pegangan Ahlus Sunnah Wal Jamaah.
- iii. Raja sebagai 'bapa' dapat menyatu padukan rakyat dari berbagai aliran kefahaman politik serta membataskan pergerakan siasah mereka supaya sentiasa terbendung dalam lingkungan yang dibenarkan oleh syariat dan adat dengan bimbingan dan kerjasama mufti serta pemuka-pemuka masyarakat.
- iv. Raja sebagai 'bapa' dapat bersikap berkecuali dalam menangani masalah yang datang dari mana-mana pihak ataupun gerakan serta mengawalinya dari sebarang tindak-tanduk yang boleh mengganggu-gugat kepentingan Bangsa Melayu dan Agama Islam.
- v. Raja sebagai ketua pemerintah dapat bersikap TEGAS, TELUS dan TULUS dalam pemerintahannya kerana tidak perlu mencari kepentingan peribadi atau politik sukunya.
- vi. Raja sebagai penaung kepada kaum-kaum lain dari berbagai agama dapat menjaga kepentingan mereka tanpa perlu membuat sebarang jual beli politik yang boleh menggugat kepentingan Bangsa Melayu dan Agama Islam.
- vii. Raja sebagai ketua pemerintah dapat duduk semeja dengan ketua-ketua negara yang lain tanpa perlu membuat pengagihan jual beli politik untuk kepentingan peribadi, politik atau gerakan sukunya

Kesimpulannya, kedudukan unik yang ada pada seorang Raja Melayu sebenarnya mampu menyatu padukan rakyat jelata bukan sahaja dari berbagai aliran, gerakan, mazhab mahupun kefahaman politik, malahan boleh juga menyatu-padukan kaum-kaum lain serta menjaga kepentingan-kepentingan mereka dalam batasan yang dibenarkan oleh hukum syariat dan adat Bangsa Melayu tanpa perlu membuat sebarang pertaruhan jual beli politik yang boleh merugikan bangsa dan agama.

Perbezaan diantara ‘Sultan’ dan ‘Raja’

Raja kebiasaannya adalah golongan bangsawan atau kaum kerabat Sultan yang diberikan jajahan yang besar sebagai kurnia. Mereka mempunyai kuasa mutlak dalam jajahan ini, tetapi tetap bernaung di bawah Sultan yang mengurniakan jajahan tersebut. Seperti juga Sultan yang bernaung di bawah Khalifah Islamiyyah tetapi merupakan tuan sebenar kepada rakyatnya. Salah satu hak Sultan pada jajahan Raja ialah atas sebahagian cukai yang dikutip pada jajahan tersebut. Ilustrasi di muka surat sebelah dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai kedudukan Liga Raja-Raja Melayu zaman dahulu kala.

KHALIFAH ISLAMIYYAH

(Pemerintah-pemerintah Islam yang memegang kabilah, bangsa atau daulah masing-masing dipayungi oleh Khalifah Islamiyyah di bawah payung Islam)



Sultan-Sultan Melayu

(e.g Melaka, Johor Lama, Perak, Kedah, Brunei dsb)



Raja-Raja Melayu

(e.g Kelantan, Perlis, Raja-Raja Temenggung Muar, Raja Bendahara Pahang)



Tengku Besar (Tengku Mahkota), Bendahara

Walaupun sebenarnya martabat Sultan berbeza dengan martabat Raja, bagaimanapun menjadi kelaziman penulis sejarah untuk menyamakan Raja dengan Sultan atau Sultan dengan Raja. Contohnya Raja-Raja Melaka adalah hakikatnya Sultan-Sultan Melaka, dan Raja-Raja Johor Lama adalah hakikatnya Sultan-Sultan Johor Lama.

Raja Bendahara Pahang mulai wujud semenjak zaman pemerintahan Bendahara Johor Lama yang bernama Tun Abdul Majid. Sekitar tahun 1770an, Sultan Johor Lama yang bernama Sultan Mahmud Shah III telah mengurniakan wilayah Pahang kepada Bendaharanya. Semenjak itu, Bendahara-Bendahara Johor dikenali juga sebagai Raja Pahang atau Raja Bendahara Pahang.

Raja-Raja Temenggong Muar juga merupakan satu lagi contoh yang mana Sultan Johor yang bernama Sultan Ibrahim Shah (1777-1685M) telah mengurniakan Muar kepada kekanda Bendahara Tun Habib Abdul Majid yang bernama Sayyid Jaafar (Dato' Pasir Raja) sebagai hadiah mas kahwin baginda dengan Marhum Bakal, adindanya. Maka keturunannya mendapat kerajaan kecil dan menjadi pemilik negeri Muar tetapi tetap bertuankan kepada Kesultanan Johor Lama sehingga diambil secara helah di zaman Sultan Abu Bakar (Johor Baru). Wilayah Perlis merupakan satu lagi contoh anugerah Sultan Kedah dan pemerintahnya menjadi Raja-Raja Perlis.

Bab 18 : **Adat Raja-Raja Melayu**

Adat tradisi Raja-Raja Melayu diwujudkan di zaman Kesultanan Melayu Melaka di bawah bimbingan alim-ulamak tasawuff. Berkemungkinan kebanyakan daripada adat Raja-Raja Melayu ini digubal pada zaman Sultan Muhammad Syah yang memeluk Islam di bawah tunjuk ajar seorang ulamak Mekah yang bernama Makhdum Sayyid Abdul Aziz. Beliau dan para mubaligh lain yang membantu dalam proses pengislaman Raja Melaka, para pembesar negeri serta rakyat baginda sekelian langsung meneruskan khidmat mengajar tentang hukum-hakam agama. Pengaruh ajaran Islam juga ternyata jelas terdapat di dalam hukum Kanun Melaka yang menjadikan hukum Islam (hudud) sebagai dasar perundangan resmi negara.

Kebanyakan mubaligh yang datang ketika itu asalnya kaum Arab, keturunan Arab atau Farsi. Antara ulamak yang tinggal di Melaka untuk menjalankan kegiatan dakwah dan memberi pengajaran agama ialah Makhdum Sayyid Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Qadhi Yusuff, Qadhi Menus, Qadhi Menawar Syah, Maulana Sadar Jahan dan Maulana Jalaluddin. Sultan Muhammad Syah sendiri dikatakan dibimbing secara, peribadi oleh Sayyid Abdul Aziz dan dikelilingi oleh para slim ulamak selama Japan tahun.

Semasa Makhdum Sayyid Abdul Aziz menjadi penasihat agama yang terpenting kepada Sultan Muhammad Syah inilah berkemungkinan dirangka beberapa adat peraturan Raja-Raja Melayu Melaka, yang kemudiannya menjadi garis panduan kepada kesultanan-kesultanan lain di Alam Nusantara yang mengambil nobat dari Melaka.

Adat Raja-Raja Melayu merangkumi undang-undang SYARIAT dan undang-undang ADAT yang berkaitan dengan hal kelayakan, perlantikan dan peranan seorang Raja Melayu sebagai wakil Allah dalam segala urusan umat Islam berbangsa Melayu.

Adat Raja-Raja Melayu yang terangkum dalam undang-undang syariat ialah *adatullah*, sedangkan adat Raja-Raja Melayu yang bersifat adat yang diadatkan atau *adatunnah* merupakan penggenap kepada undang-undang syariat yang berkaitan dengan urusan pemerintahan seorang Raja Melayu.

Adat Melayu yang bersifat ADATULLAH

Dalam memenuhi kelayakan sebagai seorang Raja Islam, seorang Raja Melayu dituntut untuk memenuhi ciri-ciri seperti baligh, lelaki, tidak gharib dan berakal. Sepertimana yang disebutkan dahulu, menurut ajaran akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, melantik raja hukumnya Fardhu Kifayah.

Begitu pentingnya hal melantik raja, maka adat Raja-Raja Melayu telah menetapkan bahawa perlantikan seorang raja pengganti perlu didahulukan daripada mengkebumikan raja yang baru mangkat.

Adat muafakat dan persetujuan para pembesar dalam urusan perlantikan raja juga tergolong dalam *adatullah* kerana ianya mempunyai asasnya dalam ajaran agama Islam. Permuafakatan dan persetujuan para pembesar Melayu merupakan suatu syarat pengesahan perlantikan seorang Raja Melayu. Persetujuan para pembesar ini lazimnya dizahirkan melalui ungkapan “kami suka!”. Adat ini sebenarnya mempunyai asasnya dalam ajaran agama Islam. Perlantikan Khulafa’-Ar-Rashidin disahkan melalui ungkapan “kami redho!” oleh para sahabat yang lainnya. Semenjak itu ianya menjadi amalan dalam perlantikan khalifah-khalifah dan raja-raja Islam.

Adat pertabalan seorang Raja Melayu juga merupakan suatu *adatullah*. Dalam majlis pertabalan, lafaz sumpah mengambil tanggungjawab sebagai Ulil Amri dan disertakan dengan alat kebesaran mempunyai asas yang kukuh dalam ajaran agama Islam. Ianya bertujuan menyambung ikatan kerohanian diantara daulah-daulah Islamiyyah yang berantai dari zaman Rasulullah SAW. Upacara pertabalan seseorang Raja merupakan suatu majlis yang sakaral kerana ianya merupakan pengiktirafan agama kepada kedudukannya sebagai seorang Raja Islam yang mendapat mandat Allah SWT. Sebagai seorang Raja bagi umat Islam yang berdaulat, ianya dapat menjamin payung Allah dibuka atas kerajaannya.

Bimbingan Mufti dan Fakih diperlukan apabila terjadi masalah, contohnya Raja yang terkeluar dari kelayakan sebagai seorang Ulil Amri seperti menjadi gila, menentang perlaksanaan syariat, terlalu zalim dan sebagainya. Institusi Ulama juga menjadi pembimbing istana dalam memastikan Institusi Beraja tetap teguh peranannya sebagai pendiri dan penegak corak pemerintahan Islam dalam kesultanannya.

Adat Raja Melayu yang bersifat ADATUNNAH

Sebagaimana resam adat yang diadakan yang mempunyai asal-usul serta penjangnya, adat Raja-Raja Melayu di bawah kategori ini berasal dari zaman pemerintahan Demang Lebar Daun dari Bukit Siguntang di Tanah Palembang. Apabila Demang Lebar Daun memberi amanat kepada Sang Nila Utama untuk menjadi tunggak dan payung kepada umat Melayu, dan meletakkan dirinya sebagai Bendahara Melayu pertama yang berfungsi sebagai 'tempat perbendaharaan segala rahsia raja', Demang Lebar Daun juga telah meletakkan beberapa adat yang dapat menzahirkan kemuliaan dan kebesaran Sang Nila Utama sebagai seorang Raja Melayu yang berdaulat. Dari sinilah juga puncunya kedudukan Bendahara sebagai penjaga adat Raja-Raja Melayu.

Perkahwinan Raja dengan puteri bangsawan yang diharapkan dapat melahirkan waris pemerintah merupakan fitrah raja-raja dari zaman awal tamadun manusia. Adat kuno ini dikekalkan dalam adat Raja-Raja Melayu. Kedatangan Islam yang mengutamakan kemuliaan zuriat (tidak gharib) sebagai satu ciri kelayakan menjadi pemerintah bertanggungjawab dalam menjamin adat ini terus dikekalkan dalam lanskap pemerintahan Raja-Raja Melayu. Demang Lebar Daun mengembangkan lagi adat ini dengan mengasaskan adat perkahwinan Raja dengan puteri Bendahara. Maka dalam adat Raja-Raja Melayu, darah Raja, Bendahara dan keturunan Rasulullah SAW atau Sayyid dan Syarifah ditakrifkan sebagai darah gahara. Adat ini juga sebenarnya dapat dimasukkan dalam kategori *adatullah* kerana ianya amat serasi dengan aturan Islam.

Suatu lagi adat yang diadakan yang juga mempunyai asas yang kukuh dalam Islam ialah konsep '*pantang anak Melayu derhaka pada rajanya*'. Dalam ajaran Islam, seorang Ulil Amri wajib dipatuhi selama mana perintahnya tidak melanggar batasan syariat. Begitu jugalah halnya dengan seorang Raja Melayu yang merupakan pemerintah bagi umat Islam berbangsa Melayu; jika baik Raja itu, hamba Melayu mestilah taat, sedangkan bagi Raja yang zalim telahpun termaktub dalam perbilangan '*Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah*'.

Pemilihan waris tertua sebagai pengganti Raja yang mangkat merupakan suatu lagi adat yang diadakan, dibuat bagi mengelakkan konflik diantara kerabat diraja dalam urusan menaiki takhta. Bendahara, jemaah menteri serta beberapa kerabat diraja yang tertua akan memutuskan hal pengganti Raja jika tercetus masalah yang berkaitan dengan perlantikan Raja seperti ketiadaan waris.

Pertabalan seorang Raja Melayu yang dibuat oleh Dato' Bendaharanya juga adalah tergolong dalam adat yang diistiadatkan,

yang mana ianya berasal dari pertabalan Sang Nila Utama sebagai Raja Melayu oleh Demang Lebar Daun. Begitu juga dengan adat Melayu yang menyatakan bahawa takhta pemerintahan Bangsa Melayu perlu 'dikembalikan' kepada Bendahara jika ditakdirkan Raja mangkat tanpa berwaris. Adat ini sudah tentu berasaskan kepada hakikat bahawa Bendahara merupakan 'tuan asal' kepada Bangsa Melayu dari Bukit Siguntang yang menyerahkan amanah pemerintahan kepada Sang Nila Utama sebagai Raja Melayu yang pertama. Keturunan Demang Lebar Daun -Sang Nila Utama inilah yang kemudiannya membentuk ciri-ciri peradaban, identiti, budaya, jatidiri dan Tamadun Melayu-Islam apabila membuat kerajaan di Melaka.

Penggunaan bahasa yang khusus kepada keluarga diraja seperti 'berpatik' dan 'bertuanku', protokol serta ketertiban yang dituntut dalam berhubungan dengan mereka termasuk dalam perkara adat yang diadatkan.

Kepentingan Adat Raja-Raja Melayu

Sebagai institusi pemerintahan umat Islam yang mempunyai legitimasi kukuh dalam agama, dan dalam peranannya sebagai satu unit dari rangkaian sistem Khalifah Islamiyyah, terdapat beberapa adat Raja-Raja Melayu yang dibuat bagi menjamin hakikat yang menzahirkan daulat Institusi Raja-Raja Melayu akan terus terpelihara. Kewujudan hakikat inilah yang menjamin payung perlindungan Allah SWT tetap terbuka kepada Bangsa Melayu.

i. Memastikan Institusi Raja-Raja Melayu terus kekal berada di dalam rahmat Allah

Majlis Pertabalan Sultan

Majlis Pertabalan atau Perpuspaan Sultan memastikan wujudnya kesinambungan pemerintahan baginda kepada warisan pemerintahan umat Islam dari zaman Rasulullah SAW. Termasuk didalamnya sumpah Raja bagi menjalankan mandat Allah atas baginda serta ikrar taat setia para pembesar negeri sebagai wakil rakyat jelata. Oleh itu penobatan seseorang Raja Melayu mengikut adatnya akan menzahirkan kekuatan rohaniah kepada daulah baginda selama mana baginda tidak mengkhianati sumpah yang dilafaznya dalam upacara penobatannya yang penuh sakarat itu.

Muafakat Raja-Pembesar

Selain itu adat mendapatkan muafakat dan persetujuan para pembesar atas perlantikan seorang Raja, dan dalam lain-lain perkara yang bersangkutan dengan hal ehwal pemerintahan negeri (iaitu konsep mesyuarah) juga boleh menjamin pemerintahan tersebut kekal berada di dalam rahmat Allah SWT. Kesatuan hati dan muafakat merupakan kunci kepada kekuatan sesebuah pemerintahan yang dapat digunakan untuk menggembeling tenaga sukarela di saat-saat genting apabila negeri berada dalam bahaya ancaman musuh. Kesatuan hati juga dapat mengelakkan pecah belah, khususnya diantara Raja dan para pembesar baginda yang boleh diambil kesempatan oleh musuh agama dan bangsa untuk 'menangguk di air keruh'.

Perkahwinan Raja Dengan Wanita Gahara

Adat perkahwinan Raja-Raja Melayu dengan wanita dari darah gahara (iaitu wanita bangsawan atau keturunan Sayyid) adalah adat raja-raja dari zaman kuno yang tetap diamalkan oleh sesetengah pemerintahan Raja-Raja Islam. Hakikatnya terdapat juga Raja-Raja Islam yang tidak mengamalkan adat ini contohnya Dinasti Umaiyyah, Abbassiyah dan Othmaniyyah. Bagaimanapun dengan sebab tiadanya adat ini dalam pemerintahan dinasti-dinasti tersebut, ianya seringkali menimbulkan pergaduhan di kalangan putera-putera Khalifah kerana masing-masing merasakan berhak untuk naik takhta, walaupun anak-anak gundik (wanita kebanyakan atau hamba sahaya). Pergaduhan yang seringkali tercetus membawa kepada tragedi berbunuh-bunuhan dan persaingan yang amat tidak sihat.

Oleh kerana rantau Nusantara merupakan tempat yang paling akhir sekali di dunia mendapat Islam, iaitu lebih 700 tahun selepas zaman Rasulullah SAW, maka pengalaman-pengalaman buruk Dinasti-Dinasti Islam yang wujud sebelum terbentuknya kesultanan-kesultanan Melayu telah dijadikan iktibar oleh alim-ulamak tasawuff dalam membimbing Raja-Raja Melayu kepada corak pemerintahan Islam⁴¹. Susulan

⁴¹ Kebanyakan mubaligh yang ke Melaka asalnya kaum Arab, keturunan Arab atau Farsi. Ini boleh dijadikan alasan mengapa mereka cukup faham karenah Daulah-Daulah Islamiyyah di kawasan Timur Tengah. Antara ulamak yang tinggal di Melaka untuk menjalankan kegiatan dakwah dan memberi pengajaran agama ialah Makhdam Sayyid Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Qadhi Yusuff, Qadhi Menua, Qadhi Menawar Syah, Maulana Sadar Jahan dan Maulana Jalaluddin. Sultan Muhammad Syah yang mempelopori kebanyakan adat Raja-Raja Melayu dibimbing secara peribadi.

darinya, berkemungkinan alim-ulamak tasawuff yang datang ke Melaka ini telah mengesyorkan dirangka adat Raja-Raja Melayu, yang mana pemilihan putera tua dari darah gahara menjadi adat Raja-Raja Melayu yang paling pertama dan utama.

Sejarah Melayu membuktikan bahawa pegangan keras hampir kesemua Raja-Raja Melaka kepada adat ini telah membawa kepada era kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Kisah-kisah pergolakan istana hampir tidak kedengaran di Melaka dan Johor. Masalah mula terjadi apabila British berhasrat untuk menjajah Tanah Melayu dan mengambil pendekatan pecah-pecah perintah bagi membolehkannya menyelinap masuk ke dalam benteng-benteng istana. British telah menggunakan statusnya sebagai suatu kuasa besar dunia untuk mengajar dan mendokong anak-anak gundik kepada Raja-Raja Melayu untuk merampas takhta, dari situ tercetuslah banyak pergolakan istana.

Adat Raja-Raja Melayu yang menetapkan 'putera dari darah gahara' sebagai salah satu ciri kelayakan terpenting sebagai waris pemerintah akan dapat memastikan tiada unsur-unsur pencemaran nasab yang boleh mencetuskan pengkhianatan kepada Institusi Raja-Raja Melayu yang sakaral. Oleh itu perkahwinan raja dengan wanita gahara amat dipentingkan. Pemeliharaan keturunan Raja-Raja Melayu yang baik dan mulia itu juga dapat mengekalkan rahmat Allah turun ke atas pemerintah dan rakyat baginda.

Rasulullah SAW telah bersabda: "*Pilihlah tempat yang baik untuk keturunan kamu dan berkahwinlah dengan yang sekufu (sebanding atau sepadan).*" (HR Ibnu Majah dan Al-Hakim).

Hadith lain juga ada menyebut: "*Pilihlah tempat yang baik untuk air mani kamu, sesungguhnya kaum wanita itu melahirkan (keturunan) serupa dengan adik beradik lelaki atau perempuannya*".

Dalam riwayat lain: "*Carilah tempat-tempat yang sesuai untuk air mani kamu, sebab sesungguhnya si lelaki itu lebih menyerupai kaum sebelah ibunya.*" (HR. Ibnu Asakir)

Walaupun pada hari ini adat tersebut telah beransur-ansur ditinggalkan, tetapi ianya bermenafaat untuk dihidupkan kembali supaya jangan sampai terjadinya peristiwa perkahwinan Raja-Raja Melayu dengan wanita-wanita Yahudi, Nasrani, atau yang gharib. Ditakuti agen-agen kuffar cuba memasukkan wanita-wanita mereka ke dalam tembok-tembok istana pemerintahan Islam

supaya boleh meranapkan Institusi Raja-Raja Melayu dari dalam. Perkara ini telah pun berlaku pada sebahagian raja-raja Islam yang menyebabkan kemudaratan pada peranan *Ulil Amri* sebagai tonggak agama dan bangsa.

ii. *Memelihara Institusi Raja-Raja Melayu dari unsur-unsur pencabulan dan pengkhianatan*

Terdapat juga beberapa adat Raja-Raja Melayu yang dibuat sebagai benteng yang memastikan institusi yang merangkumi raja-raja ini tetap terpelihara dari sebarang unsur-unsur pencabulan dan pengkhianatan. Unsur-unsur pencabulan dan pengkhianatan boleh berlaku melalui pendekatan meletakkan 'musuh dalam selimut.' 'Musuh dalam selimut' ini boleh menjadi 'duri dalam daging' yang mampu melumpuhkan teras kekuatan Institusi Raja-Raja Melayu ini dengan kelebihan yang ada pada musuh ini sebagai 'orang dalam'.

Pemilihan Putera Gahara

Raja mesti dari darah gahara, supaya tidak hilang 'bisanya' sebagai seorang Raja yang berdaulat. Ini bukan sahaja memenuhi tuntutan ajaran Agama Islam, tetapi juga dapat mengelakkan berlakunya masalah perebutan kuasa. Hakikatnya, putera-putera Raja kesemuanya diberi layanan yang sama, mendapat gelaran yang sama serta lain-lain keistimewaan yang serupa, tetapi hanya putera gahara sahaja yang boleh mewarisi pemerintahan negeri. Kerana urusan pemerintahan negeri bukan hakmilik peribadi Raja itu untuk dijadikan bahan rebutan antara putera-puteranya, melainkan adalah urusan, amanah serta mandat Allah SWT semata. Oleh itu perlantikan waris Raja perlu mengikut hukum adat dan hukum syarak yang digariskan yang mana termasuk antaranya ciri kegaharaan supaya tidak timbul masalah di kemudian hari.

Adat ini sebenarnya amat berpandangan jauh kerana ianya boleh mengelakkan siasah dan permusuhan diantara anak-anak raja. Sejarah membuktikan bahawa disebabkan asal keturunan mereka yang bukan dari darah bangsawan, yang menyebabkan mereka tidak dimasukkan dalam aturan pengganti Raja seperti putera-putera gahara, anak Raja dari wanita kebanyakan atau wanita gundik lebih mudah diperalatkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan untuk merampas kuasa. Sokongan yang diberi dari belakang oleh pihak yang menaja sehingga menyebabkan kuasa pemerintah berjaya dirampas oleh putera yang tidak gahara

kemudiannya digunakan untuk menuntut sesuatu darinya, atas alasan 'budi balas budi'. Bagi menjamin kuasa yang diperolehi melalui jalan yang tidak sah itu tetap berada dalam tangannya, maka pemerintah baru ini terpaksa mengikut arahan dan tuntutan penaungnya itu. Ini merupakan ancaman kepada agama dan bangsa kerana boleh jadi wanita kebanyakan atau gundik yang merupakan bonda kepada putera yang tidak gahara itu mempunyai penaungnya yang berniat jahat. Perkara inilah yang seringkali mencetuskan unsur-unsur pencabulan dan pengkhianatan dari dalam kepada Institusi Beraja kerana mandat Allah kini digantikan dengan mandat dari penaung.

iii. *Mengelakkan perbalahan kaum kerabat diraja yang boleh menggugat Institusi Raja-Raja Melayu*

Raja dari waris tua

Perlantikan seseorang pengganti Raja mengikut pertalian nasab, utamanya waris tua adalah bagi mengelakkan terjadinya masalah perebutan kuasa. Ini terbukti dalam banyak kesultanan-kesultanan lain, malahan pusat khalifah ummah juga tidak terlepas dari masalah tersebut. Ini berikutan kesultanan-kesultanan tersebut mengamalkan kaedah meritokrasi yang banyak mencetuskan perasaan tidak puas hati di kalangan kerabat diraja. Kaedah meritokrasi yang diamalkan oleh Dinasti Othmaniyyah merupakan contoh terbaik bagaimana akhirnya sistem ini berjaya menyeludup masuk seorang diktator Yahudi yang kemudiannya dikenali sebagai Kamal Ataturk. Sedangkan dalam Kesultanan Melayu Melaka dan Johor, perkara ini tidak terjadi kerana adat tersebut diikuti dengan kerasnya. Hanya dua kali sahaja berlaku peristiwa 'pengambilan' kuasa Raja, itupun dalam kedua-dua peristiwa tersebut, ianya dibuat atas faktor agama, iaitu pengambilan semula hak Raja Kassim sebagai Sultan (kemudian bergelar Sultan Muzaffar Shah) dan peristiwa Sultan Mahmud Mangkat di Julangan.

iv. *Kekuatan pemerintahan pada jawatan warisan dan seketurunan*

Bendahara yang merupakan kerabat dan sedarah dengan Raja lazimnya lebih tua dari baginda, contohnya bapa saudara atau mertua raja. Adat ini dibuat supaya dapat mendatangkan rasa hormat Raja kepada Bendahara kerana telah sedia maklum bahawa yang muda lebih segan dan memuliakan yang tua, serta

lebih mudah mendengar nasihatnya. Selepas dari jawatan Bendahara, dilantik pula Temenggong yang lazimnya juga berkerabat dengan raja. Adat ini juga merupakan suatu yang berpandangan jauh kerana terbukti bahawa dalam sebuah keluarga, orang yang boleh diharap menjaga keselamatan keluarga adalah darah daging sendiri, sebab itu merupakan fitrah manusia. Itulah sebabnya dalam kelompok bangsa, keselamatan negara lazim diberi pada bangsa yang sama. Begitu juga dalam agama, contohnya di zaman kesultanan Melayu Melaka, syarat untuk menjadi polis dan tentera mestilah beragama Islam, kerana agama mengikat kuat persaudaraan sesama saudara seagama, atau ukhuwwah. Selepas itu barulah jawatan Orang-Orang Kaya yang mana sesetengahnya bersifat jawatan warisan dan yang lain pula adalah jawatan kurnia.

v. *Waris atau Raja yang terkeluar dari kelayakan*

Hanya dalam keadaan tertentu barulah boleh diambil kembali mandat pemerintahan dari waris atau Raja, dan ini merupakan salah satu kerja Bendahara yang paling susah tetapi penting. Contohnya jika waris murtad, gila atau melarang pelaksanaan hukum syariat. Jika waris tua tidak mahu menjadi Raja, mengikut adatnya terpulanglah kepada Bendahara, dengan permuafakatan kerabat diraja dan Orang Kaya-Kaya (jemaah pemilih) untuk melantik penggantinya dari kaum kerabat diraja juga. Adat istiadat perlantikan Raja berada di bawah tanggung jawab penuh seseorang Bendahara dan ia juga menjadi orang tengah atau 'arbitrator' jika berlaku masalah seperti perebutan kuasa. Jika Raja yang mangkat meninggalkan waris sulong yang masih kecil lagi, Bendahara ditugaskan memangku jawatan Raja sehinggalah waris mencapai umur tertentu yang melayakkannya memikul tanggung jawab penuh sebagai Raja negeri itu.

Kesimpulannya, dalam struktur pemerintahan Raja-Raja Melayu dengan segala adat, adab dan protokol diraja yang cukup kemas dan teratur, masing-masing Raja, Bendahara dan orang-orang besar negeri tahu bahagian kuasa masing-masing yang perlu ditunaikan, serta batasan dan pantang larang yang perlu dipelihara. Perlantikan serta pengagihan kuasa yang teratur dan terbandung dalam lunas-lunas ajaran Agama Islam dan adat istiadat Raja-Raja Melayu mampu membendung gejala percaturan politik yang amat mencemarkan. Muafakat Raja, Bendahara dan Orang-Orang Kaya sentiasa dipelihara dan dipertahankan.

Kesan Terbesar Daripada Perlanggaran Adat Raja-Raja Melayu

Dalam corak pemerintahan bangsawan Orde Melayu Baru yang wujud mulai zaman penjajahan British, adat Raja-Raja Melayu tinggal sebagai penghias dalam majlis adat istiadat diraja tanpa mencerminkan apa-apa kepentingan. Beberapa amalan adat Raja-Raja Melayu yang berfungsi sebagai benteng kedaulatan Institusi Raja-Raja Melayu telah mulai diabaikan, dan kesannya dapat dilihat seperti berikut;

i. Perlantikan Raja-Raja Melayu yang melanggar adat

Adat pemilihan waris Raja yang berdarah gahara sebagai bakal pengganti mula ditinggal-tinggalkan. Adat Raja-Raja Melayu yang mengikuti syor agama ini dapat menjamin kesucian nasab pemerintah dapat terpelihara dari sebarang unsur pencemaran. Malangnya dengan pengabaian adat yang penting ini, ditakuti akan mendedahkan Institusi Raja-Raja Melayu kepada musuh-musuh agama dan bangsa yang sentiasa mencari peluang untuk menyelip masuk ke dalam pemerintahan umat Islam, dan membuat kerosakan dari dalam.

Jika kita perhatikan dengan teliti, banyak pemerintahan umat Islam menjadi rosak apabila berlaku penyelipapan bangsa Yahudi atau Nasrani melalui perkahwinan pemerintah dengan wanita-wanita gharib. Kamal Atatürk yang bertanggungjawab meruntuhkan Khalifah Islamiyyah merupakan satu contoh klasik perancangan Freemason (salah satu cabang agen Yahudi) yang mana diketahui ia merupakan anak gharib dari keturunan Yahudi yang dapat menyelip masuk berdasarkan sistem meritokrasi yang digunakan dalam Dinasti Othmaniyyah itu. Sedangkan adat mengahwini wanita gahara (iaitu sudah diketahui asal usulnya) dapat menjamin tidak berlakunya penyeludupan anasir-anasir jahat oleh kelicikan perancangan musuh-musuh agama dan bangsa yang sentiasa mencari-cari apa sahaja peluang terbuka.

Alasan ini jugalah yang mungkin menyebabkan keturunan Rasulullah SAW tidak digalakkan mengahwini wanita-wanita yang bukan ahlul-bait, iaitu untuk menjaga kesucian nasab mereka. Bagi Raja-raja Melayu yang kebanyakannya berdarah Rasulullah SAW, perkara ini tidak seharusnya dianggap kecil dan remeh.

ii. Perlantikan raja tanpa melalui upacara Pertabalan

Perlantikan Raja yang tidak melalui upacara pertabalan akan menyebabkan terputus rantai warisan pemerintahan umat

Islam dari zaman Rasulullah SAW. Apabila Raja tidak bertabal, maka bermakna baginda belum lagi mengangkat sumpah atau 'aqad untuk menjunjung amanah sebagai Ulil Amri, belum lagi mengambil kata persetujuan (contohnya "kami redha" atau 'kami suka') atau ikrar taat setia (atau bai'at) dari para pembesar sebagai wakil bagi rakyat jelata; maka rupa zahir Raja yang ada padanya akan terkosong dari perisian hakikat. Maka jadilah Raja tersebut 'Raja tanpa daulat', dan tidak akan terpikul bebanan sebagai 'payung' dan 'tombak' Allah di mukabumi ini. Keadaan ini akan dapat dirasakan oleh rakyat jelata di saat-saat genting yang memerlukan permenafa'atan fungsi Raja, contohnya apabila terdapat ancaman terhadap aqidah umat Islam atau usaha untuk meleakangkan Bangsa Melayu dari identitinya.

iii. Mengambil 'nobat' dari Kuasa Kuffar

Kepentingan 'penobatan' sesebuah daulah umat Islam adalah bagi menjamin payung perlindungan Allah tetap terbuka pada kesultanan yang mendapat nobat itu. Selain itu, ia juga bagi memastikan bukan sahaja ikatan kerohanian dapat diwujudkan diantara daulah-daulah umat Islam, malahan ianya dapat menjadi penyambung kepada tradisi pemerintahan umat Islam dari zaman Khulafa' Ar Rasyidin lagi, yang mana Institusi Berkhalifah dan Institusi Beraja Islam merupakan jenis pemerintahan umat Islam yang mendapat naungan dari Allah dan restu dari Rasulullah SAW sendiri.

Malangnya dengan berlalunya masa, terutamanya apabila Khalifah Islamiyyah yang dipegang selama berkurun lamanya oleh Dinasti Othmaniyyah berjaya dihapuskan oleh perancangan jahat kuasa-kuasa Barat, kefahaman mengenai keabsahan dan kepentingan Institusi Beraja Islam juga turut sama terlupus.

Penjajah British yang pernah menjajah hampir kesemua negara Islam di zaman mercu empayarnya langsung mengambil kesempatan di atas kelemahan dan perpecahan ummah untuk 'menobatkan' Raja-Raja Islam. 'Penobatan' Raja-Raja Islam oleh golongan Kafirun amat menghina agama, kerana Raja Islam tersebut dikirakan mendapat nobatnya dari monarki British yang hakikatnya merupakan penaung kepada gereja dan agama Kristian di negara mereka. Penobatan seorang Raja Islam oleh monarki kuffar yang menjadi payung kepada agama Kristian sudah tentu akan menyebabkan terputusnya naungan Allah atas daulah yang terletak di bawah tonggak raja yang menerima nobat itu. Ini akan mendatangkan kesan secara langsung kepada

kedaulatan kesultanan tersebut dan membuka ruang bagi kemasukan berbagai unsur kejahatan dan bala bencana.

Sebagai penaja yang menobatkan Raja-Raja Islam ini, kuasa kuffar tersebut akan menjurus pemerintahannya kepada corak pemerintahan mereka, iaitu antara lainnya dengan memujuk supaya diambil Penasihat Inggeris sebagai pendamping Raja yang utama. Melalui dasar-dasar pemerintahan mimikan Barat, penasihat-penasihat ini bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung dalam menghancurkan-leburkan corak pemerintahan tradisi umat Islam.

**Ciri-ciri Raja Melayu yang sah dan berhakikat
(mengikut Hukum Adat dan Syariat)**

I. CIRI-CIRI SYARIAT

- i. Islam
- ii. Lelaki
- iii. Baligh
- iv. Berakal
- v. Tidak gharib (diketahui asal-usul, keturunan mulia)
- vii. Direstui pemuka-pemuka masyarakat
- viii. Melalui proses aqad dan bai'at

II. CIRI-CIRI ADAT MELAYU MELAKA

- i. Waris tua
- ii. Bangsa Raja atau bangsa Bendahara (jika Raja tiada berwaris)
- iii. Gahara (contohnya keturunan Nabi Sulaiman AS, Iskandar Zulkarnain dan/atau Rasulullah SAW yang tidak tercemar)
- iv. Restu para pembesar
- v. Melalui proses pertabalan (iaitu aqad dan bai'at) dengan disertakan alat kebesaran diraja
- vi. Ditabal Bendahara

III. BERHUKUM

- i. Adil
- ii. Mengasihani pada tempatnya
- iii. Berkeras pada tempatnya
- iv. Muafakat
- v. Tegus, telus, tulus
- vi. Berani

IV. SIFAT

- i. Waras, matang dan berwibawa
- ii. Ciri 'kebapaan'
- iii. Tangan murah
- iv. Bermanis muka

Sebagai penutup, kami ingin memetik kata-kata hikmah yang diambil dari kertas kerja 'Para Sultan Melayu-Nusantara; Pewaris Khulafa' Rasul Allah sebagai Sayyidin Penata Agama dan Madinah'⁴² dan ingatan bersama daripada penulis:

" Para Sultan (golongan umarak) dengan ZIKIR dan FIKIR seharusnya mampu berFI'IL (berperangai) amal soleh yang kaffah (total), mengubah buana ini yang cenderung jahiliyyah-yatsribiyah menjadi adabiyah-diniyah ; Peradaban yang agamis, tertib dan indah, berpedoman imani dan ilmu dua warisan; Al-Quran dan as-Sunnah' sehingga layak sebagai pewaris Khalifah Rasulillah fil Ardhi...'

" Oleh kerana rakyat Melayu asal beriman menurut titah Rajanya, maka tiadalah sempurna Melayu itu melainkan dengan pemagar-pemagarnya iaitulah Sultan dan segala Orang Besar baginda. Mereka ini laksana payung Allah dan tempat Allah menurunkan rahmat dan hidayatnya. Maka demikianlah yang menjadikan Bangsa Melayu itu kuat umpama seikat rotan, payah dan liat untuk dipatah-patahkan. Adat dan syarak pengikatnya, Sultan dan orang-orang berbangsa pengetatnya. 'Biar mati anak, jangan mati adat' kerana terlerailah Melayu sebagai bangsa jika tiada dijaga adat dan syaraknya. 'Pantang anak Melayu derhaka pada Rajanya' kerana apabila rotan sebilah tiada mahu mengikut, walau bagaimanapun putus juga ia kerana rahmat Allah sudah tiada bersama."

Iniilah falsafah yang membangkitkan tokoh-tokoh Melayu tradisi yang gilang gemilang seperti Hang Tuah, Tun Perak, Tun Tepok, Tun Mutahir, Tun Fatimah, Tun Sekudai dan sekalian Orang Orang Besar Melayu yang mengharum, mengabadi serta menjadi pendorong rakyat-rakyat Melayu yang kemudian hari.

⁴² Marwan ibnu Marghani, ibid, hlm 27

Bahagia Keenam :

**PERANAN DAN PENGARUH AHLUL-BAIT
RASULULLAH SAW DALAM
KESULTANAN MELAYU**

Bab 19 :

Peranan Ahlul-Bait Rasulullah SAW Dalam Pemerintahan Islam di Nusantara

Prinsip Dakwah Islamiyyah Mencetuskan Diaspora Golongan Mubaligh Ahlul-Bait Rasulullah SAW

Nabi Muhammad SAW mendapat Nubuwwah dalam tahun 610 Masihi, lalu diperintahkan menyeru manusia kepada Agama Tauhid; yakni penyembahan kepada Allah SWT sebagai Tuhan yang mencipta sekalian makhluk dan alam.

Dalam konteks ini, sebagai umat kepada Nabi yang menjadi penutup bagi sekalian Anbiyya', umat Rasulullah SAW diperintahkan untuk menyambung tugas baginda dalam penyebaran Islam sebagai suatu tanggungjawab agama yang amat penting, sebagaimana Firman Allah SWT yang bermaksud :

“ Kamu adalah ‘Khaira-ummatin’, umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, kamu menyuruh berbuat kebaikan dan kamu melarang dari kejahatan dan kamu beriman kepada Allah.”
(Aali Imran :110)

Oleh kerana sesudah kewafatan Rasulullah SAW tiada lagi utusan samada Nabi atau Rasul, maka yang tinggal hanyalah golongan umarak ataupun para penguasa umat Islam serta ulamak sebagai pembimbing agama yang menjadi *Warathatul-Anbiyya'*, mereka berkongsi tanggungjawab dalam mensyiarkan Islam mengikut peranan masing-masing.

Hal ini bertepatan dengan hasrat Rasulullah SAW sendiri, yang begitu menginginkan agar seruan dakwah ilal-'Lah dapat sampai ke seluruh jagat raya sesuai dengan peranan baginda sebagai *Rahmatulil 'Alamin*.

Baginda pernah menegaskan :

“Sesungguhnya tugas dakwah itu akan sampai di mana saja di dunia, dari tempat terbit matahari sehingga tempat tenggelam matahari (timur dan barat). Dan Allah SWT tidak akan mengecualikan sebarang kediaman, samada dibuat dari tanah atau rumput dari rahmat ini (yakni agama), yang mana (Allah) memberi kemuliaan sesiapa yang menerimanya dan kehinaan bagi sesiapa yang menolaknya. Allah

memberi kemuliaan kepada Islam dan penyokongnya dan memberi kehinaan kepada orang kafir .”

Maka tugas dakwah telah dibuat secara sambung-menyambung, mulanya oleh golongan sahabat RA anhum, kemudian tabiin, taba-tabiin diikuti oleh mubaligh-mubaligh agama yang merantau ke serata pelosok dunia, mencetuskan tebaran ataupun diaspora golongan mereka yang mampu dimenafaatkan di mana-mana tempat yang dikunjuginya.

Pada zaman-zaman kemudian, sebagai teraju pemerintahan ummah, dinasti-dinasti Khilafah seperti Umaiyyah, Abbasiyyah dan Othmaniyyah, mahupun Syarif-syarif Mekah yang memerintah dua bumi Haramain, yakni kota suci Mekah dan Madinah⁴³ mengambil tanggungjawab menghantar golongan mubaligh ke merata tempat, samada melalui jalan darat mahupun jalan-jalan perdagangan laut.

Dalam hal ini, wujud satu kelompok mubaligh yang menjadikan tanggungjawab penyebaran dan pendidikan agama sebagai ‘tugas keluarga’, kerana ianya telah berakar umbi dalam darah daging keturunan mereka yang bersusur galurkan kepada Rasulullah SAW sendiri. Mereka dikenali sebagai ahlul-bait baginda.

Beberapa Hadis khusus ditujukan oleh Baginda SAW kepada kelompok mereka seperti berikut ;

“Kutinggalkan di tengah kalian dua pusaka (peninggalan): Kitabullah sebagai tali terentang antara langit dan bumi, dan keturunanku...Ahli-Baitku. Sungguhlah kedua-duanya itu tidak akan terpisah hingga kembali kepadaku di Haudh (Telaga Nabi di Syurga).”
(HR Imam Ahmad bin Hambal)

Sebuah Hadis Thaqaalain riwayat Zaid bin Al-Arqam RA menyebut :

“Kutinggalkan di tengah kalian dua bekal. (Yang pertama): Kitabullah, di dalamnya terdapat petunjuk dan cahaya terang. Hendaklah kalian ambil dan berpegang teguh padanya...dan (kedua) : Ahli Baitku. Kalian kuingatkan kepada Allah mengenai Ahli-Baitku! Kalian kuingatkan kepada Allah mengenai Ahli-Baitku!”

⁴³ Syarif-syarif Mekah merupakan zuriat Rasulullah SAW dari jurai Sayyidina Hassan RA, memerintah dari tahun 1201M dan berakhir pada tahun 1924M apabila diambil alih oleh keluarga Saudi. Sebagai penguasa kota suci bagi umat Islam, selama pemerintahan Syarif-syarif Mekah, keluarga tersebut dianggap sebagai pusat tumpuan kerohanian ummah dan mendapat mandat untuk mentadbir urusan-urusan yang bersangkutan dengan kerja dakwah dan syiar Islam.

Sebuah Hadis riwayat Al Hakim dan disahihkan oleh Bukhari dan Muslim menyebut :

“ Bintang-bintang merupakan (sarana) keselamatan bagi penghuni bumi (yang sedang belayar) dari bahaya tenggelam/karam sedangkan ahlul-baitku sarana keselamatan bagi umatku dari perselisihan (dalam agama). Bila ada satu kabilah Arab yang membelakangi ahlul-baitku, mereka akan berselisih kemudian menjadi kelompok Iblis.”

Hakikatnya, Rasulullah SAW sendiri telah menguar-uarkan tentang keutamaan zuriat baginda bukan sahaja sebagai pusaka peninggalannya yang teraula, malahan menekankan kepentingan mereka yang Allah pilih sebagai sarana keselamatan ummah⁴⁴.

Sejarah perkembangan Islam membuktikan bahawa di kalangan tebaran ataupun diaspora para mubalighnya, wujud golongan ahlul-bait Rasulullah SAW yang muncul khususnya sebagai mubaligh-mubaligh sufi, sebagai mengikuti resam nenek moyang mereka, bertebaran di merata pelosok alam, di timur tengah, di benua Afrika, India, China sehinggalah ke rantau Nusantara di timur jauh ini.

Diaspora Mubaligh Arab Di Nusantara Tradisi Melalui Jaluran Perdagangan Laut

Semenanjung Tanah Melayu, Kepulauan Indonesia⁴⁵, Brunei (utara Kalimantan), Filipina⁴⁶ dan Patani (selatan Siam) secara tradisinya dikenali sebagai Alam Melayu, Gugusan Pulau-Pulau Melayu ataupun Alam Nusantara. Kedudukan Selat Melaka yang terletak diantara Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera, iaitu sebagai pintu masuk bagi jaluran pelayaran serta perniagaan antarabangsa sejak abad berabad, daripada dunia Barat dan Timur Tengah kepada negara Tiongkok (China) dan India, selain kerajaankerajaan Nusantara yang lainnya telah menjadikan rantau ini bukan sahaja berperanan penting, malahan memudahkan penetrasi kebudayaan bangsabangsa yang datang untuk berdagang serta mengembangkan ideologi-ideologi mereka,

⁴⁴ Ahlul-bait Rasulullah SAW tidak maksum. Bagaimanapun mereka boleh diibaratkan sebagai ‘kayu kokka’ berbanding dengan kayu-kayu lain. Ataupun seperti batu delima berbanding dengan batu-batu permata yang lain, begitulah martabat ahlul-bait Rasulullah SAW berbanding dengan manusia lain. Kerana terkandung zat Rasulullah SAW pada diri mereka. Hakikat ini telah diperakukan oleh syariat Islam sendiri. Malahan sejarah Islam telah membuktikan kelahiran ramai tokoh-tokoh cemerlang dari kalangan mereka dari zaman dahulu sehinggalah pada hari ini dan akan terus sambung-menyambung sehingga ke penghujung usia dunia nanti.

⁴⁵ Kepulauan Indonesia terdiri daripada 3,000 buah pulau, antara yang terbesar ialah Kalimantan Selatan, Sumatera, Jawa, Sulawesi dan Irian Barat

⁴⁶ Filipina terdiri daripada sekitar 7,000 buah pulau, antaranya Luzon, Mindanao dan Sulu

termasuklah bangsa-bangsa Islam.

Malahan daerah-daerah yang terletak di Nusantara mendapat menfaat besar atas kedekatan dengan urat nadi lalu lintas yang merupakan pintu-pintu sempit yang mesti dilalui oleh kapal-kapal yang berulang alik diantara Lautan India dan Laut China Selatan, membawa berbagai barang dagangan serta para pedagang dari berbagai bangsa.

Antara pedagang yang sering berulang-alik ke Alam Nusantara adalah penduduk selatan Semenanjung Tanah Arab, iaitu Yemen dan Oman. Orang-orang Arab kaum Saba' dari Yemen yang mempunyai tamaddun tinggi serta kepakaran dalam pelayaran telah menguasai perdagangan di Lautan Hindi lama sebelum kemunculan Islam di Jazirah Arab. Daripada pusat pelayaran di Aden, mereka sering mengunjungi pelabuhan China melalui Selat Melaka untuk tujuan perdagangan dan tradisi ini dikekalkan zaman berzaman. Antara tempat-tempat yang disinggahi di kepulauan Melayu adalah Mul Jawa (Jawa), Sribuza (Sriwijaya), Kalah (Kedah), Panhang (Pahang), Jambi, Palembang, Tiyuman (Tioman) dan sebagainya .

Dalam hal ini, para pedagang Yemen dan Oman juga membuat perdagangan dengan Syam (Syria), Palestin, Damsyik dan Iraq di utara Jazirah Arab. Mereka melalui jalan Mekah yang terletak padanya rumah Kaabah yang suci dan sentiasa dikunjungi oleh berbagai kabilah Arab sejak turun temurun, selain menjadi tumpuan dagangan yang besar pada musim-musim haji. Yemen pula menjadi tumpuan saudagar Arab Quraisy pada musim sejuk.

Maka demikianlah keadaan para pedagang dan pengembara Arab di selatan Semenanjung Arab, berulang-alik diantara Nusantara dengan bahagian utara Jazirah Arab sejak kurun berkurun. Mereka sentiasa berhubungan dengan rakan-rakan pedagang di Tanah Arab, di bandar suci Mekah al-Mukarramah dan Madinah al-Munawarrah. Apabila mereka pulang ke tanah air membawa barang-barang dagangan yang diperolehi daripada negeri China dan Gugusan Pulau-Pulau Melayu, terus ke pusat perniagaan di Syam, Damsyik dan Iraq, melalui dan mengunjungi kota suci Mekah dan Madinah, sedangkan saudagar-saudagar Arab Quraisy pula berulang-alik ke Yemen pada musim sejuk.

Natijah daripada kemunculan Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW dalam abad ke 7 Masihi bukan sahaja telah membawa ajaran, tamaddun serta budaya Islam secara berperingkat ke jaluran-jaluran dagangan dunia Arab di Timur Tengah, malahan dilanjutkan juga kepada jaluran-jaluran dagangan di benua India, China dan Alam Nusantara, samada melalui jalan darat mahupun lautan.

Dalam hal ini, penyebaran Islam melalui konsep dakwah dan tabligh yang dipertanggungjawabkan kepada umat Rasulullah SAW telah dilaksanakan sebagai dasar pemerintahan oleh golongan umara. Oleh itu, samada melalui titah khalifah atau raja, mahupun secara peribadi, ianya mewujudkan diaspora mubaligh-mubaligh agama di merata pelosok dunia. Maka sudah tentu jaluran-jaluran dagangan darat dan lautan menjadi urat nadi yang penting bagi melaksanakan tugas dakwah dan tabligh oleh para mubaligh ini, yang ramai berstatus pedagang juga, besar mahupun kecil. Kerana jaluran-jaluran ini mampu sampai ke daerah-daerah di kejauhan pelosok alam dengan menyusur pantai dan berlabuh di bandar-bandar persinggahan.

Kesimpulannya, gabungan prinsip Islam yang meletakkan tanggungjawab penuh kepada umatnya untuk mensyiarkan Islam di jagat raya, yang dijadikan teras pemerintahan oleh khalifah dan raja, dikesampingkan dengan kemudahan jaluran perdagangan khususnya jalan laut yang sampai ke merata pelabuhan-pelabuhan yang berserakan di pesisiran-pesisiran pantai dunia, mampu menjadi saluran efektif yang membawa Islam kepada penempatan-penempatan penduduk.

Begitulah Islam tersebar, diletakkan di pundak para mubaligh agama, dibawa ke hulu ke hilir, disyiarkan, di kedekatan dan kejauhan, mencetuskan diaspora golongan mereka, termasuklah mubaligh Arab yang ramai bersusur galurkan dari bangsa sahabat Rasulullah SAW, bangsa Quraisy, bangsa Bani Hashim, malahan bangsa ahlul-bait baginda sendiri.

Mereka membawa ajaran Islam, datang dan pergi, malahan datang dan tinggal terus, menjadi umara dan ulama, menaburkan zuriat yang ramai, bercampur baur dan bersebati dengan penduduk tempatan, mempengaruhi tamaddun dan budaya massa setempat, meninggalkan warisan yang cukup ampuh.

Faktor-Faktor Tarik-Tolak Kemunculan Ahlul-Bait 'Gelombang Pertama' Di Alam Nusantara

Sejarah kedatangan ahlul-bait Rasulullah SAW ke Alam Nusantara boleh dijejaki seawal abad ke 9 Masihi lagi⁴⁷. Bagaimanapun bilangannya kecil pada waktu itu. Kemudiannya pada pertengahan

⁴⁷ Seorang ahlul-bait Rasulullah SAW yang bernama Sayyid Muhammad Diba'i bin Imam Jaffar As-Sadiq telah mengetuai segerombolan mubaligh ke Perlak (daerah Aceh kuno). Dari zuriatnya lahir Dinasti Aziziyah yang menerbitkan kesultanan ahlul-bait Perlak selama 60 tahun.

abad ke 13 Masihi, terjadi peristiwa penjarahan Baghdad (pernah menjadi pusat khilafah Abbasiyyah) oleh tentera Mongol sehingga memberi kesan kepada sejarah perkembangan dunia Islam di sebelah timur dengan kemunculan ramai mubaligh Arab.

Pada waktu yang sama, kedudukan Syarif-syarif Mekah adalah kuat dan stabil dengan kuasa otonominya yang tersendiri⁴⁸. Sebagai nadi spiritual ummah, Syarif-syarif Mekah telah menjadikan dakwah Islamiyyah sebagai teras pemerintahan sebagai mengikuti resam nenek moyang mereka yang bersusur galurkan kepada Rasulullah SAW sendiri. Natiujahnya telah membuka ruang seluas-luasnya bagi mubaligh-mubaligh ahlul-bait untuk menapak secara besar-besaran di rantau ini, yang mana mereka datang untuk menyebarkan Islam atas perintah Syarif-syarif Mekah.

Kemunculan ahlul-bait Rasulullah SAW di Alam Nusantara tradisi boleh dibahagikan kepada dua kelompok atau gelombang, iaitu GELOMBANG PERTAMA dan GELOMBANG KEDUA.

Faktor-faktor penting yang mendorong kepada kemunculan ahlul-bait Gelombang Pertama di Alam Nusantara adalah seperti berikut;

1. Hubungan Pasai dengan Syarif Mekah sebagai sumber perkembangan Islam di rantau Nusantara

Sebagai teraju ummah, dakwah Islamiyyah menjadi teras pemerintahan Khilafah dan Syarif-syarif Mekah. Oleh itu mana-mana negeri yang diislamkan atas titah Khalifah atau Syarif Mekah, dan diberi daulat kepada rajanya sebagai ulil amri, maka diajarkanlah kepada raja itu akan tanggungjawabnya yang pertama dan utama sebagai wakil Allah dan RasulNya, berperanan sebagai 'penyambung warisan Rasulullah SAW dalam hal ehwal pemerintahan ummah dan agama Islam'.

Dalam hal ini, pada kurun ke 13 Masihi, Pasai mendapat nobatnya sebagai kesultanan Islam atas perintah Syarif Mekah⁴⁹. Makam rajanya yang pertama, iaitu Sultan Al-Malikus Saleh bertarikh 692 Hijrah, bersamaan 1297 Masihi yang masih

⁴⁸ Semenjak kewafatan Rasulullah SAW, pemilihan wali-wali Mekah dan Madinah adalah menjadi tanggungjawab Khalifah. Bagaimanapun bermula tahun 1201 sehingga 1924, penguasaannya terletak pada keluarga Sayyidina Hassan RA dari jurai cucunya yang bernama Qitadah. Semenjak zaman tersebut, pemerintah kota Mekah dan Madinah dikenali sebagai Syarif-syarif Mekah.

⁴⁹ Walaupun terdapat banyak bukti sejarah mengenai tanda kemunculan Islam di Alam Nusantara lebih awal lagi, bagaimanapun para sarjana dan ahli sejarah telah bersepakat bahawa pengaruh Islam pada masa itu adalah amat terbatas dan penyebarannya lebih dalam bentuk 'runcit-runcit'.

terpelihara sehingga pada hari ini jelas membuktikan bahawa pengakuan yang diterimanya untuk menjadi Sultan memanglah datang dari Syarif Mekah yang bernama Ibrahim Khalil.

Sebagai raja yang ditabalkan oleh Syarif Mekah, sepanjang pemerintahan Sultan Al-Malikus Saleh, baginda telah menjalin hubungan diplomatik dengan negeri-negeri Arab. Keadaan ini bukan sahaja memesatkan Pasai sebagai pusat perdagangan Islam yang terkenal pada waktu itu yang menerima ramai pengunjung daripada dunia Arab, Farsi, India dan China, malahan Pasai juga mulai berkembang pesat sebagai pusat dakwah terkenal yang banyak menerima kunjungan mubaligh-mubaligh luar.

Bermakna, hubungan diplomatik yang wujud diantara Kesultanan Pasai dan Syarif Mekah yang pada waktu itu merupakan pusat kerohanian ummah bukan sahaja telah membuka mata para pendakwah dan alim ulama kepada rantau ini, malahan langkah Raja-raja Pasai dalam memberikan pernaungan, perlindungan serta kemuliaan yang tinggi kepada mereka, serta mengambil langkah memesatkan Pasai sebagai pusat pendidikan dan penyebaran Islam telah diterima sebagai suatu isyarat 'jemputan' kepada para dai'ee secara besar-besaran, khususnya yang bermazhab Syafiee.

Kepesatan Kesultanan Pasai sebagai pusat Islam yang unggul dan berwibawa jelas dirakamkan dalam catatan seorang perawi sejarah yang terkenal, iaitu Ibnu Batuttah yang membuat kunjungan ke negeri tersebut dalam perjalanannya ke negeri China pada tahun 1345M dan kembali dari negeri China dan singgah lagi ke Pasai dalam tahun 1346M. Pada masa itu Pasai diperintah oleh Sultan Malikuz Zahir II (cucu Al-Malikus Saleh) yang telah ditemui oleh Ibnu Batuttah dalam siri lawatannya itu.

Menurut Ibnu Batuttah, Sultan Malikuz Zahir merupakan seorang raja yang amat teguh pengamalan agamanya dan baginda bermazhab Syafiee. Sultan Malikuz Zahir mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai Mazhab Syafiee dan sering bertukar-tukar fikiran dengan para ulamak dalam membicarakan masalah-masalah agama.. Kewarakan Sultan Malikuz Zahir, pengetahuannya yang arif mengenai Mazhab Syafiee (dikatakan baginda suka memakai pakaian ahli undang-undang

Islam) dan dasar pemerintahan baginda untuk menyemarak dan memesatkan penyebaran serta pengkajian Islam inilah langsung menjadi daya penarik kepada mubaligh-mubaligh Islam

dari tempat-tempat seperti di Mesir, Mekah, Madinah, Hadhramaut, Gujerati dan Malabar.

Dalam catatannya juga, Ibnu Batutta menceritakan pengalamannya di Pasai bertemu dengan dua orang ulamak yang membantu Sultan Malikuz Zahir dalam urusan pentadbiran negeri, seorang datang dari Isfahan, sementara seorang lagi berbangsa Sayid yang bernama Syarif Amir Sayyid⁵⁰ dari Syiraz, Parsi. Syarif Amir Sayyid dilantik oleh Sultan menjadi kadi dalam kerajaan Pasai.

Dalam hal ini, perlu juga disebut bahawa Sultan Malikuz Zahir ini adalah biras kepada seorang ahlul-bait Rasulullah SAW dari keluarga bangsawan dalam Kesultanan Delhi yang bernama Sayyid Hussein Jamadil Kubra⁵¹. Sayyid Husein bersama tiga orang saudaranya telah datang ke Alam Nusantara sekitar tahun 1346M. Dari titisannya telah lahir ramai kaum Sayyid yang menjadi alim ulama dan para mubaligh yang terkenal di Alam Melayu, khususnya beberapa orang dari kumpulan Wali Songo. Keturunan Sayyid Hussein juga ada yang menjadi raja-raja dalam kesultanan Kelantan, Champa (Kemboja pada hari ini), Pattani dan kerajaan-kerajaan di Pulau Jawa.

Ringkasnya, pengaruh kaum Sayyid di istana Pasai amat ketara apabila jawatan penting dan tertinggi sebagai Kadi Sultan diberikan kepada golongan mereka. Apatah lagi hubungan kekeluargaan (melalui perkahwinan) Sultan Malikuz Zahir dengan Sayyid Hussein Jamadil Kubra yang merupakan seorang ulamak besar dan pengasas kepada kesultanan ahlul-bait di Champa, Pattani dan Kelantan Lama telah membawa pengaruh dan kesan yang besar kepada istana Pasai. Ini terbukti apabila Ibnu Batutta sendiri mencatatkan bahawa pentadbiran Pasai mempunyai persamaan dengan Kesultanan Delhi di India⁵², yang mana ayahnda Sayyid Hussein yang bernama Sayyid Ahmad Syah Jalal pernah menjadi wazir (atau gabenor) kepada Sultan Muhammad Tughlug (1325-1351M). Beberapa orang pembesar Pasai juga

⁵⁰ Prof Dr Hamka, *Sejarah Umat Islam*, 1997, hlm 704. Sayyidina Hussein RA, cucu kesayangan Rasulullah SAW pernah mengahwini seorang puteri Farsi yang bernama Shah Zinan binti Yazdagrid, melahirkan seorang ahlul-bait yang termasyur bernama Ali Zainal Abidin. Darinya lahirlah zuriat yang ramai, bertebaran di seluruh pelosok dunia.

⁵¹ Sayyid Hussein telah mengahwini seorang puteri keluarga diraja Chermin yang bernama puteri Linang Chahaya dan memberanakkan Ibrahim Al Akbar (Ibrahim Asmaro), yang dari titisannya lahir beberapa tokoh yang tersenarai dalam kumpulan Wali Songo. Sultan Malikuz Zahir II pula berkahwin dengan puteri Chandan, saudara kandung kepada puteri Linang Chahaya.

⁵² Zakaria Ahmad, *Sekitar Kerajaan Atjeh Dalam Tahun 1520-1675*, Menora Medan, tanpa tarikh, hlm 21

dikatakan merupakan para pembesar Kesultanan Delhi sendiri⁵³ .

Kesimpulannya, sepanjang kewujudan Pasai sebagai pusat Islam yang pertama di rantau Nusantara dari abad ke 13M sehingga awal abad ke 15M, iaitu sebelum diambil alih status cemerlangnya oleh kesultanan bersaudaranya, iaitu Kesultanan Melayu Melaka, Pasai antara lain memberikan sumbangan besar dalam menyediakan tapak kukuh bagi kemunculan para dai'ee dan alim-ulama Arab untuk menyebarkan Islam secara besar-besaran di rantau ini.

Sistem pentadbiran, dasar pemerintahan dan hubungan kekeluargaan yang erat diantara Raja Pasai dengan tokoh-tokoh ahlul-bait Rasulullah SAW pada waktu itu secara langsung telah mematangkan suasana politik yang memungkinkan golongan mereka untuk mulai menapak di Alam Nusantara secara besar-besaran. Mereka datang secara langsung dari Tanah Hijaz seperti di Taif, Mekah dan Madinah, sebahagiannya atas perintah Syarif Mekah. Ataupun menyinggah dahulu di pusat-pusat pelabuhan dagangan antarabangsa di daerah Gujerat dan Malabar di India, kemudian terus ke Nusantara.

Mereka adalah alim-ulamak sufi yang bertanggungjawab menyebarkan Islam dengan meluasnya di rantau ini. Golongan alim-ulama ahlul-bait bertaraf sufi inilah yang mewujudkan kelompok ahlul-bait 'GELOMBANG PERTAMA' di Alam Nusantara.

2. Hubungan Melaka dengan golongan Sayyid sebagai sumber pemesatan Islam di rantau Nusantara

Selepas lebih kurang seabad Kesultanan Pasai mengambil peranan penting sebagai pusat Islam yang terunggul di rantau ini, kedaulatannya mulai kelupusan. Muncul pula kesultanan Melayu Melaka sebagai penyambung obor-obor penyebaran Islam, mengambil alih tempat Pasai.

Walaupun Kesultanan Melayu Melaka muncul di atas runtuh kerajaan Pasai, namun Raja-raja Melaka bukan sahaja menganggap Pasai tetap tidak dapat ditandingi sebagai pusat intelektual Islam yang tinggi dan terunggul, tetapi juga memberikan layanan serta penghormatan yang paling istimewa

⁵³ Menurut Ibnu Batutah dalam catatannya *al-Rihlah* (Paris 1893, hlm 230-235), selain Syariff Amir Sayyid dari Shiraz, beliau juga telah bertemu dengan Taj al-Din dari Isfahan, Amir Delwasa dari Delhi dan Abdullah ibn Muhammad al-Muntasir yang merupakan keturunan Khalifah Abbasiyyah dari Baghdad.

kepadanya. Ini berikutan Kesultanan Melaka mempunyai hubungan kekeluargaan yang erat dengan Pasai. Perkahwinan Sultan Iskandar Shah (atau Parameswara sebelum zaman Islamnya) dengan puteri Pasai⁵⁴, serta perkahwinan bapa mertua Sultan Muhammad Shah, iaitu Mani Purindan (Putera Pahili di Gujerat), juga dengan puteri Pasai menjamin keutuhan jalinan persahabatan diantara kedua kesultanan Melayu yang cemerlang itu.

Sebagaimana Pasai, ahlul-bait Rasulullah SAW juga mengambil peranan penting dalam Kesultanan Melayu Melaka, istimewanya dalam peristiwa pengislaman Raja Melaka yang bergelar Raja Kecil Besar sekitar awal abad ke 15M (kemudian bergelar Sultan Muhammad Syah) di tangan Sayyid Abdul Aziz dari Jeddah.

Dan sebagaimana Pasai, Kesultanan Melaka juga telah meletakkan ulamak ahlul-bait Rasulullah SAW pada suatu jawatan agama yang paling tinggi dan penting. Sayyid Abdul Aziz yang mengislamkan Raja Melaka dengan mengambil nama Sultan Muhammad Shah bersempena dengan pengislamannya juga telah menjadi guru agama peribadi kepada baginda selama lapan tahun. Anaknya yang bernama Maulana Yusuff dan cucunya yang bernama Sayyid Menawar⁵⁵ telah dilantik sebagai Kadhi Melaka.

Kedua-dua anak dan cucu Sayyid Abdul Aziz ini telah berkesempatan membimbing dalam hal ehwal agama dan pemerintahan bercorak Islam kepada hampir kesemua Raja-Raja Melaka seperti Sultan Muzaffar Syah, Sultan Mansur Syah, Sultan Alauddin Riayat Syah dan Sultan Mahmud Syah I. Ini merupakan suatu tempuh yang panjang yang mampu meninggalkan pengaruh serta legasi yang amat besar kepada tamaddun MELAYU ISLAM BERAJA yang menjadi teras pemerintahan kesultanan Melayu Melaka.

⁵⁴ Iaitu puteri kepada Sultan Zainal Abidin Malikuz-Zahir (Sultan Samudera Pasai ke-5). Salasilah baginda adalah Sultan Zainal Abidin ibni Sultan Ahmad Malikuz-Zahir ibni Sultan Muhammad Malikuz-Zahir ibni Sultan Malikus-Saleh (Sultan Samudera-Pasai yang pertama mendapat Islam atas titah Syarif Mekah). Salasilah diambil dari sumber Teuku Syahbuddin Razi, (hakcipta Usman G. Adamy). Rujuk Bibliografi .

⁵⁵ Penulis *Sejarah Melayu* , iaitu Tun Seri Lanang (atau Bendahara Paduka Raja Tun Muhammad) merupakan cucu cicit Sayyid Menawar daripada sebelah perempuan. Salasilahnya adalah seperti berikut; Sayyid Abdul Aziz memberanakkan Sayyid Yusuff memberanakkan Sayyid Menawar memberanakkan puteri (berkahwin Seri Wak Raja) memberanakkan Tun Umar memberanakkan puteri (berkahwin Tun Isap Misai) memberanakkan Tun Ahmad memberanakkan Tun Muhammad (Tun Seri Lanang). Sumber Sejarah Melayu (versi A. Samad Ahmad), hlm 184

Dengan diperbantu oleh golongan Sayyid dan Syarif daripada bumi Hijaz, India dan Parsi, serta para mubaligh dan alim-ulamak Arab yang lain⁵⁶, agama Islam 'acuan' ahlul-bait Rasulullah SAW yang bersifat lembut, ihsan, menusuk kalbu, fasih, halus dan berseni, konservatif serta cenderung pada kesufian telah membantu dalam membentuk identiti serta jatidiri Bangsa Melayu yang unik. Apatah lagi corak sebegini sememangnya amat sesuai dan serasi dengan fitrah semulajadi masyarakat Melayu yang lembut, serba sederhana dan bersifat 'kejiwaan'⁵⁷.

Selain mencatatkan peranan dan pengaruh Sayyid Abdul Aziz, anaknya Kadhi (Maulana) Yusuff dan cucunya Kadhi Menawar sebagai pembimbing dan penasihat Raja-Raja Melaka dalam hal ehwal agama, *Sejarah Melayu* juga banyak memaparkan kisah tokoh-tokoh sufi ahlul-bait Rasulullah SAW yang menunjukkan status golongan mereka yang tinggi, berpengaruh dan dimuliakan di istana Melaka. Antaranya termasuklah seorang Sayyid sufi yang membantu Sultan Mansur membantutkan cita-cita kerajaan Siam untuk menyerang Melaka, seorang ahlul-bait yang mendoakan seorang pembesar Melaka sehingga terselamat dari bencana kapal karam dan kisah Nakhoda Sayyid Ahmad yang membantu Raja Melaka mendapatkan Tun Teja, anak Bendahara Pahang yang terkenal cantik paras rupanya.

Kesultanan Melayu Melaka yang pernah meluaskan empayarnya di Semenanjung Tanah Melayu sehingga menjangkau ke bahagian timur Sumatera seperti Rokan, Siak, Inderagiri dan Jambi, terkenal sebagai pusat penyebaran dan pengajian Islam yang pesat⁵⁸. Proses islamisasi Melaka menjadi suatu pola yang diulang-ulang pada semua jajahan-jajahannya, termasuklah ajaran-ajaran yang dibawa, dikembang dan dimantapkan oleh Sayyid Abdul Aziz beserta anak dan cucunya sebagai kadhi-kadhi negeri, membimbing golongan elit pemerintahan selama hampir 100 tahun lamanya.

Maka sedikit sebanyak, bukan sahaja alim-ulamak ahlul-bait ini telah menyumbang kepada pembentukan identiti dan jatidiri Bangsa Melayu dengan jiwa keislamannya yang unik, tetapi

⁵⁶ Seperti Maulana Abu Bakar, Maulana Sadar Jahan, Kadhi Menua, Maulana Jalaluddin dan lain-lain lagi.

⁵⁷ Raja-Raja Melaka hampir kesemuanya berguru dengan ulama-ulama Arab termasuklah ulama-ulama ahlul-bait serta mempelajari ilmu tareqat daripada mereka. Dikatakan pada zaman Melaka, Pasai merupakan pusat ilmu kesufian dan banyak membimbing Raja-Raja Melaka dalam bidang tersebut.

⁵⁸ Sultan-sultan Melaka diketahui bukan sahaja belajar agama dari guru-guru mursyid, malahan Sultan Alauddin Riayat Shah sendiri pernah menjemput raja-raja di bawah perintahnya dari Pahang, Kampar dan Inderagiri beserta kaum keluarga mereka untuk belajar agama di istana Melaka

juga menjadi magnet yang mampu menarik lebih ramai golongan mubaligh ahlul-bait yang lain ke rantau ini seperti yang diceritakan dalam beberapa pengkisahan kitab *Sejarah Melayu* karya Tun Seri Lanang itu.

3. Peranan seorang ahlul-bait terkemuka, Laksamana Cheng Ho dalam politik Nusantara untuk menyambut kedatangan ahlul-bait Gelombang Pertama secara besar-besaran

Satu fakta sejarah yang amat menarik berkait rapat dengan sumbangan negara China kepada keselamatan daulah-daulah Islamiyyah yang tertegak di rantau ini bermula sekitar pertengahan abad ke 13M. Pada masa itu, dua kuasa Hindu-Buddha yang besar iaitu kerajaan Siam dan Majapahit sentiasa bersaing untuk mentancapkan otoritas mereka pada mana-mana negeri yang boleh ditundukkan. Apatah lagi Agama Islam dianggap sebagai saingan ketat kepada ajaran Hindu-Buddha yang telah memonopoli rantau Asia Tenggara buat sekian lamanya. Bagaimanapun, semenjak kematian Patih Gaja Mada dalam tahun 1364M yang bertanggungjawab meluaskan empayar Majapahit, kekuatan kerajaan tersebut mulai merosot. Yang tinggal hanya ancaman penaklukan dari Maharaja Siam.

Dalam masa pemerintahan Dinasti Ming (1368-1628M), orang-orang Islam di negeri China mendapat keistimewaan dan taraf yang sama dengan yang lain. Maharaja-maharaja dinasti itu mengambil ramai orang-orang Islam khususnya dalam bidang pentadbiran dan pendidikan. Dinasti Ming amat menyenangi ajaran Islam hinggalah salah seorang dari pemerintahnya pernah membina sebuah masjid di Nanking dan membuat ukiran puisi pada masjid tersebut yang mencatatkan tentang ajaran Islam.

Dasar pemerintahan China pada waktu itu yang tidak mahu mentancapkan otoritasnya tetapi lebih mementingkan kestabilan jaluran perdagangan serta hubungan persahabatan yang baik dengan negerinegeri di bahagian selatannya telah digunakan sebaik mungkin oleh Raja-raja Melaka untuk menghentikan ancaman dari kerajaan Siam dengan meminta perlindungan dari China. Kemuncak daripada jalinan hubungan yang erat ini ialah peristiwa perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan puteri China yang bernama Hang Li Po.

Suatu perkara yang perlu diketengahkan berkaitan dengan sumbangan China kepada kestabilan politik Alam Melayu pada abad ke 15M yang memesatkan perkembangan Islam serta

meluaskan empayar Melaka ialah peranan yang dimainkan oleh seorang laksamana China yang terkenal iaitu Cheng Ho.

Sebagai Duta Persahabatan Maharaja Ming, Laksamana Cheng Ho yang beragama Islam telah membuat sejumlah tujuh ekspedisi pelayaran yang besar ke negeri-negeri seperti Melaka, Champa, Jawa, Samudera, Palembang, Lamri, Aru, Pahang, Borneo dan sebagainya. Kisah-kisah pelayaran Cheng Ho amat menakjubkan, apatah lagi pada masa itu para pelaut Eropah seperti Christopher Columbus dan Vasco Da Gama masih pada tahap 'membaca peta' lagi.

Bagaimanapun apa yang lebih menarik ialah kebolehan Cheng Ho berurusan baik dengan Raja-Raja Melayu serta kebijaksanaannya menghantar isyarat keras kepada Siam dan saki baki kerajaan Hindu di Jawa supaya jangan lagi mengancam negeri-negeri Melayu Islam itu. Seperti kata Prof Kong Yuanzhi⁵⁹, ekspedisi Cheng Ho yang 'dibungkus' dengan misi diplomatik, sesungguhnya tiada lain melainkan sebuah *show of force*.

Atas inisiatif Cheng Ho, Raja Melaka sendiri datang menghadap Maharaja China, kemudian kembali dengan membawa beberapa ahli pertukangan Islam yang menolong membina masjid-masjid di Melaka. Dengan pertolongannya juga, Maharaja China menjadi penaung negeri Melaka, secara tidak langsung menjadi penaung juga kepada kepesatan perkembangan Islam yang berjalan seiring dengan perluasan empayar Melaka.

Apa yang kita perlu tahu mengenai identiti sebenar Laksamana Cheng Ho ialah pendapat mengatakan beliau berasal dari zuriat Rasulullah SAW sendiri. Menurut Prof Kong Yuan Zhi⁶⁰, ada pendapat yang mampu membuktikan bahawa Laksamana Cheng Ho merupakan seorang ahlul-bait Rasulullah SAW.

⁵⁹ Prof Kong Yuan Zhi, 'Muslim Tiong Hua Cheng Ho: Misteri Perjalanan Muhibbah di Nusantara', Pustaka Populer Obor, Jakarta, 2000. Petikan buku ini boleh didapati didalam Al-Sirat, Jurnal Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Bil 2, Jilid Pertama, Mei 2001.

⁶⁰ Ibid. . Salasilah penuhnya adalah seperti berikut:

Ma-He/Cheng Ho ibni Mi-Li-Jin/Ma Haji ibni Mi-Di-Na/Haji ibni Bai-Yan ibni Na-Su-La-Ding ibni Sai-Dian-Chi/Sayyid Ajall/Sayyidina Syamsuddin ibni Ma-Ha-Mu-Ke-Ma-Nai-Ding ibni Ka-Ma-Ding-Yu-Su-Pu ibni Su-Sha-Lu-Gu-Chong Yue/Su-Zu-Sha ibni Sai-Yan-Su-Lai-Chong-Na ibni Sou-Fei-Er/Sayyidina Syafiee ibni An-Du-Er-Yi ibni Zhe-Ma-Nai-Ding ibni Cha-Fa-Er ibni Wu-Ma-Er ibni Wu-Ma-Nai Ding ibni Gu-Bu-Ding ibni Ha-San ibni Yi-Si-Ma-Xin ibni Mu-Ba-Er-Sha ibni Lu-Er-Ding ibni Ya-Xin ibni Mu-Lu-Ye-Mi ibni She-Li-Ma ibni Li Sha Shi (Kaisar kerajaan Mi-Si-Le) ibni E-Ha-Mo-De ibni Ye-Ha-Ya ibni E-Le-Hou-Sai-Ni ibni Xie-Xin ibni Yi-Si-Ma-Ai-Le ibni Yi-Bu-Lai-Xi-Mo ibni Hou Sai-Ni ibni (Sayyidatina) Fatimah binti Rasulullah SAW.

Nenek moyangnya yang bernama Sayyidina Syamsuddin (Sai-Dian Chi) merupakan putera kepada Sultan Bukhara yang mengalami kekalahan di tangan tentera Ghenghiz Khan yang hebat itu. Sayyid Syamsuddin kemudian menjadi tawanan di Peking, namun berkat keperibadiannya yang tinggi, kealiman serta kewibawaan kepimpinannya beliau bukan sahaja diangkat sebagai Penolong Menteri di daerah Yunan, tetapi juga telah berjaya menarik beribu-ribu penduduk tempatan untuk menganut Islam. Sebagaimana Sayyid Syamsuddin yang amat disenangi oleh para pengikutnya, cucunya Cheng Ho juga amat disayangi dan dikagumi, sehinggakan orang bukan Islam pun membina kuil atas namanya di beberapa tempat seperti di Melaka, Pulau Pinang, Terengganu, Sarawak dan Singapura⁶¹.

Kesimpulannya, tidak dapat dinafikan lagi bahawa faktor keselamatan memainkan peranan yang amat penting untuk perkembangan Islam dan ekonomi di rantau ini, oleh itu secara langsung ataupun tidak langsung, Laksamana Cheng Ho, seorang ahlul-bait Rasulullah SAW bukan sahaja telah membantu Kesultanan Melayu Melaka⁶² dalam memeriahkan pusat dagangannya, malahan memberi sumbangan juga dalam memelihara keamanan di Alam Melayu yang dapat memesatkan penyebaran Islam. Ini diakui sendiri oleh Professor Hamka seperti kenyataannya dalam majalah Star Weekly, Jakarta bertarikh 18 Mac 1961 bahawa *'nama Muslim dari Tiongkok (China) yang erat sangkut pautnya dengan kemajuan Islam di Indonesia dan Tanah Melayu ialah Laksamana Cheng Ho.'*

Berkemungkinan faktor identiti dan jasa Laksamana Cheng Ho yang besar, kisah-kisah armada dan pelayarannya yang menakjubkan serta kebolehannya sebagai utusan Maharaja China yang berwibawa mampu mencetuskan inspirasi, semangat dan kebanggaan kepada kaum Sayyid pada masa itu. Ianya mungkin menjadi satu lagi daya tarikan serta pendorong bagi mubaligh-mubaligh dan alim-ulamak ahlul-bait Rasulullah SAW pada zamannya untuk beramai-ramai menyertai Gelombang Pertama mencurahkan khidmat mereka atas jalan agama di bumi Nusantara yang 'redup' ini.

⁶¹ Cheng Ho telah ditangkap di Yunan oleh tentera Dinasti Ming semasa umurnya baru 12 tahun. Ia kemudiannya dibawa ke Nanking sebagai sida-sida bagi Maharaja China.

⁶² Cheng Ho juga pernah mengunjungi Pasai membawa berita tawaran pertolongan dari Maharaja China. Bagaimanapun Pasai sudah tidak berdaya lagi menghalang era kejatuhannya

Jasa Laksamana Cheng Ho yang sebenar dalam membantu mengkondisi rantau Nusantara menjadi tempat yang aman dan selamat untuk perkembangan Islam yang rancak tersembunyi dalam riwayat-riwayat kehebatan armadanya yang mega-mega belaka itu⁶³. Mudah-mudahan Laksamana Cheng Ho juga dapat dikenang sebagai seorang ahlul-bait Rasulullah SAW yang tersenarai dalam golongan yang menyambung kerja nenek moyangnya dari kalangan ulama, mubaligh dan pemimpin umat Islam. Sepertimana ramai golongan ahlul-bait *awallun*, Cheng Ho juga umpama sebutir berlian yang menyinarkan cahaya gemerlapan di tengah padang pasir yang luas.

4. Perbezaan latar belakang politik Timur Tengah dan Timur Jauh

Latar belakang politik yang bergejolak di bumi Arab juga memainkan peranan besar dalam sejarah kedatangan ahlul-bait ke bumi Nusantara. Sedia diketahui bahawa situasi politik dan keadaan masyarakat di Jazirah Arab, Afrika dan Timur Tengah penuh dengan siasah politik. Kaum-kaum di dunia sebelah 'atas angin' ini berdarah panas, persengketaan dan pergolakan politik adalah lumrah. Ditambah pula dengan penglibatan kaum Kristian dan Yahudi yang sentiasa mencari peluang mencero bohi empayar Islam sejak zaman berzaman, sehingga terdedah kepada berbagai persengketaan, peperangan dan percaturan politik.

Secara peribadinya pula ahlul-bait sentiasa menjadi sasaran kedengkian dari ramai pihak. Antaranya, kaum-kaum yang memusuhi dan mencemburui mereka di atas status istimewa yang dimiliki bersandarkan syariat Islam. Contohnya kebanyakan dari khalifah Umayyah dan Abbassiyah sentiasa mencari peluang menghambat, mengusir, menindas dan melakukan berbagai bentuk kekejaman kepada keturunan Sayyidina Ali kerana merasakan tidak selamat pada jawatan penguasa selagi ahlul-bait ada di kalangan mereka, apatah lagi ahlulbait sentiasa mendapat ihsan dan simpati dari kebanyakan umat Islam sebagai titisan Rasulullah SAW.

Kaum Khawarij yang diasaskan pada zaman Sayyidina Ali juga merupakan satu lagi kelompok musuh yang mengisytihar perang ke atas cucu cicit Nabi yang mereka anggap sebagai telah

⁶³ Sebagai contohnya, pelayaran persahabatan Laksamana Cheng Ho ke Asia Tenggara dalam kapal induknya pernah diapit oleh 62 kapal tempur yang mengangkut tentera dan alatan peperangan serta kapal pengangkut barang dan penumpang. Tentera yang dibawa berjumlah 27,000 orang semuanya. Anggota armada Cheng Ho terdiri daripada tentera, kelasi, ahli teknik, ahli astronomi, ahli bahasa dan tabib yang kebanyakannya beragama Islam.

sesat. Kerabat ahlul-bait juga terdedah kepada bahaya kaum Syiah pelampau yang telah menyimpang jauh dari ajaran, pegangan dan prinsip asal para penyokong Khalifah Ali.

Berbeza dengan latar belakang sosio-politik Arab yang menindas keturunan Rasulullah SAW secara bersambung-sambung, layanan baik, penghormatan serta kemuliaan yang mereka terima daripada penguasapenguasa tempatan di rantau Nusantara ini merupakan sesuatu yang amat menyejukkan hati mereka. Kalau di bumi Arab mereka dianggap sebagai ancaman kepada para penguasa atas kedudukan mereka yang mulia dan diutamakan dalam ajaran Islam sendiri, tetapi di bumi Nusantara mereka bukan sahaja tidak dianggap sebagai ancaman atau saingan, malahan para penguasa serta pembesar masyarakat tempatan amat berbesar hati jikalau para mubaligh dan ulama ahlul-bait yang datang dapat menerima pelawaan mereka untuk bersemenda, iaitu menjalinkan hubungan perkahwinan dengan puteri-puteri pemerintah, menjadi penasihat pemerintah atau pemerintah sendiri.

Ringkasnya, perbezaan ketara diantara benua Arab dan Alam Nusantara dari aspek layanan yang diberikan kepada ahlul-bait Rasulullah SAW menjadi satu lagi faktor tarik-tolak yang menyebabkan kemunculan ahlul-bait Gelombang Pertama secara besar-besaran di kawasan Alam Melayu ini.

5. Kedudukan Mazhab Feqah Imam Syafiee di Alam Melayu

Imam Syafiee dilahirkan dalam tahun 764M di Gazza, Palestin. Ketika umurnya 48 tahun, beliau menjadi Mujtahid Mutlak di Baghdad dan menyusun kitab Risalah dalam usul Feqah yang diberi nama Al-Hujjah, iaitu yang disebut sebagai Mazhab Qadim bagi Imam Syafiee itu. Apabila Imam Syafiee berpindah ke Mesir, beliau mendalami serta memperluaskan ilmunya dan mengarang kitab-kitab, antara yang terkenal ialah Al Umm. Semua kitab yang dikarangnya di Mesir merupakan akhir pendapatnya dalam Feqah Islam dan inilah yang disebut sebagai Mazhab Jadid (Mazhab Baru).

Imam Syafiee merupakan keturunan dari kerabat Rasulullah SAW yang diketahui amat mencintai, setia dan memuliakan ahlul-bait baginda. Dikatakan semasa menjadi pegawai pemerintah dalam daerah Najran di negeri Syam (Syria), Imam Syafiee rajin mengunjungi majlis-majlis yang diselenggarakan oleh kaum Thalabiyyin (kerabat Rasulullah SAW).

Dalam majlis-majlis tersebut, beliau lebih suka berdiam diri sedangkan Imam Syafiee di kala itu telah pun diketahui sebagai seorang yang terpelajar. Apabila ditanya mengenai sikapnya, ia hanya menjawab: *“Aku tidak mahu berbicara dalam majlis yang mereka hadiri, sebab mereka lebih berhak atas kepimpinan dan keutamaan.”*

Imam Syafiee juga pernah ditanya mengenai sikapnya terhadap ahlulbait Rasulullah SAW yang dijawabnya: *“Jika saya wajib mencintai kaum kerabat dan kaum keluargaku-jika mereka itu orang-orang yang bertaqwa-apakah bukan bahagian dari agama jika saya mencintai kerabat Rasulullah SAW jika mereka itu orang-orang yang bertaqwa?”*

Beliau juga pernah menulis mengenai ahlul-bait dalam salah satu bait syairnya:

“Jika kecintaan kepada Aal (Ahlul-Bait) Muhammad dituduh Syiah Rafidhi maka saksikanlah hai manusia dan jin bahawa aku adalah Rafidhi.”

Dalam syair yang lain, Imam Syafiee pernah menulis⁶⁴: *“Hai Ahli-Bait Rasulullah (SAW), mencintai kalian kewajipan dari Allah diturunkan dalam Al-Quran, cukuplah bukti betapa tinggi mertabat kalian tiada solat tanpa salawat bagi kalian.”*

Begitu besar kecintaan dan kemuliaan yang diberikan oleh Imam Syafiee kepada para ahlul-bait, sehingga dalam masa pemerintahan Khalifah Harun Al-Rasyid, nyaris kepalanya dipenggal kerana difitnah bersepakat dengan kaum Thalabiyin untuk menggulingkan khalifah dan menaikkan ahlul-bait sebagai Amirul Mukminin.

Di Mesir, Imam Syafiee seringkali menghadiri majlis-majlis ilmu yang diselenggarakan oleh Sayyidatina Nafisah, seorang ahlul-bait Rasulullah SAW yang terkenal. Imam Syafiee berpeluang mendengar banyak Hadis Rasulullah SAW daripada Sayyidatina Nafisah yang tidak pernah didengarinya sebelum itu. Dalam kesempatan yang ada, beliau akan mengutarakan ijtihad-ijtihad yang dilakukannya kepada Sayyidatina Nafisah. Begitu tinggi kemuliaan dan kepercayaannya pada Sayyidatina Nafisah sehinggakan setiap kali apabila Imam Syafiee sakit, beliau akan

⁶⁴ Ibid. Menurut Mazhab Syafiee, mengucapkan salawat ke atas Nabi Muhammad SAW dan Aal (keluarga) baginda adalah wajib hukumnya dalam tahiyat akhir solat fardhu.

menghantar orang berjumpa Sayyidatina Nafisah meminta dido'akan kesembuhannya.

Kesimpulannya, sikap yang ditonjolkan oleh Imam Syafiee semasa hayatnya ke atas ahlul-bait Rasulullah SAW dalam masa khalifah-khalifah Abbasiyyah menunjukkan permusuhan yang nyata kepada golongan mereka merupakan sesuatu yang amat dihargai oleh para ahlul-bait. Kebetulan ketokohan Imam Syafiee berkembang sebagai mutjahid terulung dan membuat Mazhab Jadidnya semasa beliau berada di Mesir yang diketahui sebagai kerajaan yang amat bersimpati dan melindungi ahlul-bait Rasulullah SAW dari kekejaman penguasa Dinasti Abbasiyyah⁶⁵. Kebetulan pula para ahlul-bait Rasulullah SAW memilih Mazhab Syafiee sebagai mazhab rasmi mereka⁶⁶.

Dalam konteks perkembangan feqah Mazhab Syafiee di Alam Melayu, kemajuan mazhab tersebut dalam Kesultanan Pasai untuk tempuh hampir seabad lamanya telah menjadi daya penarik bagi kedatangan ulamak-ulamak Islam dari negeri lain, terutamanya yang bermazhab Syafiee pula sehingga Pasai menjadi pusat ilmu dan intelektual Islam di Alam Nusantara, khususnya dalam perkembangan Mazhab Syafiee.

Oleh itu dalam konteks kehadiran ahlul-bait Gelombang Pertama di Alam Melayu, faktor pendirian Imam Syafiee terhadap golongan ahlul-bait, perkembangan mazhab tersebut dalam kesultanan Pasai dan kemudiannya Melaka, serta faktor para mubaligh dan alim-ulama ahlulbait Rasulullah SAW sendiri yang sememangnya bermazhab Syafiee, menjadikan Alam Nusantara pilihan utama dan magnet yang kuat bagi kedatangan mereka secara beramai-ramai.

⁶⁵ Bagaimanapun ilmu pengetahuan Imam Syafiee dalam bidang Feqah diperolehi sumber asalnya daripada ulamak salafus soleh di Mekah dan Madinah, baru kemudian mendalami ilmunya di tempat lain seperti Baghdad, Syria dan Msir

⁶⁶ Antara lain, ahlul-bait memilih Mazhab Syafiee sebagai mazhab rasmi mereka adalah bagi mengikuti sabdaan Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Dahulukan orang Quraisy dan jangan mendahului mereka. Belajarlah (kepada mereka) dan jangan menggurui.”*

Ahlul-Bait ‘Gelombang Pertama’ Dalam Karangan-Karangan Lama Sejarah Nusantara

Sejarah yang tercatat dalam karangan-karangan lama banyak menukilkan peranan ahlul-bait dari Gelombang Pertama yang datang ke Alam Nusantara mulai abad ke 14 Masihi, dan sentuhan mereka dalam mewarnai suasana politik serta pengembangan syiar Islam di bumi Nusantara ini, antaranya;

Buku *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* menukilkan perihal beberapa ulama yang tinggal di Melaka untuk menjalankan kegiatan dakwah. Mereka mendapat tempat dalam hati raja Melaka dan pembesar-pembesar negeri dan diberi tugas khas mengadakan pengajian agama bagi raja, orang-orang besar serta rakyat jelata. Mereka sentiasa diberi tempat yang istimewa di dalam sesuatu upacara rasmi negara dan turut mengiringi keberangkatan Raja Melaka. Antara ulama yang disebut ialah Makhdum Sayyid Abdul Aziz. Beliaulah yang bertanggungjawab mengislamkan Raja Melaka yang setelah itu bergelar Raja Muhammad.

Dalam masa pemerintahan Sultan Mansur Syah dalam tahun 1456-1477M, seorang ulamak dan tokoh sufi dari Mekah yang bernama Sayyid Abu Bakar telah datang ke istana Melaka dengan membawa sebuah kitab *Ad-Durr Al-Manzum* tertulis dalam bahasa Arab. Dengan perintah Sultan, kitab tersebut telah dihantar ke Pasai untuk disalinkan kedalam bahasa Melayu. Apabila dibawa pulang dari Pasai, kitab tersebut telah diarakkan dengan penuh kemeriahan ke istana.

Setelah berjaya menyebarkan agama Islam dan ajaran tasawwuf di negeri Melaka, Sayyid Abu Bakar telah pergi pula ke daerah-daerah lain di Indonesia, Borneo dan seterusnya ke Filipina.

Buku *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional* mencatatkan tentang zaman pemerintahan Al-Ma'moun, iaitu salah seorang Khalifah Bani Abbassiyah dimana tercetusnya suatu pemberontakan yang dipimpin oleh seorang ahlul-bait, Muhammad bin Jaafar Al-Sadiq. Oleh kerana misi mereka gagal, mereka membuat keputusan menubuhkan suatu angkatan dakwah seramai 100 orang dan telah datang ke Perlak, sebuah negeri di kepulauan Sumatera dalam tahun 840M. Semasa itu Perlak diperintah oleh Meurah Shahr Nuwi dari keturunan Parsi. Beliau kemudiannya telah mengahwinkan adik kandungnya Puteri Makhdum Tanshuri dengan salah seorang anggota dai'ee yang datang tersebut. Hasil dari perkahwinan ini lahirlah Sayyid Abdul Aziz yang kemudiannya dilantik sebagai raja pertama kerajaan Perlak.

Menurut *Salasilah Maguindanao (Mindanao)* seorang mubaligh Islam bernama Syarif Awliya telah mengunjungi Maguindanao. Beliau kemudiannya telah berkahwin dengan puteri seorang pembesar tempatan dan mendapat seorang anak, yang dipanggil Paramisuli, kemudiannya Syarif Awliya telah meninggalkan negeri itu. Selepas itu, dua orang bersaudara yang bernama Syarif Hassan dan Syarif Maraja pula telah mengunjungi Filipina dalam tahun 1460M. Syarif Hassan tinggal di Sulu dan Syarif Maraja pergi ke Slangan. Di situ dia telah berkahwin dengan Paramisuli, puteri Syarif Awliya. Selepas kedatangan dua bersaudara itu barulah dikatakan datangnya Syarif Muhammad Kebungsuwan dalam tahun 1515M, lalu menetap dan mengasaskan kerajaan Maguindanao Islam yang pertama.

Salasilah Sulu pula menyebut akan kedatangan seorang mubaligh Islam yang bernama Tuan Syarif Awliyya sekitar pertengahan abad keempat belas Masihi. Beliau memulakan penyebaran agama Islam di daerah tersebut. Seorang pengasas sistem kerajaan Islam di Sulu disebutkan juga sebagai Syarif Abu Bakar yang banyak mengunjungi daerahdaerah Alam Melayu. Syarif Abu Bakar telah mengembang Islam dengan meluas di kalangan suku penduduk Sulu. Kebijaksanaannya telah menarik perhatian penduduk daerah untuk menganut agama Islam. Kemudiannya Syarif Al-Hasyim pula datang dan diterima sebagai pengasas kepada Kesultanan Sulu. Syarif Al-Hashim dikatakan datang ke Nusantara untuk mengembangkan ajaran tasawuff Abu Ishak As-Syirazi, pengarang kitab Ad-Durr Al-Manzum.

Buku Sejarah Orang Sayyid di Pahang menceritakan mengenai kedatangan beberapa kaum Sayyid Alawiyyin ke Alam Melayu melalui India dari Hadramaut sekitar abad ke 17M. Mereka ialah Sayyid Abdullah Al-Qudsi, Sayyid 'Uthman Asy-Syhab, Sayyid Muhammad ibn Ahmad Al-'Idrus dan Sayyid Hussein Al-Qadri. Setelah berguru dengan Sayyid Muhammad ibni Hamid, beliau telah mengizinkan rakanrakannya belayar ke negeri-negeri di Asia Tenggara. Sayyid 'Uthman ibn Syhab telah mewarisi kerajaan Siak. Sayyid Hussein Al-Qadri pula mewarisi kerajaan Pontianak.

Buku Sejarah Perak menyatakan bahawa Sultan Perak yang pertama, iaitu Sultan Muzaffar Shah I (1528-1549M) telah berguru dengan seorang ulamak yang bernama Sayyid Hussein Al-Faradz. *Buku Sejarah Alam Melayu* pula mengisahkan bagaimana Sultan Iskandar Perak telah menempatkan salah seorang dari kaum Sayyid Alawiyyin iaitu Sayyid Abu Bakar pada kedudukan sebagai Bendahara Kesultanan Perak. Saudaranya yang bernama Sayyid Hasyim Al-Ashghar beroleh kepercayaan menyusun peraturan ke-99 bagi kesultanan tersebut.

Sayyid Jamaluddin Al-Hussein (Sayyid Hussein Jamadil Kubra) Sebagai Induk Ahlul-Bait Gelombang Pertama

Peristiwa penjarahan Baghdad dan kemaraan tentera Mongol ke bumi Arab yang lain pada pertengahan abad ke 13 Masihi menjadi punca penghijrahan salah seorang daripada keturunan Muhajirullah Ahmad ibn Isa, iaitu Sayyid Abdul Malik ibn Alawi yang lahir di kota Qasam, Hadhramaut, berhijrah ke India bersama jemaah para Sayyid dari kaum Alawiyyin⁶⁷. Di India mereka bermukim di Nasharabad. Di antara anak lelakinya terdapat seorang yang bernama Sayyid Amir Khan Abdullah (Abdullah Khan Syahansyah) yang lahir di Kota Nasharabad. Beliau pula mempunyai 17 putera, di antaranya seorang yang bernama Amir al-Mu'azhzhah Syah Maulana Ahmad (Ahmad Syah Jalal).

Sayyid Ahmad Shah Jalal kemudiannya menjadi seorang wazir atau gabenor di zaman Maharaja India dari kesultanan Delhi yang bernama Ghiyathuddin Muhammad Shah II (Sultan Muhammad Tughlug), memerintah pada tahun 1325-1351M. Ia mempunyai ramai putera. Sebahagian besar dari mereka mengembara ke negeri-negeri di timur jauh seperti Cina, Kemboja, Siam dan sebagainya. Sekitar pertengahan abad ke 14 Masihi, salah seorang puteranya, Sayyid Jamaluddin Al-Hussein⁶⁸ telah meninggalkan India dan pergi ke Champa (Kemboja) dengan membawa bersama tiga orang saudaranya, iaitu Syarif Qamaruddin, Sayyid Majduddin dan Sayyid Thanauddin. Sayyid Jamaluddin Al-Hussein kemudiannya telah Allah SWT pilih sebagai '*patriach*', atau pengasas kepada ramai keturunan yang menjadi mubaligh, wali-wali terkemuka dan pengasas beberapa kesultanan ahlul-bait di Alam Nusantara, di antaranya Wali Songo, kesultanan Kelantan, Champa, Patani dan kerajaankerajaan di Jawa.

Sepanjang misi dakwahnya, Sayyid Jamaluddin telah mengahwini tiga orang puteri keluarga diraja empayar Chermin yang sewaktu itu ibu kotanya bernama 'Jiddah' terletak tiga batu dari Bukit Panau. Dari isterinya yang pertama Puteri Linang Chahaya, beliau mendapat seorang putera, Sayyid Barakat Zainul Alam. Perkahwinan kedua beliau dengan puteri Raja Champa⁶⁹, Ramawati, telah dikurniakan seorang putera, Ibrahim Asmoro⁷⁰. Dari titisan zuriat Ibrahim Asmoro kemudiannya, maka lahirlah generasi yang tersenarai di dalam kumpulan para Wali

⁶⁷ HMH Al-Hamid Al-Hussein, *Mengenal Ahlul-Bait Rasulullah SAW*, 1998, hlm 178. Nama gelaran bangsawannya ialah Amir Al-Muadzam Sayyid Abdul Malik

⁶⁸ Nama lainnya ialah Sayyid Akbar, Sayyid Jamaluddin Al-Akbar atau Sayyid Hussein Jamadil Kubra

⁶⁹ Champa pada hari ini ialah Vietnam dan sebahagian dari Kemboja

⁷⁰ Nama lain bagi Ibrahim Al-Akbar ialah Ibrahim Asmarakandhi, Ibrahim Al-Hakim, Ibrahim Al-Hadrami, Ibrahim Al-Ghazi, Ibrahim Al-Akbar, Sayyid Ibrahim Zainul Akbar, Sunan Ngessik dan Zainuddin Al-Akbar Ibrahim . Syeikh Ibrahim Al-Akbar mempunyai banyak nama kerana giat berdakwah di seluruh pelusok Nusantara termasuk di Champa, Patani dan Tanah Jawa.

Songo.

Sewaktu umurnya hampir 80 tahun, Sayyid Jamaluddin telah sempat berkahwin dengan cucu saudara kepada isterinya yang pertama. Dari isterinya yang bernama Siti Syahirah atau Puteri Selindung Bulan ini, ia beroleh seorang putera yang bernama Ali Nurul Alam yang kemudiannya nanti menjadi Perdana Menteri Majapahit II di Kelantan lama dengan gelaran Patih Gajah Mada.

Pada awal abad ke 14 Masihi Sayyid Jamaluddin atau Sayyid Hussein Jamadil Kubra telah menghantar anaknya Ibrahim Asmoro itu ke Tanah Jawa dengan disertai oleh anak Ibrahim, Maulana Rahmatullah (Sunan Ampel) dan Maulana Ishaq. Sunan Ampel bertanggungjawab merencanakan pembangunan kerajaan Islam pertama di Jawa, iaitu di Bintoro, Demak dan seterusnya telah memilih salah seorang anak muridnya, Raden Patah sebagai sultan pertama di kerajaan tersebut dengan gelaran Sultan Alam Akbar Al-Fattah. Dari zuriat Sunan Ampellah lahirnya tiga lagi dari kumpulan Wali Songo, iaitu Maulana Makhdum Ibrahim (Sunan Bonang), Syarifuddin Hasyim (Sunan Drajat), dan seorang puteri yang kemudiannya berkahwin dengan Raden Mas Syahid (Sunan Kalijaga), seorang wali dari suku Jawa asli yang juga tersenarai sebagai salah seorang dari kumpulan Wali Songo.

Salah seorang putera Maulana Ishaq yang bernama Raden Paku (Sunan Giri) telah membangunkan Giri sebagai gerakan mujahid yang terkemuka dengan menyediakan para mubaligh yang bekerja keras menyatukan kerajaan Pulau Madura, Bawean, Kangean, Ternate dan Maluku di bawah panji-panji Islam.

Dari zuriat putera Sayyid Jamaluddin yang bernama Ali Nurul Alam pula, lahirlah tiga putera yang sekali lagi menyumbangkan mubaligh-mubaligh mengikut teladan bapa saudara dan sepupu-sepupu mereka. Ketiga putera ini ialah Wan Hussein, Wan Bo (Bo Tri-Tri) dan Wan Demali⁷¹

Dari sinilah Ali Nurul Alam telah melaporkan gelaran Wan pada anak cucu keturunannya. Gelaran Nik dan Long juga adalah diasalkan dari anak cucu putera Nurul Alam dari zuriat Wan Bo. Wan Bo, atau Raja Abdullah merupakan pengasas Kerajaan Champa dari dinasti ahlul-bait. Beliau juga menjadi moyang bagi keturunan yang mewarisi kerajaan Patani dan Kelantan. Seorang lagi tokoh yang juga tersenarai dalam kumpulan Wali Songo di Tanah Jawa, ialah Syarif

⁷¹ Hj Abdul Halim Bashah (Abhar), *Raja Champa & Dinasti Jembal dalam Patani Besar*, hlm 70

Hidayatullah, tetapi lebih terkenal dengan gelaran Sunan Gunung Jati. Beliau merupakan putera Wan Bo dan mengasas kesultanan Banten dan Cirebon.

Putera Ali Nurul Alam yang bernama Wan Hussein pula bertanggungjawab mengasaskan sistem pondok di Patani. Dua orang puteranya, Wan Abu Yusuff (Chai-Ya-Ma-Fou-yan) dan Wan Abd Kadir (Kou Lai) telah berpeluang mewarisi kerajaan Champa dari bapa saudara mereka Wan Bo. Wan Demali pula dihantar berdakwah ke kawasan Johor Riau (Pulau Bintang).

Dari sini dapatlah disimpulkan bahawa ketiga-tiga putera Ali Nurul Alam ini telah menyumbangkan ramai mubaligh dan raja-raja yang memerintah di beberapa wilayah Nusantara sebagaimana yang dipelopori dan dibuat oleh kebanyakan kerabat mereka yang lainnya dari keturunan Sayyid Jamaluddin Al-Hussein. Sesungguhnya Allah SWT telah memberi kemuliaan kepada cabang ahlul-bait dari titisan zuriat Sayyid Jamaluddin yang telah memainkan peranan penting dalam penyebaran Islam di beberapa bahagian Nusantara khususnya di Indonesia dan Tanah Melayu.

Ahlul-Bait Hadhrami Muncul Dalam 'Gelombang Kedua' Di Alam Nusantara

Kebanyakan ahlul-bait Rasulullah SAW 'Gelombang Kedua' yang datang ke Alam Nusantara mulai abad ke 18M berasal dari kelompok Ba' Alawi atau Alawiyyin, berpusat di selatan Semenanjung Jazirah Arab, iaitu di wilayah Hadhramaut, Yemen. Hadhramaut mempunyai sejarah yang lama dan terletak hampir kepada Laut Merah, menjadi penghubung kapal-kapal dagangan antara negeri-negeri di sebelah timur dan barat negeri Arab. Atas kepentingan ini, selatan Semenanjung Arab telah menjadi rebutan dua kuasa besar suatu masa dahulu, iaitu empayar Rom dan Parsi pada abad kelima dan keenam Masihi.

Mulai abad ketujuh, wilayah Hadhramaut telah dikuasai oleh kerajaan Islam di Madinah. Beberapa sahabat penting seperti Sayyidina Ali, Mu'az bin Jabal, Abu Musa Al'Asyari dan panglima Khalid Al-Walid telah diutus ke Hadhramaut bagi menyampaikan ajaran Islam di situ⁷². Semasa pemerintahan Khalifah Abu Bakar RA, golongan murtad yang diketuai oleh Al-Asy'ath ibn Qais Al-Kindi telah menyerang kawasan

⁷² Mahayuddin Haji Yahya, *Sejarah Orang Sayyid di Pahang*, hlm 4
Parsi Sasanian. Justeru, ramai di antara penduduk Hadhramaut yang berhijrah ke negeri Iraq, terutamanya dibawah pemerintahan Khalifah Umar Al-Khattab.

Kindah di wilayah Hadhramaut. Abu Bakar lantas mengutus pasukan Islam ke sana lalu berjaya menewaskan golongan murtad ini. Dalam masa penaklukan negeri Iraq, orang-orang Islam di Hadhramaut telah memainkan peranan penting dalam mengalahkan tentera Parsi Sasanian. Justeru, ramai di antara penduduk Hadhramaut yang berhijrah ke negeri Iraq, terutamanya dibawah pemerintahan Khalifah Umar Al-Khattab.

Dalam masa pemerintahan Khalifah Al-Mu'tamid (870-892M) dari Daulah Abbasiyyah yang berpusat di Baghdad, seorang buyut (atau generasi ke 5) kepada Sayyidina Al-Hussein, iaitu Muhammad Al-Naqib ibni Al-Uraidhi bersama-sama anaknya Isa ibni Naqib telah keluar dari Madinah pergi ke Basrah di Iraq. Di sana Isa telah berkahwin dan dikurniakan seorang putera bernama Ahmad. Semasa pemerintahan Khalifah Al-Muqtadir (908-932M), zuriat Rasulullah SAW sering terdedah kepada kekejaman, penindasan dan penganiyaan disebabkan perasaan kedengkian Khalifah Abbasiyyah atas mereka. Kewibawaan ahlul-bait juga dianggap sebagai menggugat kuasa kepimpinan sehingga sasaran penindasan dipertingkatkan dari masa ke semasa. Kebetulan dimasa itu juga, pemberontakan yang ditimbulkan oleh puak Zanj (bekas hamba kulit hitam) telah menimbulkan huru hara di Iraq.

Keadaan yang kalut ini akhirnya telah menyebabkan Imam Ahmad ibnu Isa mengambil keputusan berhijrah ke Madinah dalam tahun 929M (bersamaan 317H). Dibawa bersama isterinya Zainab binti Abdullah bin Hassan bin Ali Al-Uraidhi, puteranya Ubaidullah serta isterinya Ummul Banin binti Muhammad bin Isa, cucunya Ismail serta 70 orang ahli keluarga yang lain, manakala anak-anaknya Muhammad, Hassan dan Ali disuruh tinggal di Iraq bagi menjaga harta peninggalannya. Bersempena dengan peristiwa penghijrahan Imam Ahmad di jalan Allah SWT ini, beliau telah mendapat nama gelarannya yang terkenal, iaitu Muhajirullah (Hijrah di Jalan Allah).

Imam Ahmad dan kaum kerabatnya mengambil keputusan bermukim di Madinah selama setahun dan menunaikan haji di Mekah pada tahun berikutnya, iaitu 930M. Semasa itu Mekah baru sahaja menghadapi peristiwa pencabulan kaum Qaramithah yang membunuh, merompak dan melarikan Hajarul Aswad.

Selepas menunaikan haji, Imam Ahmad telah mengambil keputusan untuk berhijrah pula ke wilayah Hadhramaut di Yemen bersama kaum kerabatnya. Di Hadhramaut, Imam Ahmad pada mulanya tinggal di sebuah perkampungan Al-Hajara'in, setelah itu beralih pula ke kampung Bani Jushair dan kemudiannya ke kampung Al-Husaiyisah. Di sini Imam Ahmad dan pengikut-pengikut setianya terpaksa berhadapan dengan golongan Khawarij Ibadhiyyah yang telah

menguasai kawasan tersebut sejak zaman pemerintahan Dinasti Umayyah lagi. Kaum Ibadiyah membenci ahlul-bait dan menggunakan tafsiran mereka sendiri dalam hal-hal syariat. Imam Ahmad cuba untuk menjinakkan kaum Ibadiyah kepada jalan kebenaran melalui kaedah berdialog dengan mereka, malangnya gagal.

Akhirnya bersama-sama dengan penduduk Jubail dari Wadi Dau'an rombongan Imam Ahmad telah mengisytiharkan perang sehingga berjaya menumpaskan puak Ibadiyah. Semenjak itu lenyaplah pengaruh fahaman Khawarij dan tersebar luaslah fahaman Mazhab Syafiee pegangan ahlul-bait Rasulullah SAW itu sehingga Hadhramaut kemudian dapat menjadi sebuah pusat penempatan ahlul-bait yang terkemuka di dunia Islam dengan pegangan kuatnya kepada Mazhab Al-Syafiee. Menjelang abad ke 12 Masihi, sebilangan besar dari keturunan Ahmad bin Isa telah berpindah ke sebuah daerah yang dipanggil Tahrem di sebelah selatan Hadhramaut.

Diantara keturunan Imam Ahmad Al-Muhajir ini ialah cucunya Imam Alwi ibnu Ubaidillah dan pada Imam Alwi inilah dinasabkan golongan 'Sadah' di Hadhramaut dengan sebutan Aali (keluarga) Ba' Alawi. Selain pemakaian prediket Sayyid atau Syarif yang di gunakan oleh zuriat Nabi itu, keturunan ahlul-bait Hadhrami juga kemudiannya mula dikenali dengan gelaran Habib yang bermakna orang yang dikasihi.

Peristiwa penjarahan kota Baghdad pada abad ke 13 Masihi telah menyebabkan pusat perdagangan Arab berpindah ke Aden di Yemen. Aden merupakan pusat perdagangan penting yang menghubungkan Tanah Arab dengan negeri-negeri di sebelah timur menerusi kapal-kapal perniagaan. Dengan ini bukan sahaja kaum peniaga lancar dalam perdagangan mereka melalui jalan-jalan laut, malahan para mubaligh Islam yang datang dari wilayah-wilayah yang berhampiran dengan Aden termasuklah Hadhramaut dan Jazirah Arab mengambil kesempatan untuk bermusafir mahupun berhijrah ke negeri-negeri sebelah timur menyebarkan dakwah serta berdagang.

Golongan Sayyid Hadhrami yang menjadi pengikut Mazhab Syafiee mulai mengambil peranan penting dalam menyebarkan fahaman mazhab tersebut kepada kerajaan-kerajaan di sekitar Lautan Hindi⁷³ bermula semenjak abad ke 13 Masihi, iaitu bersempena dengan pemelesaian Aden sebagai pusat perdagangan Islam yang utama dan terpenting di Jazirah Arab. Dari pelabuhan Aden, golongan Sayyid Hadhrami mulai bertebaran secara besar-besaran, bermula dengan penghijrahan mereka ke benua Afrika dalam abad ke 14 dan 15 Hijrah. Dikatakan dalam tahun 1433M sekitar 44 Sayyid Hadhrami telah

⁷³ *Wadi Hadramaut and the walled city of Shibam*, hlm 6

muncul di daerah Berbera di Somalia. Mereka bertanggungjawab dalam mempengaruhi perkembangan budaya Islam di pantai timur Afrika. Sementara di India, ahlul-bait Hadhrami telah mewujudkan penempatan-penempatan mereka di pusat-pusat perdagangan, budaya dan pemerintahan seperti di Bijapur, Baroch dan Surat. Dengan peningkatan bilangan kaum Sayyid Hadhrami, mereka telah berjaya membina pengaruh di pusat-pusat pentadbiran utama di pantai barat India sehingga sebilangan besar dari kalangan mereka telah dilantik menjadi pegawai besar Hyderabad dalam abad ke 19M⁷⁴

Apakah faktor pendorong kepada kemunculan ahlul-bait Rasulullah SAW GELOMBANG KEDUA di Alam Nusantara yang bermula sekitar awal abad ke 18M?

Hakikatnya, apabila Islam telah mula menapak kukuh dalam hampir seluruh pelosok Alam Nusantara dengan pemerintahan-pemerintahan Islam (yang mana kebanyakan merupakan dinasti ahlul-bait belaka) mengambil tanggungjawab memelihara kepentingan Islam dan umatnya, maka kaum Sayyid yang datang selepas itu, iaitu mulai abad ke 18 hingga ke 20 Masihi, muncul lebih sebagai 'pelengkap', 'penyempurna' dan 'penyeri' kepada lanskap dan infrastruktur pemerintahan dan keagamaan yang sedang berkembang pesat, meriah dan dalam proses 'pematangan' di Alam Melayu ini. Kebanyakan yang datang waktu itu adalah dari kelompok Sayyid Hadrami, atau Alawiyin.

Bagaimanapun, faktor politik di tempat asal mereka sekali lagi menjadi antara sebab terpenting dalam kemunculan ahlul-bait Gelombang Kedua di rantau ini. Sebagaimana yang berlaku kepada ahlul-bait Gelombang Pertama, ahlul-bait Gelombang Kedua juga tidak sunyi dari menjadi buruan pembenci dan pedengki mereka.

Diawal abad ke 20 Masihi contohnya, kedudukan *Syarif-syarif Mekah* mulai tergugat dimana akhirnya mereka terpaksa menyerahkan kuasa pemerintahan Mekah dan Madinah kepada puak Saudi Wahabi dari kaum Arab Badwi. Puak Saud yang ingin menghapuskan golongan Sayyid Hadhrami kerana menganggap semua ahlul-bait Rasulullah SAW sebagai ancaman kepada kepentingan politik mereka telah memusnahkan kitab-kitab agama dan makam-makam alim-ulama Hadhrami yang mereka tuduh sebagai bida'ah. Ini telah mengakibatkan ramai Sayyid Hadhrami lari berhijrah kerana terdedah kepada ancaman penindasan dan penganiayaan Saudi'yyah, sebagaimana yang pernah berlaku pada zaman datuk nenek mereka dalam pergolakan dengan Dinasti Umayyah dan Abbassiyah. Sebahagian mereka memilih untuk

⁷⁴ Ibid, hlm 9

berhijrah ke rantau ini atas kesedaran bahawa bumi Nusantara bukan sahaja 'redup' dengan kaum kerabat mereka yang ramai bermastautin di sini sejak beberapa ratus tahun dahulu, malahan kesultanan-kesultanan di Alam Nusantara kebanyakannya adalah merupakan dinasti-dinasti Bani Hasyim sendiri.

Apa yang ketara membezakan diantara ahlul-bait Gelombang Kedua dengan Gelombang Pertama ialah kemunculan saudagar-saudagar ahlul-bait dalam Gelombang Kedua yang dalam diam-diam telah membantu menyediakan dana yang banyak untuk kos pembinaan institusi-institusi agama seperti madrasah-madrasah dan pondok-pondok yang bertaburan di Alam Melayu. Ini merupakan sumbangan yang amat besar, khususnya dalam zaman penjajahan Belanda dan British yang telah menyediakan infrastruktur pendidikan sekular serta menghasut dan menekan Raja-raja Melayu supaya menganaktirikan sistem pendidikan tradisi (sekolah-sekolah agama rakyat) yang dianggap sebagai ancaman kepada mereka. Sedangkan ahlul-bait Gelombang Pertama tidak mempunyai masalah ini kerana Raja-raja Melayu yang memerintah secara mutlak mengambil tanggungjawab penuh dalam menyediakan segala kemudahan untuk alim-ulama membuat kerja mereka.

Dari aspek yang lain pula, oleh kerana semenjak abad ke 18 Masihi, sudah kedapatan ramai kaum Sayyid di rantau ini yang merupakan keturunan ahlul-bait 'Gelombang Pertama' yang kini menjadi pemerintah, golongan bangsawan, alim-ulama serta rakyat biasa, maka kelompok ahlul-bait Gelombang Kedua yang datang kemudian secara berperingkat kurang mendapat keistimewaan sebagaimana yang diberikan kepada kelompok ahlulbait Gelombang Pertama yang datang lebih awal tadi. Perkahwinan diantara mereka dengan puteri-puteri bangsawan walaupun masih ada, tetapi agak berkurangan, dengan ini 'peleburan' dengan masyarakat tempatan semakin kurang berlaku. Oleh itu walaupun budaya dan adat masyarakat setempat telah bersehati dalam kehidupan golongan ini diatas pergaulan sosial keluarga, natijahnya, bentuk rupa, dan kadangkala pemikiran mereka masih banyak 'kearaban' lagi.

Maka tidak seperti keturunan ahlul-bait Gelombang Pertama yang disebut oleh sarjana orientalis Barat sebagai '*the lost sheep*' kerana telah kehilangan identiti mereka sebagai cucu-cicit Nabi, sehinggakan prediket yang mengenalkan nasab diri mereka juga telah lama ditinggalkan dari zaman nenek moyang mereka kerana mengambil gelaran bangsawan, kebanyakan ahlul-bait Gelombang Kedua lebih mudah dikenali melalui prediket keturunan yang masih disimpan seperti Sayyid, Syarifah dan Habib.

Walaupun demikian ahlul-bait Gelombang Kedua masih tetap selesa, serasi dan mudah bergaul mesra dengan masyarakat Melayu, apatah lagi ramai dari kalangan orang-orang Melayu sendiri hakikatnya merupakan 'kerabat jauh' mereka (keturunan ahlul-bait Gelombang Pertama) yang berkongsi nasab, sejarah dan jatidiri yang sama.

Kesimpulan

Pengaruh ahlul-bait amnya dari alim-ulamak awallun hingga ke raja-raja kemudiannya telah membentuk keperibadian Bangsa Melayu. Walaupun bilangan etnik banyak, namun semuanya telah dileburkan kepada Bangsa Melayu bertulisan Jawi. Identiti ini bukannya terbit dari penaklukan. Identiti ini terbit melalui dakwah. Hinggakan apabila terbentuk Indonesia, dipersetujui bahawa bahasa resmi adalah Bahasa Indonesia yang diasaskan dari Bahasa Melayu walaupun bangsa Jawa merupakan bangsa yang majoriti.

Kesan yang agak penting juga adalah kehadiran Mazhab Shafiee sebagai mazhab utama bagi orang-orang Melayu. Mazhab Shafiee merupakan mazhab yang utama bagi ahlul-bait di Timur Tengah. Mazhab ini juga menjadi pegangan *Syarif-syarif Mekah* dan ahlul-bait di Hadhramaut. Tidak hairanlah ia menjadi mazhab penguasa-penguasa seNusantara dari awal-awal lagi.

Ahlul-bait dari Gelombang Pertama mahupun dari Gelombang Kedua telah membuktikan keunggulan mereka menentang kuasa-kuasa penjajah seperti Siam, Portugis, Sepanyol, Belanda, Inggeris, Perancis dan Amerika Syarikat. Kehebatan mereka terserlah di Aceh, Banten, Ternate, Patani, Sulu dan Maguindanao dimana mereka mempertahankan tanah air mereka dengan gigihnya.

Dalam konteks ini, seorang ulama ahlul-bait terkemuka hari ini, iaitu Al-Habib Ali al-Jufri berkata, " ... *kalaulah ahli dunia menyangka bahawa mereka menghalang ahlul-bait daripada hak-hak mereka dengan menghalang mereka dari kerajaan yang zahir , mereka itu tidak mengetahui bahawa Allah SWT telah mengurniakan bagi NabiNya serta ahlul-baitnya kerajaan yang tidak akan binasa ditelan zaman...*"⁷⁵.

Hakikat ini terbukti kerana masih tertegak kerajaan-kerajaan ahlul-bait seperti di Maghribi, Jordan, Brunei dan beberapa kesultanan di Semenanjung Tanah Melayu hari ini. Bagi kesultanan yang telah tumbang seperti Patani dan Mindanao, penentangan masih diteruskan.

⁷⁵ Al-Habib Ali al-Jufri, 'Cucu Kesayangan Rasulullah SAW Terkorban Syahid', VCD, Wisdomeia Production,

Bandingkan fakta ini dengan raja-raja Islam asal yang lainnya termasuk dinasti yang hebat-hebat seperti Mogul dan Othmaniyyah, dimana kesultanan-kesultanan yang terlupus kini hanya kekal sebagai kenangan yang indah.

Sesungguhnya jasa ahlul-bait kepada Bangsa Melayu akan jati dirinya serta pegangan agamanya terlalu besar untuk dinilai.

Salasilah Kesultanan-Kesultanan Ahlul-Bait di Nusantara

Pengasas Kesultanan Ahlul-Bait di Kesultanan Perlak, Aceh Kuno (Sumatera)

SULTAN ALAIDDIN SAYYID MAULANA ABDUL AZIZ SHAH (849M) ibni Sayyid Ali Al-Muktabar ibni Sayyid Muhammad Ad-Diba'i ibni Sayyid Jaafar As-Sadiq ibni Sayyid Muhammad Al-Baqir ibni Sayyid Ali Zainal Abidin ibni Sayyidina Al-Hussein ibni Sayyidatina Fatimah binti Rasulullah SAW.

Pengasas Kesultanan Ahlul-Bait di Kesultanan Aceh (Sumatera)

SULTAN JAMALUL ALAM BADRUL MUNIR SAYYID ZAINAL ABIDIN SYARIF HASYIM SHAH (1699M) ibni Sayyid Ibrahim ibni Sayyid Hasyim Abubakar ibni Sayyid Abdul Rahman ibni Sayyid Abdullah Bahsan ibni Sayyid Ahmad ibni Sayyid Abdullah Jamalullail ibni Sayyid Muhammad ibni Sayyid Hassan Al-Muallim ibni Sayyid Muhammad ibni Sayyid Hassan ibni Sayyid Ali ibni Muhammad Fakeh Al-Maqdam ibni Ali ibni Muhammad Sahib Mirbath ibni 'Ali Khali' Qasam ibni Alawi ibni Muhammad ibni Alawi ibni Al-Syeikh Ubaidillah ibni Ahmad Muhajirullah ibni 'Isa Al-Rumi ibni Muhammad Al-Naqib ibni Ali Al-Uraidhi ibni Jaafar As-Sadiq ibni Muhammad Baqir ibni Zainal Abidin ibni Al-Hussein ibni Sayyidatina Fatimah binti Rasulullah SAW.

Pengasas Kesultanan Ahlul-Bait di Brunei Darussalam

SULTAN BARAKAT SYARIF ALI (akhir abad 14M) ibn Syarif Ajlan ibn Syarif Rumaithah ibn Sharif Muhammad Abu Nu'may ibnu Syarif Abu Sa'ad Al-Hassan ibnu Syarif 'Ali Al-Akbar ibnu Syarif Qitadah ibnu Syarif Idris ibnu Syarif Muta'in ibnu Syarif Abdul Karim ibnu Syarif Isa ibnu Syarif al-Hussein ibnu Syarif Sulaiman ibnu Syarif 'Ali ibnu Syarif Abdullah ibnu Syarif Abu Ja'afar Muhammad ibnu Syarif Abdullah Al-Akbar ibnu Syarif Muhammad At-Thaer ibnu Syarif Musa Ath-Thani ibnu Syarif Abdullah Asy-Saleh ibnu Musa Al-Jaun Abdul Hasan ibnu Abdullah Al-Muhudh ibnu Syarif Hassan Al-Muthanna ibnu Sayyidina Hassan As-Sibti ibnu Sayyidatina Fatimah binti Rasulullah SAW.

Pengasas Kesultanan Ahlul-Bait di Sambas (Kalimantan)

SULTAN MUHAMMAD SHAFIUDDIN (1631M) ibnu Raja Tengah ibnu Sultan Hassan (Sultan Brunei 1582-98) ibnu Sultan Saiful Rijal ibnu Sultan Abd Kahar ibnu Sultan Bolkiah ibnu Sultan Sulaiman ibnu SULTAN BARAKAT SYARIF ALI (akhir abad 14M) ibn Syarif Ajlan ibn Syarif Rumaithah ibn Sharif Muhammad Abu Nu'may ibnu Syarif Abu Sa'ad Al-Hassan ibnu Syarif 'Ali Al-Akbar ibnu Syarif Qitadah ibnu Syarif Idris ibnu Syarif Muta'in ibnu Syarif Abdul Karim ibnu Syarif Isa ibnu Syarif al-Hussein ibnu Syarif Sulaiman ibnu Syarif 'Ali ibnu Syarif Abdullah ibnu Syarif Abu Ja'afar Muhammad ibnu Syarif Abdullah AlAkbar ibnu Syarif Muhammad At-Thaer ibnu Syarif Musa Ath-Thani ibnu Syarif Abdullah Asy-Saleh ibnu Musa Al-Jaun Abdul Hasan ibnu Abdullah Al-Muhudh ibnu Syarif Hassan Al-Muthanna ibnu Sayyidina Hassan As-Sibtī ibnu Sayyidatina Fatimah binti Rasulullah SAW.

Pengasas Kesultanan Ahlul-Bait di Kesultanan Pontianak (Kalimantan)

PADUKA SULTAN SYARIF ABDUL RAHMAN AL-QADRI NURUL ALAM (1778M) ibni Sayyid Hussin ibni Sayyid Ahmad ibni Sayyid Hussein ibni Sayyid Muhammad ibni Sayyid Salim ibni Sayyid Aqil ibni Sayyid Abdullah ibni Sayyid Muhammad ibni Sayyid Salim ibni Sayyid Ahmad ibni Sayyid Abdul Rahman ibni Sayyid Ali ibni Sayyid Muhammad ibni Sayyid Hassan Al-Muallim ibni Sayyid Muhammad ibni Sayyid Hassan ibni Sayyid Ali ibni Muhammad Fakeh Al-Maqdam ibni Ali ibni Muhammad Sahib Mirbath ibni 'Ali Khali' Qasam ibni Alawi ibni Muhammad ibni Alawi ibni Al-Syeikh Ubaidillah ibni Ahmad Muhajirullah ibni 'Isa Al-Rumi ibni Muhammad Al-Naqib ibni Ali Al-Uraidhi ibni Jaafar As-Sadiq ibni MuhammadBaqir ibni Ali Zainal Abidin ibni Al-Hussein ibni Sayyidatina Fatimah binti Rasulullah SAW.

Pengasas Kerajaan Ahlul-Bait di Perlis

RAJA SYED HUSSEIN (1843M) ibni Sayid Harun ibni Sayyid Ahmad ibni Sayyid Hussin ibni Sayyid Abdullah ibni Sayyid Aqil ibni Sayyid Abdullah ibni Sayyid Muhammad ibni Sayyid Salim ibni Sayyid Ahmad ibni Sayyid Abdul Rahman ibni Sayyid Ali ibni Sayyid Muhammad ibni Sayyid Hassan Al-Muallim ibni Sayyid Muhammad ibni Sayyid Hassan ibni Sayyid Ali ibni Muhammad Fakeh Al-Maqdam ibni Ali ibni Muhammad Sahib Mirbath ibni 'Ali Khali' Qasam ibni Alawi ibni Muhammad ibni Alawi ibni Al-Syeikh Ubaidillah ibni Ahmad Muhajirullah ibni 'Isa Al-Rumi ibni Muhammad Al-Naqib ibni 'Ali Al-Uraidhi ibni Jaafar As-Sadiq ibni Muhammad Al-Baqir ibni 'Ali Zainal Abidin ibni Al-Hussein ibni Sayyidatina Fatimah binti Rasulullah SAW.

Pengasas Kesultanan Ahlul-Bait di Kelantan dan Pattani Lama (Thailand)

SULTAN ADILUDDIN (Raja Loyor dan Raja Kelantan) ibni Nik Jamaluddin ibni Wan Abul Muzaffar ibni Sultan Abu Abdullah (Wan Bo) ibni Ali Alam (Ali Nurul Alam) ibni Jamaluddin Al-Husain (Sayyid Hussein Jamadil Kubra) ibni Ahmad Syah Jalal ibni Abdullah ibni Abdul Malik ibni Alawi Amal Al-Faqih ibni Muhammad Syahib Mirbath ibni 'Ali Khali' Qasam ibni Alawi ibni Muhammad ibni Alawi ibni Al-Syeikh Ubaidillah ibni Ahmad Muhajirullah ibni 'Isa Al-Rumi ibni Muhammad Naqib ibni Ali Al-Uraidhi ibni Jaafar As-Sadiq ibni Muhammad Al-Baqir ibni 'Ali Zainal Abidin ibni Al-Hussein ibni Sayyidatina Fatimah binti Rasulullah SAW.

Pengasas Kesultanan Ahlul-Bait di Kelantan Moden

TUAN BESAR LONG BAHA (Raja Pattani 1710-1715M dan Raja Kelantan 1719-1733M) ibni Wan Daim ibni Nik Mustapha (Po Rome) ibni Wan Abul Muzaffar ibni Sultan Abu Abdullah (Wan Bo) ibni Ali Alam (Ali Nurul Alam) ibni Jamaluddin al-Husain (Sayyid Hussein Jamadil Kubra) ibni Ahmad Syah Jalal ibni Abdullah ibni Abdul Malik ibni Alawi Amal Al-Faqih ibni Muhammad Syahib Mirbath ibni 'Ali Khali' Qasam ibni Alawi ibni Muhammad ibni Alawi ibni Al-Syeikh Ubaidillah ibni Ahmad Muhajirullah ibni 'Isa Al-Rumi ibni Muhammad Naqib ibni 'Ali Al-Uraidhi ibni Jaafar As-Sadiq ibni Muhammad Al-Baqir ibni 'Ali Zainal Abidin ibni Al-Hussein ibni Sayyidatina Fatimah binti Rasulullah SAW.

Pengasas Kesultanan Ahlul-Bait di Champa

SULTAN ABU ABDULLAH atau Wan Bo (1471M) ibni Ali Alam (Ali Nurul Alam) ibni Jamaluddin Al-Husain (Sayyid Hussein Jamadil Kubra) ibni Ahmad Syah Jalal ibni Abdullah ibni Abdul Malik ibni Alawi Amal Al-Faqih ibni Muhammas Syahib Mirbath ibni 'Ali Khali' Qasam ibni Alawi ibni Muhammad ibni Alawi ibni Al-Syeikh Ubaidillah ibni Ahmad Muhajirullah ibni 'Isa Al-Rumi ibni Muhammad Naqib ibni 'Ali Al-Uraidhi ibni Jaafar As-Sadiq ibni Muhammad Al-Baqir ibni 'Ali Zainal Abidin ibni Al-Hussein ibni Sayyidatina Fatimah binti Rasulullah SAW.

Pengasas Kesultanan Ahlul-Bait di Mindanao (Filipina Lama)

SYARIF MUHAMMAD KEBUNGSUWAN (awal 16M) ibni Syarif Ali Zainal Abidin ibni Sayyid Abdullah ibni Sayyid Muhammad ibni Sayyid Ali ibni Sayyid Abdullah ibni Sayyid Alawi Amal Al-Faqih ibni Sayyid Muhammad

Shahib Mirbath ibni Ali Khali' Qasam ibni Alawi ibni Muhammad ibni Alawi ibni Ubaidillah ibni Ahmad Muhajirullah ibni Isa Al-Rumi ibni Muhammad Naqib ibni Ali al-Uraidhi ibni Jaafar As-Sadiq ibni Muhammad Al-Baqir ibni Ali Zainal Abidin ibni Al-Hussein ibni Sayyidatina Fatimah binti Rasulullah SAW.

Pengasas Kesultanan Ahlul-Bait di Sulu (Filipina Lama)

SULTAN SYARIFUL HASYIM atau Sayyid Abu Bakar (1450M) ibni Syarif Ali Zainal Abidin ibni Sayyid Muhammad ibni Sayyid Ali ibni Sayyid Abdullah ibni Sayyid Alwi ibni Sayid Muhammad Shahib Mirbath ibni Ali Khali' Qasam ibni Alawi ibni Muhammad ibni Alawi ibni Ubaidillah ibni Ahmad Muhajirullah ibni Isa Al-Rumi ibni Muhammad Naqib ibni Ali Al-Uraidhi ibni Jaafar As-Sadiq ibni Muhammad Al-Baqir ibni Ali Zainal Abidin ibni Al-Hussein ibni Sayyidatina Fatimah binti Rasulullah SAW.

Pengasas Kesultanan Ahlul-Bait di Banten dan Cirebon (Tanah Jawa)

*SYARIFF HIDAYATULLAH atau Sunan Gunung Jati (abad 16M) ibni Abdullah (Umdatuddin) ibni Ali Alam (**Ali Nurul Alam**) ibni Jamaluddin Al-Hussein (Sayyid Hussein Jamadil Kubra) ibni **Ahmad Syah Jalal** ibni Abdullah ibni Abdul Malik ibni Alawi Amal Al-Faqih ibni Muhammad Shahib Mirbath ibni Ali Khali' Qasam ibni Alawi ibni Muhammad ibni Alawi ibni Ubaidillah ibni Ahmad Muhajirullah ibni Isa Al-Rumi ibni Muhammad Naqib ibni Ali Al-Uraidhi ibni Jaafar As-Sadiq ibni Muhammad Al-Baqir ibni Ali Zainal Abidin ibni Al-Hussein ibni Sayyidatina Fatimah binti Rasulullah SAW.*

Salasilah Tun Habib Abdul Majid, Bapa Kesultanan Pahang, Terengganu & Johor (serta Riau dan Selangor dari sebelah cundanya Tengku Mandak)

TUN HABIB ABDUL MAJID BENDAHARA PADANG SAUJANA JOHOR (mangkat 1697M) ibni Maharaja Sri Diraja ibni Ali Zainal Abidin ibni Abdullah ibni Syeikh ibni Abdullah ibni Syeikh ibni Abdullah ibni Abu Bakar As-Syukran ibni Abdul Rahman As Saqaf ibni Muhammad Mauli Ad Dawilah ibni Ali ibni Alwi ibni Muhammad Faqih Al Muqaddam ibni Ali ibni Sayyid Muhammad Mirbath ibni Ali Khaliq Khasam ibni Alawi ibni Muhammad ibni Alawi ibni Ubaidillah ibni Ahmad Al-Muhajir ibni Isa Ar-Rumi ibni Muhammad An-Naqib ibni Ali Al-Uraidhi ibni Jaafar As-Sadiq ibni Muhammad Al-Baqir ibni Ali Zainal Abidin ibni Al-Hussein ibni Sayyidatina Fatimah binti Rasulullah SAW ⁷⁶.

⁷⁶ Salasilah Tun Habib Abdul Majid dari zuriat Rasulullah SAW telah dibentangkan dalam suatu majlis Wacana Diraja Pahang yang bertajuk 'Wacana Intelektual Pensejarahan Islam di Pahang ; Hubungan Pahang dengan Brunei' yang telah diadakan di Kuantan, Pahang pada 21-22 Mei 2001. Ianya terkandung dalam kertas kerja yang bertajuk 'Salasilah Kesultanan Pahang' yang dibentangkan oleh Pengetua Pusat Sejarah Brunei Darussalam, YDM Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato' Seri Utama Dr Hj Awang Mohd Jamil Al Sufri. Daripada penyelidikan penulis, tentang keturunan Tun Habib Abdul Majid sebagai ahlu-bait Rasulullah SAW adalah tidak diragukan lagi. Tentang jurai Tun Habib Abdul Majid dari kabilah Al-'Aidrusi juga agak kukuh bersesuaian dengan banyak sumber-sumber yang menyokong pendapat ini, bagaimanapun nasabnya secara tepat kepada susur galur Abdullah Al -'Aidrus adalah tidak muktamad. Pendapat alternatif menyatakan bahawa Sayyid Idrus yang dimaksudkan adalah 'Sayyid Idrus bin Syeikh bin Abdul Kadir bin Syeikh', yang mana kaitan Sayyid Idrus dengan Sayyid Abdullah adalah pangkat datuk saudara. Iaitu moyang Sayyid Idrus (Sayyid Syeikh) adalah bapa Sayyid Abdullah sendiri. Penulis masih dalam peringkat penyelidikan tentang salasilah Tun Habib Abdul Majid yang muktamad.

Bab 20 :

Peranan Ahlul-Bait Rasulullah SAW Terhadap Perkembangan Tamadun Melayu

Kepentingan Umarak Dan Ulamak Dalam Pemerintahan Islam

Islam merupakan suatu kepercayaan yang berasaskan TAUHID, iaitu percaya kepada keEsaan Allah SWT sebagai Tuhan Maha Pencipta, yang mana segalanya berputar, berpusat dan berpaksi daripada konsep ini. Islam juga adalah agama yang *syumul*, yakni menyeluruh, bermakna terangkum dalam kepercayaannya segala unsur-unsur zahir dan batin, mental dan fizikal, makhluk dan alam, alam nyata dan alam ghaib.

Sebagai Tuhan yang mencipta manusia dan alam, Allah SWT telah memilih umat Islam sebagai khalifah yang bertanggungjawab mentadbir bumi. Sebagai khalifah, golongan umarak bertanggungjawab mengatur dan mengurus kehidupan duniawi dan persediaan ukhrawi bagi rakyat jelata yang di bawah payungannya. Perkara ini dibuat dengan bimbingan golongan ulamak serta ahli-ahli ilmuan dan cerdik pandai. Daripada proses konseptual dalam mengatur dasar dan hala tuju masyarakat, ianya membawa kepada gerakerja atau proses penzahiran falsafah tersebut oleh pelaksana-pelaksana kerajaan, akhirnya dimenafaatkan oleh golongan rakyat jelata.

Bermakna ciri-ciri peradaban, budaya dan tamadun sesuatu bangsa itu adalah menifestasi daripada falsafah dan gerakerja yang dibuat oleh mereka yang berkuasa dan berdaya, iaitu golongan elit pemerintahan. Dalam kerangka dunia Islam, golongan umarak, iaitu dalam konteks masyarakat tradisi sistem khilafah dan raja-raja, serta golongan ulamak, sebagai penasihat dan pembimbing umarak pada hal ehwal agama yang *syumul*, zahir dan batin, adalah dua kelompok yang bukan sahaja berkuasa dan berdaya, malahan perlu mempunyai hubungan erat dalam menggubal, mengatur, melaksana serta menzahirkan ciri-ciri peradaban, budaya dan tamaddun ummah.

Golongan umarak dan ulamak perlu bekerjasama erat dalam mengatur kehidupan ummah bukan sahaja dari aspek pengurusan sistem kehidupan mereka seperti baitulmal, mahkamah syariah, perbankan, ekonomi Islam, pendidikan, dakwah dan sebagainya, malahan terangkum juga dari segi dasar sosiobudaya serta saikologi yang dipupuk sebagai individu Muslim mahupun di peringkat komuniti dan negara.

Doktrin dan dinamisme Islam yang dipertanggungjawabkan kepada golongan elit pemerintahan dari kalangan umarak dan ulamak ini membawa kepada natijah yang membabitkan pembentukan tamaddun masyarakat Islam, pandangan dunia dan perilaku mereka, termasuk dari sudut politik, ekonomi dan sosiobudaya bangsa. Dari situ terhasillah jenis tamaddun masyarakat, samada bercirikan tamadun masyarakat jahiliyah pada hujung suatu garis ukur ataupun tamadun masyarakat madani pada hujung garis ukur yang lain.

Ulamak Ahlul-Bait Rasulullah SAW Menjadi Umarak di Alam Melayu

Bermula pada abad ke 13M, kerajaan-kerajaan yang berlandaskan tamadun dan peradaban Islam mulai tersebar luas di Gugusan Pulau-Pulau Melayu seterusnya mendominasi organisasi sosiopolitik dan sosiobudaya di kalangan masyarakat tempatan. Daulah-daulah Islamiyyah ini sebenarnya hanya menurut jejak politi-politi Islam yang sudah lama bertapak dengan megahnya di Timur Tengah, Asia Tengah, India, Afrika Utara, Turki, Sepanyol dan Balkan bermula semenjak Rasulullah SAW dipilih sebagai *Rahmatulil-'Alameen*, membawa agama Tauhid, iaitu Islam di bumi Mekah dan Madinah pada abad ke 7 Masihi.

Dalam hal ini, sejarah perkembangan Islam di Alam Melayu telah memperlihatkan suatu gejala umum, iaitu pernikahan puteri-puteri penguasa tempatan dengan alim-ulamak 'atas angin', iaitu dari dunia Arab, yang kebanyakannya datang sebagai mubaligh-mubaligh sufi, langsung memudahkan penyebaran Islam di kalangan rakyat jelata.

Dalam lain makna, kemunculan alim-ulamak atas angin ini yang mengislamkan penguasa-penguasa tempatan telah membuka ruang seluas-luasnya bagi rakyat jelata untuk mengikut jejak tuan-tuan mereka, kerana di zaman pra-Islam, penguasa-penguasa itu dianggap sebagai wakil ataupun jelmaan Tuhan di dunia ini. Maka berbondong-bondonglah rakyat jelata menganut ajaran Islam, dibimbing oleh alim-ulama dengan menggunakan istana sebagai pemangkin, wahana dan platform.

Diperakukan oleh ahli-ahli sejarah dan tokoh-tokoh akademik bahawa kebanyakan mubaligh Arab yang sampai bergelar Syeikh, iaitu gelaran yang am bagi ulama-ulama tasawuff dan Sayyid, Syarif atau Habib, yakni gelaran yang mengenalkan sebagai keturunan atau ahlul-bait Rasulullah SAW.

Menariknya, kedatangan Islam yang dibawa oleh alim-ulamak dunia Arab ini telah membawa bersamanya suatu kepercayaan yang

berteraskan ajaran Islam, iaitu tentang kelebihan dan keistimewaan ahlul-bait Rasulullah SAW itu. Apatah lagi bagi masyarakat Nusantara yang diislamkan, termasuk kalangan elit pemerintahan menjadi saksi mata dan saksi hidup kepada golongan alim-ulama awallun dari darah ahlul-bait Rasulullah SAW, yang sedikit sebanyak tercermin pada diri mereka ketinggian iman, ilmu, amal, akhlak, ehsan, taqwa dan sebagainya.

Menifestasi daripada kesedaran, penghargaan serta penghayatan kepada martabat ahlul-bait Rasulullah SAW, telah membawa kepada suatu natijah yang mana golongan elit pemerintah dan para pembesar yang menerima Islam dengan sepenuh hati itu berlumba-lumba diantara mereka untuk mengambil berkat daripada darah daging, jatidiri, keistimewaan serta ilmu yang ada pada golongan alim-ulama ahlul bait itu, dengan menawarkan puteri-puteri mereka untuk dinikahi. Sudah tentu status golongan elit ini menjadi lebih tinggi dengan perolehan zuriyyah Rasulullah SAW yang bertaraf ulama itu sebagai ahli keluarga. Setidak-tidaknya dilantik sebagai penasihat pemerintah, berkahwin dengan kaum kerabat diraja ataupun para pembesar kerajaan.

Malahan, kebanyakan elit pemerintahan tradisional telah pergi lebih jauh dengan melantik alim-ulamak ahlul-bait yang kini bertaraf menantu itu sebagai pengganti mereka, ataupun daripada keturunannya mengganti kerajaan sebagai umarak, yakni raja. Kerana kebanyakan mereka tersohor merit dan wibawa, apatah lagi dalam ajaran Islam sendiri menekankan keutamaan golongan Quraisy, berlebih-lah lagi Banu Hasyim sebagai kepimpinan ummah.

Maka apabila ulamak ditakdirkan menjadi umarak ataupun pembimbing umarak, dipertanggungjawabkan sebagai ulil amri ataupun regu ulil amri, yang termasuk antaranya menggubal dasar, hala tuju dan gerakerja sesebuah daulah Islamiyyah, maka sudah tentu **FIKIR, FI'IL, ZIKIR dan JALANnya** menjadi ikutan, teladan dan cedukan.

Begitulah pola yang berulang-kali berlaku dalam kebanyakan kesultanan Islam yang bertaburan wujud di Alam Melayu. Dalam peranan sebagai umarak atau regu umarak serta golongan elit, alim-ulamak ahlul-bait Rasulullah SAW dijadikan idealisme, idola dan model oleh semua lapisan masyarakat yang cuba mencontohi Fikir, Fi'il, Zikir dan Jalan mereka.

Pengaruh Ahlul-Bait Rasulullah SAW Dalam Dunia Melayu Nusantara

Kewafatan Rasulullah SAW telah meninggalkan tiga warisan terpenting bagi umatnya, iaitu:

- i. Al-Quran
- ii. As-Sunnah
- iii. Itrah atau zuriat baginda.

Sabda baginda:

“Kutinggalkan di tengah kalian dua pusaka (peninggalan): Kitabullah sebagai tali terentang antara langit dan bumi, dan keturunanku...Ahli-Baitku. Sungguhlah kedua-duanya itu tidak akan terpisah hingga kembali kepadaku di Haudh (Telaga Nabi di Syurga).”
(HR Ahmad bin Hambal)

Sesungguhnya bagi ahlul-bait Rasulullah SAW terutamanya dari kelompok *awallun*, kerja dan khidmat agama adalah darah daging keluarga. Dan sebagaimana halnya dengan Rasulullah SAW, ahlul-bait baginda, khususnya dari golongan ulamak sufi dan umarak, legasi mereka kaya dengan KHAZANAH ILMU dan AMAL yang mencakupi bidang syariat, tariqat, kesusasteraan Islam, sejarah dan salasilah. Dikesampingkan dengan legasi dalam bentuk abstrak dan batiniyyah seperti ciri-ciri nilai, semangat, kejiwaan, *‘world view’*, aliran pemikiran, idealisme, budaya, moral dan peradaban.

Di Alam Nusantara, legasi ahlul-bait yang kaya ini disulam dan diadun dengan legasi bangsa-bangsa tempatan, khususnya golongan elit pemerintahan, sehingga memberikan impak yang besar, sebagai warna dan acuan yang *‘distinct’*, unik dan istimewa kepada tamadun, jatidiri serta sosio-budaya masyarakat tradisional di rantau ini.

Diperturunkan beberapa aspek Melayu Nusantara yang mengambil legasi ahlul-bait Rasulullah SAW dalam bentuk Fikr, Fi’il, Zikr dan Jalan mereka seperti berikut;

1. Mengambil Feqah Mazhab Imam Syafiee

Dalam konteks pemerintahan tradisi masyarakat Nusantara yang menerbitkan banyak kesultanan ahlul-bait di rantau ini, bukti-bukti sejarah dapat mengaitkan falsafah dan gerakerja yang membentuk tamadun Melayu massa adalah berdasarkan Fikir, Fi’il, Zikir dan Jalan alim-ulamak dan mubaligh-mubaligh sufi *‘atas angin’* yang membawa

syiar Islam secara besar-besaran di Alam Melayu ini. Golongan yang dimaksudkan ini adalah tidak lain melainkan dari bangsa Arab, khususnya dari golongan ahlul-bait Rasulullah SAW yang datang beramai-ramai dari wilayah Hijaz dan Hadhramaut. Apatah lagi di masa-masa kemudian, mereka ataupun zuriat mereka diberi kesempatan pula untuk mencorak dasar, kerangka dan halatuju masyarakat apabila dilantik sebagai umarak/raja dalam kesultanan-kesultanan ahlul-bait.

Antara warisan terpenting yang ditinggalkan oleh umara dan ulama ahlul-bait Rasulullah SAW dalam dunia massa Melayu ialah pegangan feqah Mazhab Imam Syafiee⁷⁷.

Dalam hal ini, kalau kita mengelilingi dunia Islam hari ini, dan memerhatikan tentang Mazhab dalam cabang syariat sesuatu daerah Islam, maka kita akan mendapati pecahannya adalah seperti berikut;

Mazhab Maliki diamalkan oleh umat Islam di Maghribi. Mazhab Hanafi pula dipraktiskan oleh umat Islam di Aljazair (Algeria), Tunisia, Libya, Turki, Iraq, India, Pakistan, Sudan, Nigeria, Lubnan dan China. Sedangkan Mazhab Syafiee pula dipegang oleh umat Islam di Hadhramaut (Yemen), Somalia dan di Alam Nusantara ini termasuk Indonesia, Malaysia, Thailand, Filipina dan Brunei. Mesir pula menganut Mazhab Hanafi dan sebahagian Mazhab Syafiee⁷⁸. Saudi Arabia (Tanah Hijaz) pernah menganut Mazhab Syafiee selama 700 tahun dalam pemerintahan Syarif-syarif Mekah⁷⁹ tetapi berakhir pada awal abad ke 20 Masihi dengan penguasaan dinasti Saudi. Pada hari ini sebahagian penduduknya menganut Mazhab Hanbali, sebahagian lagi Mazhab Hanafi⁸⁰.

Perjalanan sejarah perkembangan umat Islam di Gugusan Pulau-Pulau Melayu membuktikan bahawa pegangan feqah Mazhab Syafiee oleh penduduk rantau ini adalah sebagai menurut pegangan feqah alim-ulama yang datangnya dari Tanah Hijaz dan Hadhramaut⁸¹. Selama

⁷⁷ Imam Syafiee sendiri mempunyai pendirian yang tegas berkenaan hak, keistimewaan serta keutamaan ahlul-bait sehingga pernah dituduh sebagai Syiah Rafidhah atas cinta dan penghormatannya yang tinggi kepada golongan mereka. Malahan beliau sendiri banyak berguru dengan ulama ahlul-bait di Yemen. Perkara ini menjadikan alim-ulama ahlul-bait amat serasi dengan ajaran feqah Mazhab Syafiee.

⁷⁸ K.H Siradjuddin Abbas, *I'tiqad Ahlussunnah Wal Jamaah*, Pustaka Tarbiyah, Jakarta, 1992, hlm 34 -35

⁷⁹ Syarif-syarif Mekah merupakan zuriat Rasulullah SAW dari jurai Sayyidina Hassan RA, memerintah dari tahun 1201M dan berakhir pada tahun 1924M apabila dirampas oleh keluarga Saudi. Sebagai penguasa kota suci bagi umat Islam, selama pemerintahan Syarif-syarif Mekah, keluarga tersebut dianggap sebagai pusat tumpuan kerohanian ummah dan mendapat mandat untuk mentadbir urusan-urusan yang bersangkutan dengan kerja dakwah dan syiar Islam.

⁸⁰ K.H Siradjuddin Abbas, *Sejarah dan Keagungan Mazhab Syafiee*, Pustaka Tarbiyah, 1992, hlm 54

⁸¹ Dari abad ke 3 sehingga abad ke 7 Hijrah (iaitu antara abad 9 ke 13 Masihi), masih kedapatan ramai imam-imam mujtahid seperti Imam Al-Muhajir, Imam Alwi bin Ubaidullah, Imam Daud Zhahiri, Imam Auzai, Imam Al-Laeits, Imam Ghazali, Imam Bukhari, Imam Nawawi dan sebagainya. Mereka masing-

lebih 700 tahun, iaitu dari tahun 1201-1925 Masihi, Tanah Hijaz dikuasai oleh Syarif-syarif Mekah dari keturunan ahlul-bait Rasulullah jurai Sayyidina Hassan RA bin Fatimah binti Rasulullah SAW. Syarif-syarif Mekah adalah pengikut Mazhab Imam Syafiee⁸².

Peranan alim-ulamak ahlul-bait Hijazi

Kedudukan Syarif-syarif Mekah sepanjang pemerintahan mereka di bumi Hijaz, dengan penguasaan nadi spiritual umat Islam merupakan faktor utama penganutan Mazhab Syafiee pada zaman awal perkembangan Islam di rantau ini secara besar-besaran. Kerana alim-ulamak yang datang mengislamkan raja dan rakyat tempatan kebanyakannya datang daripada kawasan yang di bawah perintah Syarif-syarif Mekah.

Dalam hal ini, dua kesultanan Melayu telah memainkan peranan besar bukan sahaja sebagai pusat penyebaran, perkembangan dan pendidikan ilmu Islam dalam abad ke 14 dan 15 Masihi, malahan mencorak jenis acuan, warna dan patinya mengikut aliran Ahlus Sunnah Wal Jamaah. Dua kesultanan tersebut ialah Pasai dan Melaka.

Contohnya, Kesultanan Samudera Pasai telah diislamkan oleh Syeikh Ismail dari kerabat Syarif Mekah⁸³, penganut Mazhab Syafiee. Ibnu Batutah, pengembara terkenal yang tiba di Samudera pada tahun 1345M telah mencatatkan pemerhatiannya kepada Sultan Samudera seperti berikut :

“ Sultan al-Malik al-Zahir, dari golongan raja-raja yang mulia dan bermurah hati, berpegang dengan mazhab al-Syafiee, mengasihani ulama-ulama yang datang ke majlisnya untuk membaca dan muzakarah, dan baginda banyak berjihad, sangat merendah diri, datang berjalan kaki untuk solat Jumaat, dan penduduk negerinya berpegang dengan Mazhab Syafiee..... ”⁸⁴

masing berkecenderungan untuk membuat mazhab sendiri. Bagaimanapun selepas dari masa itu, ulama-ulama bersepakat bahawa hampir tidak ada ataupun sukar untuk mendapatkan Imam Mujtahid, apatah lagi Mujtahid Mutlak. Maka pada zaman-zaman kemudian, umat Islam disarankan mengambil feqah Mazhab 4, yakni mana-mana diantara Imam Hanafi, Hanbali, Maliki atau Imam Syafiee.

⁸² Gerald De Gaury, *Rulers of Mecca*, Dorset Press, New York, 1991, hlm 102.

⁸³ Sebahagian ahli sejarah Indonesia mempertikaikan kenyataan dalam riwayat tradisi bahawa Syeikh Ismail yang mengislamkan Merah Silu yang kemudiannya menjadi Sultan Samudera yang pertama. Mereka berpendapat bahawa pada masa itu Samudera Pasai telahpun menjadi sebuah kerajaan Islam. Syeikh Ismail sekadar memantapkan ajaran Islam di sana.

⁸⁴ Ibnu Batutah : *Pelayaran Ibn Batutah* ⁸⁴, 1964, hlm 618. Kemajuan Mazhab Syafiee dalam kesultanan Pasai untuk tempuh hampir seabad lamanya telah menjadi daya penarik bagi kedatangan ulamak-ulamak Islam dari negeri lain, terutamanya yang bermazhab Syafiee pula sehingga Pasai menjadi pusat ilmu dan intelektual Islam di Alam Nusantara, khususnya dalam perkembangan Mazhab Syafiee.

Kesultanan Samudera Pasai yang dinobatkan atas perintah Syarif Mekah kemudian menjadi pusat perkembangan dan tamaddun Islam yang pesat dan amat penting. Dalam zaman belakangan, dua orang putera Pasai telah membawa syiar Islam ke Jawa dan Pattani. Iaitu Syarif Hidayatullah atau lebih terkenal dengan gelaran Sunan Gunung Jati yang menakluki Jawa Barat, kemudian bertanggungjawab mendirikan Kesultanan Banten dan Cirebon. Syeikh Sidi pula telah mengislamkan Raja Pattani di Selatan Siam (Thailand). Sudah tentu berteraskan Mazhab Syafiee mengikut mazhab feqah di Pasai.

Sayyid Abdul Aziz, seorang ulamak ahlul-bait dari Jeddah yang di bawah pernaungan Syarif-syarif Mekah bermazhab Syafiee itu, ditugaskan mengislamkan Raja Melaka bernama Sultan Muhammad (1424-1444) selain mencorakkan fikir, fi'il, zikir dan jalan ataupun tariqah baginda. Menjadi guru agama baginda selama lapan tahun. Anaknya yang bernama Sayyid Maulana Yusuff dan cucunya yang bernama Sayyid Menawar juga menjadi Kadhi Melaka, langsung membimbing hampir kesemua Raja-Raja Melaka seperti Sultan Muzaffar Syah (1446-1456), Sultan Mansur Syah (1456-1477), Sultan Alauddin Riayat Syah (1477-1488) dan Sultan Mahmud Syah I (1488-1511). Ini merupakan suatu tempuh yang panjang yang mampu meninggalkan pengaruh serta legasi ahlul-bait yang amat besar dalam teras pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka⁸⁵.

Oleh kerana Kesultanan Melaka pernah menjadi sebuah empayar yang besar, maka dalam peranannya sebagai pusat perkembangan serta penyebaran Islam, Raja-raja Melaka telah menghantar para mubaligh serta alim-ulama ke daerah-daerah jajahan takluknya seperti Johor, Pahang, Jambi, Kampar Bengkalis, Bintang dan Pulau Karimun. Maka acuan, warna dan intipati Kesultanan Melaka juga menjadi acuan, warna dan intipati jajahan-jajahan tersebut termasuklah dalam pengambilan feqah Mazhab Imam Syafiee.

Dalam Kesultanan Brunei Darussalam, Syarif Ali yang berasal dari keturunan Syarif-syarif atau Raja-raja Mekah telah dinikahkan dengan puteri Sultan Ahmad, dan apabila mangkatnya baginda Sultan, Syarif Ali diangkat menjadi Sultan Brunei yang ketiga, langsung menerbitkan kesultanan ahlul-bait bermula pada awal abad ke 15 Masihi.

⁸⁵ Keturunan Sayyid Abdul Aziz kemudian masuk menjadi keluarga bendahara Melaka yang bakal melahirkan bendahara-bendahara Johor. Di tambah darah ahlul-bait Hadhrami pada abad ke 17 Masihi yang melahirkan Bendahara Padang Saujana Tun Habib Abdul Majid (Johor), *patriach* ataupun induk kepada lebih kurang tujuh kesultanan Nusantara ini. Menjadikan legasi ahlul-bait kuat pada kesultanan-kesultanan Melayu.

Syarif Ali telah memanfaatkan peranan kembarnya sebagai ulamak dan umarak untuk khidmat agama. Jasa baginda terakam dalam sejarah Brunei seperti berikut : *“Maka Syarif Ali inilah mendirikan agama Islam dan mengeraskan syariat Nabi kita Muhammad SAW di dalam Brunei, dan membina masjid-masjid.”*⁸⁶

Menurut riwayat, sebelum Syarif Ali, sultan-sultan yang terdahulu belum ada yang mendirikan masjid. Dirwayatkan juga, selain menjadi sultan, baginda sendiri mengimami sembahyang fardhu, sembahyang Jumaat dan menjadi khatib membaca khutbah pada hari Jumaat, ‘Aidul Fitri dan ‘Aidul Adha⁸⁷. Dengan yang demikian, Syarif Ali menjadi raja kesayangan rakyat jelata di atas jasa dan peranannya sebagai sultan yang adil, sekaligus ulamak dan imam bagi masyarakat Brunei Darussalam.

Sebagai berketurunan daripada Syarif-syarif Mekah, maka sudah tentu Syarif Ali bermazhab Syafiee juga, dan pegangan ini langsung diikuti oleh kesemua rakyat jelata.

Peranan alim-ulama ahlul-bait Hadhrami

Dalam persidangan kaum Muslimin di Sidogiri pada 30 April 1962 yang dihadiri oleh 165 alim-ulama, suatu resolusi telah dibuat dan disampaikan kepada pihak-pihak resmi, bahawasanya kaum Alawiyin yang berasal dari wilayah Hadhramaut di Yemen merupakan penganut feqah Mazhab Syafiee dan bertanggungjawab menyebarkan syiar Islam di Indonesia⁸⁸.

Menurut sejarahwan Hadhramaut Muhammad Asy-Syatiri bahawa : *“Mazhab ibadiyah adalah mazhab yang dominan di sana (Hadhramaut)Tetapi Imam Al-Muhajir dengan ilmunya, kekuatan peribadinya dan keberaniannya mampu menyebarkan Mazhab Sunni Syafiee di Hadhramaut... Berkata ia “Berubahlah tanah Hadhramaut menjadi negeri Sunni Syafiee..”*⁸⁹

⁸⁶ Khatib Haji Abdul Latif , *Batu Tarsilah di Makam Diraja*, Bandar Seri Begawan, 1807

⁸⁷ Hj Wan Saghir Abdullah, *Penyebaran Islam dan Salasilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*, jilid 4, hlm 13

⁸⁸ H.M.H Al-Hamid Al-Husaini, *Mengenal Ahli Bait Rasulullah SAW*, Pustaka Nasional Pte Ltd, 1998, hlm 187

⁸⁹ Sayyid Muhammad Ahmad Asyathiri, *Sekilas Sejarah Salaf Al-Alawiyin*, Yayasan az-Zahir, Pekalongan, 1986, hlm 39. Rujuk juga kitab *al-Mashr’ al-Rawwi fi Manaqib ‘l –Sadah al-Kiram al-Abi ‘Alawi*, al-Matba’ah al-Amiriyah al-Sharaiyyah, Kaherah, 1319/L:901-2, Jil. 1, hlm 153-55, yang disusun oleh seorang sejarahwan Hadhramaut Muhammad bin Abi Bakar al-Shilli (1682M), beliau juga mengatakan bahawa Imam Ahmad bin Isa al-Muhajir telah mengembangkan Mazhab Sunni Syafiee di Hadhramaut.

Imam Al-Muhajir atau nama sebenarnya Imam Ahmad bin Isa, yang dimaksudkan di atas ialah nenek moyang kepada kelompok ahlul-bait Rasulullah SAW di Hadhramaut, Yemen. Beliau dan kaum kerabatnya telah dizalimi oleh Khalifah al-Muqtadir (908-932) dari daulah Abbasiyyah yang berpusat di Basrah, Iraq. Pada waktu yang sama kota Basrah juga menghadapi serangan dari kaum Qaramithah dan Zanzi. Disebabkan hal ini, Imam Ahmad bin Isa bersama kaum keluarganya telah berhijrah ke wilayah Hadhramaut dalam tahun 1929M, berpusat di al-Husaiyisah. Penghijrahan tersebut membawa kepada gelaran Imam Al-Muhajir atau Muhajirullah yang bermaksud berhijrah di jalan Allah. Dua abad kemudiannya, cucu-cicitnya yang diketuai oleh Ali bin Alawi telah berpindah ke kota Tarim, menjalankan tugas dakwah dan pendidikan ilmu dengan penuh semangat dan dedikasi sehingga kota Tarim menjadi pusat Islam yang unggul dan masyur sehingga pada hari ini. Dari sinilah bermula sejarah keturunan Alawiyyin di Hadhramaut⁹⁰.

Al-Habib Abdullah bin Alwi al-Attas menulis dalam bukunya *Al-Ilmu Nibras fit Tanbieh 'ala Man Hajil Akyas'* tentang kaum Alawiyyin : “*Mereka adalah seperti rantai, jika bergerak seuntai bergerak pula untai yang lain. Mereka semua Ahlus Sunnah Wal Jamaah, bermazhab Syafiee, beraqidah Asy'ari.*”

Contohnya di Indonesia, perkembangan Islam secara besar-besaran di Pulau Jawa yang terjadi dalam abad ke 15 -16 Masihi, kebanyakannya adalah dalam tangan Wali Songo (Wali Sembilan). Daripada sembilan orang ulama/wali yang amat terkenal itu, para sejarahwan telah bersepakat bahawa sejumlah tujuh orang daripada mereka adalah dari zuriyyah Rasulullah SAW dari jurai yang sama, berasal dari Hadhramaut. Mereka adalah Maulana Malik Ibrahim, Maulana Rahmatullah (Sunan Ampel), Maulana Mahkdum Ibrahim (Sunan Bonang), Maulana Syariffuddin Hashim (Sunan Drajat), Raden Paku Syarif Muhammad Ainul Yakin (Sunan Giri) dan Syariff Hidayatullah (Sunan Gunung Jati).

Salah seorang tokoh Wali Songo, iaitu Maulana Makhdum Ibrahim atau Sunan Bonang (1465-1524) yang menyebarkan dakwah di berbagai tempat di seluruh pelosok Pulau Jawa telah menyusun Primbon Sunan Bonang yang terbukti berdasarkan kepada aqidah Ahlus Sunah Wal Jamaah mengikut Mazhab Syafiee⁹¹. Penelahan kepada

⁹⁰ Kaum Alawiyyin di sini merujuk kepada kelompok ahlul-bait Rasulullah SAW dari jurai Alawi ibni Ubaidullah di Hadhramaut. Salasilah penuhnya adalah *Alawi ibni Ubaidullah ibni Ahmad al-Muhajir (Imam Ahmad bin Isa) ibni Isa ar-Rumi ibni Muhammad a-Naqib ibni Ali al-Uradhi ibni Jaqfar as-Saddiq ibni Muhammad al-Baqir ibni Ali Zainal Abidin ibni Sayyidina Hussein RA ibni Fatimah az-Zahra Ra anha binti Rasulullah SAW*.

⁹¹ H.M.H Al-Husaini, op.cit, hlm 249

naskah-naskah Primbon Sunan Bonang, akan dapat menjumpakan kita kepada sumber pemikiran Wali Songo.

Nenek moyang Wali Songo, iaitu dari qabilah Sayyid Azamat Khan berasal dari Hadhramaut⁹² yang kemudiannya mengembara ke negeri India atas kerja dakwah. Keturunannya kelak, iaitu Sayyid Jamaluddin Al-Hussein bersama tiga orang saudaranya berhijrah pula ke Alam Nusantara⁹³, langsung melahirkan ramai zuriat yang bakal mencipta sejarah sebagai alim-ulama tersohor serta pengasas-pengasas beberapa kesultanan ahlul-bait di rantau ini.

Sepertimana alim-ulamak ahlul-bait di merata-rata tempat di Gugusan Pulau-Pulau Melayu yang mempunyai hubungan akrab serta membimbing pihak pemerintah serta golongan bangsawan, orang besar-besar sehingga menurun kepada rakyat jelata, begitulah juga natijah daripada peranan dan pengaruh Wali Sembilan yang bermazhab Syafiee, maka yang lain juga menurut ajaran tersebut.

Pola yang sama juga berlaku dalam Kesultanan Sulu dan Maguindanao di sebelah selatan Filipina Lama. Sayyid Abu Bakar yang kemudiannya menjadi Sultan Syariful Hashim dalam Kesultanan Sulu, dan Syariff Muhammad Kebungsuwan yang menjadi Sultan Maguindanao adalah berasal dari Hadhramaut, Yemen, iaitu dari keturunan alim-ulamak ahlul-bait Rasulullah SAW yang bermazhab Syafiee juga.

Dikatakan kedua-dua umarak/ulamak ahlul-bait ini menyumbangkan jasa yang besar dalam usaha dakwah dan tabligh di selatan Filipina Lama, selain mengenal dan memantapkan ajaran Ahlus Sunnah Wal Jamaah termasuklah pegangan Mazhab Imam Syafiee.

Setelah merintis jalan, maka dalam abad-abad kemudian, berbondong-bondonglah muncul alim-ulamak yang bermazhab Syafiee, kebanyakan mereka ahlul-bait Hadhrami, ataupun pernah menjadi anak didik alim-ulamak ahlul-bait di wilayah tersebut, termasuklah dari kelahiran Melayu Nusantara. Dikesampingkan juga alim-ulamak Melayu yang pesat belajar di kota suci Mekah dan Madinah dalam tangan guru-guru Syafiee bermula pada abad 17 Masihi.

⁹² Iaitu keturunan Imam Ahmad bin Isa dari jurai Sayyid Abdul Malik ibni Alawi yang lahir di Kota Qasam, Hadhramaut pada akhir abad ke 13 Masihi.

⁹³ Iaitu pada pertengahan abad ke 14 Masihi.

Kesimpulannya,

Peranan yang dimainkan oleh alim-ulamak ahlul-bait Rasulullah SAW yang datang dari bumi Hijaz dan Hadhramaut adalah amat penting dalam membentuk pegangan masyarakat Nusantara kepada Mazhab Feqah Imam Syafiee sebagai menurut didikan mereka⁹⁴.

Disebut bahawa dunia Arab bukanlah penganut Mazhab Syafiee kecuali di tempat-tempat berikut iaitu Pertama; Mekah dan Madinah selama dalam penguasaan Syarif-syarif Mekah semenjak tahun 1201-1925 Masihi, Kedua; wilayah Hadhramaut di Yemen (Hadhramaut) yang di bawah penguasaan golongan ahlul-bait Alawiyyin semenjak abad ke 10 Masihi sehingga pada hari ini, Ketiga; sebahagian rakyat Mesir kerana Imam Syafiee pernah berpusat di sana dan melahirkan kitab-kitab *Mazhabul Jadid* (Mazhab Baru).

Fakta ini membuktikan bahawa kebanyakan alim-ulamak Arab awallun yang datang ke Alam Melayu adalah dari wilayah yang disebutkan tadi, atas alasan yang mudah, mazhab mereka (Mazhab Syafiee) sama dengan mazhab masyarakat Islam di rantau ini. Ulama dari Mekah dan Madinah ini samada berkerabat dengan Syarif-syarif Mekah, jurai al-Hassani, ataupun dititahkan oleh Syarif-syarif Mekah untuk berdakwah ke Nusantara. Sedangkan ulama Hadhramaut yang datang berbondong-bondong adalah golongan Alawiyyin yang bertalian dengan al-Husseini, cucu kesayangan Nabi SAW yang seorang lagi.

2. Sumber Alam Pemikiran dan Intelektualisme Melayu Nusantara

Dr Hamka dalam bukunya *Sejarah Umat Islam* telah mencatatkan bahawa :

“ Menjadi kepercayaan dan pegangan turun temurun dalam sejarah pada seluruh negeri-negeri Melayu, bahawasanya mereka menerima Islam dari Arab, atau dari seorang Syeikh atau seorang Sayyid atau seorang waliullah dari Arab... peranan orang Arab amat besar dan tidak mudah dibungkus-bungkus demikian saja dalam penyiaran agama Islam di negeri-negeri Melayu. Prof Snouck Hurgronje salah seorang pelopor yang amat penting...., beliau pun tidak dapat mengelakkan

⁹⁴ Sejarah perkembangan Islam di India memperlihatkan bahawa kebanyakan kaum Muslimin yang menetap di sebelah barat dan selatannya menganut Mazhab Syafiee kerana mereka juga menerima Islam daripada orang-orang Yemen dan Hadhramaut yang bermazhab Syafiee, sedangkan kaum muslimin India yang menetap di bahagian utara dan timur mengambil Mazhab Hanafi sebab mereka menerima ajaran Islam dari orang-orang Afghanistan dan Turki yang kebanyakannya bermazhab Hanafi.

pengakuan bahawasanya pengaruh Arab atau Mekah atas kehidupan Islam di pulau-pulau ini sangatlah kuatnya. Lebih kuat daripada di Turki, atau Hindustan, ataupun di Bukhara sendiri.....⁹⁵”.

Ringkasnya, dari abad ke 13-18 Masihi, sejarah perkembangan Islam di rantau ini telah memperlihatkan pendidikan ilmu dan amalan Islam terletak dalam tangan majoriti alim-ulamak berketurunan Arab, khususnya yang berdarah ahlul-bait Rasulullah SAW dari jazirah Arab seperti di Hijaz serta wilayah Hadhramaut di Yemen. Terdapat juga alim-ulamak Arab yang datang ke Alam Melayu melalui India seperti di Surat, Koromandel dan Malabar. Dalam zaman belakangan, iaitu bermula dari abad ke 18 Masihi, barulah muncul tokoh-tokoh agama kelahiran Melayu tempatan seperti Syeikh Daud al-Fatani (1764-1847), Syeikh Abdul Samad al-Palembani, Syeikh Abdul Khatib Sambas, Syeikh Nawawi Banten (1818-1888), Syeikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi (1864-1916) dan ramai lagi.

Pendidikan Islam yang dibawa oleh para ulamak ‘atas angin’ pada zaman awal, yang kemudiannya diikuti oleh alim-ulamak kelahiran tempatan pada zaman belakangan, adalah dengan menjadikan surau, masjid, rumah tok-tok guru agama, pondok dan madrasah sebagai platform untuk menyampaikan ilmu-ilmu agama kepada masyarakat tempatan dengan lancar dan berkesan.

Dalam hal ini, institusi pengajian pondok⁹⁶ amat sinonim dengan alim-ulamak Melayu yang menjadi masyur melalui pondok naungan mereka sebagai tempat bertapak dan berbakti. Ketokohan seseorang ulamak dilihat melalui kepimpinan serta kewibawaannya mengendalikan pondok asuhannya sehingga menjadi daya tarikan yang luas kepada masyarakat Islam.

Institusi pondok yang berkembang pesat dalam kesultanan-kesultanan Melayu tradisi, dikendalikan oleh alim-ulamak serta tok-tok

⁹⁵ Prof Dr. Hamka, *Sejarah Umat Islam*, Pustaka Nasional Pty Ltd, Singapura, 1997, hlm 680. Beliau mencatatkan juga: “ *Percubaan mengatur secara ilmiyyah agar orang dapat menerima bahawa agama Islam di Indonesia bukanlah diterima langsung dari Tanah Arab atau dari orang Arab nampaknya sebagai satu percubaan yang amat teratur untuk menghilangkan keyakinan negeri-negeri Melayu tadi tentang hubungan rohani yang mesra diantara mereka dengan Tanah Arab atau orang Arab sebagai sumber pertama dari Islam.*”

“Maka diselidikilah dengan segenap usaha yang bersifat ilmiyyah, sehingga ‘terbuktilah’ bahawa Islam masuk Indonesia tidak asli dari Tanah Arab dan tidaklah penting peranan yang dimainkan oleh orang Arab. Pengaruh Parsi lebih banyak di dalamnya, pengaruh Syiah pun lebih banyak di dalamnya. Dikemukakan bahawanya Islam di sini datang dari Koromandel dan Malabar, sebab di sana orang menganut Mazhab Syafiee tetapi tidak diterangkan bahawasanya pemeluk Mazhab Syafiee di Malabar itu orang Arab, atau keturunan Arab. Ada yang keturunan Syarif dari Mekah, atau keturunan Sayyid dari Hadhramaut, atau keturunan Sayyidina Abu Bakar yang menetap di Malabar.”

⁹⁶ Di kepulauan Jawa dikenali sebagai pesantren, dayah serta meunasah di Aceh dan surau di Minangkabau

guru yang berilmu, berkaliber dan berwibawa telah berjaya melahirkan ramai intelektual Melayu Islam dengan falsafah, 'worldview' atau pun pandangan dunia yang luas dan dinamik. Tok-tok guru pondok yang tersohor ini menjadi penasihat dan pakar rujuk dalam permasalahan agama yang menjadi teras kepada segala aspek kehidupan zahir-batin masyarakat Islam Nusantara. Mereka mengikuti firqah Ahlus-Sunnah Wal Jamaah, iaitu pegangan Imam Asy'arie dalam bahagian iktiqad dan mengikuti ajaran Mazhab Syafiee dalam bahagian feqah. Kebanyakan mereka adalah alim-ulama sufi, iaitu pengamal tariqat-tariqat muktabarah⁹⁷ yang diperakukan oleh dunia Islam tradisional.

Mereka berpayung dan bekerjasama erat dengan kesultanan-kesultanan Nusantara yang menggazetkan falsafah Islam yang dianuti kerajaan. Contohnya pada 12 Rabiulawal 913 Hijrah Paduka Sri Sultan 'Alaiddin Johan 'Ali Ibrahim Mughayat Syah dari Kesultanan Aceh telah mengisytiharkan dasar kerajaan, atau apa yang disebut sebagai Pohon Kerajaan sebagaimana berikut ;

“ Bahawasanya kita semua satu negeri bernama Aceh,... yakni satu negeri, satu bangsa dan satu kerajaan, dan satu alam (bendera) dan satu ajaran yakni Islam dengan mengikut syariat Nabi Muhammad SAW atas jalan ahlussunnah waljamaah r.a.....Sekelian hukum syara' dalam negeri Aceh diwajibkan memegang atas jalan Mazhab Syafiee r.a didalam sekelian hal ehwal syara' syariat Nabi Muhammad SAW, maka mazhab

⁹⁷ *Ijmak ulamak telah bersepakat bahawa yang dimaksudkan dengan firqah Ahlus-Sunnah Wal Jamaah adalah berdasarkan warisan tiga golongan ulamak Salafus Soleh yang mewakili pokok-pokok ajaran Islam yang terpenting iaitu Aqidah, Syariah dan Tasawuff;*

- a. Golongan ulamak yang menyumbangkan khidmat bakti dalam memelihara perkara **AQIDAH** dan kedudukan iman dengan menyusun asas-asas iman dan kaedah-kaedahnya. Gerakan ini diketuai oleh **Imam Al-Asy'ari** dan **Imam Al-Maturidi** beserta dengan rakan-rakan dan para pengikutnya.
- b. Golongan ulamak yang menyumbangkan dalam menjaga serta mengawal kedudukan **SYARIAT** Islam, mereka menyusun dan mengemaskan perkara-perkara furuk (cabang-cabang agama) , iaitu dalam bidang Ilmu Fekah. Gerakan ini diketuai oleh imam yang empat, iaitu **Hanafi, Maliki, Syafiee** dan **Hanbali** beserta rakan-rakan dan para pengikut masing-masing.
- c. Golongan ulamak yang mengemas dan menyusun kedudukan **EHSAN** dan menerangkan amalan serta hal ehwalnya, termasuklah cara memelihara **tarikah** dan dasar-dasarnya. Gerakan ini diketuai oleh **Imam Junaid Al-Baghdadi** beserta rakan-rakan dan para pengikutnya.

yang tiga itu apabila mudarat maka dibolehkan dengan cukup syarat, maka dalam negeri Aceh yang sah sah muktamad memegang Mazhab Syafiee yang jadid ⁹⁸.”

Natijahnya, secara langsung mahupun tidak, alim-ulamak serta tok-tok guru ini memainkan peranan yang amat penting dalam mendidik serta membentuk minda, aliran pemikiran, kejiwaan dan gerak-kerja Islam yang sefikir, sefirqah, seiring, selari dan sehaluan dalam masyarakat Melayu.

Keadaan ini berlanjutan sehingga awal abad ke 20 Masihi, yang mana perkembangannya menjadi terencat dengan kemunculan sistem pendidikan sekular yang dibawa oleh penjajah Barat.

Metodologi pendidikan tok-tok guru ini adalah dengan mengajar kitab-kitab agama yang ditulis oleh pakar-pakar Islam semenjak zaman *salafus soleh*. Pada awalnya, kitab-kitab karangan alim-ulamak muktabarah dan syeikh-syeikh mursyid dari dunia Arab menjadi kitab-kitab induk dan rujukan terpenting. Pemesatan ilmu dan pendidikan Islam kemudiannya telah melahirkan tokoh-tokoh ulamak tempatan yang menjadi penterjemah kitab-kitab Arab ke Bahasa Melayu (Jawi), selain mereka sendiri bertindak sebagai pengarang di zaman-zaman belakangan. Kitab-kitab ini dikenali juga sebagai ‘kitab-kitab kuning’. Maka gabungan kitab-kitab karangan alim-ulamak muktabarah dan syeikh-syeikh mursyid dari golongan *salafus soleh* di dunia Arab serta alim-ulama kelahiran tempatan inilah yang bersambung-sambung menjadi rujukan dalam institusi pondok, madrasah mahupun pengajian kecil-kecilan yang dibuat di masjid-masjid ataupun di rumah-rumah tok guru.

Secara langsung kitab-kitab ini menjadi sumber yang amat penting dalam membina alam pemikiran, pandangan dan intelektualisme Melayu Nusantara tradisi.

Persoalannya, apakah tajuk kitab-kitab rujukan tok-tok guru ini dan siapakah pengarangnya yang menjadi sumber penting dalam membentuk kerangka alam pemikiran dan intelektualisme Melayu Nusantara sejak zaman berzaman?

Sebuah manuskrip tua bertajuk *Bahr al-Lahut* atau *Lautan Ketuhanan* karangan seorang pendakwah yang bernama Syeikh Abdullah Arif, muncul pada akhir abad ke 12 Masihi. Beliau dikatakan

⁹⁸ *Prosiding Seminar Antarabangsa Kesultanan Melayu Nusantara, Sejarah dan Warisan*, Lembaga Muzium Negeri Pahang, Teuku Hj Ibrahim Alfian, *Kerajaan Aceh Darussalam: Sebuah Wacana Singkat*, 2005, hlm 395-397

pernah berguru dengan al-Sultanul Awliya' Syeikh Abdul Qadir al-Jailani (1079-1166)⁹⁹, pendiri tariqah Qadiriyyah yang amat masyur dan dimuliakan itu yang berasal dari keturunan *Sayyidina Hassan bin Fatimah binti Rasulullah SAW*.

Kitab *Bahr al-Lahut* disebut sebagai sumber rujukan terpenting di Alam Melayu dalam bidang tasawuff dan tauhid. Doktrin Nur Muhammad dan konsep '*insanul kamil*' yang terkandung dalam kitab tersebut tersebar secara meluas di dalam kitab-kitab Jawi sehingga menular ke alam pemikiran massa Melayu. Kitab *Kasyaf al-Ghaibah fi Ahwal Yaum al-Qiyamah* karangan Syeikh Zainal Abidin Muhammad al-Fatoni dan kitab *al-Kaukab al-Durr fi al-Nur al-Muhammadi* oleh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatoni adalah antara kitab kuning yang menurut ajaran yang terkandung dalam kitab *Bahr al-Lahut* itu¹⁰⁰.

Dalam hal ini disebut juga bahawa Kesultanan Melaka pernah menjunjung sebuah kitab tasawuff berjudul '*Insanul Kamil*' atau '*Insan yang Sempurna*' karangan salah seorang anak cucu Syeikh Abdul Qadir al-Jailani, iaitu Syeikh Abdul Karim al-Jili.

Sunan Bonang, atau nama sebenarnya Maulana Makhdom Ibrahim, salah seorang ahli Wali Songo, berketurunan ahlul-bait Rasulullah SAW dari jurai Sayyidina Hussein bin Fatimah binti Rasulullah SAW, lahir 1465M dan wafat 1524M, menempa nama sebagai mubaligh tersohor yang menyebarkan dakwah Islam ke seluruh pelosok kepulauan Jawa. Pernah menjadi imam resmi yang pertama bagi Kesultanan Demak selain menjawat jawatan sebagai pegawai tertinggi.

Sunan Bonang dikatakan menyusun naskhah-naskhah Primbon, yang mana banyak bersumber dari kitab *Ihya Ulumiddin* karya Al-Imam Hujjatul-Islam Imam al-Ghazali serta *Talkhish al-Minhaj* karya Imam Nawawi, selain ditemukan juga sumber Syeikh Abdul Qadir al-Jailani. Secara am, naskhah-naskhah Primbon ini boleh dirujuk sebagai sumber pemikiran Wali Songo¹⁰¹ yang menular dan meresap di kepulauan Jawa kerana Wali Songo terkenal sebagai mubaligh-mubaligh sufi yang bertebaran di tempat-tempat tersebut.

⁹⁹ Syeikh Abdul Qadir al-Jailani adalah seorang ulama tersohor, berdarah ahlul-bait Rasulullah SAW dari jurai Sayyidina Hassan RA. Beliau dikatakan pernah datang ke Alam Melayu. Syeikh Abdul Qadir al-Jailani mempunyai 49 orang anak, 27 darinya lelaki. Antara keturunannya di sini ialah Tunku Besar Tampin. Sultan Ariffin Syeikh Ismail yang makamnya berada di Pulau Besar, Melaka disebut salasilahnya seperti berikut : "*Ismail bin Abdul Qadir bin Abdul Jabar bin Saleh bin Syeikh Abdul Qadir al-Jailani*". Bermakna Syeikh Abdul Qadir al-Jailani ada menurunkan zuriyyat di Alam Melayu.

¹⁰⁰ Mahayuddin Hj Yahaya, *Islam di Alam Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1998, hlm 54

¹⁰¹ H.M.H al-Husaini, op.cit, hlm 249

Maka dalam hal ini, menarik untuk dicatatkan bahawa tariqat Ba-Alawi yang diamalkan oleh alim-ulamak sufi dari Hadhramaut diasaskan atas dasar ilmu dan amal menurut apa yang diterangkan oleh Al-Ghazali dalam kitab *Ihya Ulumiddin*¹⁰². Golongan Ba' Alawi juga dikatakan amat menekuni buku-buku Imam al-Ghazali seperti *al-Basith*, *al-Wasith*, *al-Wajiz* dan *al-Khulash*¹⁰³.

Adakah menghairankan bahawa kitab *Ihya Ulumiddin* menjadi seperti kitab induk dalam pendidikan kerohanian masyarakat Melayu Nusantara semenjak zaman berzaman lagi? Malahan massa Melayu juga menekuni karya-karya Imam Ghazali yang lain seperti *Bidayah al-Hidayah* dan *Ayyuha al-Walid*, selain menekuni kitab *Hidaya as-Salikin* (syarah kitab *Bidayah al-Hidayah*) dan *Sirus as-Salikin*¹⁰⁴ (intisari kitab *Ihya Ulumiddin*). Sudah tentu ianya terhasil daripada ikutan masyarakat kepada panduan alim-ulamak ahlul-bait seperti di atas tadi yang memilih kitab-kitab karangan Imam Ghazali mengatasi banyak kitab-kitab kerohanian yang lain.

Seorang lagi ulamak ahlul-bait tersohor dari Hadhramaut, iaitu Al-Imam al-Allamah as-Sayyid Abdullah bin Alawi bin Muhammad al-Haddad¹⁰⁵ yang muncul dalam abad ke 16 Masihi, meninggalkan banyak karya-karya yang menjadi ikutan masyarakat Nusantara. Antara kitabnya yang masyur ialah *Sabilul-Iddikar*, *Al-Fushul al-Ilmiyyah*, *An-Nasha'ih ad-Diniyyah*, *Ad-Da'watut-Tammah*, *Risalatul Muzakarah*, *Adab Sulukil-Murid*, *Akidatul-Islam*, *Ithafus-Sa-il* dan banyak lagi.

Banyak daripada karya-karya Imam Abdullah al-Haddad ini telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Indonesia dan Melayu (jawi dan rumi), tersiar luas, dibaca dan diajarkan di pesantren-pesantren, majlis-majlis taklim dan sebagainya. Doa-doa, zikir dan wirid yang dibukukan, bersumber dari al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW, antara yang terkenal ialah Ratib al-Haddad, dibaca di rumah-rumah, masjid-masjid dan surau-surau di Indonesia, Malaysia dan Singapura sehingga pada hari ini.

¹⁰² Habib Tahir bin Husain bin Tahir, '*Jalan Yang Dekat; Bagi Pengikut Jalan Rujuk Kepada Tuhan*', Pustaka Nasional Pty Ltd, Singapura, 1999, hlm 182

¹⁰³ _____, terjemahan *Pengantar Tentang Kaum Alawiyyin*, hlm 27

¹⁰⁴ Kitab *Hidayah as-Salikin dan Sirus as-Salikin* dikarang oleh seorang ulama Melayu terkenal, iaitu Syeikh Abdus Samad al-Palembani

¹⁰⁵ Beliau dikenali juga sebagai Mujaddid Islam abad ke 12 Hijrah. Terkenal sebagai seorang yang berpengetahuan luas dan mendalam, bermenafaat untuk ummah tanpa batasan tempat dan waktu. Kehilangan daya penglihatannya sekecil umur 4 tahun telah digantikan Allah SWT dengan kebolehan luar biasa menyerap ilmu serta menyebarkan luaskannya sehingga ajarannya tersebar ke serata pelosok dunia sampai hari ini.

Sayid Salim bin Abdullah Ba Sumayr menulis sebuah kitab masyur bertajuk *Safinat al-Najah* yang memfokus pada perundangan Islam dan lima rukun Islam. Kitabnya disebarikan secara meluas di Hadhramaut dan Indonesia. Dikatakan bahawa kitab tersebut digunakan sebagai buku teks dalam perundangan Islam di sekolah-sekolah agama seluruh Indonesia sehingga menerbitkan 4 edisi, iaitu dalam Bahasa Arab, Melayu, Jawa dan Sudan¹⁰⁶.

Sayyid Usman bin Abdullah bin Yahya menulis 38 buah kitab, yang mana 11 ditulis dalam Bahasa Arab dan 27 dalam bahasa Melayu.

Sayyid Muhammad bin Zainul Abidin al-Aidrus yang lebih dikenali sebagai Tokku Tuan Besar, menjadi Syekhul Ulamak Terengganu dalam masa pemerintahan Sultan Baginda Umar (1831 dan 1839-76) *Kanz al-awliya, al-Jawahir al-Saniyya, Tahliyat al-Wildan, Mukhtasar, Fiqh Sullam Al-Tawfiq, Targhib al-Sibyan, al-Sira al-Nabawiyya dan al-Durra al-Fakhira*. Kitab-kitabnya digunakan secara meluas di Terengganu, yang merupakan sebuah kesultanan ahlul-bait Rasulullah SAW, sehinggakan beliau dikenali sebagai *ahl al-qalam wa-l kalam*.

Dalam Kesultanan Perak muncul Sayyid Hussein al-Faradz, dilantik menjadi pembimbing dan penasihat agama kepada Sultan Mahmud Iskandar Shah Syah (1653-1720M)¹⁰⁷. Zuriyatnya kelak yang bernama Syed Hashim al-Asghar beroleh kepercayaan menyusun makalah *Undang-Undang 99* bagi kesultanan tersebut.

Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatoni, seorang ulamak ahlul-bait yang masyur dalam abad ke 18 Masihi mengarang lebih 60 buah kitab yang menjadi kitab-kitab rujukan bagi pelajar-pelajar agama tradisional di seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Antaranya termasuk *Tanbihul Ghafilin, Bulugh al Maram, 'Aqidat al Jawahir, Fathul-Manan, Manhalus Syafi* dan banyak lagi. Kitab *Kifayatul Muhtaj* dibaca oleh umat Islam dalam bulan Rejab ketika upacara Isra' Mi'raj¹⁰⁸.

¹⁰⁶ Ulrike Freitag and William G-Clarence-Smith, *'Hadhrami Traders, Scholars and Statesment in the Indian Ocean (Makalah Prof A.Hasjmy dan Prof Madya Dr Wan Hussein Azmi dalam Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh)*, 10 Julai, 1978), hlm 156 dan 195, cetakan 1, 1981, Alma'arif Bandung

¹⁰⁷ Auni Abdullah, *'Islam Dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan di Alam Melayu'*, , Nurin Ent, 1991, hlm 103

¹⁰⁸ Hj Wan Mohd Shaghir Abdullah, *'Hubungan Ulama Patani dan Kedah : Kekeluargaan, Pertalian Ilmu dan karya, Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman : Islam di Kedah Darul Aman, Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman, 1996, hlm 15. Rujuk juga karya penulis, 'Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara'*.

Al-Habib Alwi bin Tahir al-Haddad , seorang lagi tokoh ahlul-bait, lahir pada abad ke 20 Masihi. Merupakan ulamak dan pengarang yang masyur di Indonesia dan Malaysia. Pernah menjadi Mufti Johor yang berjasa atas tugas mengeluarkan sebanyak 12,000 fatwa rasmi kerajaan Johor. Salah sebuah karangannya bertajuk *Sejarah Islam di Timur Jauh* (terjemahan oleh Muhammad Dhiya Shahab), menjadi rujukan pengkaji dan peminat sejarah.

Nama-nama di atas hanyalah sekelumit dari para ulamak ahlul-bait yang menuangkan jasa yang besar dalam bidang penulisan di Alam Nusantara ini, yang mana kitab-kitab karangan mereka menjadi sumber ilmu, aliran pemikiran, intelektualisme, kerohanian serta amalan masyarakat Islam sejak zaman berzaman¹⁰⁹.

Kesimpulannya,

Pembentukan alam pemikiran massa Melayu Nusantara, khususnya dalam bidang falsafah, tasawuff, usuluddin serta '*world view*' atau pandangan dunia dan kehidupan mereka banyak diwarnai oleh ajaran-ajaran alim-ulamak ahlul-bait Rasulullah SAW atau anak-anak didik mereka melalui kitab-kitab penulisan mereka yang diajar di surau, masjid, institusi pondok dan madrasah¹¹⁰.

Topik-topik lain yang diajar dalam kitab-kitab kuning termasuk juga aspek perundangan Islam, bimbingan serta nasihat kepada raja-raja, panduan hidup dan hal ehwal agama khususnya dalam bahagian iktiqad, feqah dan tasawuff¹¹¹.

Maka fikir, fi'il dan jalan atau tariqah masyarakat tempatan juga adalah menurut jejak mahupun citarasa yang bersumber sebahagiannya dari golongan ulamak ahlul-bait ini, khususnya dari wilayah Hadhramaut yang datang berbondong-bondong mulai abad ke 17 Masihi apabila bertumbuhnya banyak kesultanan-kesultanan ahlul-bait bersaudara mereka di rantau ini.

¹⁰⁹ Seorang penyair ahlul-bait pernah bermadah : “ *Betapapun tinggi kemuliaan nasab kami, tidak sekali-kali kami akan bersandar kepadanya. Kami akan membangun seperti leluhur kami membangun, dan berkarya seperti mereka telah berkarya*”.

¹¹⁰ Dalam hal ini catatan sejarah menyebut tentang kemunculan madrasah-madrasah yang didirikan oleh golongan Sayyid yang bertaraf saudagar, khususnya pada awal abad ke 20M. Antara yang masyur ialah Madrasah al-Junaid di Singapura, Madrasah al-Masyur di Pulau Pinang, Madrasah al-Attas di Pahang dan Madrasah al-Attas di Johor. Dibandingkan dengan zaman-zaman dahulu (pra British), yang mana golongan ulama bergandingan dengan golongan umara dalam menjaga hal ehwal Islam dan umatnya, pada tahap kemudian penjajah British berjaya merosakkan hubungan tersebut. Natijahnya ulama-ulama tradisi terpaksa bergerak sendiri dan dinaungi oleh ahli-ahli saudagar dan tokoh-tokoh korporat yang prihatin.

¹¹¹ Mahayuddin Hj Yahaya, op. cit, hlm 88

3. Perkembangan Tasawuff/Tariqat¹¹² Nusantara yang Dinisbahkan Kepada Ulama Ahlul-Bait Rasulullah SAW

Sejarah penyebaran Islam di Alam Melayu terkumpul banyak bukti-bukti tentang peranan para sufi dan pemimpin-pemimpin tariqat bukan sahaja dalam memesatkan proses Islamisasi, malahan sambung-menyambung pada zaman-zaman Islam bertapak kukuh dengan meningkat serta menajamkan kesedaran rohaniyah serta kekuatan batiniah. Kegiatan sufiisme dan tariqat ini telah dapat dimenafaatkan apabila Nusantara menghadapi ancaman penjajahan Kristianisasi¹¹³.

Para mubaligh Islam di rantau ini kebanyakannya adalah golongan ulama tasawuff yang bukan sahaja berperanan dalam menyebarkan dakwah, tetapi memberi didikan dalam ilmu-ilmu pengetahuan Islam mengikut aliran pemikiran ilmu tasawuff. Natijahnya, lahirlah masyarakat Islam yang berorientasikan kerohanian dan batiniah.

Tariqat-tariqat muktabarrah¹¹⁴ telah diajarkan di dunia massa Melayu serentak dengan kemasukan Islam itu sendiri di rantau ini. Perkara ini dapat dibuktikan daripada penulisan-penulisan alim-ulama Alam Melayu semenjak abad ke 16-17 Masihi lagi.

Contohnya Syeikh Abdullah Arif yang menyebarkan dakwah di Kedah dan Aceh pada awal abad ke 12M. Beliau menulis kitab ilmu tasawuff *Bahr al-Lahut* atau Ilmu Ketuhanan. Syeikh Abdullah Arif pernah disifatkan sebagai wali Allah, iaitu suatu gelaran yang biasa dikaitkan dengan ulama tasawuff. Beliau beserta rakannya Syeikh Ismail Dafi yang menyebarkan dakwah di Minangkabau pernah berguru dengan pengetua Tariqat Qadariyyah, iaitu Sultanul Awliya' Syeikh Abdul Qadir al-Jailani (1079-1166M)¹¹⁵.

Sayyid Abdul Aziz, ulamak ahlul-bait Rasulullah SAW (kerabat Syarif Mekah) yang mengislamkan raja Melaka adalah seorang ulama sufi. Anaknya Maulana Yusuff dan cucunya Qadhi Menawar yang

¹¹² Tasawuff adalah Ilmu/Teori mengenali sifat-sifat zahir dan batin yang tercela dan terpuji manakala Tariqat adalah amalan-amalan zikrullah melalui mujahadah dan riyadhah sehingga dapat dihapuskan sifat-sifat tercela dan dihiasi dengan sifat-sifat terpuji zahir dan batin. Ringkasnya, Tariqah merujuk kepada jalan penyucian hati mengikut kaedah-kaedah yang dipeloporkan oleh seseorang Syeikh Tariqah sebagai penyusunnya.

¹¹³ Seorang ahli akademik yang terkenal, Prof Ismail Faruqi pernah menggelar perjuangan jihad umat Melayu tradisional sebagai : “ *Salah satu perjuangan Islam yang paling lama dan sengit dalam menentang keganasan penjajahan Kristian.*” Beliau merujuk kepada kekuatan kerohanian umat Melayu Nusantara dalam perang jihad melawan kuasa- kuasa barat seperti Portugis, Sepanyol, Belanda dan British.

¹¹⁴ Menurut jumhur ulama, tariqat-tariqat muktabarrah ialah tariqat-tariqat yang dianggap benar-benar menurut ajaran Islam yang boleh diamalkan.

¹¹⁵ *Ensaiklopedia Sejarah Islam*, Jil 1, hlm 37, jil 4, hlm 1064

membimbing sultan-sultan Melaka selama hampir 100 tahun juga merupakan pengamal-pengamal tariqat/tasawuff. Malahan kitab sejarah *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* karya Tun Seri Lanang yang mencatatkan sejarah Kesultanan Melayu Melaka mengandungi banyak kisah-kisah alim-ulama sufi khususnya di Melaka dan Pasai, membuktikan kuatnya peranan dan pengaruh mereka dalam Kesultanan Melayu Melaka dan kesultanan bersaudaranya di Pasai.

Begitu juga di Kepulauan Jawa, yang mana Wali Songo sememangnya terkenal sebagai mubaligh-mubaligh sufi. Sejarah Aceh pula mencatatkan begitu kuatnya pengaruh Ilmu Tasawuff, sehingga dikatakan seorang ulama Arab/Gujerati yang bernama Syeikh Muhammad Jailani ar-Raniri yang pada awalnya mengajar Ilmu Mantik, Maani, Bada'I dan Ilmu Usul, terpaksa kembali ke tempat pengajiannya di Mekah semata-mata untuk mempelajari Ilmu Tasawuff, atas tuntutan umat Islam di Aceh, termasuk dari golongan istana. Setelah mendalami Ilmu Tasawuff, Syeikh Muhammad Jailani kembali semula ke Aceh untuk mengajar ilmu tersebut. Anak saudaranya Syeikh Nuruddin ar-Raniri terkenal dalam sejarah sebagai ulama yang berpolemik dengan Syeikh Hamzah Fansuri tentang teori tasawwuf, iaitu konsep *Wahdatul Wujud* dan *Wahdatul Syuhud* yang berkaitan dengan ilmu-ilmu ketuhanan.

Merujuk kepada amalan sufiisme di rantau Nusantara tradisional, disebut bahawa antara tariqat-tariqat yang terbesar ialah Qadiriyyah, Rifaiyyah, Syaziliyyah, Syatariyyah, Ahmadiyyah, Tijaniyyah, Alawiyyah dan Naqsyabandiyyah¹¹⁶. Sebahagian besar daripada tariqat-tariqat ini adalah diasas atau didirikan oleh ulamak ahlul-bait Rasulullah SAW seperti berikut ;

I. TARIQAT QADIRIYYAH :

Dinisbahkan kepada Wali Qutub Syeikh Abdul Qadir al-Jailani, *berketurunan Sayyidina Hassan bin Fatimah binti Rasulullah SAW*. Ulama Melayu yang beramal dengan tariqat ini ialah Syeikh Hamzah al-Fansuri, Syeikh Syamsuddin as-Sumatrai, Syeikh Ahmad Khatib Sambas¹¹⁷, Syeikh Muhammad Zainuddin bin Muhammad Badawi as-Sumbawi, Syeikh Muhammad Mukhtar bin Atarid/'Utharid Bogor dan lain-lain lagi.

¹¹⁶ Hj Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Penyebaran Tariqat-Tariqat Sufiyyah Muktabarah di Dunia Melayu*, Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, 200M, hlm 3

¹¹⁷ Kebanyakan penurunan murid Tariqah Qadiriyyah yang berada di dunia Melayu sekarang adalah berasal dari salasilah Syeikh Ahmad Khatib Sambas-, seorang sarjana besar yang dikatakan hampir semua kiyai di Jawa menelusuri peneologi intelektual mereka daripadanya. Syeikh Ahmad Khatib Sambas terkenal dengan sejarah kekeramatannya.

II. **TARIQAT RIFAIYYAH :**

Dinisbahkan kepada Syeikh Sayyid Ahmad bin Muhammad bin Abdur-Rahim ar-Rifai, *berketurunan Sayyidina Hussein bin Fatimah binti Rasulullah SAW*. Antara pengamalannya adalah Syeikh Nuruddin ar-Raniri dan Syeikh Syihabuddin al-Haji bin Abdullah al-Jawi.

III. **TARIQAT BA' ALAWI atau ALAWIYYIN :**

Dinisbahkan kepada Sayyidina al-Faqih al-Muqaddam Muhammad bin Ali Ba Alawi, *berketurunan Sayyidina Hussein bin Fatimah binti Rasulullah SAW*. Tariqat yang popular dengan amalan wirid ratib al-Haddad dan ratib al-Attas ini diamalkan di banyak tempat di dunia Melayu, khususnya oleh keturunan ahlul-bait Rasulullah SAW yang ramai berserakan. Keunikan tariqat ini adalah pengamalannya mengikut ajaran yang diperturunkan dari nenek moyang ahlul-bait dari Mekah dan Madinah sehingga ke Hadhramaut, bersambung-sambung kepada cucu cicitnya yang bertebaran di seluruh pelosok dunia hari ini.

IV. **TARIQAT SAMANIYYAH :**

Dinisbahkan kepada seorang Wali Qutub yang bernama Syeikh Muhammad bin Abdul Karim al-Qadiri as-Sammani al-Madani¹¹⁸, *berketurunan ahlul-bait Rasulullah SAW*. Antara pengamalannya di Alam Melayu ialah Syeikh Abdus Samad al-Palembani, Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari, Syeikh Muhammad Nafis bin Idris al-Banjari, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatoni dan ramai lagi.

V. **TARIQAT SYAZILIYYAH :**

Dinisbahkan kepada nama seorang waliyullah yang terkenal, iaitu Sayyid Syeikh Abil Hassan asy-Syazili bin Abd Jabbar bin Hurmuz, *berketurunan Sayyidina Hassan bin Fatimah binti Rasulullah SAW*¹¹⁹. Di kalangan dunia Melayu, Tariqat Syaziliyyah terkenal dengan hizibnya seperti Hizbul Bahar, Hizbun Nasar dan

¹¹⁸Ibid, hlm 117. Bagaimanapun setakat ini penulis belum dapat pastikan samada beliau dari jurai Sayyidina Hassan ataupun Sayyidina Hussein RAnhuma. Beliau adalah penjaga makam Rasulullah SAW di Madinah Munawwarah. Beliau terkenal kerana menggabungkan Tariqat Khalwatiyyah, Qadiriyyah, Naqshabandiyyah dan Syaziliyya, menjadikannya Tariqat Sammaniyyah. Pengikut-pengikutnya menyebarkan tariqat tersebut ke daerah Kalimantan, Betawi, Sumbawa, Sulawesi dan Semenanjung Tanah Melayu.

¹¹⁹ Ibid, hlm 110

lain-lain. Antara ulamak yang mengikuti tariqat ini ialah Syeikh Ismail Minangkabau, Kiyai Hj Mustaqim Jawa, Syeikh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin Aceh dan murid-muridnya termasuk Syeikh Abdus Samad al-Palembani, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatoni dan lain-lain.

VI. TARIQAT AHMADIYYAH IDRISSIYAH :

Dinisbahkan kepada Sayyidi Ahmad bin Idris al-Idrisi al-Hassani, *berketurunan Sayyidina Hassan bin Fatimah binti Rasulullah SAW*. Antara ulama Melayu yang menerima ijazah tariqat ini ialah Syeikh Wan Ali Kutan al-Kalantani, Syeikh Abdus Samad/Tuan Tabal bin Muhammad Shalih al-Kalantani, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatoni, Syeikh Muhammad Said al-Linggi, Syeikh Abdul Fatah Jawa dan lain-lain lagi¹²⁰.

Kesimpulannya;

Sumbangan para ulamak ahlul-bait Rasulullah SAW di Alam Melayu diperluas serta diperdalamkan lagi melalui ajaran tariqat-tariqat muktabarah yang banyak didirikan oleh golongan mereka. Malahan khalifah-khalifah tariqat sendiri ramai yang berketurunan ahlul-bait. Ianya hanyalah sebagai membuktikan bahawa tasawuff/tariqat dan ahlul-bait Rasulullah SAW tidak dapat dipisahkan sebagai menurut fitrah Rasulullah SAW sebagai Insanul Kamil yang membawa ajaran Islam yang paling lengkap dan sempurna, mencakupi amalan ZAHIR-BATIN.

Dalam keperibadian, diri, akhlak dan perbuatan baginda tercermin unsur-unsur pegangan Tauhid, Syariat dan sifat Ihsan yang hakikatnya merupakan tiga sendi utama Agama Islam. Sebagai insan yang paling lengkap dalam menyampaikan ajaran Islam, sempurna pada fahamannya, aqidahnya, akhlaknya serta pengamalannya zahir dan batin, maka Rasulullah SAW hakikatnya adalah merupakan seorang Ahli Aqidah, Ahli Feqah, Ahli Sufi (Tasawuff)¹²¹ dan Ahli Tariqah.

¹²⁰ Ibid, hlm 123. Tariqat Ahmadiyyah dikatakan sebagai antara tariqat muktabarah yang pesat berkembang di Semenanjung Tanah Melayu, bagaimanapun ia kurang terkenal di Indonesia kerana hilang di tengah-tengah kebesaran Tariqat Qadiriyyah dan Tariqat Naqsyabandiyyah.

¹²¹ Rasulullah SAW adalah tokoh utama tasawuff, pemilik cinta yang besar pilihan Allah SWT. Pernah suatu ketika Ummul Mukminin Aisyah RA menemui baginda dalam keadaan tenggelam dalam kecintaan kepada Allah. Ketika Nabi melihat Aisyah, baginda bertanya, "*Siapa kamu?*" Aisyah menjawab : "*Aisyah.*" Nabi bertanya lagi : "*Siapa Aisyah?*" Dia menjawab: "*Anak As-Siddique.*" Baginda bertanya terus : "*Siapa As Siddique?*" "*Ayahnda mertua Muhammad!*", jawab Aisyah. Nabi bertanya pula : "*Siapa itu Muhammad?*". Maka ketika itu Aisyah pun diam kerana telah fahamlah ia bahawa Nabi SAW sedang tenggelam dalam kecintaan dan makrifat Allah SWT.

Maka masyarakat Islam Nusantara berhasil memanfaatkan percikan kerohanian alim-ulamak ahlul-bait Rasulullah SAW sebagai guru-guru mursyid serta wali-wali Allah yang mampu menarik rahmat dan barakah daripada Allah SWT.

Malahan ajaran tariqat yang diasaskan oleh guru-guru ahlul-bait yang mursyid ini, yang memberi saingan sihat kepada tariqat-tariqat muktabarah yang lain seperti Naqsyabandiyah, Syatiriyyah, Kubrawiyyah, Chistiyyah dan sebagainya, telah menjadi ikutan umat Islam Nusantara tradisional sehingga berakar umbi dalam batin dan kejiwaan mereka, membentuk jatidiri ataupun *makeup* bangsa yang menjurus kepada martabat kerohanian yang tinggi.

4. Peranan Ulama Tasawuff Dalam Peradaban dan Jatidiri Melayu

Proses Islamisasi masyarakat Nusantara penuh dengan kisah-kisah metodologi dakwah oleh mubaligh-mubaligh Arab, khususnya ahli-ahli sufi yang terkenal dengan sifat lemah lembut, berbudi bahasa, berakhlak mulia, terang hati, berhikmah dan berhemah, serta mudah bergaul dengan berbagai lapisan masyarakat dari golongan bangsawan kepada fakir miskin. Sejak ketibaan ahli-ahli tasawuff inilah Islam tersebar luas di kalangan massa Melayu yang tertambat hati-hati mereka dengan akhlak serta keperibadian mulia yang dipamirkan oleh mubaligh-mubaligh sufi tersebut. Sehingga mubaligh-mubaligh sufi ini menjadi *role model*, akhlak dan keperibadian mereka menjadi ikutan dan cedukan, dilihat sebagai kayu ukur dalam matlamat pemerintah mendidik serta mencorak rakyat jelata kepada ciri-ciri peradaban, nilai dan moraliti yang tinggi.

Ringkasnya, tidaklah keterlaluan untuk mengketengahkan sumbangan alim-ulamak tasawuff dalam membentuk peradaban Bangsa Melayu Nusantara, yang hakikatnya ditunjangi oleh ciri-ciri kerohanian yang tinggi.

Dalam hal ini alim-ulamak Sayyid Alawiyyin dari Hadhramaut mempunyai pengaruh dan kemasyuran di kalangan pembawa Islam ke Alam Melayu. Ketokohan mereka bukan sahaja diperakukan dalam ilmu-ilmu keagamaan, terutamanya dalam bidang tasawuff, malahan akhlak dan keperibadian mereka menghidup serta merealisasikan ilmu-ilmu yang diajari¹²².

¹²² Contoh terkenal ialah Wali Songo yang menggunakan pendekatan *dakwah bil hikmah* dalam penyebraran Islam di seluruh pelosok Pulau Jawa.

Menurut R.B Seargent dalam bukunya *The Sayyids of Hadhramaut* :

“ Ahli-ahli keluarga Sayyid Alawiyyin sentiasa bersifat warak dan berperilaku kemanusiaan...keadaannya menyerupai tingkah laku Nabi....Ahli-ahli tasawuffnya suka berselindung, tidak suka menunjuk-nunjuk, lari daripada kesibukan, tetapi tidak cuai dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab terhadap agama. Kasih kepada anak isteri, jiran tetangga, kaum kerabat, seketurunan dan seagama.”

R.B Seargent seterusnya menyimpulkan bahawa melihat sifat-sifat baik yang ditunjukkan oleh alim-ulamak Sayyid Hadhramaut, maka bukan sahaja boleh dianggap (dibuktikan) mereka keturunan Nabi (SAW), seterusnya (mereka juga) pewaris utama kepada peradaban Islam..”¹²³

Sebuah kitab rujukan tariqat Ba' Alawi, iaitu '*Al-Ilmu Nabras fi Tanbih 'ala Manhaj Al Akyas*' mencatatkan tentang ciri-ciri ulamak sufi dari kaum Alawiyyin seperti berikut :

“ ...mengikuti jejak salaf mereka yang berteraskan ilmu dan amal, pembersihan hati dari pekerti buruk, ketaatan dan amal salih dengan niat yang suci, berteman dengan orang baik, tidak bergaul dengan orang yang buruk kelakuan, tidak suka terkenal, menjauhi keramaian dan keriuhan disertai mengakui kekurangan diri, berakhlak mulia, bertekad tinggi, warak, zuhud, lemah lembut, berhati-hati, meninggalkan orang yang memusuhi mereka dan menumpukan perhatian pada hal-hal akhirat.”

Bangsa Arab pula telah menyatakan kesaksiannya bahawa Bani Hasyim mempunyai banyak kelebihan dalam sifat-sifat kemanusiaan mereka, selalu seimbang dalam segala hal, cerdas akalnya, teguh imannya dan mengagungkan Baitullah, selalu menjauhi hal-hal yang zalim, tinggi kemahuannya, amat penyantun terhadap kaum lemah dan orang-orang teraniaya, selalu bermurah hati, tinggi rasa kepatriotannya dan berbagai sifat mulia lainnya yang menjadikan mereka patut untuk menjadi keluarga yang memberanakkan Rasulullah SAW yang mengajak manusia kepada segala bentuk kebaikan dan keluhuran¹²⁴.

Dalam hal ini, masyarakat Melayu tradisional dikaitkan sebagai bangsa yang mempunyai nilai kerohanian yang tinggi. Lima ciri-ciri membentuk pokok keperibadian, jatidiri ataupun *makeup* Bangsa Melayu iaitu BUDI, RENDAH DIRI, REDHA, SABAR DAN SYUKUR. Walaupun pada hari ini ciri-ciri tersebut sudah mulai terhakis akibat

¹²³ Serjeant, R.B, *The Sayyids of Hadhramaut*, SOAS, University of London, 1957, Luzac & Co, hlm 19-20

¹²⁴ Syeikh Abul Hassan Ali-An-Nadwi (terjemahan Yunus Ali al-Mudhor), *Kehidupan Nabi Muhammad SAW & Amirul Mukminin Ali bin Abi Thalib*, 1992

unsur-unsur pembaratan budaya bangsa selama lebih satu abad, bagaimanapun sisa-sisanya masih terpamir dalam beberapa kejadian musibah besar yang menimpa umat Islam di rantau ini seperti tragedi tsunami di Aceh pada akhir tahun 2004 dan banjir besar sebanyak dua kali yang melanda Johor pada akhir tahun 2006 yang lalu, yang mana amat menonjol kekuatan kerohanian umat Melayu dalam mempamirkan sifat sabar, redha, syukur dan tawakkal, apabila bergelumang dengan musibah ngeri yang berlaku pada mereka.

Konsep 'budi' yang banyak digunakan dalam peribahasa Melayu memberikan beberapa makna. Antaranya intelektualisme. Umpama istilah 'akal budi' iaitu minda yang sihat dan 'common sense', adab baik seperti sikap berterima kasih dalam pantun '*pisang emas bawa belayar, masak sebiji di atas peti, hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati*'. Begitu juga peribahasa '*orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa*'. Lain makna ialah dari aspek moral iaitu 'budi pekerti', 'budi-bahasa' dan 'budiman' iaitu seseorang yang mempunyai akhlak sufi pada dirinya.

Konsep 'rendah diri' juga terbit dari nilai Islam yang berkait dengan amalan tasawuff. Satu peribahasa Melayu berbunyi '*bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk*'.

Kelima-lima sifat yang berkaitan dengan akhlak dan peradaban Melayu iaitu ciri budi, rendah diri, sabar, redha dan syukur sebenarnya amat berkait rapat dengan tasawuff/tariqat. Kerana sifat-sifat ini adalah NATIJAH daripada amalan tasawuff/tariqat tersebut, iaitu ilmu serta amalan khusus bagi membersihkan hati. Sedangkan hati itu dikatakan sebagai PENGHULU PANCAINDERA, yakni segala-galanya bermula dari hati.

Rasulullah SAW pernah bersabda : "*Ingatlah! Sesungguhnya jasad manusia ada segumpal daging. Seandainya ianya baik, maka baiklah jasad seluruhnya. Seandainya ia rosak, rosaklah jasad seluruhnya. Ketahuilah, itulah hati.*"

Maka amalan tasawuff/tariqah telah menghasilkan jatidiri bangsa Melayu tradisi sehingga istilah 'Melayu' itu sendiri dikaitkan dengan suatu tahap kerohanian yang tinggi. Begitu kuatnya pegangan masyarakat Melayu pada nilai-nilai serta peradaban Islam zahir dan batin sehingga agama menjadi suatu '*adat yang diadatkan*' (*adatunnah*), yang mana orang yang melampaui batasan agama dikecam sebagai orang yang '*melanggar adat*'.

Contoh yang lain merujuk kepada catatan manuskrip-manuskrip Melayu Jawi zaman dahulu, khususnya yang berkaitan dengan ajaran Islam. Pada manuskrip-manuskrip ini tidak tercatat maklumat nama pengarang, penyusun ataupun penterjemahnya. Penulisnya menyembunyikan identitinya dengan menggantikan sebagai *'faqir yang hina'*, *'faqir yang dhaif'* atau *'al-faqir'* semata-mata. Hal ini berkaitan dengan pengaruh peradaban Islam, yang menuntut umatnya bersifat *tawaduk*. Apatah lagi jikalau pengarangnya seorang ahli tasawuff yang mengamalkan sifat *zuhud*, iaitu tidak suka menonjolkannya dirinya, mencari nama dan populariti. Kerana ianya boleh menjerumus kepada sifat keji seperti *riak* dan *takabbur*.

Satu lagi contoh ialah kehidupan masyarakat Melayu tradisi yang amat mengambil berat tentang pembinaan surau, masjid mahupun sekolah-sekolah pondok sebagai pusat dan paksi tumpuan pengajian serta aktiviti-aktiviti agama termasuk amalan-amalan tariqat. Masa malam dihabiskan dengan bertahajjud dan berzikir, mengamalkan wirid, ratib dan hizb, bangun pagi-pagi buta untuk bersolat dan mengaji, sesekali mereka akan mengikuti program-program suluk yang dikendalikan oleh tok-tok guru tariqat, selain berkhidmat dan berbakti kepada sultan dan alim-ulama¹²⁵ sebagai yang dititik beratkan dalam ajaran Islam.

Suasana keislaman yang kental dan menebal di kalangan masyarakat Melayu pernah disentuh oleh seorang wakil British, Sir Hugh Clifford yang pernah menggambarkan suasana masyarakat Terengganu pada akhir abad ke 19 Masihi dengan mengatakan Terengganu: *"..... dipenuhi dengan alim ulama dan segala teriak tangis tenggelam dalam bunyi orang bersembahyang dan berzikir* ¹²⁶*"*.

Kesimpulannya;

Ash-Syeikh Thaha Abdul Bagi Surur dalam bukunya *'Pengembaraan ke Alam Rohani; Tinjauan Tentang Pijakan Tasawuff dan Alam Fikiran Sufi'* mencatatkan :

" Tasawuff adalah bentuk atau jelmaan perilaku Islam, menjadi saripati keharuman dan tatakrama (adat sopan santun) yang bersifat Islam, merupakan inti 'Nur Muhammad'. Ia adalah rangkuman kemuliaan

¹²⁵ Apatah lagi ulama ahlul-bait sebagai mengikut sabdaan baginda SAW : *" Kutinggalkan di tengah kalian dua bekal. (Yang pertama): Kitabullah, di dalamnya terdapat petunjuk dan cahaya terang. Hendaklah kalian ambil dan berpegang teguh padanya...dan (kedua) : Ahli Baitku. Kalian kuingatkan kepada Allah mengenai Ahli-Baitku! Kalian kuingatkan kepada Allah mengenai Ahli-Baitku!"*

¹²⁶ Abu Bakar Abdullah, *Ke arah pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia, masalah dan Penyelesaiannya.*

hati yang sangat berharga, bahkan pemangkin semua ilmu pengetahuan.¹²⁷”

Imam-imam tasawuff pula telah mengatakan bahawa permulaan tasawuff itu ialah ilmu, pertengahannya ialah amal (tariqat), dan pengakhirannya ialah beroleh anugerah atau pemberian¹²⁸.

Maka bagi sejarah perkembangan Islam di Alam Melayu, anugerah yang diperolehi atas jasa dan sumbangan alim-ulamak tasawuff ini (dengan tidak menidakkan kepentingan alim-ulamak syariat), adalah pencapaian martabat kerohanian yang tinggi. Bukan cuma-cuma Bangsa Melayu tradisi dikaitkan sebagai bangsa yang beradab dan beradab sopan.

Kehadiran ramai pewaris kepada golongan ulamak dan umarak ahlul-bait awallun yang bertebaran di kalangan Melayu massa telah membentuk satu KEKUATAN dan KETAHANAN DALAMAN AGAMA yang tinggi kepada bangsa ini, kerana darah daging mereka bersumber daripada darah daging nenek moyang mereka yang istimewa itu. Ianya merupakan nikmat dan rahmat yang besar dari Allah SWT atas bumi yang mereka pijak.

Ianya juga dapat menjelaskan semangat kecintaan serta ketaatan agama yang tinggi serta sifat orang-orang Melayu yang suka berpusat dan berpaksi kepada ajaran dan amalan Islam sehingga mencetuskan ungkapan ‘Melayu itu Islam’. Hakikat ini telah menyebabkan golongan orientalis dan ahli-ahli akademik moden melabel orang-orang Melayu sebagai masyarakat konservatif, namun di situlah sebenarnya terletak kekuatan kita. Kerana teras kekuatan mana-mana bangsa pun tidak pernah terletak pada unsur-unsur zahiriyyah, tetapi lebih banyak berkait rapat dengan perisian hakikat atau ciri-ciri dalamannya (batiniyyah).

Menurut seorang Gabenor British, Frank Sweetenham:

“ Pendakyyah-pendakyyah Kristian dari semua mazhab telah berputus asa ke atas bangsa Melayu (yakni untuk memurtadkan mereka kepada agama Kristian).¹²⁹”

Zainal Abidin bin Ahmad yang lebih dikenali sebagai pendeta Za’ba juga pernah mencatatkan hal yang sama:

¹²⁷ Ash-Syeikh Thaha Abdul Bagi Surur, *‘Pengembaraan ke Alam Rohani; Tinjauan Tentang Pijakan Tasawuff dan Alam Fikiran Sufi*, (terjemahan Drs Nur Mufid M.A & Mahfudz Sa’ad) Thinkers Library, 2000, hlm Pendahuluan xix

¹²⁸ Ibid, hlm 11

¹²⁹ Ibid

“ Semenjak orang-orang Melayu memeluk agama Islam sehingga ke hari ini, mereka amat setia dan amat keras pegangannya pada agama yang mereka anuti ini (Islam). Walaupun mereka jahil banyak dari segi pengamalan dan kefahaman agama, namun mereka tetap menganggap bahawa itulah satu-satunya agama yang terbaik dan benar, dan tidak ada apapun hujjah ataupun pujukan dari orang kafir yang boleh mengubah sikap mereka yang demikian itu.¹³⁰”

5. Alam Melayu Mengambil Budaya Arab Hadhrami (Alawiyyin)

Pemerhatian kepada bidang kesusasteraan serta kebudayaan Melayu Nusantara tradisi juga mampu membawa kepada kesimpulan yang sama, iaitu sebahagiannya bersumber daripada amalan serta ajaran yang dibawa oleh alim-ulamak Arab, termasuk dari golongan Sayyid, Syarif dan Habib.

Bertentangan dengan pendapat sarjana Orientalis tentang teori yang mengatakan Islam diperkenalkan di Alam Melayu oleh mubaligh-mubaligh India Muslim, sarjana-sarjana Islam telah mengketengahkan beberapa sumber bukti yang menunjukkan bahawa perkembangan Islam di Alam Melayu adalah sumbangan orang-orang Arab secara langsung. Walaupun tidak dinafikan terdapat juga sumbangan dari bangsa-bangsa yang lain, tetapi ia tidak sampai mengatasi sumbangan bangsa Arab yang datang secara besar-besaran ke Alam Melayu untuk berdakwah, khususnya di awal perkembangan Islam di rantau ini, iaitu bermula semenjak kurun ke 13M.

Prof Sayyid Naquib Al-Attas merujuk kepada penulisan-penulisan yang bercorak agama di Alam Melayu yang hampir kesemuanya ditulis oleh pengarang Arab. Begitu juga manuskrip-manuskrip lama seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Raja-Raja Pasai*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Aceh*, *Sejarah Tradisional Sulu*, *Salasilah Maguindanao* dan lain-lain lagi merupakan sumber-sumber sejarah tradisi yang membuktikan tentang sumbangan para mubaligh Arab yang pertama dan utama kepada perkembangan Islam di Alam Melayu.

¹³⁰ Ibid

H.M.H Al-Hamid Al-Husaini¹³¹ pula menyebut bahawa :

“ Apabila kita kembali kepada pengkajian dan studi mengenai sastera Islam dan sumber-sumber klasik yang berkaitan dengan kepulauan Indonesia dan sekitarnya,bahawa metode yang ditempuh untuk membina aqidah, menerapkan mazhab-mazfab tasawuff, penggunaan huruf Arab dalam penulisan bahasa setempat, nama-nama hari dalam seminggu, cara membaca Al-Quran dan sebagainya...semua itu menjelaskan gejala Arab dan orang-orang yang membawa agama Islam ke kawasan itupun orang-orang Arab.”

Dalam bidang sastera, muncul hikayat-hikayat seperti *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Nabi Bercukur*, *Hikayat Raja Hendak (Khandaq)* dan *Hikayat Nur Muhammad*¹³². Kitab *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* karangan Tun Seri Lanang yang masyur itu ada mencatatkan tentang sebuah kitab yang bertajuk *Hikayat Muhammad Hanafiah* yang dibacakan kepada hulubalang Melaka pada malam terakhir sebelum perang dengan Portugis dalam tahun 1511M, sebagai membakar semangat jihad. Menariknya kitab-kitab yang disebutkan ini semuanya ada menceritakan tentang kisah-kisah ahlul-bait Rasulullah SAW.

Syair, tarian zapin, rebana, hadrah, marhaban dan qasidah¹³³ adalah bersumber dari budaya Hadhramaut yang divedok.

Budaya memakai serban dengan jenis lilitan yang khusus , amalan solat sunat qabliyyah sebelum solat Jumaat, doa khusus yang dibuat antara solat terawikh, pembacaan yaseen malam Jumaat, talqin, mengadakan upacara Maulidur Rasul kaedah Dibai dan Habsyi adalah amalan-amalan yang sama dan serupa di hampir semua tempat di Alam Nusantara ini. Begitu juga dengan aktiviti-aktiviti keagamaan yang lain seperti berzanji¹³⁴, kenduri as-Syura, perayaan 10 Muharram, amalan ratib, maulid dan tahlil; semua amalan-amalan ini dikaitkan dengan pengaruh budaya ahlul-bait Hadhrami yang dibawa oleh alim-ulamak mereka ke rantau ini di kurun-kurun terdahulu.

¹³¹ HMH Al-Hamid Al-Husaini, op. cit, hlm 203-208

¹³² *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, edisi A.Samad Ahmad, Dewan Bahasa Pustaka, 2003, hlm 268-269

¹³³ Marhaban dan qasidah amat popular di Hadhramaut. Ianya merupakan sejenis nyanyian tanpa muzik yang mengandungi perutusan ajaran Islam atau puji-pujian kepada Rasulullah SAW. Di Alam Melayu tradisi, senikata pada marhaban dan qasidah telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu supaya dapat difahami serta dihayati oleh pendengarnya. Ianya lazim dipersembahkan dalam upacara-upacara perkahwinan, berkhatan serta maulidur rasul.

¹³⁴ Berzanji merupakan salah satu teks maulid yang amat terkenal di Alam Melayu. Penyusunnya bernama Ja`far b. Hasan b. `Abd al-Karim b. Muhammad (1690-1764), seorang ahlul-bait Rasulullah SAW dari jurai Sayyidina Hussein RA, dilahirkan di Madinah. Amalan berzanji dibaca dalam upacara keagamaan seperti maulidur rasul dan aqiqah serta melawan gangguan jin. Seseengah tempat di Indonesia mengamalkannya sebagai amalan mingguan di masjid-masjid.

Apa yang menarik, kerana terlalu rapatnya hubungan umat Melayu dengan Hadhramaut, orang lelaki mereka juga memakai kain sarung dan memakan sambal sebagaimana yang dibuat oleh orang-orang kita (sedangkan bangsa Arab yang lain tidak berbuat demikian). Malahan dikatakan Bahasa Melayu banyak dituturkan oleh masyarakat di bandar-bandar utama dalam wilayah Hadhramaut¹³⁵.

Penulis berkesempatan menjadi tetamu kepada keluarga Sayyid al-Junaid dalam kunjungannya sekeluarga ke kota Tarim di Hadhramaut pada awal tahun 2006 Masihi. Beliau bukan sahaja berkesempatan menghadiri dua majlis maulid yang diadakan khusus untuk kaum wanita, malahan turut berkesempatan menjamah hidangan yang disediakan setiap hari oleh pihak tuan rumah selama seminggu keluarganya menumpang di sana.

Menakjubkan apabila penulis mendapati beberapa masakan yang disediakan bukan sahaja hampir menyerupai masakan Melayu, malahan terdapat beberapa hidangan yang serupa namanya dalam dunia Melayu seperti kerobok (keropok), sambal belacan, gado-gado, acar dan murtabak. Apabila ditanya, tuan rumah menyebut bahawa makanan tersebut adalah warisan yang diperturunkan oleh nenek moyang mereka. Malahan keakraban hubungan Hadhrami dengan dunia Melayu yang masih berterusan hari ini terbukti jika ditinjau bahawa hampir kebanyakan barang-barang yang diimport adalah dari Indonesia termasuklah yang asas seperti Maggie Mee, biskut, susu, ubat gigi, syampoo dan sebagainya¹³⁶.

Kesimpulan ;

Kuasa adalah segalanya. Gabungan kekuasaan dan kepimpinan yang karismatik dan berwibawa, atau 'berkuasa dan berdaya' seperti yang disebutkan pada bahagian awal bab ini merupakan suatu kekuatan yang ampuh, '*a winning combination*' yang mampu menghasilkan tamadun bangsa yang gemilang.

Sejarah perkembangan Islam membuktikan bahawa pada ahlul-bait Rasulullah SAW, akan didapatkan bekalan ramai dari kalangan

¹³⁵ D.Van Der Meulan and H. Von Wissman, '*Hadhramaut- Some of its mysteries unveiled*', Netherlands, 1931

¹³⁶ Tempayan dan batu giling juga boleh didapati di Hadhramaut. Rujuk Habib Muhammad bin Alwi al-Idrus al-Hadromi at-Tarimi, '*Peralatan tradisional di Kota Tarim*', Maktabah Tarim al-Hadisah, 2006. Persoalannya, apakah aspek-aspek masyarakat Nusantara yang diambil oleh masyarakat Hadhrami? Penulis belum mampu menjawab persoalan ini secara tepat Apa yang pasti, terdapat pertukaran ekonomi dan sosio-budaya di antara dua masyarakat ini natijah daripada ahlul-bait Hadhrami yang sering mengunjungi rantau ini sejak kurun berkurun, yang mana sebahagian daripada mereka kemudian pulang ke tanah air membawa legasi Nusantara.

mereka yang berdaya, berkaliber dan berkarismatik tanpa batasan tempat dan waktu. Dimana tanah mereka berpijak, dimana tempat langit dijunjung, kebanyakan ahlul-bait Rasulullah SAW sentiasa menyinarkan zat mulia, kepintaran, keperibadian, merit dan bakat kepimpinan. Umpama kayu kokka yang 'berbaka' paling tinggi diantara baka-baka kayu, begitulah mereka.

Alam Nusantara menjadi saksi kepada gabungan ampuh ini, yakni kuasa dan daya, ataupun gabungan kuasa dan kepimpinan berkaliber/berkarismatik. Regu kental umarak-ulamak, khususnya dari darah ahlul-bait Rasulullah SAW menyumbang kepada era keemasan Melayu Nusantara, tamadun gemilang yang setanding dengan tamaddun-tamaddun dunia yang lain pada zaman itu, mencakupi persoalan zahir batin, nilai, kod moral, sosio-politik, sosio-budaya dan estetika.

Gabungan kepimpinan umarak-ulamak ahlul-bait Rasulullah SAW sebagai regu yang ampuh, 'berkuasa dan berdaya', bergandingan membentuk dasar, halatuju dan gerakerja umat Islam di Alam Nusantara telah berjaya melahirkan alam pemikiran serta intelektualisme yang luas dan dinamik, suatu ketamaddunan bangsa yang tinggi, malahan mewujudkan kehidupan yang harmoni, sewawasan dan segagasan, seiring dan sehaluan, melayari dunia dalam kerangka dan kejiwaan agama Islam yang tulen.

Sehinggalah muncul penjajah British dan Belanda yang memudaratkan hubungan umarak-ulamak tersebut dengan mengenalkan sistem sekular. Sehingga terencat perkembangan tamadun bangsa, memudaratkan ilmu dan amalan Islam yang sebenar dan memecah belahkan massa Melayu Nusantara.

Semoga hakikat ini dapat membawa kepada kesedaran dan realisasi tentang kegemilangan sejarah Melayu Nusantara yang bertunjangkan hubungan yang akrab dengan zuriat Rasulullah SAW selama hampir 12 abad, iaitu bermula daripada Dinasti Sayyid Aziziyah di Perlak (Aceh kuno) pada abad ke 9 Masihi, sebagai regu umarak-ulamak yang ampuh. Moga ianya dapat dijadikan iktibar dan tauladan supaya dapat dipetik suis alam pemikiran kita tentang potensi bangsa yang sebenar.

Kerana di tengah-tengah massa Melayu Nusantara, banyak lagi baka 'kayu kokka' yang belum ditebang, banyak lagi mutiara yang belum digilap, banyak lagi batu delima yang belum digali, belum diambil faedah daripada nilaiannya yang tinggi, iaitulah bangsa Bani Hasyim atau ahlul-bait Rasulullah SAW yang berkembang biak di kalangan kita, pewaris umarak-ulamak tradisional, samada dari jurai Sayyidina Hassan, Hussein mahupun Abbas RA anhuma, seterusnya

dimanfaatkan untuk masa hadapan perkembangan tamaddun bangsa yang gemilang.

Rasulullah SAW pernah bersabda :

“ Sesungguhnya Allah memilih Kinanah dari anak Ismail dan memilih Quraisy dari Kinanah, dan memilih Bani Hasyim dari Quraisy serta memilihku dari Bani Hasyim. Maka aku berasal dari orang-orang baik, dari orang-orang baik, dari orang-orang baik. (HR Muslim)

“ Ahlul-baitku di tengah kalian ibarat bahtera Nuh. Siapa yang menaikinya ia selamat dan siapa yang ketinggalan ia binasa.” (HR At-Thabarani)

Dahulukanlah Quraisy dan jangan mendahului mereka”. (HR At-Thabarani)

Sekelumit Tokoh-Tokoh Ahlul-Bait Rasulullah SAW di Nusantara :
Jurai Hassan, Hussein dan Abbas

Melaka

Sayyid Abdul Aziz- Islamkan Raja Melaka, Qadhi Melaka
Maulana Sayyid Yusuff – Qadhi Melaka
Maulana Sayyid Menawar - Qadhi Melaka

Perak

Sayyid Hussein al-Faradz,
Sayyid Jalaluddin bin Sayyid Abdul Majid- Orang Kaya Menteri Paduka
Tuan
Sayyid Abu Bakar bin Sayyid Jalaluddin - Bendahara Perak
Sayyid Hussein bin Sayyid Jalaluddin – Orang Kaya Menteri Paduka
Tuan
Sayyid Shamsuddin bin Sayyid Abu Bakar -Orang Kaya Menteri Paduka
Tuan
Sultan-sultan Perak dari kesultanan Siak

Kedah

Syeikh Abdullah bin Ahmad b Syeikh Jaafar al-Quamiri¹³⁷
Syarif Aznan – Mufti bergelar Dato' Seraja Imam¹³⁸

Terengganu

Sayyid Muhammad bin Zainal Abidin al-Aidrus (Tokku Tuan Besar)
Sayyid Muhamad Zainal Abidin –Menteri Besar
Sayyid Abdul Rahman bin Muhammad al-'Aidrus (Toku Paloh) –
ulama/regu raja
Sayyid Abu Bakar bin Sayyid –Syekhul Ulama dan ahli Majlis Mesyuarat
Negeri
Sayyid Abdul Rahman
Semua sultannya dari jurai Tun Habib Abdul Majid

Johor

Tun Habib Abdul Majid¹³⁹-Bendahara Seri Maharaja Johor (induk 9
kesultanan)
Tun Habib Abdul Jalil /Sultan Abdul Jalil IV Johor
Sayyid Ahmad al-Attas - Mufti Johor pertama

¹³⁷ Disebut sebagai ulamak Yemen yang mengislamkan Maharaja Derbar Raja II, Kedah menjadi Sultan Muzaffar Shah. Pengislaman baginda langsung diikuti oleh para pembesar dan rakyat jelata

¹³⁸ Berketurunan dari Syarif-syarif Mekah. Menjadi penasihat diraja Kedah dan guru agama. Menurunkan keturunan ahlul-bait di Kedah, ditempat bernama Siputeh sekarang. Keturunannya masih ada yang memakai prediket 'Syarif, dan ada yang memakai prediket 'Sarih'

¹³⁹ Bakal menurunkan beberapa Kesultanan Ahlul-Bait termasuk Johor, Pahang dan Terengganu bermula 1699

Sayyid Muhammad al-Attas- Mufti Johor kedua
Sayyid Salim Ahmad al-Attas - Syekhul Islam
Al-Habib Alwi bin Tahir al-Haddad - ulama dan pengarang yang masyur di Indonesia dan Malaysia. Pernah menjadi Mufti Johor yang berjasa atas tugas mengeluarkan sebanyak 12,000 fatwa rasmi kerajaan Johor. Salah sebuah karangannya bertajuk *Sejarah Islam di Timur Jauh* (terjemahan oleh Muhammad Dhiya Shahab), menjadi rujukan pengkaji dan peminat sejarah.

Pahang

Sayyid Umar al-Attas- Perdana Menteri
Semua bendahara dari jurai Tun Habib Abdul Majid
Semua sultannya dari jurai Tun Habib Abdul Majid

Perlis

Sayyid Ahmad bin Sayyid Hussein Jamalullail – ulama mubaligh¹⁴⁰
Sayyid Hussein ibni Sayyid Harun Jamalullail – pendiri kerajaan ahlul-bait di Perlis

Kelantan/Pattani

Sayyid Jamaluddin Al-Hussein¹⁴¹ - mubaligh, nenek moyang kepada ramai ulama Kelantan-Pattani yang masyur. Juga nenek moyang kepada beberapa ahli Wali Songo
Sultan Adiluddin- pendiri kesultanan ahlul-bait Kelantan/Pattani lama
Long Baha- pendiri dinasti kedua kesultanan ahlul-bait Kelantan/Pattani lama
Syeikh Daud bin Syeikh Muhammad al-Bahrayn –Mufti negeri
Sayyid Jaafar bin Sayyid Alawi – Hakim Mahkamah Jenayah
Sayyid Muhammad bin Sayyid Alawi –Hakim negeri
Sayyid Mustafa al-‘Aidrus- Teku Makam Lama
Syeikh Said Barsisa – ulama dan tabib yang mengislamkan Raja Pattani¹⁴²
Syeikh Safiuddin -

Perlak Samudera Pasai

Sayyid Abdul Aziz –Pendiri Dinasti Aziziyah di Perlak
Syeikh Ismail – Islamkan atau mantapkan Islam di Pasai
Abdullah ibni Muhammad al-Muntasir- Pembesar
Sayyid Imaduddin al-Hussaini – mubaligh
Amir Muhammad bin Abdul Kadir al-Abbasi-mubaligh

¹⁴⁰ Bakal menurunkan keturunan yang bakal menerbitkan kerajaan ahlul-bait di Perlis

¹⁴¹ Nama lainnya ialah Sayyid Akbar, Sayyid Jamaluddin Al-Akbar atau Sayyid Hussein Jamadil Kubra

¹⁴² Berasal dari Hadhramaut. Sesetengah pihak berpendapat beliau seorang ahlu-bait, tetapi penulis masih mencari bukti lanjut

Acheh

Sayyid Ibrahim Syarif Hasyimsyah al-Jamalullail – Qadhi Malikul Adil dan bakal menurunkan zuriat pemerintah Kesultanan Ahlul -Bait di Acheh bermula tahun 1699M

Habib Abdul Rahman az-Zahir –Mangkubumi merangkap Menteri Luar Acheh

Sayyid Abdullah Teungku di Meulek –Wazir Rama Setia merangkap Panglima Perang tentera Aceh

Singapura

Sayyid Habib Nuh –Wali tersembunyi yang terkenal

Brunei

Syarif Ali –ulama mubaligh dan bakal menerbitkan kesultanan ahlul-bait pertama di Brunei

Pontianak

Sayyid Abdul Rahman al-Qadri – Sultan Pontianak Pertama yang menerbitkan kesultanan ahlul-bait Pontianak

Siak

Sayyid Ali bin Othman b Shihab - Sultan Siak Pertama yang menerbitkan kesultanan ahlul-bait Siak

Jakarta

Sayyid Salim bin Abdullah Ba Sumayr - Pengarang kitab masyur *Safinat an-Najah*

Habib Salim bin Jindan- seorang ulama dan daiee yang termasyur

Habib Hussein Abubakar al-‘Aidrus - Wali, terkenal juga dengan gelaran

Habib Keramat Luar Batang

Habib Usman Bin Abdullah bin Yahya- Mufti Betawi

Madura

Sayyid Abd Rahman al-Bayti - Penasihat agama Sultan Paku Nataningrat dalam Kesultanan Sumenep

Sayyid Syeikh Ba Faqih - Pembimbing agama kepada anak-anak raja selama 25 tahun

Jawa

Sunan Ampel- Surabaya

Sunan Giri- Gresik

Sunan Maulana Malik Ibrahim- Gapura, Gresik

Sunan Gunung Jati- mubaligh dan pendiri kesultanan ahlul-bait di Cirebon

Sunan Bonang-Tuban

Sultan Babullah- Sultan Ternate

Sunan Kudus- Kudus

Sunan Drajat-Lamongan

Sultan Hasanuddin- Pendiri kesultanan ahlul-bait di Banten¹⁴³

Habib Abubakar bin Muhammad as-Seggaf - ulama, khatam Ihya

Ulumiddin sebanyak 40 kali diikuti oleh murid-muridnya

Filipina Lama

Sayyid Abu Bakar - mubaligh, pendiri kesultanan ahlul-bait Sulu

Syariff Muhammad Kebungsuwan - mubaligh, pendiri kesultanan ahlul-bait Maguindanao

¹⁴³H.M.H Al-Hamid Al-Husaini, op. cit, hlm 216

Bahagian Ketujuh :

CORETAN-CORETAN PENGARANG

Bab 21: **Syair Rintihan Raja Melayu**

Assalamualaikum pemula bicara,
Kepada semua isi negara,
Hamba rakyat raja di pura,
Moga selamat aman sejahtera.

Pujian kepada Allah yang Esa,
Salawat junjungan Nabi sentiasa,
Ahlul-baitnya dirahmat sentosa,
Juga kepada sahabat (RA) berjasa.

Bicara kita bukan sembarang,
Terbit dari kalbu nan bimbang,
Ingin berkongsi sejarah gemilang,
Buat ibarah pedoman yang terang.

Bangsa Melayu pernah berdaulat,
Tulus budi tinggi martabat,
Memegang adat menjunjung syariat,
Pernah menempa zaman nan hebat.

Dimana raja di situ kerajaan,
Sudah tertakdir kurniaan Tuhan,
Raja Melayu nobat kedaulatan,
Hamba Melayu menjunjung sultan.

Demang Lebar Daun bangsawan gahara,
Asal leluhur keluarga bendahara,
Sang Nila Utama dijadikan putera,
Ijabkabulkan dengan si dara.

Sang Nila Utama bangsawan bertuah,
Demang Lebar Daun mengurnia daulah,
Negeri Palembang kerajaan diserahkan,
Raja Melayu ditabal sudah.

Raja-Bendahara satu zuriat,
Iskandar Zulkarnain asal hakikat,
Memutus bicara bersatu wa'ad,
Daulat! Bertambah daulat!

Demikian adanya sumpah setia,
Asal Melayu Bendahara tuannya,
Hamba Melayu amanah pundaknya,
Nila Utama diserah tonggaknya.

Wa'ad Melayu sudahlah terang,
Bangsa Melayu adatnya terbilang,
Raja Melayu manikam benderang,
Bendahara Melayu permata gemilang.

Tersebut kisah negeri Melaka,
Rakyat jelata berkapal belaka,
Ramai pedagang membuat harta,
Pesat dan masyur seisi kota.

Raja Melaka mendapat firasat,
Bermimpi Nabi (SAW) memberi amanat,
Allah hendak memberi mandat,
Supaya baginda menyebarkan syariat.

Raja Melaka gelisah nan amat,
Terkenang mimpi dapat hidayat,
Sekonyong baginda jadi terperanjat,
Anu baginda telah disunat.

Sayyid Abdul Aziz seorang ulamak,
Dari Jeddah membawa amanat,
Mengajar raja syahadah azimat,
Maka zahirlah segala alamat.

Ulamak keturunan Rasulullah (SAW),
Jolokan AHLUL-BAIT dalam sejarah,
Sama mendokong risalah dakwah,
Diberi kemuliaan duli Khalifah.

Sultan Muhammad nama diberi,
Menggerak dakwah tak kira hari,
Syariat Islam sudah terdiri,
Wajah bercahaya penuh berseri.

Maka masyurlah titah Sultan,
Agama Islam menjadi anutan,
Amal hakikat mencetus kesan,
Melaka menempa zaman keemasan,

Ulamak syariat ulamak tariqat,
Membimbing Raja amalan muafakat,
Gotong royong amalan rakyat,
Seisi negeri mendapat berkat.

Kesultanan Melayu rangkaian khilafah,
Ajaran Tauhid menjadi falsafah,
Mengikut amalan sunnah Rasulullah (SAW),
Sejahtera dunia serta akhirah.

Raja Melaka mencurah jasa,
Pencetus tamadun budaya bangsa,
Agama dan adat diadun mesra,
Bangsa Melayu jadi perkasa.

Bukanlah maksum Raja Melaka,
'Aib peribadi ada belaka,
Namun rakyat tetap dijaga,
Lindungi bangsa dari celaka.

Sultan Muhammad jasa tak hilang,
Sultan Muzaffar da'iee cemerlang,
Sultan Alauddin taqwa terbilang,
Sultan Mansur menempa gemilang.

Sultan Mahmud sejarahnya malang,
Mengikut kata fitnah petualang,
Bala turun Portugis menyerang,
Namun raja tetap berjuang.

Raja Melaka bermacam sejarah,
Suka dan duka dibuat ibarah,
Jasa dan bakti tetap dicurah,
Tonggak Melayu sedikit tak goyah.

Dalam sejarah Melayu nan panjang,
Banyak penjajah telah mendarang,
Penuh takabbur ajak berperang,
Raja dan rakyat mahu diganyang.

Orang Melayu penuh budiman,
Akhlag dan budi penuh santunan,
Namun agama jangan perlekehkan,
Badan dan nyawa galang gantikan.

Orang Melayu bertasawuff belaka,
Hubungan Allah sentiasa dijaga,
Bila si kafir nak buat celaka,
Jihad sabil isytihar senegara.

Bila penjajah isytihar perang,
Ulamak ke depan beri perangsang,
Bersama rakyat jadi hulubalang,
Raja Melayu turut berjuang.

Pesanan cerdik pandai terbilang,
Jikalau daulah hendak cemerlang,
Nawaitu agama perlu dipegang,
Nescaya terbit kerajaan gemilang.

Jika dibuat kerana Allah,
Umat Islam tak akan mengalah,
Nyawa dan badan sanggup diserahkan,
Bersama Tuanku duli Khalifah.

Umat mengharap syurga menunggu,
Di medan jihad saling membantu,
Walau maut muncul di pintu,
Wajah berseri sedikit tak buntu.

Zaman berzaman begitu keadaan,
Ulamak umarak satu fahaman,
Raja dan rakyat seperti sebadan,
Bangsa Melayu Allah daulatkan.

Apa nak buat dah takdir zaman,
Umat ditimpa penyakit Al-Wahn,
Cinta dunia takutkan kematian,
Fitnah rempuh berasak-asakan.

Sampai waktunya sudah tersurat,
Petualang Melayu mendapat kudrat,
Dengan Inggeris ambil muafakat,
Dari Illahi putuslah rahmat.

Petualang bangsa buat mudarat,
Pedoman baru berganti tempat,
Siapa kuat dia kudrat,
Tanah Melayu jangkitnya melarat.

Ditolak ketepi benar dan salah,
Dinilai kira, menang dan alah,
Sesuka hati adat diubah,
Akhirnya Melayu mendapat tula.

Aturan lama tiadalah tempat,
Pusaka bangsa kini merempat,
Inggeris durjana masihlah sempat,
Agama dan adat sering diumpat.

Aturan Melayu Inggeris membenci,
Ke sana-sini mencaci-caci,
Aturan bangsanya sering dipuji,
Konon sempurna tiada yang keji.

Bangsa Melayu binasa adat,
Raja Melayu luput hakikat,
Tanah Melayu hilanglah daulat,
Bumi bertuah Inggeris mendapat.

Sudah suratan apalah malang,
Petaka bangsa tak dapat dihalang,
Warisan murni runtuhlah tiang,
Permata Melayu sudahlah hilang.

1957 Malaysia merdeka,
Sorak sorailah semua belaka,
Apalah malang musibah tak leka,
Bangsa Melayu masih celaka.

Mengapa daulah tidak dipulangkan,
Secara mutlak pada kesultanan,
Sebagaimana dahulu resmi kerajaan,
Sebagai mengikut aturan Tuhan.

Mengapa sekular negara diserah,
Kepada bangsa menjadi barah,
Kemelut Melayu tak sudah-sudah,
Semakin lama semakin parah.

Wahai cucunda Raja-Raja Melayu,
Hibanya hati nenda nan sayu,
Payungi kembali agama wahyu,
Jangan biarkan bangsa melayu.

Istilah Melayu hakikatnya terang,
Ciri tasawuff bukan sembarang,
Tawadhu' diri sifat cemerlang,
Ujub takabbur semuanya hilang.

Bangsa Melayu tinggi ruhaniyyat,
Dengan Allah diri diikat,
Alam akhirat selalu diingat,
Membuat kebajikan itulah tekad.

Wahai cucunda Raja Melayu sekelian,
Rintihan nenda sila dengarkan,
Tampil kembali sila ke depan,
Bangsa Melayu perlu ketuanan.

Perintah negeri amanat Tuhan,
Telah sedia adat dan aturan,
Pelihara rukun zaman berzaman,
Bangsa Melayu tetaplah aman.

Demi Allah demi RasulNya (SAW),
Cunda semua peganglah daulahnya,
Jadi payungan Melayu semula,
Jadi pelindung adat agama.

Pulihkan semangat, maruah bangsa,
Hakikat Melayu kembalikan bisa,
Walau kuasa yang tinggal sisa,
Jangan sekali berputus asa.

Ketuanan Islam harap kembalikan,
Keluhuran adat tolong pulihkan,
Adat dan agama jangan pisahkan,
Ia umpama nyawa dan badan.

Raja Melayu menjaga negeri,
Umat Melayu kembali berdiri,
Bersama meredah onak dan duri,
Naungan Allah pasti kembali.

Kita berjumpa di akhirat kelak,
Berkumpul sama jemaah umarak,
Dengan Allah kita menghadap,
Moga diterima amal mujarab.

Sekian bicara kita adanya,
Raja Melayu dari makamnya,
Kepada semua raja rakyatnya,
Moga mendapat faedah darinya.

Intaha.

Bab 22 :

Sayang-Sayang Jangan Sampai Naik Tocang

Wahai saudaraku!

Atas nama muhibbah, kesatuan dan perpaduan kaum, maka kalau nak bersayang, bersayanglah. Kalau nak berkasih, berkasihlah. Kalau nak berjanji-setia, silakanlah! Tapi waspadalah, jangan sampai sayang kita kepada mereka menjadi keterlaluan sehingga sanggup membiarkan maruah diri diinjak-injak, jangan sampai kasih kita kepada mereka melampau-lampau sehingga sanggup menikam bangsa sendiri dari belakang, jangan sampai sanggup berjanji setia sehingga lupa batasan, sehingga Agama Islam yang menjadi warisan dan junjungan leluhur bangsa tergolok tergedai dek terikut-ikut sangat pada tuntutan-tuntutan mereka yang semakin hari semakin menjadi-jadi.

Soalnya, berbaloikah kita mencurahkan segunung kasih sayang dan sepenuh jiwa raga kepada mereka? Adakah curahan kasih sayang kita mendapat balasan yang setimpal? Acapkali, apa yang terjadi adalah umpama pepatah *'betis ku beri, peha yang kau minta'*, *'madu ku beri, tuba kau balas'* !!

Sayang dan kasih kita kepada mereka yang tiada berbatasan, terleka dan lalai, sehingga alpa memelihara kepentingan bangsa dan agama sendiri, telah mencetuskan sebilangan daripada golongan mereka yang *'naik tocang'* dan bermaharajalela menuntut itu dan ini, yang mana tuntutan-tuntutan itu termasuk yang mencampuri hal ehwal rumahtangga bangsa kita, adat dan agama. Sampaikan kesucian adat, budaya dan hukum-hakam agama kita pun menjadi bahan cemekan, provokasi dan cabar-mencabar, dituntut supaya kita meninggalkan warisan leluhur tradisi bangsa yang telah menjadi tunjang dan tulang belakang bangsa kita untuk beratus-ratus tahun, konon atas nama perpaduan kaum yang berbilang bangsa, demokrasi, mengikut arus kemodenan, perkampungan global dan sebagainya.

Konsep *'give and take'* atau sikap bertolak ansur serta bertimbang rasa yang sekian lama menjadi fitrah bangsa kita kini secara praktisnya menjadi *'we give, give, give, you take, take, take'*.

Mengapa acapkali cinta, kasih sayang dan kesetiaan kita sahaja yang ditagih, dituntut untuk dibuktikan? Mengapa tidak mereka pula yang buktikan kasih sayang dan kesetiaan, kalau benarlah perasaan yang luhur itu wujud dalam sanubari mereka?

Kalau benar kasih sayang kita dihargai, apatah lagi dibalasi, cuba tuntutan perasaan hormat kepada perkara-perkara yang istimewa dan sakral bagi kita seperti warisan adat dan syariat. Mengapa balik-balik kita sahaja yang dituntut untuk meleburkan sempadan, meratakan batasan, mengorbankan hak dan kepentingan bangsa dan agama, atas nama muhibbah dan kasih sayang, kesatuan dan perpaduan kaum? Mengapa asyik kita yang perlu mengalah?

Cerita ini bukanlah baru, tetapi telah berulang kali berlaku semenjak beratus-ratus tahun dahulu. Sejarah bangsa dan agama kita yang panjang telah memperlihatkan lagi dan lagi, natijah daripada curahan kasih sayang dan kesetiaan yang membuta tuli dan kurang berpada, telah membawa padah, sehingga membawa mudarat dan memusibahkan bangsa.

Tidak perlu memandang pada kejauhan demi mencari iktibar. Cukuplah membuka mata kepada apa yang menimpa saudara sebangsa dan seagama di negara jiran Singapura. Iktibar yang baik sebagai membuktikan bahawa kasih sayang kita, yang jika tidak dibendung dengan batasan adat dan agama, akan disia-siakan, tidak akan dibalas, umpama '*mencurahkan air ke daun keladi*'. Malahan telah mengorbankan kepentingan diri, bangsa dan agama sebagai anak jati kota Singa yang sebenar, luput kehormatan, jatuh martabat, menjadi rakyat kelas bawahan, terhimpit di tengah-tengah kecanggihan serta kemodenan tanah air sendiri.

Hakikatnya, kita telahpun diberi amaran oleh Dia yang Maha Esa, Dia yang Maha Pencipta, Dia yang Maha Mengetahui, iaitulah Tuhan seru sekalian alam, Allah Rabbul Jalil. Melalui kalam RasulNya SAW, kita telahpun diperingatkan berkali-kali tentang kepalsuan dan perdaya kebanyakan daripada mereka, malahan telahpun diberi amaran keras tentang ancaman-ancaman mereka.

Allah SWT telah memberi amaran bahawa mereka semua adalah sama, satu millat (cara hidup). Batil dan batal. Apabila disuruh memilih, sebahagian besar daripada mereka tetap akan memilih cara mereka yang batil dan batal itu. Kalau berlaku krisis, mereka akan bersatu menentang kita, membaham, meratah dan mengeronyok saudara-saudara kita, umpama orang-orang lapar yang disajikan makanan yang enak-enak di atas hidangan, dengan lahapnya diratah-ratah makanan tersebut penuh kerakusan!

Walaupun tidak semua mereka begitu, tetapi cukuplah daripada banyak pengalaman sejarah, termasuk sejarah bangsa kita sendiri, malahan daripada apa yang terpapar dalam peristiwa-peristiwa semasa, untuk kita mengambil iktibar dan teladan, supaya berhati-hati apabila

berurusan dengan mereka, apatah lagi tentang perkara-perkara yang melibatkan kepentingan bangsa dan agama.

*Anak Che Limah di simpang empat,
Nampak musang berlari-lari,
Bangsa Melayu bukan merempat,
Mengapa hina diri sendiri.*

*Beras diisi dalam ketupat,
Hendak dijual di pasar Deli,
Bangsa Melayu hidup beradat,
Agama jangan dijual beli.*

*Ikan tenggiri ikan gelama,
Sambal belacan enak disaji,
Manusia mati tinggalkan nama,
Jangan mati bersepah keji.*

*Dayung ku dayung melayar sekoci
Sayup ku pandang pulau bersegi,
Siapa khianat agama yang suci,
Di alam akhirat mendapat rugi*

Perlembagaan Negara dan Hak Asasi Manusia

Apakah yang kita faham tentang Perlembagaan Negara Malaysia, tentang hak asasi dan kebebasan manusia, tentang realiti kehidupan masyarakat pluralistik atau berbilang kaum?

Sebagai umat Islam yang berpegang kepada konsep TAUHID, yakni segala-galanya adalah berputar, berpusat dan berpaksi kepada keEsaan ALLAH SWT sebagai Tuhan yang mencipta sekalian alam ini, maka berlandaskan kepercayaan ini, apa jua prinsip atau undang-undang yang digubal, hatta atas nama keamanan dan kesejahteraan manusia sejagat dalam perkampungan global ini, yang pada zahirnya nampak murni dan muluk-muluk belaka, namun tidak ada ertinya sama sekali jikalau tidak bersandarkan kepada *accountability* atau pertanggungjawaban manusia kepada Allah sebagai Khaliq.

Terlebih malang jikalau pertanggungjawaban umat Islam sendiri kepada Allah digantikan dengan pertanggungjawaban kepada hamba-hamba ciptaanNya semata-mata, secara mutlak dan muktamad, kerana umat Islamlah yang patut lebih insaf akan siapa Tuhan dan siapa

hamba. Patut lebih kenal akan Allah daripada golongan yang tidak beriman. Tidak ada alasan lagi tentang hal ini.

Jikalau Allah SWT tidak diletakkan sebagai Tuhan dan Tuan yang sebenar, maka berlakulah suatu tragedi makhluk yang paling parah, iaitu penyembahan kepada yang selain daripadaNya. Maka terbuka luaslah pintu-pintu fitnah dan unsur-unsur kebatilan yang bakal menjemput berbagai kegawatan serta kecelakaan manusia dan 'alami.

Iaitu apabila perkara-perkara yang hak disamakan dengan yang batil, ketuanan Islam digantikan dengan ketuanan orang-orang kafir yang kini menjadi 'khalifah-khalifah' bumi, beserta sistem-sistem mereka yang banyak mencetuskan budaya dan Tamadun tidak bertuhan, tidak bermoral, syirik dan khurafat. Orang-orang Islam menjadi sama nilai dan semartabat dengan orang-orang kafir; nilai, tafsiran dan neraca Islam digantikan dengan orang-orang kafir Barat; undang-undang Islam diselaraskan atau diletakkan di bawah kaki undang-undang kafir Barat yang sentiasa diuar-uarkan sebagai yang paling baik, molek, adil dan berperi kemanusiaan .

Penyembah-penyembah hawa nafsu ini telah memeloporkan prinsip ketuanan dan keagungan manusia yang mutlak dan muktamad, yakni SISTEM SEKULAR (sistem pengasingan agama dari segala urusan kehidupan manusia di bumi), bebas bersuara dan bertindak sesuka hati asal sahaja tidak mengganggu ketenangan dan kesejahteraan awam serta unsur-unsur moral yang bersifat subjektif. Itu '*bottomline*' nya, selainnya, '*anything goes*'.

Maka terbitlah undang-undang yang bertuhankan nafsu, dihukumkan harus untuk bertukar-tukar agama kerana dakwanya agama semua bertaraf sama yang membawa kebaikan, tiada salahnya memadu asmara di khalayak ramai kerana bercumbuan tidak lain hanyalah suatu ekspresi cinta yang kudus, tidak salah bagi pasangan yang belum berkahwin tinggal serumah konon untuk menguji keserasian, sila dedah-dedahkan batang tubuh anda kerana anda harus berbangga dengan 'anugerah Tuhan', halalkan perkahwinan sejenis kerana itu hak asasi manusia, silakan bercakap secara bebas lepas atas nama kebebasan bersuara, walaupun ia menyangkut perkara khurafat dan syirik, jom berkongsi keramaian agama masing-masing sebagai menunjukkan perpaduan dan kasih sayang antara manusia berlainan kaum, hari ini saya sembah Tuhan kamu, esok kamu pula sembah 'tuhan' saya.

Bagi mereka ini semua tidak mengapa, tiada salahnya, kerana '*love conquers all*' atau cinta mengatasi segalanya! Atau dalam

praktisnya ‘*cinta menghalalkan segalanya*’ !?! La haula wala quwatailla billah....

Konsep ‘*cinta mengatasi segalanya*’ yang nampak muluk dan sering diuar-uarkan dalam rangkaian media propaganda Yahudi dan Nasrani (khususnya di filem-filem Hollywood) mengelabui realiti sebenar. Jangan sampai kita mudah terpedaya, apatah lagi konsep tersebut yang bersumber daripada falsafah ‘*tuhan itu cinta*’ (*god is love*) hakikatnya adalah doktrin agama Nasrani. Atas prinsip ini, mereka menghalalkan segala-galanya kerana bagi mereka cinta itu sudah cukup untuk kesejahteraan manusia di mukabumi ini, kerana kononnya ‘tuhan’ telah melakukan pengorbanan paling besar untuk mencuci dosa manusia atas dasar cinta (iaitu peristiwa Nabi Isa disalib), walhal hakikatnya Nabi Isa AS telahpun diangkat ke langit oleh Allah SWT.

Dalam konteks masyarakat kita yang bersifat majmuk ini, kita perlulah sentiasa beringat dan berwaspada, iaitu dalam keghairahan melaksanakan berbagai program muhibbah dan perpaduan kaum, dengan semangat yang berkobar-kobar untuk berkongsi cinta dan kasih sayang, sehingga sanggup berkongsi segala-galanya dengan mereka, hatta perayaan agama dan kebudayaan yang termasuk unsur-unsur syirik dan khurafat, pastikan jangan sampai kebatilan mereka menyelinap dan menular masuk ke dalam kelompok kita, sehingga kehendak-kehendak Allah sendiri dibelakangkan.

Jangan sampai kita mudah terpedaya dan dikelirukan dengan konsep ‘*love conquers all*’ itu, terperangkap dengan racun ‘*cinta yang (kononnya) menghalalkan segala-galanya*’, sibuk dengan agenda-agenda dan program-program ‘mengahwinkan’ serta mencampur-baurkan semua kaum-kaum di Malaysia yang berlainan adat dan agama itu bagi melahirkan ‘bangsa Malaysia’, sehingga terpaksa berkompromi dengan hukum adat Melayu yang sakaral dan syariat Islam yang suci.

Dalam negara Malaysia yang tercinta ini, kita diperingatkan berkali-kali betapa sakaralnya peraturan-peraturan yang termaktub dalam Perlembagaan Negara yang digubal oleh pejuang-pejuang kemerdekaan, yang mana sebilangan pihak menguar-uarkan tentang sekularisme sebagai doktrin perlembagaan bagi mencerminkan realiti masyarakat pluralistik atau berbilang kaum yang mulai muncul secara beramai-ramai pada zaman penjajahan British di awal abad ke 20 Masihi.

Persoalannya, adakah negara Malaysia wujud secara tiba-tiba secara ajaib selepas tahun 1957 tanpa sebarang latarbelakang sejarah,

politik, sosio-budaya mahupun warisan-warisan lama yang panjang, penting dan berkesinambungan itu?

Apakah kita mahu melupakan realiti sejarah bangsa Melayu dan agama Islam yang telah menapak selama lebih 600 tahun lalu dengan kesultanan-kesultananannya yang hebat dan berdaulat, berTamadun cemerlang, yang pernah menjadikan Kanun Adat dan Syariat sebagai undang-undang negeri, sehingga Melayu menempa mercu di pentas politik dunia?

Atau tentang perencanaan dan campur-tangan penjajah barat (khususnya British) yang sememangnya tidak mahu kita kembali kepada asal-usul dan warisan leluhur yang gemilang itu, lalu **memaksa** Raja-raja Melayu menurunkan tandatangan sebagai tanda persetujuan kepada sistem pemerintahan berbau sekular bermula dengan Perjanjian Pangkor di Perak dalam tahun 1874, kemudian menular kepada negeri-negeri Melayu yang lain, juga secara paksaan?

Adakah kita mahu meletakkan nilai picisan kepada perjuangan nenek moyang kita yang menumpahkan air mata, darah dan keringat yang banyak dalam menentang penjajahan British semata-mata kerana tidak mahu undang-undang yang berpegang pada ketuhanan Allah yang Maha Esa, digantikan dengan undang-undang yang 'mentuhankan' manusia, materialisme dan hawa nafsu, iaitu sistem sekular yang penuh kebatilan itu?

Apakah kita mahu melepaskan secara cuma-cuma ketuanan bangsa Melayu mahupun pertuanan Raja-raja Melayu yang telah memerintah dengan daulat, berkat dan rahmat semenjak kurun ke 14-15 sebagai khalifah-khalifah Rasulullah SAW di tanah air kita yang tercinta ini?

Atau ketuanan Islam di muka bumi ini?

Atau ketuhanan Allah sebagai Raja bagi segala raja, Pencipta bagi segala-galanya yang terbentang luas di cakerawala ini?

Siapa yang patut dipertahankan, Allah SWT dengan segala aturanNya, ataupun sistem sekular yang mentuhankan manusia menggantikan Pencipta mereka??

Sedangkan Perlembagaan Malaysia pun ada tertera tentang pertuanan Raja-raja Melayu dan keutamaan Islam walaupun tidak sejelas dan semantap di zaman Melayu tradisi, yakni era tertegaknya Kanun Adat dan Syariat.

Harus jelas, atas pertanggungjawaban siapa pihak Majlis Fatwa Kebangsaan memutuskan sesuatu hukum?

Atas pertanggungjawaban siapa pihak Yang Arif para hakim membuat penghakiman mereka?

Atas pertanggungjawaban siapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan menteri-menteri kabinet mentadbir negara?

Atas pertanggungjawaban siapa KDYMM Yang Dipertuang Agung serta Raja-raja Melayu sekalian melaksanakan peranan sebagai ketua-ketua negara dan negeri?

Pertanggungjawaban atas nama Perlembagaan Malaysia?

Perlembagaan Malaysia pertanggungjawabannya kepada siapa? Raja? Rakyat? Raja dan rakyat pertanggungjawabannya kepada siapa?

Mana duduknya pertanggungjawaban kepada Allah Jalla Jallaluh sebagai Tuhan dan Tuan yang sebenar? Sudah tertera dalam Perlembagaan Malaysia? Kalau sudah, Alhamdulillah, tetapi kalau belum moleklah diperbaiki, atas suatu alasan yang mudah, iaitu kita semua sebagai hamba-hamba Allah yang hina-dina ini pertanggungjawabannya adalah semata-mata kepadaNya sebagai Pencipta makhluk dan alam yang Maha Esa.

Hakikatnya, Allah beri mandat kepada Ulil Amri untuk mentadbir segala urusan hamba-hambaNya. **Itu mandat Allah, bukan mandat rakyat.** Dalam hal ini, DYMM Yang Dipertuan Agong dan Raja-raja Melayu adalah ketua-ketua pemerintah, yang mengambil mandat Allah SWT sebagai khalifah-khalifah Rasulullah SAW atas umat Islam berbangsa Melayu, selain bangsa-bangsa lain yang berpayung bawah naungan baginda. **Bermakna pertanggungjawaban baginda sekalian adalah kepada Allah SWT.**

Manakala Perdana Menteri, menteri-menteri kabinet dan pemimpin-pemimpin yang lain mentadbir negara atas mandat dan amanah baginda sekalian (sekali lagi, bukan atas mandat rakyat). Bermakna pertanggungjawaban mereka adalah kepada Raja-raja Melayu yang memerintah atas mandat Allah itu. Rakyat pula sudah tentu duduknya di bawah pertuanan DYMM Yang Dipertuan Agong dan Raja-raja Melayu.

Itulah hakikatnya sistem pemerintahan yang memegang mandat Allah. Negara Malaysia yang merdeka merupakan gabungan kesultanan-kesultanan Melayu yang realitinya hari ini diletakkan bawah

pernaungan Perlembagaan Negara. Maka jikalau perlembagaan kita tidak meletakkan pertuanan Raja-raja Melayu sebagai khalifah-khalifah atau ketua-ketua negara mengikut hukum Islam, maka perlulah diperbaiki kepincangan tersebut supaya jangan sampai pemimpin-pemimpin kita terpaksa bersoal-jawab dan dipertanggungjawabkan atas kesalahan besar itu di hadapan Mahkamah Illahi pada Hari Perhitungan kelak.

Sekurang-kurangnya perlu ada inisiatif untuk meningkatkan kembali peranan Institusi Raja-Raja Melayu sebagai tonggak bangsa dan agama yang berdaulat, memberi kesedaran kepada baginda sekalian tentang peranan sebagai khalifah-khalifah Rasulullah SAW yang mengambil mandat Allah di mukabumi ini sebagaimana tanggungjawab yang dilaksanakan dengan penuh keinsafan oleh nenek-moyang Raja-raja Melayu dahulukala sebelum penjajahan British merosakkan teras pemerintahan tradisional orang-orang Melayu yang bertunjangan Hukum Adat dan Syariat itu.

Selain itu perlu ada inisiatif untuk melindungi serta mempertahankan kedudukan Agama Islam dalam martabat paling atas dalam Perlembagaan Malaysia serta berusaha pula untuk memantapkannya peringkat demi peringkat.

Perlembagaan Malaysia bukan kudus dan sakral, perintah-perintah Allah itulah yang kudus dan sakral. Perlembagaan Malaysia boleh menjadi sakral apabila ia secara TEGAS, TELUS, TULUS mengisytiharkan Islam dan Institusi Raja-raja Melayu sebagai tonggak paling atas dalam sistem pemerintahan negara Malaysia ini.

Jikalau suara-suara sumbang mengapi-apikan kenyataan bahawa pejuang-pejuang kemerdekaan Malaysia bertanggungjawab penuh dalam meletakkan sistem sekular sebagai batu asas kepada perlembagaan negara Malaysia yang merdeka, dan kita sebagai generasi-generasi kemudian tidak boleh membetulkan kesilapan pejuang-pejuang kemerdekaan itu (yang tentunya tidak *maksum*) dalam sebahagian daripada apa yang mereka perjuangkan (yakni sistem sekular), maka jawabnya tepuk dada tanyalah iman.

Kalaupun doktrin sekular sememangnya dipersetujui dan diletakkan oleh pejuang-pejuang kemerdekaan kita sebagai batu asas kepada perlembagaan negara Malaysia, maka pertamanya, perlulah dikaji semula secara halus dan terperinci, atas latarbelakang sejarah dan maslahat siasah apakah doktrin tersebut digubal (iaitu tentang agenda penjajah British yang tersirat). Keduanya, bahawa sistem yang terang-terangan bersifat syirik dan membelakangkan Islam ini merupakan suatu **sumpahan kepada ummah sejagat**, mengekang

potensi mereka yang sebenar, umpama harimau yang dikandang dalam jaringan besi, hanya berupaya mendengus dan mengaum hebat sambil menyeringa mempamirkan gigi-giginya yang besar dan tajam, namun langsung tidak digeruni oleh pemerhati-pemerhati di sekelilingnya kerana harimau tersebut dikekang oleh jaringan-jaringan besi yang mengandangnya.

Jangan sampai atas nama doktrin perlembagaan yang sekular, gejala-gejala liberalisme (baca: bebas lepas dan bebas laku) dibiarkan mentancapkan akar umbinya dalam masyarakat kita, hak kebebasan bersuara tanpa batasan menjadi alasan untuk kaum-kaum lain campur tangan dalam rumah tangga bangsa dan agama kita, hak asasi kemanusiaan (tafsiran Barat) mengatasi hak-hak Allah atas hamba-hambanya. Jangan sampai kita menjadi dayus dalam gelanggang sendiri, berpeluk tubuh dengan cabaran-cabaran dan provokasi-provokasi yang cuba-cuba melaga-lagakan undang-undang manusia (baca: Barat) dengan undang-undang Allah SWT atas nama perlembagaan sekular.

Hakikatnya, adalah suatu yang silap untuk mengamalkan sistem sekular dalam mana-manapun pemerintahan negara-negara umat Islam termasuklah di tanah air kita yang tercinta ini.

Ingatlah, pemimpin-pemimpin umat Islam termasuk pemimpin-pemimpin kita adalah memerintah atas mandat Allah, bukan mandat rakyat. Pertanggungjawaban kita semua adalah kepada Allah dan Dia telah mengaturkan struktur pentadbiran makhluk dan alam yang lengkap, sempurna dan berkesan, termasuklah dalam persoalan-persoalan orang-orang bukan Islam, binatang-binatang yang melata, tumbuh-tumbuhan, cakerawala mahupun kejadian-kejadian ghaib seperti alam jin. Jikalau Allah sudah meletakkan kepala di atas tubuh badan, kenapa pula makhluk cuba memandai-mandai meletakkan kepala di bawah telapak kaki, lalu meletakkan kaki pula atas kepala, tidak ke haru-biru jadinya !!

Ketuanan Islam dan Pertuanan Raja-raja Melayu

Wahai saudaraku!

Bukan tak boleh sayang, tapi biarlah bertempat. Program-program muhibbah dan perpaduan kaum adalah usaha-usaha yang baik dan murni demi memelihara keamanan dan kesejahteraan rakyat yang berbilang bangsa dan agama di Malaysia ini.

Bagaimanapun sebagai umat Islam, kita perlu sentiasa beringat tentang amaran-amaran Allah SWT mengenai dendam Iblis laknatullah serta programnya untuk menyesatkan anak cucu Nabi Adam AS sehingga sampai Hari Kiamat nanti.

Dalam surah Al-Hijr ayat 39-40 telah disebut:

“ Ya Tuhanku! Oleh sebab Engkau telah memutuskan bahawa aku sesat, pasti aku akan menjadikan mereka memandang baik (perbuatan maksiat) di mukabumi, dan pasti aku akan menyesatkan mereka semua, kecuali hamba-hamba Engkau yang mukhlis (bertaqwa) diantara mereka.”

Firman Allah SWT di tempat yang lain :

“ Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak suka kepadamu kecuali kalau kamu turut agama mereka. Katakanlah, sesungguhnya petunjuk Allah itulah sebenar petunjuk. Demi, jika kamu turut kemahuan mereka, setelah kamu mendapat pengetahuan, tidak adalah bagimu wali dan penolong dari (siksa) Allah.” (Al-Baqarah : 120)

Firman Allah SWT lagi :

“ Apabila datang kepada engkau orang-orang munafiq, mereka berkata : Kami menjadi saksi bahawa engkau (Ya Muhammad) sungguh Rasul Allah. Allah mengetahui, bahawa engkau RasulNya dan Allah menjadi saksi (mengetahui) pula, bahawa orang-orang munafiq itu dusta. Mereka jadikan sumpah mereka (bahawa mereka Muslim) untuk memelihara (melepaskan diri mereka), lalu mereka menghalangi (manusia) dari jalan (agama) Allah. Sungguh amat jahat apa-apa yang mereka kerjakan. Demikian juga, kerana mereka beriman (pada zahirnya), tapi kafir (pada batinnya), lalu ditutup mata hati mereka, sehingga mereka tiada mengerti.” (Al-Munafiqun : 1-3)

Berdasarkan peringatan-peringatan keras dari Allah SWT melalui FirmanNya, kita sebagai umat Islam perlulah berhati-hati dengan perangkap syaitan dan Iblis yang ramai askar-askarnya termasuklah dari kalangan orang-orang kafir dan golongan munafiqun yang menyelinap di tengah-tengah kelompok umat Islam sendiri. Malahan kita ada banyak fakta-fakta sejarah sebagai hujjah tentang mara bahaya ini. Ambillah iktibar dan teladan daripada sejarah jatuh-bangunnya bangsa umat-umat Islam di merata mukabumi ini.

Maka dalam keghairahan melaksanakan program-program muhibbah dan perpaduan kaum, pastikan batasan adat dan agama kita tetap terpelihara dan terlindung daripada unsur-unsur kebatilan dan

kesesatan agama-agama lain yang tidak ada ruang langsung di sisi Allah SWT. Jangan sampai saudara-saudara seagama kita mendapat tempas kebatilan mereka, mengganti Tuhan, daripada menyembah Allah kepada penyembahan yang selainNya seperti pemujaan materialisme dan hawa nafsu yang tidak ada kesudahannya itu.

Sehinggalah kebatilan mereka menular pantas dalam kelompok kita, menyelinap masuk ke gelanggang, rumah tangga, hatta bilik tidur-bilik tidur kita, menjadi duri dalam daging, mencetuskan berbagai masalah dan penyakit sosial yang kronik dalam masyarakat, jelek, sadistik, malahan berbau unsur-unsur '*satanic*' yang syirik ! Maka terlaksanalah cita-cita syaitan dan Iblis yang memperalatkan mereka untuk menyesatkan kelompok kita, bakal menempa azab Allah Jalla Jallaluh yang tiada berkesudahan di Hari Akhirat nanti. Nauzubillah....

Kesimpulannya; sayang biarlah bertempat.

Ingatlah bahawa tanah air kita yang pernah bernama Semenanjung Tanah Melayu ini bukan sahaja mempunyai majoriti rakyat berbangsa Melayu beragama Islam, malahan yang terlebih penting, mempunyai warisan sejarah yang panjang dan penting sebagai daulah-daulah Islamiyyah dalam bentuk kesultanan-kesultanan Melayu.

Semenanjung Tanah Melayu adalah milik orang-orang Melayu secara turun temurun, sebagaimana negara-negara lain juga menjadi milik bangsa-bangsa mereka seperti China, India, Eropah, Russia, negara-negara Arab dan banyak lagi. Leluhur kita mengamalkan gagasan MELAYU ISLAM BERAJA, dengan pengamalan Kanun ADAT MELAYU dan SYARIAT ISLAM, walaupun belum lengkap dan sempurna, tetapi masih dalam kerangka pemerintahan Islam, sekali-kali bukan sekular !!

Patut-patutlah kita sentiasa beringat tentang kedudukan dan hak istimewa orang-orang Melayu yang sudah tentunya beriman ini, kerana status ketuanan Islam di sisi Allah SWT dan warisan sejarah Melayu yang lama, dengan pertuanan Raja-Raja Melayu adalah gabungan ampuh yang seharusnya memartabatkan kita sebagai khalifah di bumi bertuah ini.

Jangan dilupakan warisan yang sakaral ini, hanyasanya atas asakan-asakan dan desakan-desakan mereka yang jahil pada hakikat sejarah Tanah Melayu yang sebenar, apatah lagi asakan-asakan dari mereka yang bukan Islam.

Dalam hal ini kita perlu isytihar atau gazetkan secara terang dan nyata, secara TEGAS, TELUS, TULUS, tentang apakah batasan-batasan

yang sakaral, istimewa dan penting bagi kita. Kita tidak akan berkompromi dalam hal-hal tersebut dan Perlembagaan Negara Malaysia perlu ditegakkan, ditegakkan semula ataupun dipertahankan atas asas-asas ini, iaitu :

Pertama :

Tentang Pertuanan Raja-raja Melayu sebagai tonggak bangsa dan agama Islam yang berdaulat, bukan atas dasar simbolik semata-mata

Kedua :

Tentang Ketuanan dan Hak Istimewa Agama Islam dan orang-orang Islam. Tentang status umat Melayu dalam golongan Ahlus-Sunnah Wal-Jamaah dengan Mazhab Syafiee sebagai mazhab resmi negara.

Ketiga :

Tentang Hak Istimewa orang-orang Melayu khususnya di Semenanjung Tanah Melayu sebagai pemilik tanah air ini semenjak berkurun lamanya.

Keempat :

Menolak fahaman sekularisme dan liberalisme sebagai dasar pemerintahan negara

Marilah sama-sama kita saling ingat-memperingatkan supaya jangan sampai kerangka dan struktur pemerintahan Tanah Melayu menjadi hamba kepada sistem demokrasi-sekularisme-liberalisme yang mempunyai pertahanan semulajadinya yang bukan sahaja menjamin kelahiran demi kelahiran generasi-generasi umat Melayu yang terjajah mental dan budayanya serta sentiasa bersifat pro-Barat (Yahudi dan Nasrani), malahan ia juga dapat memastikan semakin lama semakin terpisah Bangsa Melayu daripada hakikat leluhurnya.

Jikalau perhambaan kepada sistem batil ini dibiarkan terus mendominasi serta mengongkong tanah air kita yang tercinta ini, tanpa segera dibendung khususnya melalui peranan Raja-Raja Melayu, Institusi-Institusi Melayu, Institusi Ulamak syariat dan tasawuff serta ahli-ahli masyarakat yang mempunyai Zikr, Fikir dan Fi'il amal soleh yang *kaffah* (total), yang cenderung agar budaya *jahiliyah-yatsribiyah* masakini menjadi *adabiyah-diniyah* (peradaban yang beragama, tertib dan indah, berpedoman imani dan ilmu al-Quran dan as-Sunnah), maka janganlah hairan jika dalam dua atau tiga generasi lagi Bangsa Melayu hanya tinggal pada nama sahaja dan legasinya hanya terpapar dalam muzium-muzium sejarah.

Yakni seperti keris yang pernah menjadi simbol kekuatan, kekuasaan dan kedaulatan bangsa tetapi kini hanya sebagai penghias

di ruang-ruang muzium dalam kategori barang-barang antik. Anak-anak Melayu bertukar menjadi John dan James menggantikan nama Ismail dan Abdul Rahman, atau Mary dan Belinda menggantikan nama Maimunah dan Hafsah.

Pada masa itu keluar air mata darah sekalipun sudah tidak berguna lagi kerana generasi Melayu terdahulu sehingga hari ini gagal memecahkan dominasi dan ketuanan sistem-sistem Barat yang berfalsafahkan kufur dan syirik, sesat lagi menyesatkan, dengan sikap yang terang-terang mengalah atau memberi alasan sudah realiti zaman, kalah sebelum berjuang, merealisasikan *self fulfilled prophecy, defeatists attitude!!*

Cukuplah Singapura dan Pulau Pinang sebagai contoh dan iktibar yang nyata. Segala kecanggihan, kemajuan dan kemodenannya sedikitpun tidak menguntungkan, malahan memudaratkan orang-orang Melayu di situ.....

Mungkin kita ada alasan jikalau sekiranya kita tinggal di negeri yang berstatus Kafir Harbi, kerana dalam keadaan demikian kita memang tidak ada kekuatan mahupun keupayaan. Tetapi apakah alasan kita yang dalam negara yang asalnya merupakan Daulah Islamiyyah dalam bentuk kesultanan-kesultanan Melayu, nenek moyang kita turun temurun menjadi tuan dalam negeri sendiri, menjunjung adat dan agama yang luhur selama beratus tahun sehingga ditakdirkan terjajah ketuanan dalam tangan Briish yang pernah menjadi suatu empayar dunia yang besar dan gagah?

Namun kita sudah lama merdeka, kuasa sudah dikembalikan dalam tangan kita walaupun terpaksa menerima realiti masyarakat majmuk yang dipaksakan oeh penjajah British suatu masa dahulu.

Alhamdulillah, sehingga hari ini umat Melayu Islam masih lagi memegang tampuk pemerintahan, majoriti penduduk masih dalam tangan bangsa kita, malahan masih wujud sistem Raja-Raja Perlembagaan yang masih berkuasa walaupun sedikit terhad, maka apakah lagi alasan kita??? Nah, tepuk dada tanyalah iman!!

Semoga Allah SWT memberikan kita pertolongan yang kuat. Ameen.

Intaha

AGENDA SEKULARISASI BRITISH DI TANAH MELAYU

FASA I

LUMPUHKAN INSTITUSI BENDAHARA
(SEBAGAI PENJAGA ADAT RAJA-RAJA MELAYU)



LETAKKAN SISTEM RESIDEN ATAU PENASIHAT INGGERIS



LUMPUHKAN INSTITUSI PEMBESAR MELAYU TRADISI



RAJA KEHILANGAN PENASIHAT & TERAS KEKUATANNYA

FASA II

BUANG ADAT MELAYU
(SALAH SATU DARI DUA SENDI PEMERINTAHAN TRADISI MELAYU)



LETAKKAN MAJLIS NEGERI & AGAMA
(YG DIPEGANG OLEH GOLONGAN SEKULAR LANTIKAN RESIDEN)
Kesannya: Dasar negeri tidak lagi menjunjung adat & syariat



INSTITUSI RAJA-RAJA MELAYU KEHILANGAN PERISIAN HAKIKAT
Kesannya: Lumpuh fungsi dan peranan sebagai tonggak bangsa dan agama

FASA III

LUMPUHKAN TERUS INSTITUSI RAJA-RAJA MELAYU
Kaedah: Ambil tanggungjawab raja-raja sehingga menjadi simbolik semata
Kesannya: Supaya rakyat meminta untuk dilupuskan terus Institusi Beraja



LUPUSKAN INSTITUSI RAJA-RAJA MELAYU
WUJUDKAN GAGASAN MALAYAN UNION
Kesannya: Hilang tonggak bangsa dan agama,
Hilang payung dan tombak Allah atas Bangsa Melayu



GANTIKAN DENGAN SISTEM PRESIDEN DAN NEGARA REPUBLIK



**Hilang Adat, Hilang Agama, Hilang Badan, Hilang Nyawa
Hilang Melayu..... ??**

Empat Fasa Pemerintahan Semenanjung Tanah Melayu

FASA	TIMELINE SEJARAH	CORAK PEMERINTAHAN
FASA PERTAMA Zaman Melayu Melaka	1414 - Sultan Melaka menerima Islam ↓ 1511 - Portugis menjajah Melaka Johor meneruskan warisan Melaka ↓ 1699 - Tragedi Marhum Mangkat Dijulang ↓	Orde Melayu Lama Berpegang pada HUKUM ADAT & HUKUM SYARAK
FASA KEDUA Zaman Melayu Johor	1699 - Bendahara jadi Sultan Johor ↓ 1722 - Elemen Bugis masuk istana Johor - Melanggar adat Raja-Raja Melayu dalam beberapa insiden dan menyebabkan bermulanya proses kelumpuhan Institusi Bendahara ↓ 1770an - Bendahara Johor menjadi Raja Pahang - Meneruskan pemerintahan warisan Melaka ↓	Orde Melayu Lama Berpegang pada HUKUM ADAT & HUKUM SYARAK
Zaman Peralihan (gejolak hebat)	1819 - Johor Lama berpecah dua - Kemunculan bangsawan Orde Melayu Baru di peringkat awal ↓ 1824 - Perjanjian Inggeris-Belanda ↓ 1857 - Perang Bendahara Pahang bermula ↓ 1863 - Perang Bendahara Pahang berakhir	Hukum Adat mula terlerai Orde Melayu Lama vs Orde Melayu Baru

Bersambung

FASA	TIMELINE SEJARAH	CORAK PEMERINTAHAN
Zaman Peralihan (gejolak hebat)	1863 - Terkuburnya Institusi Bendahara warisan Melayu Melaka - British mula aktif campurtangan di Pahang ¹⁴⁴	Orde Melayu Lama vs Orde Melayu Baru
FASA KETIGA Zaman Campurtangan & Penjajahan British	↓ 1874 - Perjanjian Pangkor - Pemisahan agama dan adat dengan urusan pentadbiran ↓ 1895 – Pembentukan negeri-negeri Melayu Bersekutu (sistem Residen Inggeris) (Pahang, Selangor, Perak, Negeri Sembilan) ↓ 1910-1930- Pembentukan negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (sistem Penasihat British) (Kelantan, Johor, Terengganu, Kedah, Perlis) ↓	Orde Melayu Baru Bermulanya agenda sekularisasi British ↓ Pengluasan Sistem Sekular
FASA KEEMPAT	↓ 1957 – Kemerdekaan Tanah Melayu Pemerintahan Sekular-Liberalisme	↓ Orde Melayu Baru

¹⁴⁴ Rujuk buku penulis ; ‘Perang Bendahara Pahang 1857-63 : Pensejarahan Semula, Menelusuri Peranan British’, Karisma Publication, 2007

Bab 23:

Kesultanan Brunei Darussalam: Contoh Kesultanan Melayu Yang Masih Berhakikat

MELAYU ISLAM BERAJA : Gagasan Kesultanan Brunei Darussalam

Kesultanan Brunei merupakan sebuah negara yang telah wujud semenjak zaman Sultan Mohammad dalam tahun 1363-1402M. Corak pemerintahan yang diamalkan turun temurun ialah konsep Melayu Islam Beraja yang merangkumi keseluruhan cara hidup masyarakat Brunei. Bagaimanapun, konsep Melayu Islam Beraja ini hanyalah dirasmikan sebagai falsafah kenegaraan Kesultanan Brunei pada 2hb Januari 1984, iaitu tarikh kemerdekaannya dari penjajahan British.

Gagasan MELAYU ISLAM BERAJA, iaitu doktrin yang dipegang oleh Kesultanan Brunei itu sebenarnya merupakan corak kehidupan yang telah bersebuti dengan kesultanan-kesultanan Melayu di rantau ini sejak zaman berzaman, iaitu disebut sebagai corak pemerintahan tradisi, atau Orde Melayu Lama. Cuma selama ini konsep tersebut tidak diberikan nama sebagaimana falsafah-falsafah kenegaraan yang lain seperti demokrasi, sosialisme, komunisme, fasisme dan sebagainya.

Malangnya dengan berlalunya masa, khususnya di zaman penjajahan British, kepintaran dan kelicikan tipudaya British secara beransur-ansur telah berjaya menyerapkan kefahaman sekularisme ke dalam dasar pentadbiran negeri-negeri Melayu sehingga falsafah Melayu Islam Beraja akhirnya menjadi kabur, dan kini mulai menjadi asing.

Kesultanan Brunei amat beruntung kerana masih mahu mengamalkan corak pemerintahan Melayu tradisi yang penuh berkat itu disamping mengambil sikap menyesuaikan dengan realiti dunia hari ini, iaitu bersikap dinamis, progresif dan tidak statik. Sedangkan apa jua penyesuaian yang dibuat tetap terlingkung dalam batasan konsep Melayu Islam Beraja, iaitu tetap kekal sebagai sebuah negara Melayu, tetap kekal sebagai sebuah negara yang mendaulatkan Agama Islam dengan menurut akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah bermazhab Syafiee, dan tetap kekal dengan pemerintahan raja-raja mutlak.

Falsafah pemerintahan Brunei ini dimasyurkan melalui satu pengisytiharan yang dibuat oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari kemerdekaannya. Perisytiharan tersebut antara lainnya berbunyi ;

".... Adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu wa Ta'ala, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran Ugama Islam menurut Ahlul-Sunnatu Wal Jamaah."

Kesultanan Brunei tidak berselindung dengan pegangannya bahawa Negara Brunei Darussalam sememangnya milik orang Melayu turun temurun, sebagaimana negara lain juga menjadi milik bangsa-bangsa mereka. Adalah suatu hakikat sejarah bahawasanya Brunei dipunyai oleh orang Melayu semenjak beratus tahun lagi dan mengamalkan dasar Melayu Islam Beraja dalam tempuh yang panjang itu. Walaupun negara Brunei mengiktiraf kewujudan bangsa dan agama lain, tetapi ini tidaklah dalam dasar *"Brunei sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa dan berbilang agama dalam amalan resmi negara."*

Dalam lain makna, konsep *multi-racial* dan *multi-religious* bukanlah menjadi pegangan negara Brunei Darussalam, kerana ia mengikat pemerintahan kepada pengamalan sama hak dan sama taraf diantara semua agama dan bangsa untuk diamalkan di peringkat resmi negara (sedangkan sepatutnya hanya Islam bertaraf Hak, Tuan, Tertinggi dan Teratas).

Dasar kerajaan Brunei yang tidak mengikut konsep pengamalan sama hak kepada bangsa dan agama yang lain bukanlah bermakna mereka bersikap 'anti bukan Melayu', 'anti bukan Islam' atau 'Melayu Pelampau'. Hakikatnya sejarah Kesultanan Brunei telah membuktikan bahawa hubungan muhibbah sentiasa terjalin dengan mana-mana bangsa dan agama dalam suasana harmonis, sehingga dimertabatkan pemuka-pemuka masyarakat dari kaum-kaum lain dalam struktur pemerintahan negara.

Cuma sebagai sebuah Daulah Islami yang mendaulatkan Islam serta meletakkan syariat sebagai titik tolak, landasan kerja dan titik penamat dalam dasar dan aktiviti-aktiviti pemerintahan dan rakyat jelata, Brunei hanyalah cuba mematuhi ajaran Islam yang jelas merujuk Islam sebagai satu-satunya agama yang diterima Allah SWT dan tidak boleh diletakkan sama taraf dan sama hak dengan agama

yang lain, terutama dalam konteks amalan resmi negara. Ringkasnya, kepentingan masyarakat bukan Islam tetap terlindung dalam perlembagaan Brunei dalam batas-batas yang digariskan kepada mereka sebagai Kafir Zimmi dalam sebuah negara Islam.

Titah-Titah KDYMM Sultan Brunei Mengenai Konsep MELAYU ISLAM BERAJA

Marilah sama-sama kita menghayati titah-titah DYMM Sultan Haji Hassanah Bolkuah berkaitan dengan dasar dan konsep Melayu Islam Beraja ini, dan yang berkaitan dengan dasar-dasar pentadbiran negara selaras dengan falsafah pemerintahan seperti yang tersebut itu. Titah-titah tersebut dapat mencerminkan kemurniaan konsep Melayu Islam Beraja ini serta dinamisme dan ketahanan dasar tersebut yang mampu diubahsuaikan mengikut realiti dunia masa kini.

Mudah-mudahan sebagai ahli dalam keluarga besar Bangsa Melayu, kita dapat menghayati sebaik mungkin titah-titah baginda itu yang sebenarnya memberikan kesinambungan kepada idealisma dan pegangan leluhur kita, disamping mengambil iktibar daripadanya, InsyaAllah.

Mengenai konsep Melayu Islam Beraja

" Konsep ini bukanlah baru, tetapi sudah lahir semenjak beberapa abad lagi. Ianya tidak lebih dari menunjukkan bentuk dan corak Kerajaan Brunei Darussalam yang tulen; Kerajaan Melayu Islam yang Bersultan atau Beraja."

"umpama pakaian, bahawa yang memakai itu ialah kita sendiri, tubuh badan kita, di mana saiz dan fesyennya mestilah yang sepadan atau bertepatan dengan ukuran dan kehendak kita juga"

Mengenai konsep Melayu

" Sebagai Bangsa Melayu, kewajipan kita memelayukan segala tingkah laku dan perangai kita dengan sopan santun hormat menghormati, kasih sayang terhadap kanak-kanak, belas kasihan kepada orang-orang lemah dan orang-orang tua."

" Kemudian sifat-sifat kemelayuan Brunei itu tergambar atau terpapar pula pada pakaiannya, pada cara pergaulannya, cara berfikir dan bertindaknya....Kita orang-orang Melayu dan orang-orang Islam, adalah dikehendaki supaya beradab dan berakhlak dengan akhlak

Melayu dan Islam"

" Bahasa Melayu itu adalah satu-satunya alat perpaduan kita yang paling efektif. Tanpa bahasa ini kita tentunya tidak akan dikenali sebagai satu bangsa yang berdaulat lagi mempunyai identiti."

Mengenai Islam dan Negara Islam

" Bahawa kita ini adalah benar-benar terlibat dengan Islam, bukan Islam sambil lewa, atau Islam ambil lepas, tetapi Islam yang benar-benar mantap dan rakat di hati dan jiwa, Islam yang ikhlas, yang diadun dengan sifat amanah serta niat semata-mata kerana Allah jua. Bahawa yang besar mesti kita besarkan, yang agung mestilah kita agungkan dengan seberapa daya upaya kita. Kita tidak mengira apapun bendanya, selama benda itu berkaitan dengan Islam, maka adalah menjadi kewajipan kita membesarkannya."

" Daripada akidah yang betul segala-galanya juga akan turut betul. Orang yang akidahnya lurus akan mengurus dirinya dengan lurus pula. Hatta daripada dirinya sendiri yang lurus, sampailah membawa pekerjaannya, urusannya, pentadbirannya dan hubungannya dengan Allah dan juga dengan sesama manusia adalah lurus dan betul belaka. "

"...ianya memanglah benih asli yang sudah sedia wujud dan telah ditakdirkan oleh Allah SWT untuk Brunei Darussalam. Daripadanyalah akan terpancar segala kebajikan yang telah kita perlukan. Dia adalah panduan dan tata negara kita ... yang meletakkan kita di barisan negara-negara bukan sekular yang mempunyai identiti dan imej tersendiri yang teguh."

Pendekatan dakwah

"*approach* hendaklah jelas mengenai dengan apakah itu konsep ibadat, supaya semua orang tidak lagi terkecuali dengannya."

"...mustahak diberitahu, bahawa bukan duduk di masjid sahaja dinamakan ibadat, tetapi juga bekerja di pejabat, berpanas dan berhujan di ladang atau di kebun, belajar ilmu-ilmu mempertahankan diri yang tidak bercampur dengan maksiat dan lain-lain lagi, semua itu juga boleh menjadi ibadat, jika niatnya untuk kebajikan. "

".....Al Quran juga ada menyebutkan mengenai beberapa ketetapan hukum bagi setengah-setengah perbuatan seperti zina, judi,

menilik nasib, membuka aurat dan makan riba, dan juga setengah-setengah benda seperti arak, bangkai atau daging yang tidak disembelih, darah dan lain-lain lagi. ”

“ Semua ini, selain dari memerlukan penekanan kita tentang azab yang akan menimpa pelaku-pelakunya, juga mustahak sekali ialah kajian dan huraian ilmiah mengenai dengan hikmah `tasyrik', atau dengan cara yang bersungguh-sungguh dan mendalam, maka Beta yakin kesannya tentulah lebih ramai orang Islam yang akan meninggalkan perbuatan keji dan mungkar itu.”

Mengenai konsep Beraja

" Beraja ... adalah menunjukkan kepada kerajaan yang Bersultan atau Beraja ... Hal ini terjadi bukanlah dari usaha dan ciptaan kita, tetapi ialah kehendak daripada Allah. Kita tidak boleh tanya mengapa, tetapi patut bersyukur dan sambil itu berbuat sesuatu untuk kemantapan dan ketahanannya."

" bagi kita hubungan Raja dengan rakyat bukanlah semata-mata berasaskan tradisi antara yang memerintah dengan yang diperintah, tetapi jua dijalin oleh tanggungjawab secara timbal balik, dalam makna sama-sama menunaikan amanah Allah Ta'ala menurut batas-batas yang diredhaiNya."

Mengenai pertahanan negara

" Beta penuh yakin bahawa faktor iman itu adalah amat penting di dalam pertahanan umat. Umat yang beriman akan mendapat berkat dan pertolongan Allah. Umat yang beriman akan menjadi kuat walaupun di tangan mereka kurang senjata-senjata yang canggih."

" Menyebut tentang kehebatan dan ketahanan ini, tidaklah memadai dengan kita memilikiperalatan moden dan canggih semata-mata. Tetapi lebih awal dipentingkan ialah, daya kepimpinan yang bijaksana yang berteraskan iman dan taqwa kepada Allah, sebab yang menggerakkan segala-galanya itu ialah Allah jua, Yang Maha Berkuasa lagi Maha Berkehendak."

" Ingatlah, bahawa bukanlah masanya sekarang untuk kita bermimpi di siang hari, tetapi untuk bekerja lebih keras, berazam dan banyak bertawakkal kepada Allah sambil meningkatkan taqwa kepadaNya. Kerana selaku pelindung keamanan itu, tidaklah cukup dengan berbekalkan senjata di tangan semata-mata, tetapi lebih-lebih lagi pentingnya ialah pertahanan di hati, iaitu semangat, keikhlasan,

keberanian, sifat amanah dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara dan Raja.”

Mengenai dasar luar negara

"...Dasar yang kita jalankan di luar negara ialah dasar tuan sama tuan, dasar bersahabat dan duduk semeja, bukan dasar memperjudikan kepentingan-kepentingan nasional dan negara"

Mengenai hal ehwal dalam negara

"...Perkara-perkara yang tidak elok dan bercanggah itu merupakan kuman penyakit, jika ia diberi kesempatan hidup, lama-lama pasti membiak pula dan membinasakan. Jadi sebelum apa-apa yang terjadi, kita mesti memasang benteng dan kubu mencegahnya. InsyaAllah kita akan selamat dan negara juga selamat."

"Begitu juga adalah penting untuk berwaspada pada mengambil perhatian berat terhadap pendatang-pendatang haram dan anasir-anasir yang ingin menyebarkan diayah-diayah palsu yang tidak bertanggungjawab bagi menggugat keamanan dan ketenteraman negara"

Mengenai pendidikan

" Sistem pendidikan kita bukan sahaja menjurus kepada pembinaan tenaga manusia, dalam erti sebagai alat untuk memperolehi kelulusan dan pekerjaan semata-mata, tetapi yang lebih penting ialah sebagai alat membina manusia yang sempurna atau Al-Insanul Kamil."

" Falsafah pendidikan kita hendaklah mengutamakan keimanan, disamping tidak menolak segala unsur moden. Kita akan menerimanya selama ia baik dan tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip keimanan."

" Kita mustahak memilih dan menapis mana-mana yang baik dan selamat untuk kita. Tegasnya kita tidak akan mengambil bulat-bulat secara membuta tuli, dengan harapan supaya kita dianggap moden. Sikap ini tidaklah menguntungkan, malahan mungkin membahayakan."

"...Dalam era pembangunan sekarang.... mustahak menumpukan usaha ke arah menyepadukan antara ilmu, keimanan dan amal salih itu sebagai teras pembangunan manusia dan negara. Sebab pada hemat Beta, adalah tidak memadai untuk membangun semata-mata dengan sains dan teknologi yang kosong daripada tauhid. Oleh kerana

pembangunan yang kosong daripada tauhidlah maka dunia ini tidak habis-habis dirundung malang, yang diakibatkan tangan-tangan manusia sendiri, yang tidak jujur dan ikhlas dalam karya mereka, yang kadang-kadang digunakan untuk memperdaya dan bahkan menzalimi sesama manusia. Berbeza dengan sains dan teknologi yang berintikan tauhid akan dapat menolong menyelamatkan dunia ini daripada terns menerus terdorong kepada kebinasaan dan kehancurannya. Dan maka atas asas inilah, pendidikan sekular itu tidak boleh menelan atau mengatasi pendidikan ugama"

Mengenai perundangan

"...Ugama Islam adalah jaminan keselamatan untuk semua, yang tidak mengira apa jua warna kulit atau kaum. Ia juga telah berjaya pada menyediakan landasan yang kukuh lagi kuat untuk pembentukan Negara Brunei Darussalam yang bahagia lagi sejahtera dengan segala isi dalamnya sejajar dengan kedudukannya sebagai agama rasmi negara, maka kerajaan adalah sedang mengusahakan penyelarasan undang-undang negara dengan kehendak-kehendak ajaran-ajaran Islam itu."

"Kita adalah benar-benar serius melaksanakan ajaran-ajaran Al-Quran bagi kebahagiaan masyarakat dan bangsa kita....dalam bidang perundangan, usaha-usaha sedang rancak dibuat bagi menyesuaikan sistem perundangan yang kita pakai selama ini dengan sistem perundangan Islam. Cuma bagi perlaksanaannya kita akan melakukannya secara berperingkat-peringkat, sesuai dengan keupayaan yang ada."

Mengenai ekonomi

" Kita sedar bahawa kemajuan negara, sebahagiannya itu adalah dibentuk melalui amalan sistem ekonomi dan perdagangan yang bersih dan adil, yang sunyi daripada sebarang penindasan dan penipuan. Diantara langkah untuk menghindarkan diri daripada penindasan itu ialah dengan mengadakan urusanniaga atau muamalah secara redha sama redha dengan menolak sebarang amalan berbentuk riba atau interest....ini merupakan vision atau wawasan yang jauh ... bahawa kita adalah benar-benar istiqamah dan bersungguh-sungguh untuk melaksanakan peraturan-peraturan Islam itu di Negara Brunei Darussalam ini. "

Mengenai kesihatan

"Serentak dengan kita memerlukan bahan makanan yang mencukupi, maka di zaman ini juga kita sedang menghadapi beberapa

wabak penyakit ganjil yang memeningkan kepala. Dalam keadaan yang memeningkan ini, apakah tidak wajar misalnya, kita mengambil langkah merujuk dan mengkaji beberapa ayat Syifaa' yakni Ayat-Ayat Penyembuh yang terdapat dalam Al-Quran, bagi bacaan dan amalan orang ramai. Kerana Allah sendiri pun terang-terang telah mengakui bahawa diturunkanNya Al-Quran itu ialah sebagai ubat dan rahmat bagi orang-orang yang beriman"

Mengenai sejarah dan survival bangsa

" ...Beta yakin bahawa faktor sejarah sangat banyak memainkan peranan untuk menyelesaikan pelbagai masalah kita dan negara. Sebab itulah ia perlu dipelihara dengan tidak mengira samada kecil atau besar. Jika tanpa usaha untuk memelihara dan menyimpan sejarah, lama kelamaan ia akan berkubur begitu sahaja. Bangsa yang tidak mempunyai sejarah adalah bangsa yang merempat dan miskin."

"...kita selaku bangsa yang ingin terus hidup dengan mempunyai sejarahnya yang panjang, maka mustahaklah bagi kita memiliki ciri-ciri kesedaran nasional yang tulen serta sifat-sifat kepahlawanan yang sejati, demi memelihara dan mempertahankan negara ini dari apa jua bahaya yang cuba didatangkan oleh sebarang anasir jahat, yang ingin menggugat keamanan dan kedaulatan negara.... Beta berharap Brunei Darussalam akan terus selamat, sebagai negara yang satu-satunya tempat kita meneruskan usaha-usaha yang berkebijakan. Kerananya kita bekerja keras untuk menghasilkan apa-apa sahaja yang baik bagi kelangsungan atau survival bangsa."

Jasa Sultan Brunei Yang Terbesar Kepada Rakyat Baginda

Al-Marhum Sultan Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien pernah menghalusi makna **`nasihat'**, **`perintah'** dan **'hasutan'** dalam perjanjian Brunei dengan Great Britain yang dibuat dalam tahun 1905-1906M. Dalam satu perbualan dengan Residen British, makna `nasihat' dan `hasutan' telah ditanyakan oleh baginda kepadanya¹⁴⁵. Jawapan yang diberikan ialah; Bahawa maksud `nasihat' itu ialah apa juga cadangan yang baik kepada orang yang dinasihati. Tetapi sebaliknya cadangan yang tidak baik bermakna 'hasutan'.

Dengan penjelasan tafsiran ini, Sultan Omar telah menggunakannya sebagai senjata ampuh untuk memperjuangkan nasib

¹⁴⁵ Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr Hj Awang Mohd Jamil Al Sufri, *Likuli perjuangan pencapaian kemerdekaan negara Brunei Darussalam, 1992, h1m 38*

rakyat dan kesultanan baginda di bawah penjajahan British. Kebijaksanaan baginda memerangkap Residen British dalam *word playnya* telah dengan sendirinya menyebabkan peranan dan kuasa Residen British menjadi terhad kerana Sultan hanya akan mengikut 'nasihat' Residen tertakluk kepada kepentingan negara dan rakyat Brunei. Dengan demikian tiap sesuatu dasar yang hendak dilaksanakan, Sultan Omar menuntut untuk dipersembahkan kepada baginda terlebih dahulu bagi pertimbangan samada ianya termasuk dalam kategori 'nasihat', 'perintah' atau 'hasutan'.

Sistem politik tipudaya yang tidak telus dan tulus, yang 'subur dalam kabur' tidak diberi muka langsung oleh Sultan Omar untuk mencemarkan kedaulatan kesultanan baginda. Dengan memegang pada prinsip **tegas, telus** dan **tulus**, Sultan Brunei telah dapat melaksanakan mandat Allah atas baginda sebagai tonggak bangsa dan agama yang bermaruah bagi rakyat Brunei.

Kunci Kekuatan Kesultanan Brunei Darussalam

Kesultanan Brunei bukan tidak pernah melalui saat-saat yang mendebarkan seperti perjuangan menentang usaha kristianisasi Sepanyol, ancaman penjajahan James Brook, British, pemberontakan yang cuba menggulingkan pemerintahan beraja dan sebagainya.

Bagaimanapun Negara Brunei Darussalam merupakan suatu *'living proof* atau bukti hidup bahawasanya corak pemerintahan tradisi Bangsa Melayu yang kuat berpegang pada HUKUM ADAT dan SYARAK masih tetap boleh dibawa kepada kehidupan masakini, iaitu boleh dijadikan satu falsafah kenegaraan yang dinamis, kuat dan tahan lasak untuk dilambung ombak badai dan gelombang. Kesultanan Brunei amat beruntung kerana masih tetap memegang Institusi Raja-Raja Melayu yang berhakikat, berkesan dan tetap terlingkung dalam corak pemerintahan yang mendapat jaminan payung perlindungan dari Allah SWT sendiri, berbanding dengan falsafah kenegaraan yang lain.

Jika doktrin yang batil-batil seperti demokrasi ala barat, komunisme, sosialisme, kapitalisme dan sebagainya itu tetap mempunyai pengikutnya dan masih terus dipertahankan walau jelas terdapat kesan yang memudaratkan negara yang mengamalkan doktrin-doktrin tersebut, mengapa pula konsep Melayu Islam Beraja yang telus, tulus dan terbukti pernah dan masih mampu mendaulatkan kesultanan-kesultanan Melayu, membawanya kepada era kecemerlangan bangsa dan tetap tidak lapuk dek zaman, tidak boleh menjadi alternatif kepada Bangsa Melayu hari ini?? Fikirkanlah.....

TUGAS RAJA YANG PERTAMA DAN UTAMA: SEBAGAI TONGGAK AQIDAH UMAT ISLAM

“ Pegawai Kerajaan adalah wakil bagi pihak Raja bagi menjaga muslihat Negara Brunei Darussalam, orang Islam Brunei dan Agama Islam.

Menjaga muslihat Negara dan orang Islam dan Agama Islam tidaklah dapat diabai-abaikan atau dipermudahkan, kerana dengan diabai-abaikan atau dipermudahkan samada secara langsung atau tidak langsung, akan melemahkan Agama Islam dan orang Islam dalam Negara Brunei Darussalam.

Sekiranya dibiarkan orang bukan Islam mengembangkan agama kufur dengan hujjah kebebasan beragama, adalah SALAH DI SISI PERLEMBAGAAN (BRUNEI), kerana perlembagaan membenarkan orang bukan Islam beragama dengan agama mereka, bukan mengembangkan agama kufur itu kepada orang kafir atau kepada orang Islam.

ISLAM TIDAK MEMBENARKAN ORANG BUKAN ISLAM MENGEMBANGKAN AGAMA KUFUR ITU KEPADA ORANG BUKAN ISLAM ATAU KEPADA ORANG ISLAM, KERANA KUFUR ITU MEMANG SALAH DAN BATIL DAN DOSA PADA PANDANGAN ISLAM.

Segala Agama Allah yang dibawa oleh Rasul-Rasul sebelum Agama Islam semuanya Agama Allah itu membatalkan kufur dan menyeru kepada mengEsakan Allah Ta’ala.”

**Petikan Ucapan
Manta Mufti Negara Brunei Darussalam
Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Hj Awang Ismail bin Umar Abdul Aziz**

BIBLIOGRAFI

Imam Habib Abdullah Haddad, *Peringatan Tentang Umur Insan* (terjemahan Syed Ahmad Semait), Pustaka Nasional, Singapura, 2002

Syeikh Abdul Qadir al-Jailani, *Rahasia Sufi*, terjemahan oleh Abdul Majid Hj Khatib, ditahkik dan ditulis semula oleh Syed Ahmad Semait, Pustaka Nasional Pte Ltd, Singapura, 2004

Ibnu Qayyim al Jauziyah, (*Taman Orang-Orang*) *Cinta dan Rindu Menurut Al Quran dan Al Sunnah*, Albaz Publisihing & Dist Sdn Bhd, 2003

Syeikh Abul Hassan Ali An-Nadwi (terjemahan: Yunus Ali Al-Mudhor), *Kehidupan Nabi Muhammad SAW & Amirul Mukminin Ali bin Abi Thalib*, 1992

Ibnu- Naqib Al-Misri, *Al-Umdat Was-Salik* (terjemahan Inggeris), 1994

Sulaiman Noordin, '*Sejarah Pemikiran, Sumber Ilmu, Perbandingan Ideologi dan Orde Baru Dunia*', UKM, 1999

Ralph Epperson, '*The Unseen Hand*', Arizona USA: Publius Press, 1985,

Ummu Muhammad, (terjemahan Bahasa Malaysia) '*Protokol-Protokol Mesyuarat Para Ilmuan Zionis Dengan Prakata dan Nota-Nota Penjelasan*', diterjemahkan dari teks Bahasa Russia ke Bahasa Inggeris oleh Victor E. Marsden, bekas wartawan Akhbar Russia 'The Morning Post', 1934

Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Hj Awang Mohd Jamil Al Sufri, *Perlaksanaan Dasar Negara; Melayu Islam Beraja*, 1996

Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz Hj Md Zain Haji Serudin, *Melayu Islam Beraja; Suatu Pendekatan*, 1998

Tengku Luckman Sinar, *Jati diri Melayu, Pengajian Sastera dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru*, editor Hasyim Awang AR, Zahir Ahmad, Zainal Abidin Borhan, 1998

Pehin Udana Khatib Dato Paduka Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, 1989. *Keberkesanan ke arah penerapan konsep Melayu Islam Beraja di dalam struktur kerajaan dan negara.* Kertas kerja dalam Kursus Kepimpinan Mahasiswa, Universiti Brunei Darussalam, Mac 1989

Syeikh Al-Imam Abu Hassan Al-Mawardi, *Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Wa Al-Wilayah Al-Diniyyah* Ibnu Khaldun, *Mukaddimah Ibnu Khaldun*, 2002

Auni Abdullah, *Islam dan Sejarah Politik & Pemerintahan Alam Melayu*, 1991

Kertas-Kerja Seminar Adat Melayu Serantau/Serumpun, 9-11 September 1996, anjuran Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM)

HMH Al-Hamid Al-Husseini, *Mengenal Ahlul-Bait Rasulullah SAW*, 1998

(Tun) Suzana (Tun) Hj Othman, *Institusi Bendahara: Permata Melayu Yang Hilang*, 2002

Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad & (Tun) Suzana (Tun) Hj Othman, *Ahlul-Bait Rasulullah SAW & Kesultanan Melayu*, 2007

Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad & (Tun) Suzana (Tun) Hj Othman, *Sesungguhnya Tuhan Kamu Tidak Bermata Satu*, Crescent News KL 2007

Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad & (Tun) Suzana (Tun) Hj Othman, *Dunia di Ambang Kiamat*, Crescent News KL, 2008

BIODATA PENGARANG



(Tun) Suzana (Tun) Hj Othman lahir di Singapura pada 28hb November 1965M. Anak ke-tiga kepada Al-Marhum Ayahnda (Tun) Hj. Othman, atau Hj M.Osman dan Bonda Hjh Moliانا Afida. Ayahndanya adalah cicit kepada Raja Bendahara Seri Maharaja Tun Abdul Rahman (Tun Aman) ibni Raja Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir Tun Ali, pemerintah negeri Pahang bagi tahun 1847-1863M. Pernah bersekolah di Bukit Bintang Girls School dan Sek. Men. Sains Selangor. Melanjutkan pelajaran di Australian National University, Canberra, Australia dan mendapat ijazah dalam bidang Ekonomi. Telah mengunjungi berbagai negara di dunia seperti Australia, United Kingdom, Arab Saudi, South Africa, Yemen (Hadhramaut), UAE dan negara-negara Asean bersama keluarganya.

Beliau dan suaminya Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad merupakan ahli Persatuan Sejarah Malaysia, cawangan negeri Johor. Pasangan suami isteri ini mengambil inisiatif sendiri untuk mengkaji secara mendalam salasilah Raja-Raja Melayu, khususnya yang berkaitan dengan zuriat Nabi Muhammad SAW. Mereka juga banyak membuat kajian mengenai sejarah kesultanan negeri Melaka, Johor dan Pahang, khususnya yang berkaitan dengan pemerintahan raja-raja dan keluarga bendaharanya. Hasil pengkajian mereka telah dibukukan, selain ditulis dalam monograf sejarah serta kertas kerja. Antara karangan (Tun) Suzana dan suaminya yang telah diterbitkan ialah :

- I. Ahlul-Bait Rasulullah SAW dan Kesultanan Melayu
- II. Mencari Sejarah; Tun Mutahir Tun Ali, Bendahara Seri Maharaja Pahang (1857-1863M)
- III. Institusi Bendahara; Permata Melayu yang Hilang
- IV. Melayu Islam Beraja : Menggali Hakikat Leluhur
- V. 110 Soal Jawab Melayu Islam Beraja
- VI. Ahlul-Bait Rasulullah SAW, Dinasti Melayu dan Akhir Zaman
- VII. Siri Kiamat Hampir Menjelang (4 jilid)
- VIII. Sesungguhnya Tuhan Kamu Tidak Bermata Satu
- IX. Perang Bendahara Pahang: Menelusuri Peranan British
- X . Tun Seri Lanang :Sejarah dan Warisan Tokoh Melayu Tradisional

Buku *'Ahlul-Bait Rasulullah SAW dan Raja-Raja Melayu'* telah dilancarkan oleh YB Tan Sri Datuk Wira Hj Abdul Aziz bin Tapa sebagai wakil TYT Yang Dipertua negeri Melaka dalam Majlis Amal Diraja Bersama Rakyat pada tahun 29hb Mei 2004. Sementara buku *'Mencari Sejarah Tun Mutahir'* telah dilancarkan di Johor Bharu pada 25hb Ogos 2001 dan diseminarkan dalam Seminar Sejarah *Geneologi Malaysia* di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya pada 30hb Januari 2003.

Walaupun dalam zaman sekarang Khalifah Islamiyyah sudah tidak wujud lagi yang menyebabkan semua umat Islam berdosa kerananya (perlantikan Khalifah hukumnya Fardhu Kifayah), namun kita tidak boleh jadikannya alasan untuk tidak berusaha mengembalikan warisan Khulafa' ar-Rasyidin setakat kemampuan kita.

Apatah lagi kita masih mempunyai legasi pemerintahan Raja-Raja Isfam sebagai sub-sistem atau unit-unit dari rangkaian_ Khalifah Islamiyyah semenjak turun temurun. Dan Rasulullah SAW sendiri telah mengisytiharkan bahawa Khalifah Islamiyyah akan wujud kembali. Maka itulah yang seharusnya menjadi wawasan dan harapan kita walaupun secara tepatnya masa tersebut bukan dalam pengetahuan kita.

Kita bukan minta untuk dibuang serta-merta sistem politik demokrasi sekular legasi era penjajahan British yang amat memudaratkan itu, tetapi diambil ikhtiar untuk menyelaraskannya peringkat demi peringkat dengan konsep pemerintahan umat Islam yang sebenar, yakni dengan meletakkan Institusi Raja-Raja Melayu sebagai tonggak paling atas yang menyempurnakan dasar negara berasaskan konsep Tauhid, sesuai dengan fungsinya sebagai penerus Rasulullah SAW dalam hal-ehwal pentadbiran duniawi dan ukhrawi umat Islam di negara kita yang tercinta ini.

Judul 'Ketuanan Islam & Pertuanan Raja-Raja Melayu' dengan-topik kecilnya 'Lintasan Sejarah Gagasan MELAYU ISLAM BERAJA' ini dibuat sebagai suatu ikhtiar untuk mengupas gagasan MELAYU ISLAM BERAJA dalam hubungkaitnya dengan perjaianan sejarah bangsa Melayu-Islam yang hampir berumur 600 tahun itu.

Sesungguhnya gagasan MELAYU ISLAM BERAJA tetap relevan dalam konteks kehidupan bangsa Melayu hari ini, malahan akan menjadi semakin relevan di zaman-zaman mendatang, kerana ia selari dengan konsep pemerintahan Islam yang sebenar sebagai sub-sistem kepada Khilafah Islamiyah yang bakal kembali lagi, dan ia amat sesuai dengan tuntutan fitrah dan kejiwaan bangsa kita.

Semoga judul ini dapat: mencetuskan kesedaran dan semangat untuk bangsa Melayu kembali kepada fitrah leluhurnya, memulihkan ketuanan Islam dan pertuanan Raja-Raja Melayu sebagai satu-satunya formula yang berupaya membawa bangsa kita kembali kepada era Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.

